

PENYATA RASMI

DEWAN NEGERI PAHANG

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
15, 16, 17, 18 & 19 APRIL 2019

DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5151442
E-MEL: dun@pahang.gov.my

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
15, 16, 17, 18 & 19 APRIL 2019



PEJABAT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI PERTAMA
15 APRIL 2019 (ISNIN)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA - 15 APRIL 2019 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	**KEHADIRAN**	**i - iv**
2	**DOA**	**1**
3	**MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT** - **MESYUARAT KE-3 PENGGAL PERTAMA DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**	**1**
4	**TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG**	**2**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Pertama : 15 April 2019 (Isnin)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, - **Batu Talam**
DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DIMP., AMP., AMN., PKT.
Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia

Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah,
DSAP., DIMP. - **Pulau Tawar**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, - **Lepar**
AMP., PKC.
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, - **Pelangai**
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, - **Dong**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, - **Inderapura**
SSAP., DSAP., DIMP., AMP.

Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun, - **Chini**
DIMP., SMP.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, - **Jenderak**
SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK.
(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, - **Kemayan**
DIMP., SMP.

Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, - **Sungai Lembing**
DIMP., AMP.

Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, - **Pulau Manis**
DIMP.

Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, - **Padang Tengku**
DIMP.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, - **Peramu Jaya**
SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, - **Kuala Semantan**
DIMP.

Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama (Isnin)	:	15 April 2019
Bersamaan	:	9 Sya'ban 1440 Hijriah
Masa	:	9.45 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan Al-Quran]. [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Keempat Belas pada 19, 21, 22 dan 23 November 2018 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas pada 19, 21, 22 dan 23 November 2018 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalannya ialah suatu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas pada 19, 21, 22 dan 23 November 2018 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Perkara 29 Bab 4 Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Titah Diraja. Oleh yang demikian saya mohon izin untuk mengadap merafak sembah mempersilakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat masuk bersemayam di Dewan ini. Dengan ini saya menempohkan Dewan ini sebentar.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun, patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat. Perkara ke-3, Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

TITAH DIRAJA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

[Ayat Al-Quran] Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat saya berangkat dan melafazkan Titah Diraja dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada pagi yang berbahagia ini.

Terlebih dahulu, saya sukacita menyampaikan salam takzim daripada Seri Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Seri Paduka Bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong dan Seri Paduka Nenda saya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah.

Saya berasa amat besar hati dengan komitmen dan rasa tanggungjawab Ahli-ahli Dewan yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan, dengan memberikan

pandangan kritis yang boleh meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negeri saya. Saya menyeru agar Ahli-ahli Dewan berbahaslah secara rasional dan berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan.

Sudah lama dilambung ombak,
Dihempas badai hingga ke pantai,
Berhujah berbahas bahasa yang elok,
Rakyat di luar sentiasa menilai.

Tasik Chini sejarah terpahat,
Kota lama di zaman purba,
Pembangunan negeri diambil berat,
Kesejahteraan rakyat sentiasa dibela.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan atas persediaan yang rapi dalam mengendalikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang ini.

Kepada orang tua saya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, saya mengucapkan tahniah dan syabas atas penerajuan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang secara telus dan adil. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Ketua-ketua Jabatan yang membantu menyalurkan maklumat-maklumat yang tepat dan berintegriti pada setiap kali perbahasan Dewan berlangsung.

Menepati kata bidalan; kalau memilih tempat mandi, pertama telok, kedua pantai, kalau memilih pemimpin negeri, pertama elok, kedua pandai.

1. Prestasi Ekonomi dan Pembangunan Negeri.

Saya gembira dengan pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur yang terus ke arah pembangunan positif pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 7.8% berbanding 2.0% pada tahun 2016. Saya juga dimaklumkan bahawa, bagi tahun 2018 ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 4.7%.

Saya sedia maklum bahawa, Kerajaan Persekutuan meneruskan agenda pembangunan dengan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ke-11 secara *rolling plan* dan sekarang telah memasuki pelaksanaan *rolling plan* keempat. Saya berasa amat sukacita dengan prestasi pelaksanaan projek pembangunan di bawah *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu sejulah... sejumlah RM1.39 bilion telah dibelanjakan bagi melaksanakan 297 projek di negeri Pahang. Bagi tahun ini, kita telah memasuki *rolling plan* Keempat Rancangan Malaysia Ke-11 dan saya dimaklumkan bahawa negeri Pahang telah diperuntukkan RM1.8 bilion untuk melaksanakan 291 projek. Saya berharap Rancangan Malaysia Ke-11 dapat diteruskan dengan projek-projek yang memberikan impak terus kepada keperluan rakyat.

Adalah menjadi harapan saya supaya aspek integriti dan tadbir urus yang terbaik perlu diamalkan dalam menjayakan semua perancangan pembangunan dan dasar negara serta negeri. Kerajaan saya akan sentiasa memberi sokongan atas usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan berharap ianya akan meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan seterusnya negeri Pahang.

2. Sektor Pertanian Terus Diutamakan

Saya menaruh harapan yang tinggi terhadap sektor pertanian dan penternakan agar dapat terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri saya. Ini selaras dengan pencapaian yang ditunjukkan pada tahun 2017. Sektor ini merekodkan pertumbuhan sebanyak 12% berbanding prestasi negatif 6.2% pada tahun 2016.

Saya juga berasa sukacita apabila dikhabarkan negeri saya berpotensi untuk menjadi sebuah negeri pengeluar makanan hasilan ternakan yang utama di Malaysia. Ini terbukti apabila sektor ternakan pada tahun 2018 telah menyumbang kepada nilai pengeluaran berjumlah hampir RM1.5 bilion.

Saya berharap semua pihak berganding bahu dalam memastikan sektor pertanian dan ternakan terus berkembang dan negeri Pahang menjadi negeri pengeluar makanan utama negara. Justeru itu, sektor ini memerlukan perancangan teliti dan memerlukan strategi pelaksanaan digubal mengikut perkembangan industri semasa supaya dapat menyumbang kepada peratusan yang lebih besar kepada kadar pertumbuhan ekonomi negeri Pahang.

Walau bagi… bagaimanapun, saya memahami kerisauan segelintir rakyat, para pekebun kecil di negeri ini yang bergantung kepada hasil pertanian kelapa sawit bagi kelangsungan hidup. Sehubungan itu, saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat meningkatkan usaha bagi membantu dalam meringankan beban golongan ini ekoran kejatuhan harga komoditi tersebut di pasaran antarabangsa sejak mutakhir ini.

3. Dasar Mesra Pelabur Dipergiatkan

Saya berasa sukacita negeri bertuah ini merupakan sebahagian daripada Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mendapat manfaat dalam menarik pelabur dengan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi serta pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

Saya difahamkan pelaksanaan projek perluasan pelak… Pelabuhan Kuantan sedang giat dijalankan dan dijangka memberi impak yang padu kepada penjanaan ekonomi negeri Pahang seterusnya merancakkan lagi aktiviti ekonomi apabila ia beroperasi sepenuhnya kelak.

Adalah menjadi harapan saya supaya negeri Pahang terus berkembang ke arah negeri berdaya maju dengan peningkatan pelaburan dalaman dan asing yang berterusan untuk pembangunan ekonomi negeri dalam mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat disamping melahirkan kesan putaran ekonomi.

4. Peningkatan Hasil Melalui Inisiatif-inisiatif Baharu.

Saya berasa bangga atas tindakan Kerajaan Negeri yang mengambil pendekatan strategik melalui agensi-agensi pemungut hasil dalam peningkatan kutipan hasil negeri. Saya juga maklum dengan pendekatan yang lebih agresif turut dilaksanakan dalam meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan hasil tanah, hasil hutan dan hasil air selain meneroka sumber-sumber baharu. Saya berharap usaha-usaha menutup lubang-lubang ketirisan hasil demi memastikan penjanaan hasil yang optimum terhadap negeri saya turut perlu dipentingkatkan… dipertingkatkan.

Saya amat berpuas hati dengan kutipan hasil negeri Pahang bagi suku tahun pertama 2019 yang telah menjana sebanyak RM120 juta berbanding tempoh sama pada tahun 2018 sebanyak RM101 juta sahaja. Justeru, saya berpesan dengan peningkatan hasil ini, perancangan pembangunan yang lebih berkesan dapat diatur secara berhemah seterusnya memberi manfaat kepada rakyat saya.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT susulan Kerajaan Persekutuan secara dasarnya telah bersetuju untuk membuat pembayaran agihan sebanyak 50% daripada kutipan hasil cukai pelancongan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang akan disalurkan bermula pada tahun ini. Saya percaya hasil kutipan cukai ini akan dimanfaatkan dalam memajukan lagi sektor pelancongan di negeri bertuah ini dengan aktiviti pemuliharaan, menaiktaraf, menyelenggara serta meningkatkan lagi kemudahan *infrastructure* pelancongan.

Industri teknologi maklumat dan digital adalah sektor ekonomi yang terus berkembang pesat. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya supaya Kerajaan Negeri Pahang tidak hanya bergantung kepada hasil bumi tetapi melihat kepada peluang-peluang menjana pendapatan melalui sektor ini. Dalam memacu negeri Pahang ke arah ekonomi digital dalam dunia tanpa sempadan ini, pembangunan pesat perlu digerakkan dalam mewujudkan jaringan maklumat yang pantas dan canggih menerusi prasarana teknologi maklumat dan komunikasi yang moden dan terkini supaya selari dengan revolusi perindustrian ke-4.

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pahang atas penubuhan Pahang Go yang akan menjadi O*ne Stop Centre* kepada aplikasi perkhidmatan *digital* dan *online* seperti sistem parkir secara *online*, aplikasi e-pembayaran melibatkan hasil pungutan kerajaan, kompaun dan kutipan caj-caj utiliti serta sistem aduan rakyat secara dalam talian. Saya turut gembira dengan berita penubuhan Pahang Corporations yang bakal beroperasi bermula Jun 2019. Saya difahamkan bahawa Pahang Corporations ini akan menjadi agensi penyelaras bagi memperkemaskan operasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang melibatkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan perkongsian seperti khidmat audit, kesetiausahaan, insurans dan latihan selain bakal menjadi agensi pengurusan aset-aset Kerajaan Negeri seperti kenderaan, bangunan dan peralatan.

5. Pembangunan Yang Seimbang Dan Berintegriti.

Saya berharap melalui agihan-agihan peruntukan pembangunan sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri dapat dilaksanakan oleh jabatan pelaksana dengan penuh teratur dan terancang. Dengan adanya perancangan awal serta pematuhan kepada peraturan dan prosedur, dapat menjamin kejayaan pelaksanaan projek pembangunan seterusnya memberi impak positif kepada golongan sasar. Saya menyeru supaya Kerajaan Negeri dapat meneliti semula keperluan pembangunan *infrasructur*e mengikut keutamaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Agihan peruntukan pembangunan haruslah dilaksanakan dengan adil dan saksama tanpa mengenepikan rakyat saya untuk berada di kawasan luar bandar. Ia bersesuaian dengan prinsip *'maqasid syariah'* yang menjaga hak dan kepentingan asas kehidupan rakyat.

Sehubungan itu, saya berharap prinsip integriti senantiasa ada dalam diri dan jiwa semua anggota pentadbiran Kerajaan Negeri saya. Saya juga ingin menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik dalam menjalankan tugas dan proses membuat keputusan seharusnya diamalkan pada setiap masa. Konsultasi awam bersama rakyat bagi mendapatkan pandangan juga wajar dilaksanakan sebelum

mencapai sesuatu keputusan terutamanya dalam proses merangka sesuatu projek pembangunan negeri.

6. Sumber Kekayaan Baharu dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

Saya sangat bersyukur negeri Pahang dianugerahi oleh Allah SWT dengan pelbagai sumber kekayaan semula jadi termasuklah sumber mineral. Bagi tahun 2018, kutipan royalti ke atas pengusahasilan mineral yang dikutip oleh negeri Pahang adalah berjumlah RM22 juta. Faktor peningkatan hasil didorong oleh kenaikan semula harga bagi kebanyakan komoditi mineral di pasaran. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab dengan kerjasama Kerajaan Negeri dapat mengenal pasti sumber-sumber kekayaan baharu di negeri Pahang bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber mineral dan sumber asli sahaja. Usaha ini akan membawa kepada perkembangan dan pemantapan ekonomi negara khususnya bagi negeri Pahang.

Dalam mengejar peningkatan hasil, saya berharap kawasan hutan di negeri Pahang tidak dijadikan kawasan pembalakan dan penerokaan semata-mata. Ia mampu menjadi sumber pendapat melalui pengamalan sistem konservasi alam sekitar yang holistik yang seterusnya akan memperkasakan sektor eko-pelancongan dan turut berupaya mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri menerusi kaedah pengenaan beberapa jenis fi termasuk fi memasuki hutan simpan dan hutan lipur di negeri Pahang.

Dalam merealisasikan hasrat ini, saya menyeru agar semua pihak dapat melaksanakan kajian *impact* terhadap pengurusan alam sekitar secara telus bagi sesuatu kawasan yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan. Hebahan media massa terhadap kes-kes alam sekitar di negeri Pahang perlu diambil perhatian dan tindakan segera. Saya menyokong penuh usaha penguatkuasaan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani gejala pencerobohan tanah kerajaan terutamanya yang melibatkan kawasan tadahan air, rizab sungai dan rizab jalan. Saya berharap kerajaan Pahang dapat melaksanakan tindakan penguatkuasaan ini dengan lebih menyeluruh tetapi dengan berhemah dalam pelaksanaannya.

Saya berharap dengan adanya kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi di kalangan rakyat saya, selain daripada komitmen dan berterusan daripada pihak kerajaan, keseja… kesejahteraan alam sekitar dan kekayaan sumber asli di negeri Pahang akan dapat terus dinikmati dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negeri ini.

7. Kesucian agama Islam Dijunjung, Perlembangan Disanjung

Mutakhir ini, saya melihat pelbagai anasir negatif menular di kalangan rakyat yang beragama Islam seperti pemahaman Islam liberal dan penerimaan terhadap golongan menyalahi fitrah manusia seperti L.G.B.T. Perkembangan ini amat membim… membimbangkan saya kerana ia begitu pantas diterima oleh segelintir masyarakat pada masa kini.

Sebagai ketua agama negeri, saya menyeru kerjasama semua pihak termasuk ibu bapa bagi membanteras perkara ini daripada terus berleluasa dan meracuni minda umat Islam. Konsep amar makruf nahi mungkar merupakan tuntukan… tuntutan ajaran Islam sebagai asas bagi menjadikan negeri ini terus makmur dan sejahtera.

Saya juga berasa amat terkesan terhadap penghinaan kepada institusi raja yang sepatutnya tidak berlaku bagi sebuah negara yang mengamalkan Sistem Raja Berpelembagaan yang meletakkan raja sebagai kuasa tertinggi khususnya dalam hal ehwal agama Islam. Sesungguhnya penghinaan sebegini tidak boleh dipandang

enteng dan wajar diambil tindakan mengikut undang-undang dalam memastikan martabat institusi raja dihormati oleh semua pihak.

Suka saya mengingatkan bahawa agama Islam merupakan agama persekutuan namun agama-agama lain bebas diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Kebebasan beragama ini dijamin dalam perlembagaan di mana setiap orang menyum… mempunyai hak untuk menganut dan me… mengamalkan agamanya serta setiap agama mempunyai hak untuk menguruskan hal ehwal agamanya sendiri. Walau bagai… bagaimanapun, saya melihat apa yang berlaku mutakhir ini, agama Islam seolah-olah dicabar oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

Saya berharap perbezaan fahaman politik tidak menjadi percaturan dalam pem… memelihara kesucian agama Islam. Hal ini penting bagi memastikan agama suci ini tidak dipermainkan sehingga sensitiviti Islam itu sendiri tidak dipedulikan oleh sesetengah pihak seterusnya mencetuskan perbalahan di kalangan ummah.

Akhir kalam, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Berhormat atas usaha, usaha memam… memakmurkan negeri walaupun menghadapi situasi yang serba sederhana. Saya menyeru semua Ahli Dewan agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan perlembagaan persekutuan serta Undang-undang Tubuh negeri… Kerajaan Negeri Pahang disamping mematuhi Peraturan-pertaru… peraturan tetap Dewan.

Saya juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada orang tua saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan semua kakitangan awam yang terlibat dalam urusan mentadbir kerajaan negeri Pahang Darul Makmur untuk faedah rakyat sekalian. Semoga Allah SWT jua membalas jasa dan budi yang ditaburkan dengan ganjaran pahala dan kebaikan.

Saya sentiasa berdoa semoga Allah SWT sentiasa memberi petunjuk, taufik dan hidayah dalam apa jua yang kita lakukan untuk negeri ini dan kepada semua Ahli Dewan, dua rangkap pantun daripada saya;

Hijau menguning padi di sawah,
Penuh berisi runduk ke bawah,
Pendirian kukuh tidak mengalah,
Perjuangan suci diberkati Allah.

Salam bertaut bersila panggung,
Bersimpuh rapat panglima ulung,
Karam di laut jadi pelampung,
Lumpuh di darat jadi pendukung.

[Semua Ahli Dewan tepuk meja]

Dengan lafaz suci [Ayat al-Quran], saya merasmikan Pembukaan Penggal Kedua, Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh. [Semua Ahli Dewan tepuk meja].

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

Perkara keempat: Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri menempohkan mesyuarat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan sempurnanya Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sebentar tadi, maka sukacita saya menempohkan mesyuarat Dewan ini kepada hari Selasa 16 April 2019 bersamaan 10 Syaaban 1440 hijriah mulai jam 9.30 pagi.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Al-Fadhil Qadhi Daerah Kuantan mohon membaca doa.

BACAAN DOA

AL-FADHIL QADHI DAERAH KUANTAN

[Bacaan ayat al-Quran], Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, Maha Suci Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya, dan segala pujian adalah kepunyaan-Nya dan Allah lah Tuhan yang Maha Berkuasa ke atas sesuatu. Sesungguhnya kami memohon limpah dan rahmat-Mu di Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Ke-14 yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada pagi yang penuh keberkatan ini.

Ya Allah [bacaan ayat al-Quran], jadikanlah persidangan kami di Dewan Yang Mulia ini perbahasan yang merungkaikan segala permasalahan, lontaran idea-idea yang bernas, pandangan-pandangan yang jelas serta keputusan yang waras lagi tuntas. Perkukuhkanlah ikatan silaturrahim di antara kami dengan ikatan yang sejati. Janganlah Engkau biarkan segala hajat dan maslahat dan keperluan rakyat di negeri ini melainkan Engkau perkenankan serta permudahkan segala urusannya.

Ya Allah, lindungilah Negeri Pahang Darul Makmur dari kemunduran, kejahilan dan kemiskinan serta selamatkanlah dari segala ancaman bala, wabak penyakit, kekacauan dan huru hara. [bacaan dalam Bahasa Arab] Kurniakanlah negeri yang bertuah ini akan kemajuan, kejayaan dan keamanan agar kami dapat hidup dalam aman sentosa, selamat sejahtera serta dikurniakan negeri ini sentiasa maju jaya dibawah pemerintah sultan kami yang dikasihi selaku ketua agama dan pemerintah di negeri ini.

Ya Allah, Ya Latif, Ya Hafiz, kurniakanlah kesejahteraan, sihat walafiat dan dilanjutkan usia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah dan Duli Yang Amat Mulia Sultanah Hajjah Kalsom. Begitu juga kami bermohon

barang diperlihara dan diredhai oleh-Mu, maka perkenankanlah doa kami semoga Engkau memberkati hari-hari pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafar Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Almusta'in Billah dengan mengurniakan taufiq, hidayah, ri'ayah dan inayah selamat sejahtera, sihat walafiat berpanjangan, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat penerang-Mu, bertambah iman dan taqwa, kekal kara memerintah, bersemayam di atas singgahsana tahta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur. Dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Mainumah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dikurniakan kesihatan yang berkekalan, bertambah iman dan taqwa terus dikurniakan kecemerlangan dan kejayaan dalam hidup. Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda, Putera-puteri, cucuanda dan kerabat, para pemimpin, alim ulamak, muslimim dan muslimat khususnya kami yang berada di Dewan Yang Mulia ini mendapat keampunan dari-Mu jua Ya Allah.

[Bacaan dalam Bahasa Arab]

SETIAUSAHA DEWAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat meninggalkan majlis.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-2
16 APRIL 2019 (SELASA)

KANDUNGAN

HARI KEDUA –16 APRIL 2019 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	43
5	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	47

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Kedua : 16 April 2019 (Selasa)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. - **Batu Talam**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DIMP., AMP., AMN., PKT. - **Bebar**
Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia

Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. - **Pulau Tawar**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. - **Lepar**
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**

Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun, DIMP., SMP. - **Chini**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. - **Jenderak**
(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP. - **Kemayan**

Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP. - **Sungai Lembing**

Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP. - **Pulau Manis**

Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP. - **Padang Tengku**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC. - **Peramu Jaya**

Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP. - **Kuala Semantan**

Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad - **Bukit Ibam**

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim - **Muadzam Shah**

Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT (BERGILIR):

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Zulhanin bin Ab Ghani, AMP

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. - **Kerdau**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Kedua (Selasa)	:	16 April 2019 (Selasa)
Bersamaan	:	10 Syaaban 1447 Hijriah
Masa	:	10.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

SETIAUSAHA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang telah diamanahkan, yang terutamanya bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

Perkara kedua: Pertanyaan dan Jawapan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sukacita saya memaklumkan bahawa persidangan kita pada hari ini sedikit terlewat kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan saya mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada pagi ini di Istana Abdulaziz dan seterusnya memuliakan keberangkatan tuanku pulang ke Kuala Lumpur.

Pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur pada Allah SWT atas nikmat kesihatan, keamanan dan kebahagiaan hidup sehingga kita sama-sama dapat berada dalam Dewan ini bagi memikul amanah rakyat dan meneruskan persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Keempat Belas.

Di kesempatan ini juga sukacita saya merakamkan rasa menjunjung kasih yang tidak terhingga atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang berangkat menyempurnakan perasmian istiadat pembukaan pada hari semalam, Isnin 15 April 2019 dan seterusnya menyempurnakan Titah Diraja. Adalah tidak terlewat juga untuk kita sama-sama merakamkan sembah tahniah sempena pelantikan tuanku sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang pada tanggal 29 Januari 2019 di Istana Abu Bakar, Pekan.

Sesungguhnya Kebawah Duli Tuanku telah pun menampakkan kewibawaan dan keyakinan yang cukup hebat dalam usia yang muda… dalam usia yang muda dan ini adalah merupakan… merupakan ucapan baginda yang ulung sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Kita berdoa semoga tuanku akan terus diberi kekuatan untuk bersama-sama memayungi rakyat jelata dan membawa Pahang ke arah yang lebih maju lagi. Baiklah untuk kita meneruskan urusan mesyuarat kita pada kali ini, saya menjemput Yang Berhormat Wakil daripada Padang Tengku untuk mengemukakan pertanyaan yang pertama.

YB. DATO' MUSTAFA BIN LONG

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Assalamualaikum WBT, pembuka bicara soalan no.1 soalan saya kepada Dato' Sri MB ditujukan ia semoga jawapan merungkai segala. Sila.

> [Sepanjang tempoh lebih 10 bulan YAB Menteri Besar Pahang menerajui Kerajaan Negeri Pahang, apakah pencapaian dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi salam sejahtera. Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Padang Tengku kerana bertanyakan soalan pencapaian saya selama 10 bulan dengan takdir Allahnya sebagai Menteri Besar. Untuk makluman Yang Berhormat Padang Tengku, hari ini genap 11 bulan, 15 haribulan 5 angkat sumpah (Ahli Dewan menepuk meja) 15… 11 bulan. Sepanjang tempoh 10 bulan ini, saya dapat dengan kerjasama rakan-rakan daripada Exco telah memperkenalkan 8 perkara baru untuk… antaranya untuk kita meningkatkan hasil, memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Yang pertama sekali ialah berkaitan dengan penurunan kuasa kelulusan kebenaran pindah milik dan gadaian tanah. Daripada pemberian kasih sayang insya-Allah dalam masa 1 atau 2 hari boleh diselesaikan. Manakala untuk er… pemberian daripada Melayu ke Melayu mengambil masa tidak lebih daripada 10 hari. Manakala daripada Melayu ke bukan Melayu masih lagi perlu dibawa kepada Menteri Besar.

Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini sebanyak 1,145 permohonan *consent* kasih sayang telah diberi kelulusan dalam tempoh 1 hingga 2 hari bekerja. Sejak diperkenalkan sehingga hari ini sebanyak 1,145 permohonan yang telah pun diluluskan. Manakala sebanyak 3,223 permohonan *consent* jual beli daripada Melayu ke Melayu telah pun diberi kelulusan dalam tempoh 10 hari. Maknanya cepat lah daripada biasa.

Yang kedua, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan saluran aduan rakyat terus kepada Menteri Besar melalui *aduan.wanrosdy.com*. Saya telah menerima aduan secara terus kepada saya sebanyak 69 aduan dan telah pun diselesaikan 50. Manakala 19 lagi dalam tindakan. Dan semenjak ianya diperkenalkan sehingga 31 Mac ini, sebanyak 627 aduan telah diterima melalui saluran aduan rakyat. Daripada keseluruhan 627 aduan tersebut, 263 aduan telah diselesaikan, 25 aduan dalam tindakan penyelesaian, 98 aduan belum dijawab, 172 aduan diklasifikasikan sebagai tidak relevan dan baki 69 aduan adalah merupakan aduan terus kepada Menteri Besar, 50 telah disesaikan dan 19 dalam tindakan.

Yang ketiga ialah kesinambungan projek PR1MA Pahang dan Rumah Makmur, di mana sehingga hari ini sebanyak 14 projek Rumah Makmur telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan 5,680 unit rumah. Manakala sebanyak 122 projek PR1MA Pahang telah diluluskan melibatkan 36,659 unit rumah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,770 unit rumah PR1MA Pahang telah berjaya disiapkan dan telah pun diduduki. Rumah Makmur ini adalah kesinambungan daripada PR1MA Pahang kerana PR1MA Pahang harganya RM150,000 diskaun 10% untuk pegawai kerajaan. Namun begitu ada lagi di kalangan rakyat negeri Pahang yang tidak mampu membeli rumah dengan harga RM150,000. 1,000 kaki kawasan binaan, keluasannya ialah 2,400 kaki. Ada yang tidak dapat pinjaman bank dan sebagainya.

Oleh kerana Kerajaan Negeri Pahang adalah kerajaan yang sangat prihatin kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pahang telah memperkenalkan Rumah Makmur yang harganya RM80,000 sahaja tetapi keluasannya kecik sedikit. Dan target Kerajaan Negeri Pahang ialah sebanyak 10,000 tetapi sekarang ini kita telah membina sebanyak 5,680 unit yang telah diluluskan, itu yang ketiga.

Yang keempat ialah penetapan sasaran kutipan hasil tanah sebanyak 90%. Bagi tahun 2019 saya menetapkan KPI ataupun *Key Performance Indicator* kepada kutipan hasil tanah perlu mencapai sekurang-kurangnya 90% dan er... setakat ini er... saya amat berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan khusunya daripada pejabat tanah kerana mereka sedang giat berusaha dan ada nampak sedikit peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya.

Yang kelima saya juga er… me… memperkenalkan saluran cadangan.wanrosdy.com , yang ini ialah mengambil kira bahawa semua rakyat negeri Pahang berpeluang untuk mengemukakan cadangan tetapi tidak semestinya cadangan tersebut diterima tetapi setiap cadangan dikemukakan, Kerajaan Negeri Pahang akan meneliti dan memperhalusinya dan sekiranya ianya mendatangkan faedah kepada rakyat, insya-Allah Kerajaan Negeri Pahang akan laksanakan.

Yang keenam ialah memperkasakan syarikat berkaitan kerajaan negeri ataupun *state GLC.* Pada tahun 2017, syarikat berkaitan Kerajaan Negeri telah mencatat pendapatan sebanyak RM2.6 bilion dengan keuntungan dicatatkan sebanyak RM565 juta. Kerajaan Negeri telah menetapkan pada tahun ini, sebahagian daripada keuntungan tersebut akan dibincangkan dengan syarikat berkenaan untuk dapat diserah kembali kepada rakyat daripada segi keuntungannya. Berapa peratus, berapa peratus akan difikirkan kemudian. Supaya wang tersebut, Kerajaan Negeri akan dapat serah kembali kepada rakyat. Seterusnya ialah penubuhan Pahang Corporation.

Untuk makluman Ahli-ahli… Ahli-ahli Dewan, penubuhan Pahang Corporation terlewat sedikit kerana pada asalnya kita menamakan Pahang Investment Corporation tetapi kita mendapat jawapan yang sangat lewat daripada pihak

Kementerian Kewangan, memerlukan banyak penjelasan, kita jelas, dia tanya lagi, kita jelas, er... tanya lagi dan akhirnya Kerajaan Negeri telah membuat keputusan kita buangkan perkataan *investment*, kita tubuhkan Pahang Corporation tapi fungsinya adalah sama dan sekarang ini telah pun er… ditubuhkan dan er... ianya adalah bertujuan er... merupakan satu langkah strategik untuk penstrukturan dan mengawal selia prestasi serta perkembangan *state GLC*. Dengan meletakkan *state GLC* ni dibawah satu bumbung, ia dapat memudahkan kerajaan negeri memantau performance berdasarkan KPI yang ditetapkan disamping memberi khidmat nasihat kepada *state GLC* untuk membuat pelaburan yang betul dengan pulangan yang menjanjikan keuntungan.

Seterusnya ialah penubuhan *Pahang Go*. Penubuhan ini ialah supaya negeri kita tidak ketinggalan dalam perkembangan ICT terutama dalam era revolusi perindustrian keempat. Selaras dengan itu, *Pahang Go* ditubuhkan bagi meneroka bidang baru dalam perkembangan ekonomi digital dan aplikasi dalam talian terutama dalam perkhidmatan kerajaan. *Pahang Go* berperanan sebagai *one stop centre* kepada aplikasi perkhidmatan digital dan *online* seperti sistem *e-pakir*, aplikasi pembayaran hasil kerajaan secara *online*, pembayaran kompaun, kutipan cas utiliti, sistem aduan rakyat dan sebagainya. Itulah di antara lapan perkara yang sempat saya bersama dengan rakan-rakan Exco er… perkenalkan untuk bagi tujuan meningkatkan hasil dan memakmurkan negeri Pahang untuk kesejahteraan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Ahli dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar. Padang tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Pertama sekali saya nak ucapkan tahniah kepada Dato' Sri dan rakan-rakan er… dalam Exco Kerajaan Negeri Pahang kerana kita sedia maklum bahawa sebelum ini saya dengar khabar er… ape nama MB ataupun Kerajaan Negeri Pahang diberikan tempoh tiga bulan je daripada tarikh er... apa ni… membentuk kerajaan kemudian bankraplah. Tapi alhamdulillah, kita nampak er... kejayaan yang telah dibawa. Jadi saya nak ucapkan tahniah. Saya tertarik dengan ape nama er… *target* yang dicadangkan er… disasarkan oleh kerajaan negeri Pahang iaitu mengutip cukai hasil tanah sehingga 90%. Jadi persoalan saya disini apakah er.. kutipan yang telah dibuat sehingga setakat ini dan juga apa ni er… bidang-bidang ataupun langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mencapai *target* tersebut. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat [batuk] daripada Padang Tengku. Satu soalan tambahan yang menarik dan er... memang benar, saya telah dimaklumkan oleh salah seorang yang berjawatan daripada sebelah sana, Persekutuan, yang memberi tempoh kepada saya 3 bulan saja sebagai Menteri Besar dan dia telah meminta rakyat menyokong, kerana dia kata Kerajaan Negeri akan bankrap dalam masa tempoh tiga bulan kerana tidak mampu membayar gaji. Tapi alhamdulillah setakat ini, dengan izin Allah, dengan berkat sokongan kawan-kawan, tuan-tuan dan pegawai-pegawai kerajaan, negeri Pahang bukan saja akan bankrap, malah kita telah berjaya meningkatkan hasil untuk negeri Pahang. Syabas tahniah saya ucapkan. [Ahli dewan menepuk meja].

Dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, angka tidak pernah berbohong. Saya ingin jelaskan di sini, hasil tanah, hasil kutipan cukai kita ialah daripada tanah, hutan, air dan lain-lain lah. Dan untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Padang Tengku, secara perbandingan pada tahun 2018, hasil tanah daripada Januari hingga Mac, kita hanya mampu kutip RM65,885,435. Bagi tahun ini untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pahang telah mampu mengutip sebanyak RM73,011,603. Berlaku peningkatan sebanyak RM7,126,000. [Ahli Dewan menepuk meja]. Manakala hasil hutan, kita banding *aper to aper,* er… *handicap* sama. Maknanya kalau Tuan Yang di-Pertua main handicap 10, saya handicap 10. Baru boleh *compare*.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya tak ada *stroke* ya.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hasil hutan pada tahun 2018 sehingga Mac kita hanya mampu mengutip sebanyak RM11,962,436. Manakala bagi tahun ini, kita mampu mengutip… Januari hingga Mac juga sebanyak RM19,988,166, berlaku peningkatan sebanyak RM8 juta perpuluhan dua er… RM8.025 juta. Saya ucapkan syabas tahniah kepada pejabat hutan. Hasil air, ada berlaku sedikit peningkatan Januari-Mac 2018, kita mampu kutip sebanyak RM219,633 tetapi bagi tahun ini, Januari-Mac kita mampu kutip sebanyak RM625,466 iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM405,000 dan begitu juga hasil-hasil lain seperti kompaun, penjualan borang dan sebagainya.

Pada tahun lepas kita mampu kutip RM10,046 tetapi pada tahun ini kita mampu kutip RM14.334 juta berlaku peningkatan sebanyak RM3.388 juta. Jadi jumlah keseluruhannya ialah kalau berbanding pada tahun lepas, Januari-Mac yang dikutip sebanyak RM12,286,530 tetapi bagi tahun ini, bukan… bukan. Minta maaf. Bagi Januari Mac 2018, kita mampu kutip RM101 juta sepertimana yang dalam titah Pemangku Raja, RM101,300,839. Tetapi pada tahun ini kita mampu kutip sebanyak RM120,402,189. Maknanya berlaku peningkatan sebanyak RM19,101,350. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah. Sila.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertu, er... saya ambil kesempatan ini ucap tahniah lah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas inisiatif yang telah dilancarkan er... dan saya rasa ianya adalah inisiatif yang baik untuk kita nak lihat er... perkembangan tadbir urus yang lebih er... baik, telus dan juga dalam masa yang sama lebih efektif, lebih cekap. Cuma saya ingin tanya pihak kerajaan, ada tak satu usaha ataupun inisiatif lain yang boleh kita berikan er… penumpuan terutama sekali di dalam *rejuvenated* er... *rejuvenation* ini memulih, menyegarkan semula kelestarian alam yang telah banyak musnah di negeri Pahang ini.

Baru-baru ini kita… kita dikejutkan dengan Tasik Bera yang… yang di… diwartakan sebagai kawasan er... apa? paya yang er… paya er… yang dia panggil ramsar yang er… terancam. Jadi kalau ada satu inisiatif yang *icon* er... *nature* negeri Pahang ini dengan izin, *icon* semulajadi negeri Pahang ini perlu ada satu inisiatif daripada pihak kerajaan dengan segera supaya dia boleh mampu memulihkan balik imej negeri Pahang dari sudut menjaga kelestarian alam sekitar ini. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih rakan saya daripada Beserah. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi Tasik Chini kita telah wartakan serta-merta sebagai hutan simpan, tindakan serta-merta dan yang kedua, saya juga ingin nyatakan bahawa di dalam Mesyuarat Exco baru-baru ini, saya telah pun meminta rakan saya, Exco Alam Sekitar, supaya membuat satu *blue print* untuk memastikan les… kelestarian alam sekitar negeri Pahang ini dapat dijaga dengan baik dan dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeri daripada semasa ke semasa sentiasa memantau kegiatan-kegiatan haram… penerokaan haram dan sebagainya dan insya-Allah er… perkara ini akan diambil berat dan saya amat terima kasih walaupun telah pun ada dalam tindakan Kerajaan Negeri Pahang, saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Beserah kerana mengingatkan Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baiklah. Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan. Atas inisiatif Kerajaan Pahang yang baru-baru ini, kami nampak kesungguhan Kerajaan Pahang untuk mendengar suara rakyat. Antaranya cadangan rakyat ini, saya ingin tahu apakah cadangan yang telah diterima dan digunapakai oleh Kerajaan Pahang. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Cadangan daripada rakyat ini sebenarnya bukan semua yang kita terima pakai, ada yang kita terima ada yang tak terima. Tetapi setiap cadangan yang dicadangkan, kita akan terima. Sebagai contohnya ialah cadangan berkenaan dengan penerokaan haram di negeri Pahang, khususnya di Rompin dan lain-lain. Nak sebut cara spesifik sebab ada kawasan yang apa… mendapat *court injunction* tapi kita semua tahu kan, semua tahu kawasan mana. Dan er… cadangan tersebut setakat ini er… banyak kita memberi penjelasanlah sebagai contohnya mereka minta supaya dinaiktarafkan jalan daripada Mersing ke Rompin dan sebagainya. Jadi kita bagitahu Kerajaan Negeri tidak dapat membuat demikian, kerana jalan tersebut di bawah Kerajaan Persekutuan. Walaupun dicadang suruh kita naik taraf tetapi kita tidak boleh sebab di bawah Kerajaan Persekutuan. Itulah antara beberapa perkara dan banyak lagilah. Kalau YB. nak, saya boleh senaraikan dan saya harap YB. akan dapat baca satu satu, terima kasih YB.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih ke soalan yang berikutnya. Saya jemput Wakil dari Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Soalan saya, ialah berkenaan dengan negeri Pahang yang dikenali sebagai destinasi pelancongan sepanjang tahun.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya nak tanya apakah bentuk kemudahan… saya baca soalan kali ni… sebab saya rasa dengan menyebut er… ataupun membaca soalan ini lagi jelas kepada semua pihak…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Takpe Yang Berhormat…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

… apakah bentuk kemudahan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Manis, saya kira Yang Berhormat elok sebut nombor soalan saja.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Sebut nombor soalan sahaja?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nombor soalan saja. Pihak kerajaan akan mengulas ini nanti.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Okay. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan nombor 2. Terima kasih.

[Pahang adalah negeri yang dikenali sebagai destinasi pelancongan sepanjang tahun. Apakah bentuk kemudahan dan perkhidmatan sokongan akan dipertingkatkan untuk kemudahan pelancongan. Apakah KDNK sektor pelancongan berjumlah 7.8 bilion pada tahun 2020 akan tercapai?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Soalan nombor 2 yang ditanya oleh Wakil daripada Adun er… Wakil daripada kawasan Pulau Manis, kerajaan akan terus menyokong dan menyediakan latihan promosi dan menstruktur secara berterusan pada penggiat industri bagi mempastikan er… sektor pelancongan berkembang dan menjadi penyumbang utama kepada… antara penyumbang utama kepada ekonomi negeri. Sasaran KDNK negeri er… sektor pelancongan telah mencapai… mencapai melebihi RM8 billion ya, bermula daripada tahun 2016 er… RM8.5 billion, 2017, RM13.2 billion dan 2018, RM12.8 billion dan dijangka akan terus kekal hingga pada tahun 2020.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin penjelasan sedikit KDNK ini adalah bagaimana kita mengukur ekonomi er… nasional sesebuah negara, ataupun sesebuah negeri. Cuma saya nak maklumkan bahawa er… sebagai contohnya tahun 2018, RM12.8 billion ini adalah perbelanjaan pelancong, pelancong yang berbelanja di negeri Pahang yang seramai 13.8 juta perbelanjaan. Apabila pelancong ramai berbelanja maka kerajaan… dari segi pulangan kepada kerajaan adalah pemain-pemain industri tersebut akan membayar cukai, *quit rent* dan sebagainya. Ini adalah di antara bagaimana kerajaan akan mendapat alih. Kerajaan tidak akan mendapat *direct… direct income* dari segi pelancongan ini tetapi ianya akan memberi *direct income* kepada, dengan izin *grassroots* ataupun pemain-pemain industri, Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan tambahan ya. Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya soalan tambahan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Selepas ini Yang Behormat, sila Tanjung Lumpur tadi, saya sebut Tanjung Lumpur dulu…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tanjung Lumpur dulu?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanjung Lumpur, sila.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih kepada Yang di-Pertua, jadi soalan saya berdasar kepada jawapan… apa jawapan daripada Exco tadi, er… industri pelancongan telah menyumbang dari sudut ekonomi kepada Kerajaan Negeri Pahang. Jadi soalannya, er… di kedudukan ke berapakah sumbangan daripada industri pelancongan ini terhadap ekonomi negeri Pahang?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya telah maklumkan tadi bahawa dari segi sumbangan kepada Kerajaan Negeri ianya adalah hasil daripada pemain-pemain industri yang akan membayar cukai pintu, cukai tanah dan sebagainya, hotel sebagai contoh, kita akan membayar cukai pintu sebagai contoh, ataupun restoran. Ianya tidak akan dapat *direct* kepada Kerajaan Negeri, tetapi ianya akan terus pergi kepada sebagai contoh *retail*, sebagai contohnya er… stesen minyak sebagai contohnya. Ini… ini adalah tempat-tempat pemain er… di mana pemain-pemain industri pelancongan yang terlibat di dalam industri pelancongan ini akan mendapat *income* ataupun mendapat pendapatan dan kemudian mereka akan membayar cukai GS… GST bukan … SST sebagai contohnya. Mereka pergi ke restoran mereka akan membayar SST.

Ianya juga akan memberikan pendapatan kepada negara, negeri dan juga… kepada negara sebagai contoh. Ini… tapi dari segi *specifically*, dengan izin, pendapatan kepada Kerajaan Negeri itu, kecuali sebagai contohnya mungkin kita memberikan *list* ataupun sewaan kepada taman negeri ataupun kepada hutan lipur. Ini akan... ianya akan pergi kepada sebagai contohnya kerana hutan lipur adalah di bawah jagaan ataupun *stakeholders*nya adalah Jabatan Hutan, maka pendapatan tersebut akan pergi ke Jabatan Hutan. Walaubagaimanapun saya ucap terima kasih kepada Wakil daripada Tanjung Lumpur, Insya-Allah kita akan cuba spesifikkan lagi dari segi pendapatan sumbangan tersebut. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Yang pertama sekali, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pelancongan Negeri kerana telah berjaya meningkatkan pendapatan hasil pelancongan kita daripada *target* ataupun sasaran, RM7.8 billion untuk tahun 2020 tapi sebenarnya dah melepasi *target* pada tahun 2017 lagi. Tahniah.

Yang kedua, soalan tambahan saya ialah kita mendapati bahawa para pelancong yang er… menghadiri ke pusat… ke pusat pelancongan ataupun destinasi pelancongan melalui jalan-jalan yang telah pun ada di dalam peta dan sebagainya. Saya mengambil contoh er… untuk ke Tasik Chini, kita menggunakan jalan yang

telah ditanda ataupun digazetkan ialah Simpang Sri Jaya. Ada tanda lambang pelancongan situ. Tetapi apabila para pelancong melalui jalan tersebut, dia akan memasuki Kampung Sri Makmur, jadi saya nak beritahu di dalam Dewan ni, bahawa pihak ECERDC er… telah menjana pelancongan untuk Kampung Belimbing dengan membekalkan 15 buah bot yang memang menjadi satu hasrat apa ni… kita untuk memajukan bukan sahaja Tasik Chini tetapi mengembalikan semula er… Kampung Belimbing sebagai destinasi permulaan untuk melancong ke Tasik Chini tapi malangnya… malangnya dengan aplikasi sekarang, iaitu GPS yang boleh menunjuk arah dan tuju, jalan laluan kita dia tak boleh pergi ke Belimbing, dia akan pergi ke kampung Pelak dan keluar semula ke simpang besar jalan untuk masuk melalui jalan. Jadi sekarang ni saya nak tanya, bagaimanakah cara bagi pihak pelancongan untuk… untuk kita nak alih dia punya GPS tadi memang dah diberitahu kita ke kampung Pelak, jadi bagaimana cara lain yang boleh menyebabkan dengan satu kaedah Kampung Belimbing boleh dimajukan, Tasik Chini pun boleh dimajukan. Okay, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang di-Pertua, er… insya-Allah Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kampung Belimbing ada keistimewaannya, kemudian er… ini Tasik Chini ada keistimewaannya. Sebenarnya dia banyak cara Yang Berhormat Yang di-Pertua, bukan setakat kita er… pakai GPS, kita boleh pakai *Waze*, kita boleh pakai *Google* dan lain-lain aplikasi yang ada dan yang terbaik sekali adalah untuk kita sebagai contohnya untuk kita apa nama dapatkan perkhidmatan daripada apa yang kita katakan pemandu pelancong. Walau bagaimanapun ya Yang Berhormat Yang di-Pertua kita akan tengok, kita akan ambil ini sebagai satu perhatian nak memastikan bahawa setiap pelancong yang datang ke negeri Pahang ini er… ianya er… akan tahu ataupun mereka tidak akan sesat, dia akan tahu destinasi, di mana destinasinya. Kita telah menyediakan apa ini *wanrosdy.com* ya, antara satu aduan. Jadi, kalau boleh er… perkara seperti ini dia tanya je, hantar je situ ke *wanrosdy.com* dan kita akan jawab dari itu, maknanya tak perlu tunggu Dewanlah er… lama. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, soalan tambahan.

Apakah inisiatif dan bentuk bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri er…untuk memajukan sektor pelancongan terutamanya kepada SME ataupun er… pelan usahawan kecil untuk *homestay*, chalet dan sebagainya. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga nak maklumkan bahawa setakat ini kita tidak mempunyai apa-apa inisiatif kerana segala cukai dipungut oleh Kerajaan Pusat, jadi kita tidak ada apa nama inisiatif yang tertentu. Walau bagaimanapun kita nak ucap terima kasih kepada

Kerajaan Pusat kerana mereka telah pun membayar cukai pelancongan kepada setiap Kerajaan Negeri. Kita pun telah pun menerimanya tetapi jumlahnya tidaklah besar tapi cukuplah untuk kita memastikan bahawa kita boleh terus mengekalkan kedatangan pelancong seramai 3… 12 ke 13 juta ini untuk *target* kita seperti yang dinyatakan oleh soalan wakil daripada Pulau Manis untuk memastikan bahawa menjelang tahun 2020 kita boleh capai *target* kita yang ada, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu dari segi er…permohonan tanah dan sebagainya untuk pusat-pusat pelancongan dan bolehlah sebagai contohnya jika sekiranya antara kita yang berminat untuk membina chalet ataupun hotel ataupun apa bentuk sahaja perkara yang terlibat dalam pelancongan, mereka boleh membuat permohonan yang ianya di dalam kuasa Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, tanah sebagai contoh. Lokasi tersebut sebagai contoh jika ianya di bawah er… kawalan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk kita memberikan galakan kepada pemaju-pemaju pelancongan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tras, okay.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu berapa cukai pelancongan yang dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pahang?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Untuk 6 bulan pertama er… kaedahnya adalah begini Yang Berhormat Yang di-Pertua, 50-50. Kerajaan Negeri akan mendapat 50% dan Kerajaan Pusat akan mendapat 50% dan untuk 6 bulan pertama ini bayarannya adalah sebanyak kita memperolehi sebanyak RM7.8 juta untuk 6 bulan pertama dan mungkin 6 bulan kedua kita mungkin lebih lagi tetapi untuk kita meningkatkan lagi ya er… pendapatan kita dari segi cukai ini kita sama-sama mempromosi negeri Pahang ini. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikut. Saya jemput wakil daripada Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

> [Negeri Pahang merupakan destinasi pelancongan yang mendapat tempat di hati pelancong dari dalam dan luar negara. Antara tarikan ialah keistimewaan makanannya seperti Ikan Patin Masak Tempoyak. Oleh kerana itu;

Berapakah jumlah sebenar penternak ikan air tawar seperti patin dan tilapia di negeri Pahang mengikut daerah?

Apakah bentuk sokongan atau insentif yang telah dan akan diberikan kepada penternak ini?

Apakah perancangan bagi menangani masalah harga makanan ikan yang tinggi pada ketika ini dan ianya membebankan para penternak?]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Nampaknya isu ataupun topik pelancongan ini begitu popular sekali hingga ke soalan yang berikutnya pun ada kaitan dengan dengan pelancongan. Terima kasih er… Yang Berhormat er… sahabat saya daripada Tahan yang menanyakan soalan iaitu Pahang kini menjadi satu destinasi pelancongan yang menarik khususnya bagi pelancong-pelancong yang inginkan menikmati makanan Pahang yang berasaskan masakan tempoyak err… ikan patin dan juga ikan daripada ikan air tawar, jenis ikan air tawar.

Jadi bagi menjawab soalan pertama berapakah jumlah sebenar penternak ikan air tawar seperti patin dan tilapia di negeri Pahang mengikut daerah? Jadi jawapannya sehingga kini jumlah penternak ikan air tawar yang didaftarkan di bawah Jabatan Perikanan Negeri Pahang adalah semuanya berjumlah 1509 penternak iaitu pecahannya mengikut daerah. Pertama Bentong ada 27 orang, Bera 172 orang, er… Jerantut 221 orang, Lipis 77 penternak, Kuantan 39, Maran 53, Pekan 408, Raub 55, Rompin 9 orang dan Temerloh 448. Semuanya jumlahnya 1509 penternak.

Bagi menjawab soalan yang ke-2, apakah bentuk sokongan atau insentif yang telah dan akan diberikan kepada penternak ini? Bentuk insentifnya ialah penternak ini akan diberikan dalam 2 bentuk iaitu satu bantuan input seperti makanan ikan, benih ikan,peralatan sangkar dan juga sangkar melalui Sistem Khidmat Sokongan Akuakultur ataupun SPeKS (SPeKS) ringkas dan er… dalam tahun 2018 sebanyak RM689,170 telah disalurkan yang melibatkan 40 orang penternak yang menerima bantuan tersebut. Manakala yang keduanya bantuan-bantuan lain ialah dari segi bantuan khidmat nasihat dan latihan di situ yang akan dijalankan oleh pihak jabatan kepada penternak-penternak dan yang ketiganya apakah perancangan bagi menangani masalah harga makanan ikan yang tinggi pada ketika ini yang membebankan penternak?

Sebenarnya dia makanan ikan ini dia ada 2 kategori, 2 jenis. Satu untuk yang er… dinamakan sebagai *starter. Starter* ini untuk anak ikan yang kecik tu antara er… kurang daripada 2 bulan kita panggil *starter*, dia bagi makanan itu untuk dia hidup dan yang keduanya ialah *grower* daripada 3 bulan ke 7 bulan untuk dia membesar dan asasnya dia menggunakan sumber makanan utama penternakan, ini berasaskan daripada sumber-sumber haiwan. Dia protein, maknanya kita jenis protein.

Jadi sekarang ini memang masalah kerana apa sumber-sumber ini dia mahal daripada er… dia ambil daripada haiwan, maksudnya ikan… ikan-ikan yang tiada *commercial value* (ikan baja) semua sebagainya digunakan jadi kosnya tinggi dan antara langkah-langkah yang diambil untuk maklumanlah kalau sekiranya harga makanan ini untuk *grower* ini… untuk dipanggil *starter* sahaja RM78.00 satu beg

yang 20 kg, 20 kilo ya RM78.00. Untuk yang *grower* ini kosnya lebih kurang dalam RM75.00 er… untuk beg yang 20 kilo bagi yang *grower* dan er… antara kajian yang telah dibuat oleh pihak penyelidik ialah untuk mencari alternatif, sumber alternatif menggunakan tumbuh-tumbuhan macam hampas soya er… dan lain-lainlah. *So*, setakat ini masih lagi iaitu makanan er… yang dibuat secara pallet berasaskan kepada er… sumber haiwan ini masih merupakan makanan yang menjadi er… sumber utama kepada pertumbuhan er… ikan-ikan ini.

Jadi er… usahanya sedang dibuat insya-Allah maknanya dan kita mengharapkan ada pihak-pihak berwajib iaitu Kerajaan Pusat oleh kementerian dan juga institusi-institusi er… pendidikan dan penyelidikan akan membantu untuk er… menangani isu ini. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak bertanya adakah Kerajaan Negeri ada bercadang untuk er… menjadikan negeri Pahang sebagai hub pengeluaran er… pengeluar makanan ikan dengan kita, orang panggil menubuhkan kilang pemprosesan makanan ikan yang mungkin kita boleh libatkan mana-mana GLC yang ingin melabur ataupun pelabur-pelabur luar yang bukan setakat kita boleh er… memberi er… orang panggil harga murah kepada penternak yang telah ada di dalam negeri kita, mungkin juga boleh kita jadikan sebagai tambahan kepada hasil negeri. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Alhamdulillah er… soalan tambahan daripada YB Tahan tadi amat er… baik dan bernas dan ianya selaras dengan er… titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada hari semalam iaitu er… menyarankan Tuanku menitahkan supaya Pahang ini dapat dijadikan sebagai hub sektor pertanian ya, bagi menjadikan ia er… sebagai hub dan sudah tentu er… antara aspek-aspek yang perlu kita teliti ialah apakah sebenarnya peluang-peluang yang wujud?

Alhamdulillah yang sebenarnya untuk makluman baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri, er… Menteri Besar, er.. isteri saya dan juga rombongan telah membuat lawatan teknikal ya, ke negara Belanda dan Belgium untuk meneliti peluang-peluang bagaimana er… *benchmarking* negara yang er… saiznya besar sikit daripada Pahang, besar sikit daripada Pahang kita. Er… Belanda ini besar sikit daripada Pahang tetapi er… dia punya hasil, *revenue* yang diperolehi daripada sektor pertanian berjumlah lebih kurang dalam USD320 billion. Maknanya USD320 bilion *American er… Dollar* sedangkan saiznya besar sikit pada Pahang nombor 2 di bawah sikit… ataupun di bawah pada Amerika la. Amerika masih lagi merupakan negara yang ulung, yang er… mempunyai pulangan ataupun hasil pertanian yang

paling tinggi dalam dunia. Jadi banyak kaedah-kaedah, sistem-sistem yang kita pelajari, kita lihat, kita teliti dan peluangnya ada, insya-Allah.

Sebab itu dalam konteks ini atau saranan er… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita juga akan melibatkan kemungkinan pelabur-pelabur yang berminat beserta dengan syarikat-syarikat kerajaan jadi er… Yang Berhormat sebutkan pasal Pahang Corporation ini kita teliti bagaimana kita nak optimakan peluang-peluang ini kerana yang menariknya di Belanda ini ialah dia tidak pernah menyalahkan ini orang kata keadaan la, *nature.* Dia kata, dia er… satu pertiga daripada negara dia bawah paras laut. Jadi er… kalau air pasang je sebahagian besar daripada negara dia banjir la malahan er… kejadian banjir yang berlaku menyebabkan lebih daripada berapa ribu orang mati. Dia tengah tidur malam sekali air pasang besar er… ramai yang terkorban.

Susulan daripada itu, mereka telah merancang dikatakan *nothing is impossible.* Dia akan atasi sebarang halangan jadi insya-Allah dengan semangat itu er… saya yakin dengan er… input-input daripada rakan-rakan Ahli Dewan Yang Mulia ini di kawasan masing-masing kita tengok, kita gabungkan nanti, kita akan rangka dan di antaranya ialah memang makanan bukan sahaja ikan, haiwan, makanan haiwan, makanan ikan yang buat masa ini tidak dapat, dia tidak ada kawalan. Ini akan merupakan peluang-peluang baru yang boleh kita terokai insya-Allah er… saranan daripada rakan saya daripada ADUN Tahan yang tadi sebenarnya memang dalam er… antara dalam perancangan *blueprint* kita yang kita akan er… rangkakan insya-Allah untuk dilaksanakan demi untuk er… kemakmuran negeri Pahang dan insya-Allah juga, negara Malaysia yang tercinta ini. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat Cheka. Ya, Cheka ya. Saya nampak Yang Berhormat angkat tangan, ingat nak… Yang Berhormat berdiri cukup tadi, tak payah angkat tangan la, Yang Berhormat. [ketawa]

YB. ENCIK LEE AH WONG

Boleh kemukakan soalan tambahan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh oh… boleh. Sila.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih. Ikan air tawar memang satu keistimewaan pada negeri Pahang tapi apabila kita makan masakan ikan air tawar itu kita rasa kualitinya berbeza. Jadi soalan saya, ada tak pihak berkuasa mengadakan satu sistem atau ka… satu kaedah untuk mengawal mutu er… ikan air tawar itu supaya mutunya terjamin dan apabila kita sebut je ikan air tawar dari Pahang itu memang mutunya terjamin. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih er… Yang Berhormat Yang di-Pertua. Ini… ini satu cadangan yang cukup bernas daripada sahabat saya daripada Cheka. Saya mengakui bahawasanya *standard* er… makanan ini adalah satu perkara yang er… amat sukar untuk kita tetapkan kerana disebutkan misal contohnya sambal hitam, sambal Pahang.

Kalau sambal Pahang daripada misal contohnya daripada Pekan ada buat eh, daripada Rompin akan berbeza dengan sambal ini… sambal hitam kita daripada Chenor kan, daripada… misal contoh Budu, Benta ataupun daripada er… apa nama Tanjung Gahai, waima daripada Kampung Bintang jadi dia berbeza tetapi inilah keistimewaannya. Kita er… sedang nak menetapkan supaya ianya ada standard yang tidak terlalu jauh misal contohnya ini YB ya, er… kita lihat misal contohnya ini apa nama masakan tempoyak. Sekarang ini Alhamdulillah Dato' Sri Yang di-Pertua, kita lihat dulu kita tak pernah terfikir tempoyak yang dimakan di kampung-kampung, sekarang ini sudah jadi satu hidangan yang mempunyai *commercial value* yang tinggi. Kalau dulu dia tengok… sebut ini… ini.. ini… tempoyak ini orang Pekan tak makan. Contoh la… contoh la… dulu la kan ini dulu dulu. Er… Ikan patin pun tak makan mana tak makan ikan… ikan sungai ikan orang ulu ini dia kata.

Tapi sekarang ini yang menjadi rebutan Dato' Sri Yang di-Pertua, orang Kuala Lumpur. Orang duduk di Kuala Lumpur, orang Kepong berduyun-duyun pergi ke Patin House di apa nama Jalan Yap Kwan Seng di Kuala Lumpur ataupun er… di di apa nama Gobang di er… bukan di Temerloh sahaja di… Temerloh.. ni main Kuala Lumpur. (ahli Dewan ketawa). Temerloh tu iya la tu er… Rampai, Sri Rampai, Sri Rampai. Ini Ana Ikan Patin di er… Mutiara ini Damansara er… Mutiara. Haa… er… ya, Bandar Baru Bangi, Ana Ikan Bakar. Jadi Dato' Sri, masalah dia ada yang pergi makan itu dia tengok, eh dia ni berbeza dengan apa yang dia makan di restoran yang ada di… di misal contoh di Lipis, di Chenor, di Temerloh, di Jerantut kan, di Padang Tengku, di Gua, di Relong contoh la kan.

Jadi kita insya-Allah saya rasa Dato' Sri, dengan kerjasama daripada ini er… sahabat saya er… daripada Pulau Tawar, jadi kita ini kita panggil usahawan-usahawan ini dengan pelancongnya, sahabat saya ini Exco Pelancongan yang sampai ke Kazakhstan, Rusia… rata ini esok. Kita akan promosikan sampai ke… mungkin Denmark, Norway sebab sana ada ikan Salmon. Ikan-ikan yang anu… kita kabor masuk tempoyak. Bila dia makan nanti, dia akan terkejut bila ada je Scandinavian ataupun negara-negara Scandinavia, Dato' Sri yang akan buat dia panggil tempoyak. *This is a special durian* dia kata… *the king fruit*. Alhamdulillah, jadi ini yang kita nak…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Mohon mencelah, mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kemayan minta mencelah. Sila.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah, okay.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya tertarik pasal ikan patin tempoyak nak dieksport ke luar negara. Pernah tak pihak kerajaan jumpa er… salmon masak tempoyak di Belanda (ahli dewan ketawa).

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia baru ini… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua… terima kasih ni… rakan daripada Kemayan. FAMA baru ni dia datang dia buat *courtesy call,* dengan izin ya, saya dan menunjukkan produk-produk FAMA. Antara produk FAMA yang dibotolkan ialah tempoyak yang telah pun dilumatkan di… apa nama… dia dah *blend* semua sekali dah taruk apa nama ni… lada dan sebagainya dia dah siap dah, umpamanya kalau kita ambil tu, kita nak buat terus masakan, dia boleh terus digunakan untuk masakan Dato' Sri. Jadi… dan dia botolkan, botolkan dengan botol, penampilan *branding*nya dengan *packaging* dengan yang cukup menarik dan saya yakin ianya boleh dipasarkan kerana apa? Baru-baru ini satu sorang *chef* telah menggunakan… sila.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada rakan saya daripada ADUN Benta, saya nak cakap sikit je pasal tempoyak ni. Di dalam Mesyuarat ECER dua bulan yang lepas, pihak ECER telah membuat budu… pede, budu ini kalau nak tau asal nama dia boleh jumpa saya dalam kamar, bu tu dari mana, du daripada mana, pede pun boleh juga dan budu ini telah dieksport ke luar negara dan mendapat permintaan yang cukup tinggi.

Jadinya di dalam mesyuarat tersebut saya telah minta ECER kaji buat kajian, kaji selidik dan sebagainya bagaimana nak buat tempoyak ni, mungkin dia buat dalam bentuk dia colgate… dalam bentuk colgate, budu dia buat dalam bentuk colgate, jadi bila dia tekan dia perah keluar macam budu betul, rasanya sama je dengan yang kalau kita beli di Kelantan. Jadi tempoyak ini pun saya minta ECER buat kajian dan insya-Allah kalau sekiranya berjalan dengan elok mungkin tempoyak ini kita pun akan eksport ke luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya nampak kemungkinan ada… sebab apa di Amsterdam baru ni Yang Amat Berhormat Dato' Sri, saya maklum, di sana ada restoran yang diusahakan oleh seorang pengusaha daripada Sungai Lembing. Dia ada kedai dia… Sungai Lembing dia er… dia… dulu berhijrah ke Amsterdam mengikut abang dia dan dia mengusahakan restoran, restoran Malaysia, dia tulis di situ Restoran Malaysia tunjuk semua sekali, ada tanda halal, ada halal *certification* dia buat. Dia seorang ni… ni... pemuda cina dia… nama dia, dia panggil Buddha, nama dia. Jumpa dia dan dia buat masakan dan saya kata "*you* ni nanti boleh masak semua ni?" Dia kata boleh. Kalau sekiranya macam dibotolkan masalah dia kalau nak bawa tempoyak dalam bentuk anu tu kus semangat. Er… saya sebab saya teringat dulu masa saya belajar ni mak saya dia bekalkan yang tempoyak hat ni semua dengan er… kicap dan sebagainya dengan ikan kering. Jadi bila bawa dalam beg tu, naik keretapi, dia punya bau tu… kita tak bau, tapi orang putih dia hidu bau tu, dia tengok tu dia terkejut. Dia cari dalam tu, dia tengok muka saya dengan… dia tengok, saya pun akhir sekali saya berpakat kata moh la, kita tinggal beg di sini kita cari ni… *coach* lain. Duduk sebelah.

Jadi maknanya masalahnya ialah untuk membawa kita punya sumber-sumber, bahan-bahan ni. Kalau sekiranya dia diisi dalam misal contoh bekas yang tidak er… ni yang tidak kuat tutup dia akan berbau tetapi saya yakin bila dia botolkan tu, dia kemaskan, ianya boleh dihantar ke mana-mana merata mungkin Donald Trump, Presiden Amerika pun satu hari dia makan *what is this?…this is very good*, sebab kalau dia boleh makan mayonis, boleh makan ini apa nama… sos-sos yang lain macam Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebutkan tadi budu yang masuk dalam pes dia macam colgate tu ya, Dato Sri dia pes tu, ada, *even* dekat Sunderland, saya tengok budu dalam botol ada. Jadi ianya tidak mustahil rakan saya… saya mohon rakan saya Exco Pelancongan tolong buat promosi.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Cuma sedikit je saya nak bagitau tentang er… tempoyak ni Pahang berjayalah kita buat *branding* kita, iaitu tempoyak antara makanan kemudian sambal hitam dan juga dan satu lagi Musang King. Ini di antara produk yang bila orang sebut je produk tu orang akan ingat Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kalau orang tanya ini ikan tempoyak daripada Perak, orang tak makan, ikan tempoyak daripada Kelantan tak makan. Saya ada sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pergi ke pilihanraya kecil di Gua Musang, singgah ada tempoyak, kita pun nak rasalah orang makan ikan tempoyak orang Kelantan. Tanya ini tempoyak mana? Ini tempoyak Pahe, maknanya dia pun cakap ikan tempoyak Pahang juga.[ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pahang sedap lagi.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Ya Pahang juga, maknanya ini antara *branding* yang cukup berjaya untuk kita apa namanya… kita ketengahkan dan kita harap supaya apa tu… Jawatankuasa Pertanian akan buat inovasi-inovasi yang baru Yang Berhormat Yang di-Pertua. Ini

untuk makluman semualah, sebab itu sekarang ni tempoyak ini er… apa, patin tempoyak ini dah jadi satu fenomena baru dalam pemakanan di Malaysia ini.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Apabila sebut tentang memajukan penternakan ikan air tawar itu, kita harapkan, bukan sahaja kita meningkatkan permintaan pasaran tempatan, malah kita ada wujudnya permintaan pasaran luar negeri. Jadi saya ingin tahu ada tak kita adanya permintaan dari luar negeri tentang ikan air tawar kita?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato Sri,

Ikan patin… kira ikan patin biasa je sekarang ni RM17, RM18 sekilo, ini pekan sehari ni. Jadi… itupun kalau lambat sikit je pergi, tak cukup. Patin buah… patin buah yang dalam sangkar saya ingat dia pergi menjangkau sampai RM60 sekilo,tinggi. Talapia pun atas sikitlah, kalau kiranya patin dalam RM17, talapia mungkin dalam RM20 dan permintaan di peringkat er… ni tempatan ni memang tinggi, sebab tu tak sempat kita orang kata nak mengeksport. Kita… misal contoh kawasan saya di Benta kan mengimport ini ikan patin daripada Temerloh ha… makna Temerloh mengeksport ikan patin luar daripada daerah tu.

Kalau tengok Pekan pun begitu juga. Tapi dalam kontek ni er…sebenarnya inilah maksudnya *demand* permintaannya tinggi, hinggakan kita tidak dapat menampung permintaan dalaman dan ianya er… menjadi satu er… peluang yang cukup baik bagi *agroprenuer-agroprenuer* muda kita. Sebab itu dalam kontek ini insya-Allah, Kerajaan Negeri akan terus menganjurkan program-program dengan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada pihak Kementerian yang menyediakan geran-geran dari bantuan-bantuan yang er… khusus untuk er… mempastikan *food security* kita ni khususnya sumber protein ya, ikan ni ialah sumber protein yang baik dapat disediakan kepada rakyat jelata, Insya-Allah.

Dalam kontek ini saya sekali lagi menyeru kepada rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini supaya dapat kita bersama ya, kita tampilkan, kita tonjolkan satu *blue print masterplan* untuk kita jadikan Negeri Pahang ni seperti saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dalam Titah pembukaan Dewan semalam jadikan Pahang ni sebagai hak utama. Insya-Allah di negara kita Malaysia ini dan kalau kita boleh kembangkan er… di peringkat ni… rantau, Tenggara Asia dan Asia, insya-Allah. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, kita pergi ke soalan berikutnya, saya jemput Wakil dari Sabai.

YB. PUAN KAMACHE A/P A CORAY RAJOO

Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan yang ke-4.

[Adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah di negeri Pahang? Jika ya,

1.1 Berapakah nilai peruntukan yang akan diberikan kepada:

a. Sekolah Kebangsaan.
b. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
c. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan jawab soalan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mewakili bagi pihak wakil Kerajaan menjawab soalan 4.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk menjawab soalan ini sememangnya Kerajaan Negeri tidak memberi apa-apa peruntukan khas kepada sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kerana er... peruntukan pentadbiran dan penyelenggaraan sekolah-sekolah ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Namun begitu Dato' Sri Yang di-Pertua, banyak sekali sumbangan-sumbangan telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui bukan sahaja Yayasan Pahang, tetapi peruntukan khas yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Undangan daripada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Pahang ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Walaupun mutakhirnya akhir-akhir ini banyak sekolah agak takut nak menjemput wakil-wakil Kerajaan Negeri kita ni untuk datang ke sekolah tetapi kita masih lagi berani untuk menyalurkan sumbangan khususnya untuk program-program dan aktiviti-aktiviti kepada anak-anak sekolah kita. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya jemput…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Soalan tambahan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Soalan tambahan, boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat oleh kerana Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pelajaran dan Kesihatan…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Kalau tak boleh soalan tambahan, saya nak tanya kalau boleh ulas daripada Sabai. Saya tanya kepada Sabai, boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat tak perlu Yang Berhormat… Tak perlu tanya Yang Berhormat…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia pun tak tahu tu saya ingat…Mungkin…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tak… saya, saya… senang je Dato', Dato' di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya rasakan Sekolah Kebangsaan Cina, Sekolah Kebangsaan Tamil adalah sekolah bantuan modal, ya. Jadi, saya rasakan peruntukan yang kita salurkan, kerajaan salurkan kepada sekolah-sekolah Cina dan India terutama sekolah Cina, bagi saya… kita seolah-olah kita menghalang perpaduan. Saya setuju kalau pihak kerajaan tak boleh ulas, minta tolong pandangan daripada Sabai. Pasal saya tengok, sejauh ini 60 tahun kita dah merdeka, boleh katakan hampir 90% pelajar-pelajar daripada sekolah cina tak fasih bahasa melayu, ya. Sedangkan dia orang menganggapkan dia orang ni sebahagian warganegara Malaysia tapi masih lagi kita tengok macam seolah-olah berkelakuan seperti pendatang. Minta maaf cerita ya, minta maaf. Jadi, saya rasakan kalau lebih banyak peruntukan disalurkan, lebih

kuatlah kita menghalang perpaduan. Itu maknanya… kalau boleh minta Sabai pandangan Sabai, silakan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk, duduk Yang Berhormat, duduk. Kita dalam sesi soalan dan jawapan. Soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat *backbencher*, jawapan daripada pihak kerajaan. Jadi, kalau pihak *backbencher* bertanya kepada *backbencher* juga, saya ingat ini tak ada maknanya dalam Dewan Yang Mulia ini. Tidak ada yang tahu barangkali tentang portfolio hal-hal yang berkaitan dengan bidang masing-masing. Jadi, saya kira soalan ini tak perlu dijawab dan tak perlu ditanya.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, kalau tak tetapi apa yang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Bilut… Yang Berhormat Bilut sila duduk. Sila duduk, sila duduk.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Dibangkit oleh oleh ahli daripada…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Bilut… sila duduk. Saya tahu saya tahu, boleh duduk. Saya kira tadi tak perlu penjelasan kerana Yang Berhormat bersama Yang Berhormat bertanya. Kita di sini dalam sesi menjawab dan bertanya daripada pihak *backbencher* kepada pihak kerajaan…

YB. PUAN KAMACHE A/P DORAY RAJOO

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini sudah berlawanan dengan aturan mesyuarat kita. Sabai duduk Sabai. Jadi, untuk meneruskan… saya pun dah rasa lapar sekarang ni, jadi saya kira pertanyaan tadi bukannya tak betul dan tak boleh tapi tak sesuai dengan aturan urusan mesyuarat kita. Jadi, saya beredar kepada soalan berikutnya. Sila ADUN dari Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan ke-5.

> [Adakah kerajaan merancang untuk membina jalan bypass atau jalan alternatif dari bandar Bera ke bandar Triang?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih juga Wakil daripada Triang yang bertanyakan soalan berkaitan dengan jalan alternatif daripada bandar Bera ke bandar Triang.

Untuk makluman Sidang Dewan yang dihormati sekalian, Pejabat Jurutera Daerah JKR Bera telah memohon untuk kerja ini dalam Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu bagi membina jalan alternatif daripada bandar Bera ke Triang dengan projek yang dinamakan cadangan jalan dari Hospital Bera ke Jalan Bukit Menteri. Ianya menjadi alternatif bagi mengurangkan kesesakan di bandar Kerayong. Walau bagaimanapun, sehingga kini, peruntukan tersebut belum diluluskan dan pihak JKR akan terus memohon bagi mendapatkan peruntukan ini dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tambahan ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Untuk cadangan jalan alternatif dari Hospital Bera melalui Menteri ke bandar Triang, apakah anggaran jumlah peruntukan yang diperlukan dan sekiranya ini tidak diluluskan, adakah ada cadangan lain daripada pihak kerajaan supaya dapat menyelesaikan kesesakan yang semakin serius? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pihak JKR menganggarkan projek ini akan memakan kos lebih kurang RM22 juta untuk jalan sepanjang 3 kilometer. Berbalik kepada soalan kedua Yang Berhormat Triang, selain daripada jalan ini, pihak JKR juga mencadangkan untuk membina satu lagi jalan daripada Kampung Kerayong Selatan ke Triang Sentral sebagai alternatif kepada jalan yang sedia ada. Projek ini dijangka memakan kos RM15 juta untuk jarak perjalanan 4 kilometer, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya. Wakil Damak.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

> [Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi mengekang budaya 'rempit' di kalangan belia pada hari ini?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dato' Pengerusi Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Damak. Kerajaan Negeri sangat prihatin melalui pihak PDRM sentiasa menjalankan penguatkuasaan secara berterusan bagi membendung gejala samseng jalanan ataupun rempit menerusi operasi dan kempen kesedaran yang dijalankan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta di sekolah-sekolah termasuk juga kempen-kempen di dalam mukim-mukim di dalam daerah serta penglibatan JKKK untuk kesedaran tersebut. Dan untuk makluman Sidang Dewan juga, jumlah saman atau operasi samseng jalanan oleh pihak Polis Diraja Malaysia melibatkan antaranya ialah lesen ya, kalau tengok pada tahun 2018, sebanyak 2,196 kesalahan memandu tanpa lesen.

Begitu juga cukai jalan ya, pada 2018 melibatkan 1,420 penunggang bawah umur. Kita ambil tahun 2018, seramai 21 orang tidak menampal *sticker* L seramai 68 orang, tidak mengenakan ataupun menggunakan topi keledar sebanyak 1,257 orang, ekzos yang diubah suai sebanyak atau seramai 1,172 orang, nombor plat sebanyak 2,571, cermin sisi sebanyak 1,228 dan lain-lain sebanyak 2,397 kesalahan yang telah direkodkan. Dan jumlah kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh pihak PDRM merujuk kepada bulan Januari sehingga Disember 2018, di sekolah sebanyak 85 kempen kesedaran, IPTA/swasta 12, jabatan kerajaan 8, syarikat swasta 4, kilang 6 dan tempat awam 38.

Untuk makluman Sidang Dewan juga, pihak PDRM antara lainnya juga melaksanakan *policing community* di daerah-daerah dan perkara ini sangat berkesan di mana hubungan antara pihak polis dan juga masyarakat bekerjasama menjadi mata kepala kepada pihak polis untuk melaporkan bukan sahaja jenayah tetapi juga bersabit dengan rempit ini.

Saya teringat baru-baru ini, sebagai contoh saya pergi ke Jengka ya, merasmikan sukan ataupun *Fun Ride* dan *Fun Run* ya, pihak polis di Jengka sebagai contoh mengadakan operasi menahan mat-mat rempit ini terutama sekali di depan UiTM, di depan Hospital Jengka. Er… ini antara operasi-operasi yang diadakan di dalam daerah-daerah di seluruh negeri Pahang.

Begitu juga dengan operasi yang dijalankan oleh pihak JKJR, kempen keselamatan jalan raya juga memberi satu kesedaran kepada pihak penunggang motosikal khususnya juga kepada kesedaran oleh mat-mat rempit ini dan saya dalam Sidang Dewan Yang Mulia ini juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak swasta, NGO yang mengadakan kempen-kempen kesedaran dengan kerjasama pihak polis dan sebagainya. Sebagai contoh di Jerantut… mengadakan Jerantut *Bike Week* ya, err.. .meletakkan *tag line no* rempit *go green*.

Err… begitu juga err… dalam sambutan Hari Belia Negara Negeri Pahang ya, beberapa taklimat juga telah kita mohon untuk diberikan oleh pihak PDRM, dan

termasuklah perempit-perempit ini ya, kita jadikan dia sebagai *icon* untuk memberi ceramah kepada anak-anak muda mat rempit yang telah ditahan oleh pihak polis. Pendek katanya bahawa, PDRM sentiasa membuat penguatkuasaan dan juga memastikan bahawa gejala mat rempit ini di bawah kawalan supaya tidak err… menyusahkan lalu-lintas dan membahayakan nyawa anak-anak muda ini.

Dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PDRM kerana err… sepanjang pemeriksaan atau pun err… operasi yang dijalankan, di… sama ada di jalan persekutuan ataupun jalan luar bandar, serta mukim-mukim ini, telah mendapat *respond* yang baik dan err… saya juga ingin berkongsi pengalaman dengan ADUN Damak. Saya sendiri pun pernah mengumpulkan anak-anak muda rempit ini dan saya tubuhkan *whatsapp group* di kalangan mat-mat rempit ini. Dan saya tengok dia orang ni, 24 jam tak tidur, ya. Semua berbual, semua mat rempit punyak cerita. Jadi alhamdulillah, kita ni tidaklah dapat mengawal seluruhnya, tetapi kita boleh bagi sedikit sebanyak nasihat err… kepada mereka, dan kadang-kadang kita buat jamuan BBQ. Ini sentuhan di kalangan Wakil-wakil Rakyat atau pemimpin setempat ya, untuk makluman err… ADUN Damak dan Sidang Dewan Yang Mulia. Sekian, terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan. Terima kasih.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Yang diPertua.

Okay. Ada tak inisiatif daripada Kerajaan Negeri untuk membuat litar lumba yang lebih selamat? Kerana kalau kita lihat, ini mungkin lebih baiklah untuk inisiatif sukan bermotor, dan juga sekarang, saya rasa sekarang ini banyak err… banyak kejadian apa… basikal lajak. Apakah inisiatif atau pun pihak Kerajaan Negeri mungkin boleh lakukan sesuatu tentang sukan basikal lajak berleluasa di kalangan budak sekolah rendah lagi. Ini amat membimbangkan kerana basikal tu tak ada *handbrake,* jadi mereka kadang-kadang sehingga tengah malam dan sebagainya kita boleh nampak di jalan raya. Dan tentang inisiatif litar lumba yang lebih selamat ini, kerana di kawasan Mempaga err... FELDA Mempaga anak-anak muda di situ, mereka err… pernah memohon untuk membuat err… memohon untuk membuat litar lumba yang lebih selamatlah untuk kawasan mereka sendiri. Jadi mungkin ada pandangan daripada pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

YB. DATO' SERI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab err… pertanyaan oleh ADUN Ketari ni, saya nak tanya ADUN Ketari, apa tu, ADUN Ketari pernah tengok tak mat rempit ni dia punya gaya semasa dia merempit? Boleh cerita pada kami sekejap? Silakan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Err… ya. Selalu tengok err… gaya *Superman* dan sebagainya. Banyak gaya yang

dilakukan oleh pihak mat rempit ni dan sebagainya, dan basikal lajak pun mereka banyak gaya juga yang membahayakan.

YB. DATO' SERI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang diPertua,

Makna betul lah Rara ni err… apa ni… ADUN Ketari ni, dia memerhati tentang masalah rempit ini. Dia bukan setakat jadi *superman* dan juga *batman* dan sebagainya, tetapi yang… yang orang kata, kita tengok sendiri pun bagaimana dia orang masuk *brake* motor guna tangan. Ha, ini suatu perbuatan yang cukup merbahayalah. Saya ingat di Temerloh pun baru ini, kita adakan *Cub Prix* ya, adalah salah satu untuk menangani masalah mat rempit ini. Begitu juga, saya ucap terima kasih kepada rakan saya yang datang merasmikan *Cub Prix* PETRONAS ya, dan berbalik kepada soalan err… ADUN Ketari. Kita di negeri Pahang ni, sebenarnya telah ada kelulusan hampir RM40 juta iaitu Litar Lumba di Jengka 23. Untuk makluman ADUN Ketari ya, dan baru-baru ini kita telah dimaklumkan bahawa projek yang telah diluluskan sebanyak RM40 juta itu, di negeri Pahang err… telah ditangguhkan. Dan baru-baru ini juga, saya difahamkan telah dipindahkan ke negeri Kedah.

Jadi bagi saya, ini satu perkara yang mengecewakan kitalah dan kita berharap Kerajaan Pusat sepatutnya meneruskan er… usaha untuk membangunkan litar lumba ini, kerana sepertimana kita sebutkan tadilah, sekurang-kurangnya mereka ini ada litar lumba untuk berlumba, untuk menghabiskan hobi mereka di situ, dan sebagainya, dalam keadaan yang terjamin dan lebih selamat ya, dan saya mengharapkanlah mudah-mudahan dengan kepimpinan baru Kerajaan PH ini, supaya kalau boleh dapat melihat kembali tuntutan err… di Kerajaan Negeri ini, bahawa memang kita di negeri Pahang ini memang terkenal dengan sukan pemotoran ya.

Sebab itu, bila kita buat sesuatu *event* pemotoran ni, sehingga sepuluh ribu *crowd* datang, untuk makluman pihak Yang di-Pertua dan berbalik kepada basikal lajak dan sebagainya, saya sudah bertanya kepada pihak polis bahawa err… basikal lajak ini tidak memenuhi kriteria ata pun kita katakan syarat-syarat untuk digunakan di jalan raya dan sebagainya. Sebab itu, kita lihat basikal lajak ni banyak di pekan-pekan, dan juga di kampung-kampung memang penggunaannya kurang selamat ya. Dan kita mengharapkan supaya kepimpinan dan juga pihak Polis Diraja Malaysia akan terus meneruskan operasi bagi mengawal, dan kita di pihak kepimpinan baik Wakil Rakyatnya, baik pimpinan setempat akan terus memberi err… orang kata khidmat nasihat dan juga tunjuk ajar kepada anak- anak kita ini. Terima kasih Yang diPertua.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan Tambahan.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ha. Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Wakil dari Kerajaan kerana memberi jawapan terhadap masalah mat rempit. Saya juga, terdapat juga mat rempit di LPT. Selalu pada hari Jumaat, Sabtu,

Ahad dan semasa cuti umum. Gaya dia, ha… tak payah tanya, saya Tanya dia dulu. Gaya dia macam *spiderman*. *So*, mohon ambil terhadap mat rempit seperti ini yang cukup membahayakan err… yang pengguna LPT yang lain. Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang diPertua,

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Izinkan saya berkongsi sedikit maklumat mewakili Exco belia, kerana perkara ini juga berkaitan dengan kemudahan jalan raya dan juga soal keselamatan di jalan raya. Tadi kita berbincang tentang psikologi remaja, ataupun belia yang menggalakkan mereka ini mengambil cabaran dengan merempit. Di sudut yang lain Dato' Sri, kita melihat sekarang ini, remaja ini begitu terdedah dengan mudah mendapatkan motorsikal-motorsikal walaupun pada usia yang tidak melayakkan mereka mendapat lesen.

Daripada pemerhatian kita Dato' Sri Yang di-Pertua, antara masalah utama kemudahan asas di negeri Pahang ini adalah pengangkutan awam di luar bandar. Kalau kita biasa dengar, selalu nasihatkan kepada ibu-bapa supaya tidak membenarkan anak-anak menunggang motorsikal sebagai contoh. Tetapi apa yang berlaku hari ini Dato' Sri Yang di-Pertua, kita lihat di kawasan luar-luar bandar, kemudahan pengangkutan awam amat terhad. Ini err… memaksa ibu bapa ini secara tidak dapat tidak membenarkan anak-anak yang peringkat sekolah ini lagi, menggunakan motorsikal untuk ke sekolah dan akhirnya sebab dah biasa pegang motor, maka mereka terdorong untuk melakukan akiviti-aktiviti lain berasaskan motorsikal.

Sebagai langkah Kerajaan Negeri untuk membantu membendung masalah ini, secara tidak langsungnya kita telah mengusulkan kepada Kementerian Pengangkutan melalui Majlis Pengangkutan Negara untuk membuat satu kajian err… sejauh manakah keberkesanan, kecekapan pengangkutan awam di luar bandar. Kerana sebenarnya kerajaan memberikan satu jumlah subsidi yang besar untuk pengangkutan awam. Tetapi malangnya, kita tengok di kawasan luar bandar sekarang ini, susah kita nak dapat bas awam, susah kita nak tengok teksi-teksi beroperasi. Dan selaras dengan itu juga Dato' Sri Yang diPertua, di peringkat Kerajaan Negeri kita dalam cadangan untuk mewujudkan Majlis Pengangkutan Awam Peringkat Negeri Pahang untuk melihat masalah ni secara bersama. Terima kasih Dato' Sri Yang diPertua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang diPertua.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Saya tertarik tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun bertanya pada saya, ni, Wakil daripada Teruntum ni, saya nak tanya apa beza dia, dia cakap tadi Wakil daripada, ni sahabat saya daripada Tioman dia cakap pasal *batman, superman.* Dia cakap *Spiderman* ni, macam mana *spiderman* ni*?* Macamana cara, bentuk *spiderman* atau motorsikal ke macam mana? Ataupun ini, *superman,* ha… dia *spiderman* tu macamana? Boleh tak Wakil daripada Teruntum terangkan bentuk aksi dia tu macam mana?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… Terima kasih Wakil daripada Kerajaan. Dia sentuh tangan dengan tangan. Dua orang dia bersaing, dia sentuh tangan, sentuh tangan. *Touch* sini, *touch* situ. Depan mata saya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Itu bukan shaolin ke? [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat, ada apa-apa? Yang Berhormat Exco Belia.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Di-Pertua, yang sentuh tangan *touching-touching* tu saya tak tengok lagi yang tu. Nanti saya akan tengok malam-malam nanti pulak.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu berlaku di Teruntum.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Di-Pertua,

Saya mengambil maklum tentang kebimbangan er… ADUN Teruntum dan kita pihak Kerajaan Negeri sentiasa ya perihatin dan terus perihatin melalui PDRM dan pihak-pihak IPTA, IPTS er… dengan er… mengadakan *booth-booth* kempen kesedaran kepada mat-mat rempit ini dan er… kita perhatikan juga bukan sahaja pihak kerajaan tetapi tengok pihak swasta, NGO-NGO apabila mana buat er… perjumpaan buat *booth-booth* pameran er… saya melihat tak pernah lah maksud kata PDRM ini sentiasa bersama dengan masyarakat untuk er… mengadakan kempen-kempen keselamatan ini dan tahniah dan syabas kepada PDRM dan saya mendoakan dengan kepimpinan baru KP er… Pahang ya, Ketua Polis Pahang yang baru melapor ke negeri Pahang ini, akan beri suntikan yang terbaik untuk er… perkara berhubung kait dengan operasi penguatkuasaan er… untuk menjaga keselamatan nyawa anak-anak muda kita ini dan juga pengguna jalan raya umumnya. Terima kasih Yang Di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikut. Jemput Wakil dari

Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk kemukakan soalan nombor… nombor 7.

> [Sejauh manakah proses penjenamaan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dijalankan? Apakah peranan dan tanggungjawab baru MPKK? Bagaimanakah proses pemilihan dan pelantikan pengerusinya dijalankan?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucap banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua yang memberi laluan kepada saya bagi menjawab pertanyaan daripada Tanah Rata. Pertanyaan pertama ialah mengenai proses penjenamaan semula ini JKKK dan juga MPKK. Penjenamaan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung iaitu JKKK kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung MPKK, telah dilaksana dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 dan kita bagi pihak Kerajaan Negeri pun er… telah bersetuju dengan cadangan penjenamaan ataupun perubahan nama ni dan untuk makluman sebanyak 542 JKKK dalam negeri Pahang ini telah bertukar kepada nama MPKK.

Soalan yang kedua ialah mengenai peranan dan tanggungjawab baru MPKK. MPKK kini bukan sahaja berfungsi sebagai satu entiti ataupun badan yang merancang dan melaksanakan pelan pembangunan kampung untuk mewujudkan kampung yang maju dan sejahtera, malah MPKK juga berperanan untuk menumpukan aspek kesejahteraan penduduk kampung melalui program-program yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Dewan, baru-baru ini pun pada 25 Mac 2018, saya dijemput er… iaitu mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana pada ketika itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar berada di Belanda kalau tak silap saya, untuk merasmikan satu kursus infra yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dalam program tersebut er… Kementerian dan juga Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengemaskini jentera JKKK di peringkat kampung-kampung dan bagi memperkasakan program ini… kesejahteraan tadi melalui program er… imuniti social, Kerajaan Persekutuan telah pun memberi sebanyak er… RM10,000 kepada tiap JKKK di dalam negeri Pahang ini. Jadi inilah di antara peranan dan tanggungjawab baru MPKK.

Soalan yang ketiga ialah proses pemilihan MPKK. Proses pemilihan dan pelantikan telah ditetapkan bahawa ianya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Bagi negeri Pahang, Pihak Berkuasa melantik untuk Pengerusi MPKK adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar manakala Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa adalah di peringkat Pegawai Daerah di peringkat daerah. Pemilihan saringan untuk jawatan Pengerusi MPKK hendaklah dibuat menerusi Jawatankuasa Pemilihan MPKK Peringkat Daerah dan kelulusan pelantikan perlu diperolehi daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Bagi jawatan Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa MPKK, Pejabat Daerah dan…

Pejabat Daerah akan mengenal pasti dan memperakui calon-calon yang berkelayakan seterusnya meluluskan ini pelantikan. Ini er… sedikit sebanyak panduan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Pahang. Bagi peringkat perlaksanaan di daerah-daerah, proses penjenamaan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dari segi peranan dan tanggungjawab baru MPKK, pihak daerah juga telah melaksanakan pelan pembangunan kampung dengan melibatkan komuniti setempat ke arah mewujudkan kampung yang maju dan sejahtera, memastikan buku profil kampung sentiasa dikemaskini, melaporkan isu-isu kampung kepada pihak berkaitan dan melaporkan kepada Pejabat Tanah jika terdapat pencerobohan tanah-tanah kerajaan di dalam kampung serta melaksanakan aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan di kampung. Er… ni di antara peranan JKKK di kampung-kampung yang diselaraskan oleh Pejabat Daerah.

Beberapa penambahan baru iaitu mewujudkan er… pengerusi-pengerusi di peringkat kampung er… dari segi barisan jawatankuasa MPKK di kampung-kampung. Pertamanya Pengerusi, kedua Setiausaha dan ada 11 biro. Biro Pembangunan Pasarana, Biro Ekonomi dan Keusahawanan, Biro Kesejahteraan dan Keceriaan, Biro Belia Sukan dan NGO, Biro Keselamatan dan Kesihatan, Biro Pengurusan Kewangan, Biro Pendidikan dan Inovasi, Biro Pemantauan Spiritual, Biro Kebajikan dan Kesukarelaan, Biro Infrastruktur dan Komunikasi dan Biro Hal Ehwal Wanita dan Keluarga. Inilah di antara er… sedikit sebanyak peranan dan tanggungjawab JKKK di peringkat kampung-kampung dan proses pemilihan pelantikan Pengerusi er… di peringkat daerah ianya bermula daripada Pihak Berkuasa melantik PBN mengumumkan kekosongan jawatan kepada penduduk setempat beserta borang permohonan dan selepas itu calon yang berminat perlu mengisi borang yang disediakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.

Pemilihan calon dilaksanakan melalui kaedah temuduga, saringan atau lain-lain kaedah yang sesuai oleh Jawatankuasa Pemilihan MPKK peringkat daerah dan selepas pelantikan diluluskan Pihak Berkuasa Melantik perlu menyediakan dan menyerahkan watikah pelantikan kepada pengerusi yang berjaya. Senarai lengkap Pengerusi MPKK yang telah diluluskan dan dimuktamadkan oleh PBN perlu dikemukakan kepada KPLB oleh ini… Kerajaan Negeri. Er… inilah di antara proses-proses yang dijalankan er… di peringkat daerah-daerah. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Memandangkan ada sesetengah tempat masih belum ada lagi pelantikan dan pemilihan untuk pengerusi MPKK, jadi adakah pihak kerajaan… pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan pemilihan terus ataupun kita katanya Pilihanraya Kerajaan Tempatan supaya Pengerusi dan Setiausaha MPKK ini boleh dipilih terus oleh rakyat tempatan? Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Pertamanya mengenai JKKK lah ataupun MPKK yang masih belum diluluskan oleh pihak ni kerajaan. Mungkin maksud daripada Tanah Rata adalah daerah Cameron Highlands. Sebenarnya di daerah Cameron Highlands ni masih tak ada lagi ini JKKK ataupun MPKK. Ada satu cadangan daripada Taman Sedia sebenarnya. Jadi bagi pihak kerajaan menganggap taman tu bukan kampung. Jadi sebenarnya taman tu adalah kampung. Cerita taman ni Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, cerita orang dulu-dulu la. Saya pun suka juga mendengar cerita, kan dulu cerita di Janda Baik oleh Ketari kan, hari ni saya bercerita pulak mengenai taman di Cameron Highlands.

Sebenarnya Kampung Sedia ni, pada peringkat awal ni, ianya ada satu taman yang telah tersedia, yang telah digunakan. Mungkinlah oleh ini… Yang Berhormat Dato' Menteri Besar ya, orang…makhluk haluslah. Ha, taman tu cantik. Jadi sebab itulah, kampung tu dipanggil Taman Sedia, taman dah sedia, yang digunakan oleh ini… mungkin makhluk haluslah, orang bunian dan sebagainya.

Jadi pihak Daerah mengangkat, mencadangkan nama JKK tu adalah JKK Taman Sedia. Jadi pihak kerajaan ni ingatkan taman, sebenarnya bukan taman ialah Kampung Taman Sedia. Jadi saya telah minta kepada Pejabat Daerah Cameron Highlands untuk mengemukakan semula permohonan ini bagi pertimbangan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan JKK. Dan keduanya dari segi pemilihan ni MPKK ni. Ini telah dipersetujui oleh Jemaah err… Jemaah Menteri Kerajaan Pusat, Kerajaan *Federal* yang mana pelantikan ni er… telah dibuat sebagaimana saya sebutkan tadi. Makna tidak ada... tidak ada pemilihan. Maknanya Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun, ini Jemaah Menteri, telah bersetuju melantik MPKK sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Maknanya tidak ada pemilihan MPKK. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahan, Sila. Ya, bagi. Ya, sila.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Saya ingat yang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebentar Tahan, pihak Kerajaan nak…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Masalah yang timbul ni, macam Kampung Taman Sedia ni err… dia boleh memberi konotasi yang berbeza tapi kalau sekiranya pihak Kementerian turun, saya ingat dia boleh menyelesaikan masalah. Macam kita makananlah, kita ada cucur udang, memang cucur udang boleh makan. Kalau cucur badak? Boleh makan dak? Dia tanya cucur badak, macam mana boleh makan badak. Dia kata tak boleh. Tapi bila dia turun dia tengok cucur udang tu begini, cucur badak tu begini. Maknanya boleh makan. Jadi kalau tiap-tiap kementerian, nasihatkan tiap-tiap Kementerian Luar Bandar, pegi tengok taman tu. Maknanya ianya merupakan sebuah perkampungan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Kalau badak… badak apa ni badak… ber...ber...berendam macam mana?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

[Ketawa] Hah… yang tu kita err… Jadi maknanya Yang Berhormat Dato' Sri hanya perkara ni minta supaya er… MPKK ni penting. Saya ingat perkara-perkara macam inilah yang boleh kalau kita baca. Misal contoh nama, kalau nama hamba Allah tu katalah dia gelaran yang dianugerahkan Tun. Tun anugerah gelaran oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong tapi ada juga ibu bapa yang namakan anak dia Tun terus. Terus bagi je Tun, jadi dia bernama. Eh... dia ni bila dapatnya tapi umur kecik lagi, umur belum masuk sekolah tapi nama dah Tun dah. Jadi begitu Dato' Sri. Jadi maknanya kalau boleh tu untuk menyelesaikan masalah ni, dia kena turun padang, tengok betul. Nama ni kadang boleh mengelirukan. Janda Baik misal contohnya Urdu, Tanjung Put… *sorry* Tanjung Putus ni kan, Genting hah. Jadi, Dato' Sri ya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahan tadi. Sila, Tahan…Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Soalan tambahan. Saya nak tanya dua perkara kepada kerajaan. Pertama sekali err… selepas daripada diperkenalkan MPKK, err… berapakah elaun yang dibayar kepada Pengerusi MPKK dan yang keduanya apakah elaun itu ada juga tambahan daripada Kerajaan Negeri?

Yang Kedua err… saya difahamkan err… Jawatankuasa MPKK yang dibentuk ada beberapa kerusi ataupun ada beberapa jawatan ataupun kita katakan kerusilah yang perlu diisi oleh Wakil daripada Kerajaan Pemerintahan daripada Persekutuanlah, daripada Kerajaan PH. Soalan saya setakat 11 bulan ini err…. berapakah jumlah MPKK seluruh negeri Pahang yang telah menyelesaikan maknanya kerusi-kerusi ataupun orang panggil AJK-AJK yang perlu diletak mewakili err… penyokong Kerajaan PH? Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Yang DiPertua,

Pertamanya mengenai elaun. Setakat ini Kerajaan Persekutuan telah membayar sebanyak RM500 sebulan kepada Pengerusi MPKK dan pihak Kerajaan Negeri masih menimbanglahkan untuk menambah. Bagi penggal yang lepas tu memang kita menambah tapi untuk ni kita masih menimbang untuk menambah ni elaun kepada Pengerusi MPKK.

Keduanya mengenai pelantikan 5 ahli tambahan MPKK oleh Kerajaan Persekutuan ni, ini terpulanglah kepada ini MPKK yang berkenaan. Ada setengah tu ada penambahan 5 tu, ada setengah tu tak ada lagi kerana penambahan 5 orang ni kalau mengikut daripada pekeliling, ianya hendaklah dilantik oleh Menteri. KPLB sebagai Kementerian yang bertanggungjawab akan menghantar senarai nama-nama ahli

yang telah dipersetujui di peringkat Kementerian kepada Kerajaan Negeri. Hah, maknanya kita menunggu nama daripada KPLB dan ada setengah MPKK tu, ada… ada 5 orang tu ada, setengah tu tak ada tapi walau bagaimanapun, ada tak de ke, MPKK di kampung tu tetap mengadakan kerja dia ataupun menjalankan mesyuarat. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada lagi?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Bila disebut bahawa 5 kekosongan itu akan dihantar nama oleh Menteri atau Kerajaan Persekutuan bagi menyempurnakan Jawatankuasa MPKK. Saya khuatir dan juga melahirkan sedikit kebimbangan jika sekiranya nama-nama yang dihantar ataupun orang-orang yang memenuhi kuota 5 itu adalah mungkin bukan daripada penduduk kampung tersebut yang tidak memahami situasi dan juga tabiat kampung itu sendiri yang akhirnya saya rasa akan menyusahkan perjalanan dan juga pengurusan MPKK itu sendiri. Wallahu a'alam.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Sebagaimana yang saya maklum, pelantikan Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa sedikit sebanyak adalah dibawah Pejabat Daerah, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa. Jadi nama-nama tu mungkin disaringlah oleh ini Pejabat Daerah untuk berbincang bagi memutuskan 5 orang itu. Setakat ini, tidak ada masalahlah dengan MPKK-MPKK yang telah dipersetujui sebagaimana yang kita terima tadi kerana ini berpandu kepada Mesyuarat Jemaah Menteri juga, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Oktober 2018 telah bersetuju mengenai pertambahan 5 anggota MPKK yang telah dilantik oleh KPLB. Hah, ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah. Jadi kita ikut je. Yang pentingnya bagi pihak Kerajaan Negeri kuasa melantik dan menamat Pengerusi itu je dibawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, hak itu. Hak lain tu tambahlah, nak tambah. Kita ngikut je. Itu je Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Saya jemput Wakil dari Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, saya mengemukakan soalan nombor 8.

> [Seperti yang kita sedia maklum, KDYMM Al-Sultan Abdullah telah ditabalkan menjadi Sultan Pahang Ke-VI. Rata-rata orang awam telah memuat naik ke

dalam alam maya, facebook, whatsapp dan sebagainya mengenai isu yang agak sensitif serta menghina ke atas KDYMM Al-Sultan Abdullah. Apakah tindakan yang sewajarnya oleh pihak media khususnya pihak kementerian multimedia dalam menangani isu yang berkaitan.]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk menjawab soalan nombor 8 dan juga terima kasih kepada rakan saya daripada ADUN Kawasan Sungai Lembing kerana telah mengemukakan soalan ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sistem yang diamalkan dalam negara ini adalah Sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Manakala Perlembagaan Persekutuan mengandungi 183 perkara dengan 13 jadual. Bagi setiap perkara terdapat beberapa fasal yang dijelaskan dengan terperinci bagi garis panduan perundangan dan kepentingan rakyat. Di dalam Perlembagaan Persekutuan yang jelas juga mengandungi beberapa perkara yang tidak boleh dipersoalkan. Yang pertamanya, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, yang keduanya kedudukan keistimewaan Raja-raja Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, yang keempat kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, yang ketiga, maaf. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan keempat adalah soal kerakyatan.

Yang Di-Pertuan Agong adalah pemimpin tertinggi negara yang memberikan keizinan pembentukan sesebuah kerajaan yang sah, sama ada kerajaan atau pembangkang, dahulu ataupun sekarang, tertakluk kepada perlembagaan ini. Justeru itu, tindakan segelintir rakyat sejak-sejak mutakhir ini, telah banyak begitu menular di bidang sosial, penghinaan terhadap Yang Di-Pertuan Agong adalah sangat membimbangkan kita semua.

Sejak-sejak mutakhir ini begitu banyak laporan-laporan polis telah diadukan dan kita berharap tindakan yang segera dapat diambil oleh pihak Kerajaan. Tindakan oleh rakyat yang menghina Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dengan apa cara dan di mana sekali dilakukan adalah perbuatan dan kelakuan yang buruk yang tidak boleh dimaafkan dan perlukan tindakan yang tegas dan hukuman yang keras kerana ianya telah melanggar Peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Kesiksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah instrumen perundangan yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan dalam mengawal selia dan menangani kesalahan di media sosial terutamanya bagi penyalahgunaan yang berupa provokasi, penghinaan atau hasutan untuk menanamkan kebencian terhadap Institusi Diraja.

Secara khusus, penyalahgunaan media sosial melibatkan penghinaan terhadap Institusi Beraja adalah tertakluk di bawah Akta Hasutan 1948, di bawah bidangkuasa pihak PDRM. Bagi Kesalahan di bawah peruntukan undang-undang tersebut, jalinan kerjasama antara pihak PDRM dan SKMM juga telah sedia terjalin termasuk dalam

aspek bantuan teknikal berhubung siasatan forensik digital serta penyelarasan siasatan. Kertas siasatan yang dibuka mengikut Akta Hasutan ini dan segala rumusan atau dapatan akan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut sama ada boleh didakwa ataupun tidak.

Selain daripada itu, tindakan boleh turut disusuli oleh pihak SKMM di bawah Seksyen 233 bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta pihak yang terkesan, jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM50,000 dan… atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang Di-Pertua,

Sehubungan dengan penjelasan tersebut tadi, saya ingin tahu apakah tindakan yang telah atau sedang diambil terhadap peristiwa err… *facebook* Sabah, Sarawak yang sedang hangat diperkatakan sekarang. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Err… sehingga kini maklumat yang saya terima, untuk Sabah Sarawak ini adalah satu penghinaan terhadap Yang Di-Pertuan Agong di mana ditukar baju sampai jadi singlet dan berbagai-bagai lagi.

Terdapat 209 laporan dan kertas siasatan yang akan dibuka, sebagaimana saya katakan tadi, kertas siasatan akan dibuka dengan kerjasama SKMM akan dibuat. Dan jika terdapat dapatan ataupun rumusan yang membabitkan kesalahan tersebut akan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk diambil tindakan lanjut sama ada boleh ataupun tidak. Semuanya bergantung kepada Timbalan Pendakwa Raya. Kalau dia rasa perkara ini amat penting kepada negara, sudah tentu dia akan mengambil tindakan yang cepat dan segera bagi membendung perkara ini daripada berlaku, tapi kalau dia rasa benda ini tak penting kepada Kerajaan ataupun rakyat kerana ia boleh boleh menjejaskan perpaduan rakyat, dia boleh kata 'kes ini, tidak ada kes' macam itulah. Maknanya, semuanya terletak pada Kerajaan pada hari ini untuk memastikan sama ada kes ini adalah kes yang penting kepada rakyat ataupun tidak. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, jemput Sungai Lembing. Err… [berdehem] sila Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Er… penjelasan daripada pihak Kerajaan tadi er… dapat kita bagi penjelasan kepada masyarakat umum di luar sana yang selama ini menyalahkan err… pihak polis terhadap apa sahaja penghinaan kepada Raja ke, kepada agama Islam ke, kepada bangsa Melayu dan lain-lain.

Jadi kita faham bahawa polis ni menyiasat dan membuat laporan. Lepas siasat, buat laporan, laporan itu akan diangkat ke atas. Jadi dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mintak kepada Kerajaan yang ada pada masa sekarang ni, Kerajaan PH supaya mengambil tindakan tegas, sebab ini semua akan mencetuskan perkara-perkara yang diluar jangkaan kita pada masa yang akan datang.

Kalau Thailand, orang menghina Raja, 20 tahun kalau tak silap saya, kena hukuman. Mengapa kita, saya nak tahu pihak Kerajaan, setakat sekarang ini apakah tindakan ataupun hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah kepada penghina-penghina Raja ni? Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Err… Tuan Yang di-Pertua,

Err… sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya daripada Sungai Lembing tadi, contohnya di Thailand dinamakan *Law Majestic* dipanggil kalau… dengan izin Yang di-Pertua. Maknanya hukuman dia, 3 hingga 15 tahun, maknanya kalau kes itu serius boleh pergi kepada 60 tahun. Pada 2017 dahulu, pernah berlaku 60 tahun dipenjarakan dan di sini juga, sebagaimana ada satu kes sebelum ini yang berlaku yang melibatkan nama dia Shamsiah Shamsuddin, makna dijatuhkan hukuman 8 bulan kerana didapati bersalah menghina Yang Di-Pertuan Agong. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak pihak Kerajaan.

Jadi, apa yang kita penting pada hari ini adalah untuk meminta semua pihak, khususnya pihak Kerajaan Pakatan Harapan, supaya dapat memastikan bahawa penghinaan kepada Yang Di-Pertuan Agong ini adalah perkara yang amat serius dan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak bahawa kalau kita tidak jaga perpaduan dan keamanan yang kita ada pada hari ini, sudah tentu perkara-perkara yang tidak kita ingini akan berlaku.

Sebagai contohnya, apa yang berlaku pada 13 Mei dahulu. Sejak selepas berlakunya 13 Mei, Kerajaan telah mewujudkan 'Rukun Negara'. Makna dalam Rukun Negara dia kata, yang pertamanya mesti kita 'percaya kepada Tuhan', yang keduanya mesti 'Kesetiaan Kepada Raja dan Negara', dan ketiga 'Keluhuran Perlembagaan', keempat 'Kedaulatan Undang-undang' dan kelima 'Kesopanan dan Kesusilaan'.

Adalah semuanya dirumus oleh pemimpin terdahulu untuk memastikan perpaduan dan keamanan ini dapat kita bangunkan semula kerana kerosakan yang telah kita alami akibat 13hb Mei. Makna dalam rukun ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sembahyang ada 13 rukun. Makna kalau kita, satu rukun… kalau satu rukun kita tak laksanakan, makna terbatal ataupun tidak sah sembahyang kita. Begitu juga dalam Rukun Negara, makna kita mesti menghayati dan mengamalkan rukun-rukun ini, kalau tidak, maknanya tidak sah kita, jadi rakyat negara ini. Ha… itu kita penting

kepada kita untuk menghayati dan mengamalkan setiap Rukun Negara yang ada pada… di negara kita pada hari ini. Sekian.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua… Soalan Tambahan

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Sri Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah, Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya ingin err… bertanya pihak Kerajaan, adakah semua yang berlaku pada masa ini adalah akibat daripada kelemahan dasar dan polisi Kerajaan yang ada pada hari ini. Kita lihat undang-undang bukan penyelesai masalah, sebab ia semakin ketara pada hari ini, walaupun kita ambil tindakan, laporan Polis dibuat dan sebagainya. Peristiwa dan kejadian ini terus berlaku. Malahan bila dijatuhkan hukuman, baru ni dijatuhkan hukuman ke atas penghinaan kepada Nabi 10 bulan penjara, err… 10 tahun penjara, juga telah dikritik oleh anggota Kerajaan sendiri, kononnya terlalu berat hukuman yang dikenakan. Dan hukuman 10 tahun itu, yang kita berikan juga tidak memberikan kesedaran dan menyelesaikan masalah ini. Maka, masalah yang perlu kita lihat secara total adalah secara menyeluruh adalah dasar dan polisi Kerajaan itu sendiri.

Jadi kalau kita melihat dasar keterbukaan yang melampau ataupun atas asas, atau atas nama hak asasi manusia sehingga menyentuh sensitiviti dan keharmonian sebegini, ianya harus dilihat sebagai satu perkara yang sangat serius dan tidak boleh di…di… ditoleransi err… bukan setakat tindakan undang-undang perlu ada satu mekanisme lain supaya ianya boleh memberikan kesedaran kepada semua rakyat. Kelemahan yang ada adalah kelemahan dasar dan polisi yang dipegang oleh kerajaan pada hari ini. Minta pandangan Kerajaan Negeri.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tuan Yang di-Pertua,

Kita dapati bahawa apa yang telah kita laksanakan sebelum ini, garis-garis dalam Perlembagaan Persekutuan telah mencukupi untuk kita menjalankan atau menguatkuasakan setiap daripada apa kesalahan yang dilakukan oleh rakyat. Tapi malangnya pada hari ini tindakan-tindakan yang kelemahan yang diambil oleh pihak kerajaan pada hari ini telah membuktikan bahawa rakyat lebih berani untuk

menyuarakan pandangan dan kebebasan bersuara ini tanpa had, jadi telah menyebabkan bahawa kadang-kadang pandangan-pandangan yang diberi itu telah menyentuh akan perlembagaan atau sensitiviti antara perpaduan antara kaum dan juga agama.

Dan sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa dalam Perlembagaan setiap rakyat daripada kita patut faham makna setiap Perlembagaan dan juga Rukun Negara, bahawa dalam Perlembagaan telah kita maklumkan atau telah kita nyatakan beberapa perkara ni tidak boleh disentuhkan sama sekali maknanya pertamanya agama Islam. Keduanya kedudukan istimewa Raja-raja Melayu dan juga bumiputera di Sabah dan Sarawak. Perkara-perkara ini adalah perkara yang tidak boleh disentuh sama sekali kerana ia telah dirumuskan sebegitu rupa apabila kita mencapai kemerdekaan.

Jadi sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya tadi bahawa dasar-dasar yang dilaksanakan pada hari ini oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah sangat lemah, bahawa sampai 200, sampai 300 ada yang dah diberikan kepada Timbalan Pendakwa Raya tidak dapat diambil tindakan dengan wajarnya dan ada kes-kes tertentu kerana kadang-kadang kes itu dibuang sebegitu rupa sahaja. Jadi saya harapkan perkara-perkara ini bahawa kerajaan pada hari ini mengambil serius tentang perkara yang berlaku ini supaya mengambil tindakan sebagaimana yang dilaporkan itu dan mengambil siasatan dan dibawa ke mahkamah untuk diadili dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Yang Berhormat. Ya Semambu. Satu soalan yang terakhir.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih. Er… saya setuju bahawa er… kalau apa itu tindakan ataupun satu er… keputusan yang tegas perlu diambil terhadap semua-semua kata-kata yang telah melampau, melangkaui batas jadi kita nampak memang ada pemenjaraan 10 tahun yang cukup berat er… yang dihukum kepada mereka yang keluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Tapi malangnya Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nampak dalam Dewan ini nampak kita turut ada kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab dalam Dewan ini er… yang sebagai Wakil Rakyat sepatutnya kita mengambil satu tauladan yang lebih baik tapi kita nampak istilah pendatang, kita nampak istilah yang tidak Rukun Negara, tidak memenuhi kriteria Rukun Negara kesopanan dan kesusilaan, ya… kita tidak juga menghormati perpaduan negara jadi minta pandangan Exco dalam kes ini bagaimana kita boleh menjadi tauladan kepada rakyat anak Pahang sedangkan Wakil Rakyat tidak memainkan peranan ini. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tuan di-Pertua,

Perkara-perkara seperti pendatang ini perkara biasalah, di mana-mana negara pun kalau kita pergi negara-negara manapun kita juga disebut pendatang. Jadi itu adalah sebagaimana yang kita cakap.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya rasa itu bukan perkara biasa sebab dalam kontek disebut itu pendatang itu apa takrifan itu apa definisi pendatang itu, sebab pendatang itu kita ada pendatang er… dari Myanmar, ada pendatang dari Bangladesh.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Duduk… duduk.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Ya.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Jadi minta laluan dululah oleh Yang Di-Pertua. Kesopanan dan kesusilaan maknanya kita ini sebenarnya rakyat Malaysia ini, orang-orang Melayu kita sebenarnya penuh sopan dan kesusilaan kadang-kadang kita mengikut undang-undang. Contohnya kalau kita ambil kita ada laporan berkenaan dengan Yang Di-Pertuan Agong kita buat laporan, kita tak ambil tindakan dengan turun jalanan, bakar kedai dan sebagainya, kita mengikut kesopanan dan kesusilaan, kita mengikut undang-undang sebagaimana yang telah ditakrifkan dalam perlembagaan kita.

Jadi saya apa yang saya harapkan adalah perkara-perkara di sini tidak kita mengambilnya sebagai satu kita tengoknya daripada aspek yang lain, kesopanan dan kesusilaan makna kita ini sekarang ini mengambil hidup dalam keadaan harmoni, kita jaga keharmonian kita supaya kita tidak mengambil tindakan itu dalam tangan kita sendiri undang-undang, itu yang kita maksudkan Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya ingin jemput Wakil dari Jengka.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

> [Memandangkan nasib peneroka FELDA masih belum terbela dan Kerajaan Pusat hari ini seolah-olah membiarkan masalah yang dihadapi. Maka apakah usaha yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meringankan beban para peneroka?]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Dato' Yang di-Pertua,

Memandangkan FELDA dia… saya menjawab solan nombor 9, memandangkan FELDA di bawah Pentadbiran Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa memberi bantuan, sokongan terhadap usaha-usaha yang dilakukan

oleh agensi tersebut. Sebagai contohnya menyelaraskan program-program keusahawanan yang melibatkan peneroka-peneroka FELDA dalam karnival usahawan desa. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa membantu usahawan-usahawan di negeri Pahang tanpa membezakan usahawan-usahawan FELDA dan usahawan-usahawan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Sila.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Soalan tambahan Dato' Sri. Er… saya tertarik dengan jawapan daripada Exco iaitu er… Kerajaan Negeri membantu usahawan-usahawan khususnya generasi kedua er… FELDA. Apa yang menjadi masalah hari ini ialah antaranya ialah ada usahawan anak peneroka generasi kedua khususnya mereka ini er… berniaga di kadang-kadang di tanah ladang, di tepi jalan dan sebagainya. *Problem*nya ialah sehingga hari ini mereka tidak ada bekalan elektrik yang tidak selesai sejak daripada dulu.

Saya ingat masa Dato' Sri Adnan Yaakob menjadi Menteri Besar dan saya di pejabat itu ada seorang usahawan dia datang ke pejabat saya dengan bawa fail-fail yang berkenaan dan saya tengok ada sain daripada Menteri Besar lama untuk menyokong dia mendapatkan bekalan elektrik namun tak dapat juga. Jadi dia sampai rembas fail itu, hempas fail depan pejabat saya, jadi untuk dan… dan isu ini telah pun disebut dalam Parlimen baru ini oleh Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man er… walau pun HQ FELDA ini telah mengeluarkan er… arahan 2015 kepada pengurus-pengurus FELDA supaya tidak sain mana-mana permohonan untuk mendapatkan elektrik sehingga sekarang Pengurus FELDA tidak berani untuk sain.

Jadi benda itu tersangkut di HQ. Jadi apakah usaha Kerajaan Negeri adakah hendak membiarkan begitu sahaja tanpa ada bekalan letrik kepada usahawan-usahawan peneroka FELDA ini atau Kerajaan Negeri kena berusaha bertindak menolong mereka ini untuk mendapatkan bekalan elektrik yang tidak selesai sehingga hari ini? Sekian.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Yang di-Pertua,

Saya pun mendapat rungutan ramai usahawan-usahawan FELDA yang berniaga ditepi-tepi jalan. Pertama sekali berniaga di kawasan ladang, di kawasan-kawasan FELDA. Kawasan ladang ini Seksyen 4, Akta GSA hanya untuk khas untuk ladang. Tidak dibenarkan untuk berniaga di dalam kawasan-kawasan ladang begitu juga ramai usahawan-usahawan FELDA, anak-anak muda FELDA berniaga di tepi jalan berhampiran dengan ladang sawit FELDA, berhampiran tepi jalan, juga kawasan *reserve* JKR. JKR tidak juga membenarkan untuk berniaga di kawasan *reserve*. Pertama di segi bahayanya berada di tepi jalan. Namun begitu ramai mereka datang berjumpa dengan saya terutama kawasan… *area* kawasan DUN Jengka Ulu Jempol, ada jumpa saya kawasan FELDA Jengka 3 jumpa saya.

Mereka ini berniaga ditempat yang tidak sepatutnya mereka berniaga. Saya merayu kepada mereka, bukan dia merayu kepada saya, saya merayu kepada mereka supaya berniagalah ditempat-tempat yang telah diperuntukkan. Jangan berada di kawasan ladang, jangan berniaga di kawasan ladang, jangan berniaga di kawasan

reserve JKR tapi walau bagaimanapun mereka saya kata pergilah berjumpa sama penjawat… pegawai-pegawai daerah tertentu,daerah-daerah tertentu untuk mendapat bekalan er… air dan juga bekalan elektrik. Sesungguhnya FELDA tidak menyokong, JKR pun tidak menyokong kedudukan premis perniagaan di kawasan-kawasn *reserve* JKR. Sekian terima kasih.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Soalan tambahan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Er… antara faktor untuk meringankan er… cara-cara kaedah untuk membaik pulih dan er… bebanan di kalangan para peneroka dah tentulah usaha kerajaan untuk memastikan harga komoditi terutamanya harga sawit, getah berada dikedudukan yang tinggi dan juga saya rasakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat dalam kaedah untuk mengu…berusaha untuk mem…mem…membantu meringankan beban er… beban para peneroka ni termasuklah kempen-kempen telah dijalankan ya.

Pertamanya, penukaran er… minyak sawit kepada biodiesel, ya. Kemudian ada keduanya contohnya kempen minum sesudu minyak sawit sehari. Seterusnya, kempen er… tanam buluh sebagai pendapatan alter… alternatif kepada peneroka. Soalan saya kepada pihak kerajaan, adakah Kerajaan Negeri menyahut seruan Kerajaan Pusat agar kempen-kempen ini dilaksanakan di dan di…di orang kata diperluaskan di negeri kita di Pahang? Sekian, terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi terlibat untuk er…mena…mena…menangani kelapa sawit er…harga kelapa sawit yang begitu meruncing sekarang. dengan itu menjurus dengan menjurus kepada kursus-kursus er… jahitan dan makanan er… tidak kepada penanaman buluh.

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi terutamanya TEKUN, Amanah Ikhtiar dan juga institusi kewangan untuk meringankan bebanan peneroka-peneroka hari ini kerana kemerosotan harga sawit dengan pengendalian makanan apa nama bul…er…bimbing er… belimbing buluh untuk pembuatan sambal hitam negeri Pahang. Tap… untuk (tak jelas) industri sambal hitam tidak kepada penanaman buluh dan juga perkara-perkara yang tidak boleh kita makan.

Kursus… dan juga diadakan kursus-kursus untuk proses hiliran madu kelulut dan juga er…madu lebah tualang. Itu saja Tuan, itu saja Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya ada satu lagi soalan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah kita pergi kepada soalan terakhir pagi ini. Saya jemput wakil dari Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor…nombor 10.

[Perumahan Rancangan PR1MA di seluruh negeri Pahang.

a) Sila senaraikan kesemua tempat projek perumahan Rancangan PR1MA dan juga unit perumahan yang telah dibina oleh pihak kerajaan di negeri Pahang?

b) Sila senaraikan harga bagi sebuah rumah bagi perumahan Rancangan PR1MA dan nyatakan berapakah jumlah yang telah terjual kepada rakyat negeri Pahang?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang di-Pertua Ahli-ahli Dewan sekalian, tengah hari ni dah rasa lapar sikit, jadi soalan ringkas dan jawapan pun ringkas ya, Teruntum. Kaitan dengan projek er…Perumahan Rakyat PR1MA Pahang, sehingga kini sebagaimana yang telah di…dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar dalam soalan pertama tadi, sebanyak se…122 projek rumah PR1MA Pahang dengan 36,659 unit. Manakala 14 projek er… Rumah Makmur er…dengan 2770 unit.

Untuk makluman er…Teruntum, er…setakat ini er…Kuantan mencatat sebanyak 52 projek dengan 14,338 unit, Bera sebanyak 92,682 unit, Cameron Highlands 73,115 unit, Rompin 12 projek dengan 3,361 unit, Bentong 7 projek dengan 1,224 unit, Pekan 5 projek dengan 2,150, Raub 5 projek dengan 1,540, Temerloh 9 projek dengan 2,659, Maran 6 projek dengan 1,824, Lipis 3 projek dengan 954 manakala Jerantut 7 projek dengan 2,800 unit rumah PR1MA Pahang.

Er…dari segi harga pula, er…rum…keluasan rumah PR1MA Pahang ni seluas 1000 kaki persegi, tiga bilik air, tiga bilik tidur dua bilik air er…dengan harga RM150,000 ni adalah harga satu harga yang amat murah jika dibandingkan dengah harga pasaran dianggarkan sebanyak tiga…RM250 hingga RM300,000 seunit, manakala bagi kakitangan kerajaan kita bagi diskaun sebanyak 10% daripada harga berkenaan.

Manakala bagi er…rumah PR1MA pula… rumah Makmur kita ada er…berkeluasan 800 kaki persegi berharga RM80,000 unit dan inilah harga yang sangat-sangat er...mampu milik oleh rakyat Pahang yang kita beri kemudahan kepada semua rakyat er…tanpa mengira bangsa, kaum dan sebagainya. Itu sahaja, sekian, terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB.YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, ya, satu soalan. Sila.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er…Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan er… selalu meluluskan kepada pemohon dan er… selepas tu pemohon meminta pinjaman dari bank tapi kebanyakan ditolak. Apakah langkah Kerajaan agar membantu pemohon ni er mey…melalui bank atau macam mana atau ditolak sahaja. Kenapa Kerajaan bila dia mohon, kenapa Kerajaan tak disertakan *statement* dan er…kita beri kepada yang berhak yang mendapat er…permohonan ni… meluluskan permohonan tu. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang di-Pertua,

Kita dapat banyak er…pemohon-pemohon ni yang kita telah luluskan tetapi ditolak pinjaman oleh pihak bank. Er…kita tidak boleh memberi jaminan bank kerana pihak bank ada kriteria tertentu untuk memilih kepada peminjam-peminjam. Pertama, pendapatan tetap yang ada penggajian, ada gaji. Ada juga yang memohon, yang tiada pendapatan tetap, ya.

Kita urusan pinjaman dengan pihak bank adalah urusan individu. Kalau mereka tidak layak, terpulang kepada bank berkenaan. Kita tak boleh membantu dari segi er…menyokong pihak pemohon.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin menambah sikit ja berkenaan dengan soalan tambahan daripada Teruntum tadi. Oleh sebab kita dapati banyak pembeli-pembeli perumah, perumahan PR1MA Pahang ni harga RM150,000, RM135,000 ada yang tidak mendapat kelulusan daripada bank. Kita tak boleh paksa bank sebab bank dia kena *protect principle* dia.

Jadi antara langkah yang kita bantu pembeli-pembeli ini, oleh sebab harga rumah tersebut RM150,000 sebab tu kita buat Rumah Makmur. Jadi Rumah Makmur RM80,000 berkel…berkeluasan 800 kaki persegi. Jadi pemohon yang tidak dapat kelulusan untuk beli PR1MA Pahang, mereka boleh beli Rumah Makmur. Ini adalah antara langkah-langkah yang Kerajaan buat supaya rakyat negeri Pahang yang tidak mendapat kelulusan bank membeli rumah RM150,000 ni, mereka boleh beli Rumah

Makmur dengan harga RM80,000. Itu antara salah satu yang kita bantu. Untuk bantu memaksa bank bagi pinjaman tak boleh. Itu luar pada bidang kuasa kita. Saya ingat YB. pun tahu, saja YB. tanya ja ni. Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bertanya dan pihak Kerajaan telah pun menjawab sebanyak soalan 10 soalan sebentar tadi. Saya ingin menyambung sedikit lagi masa dan kita akan teruskan dengan aturan urusan mesyuarat yang seterusnya.

USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga, Usul Menjunjung Kasih Atas Titah DiRaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi

> **"bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah DiRaja kepada Dewan Negeri".**

Saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang telah dibawa oleh YAB. Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Sungai Lembing, saya, Yang Berhormat ya. Saya oleh kerana Yang Berhormat Sungai Lembing telah pun menyokong usul ini dan saya bersetuju Yang Berhormat er…bahaskan titah ucapan tersebut, sila.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI HAJI MOHAMED SHAH

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin er…untuk meneruskan

er…dengan er…ucapan er…menyokong saya di atas er…titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Pertamanya, kita menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang bagi pembukaan perasmian er… penggal Sidang Dewan yang berlangsung pada hari semala. Di atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai wakil generasi muda menjadi er… Tengku Mahkota Pemangku Raja Pahang, saya berharap er… boleh dijadikan sebagai satu ikon kepada generasi muda yang akan dapat merapatkan jurang ruang antara er… keluarga Diraja dengan masyarakat terutamanya di kalangan generasi muda yang ada pada masa sekarang ni yang kita tengok pelbagai bagai isu yang timbul isu LGBT, isu menghina Raja, isu menghina Nabi, menghina kedudukan Agama Islam, orang Melayu dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Er… di antara kandungan Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada hari semalam itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang mengingatkan kita terutama sekali kakitangan-kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai yang berkaitan berkenaan dengan integriti, ketulusan dan juga kita berusaha bersungguh-sungguh menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh er… rakyat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya menyampaikan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang selaku Ketua Pentadbir negeri Pahang di atas usaha-usaha 8 inisiatif yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri. Pertamanya kita memperkasakan Pentadbiran Kerajaan Negeri. Yang kedua, kita memperkasakan perolehan Kerajaan Negeri walaupun kita dibebani dengan pelbagai bagai masalah. Saya berharap usaha-usaha yang dijalankan er… oleh pihak Kerajaan Negeri nanti er… akan er… merintis kerajaan yang lebih besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, er… saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Pusat telah pun meluluskan RM600 juta er… Projek Bekalan Air… meningkatkan Projek Bekalan Air di negeri Pahang. Jadi dalam hal ini saya juga berharap pihak kerajaan dapat er… mempertimbangkan er… berkenaan dengan isu-isu semasa contohnya kalau di kawasan saya itu, menukar mengganti paip-paip lama di kawasan Pekan Sungai Lembing, RM12 juta lebih. Sebab… sebab Pekan Sungai Lembing dah 100 tahun lebih… 100 ke 200 tahun jadi paip-paip lama boleh dikatakan saban minggu setiap minggu ada saja er… masalah bekalan air, masalah bekalan elektrik kan… bila masalah bekalan elektrik ber… berkait dengan masalah bekalan air, di mana salah satu pendapatan utama di pekan Sungai Lembing ini adalah pelancongan.

Jadi kalau selalu berlaku er… isu air paip ni sedikit sebanyaknya akan menjejaskan kedatangan pelancong-pelancong ke Bandar Sungai Lembing. Isu er… tukar paip-paip lama kemudian er… isu loji air FELDA dan juga *tube well* yang dibina oleh pihak FELDA di Bukit Sagu cuba sekali terus *jammed.* Jadi inilah projek er… RM25 juta yang sepatutnya dapat er… memanfaatkan kepada 5,000 orang keluarga-keluarga peneroka ataupun 5,000 hingga 8,000 mungkin lebih lagi keluarga-keluarga peneroka yang ada sekarang ni menjadi Projek Gajah Putih. Ha… yang ini yang kita er… ralat dan juga kesal macam mana perkara ini boleh berlaku. Jadi kita minta juga kalau masalah bajet er… menjadi masalah er… peruntukan RM600 juta ini dapat kita er… menggunakan ataupun agihkan bagi Usul-usul yang tersebut, di samping kita

faham bahawa pihak Kerajaan Pusat meluluskan er… projek adalah untuk bekalan air di MCKIP kalau tak silap saya.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, isu er… bauksit di Bukit Goh, Bukit Kuantan er… Sungai Karang ya… isu di Bandar Kuantan lah. Isu bauksit ada baru-baru ni diadakan telah diadakan er… *hearing* pendengaran er… di Dewan Jubli Sultan Ahmad Shah nampaknya dari segi *respons* rakyat bukan peneroka saja yang datang, pensyarah-pensyarah, pengkaji-pengkaji, saintis pun ada yang turun turut sama memberikan pandangan-pandangan dan juga ulasan berkenaan dengan isu bauksit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, peneroka sekarang ini dah ada RM50 sebulan pendapatan, nasib baik anak tolong. Antara yang terlibat dengan bauksit. Jadi er… isu bauksit ini walaupun kita tahu sebut bauksit 'debu merah' berleluasa sama ada di kawasan er… lombong Bukit Goh ataupun di er… kawasan pelabuhan. Jadi er… dalam hal ini SOP yang ketat mesti kita… bukan adakan… ada dah ada dah… 174 muka surat laporan ataupun cadangan yang dikemukakan tapi mesti dari segi penguatkuasaan mesti ketat. Selain daripada itu, kita juga berharap supaya pihak Kerajaan Negeri kita mendesak er… Kerajaan Pusat mempercepatkan er… bagi kita melombong semula bauksit ini.

Kalau sekiranya bauksit di Bukit Goh er… tak dilombong macam mana er… pihak FELDA nak tanam semula ladang-ladang yang ada di kawasan Bukit Goh dan juga Bukit Kuantan. Jadi usaha ini mesti kita selesaikan er… isu bauksit tersebut. Kandungan bauksit yang ada di Kuantan er… dalam perkiraan ya… lebih kurang 2.5 billion daripada segi er… harga dia kemudian er… menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri mungkin lebih kurang er… antara RM200 ke RM300 juta menambahkan lagi pendapatan kalau bauksit ini diteruskan. Jadi saya menyeru kepada pihak Kerajaan Pusat Kementerian Sumber ya… supaya dipercepatkan er… bauksit ini, peneroka dah tak sabar lagi dah. Merayu-rayu daripada hari itu… wakil-wakil peneroka, anak-anak peneroka generasi kedua generasi ketiga supaya bauksit ini dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Er… di samping itu juga, masalah jalan raya dan jalan-jalan. Saya juga menyeru supaya pihak *roadcare* yang berkaitan dengan isu-isu er… jalan ya… baik pulih jalan, menampal jalan er… dijalan-jalan yang ditetapkan. Ada *roadcare* punya kawasan, ada YP Maintenance punya kawasan jadi supaya cepat er… keluarkan apa… senarai kerja dan juga menyenaraikan kontraktor-kontraktor. Sampai sekarang tak selesai lagi ini senarai-senarai jalan yang ditetapkan oleh *roadcare*. Yang saya dengar pula er… daripada segi kelulusan pemilihan kontraktor oleh *roadcare* ini kalau dulu cepat pada masa sekarang ini kena hantar ke MOP… MOF dulu ha… untuk… untuk pemilihan kontraktor jadi itu yang jadi lambat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Hantar ke Putrajaya?

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Er… hantar ke Putrajaya dulu, jalan-jalan kecil Putrajaya, dah macam mana kita nak mempercepatkan er… apa ini… projek untuk kebajikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, er… bagi Projek Perumahan PR1MA tadi. Projek er… Perumahan PR1MA, Projek Perumahan Makmur satu inisiatif yang sangat baik untuk kita memberi peluang kepada mereka-mereka yang tidak er… mempunyai rumah supaya dapat membeli rumah. Hari ini saya nak bertanya kepada pihak kerajaan berapa banyak Projek-Projek PR1MA yang tak berjalan ataupun gagal ataupun belum bermula pada masa sekarang di negeri Pahang ini? Er… dah lulus tapi tak mula lagi ataupun tak jalan atau terbengkalai kita nak tahu, berapa banyak er… projek-projek itu di negeri Pahang yang terbengkalai itu. Di samping itu juga, dengan adanya er… Projek Perumahan Makmur, syabaslah pada pihak Kerajaan Negeri kita dapat bantu. Kalau di Sungai Lembing ni RM130 ribu RM150 ribu ke atas mungkin tak ramai orang boleh beli tapi bila adanya projek perumahan RM80 ribu ke bawah ke ataupun ke atas ke mungkin er… ramai anak-anak ataupun orang-orang muda, pasangan-pasangan di er… apa… di… di Sungai Lembing ataupun di Pahang ini dapat membeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, tadi er… berkenaan dengan isu menghina Nabi, isu menghina Raja dan agama Islam dan macam-macam isu. Er…inilah dia antara petunjuk er…yang kita tengok pada Pilihanraya Kecil (PRK) yang berlaku tiga ke empat baru-baru ini, PH kalah. Sebab rakyat dah marah dengan keadaan yang berlaku ini. (Ahli Dewan tepuk meja) Orang Melayu dah semakin panas dengan keadaan yang belaku pada masa sekarang ini. Jadi saya menyeru dalam Dewan Yang Mulia ini kepada Kerajaan PH, kepada Wakil-wakil Rakyat PH jaga sensitiviti orang Melayu, jaga sensitiviti berkenaan raja-raja Melayu dan juga jangan sekali menghina Nabi kami sebab bila Nabi kami dihina kami semua esok akan marah. Orang memhina Nabi ini hukum bunuh. Hukumannya bukan main-main.

Jadi saya berharap benar Tuan di-Pertua, dalam hal ini kalau kita sayangkan negara kita, kita sayangkan Malaysia ini. Kita semua bertanggungjawab dan jaga keharmonian, perpaduan di negara kita Malaysia yang tercinta ini. Tuan di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya sekianlah Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh. Saya mohon menyokong (Ahli Dewan tepuk meja).

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah terima kasih Yang Berhormat. Saya bercadang untuk menempohkan mesyuarat ini pada sesi petang dan kita akan meneruskan sesi perbahasan Titah Diraja. Oleh demikian saya akan menempohkan persidangan ini sekarang dan akan disambung semula pada pukul 2 setengah... pada pukul 2 setengah petang, 2.30 petang. Mesyuarat ditempohkan. Terima kasih.

(Mesyuarat ditempohkan jam 1.21 Tengah hari)

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan perbahasan Usul menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi di atas Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja pada Dewan Negeri. Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah pun disokong oleh Wakil daripada Sungai Lembing. Sukalah saya mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan. Dua perkara penting… dua perkara penting yang perlu dijadikan panduan diharap dapat dipatuhi dan difahami.

Pertama, masa yang diperuntukan sebanyak 20 minit. Saya harap 20 minit sudah cukup digunakan dengan sebak-baiknya. Dan yang kedua mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat sepenuhnya. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum dan memahami akan isi kandungan *Standing Oders* yang telah kita sama-sama hayati.

Baiklah untuk meneruskan perbahasan, saya silakan Wakil daripada er… ya, Cheka. Sila.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Terima kasih, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Pertama sekali, dalam Titah Diraja, Raja kita berpuas hati dan mengucapkan tahniah dan syabas atas penerajuan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang. Ini kerana Kerajaan Pahang telah mempunyai asas yang kukuh di bawah pentadbiran mantan Menteri Besar dan disambungkan oleh Menteri Besar sekarang. Tahniah dan syabas dan saya harap selari dengan cogan kata kita ini “Pahang Terus Maju” tetap akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Titah Diraja, Kerajaan Negeri dikehendaki untuk memajukan teknologi maklumat dan komunikasi ICT supaya selari dengan revolusi perindustrian keempat. Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan terhadap portal rasmi Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur yang merupakan laman web utama untuk orang awam memperoleh maklumat. Portal rasmi ini memang sangat berguna dan mengandungi banyak maklumat yang berguna kepada orang awam dan rakyat.

Salah satu *sub-topic* kandungan dalam portal rasmi ini ialah topik hangat. Orang ramai dibekalkan maklumat mengenai Yang Amat Berhormat Menteri Besar, senarai

Majlis Mesyuarat Kerajaan, Projek Rumah Makmur, senarai Ahli Dewan Negeri dan senarai Ahli Dewan. Yang sangat menarik perhatian saya ialah dalam topik hangat itu, saya cuba cari isu-isu panas, isu-isu hangat yang kemaskini yang kami sebagai ADUN ingin mengetahui dan khasnya orang awam juga ingin mengetahui maklumat yang sebenarnya.

Misalnya, apabila isu kenaikan kadar cukai taksiran yang dikutip oleh sebelas Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Pahang, saya dapati isu ini telah diperalatkan oleh media untuk agenda tertentu. Sebenarnya apabila hal yang sebenar di mana usaha Kerajaan sebenarnya sudah sekian lama tidak menaikkan kadar cukai taksiran itu, sementara negeri-negeri lain di semenanjung ini telah berkali-kali menaikkan kadar cukai ini.

Apabila hal ini dimaklumkan kepada orang ramai, maka saya rasa mereka akan faham bahawa Kerajaan memang prihatin terhadap rakyat dan tidak menganiaya para rakyat. Oleh itu, apabila pagi ini saya mendengar Kerajaan Pahang di bawah pimpinan Menteri Besar yang baru telah melakukan lapan inisiatif yang begitu baik untuk negeri Pahang, saya rasa kalau kita muat naik ke dalam portal rasmi ini, saya rasa sesuai dan memadai bahawa topik hangat ini memang betul-betul hangat dan boleh diikuti setiap masa oleh para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai ADUN Kerajaan yang tunggal untuk mewakili masyarakat Cina, terpaksa saya membawa masuk suara rakyat khasnya mengenai permintaan masyarakat Cina. Kita… terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana MPKK atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung untuk 500 ke dan atas… kampung-kampung Melayu telah tertubuh sejak bulan Ogos yang lalu. Tetapi, dalam negeri Pahang ada 62 kampung Cina ataupun Kampung Baru Cina. Sejak bulan Ogos yang lalu, pelantikan Pengerusi dan juga JKKK telah tamat. Buat sekarang mereka itu tidak tau siapakah yang boleh mengesahkan, memperakukan ataupun memainkan peranan sebagai agen perantaraan di antara rakyat dengan Kerajaan.

Jadi kami faham bahawa ini adalah kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi sekiranya Kerajaan Negeri juga berusaha, saya berharap hal ini boleh dipercepatkan supaya perkembangan pembangunan, kemajuan dan urusan seharian untuk perkampungan Cina baru itu juga dapat dilaksanakan dengan baik, kerana selama ini JKKK Kampung Baru Cina merupakan aset kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi permintaan saya kepada Kerajaan Negeri ialah, saya rujuk pada Pilihan Raya Kecil Rantau yang baru lepas. Calon yang merupakan mantan Menteri Besar Negeri Pahang, dalam kempen pilihan raya itu pernah dituduh bahawa tidak menjaga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan atau Sekolah Menengah Persendirian Cina. Yang pelik ialah yang jawab bukannya calon itu, tetapi ialah Lembaga Pengurus sekolah yang berkenaan. Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Port Dickson memberitahu bahawa sekolah itu telah menerima RM400,000 daripada Kerajaan Negeri Pahang er… Negeri Sembilan pada masa itu. Sekolah persendirian Cina yang satu-satunya di Negeri Sembilan iaitu Sekolah Menengah Chung Hwa Seremban.

Juga Pengerusi Lembaga Pengelola sekolah itu memberitahu orang awam bahawa mereka sebenarnya telah menerima bantuan RM500,000 daripada Kerajaan Negeri

Pah… er… Sembilan pada masa itu. Oleh itu, apabila keputusan Pilhan Raya Kecil itu diumumkan para analisis mengatakan bahawa ini merupakan satu kredit kepada calon itu kerana calon itu memang berlaku adil kepada semua jenis pendidikan.

Dari Negeri Sembilan balik ke Negeri Pahang, Sekolah Menengah Chung Hwa Kuantan, merupakan sekolah persendirian menengah yang satu-satunya wujud di negeri Pahang. Anak muridnya juga datang dari Pahang. Oleh itu, saya bukan berhasrat untuk menyinggung mana-mana pihak tetapi dengan ikhlas saya memohon agar Kerajaan Negeri Pahang juga menghulurkan bantuan kepada sekolah itu kerana ini memang merupakan satu kredit kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Pahang dari segi pembangunan tetap memperoleh peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek pembangunan. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kerana loji rawatan air di Sungai Jelai telah bermula dan dijangka siap dan tamat pada akhir tahun ini. Projek ini pastinya akan membantu menyelesaikan masalah air bekalan air bersih disekitar bandar Kuala Lipis. Tetapi walau bagaimanapun, di Kampung Mukim Cheka 1 dan Cheka 2, Loji Air Mela dan Kechau masih perlu dinaik taraf. Walaupun masih lagi dalam peringkat kaji semula oleh Kerajaan Pusat, saya berharap Kerajaan Negeri akan mengutamakan dua-dua projek ini kerana sekiranya kemudahan bekalan air bersih itu terganggu memang kehidupan seharian itu tetap terganggu, kesian kepada orang kampung saya.

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila sebut tentang kemudahan asas tak lupa saya tentang jambatan konkrit di Kampung Kuala Kechau sudah diluluskan tapi belum terlaksana. Saya berharap projek itu boleh diutamakan. Begitu juga untuk jambatan konkrit di Kampung Binjai, setiap kali banjir orang kampung risau tentang keselamatan orang kampung yang terpaksa menyeberangi sungai itu dengan sampan, perahu yang begitu tidak menjamin keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Dukacita dimaklumkan bahawa Klinik 1Malaysia, kini disebut sebagai Klinik Komuniti di bandar Kuala Lipis kini telah tamat perkhidmatannya. Tetapi klinik kesihatan kelas tiga di bandar baru Kuala Lipis akan dibina. Oleh itu demi menjaga kesihatan dan meningkat mutu perkhidmatan kesihatan untuk kawasan saya ini, saya berharap klinik kesihatan kelas tiga itu boleh dibina dengan kadar yang secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

Penduduk kampung saya itu… rumah atau projek PR1MA Pahang merupakan projek atau rumah yang mereka mampu milik. Projek PR1MA Kuala Lanar frasa 1 sudah 7% siap. Ramai penduduk di daerah Lipis ini berharap agar pihak kerajaan mengeluarkan surat tawaran dengan kadar yang cepat untuk fasa yang kedua kerana saya difahami bahawa pemaju sudah bersedia dan pemohon yang layak, mereka juga bersedia untuk menunggu tawaran daripada pihak kerajaan. Di samping itu, ramai juga pengundi saya mengatakan bahawa mereka hanya mampu untuk membeli Rumah Makmur. Saya berharap projek itu juga boleh terlaksana dengan kadar yang cepat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kami begitu sedih kerana *East Coast Rail Link,* ECRL itu telah dipindah oleh Kerajaan Pusat sekarang di mana bandar Bentong telah tidak termasuk dalam projek itu. Kami kecewa terhadap hal ini, tetapi apabila kita lihat pada Kerajaan Negeri Selangor telah memberitahu bahawa mereka sudah bersiap sedia dengan pelan pembangunan di kawasan sekitar sepanjang lintasan ECRL ini. Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri Pahang juga sudah bersiap sedia dengan pelan pembangunan dan projek-projek di mana selari dengan pelaksanaannya projek itu kita juga tidak terlepas daripada peluang untuk membangunkan di negeri Pahang ini. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Usul ini dan saya ucapkan terima kasih. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Sila Berserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

[Ayat al-Quran]. Assalamamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana memberikan kebenaran dan izin kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan menjunjung kasih dan juga sembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas penyempurnaan Titah Diraja di dalam pembukaan Sidang Dewan kita kali ini pada hari semalam.

Ada beberapa perkara yang telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berkaitan dengan perkembangan dan juga kedudukan terkini Kerajaan Negeri Pahang. Dalam keadaan kita pada hari ini berdepan dengan cabaran yang sangat getir terutama sekali di dalam mempastikan kehidupan dan juga corak gaya hidup rakyat dalam negeri ini tidak terganggu atau pun tergugat oleh perkara-perkara yang tidak dapat kita atasi bersama. Ada tiga perkara yang ingin saya sentuh berkaitan dengan Titah Diraja yang telah disempurnakan semalam.

Yang pertama sekali adalah berkaitan dengan sumber kekayaan baharu dan pemuliharaan alam sekitar. Kita dapat maklum bahawa Kerajaan Persekutuan telah menarik balik moratorium untuk bauksit dan dijangka akan mula beroperasi di dalam bulan Mei atau pun dalam Jun. Kita ambil maklum atas keperluan yang mendesak daripada sahabat kita, sahabat saya di Sungai Lembing, err… peneroka-peneroka di Bukit Goh yang terkesan dengan tempoh 3 tahun moratorium tersebut dilaksanakan sehingga ke pada masa ini. Cuma kita tidak menghalang sebarang pembangunan, kita tidak pernah menyekat sebarang bentuk perkara yang baik yang mendatangkan manafaat kepada rakyat dan juga kepada negeri namun kita perlu lihat pemuliharaan alam sekitar seperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semalam juga perlu kita berikan penekanan.

Selain daripada itu, kita dimaklumkan bahawa pada 2015 Kerajaan Negeri telah kehilangan RM63 juta daripada bauksit kerana seharusnya kita mengutip royalti sebanyak RM163 juta tetapi kita hanya mendapat RM100 juta sahaja pada tahun 2015. Bermakna industri bauksit boleh menjana pendapatan yang besar untuk Kerajaan Negeri. Namum satu proses pemantauan yang berterusan perlulah diwujudkan atau pun dilaksanakan. Langkah pihak kerajaan negeri melantik PKNP sebagai satu agensi yang menjadi *one stop centre* di dalam mengendali dan menguruskan operasi bauksit ini sangat baik.

Namun kita berharap bahawa PKNP juga mengambil langkah pro-aktif supaya mencegah sebarang bentuk ketirisan yang boleh merugikan bukan sekadar merugikan negeri, tetapi dalam masa yang sama boleh merugikan perkembangan alam sekitar di persekitaran tersebut. Langkah segera perlu diambil untuk membaik pulih semua fasiliti, semua infrastruktur yang musnah yang telah rosak akibat daripada bauksit yang berleluasa sebelum ini. Sebelum kita benarkan operasi bauksit ini bermula, kerana kita bimbang sekiranya fasiliti atau pun infrastruktur ini tidak dibaiki, dibaik pulih sepertimana sedia kala, dengan adanya operasi bauksit berjalan selepas ini, dia akan memberikan satu kemusnahan lebih lebih besar daripada keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Begitu juga dalam masa yang sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyentuh bagaimana kita patut memberikan keutamaan kepada sektor pertanian di dalam menjadi teras pembangunan ekonomi di negeri Pahang. Untuk makluman Dewan, di dalam perangkaan yang ada di tangan saya yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik. Pada tahun 2017, pertumbuhan pertanian negara telah meningkat sebanyak 12% dan telah menyumbangkan pendapatan kepada petani-petani. Sebanyak RM91.2 billion, meningkat 12% dan dalam masa yang sama sektor pertanian telah memberikan impak yang besar kepada industri sokongan. Peningkatan sebanyak 6% melibatkan nilai RM36.3 billion.

Sektor industri juga telah membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini sebanyak 835,974 peluang pekerjaan yang boleh memberikan sumbangan jumlah gaji dan upah kepada mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian sebanyak RM10.4 billion. Jika kita ukur secara purata, setiap mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian menerima gaji dan upah ganjaran sebanyak purata RM1,519 sebulan. Bermakna kita tidak boleh mengatakan sektor pertanian kali ini adalah sektor yang tidak menarik, kita tidak boleh mengatakan bahawa sektor pertanian tidak boleh membawakan pulangan yang baik kepada peserta-peserta pertanian, kerana jelas mereka mampu membawa pulang RM1,519 sebulan dengan menyertai sektor pertanian. Malahan RM1,500 telah melepasi tahap gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan sebanyak RM1,100.

Walaupun ada janji nak tetapkan RM1,500, tapi tak mampu untuk nak letakkan RM1,500, hanya sekadar RM1100. Tetapi statistik yang ada kita dapati bahawa mereka yang terlibat sektor pertanian yang baik mereka mampu membawa pulangan sebanyak RM1500 sebulan. Ini bermakna sektor pertanian boleh dan juga seharusnya menjadi satu sektor yang perlu kita lihat keutamaan di dalam mencari sumber baharu kekayaan negeri Pahang itu secara langsung. Kita juga melihat potensi yang ada pada negeri Pahang untuk keluar sebagai sebuah negeri pertanian yang maju dalam negara ini apabila kita dapati keluasan negeri Pahang adalah sebanyak… seluas 3.6 juta hektar, daripada 3.6 juta hektar itu di dapati bahawa 2 juta hektar adalah sesuai untuk pertanian.

Hanya 1.6 juta saja yang tidak sesuai untuk pertanian. Justeru itu, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya memandang serius terhadap perkembangan sektor pertanian dan menjadikan ianya sebagai fokus utama untuk kita mendapat sumber ekonomi dan menjana pendapatan negeri yang mampan untuk masa… untuk jangkamasa panjang.

Oleh itu, saya menyarankan supaya diwujudkan satu dasar atau polisi pertanian negeri Pahang. Spesifik, khusus untuk dasar pembangunan pertanian negeri Pahang

ini difokuskan kepada Pahang sebagai pengeluar utama dalam pengeluaran menjamin *food security,* dengan izin, jaminan masak er… makanan yang… yang keselamatan yang kekal dan juga yang boleh memberikan er… keselamatan kepada er… kepada rakyat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Menteri Besar minta…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ADUN Beserah. Saya cuma ingin berkongsi sedikit semasa lawatan saya bersama-sama dengan Exco Pertanian baru-baru ini ke Amsterdam dan Belgium. Semasa er… kami bertukar-tukar pandangan dan pendapat dengan pihak kerajaan di sana, pihak pengusaha pertanian dan juga pihak duta, mereka mengatakan bahawa sebenarnya negara-negara maju ini mempunyai bekalan makanan yang mencukupi paling-paling tidak pun untuk 3 bulan sekiranya berlaku bencana alam. Boleh dikatakan semua negara maju macam tu dan kita ini sebenarnya kita dah buat lama tetapi amalannya setakat ini kita tidak bertahan.

Sebagai contohnya, satu ketika dulu BERNAS menyediakan 3 bulan beras di dalam gudang sekiranya berlaku bencana alam tetapi sekarang ini saya nampak dah tidak berlaku sepertimana yang er… dikehendaki oleh kerajaan kerana beras adalah makanan keselamatan dan er… saya juga dimaklumkan bahawa kita Pahang… di Malaysia ini kita mengimport 80% daging daripada luar negara, dan kita juga mengimport beras sebanyak 60%.

Jadi dengan kata lain saya sangat menyokonglah cadangan yang dikemukakan oleh ADUN Beserah tadi dan ini sebenarnya memang dalam perancangan er… saya dengan yang berhormat daripada Benta, Exco Pertanian… bagaimana kita er… untuk memastikan sekurang-kurangnya kita mempunyai bekalan yang cukup bukan saja untuk negeri Pahang tapi mungkin untuk kita eksport ke luar dan sesuai pula dengan kita mempunyai keluasan tanah yang begitu luas dan pihak er… apa ni… Belanda, mereka keluasan mereka lebih kurang sama dengan Pahang tapi kita tahu bahawa mereka ini perlu *survive,* negara mereka di bawah paras laut dan mereka sentiasa memikirkan bagaimana untuk meningkatkan hasil mereka.

Dan lagi saya nak tambah sikit lagi dan kita lihat bagaimana… saya melawat er… kilang memproses ayam halal. Mereka mengeluarkan beribu ekor sehari tetapi tenaga manusia cuma ada 15 orang. Bermakna daripada mula dia er… sembelih ayam itu sehingga lah di*packing* ada lebih kurang 15 orang tenaga kerja dan yang saya nak bawa sini ialah teknologinya begitu canggih sekali. Maknanya ayam tersebut er… dicelup sekejap bagi dia pening-pening sikit baru sembelih dan selepas tu diasingkan peha, dada, kaki dan yang paling unik sekali bila dia nak ambik organ dalam ayam tersebut, dia korek tu, seolah-olah tangan manusia yang mengorek organ tersebut. Kemudian dia asingkan pula jantung di mana, hati di mana dan sebagainya.

Jadi teknologi kita saya tengok masih jauh ke depan dan kita masih… kita kena perlu kerja kuatlah kalau kita benar-benar untuk memastikan negeri Pahang ini akan menjadi er… pengeksport untuk pertanian di masa akan datang. Itu je Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih YB bagi laluan.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Amat Berhormat er… Menteri Besar di atas er… penjelasan dan juga penerangan bagaimana teknologi di negara luar digunakan untuk memajukan sektor pertanian negara mereka dan menjadi sumber utama negara tersebut. Jadi tidak mustahil negeri Pahang boleh kita jadikan sebagai negeri model pertanian untuk negara Malaysia kerana keluasan kita daripada 2 juta hektar yang saya sebutkan tadi sesuai untuk pertanian. Setakat hari ini kita hanya baru menggunakan sebanyak 839 ribu hektar. Kita ada lebih kurang 1 juta hektar lagi tanah yang boleh kita bangunkan untuk tujuan pertanian ini. Dan daripada 800 ribu hektar itu tadi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah, laluan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… terima kasih Wakil Beserah kerana bagi er… saya begitu… Wakil Beserah begitu optimistik lah. Kalau… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya semua tanah-tanah tu kita bangunkan untuk pertanian, tidak ada hutan simpan dan sebagainya, macam mana lah kita nak menghidu oksigen dan kita sekarang ni Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita juga nak minta negeri-negeri ni, negeri negeri macam Pulau Pinang, Melaka, yang hutan simpan, yang hutan dia sikit je. Yang mana kita sekarang ni kita punya 55% dan 55% ini er… hutan yang ada di negeri Pahang ini dan kita adalah merupakan pengeluar utama oksigen kepada negara ini dan juga kepada dunia.

Sebab itu kita minta… kalau Pulau Pinang dia nak maju, dia sodok semua hutan-hutan dia, dia tinggal mungkin 10%, kita pun macam itu juga. Kalau ikut Wakil daripada Beserah, 1 perpuluhan berapa juta… er… 1.2. Cuba kita bayangkan kalau kita, kita pun nak bangun juga. Jadi saya ingat kita ini kita kena fikirlah supaya negeri-negeri ni dia kena bayar macam *carbon credit* kepada negeri Pahang. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya setuju kalau sekiranya ada persefahaman dari sudut menuntut *carbon credit* daripada er… daripada negeri-negeri lain yang mengambil keuntungan daripada keberadaan Pahang ini memberikan mereka keselesaan, maka kita perlu dibayar kos untuk er… menikmati keselesaan tersebut. Negeri lain perlu juga bersama berkongsi dan kita juga melihat sepertimana yang dinyatakan oleh Wakil Kerajaan er… daripada er… Lanchang sebentar tadi. Bukan bermakna bila kita nak kata ada 2 juta hektar yang sesuai pertanian, kita nak tebang semua hutan.

Apa yang saya nak maksudkan, kita perlu ada dasar dan polisi selain daripada kita nak mengeluar jadi pengeluar pertanian utama negeri, kita perlu memberikan perhatian kepada pertanian berasaskan teknologi dan Menteri Besar dah sebut sebentar tadi. Bila kita kata berasaskan teknologi, dia tak perlukan kawasan luas untuk menghasilkan *production* ataupun pengeluaran yang besar. Bila kita kata berasaskan teknologi, kita boleh mengeluarkan hasil yang besar dengan kawasan yang kecil. Dengan er… tidak perlu kita mengorbankan keseluruhannya untuk membina ataupun mengusahakan pertanian tetapi perlu kita melabur dari sudut

membangunkan teknologi dan juga bagaimana kita boleh mengambil er… peluang daripada teknologi tersebut mengembangkan guna tenaga kita, sumber kita dalam negeri Pahang ini.

Jadi dasar pertanian ini juga perlu mengambil kira bahawa, sektor pertanian mampu memberikan pulangan dan pendapatan yang boleh menjamin er… kehidupan peserta-peserta ataupun mereka yang terlibat dengan pertanian tersebut. Kerana cabaran utama yang bakal kita hadapi adalah untuk nak menarik orang ramai terlibat secara aktif dan bersungguh-sungguh dalam sektor pertanian ini kerana mereka tidak nampak sektor pertanian ini boleh memberikan pulangan ataupun jaminan yang baik kepada mereka terutama sekali generasi muda pada hari ini.

Oleh itu, kita perlu menarik generasi muda melalui insentif-insentif yang boleh bersesuaian dengan mereka, termasuklah kita memperkenalkan negeri Pahang sendiri secara berani memperkenalkan gaji minima mereka yang bekerja dengan sektor pertanian kita letakkan RM1,500 melepasi gaji minima yang ditetapkan Kerajaan Persekutuan. Dan ini bakal memberikan satu imej yang baik kepada negeri Pahang dan juga memberikan semangat kepada mereka untuk menyertai sektor pertanian. Jadi saya sarankan… saya sarankan di sini supaya kita semak balik dan tengok balik dan wujudkan satu dasar pertanian, pembangunan pertanian untuk negeri Pahang itu.

Tuan Yang di-Pertua,

perkara kedu… ketiga yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan pelancongan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga ada menyentuh bahawa kita perlu melihat er… mencari sumber baharu dalam… dalam pendapatan dan ekonomi negara kita dengan melihat sumbangan yang boleh kita ambil daripada khazanah yang ada dalam negeri Pahang ini. Saya melihat daripada er… jawapan pihak kerajaan, kita memiliki 25 hutan lipur yang sekarang ini kita kenali sebagai taman eko rimba. 25 er… hutan lipur ini, sebanyak 17 telah diwartakan, 8 lagi er… sedang dalam proses dan hanya 2 taman eko rimba yang telah diserahkan kepada pihak swasta untuk di er… operasikan mereka er… kita berikan er… operasinya kepada pihak swasta.

Mereka er… saya cuma tak pasti berapa bayaran yang dikenakan kepada pihak swasta ini, pulangan kepada Kerajaan Negeri, pihak swasta ini boleh mengutip *fee* untuk masuk. Sedangkan kita ada lagi er… 23 hutan lipur yang boleh kita gunakan untuk me … selain daripada membantu penduduk setempat… setempat untuk mendapat *spin of effect* daripada pelancongan *eco tourism* ini, dia juga mampu memberikan pulangan yang besar kepada kerajaan negeri melalui kutita… kutipan *fee* masuk tersebut. Untuk tahun 2018, Januari hingga September, kita kerajaan negeri mengutip RM134,629.00 melalui 6 eko rimba sedangkan kita ada 23 lagi eko rimba yang… yang perlu kita bangunkan. Namun nak membangunkan eko rimba, kita faham memerlukan modal yang besar.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kita… Yang Berhormat Menteri Besar telah minta supaya kita mengkaji semula tentang er… polisi kita, terutama sekali er… kawasan-kawasan pelancongan seperti eko rimba dan sebagainya. Sememangnya sekarang ini kita dalam usaha untuk menyerahkan ataupun menswastakan hutan eko rimba ini, kepada pihak-pihak

swasta yang mempunyai daya saing yang hebat dan mempunyai pemikiran bahawa mereka itu, *think tourism,* dengan izin, kerana kita dapati bahawa ada juga er… eko rimba ini apa nama… hutan lipur ini sebenarnya diuruskan oleh pihak Jabatan Hutan sendiri dan kita faham tentang kekangan yang ada, kerana itu sekarang ini adalah masa sebenarnya kita sedang apa namanya… telah er… apa namanya membuat er… *interview* dan juga bebe… mengkaji setiap *proposal* atau cadangan-cadangan yang dibuat oleh mereka. Dan sebenarnya ada beberapa yang telah pun kita er… *award* ataupun telah pun kita… kita persetujui untuk memberikan… untuk supaya apa… supaya hutan lipur ini tadi, eko rimba itu tadi, pertamanya ia akan memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri, satu.

Yang keduanya, kita juga akan selaraskan dari segi kemasukan er… pelancong ke dalam hutan eko rimba ini. Dan kutipan tersebut sebahagiannya akan juga merupakan hasil kepada Kerajaan Negeri untuk kita bangunkan infrastruktur-infrastruktur yang lain. Sememangnya kita sebenarnya Kerajaan Negeri agak agresif jugalah dalam usaha untuk membangunkan er… tempat-tempat baru untuk sektor pelancongan. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Wakil Kerajaan, dan kita ucap tahniah di atas kesungguhan dan semangat untuk nak agresif di dalam ini kerana ini penting er… Tuan Yang di-Pertua ini penting untuk menjamin, kita ada satu asas pendapatan yang ataupun menjana ekonomi yang baik dan *sustainable* untuk negeri itu sendiri untuk jangkamasa panjang kerana kita tahu Pahang kita boleh jadikan sebagai *center* pusat untuk pelancongan kerana *eco tourism*, kerana ada laut, kita ada macam-macam yang disebutkan sebelum ini.

Maka kita perlu ambil ini sebagai peluang yang besar dan apatah lagi apabila Kerajaan Persekutuan. Kita ucap terima kasih kerana setuju mengembalikan 50% cukai pelancongan kepada negeri dan kita er… 6 bulan kita mengutip RM7.8 juta seperti yang dinyatakan tadi. Dan kita perlu ada sasaran bahawa untuk tahun… 6 bulan akan datang kita set mungkin jadi 10 juta dan supaya tahun er… 5 tahun daripada sekarang kita *set target* bahawa pelancongan akan menyumbang pendapatan kepada kerajaan negeri, berapa jumlahnya ... berapa jumlah, berapa juta yang kita boleh sumbangkan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kutipan cukai pelancong ini hanya kepada er… pelancong-pelancong luar negara sahaja setakat ini dan kerana itu, Yang Berhormat Yang di-Pertua, Exco Pelancongan terpaksa banyak lagilah pergi mempromosi ke negara-negara yang tak pernah kita pergi, supaya lagi ramai pelancong kerana kita menyahut seruan daripada rakan kita daripada Beserah, nak sampai RM10 juta RM20 juta dan sebagainya. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Saya…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Mungkin kita boleh jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar cakap, mungkin sekali-sekala kita boleh jemput ADUN daripada Beserah untuk turut serta dalam er… ini, rombongan kita Insya-Allah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Janganlah sekali-sekala, selalu bawak [Ahli Dewan ketawa] baru dia ada semangat lain macam ya, baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya teruskan, sedikit lagi. Sebelum saya mengakhiri contohnya di tempat saya, di Cherating itu ada satu pengusaha individu dia mencipta rekod dunia. Menerima sijil pengiktirafan *Guinness World Book Of Record*, *the longest beaded art in the world* er… hujung tahun lepas. Er… tapi ianya diusahakan oleh individu tetapi kita tidak mengambil peluang ini untuk nak *exploite uniqueness* yang ada pada individu ini dalam usaha dia itu, diiktiraf sebagai satu rekod dunia.

Tapi ianya tidak diketahui oleh umum dan tidak mendapat tarikan untuk orang nak… nak pergi melihat dan belajar ataupun kita gunakan kesempatan itu sebagai satu lokasi er… pelancongan dunia kerana ingin melihat individu yang ada inisiatif begini er… untuk untuk menaikkan nama… nama negara kita. Akhir sekali er… Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan apa yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia tempoh hari tentang memelihara…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Ini kerana Beserah ni dia suka pasal pelancongan ni, saya nak maklumkan bahawa pada tahun 2017, er… kehadiran pelancong ya, di Beserah adalah seramai 298,566 dan pada tahun ini, 355,000 er… 335,374 orang maknanya peningkatan yang ini sebab *art* tadilah tadi, yang *art* tadi tu yang meningkat 60,000.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Begini Dato' Yang di-Pertua, kalau… betullah kita tahu dia ada… dia ada peningkatan dan sebagainya, cuma kita nak lihat satu benda yang boleh. Kadang-kadang bila satu perkara itu dia menarik perhatian orang, dia akan datang boleh kata setahun, tiga kali empat kali. Tak datang sekali pastu balik, tak datang dah. Er… itu berbeza sebab nak tahu je. Tapi kita nak… nak… nak tarik sebegini supaya lokasi itu, menjadi tumpuan, menjadi seolah-olah dalam ertikata lain lokasi wajib untuk dilawati sepanjang tahun contoh. Kita nak jadikan keadaan begitu supaya dia *sustained* dia berterusan bukan bermusim ataupun dia ada, ada berdasarkan kempen dan sebagainya.

Saya kembali akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua,

YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya ingin menyentuh apa yang disebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia tentang, memelihara kesucian agama er… dan juga Perlembagaan. Kita ambil maklum negara kita ini, negara yang majmuk, pelbagai kefahaman latar belakang dan juga kepercayaan. Namun kita berpegang kepada teras yang telah kita er… bina bersama berasaskan Rukun Negara yang disebutkan dalam Dewan ini pagi tadi. Maka saya berharap dan kami juga berharap bahawa kita peliharalah kesucian agama ini, jangan disentuh ataupun jangan diusik sebarang er… jangan dibuat sebarang bentuk provokasi yang boleh menyentuh er… hati dan nurani terutama sekali orang-orang Islam kerana apabila mereka tersentuh, mereka mengambil tindakbalas *reciprocal action*. Tindakan tindakbalas ini, maka tindakan tindakbalas inilah kadang-kadang kita tidak mahu ianya melampaui perkara-perkara yang seharusnya kita perlihara bersama.

Keharmonian ini adalah tanggungjawab kita bersama dan juga kemakmuran negara dan negeri ini juga adalah merupakan perkara, peranan penting yang perlu kita main dan kita pelihara bersama. Oleh itu, kita kena junjung konsep yang er… telah kita pegang selama ini, perpaduan dan juga kontrak sosial yang telah kita sama-sama persetujui untuk mempastikan kita boleh maju, kita boleh ke depan dan boleh bersaing dengan negara dan juga negeri-negeri lain. Dengan itu, sekali lagi saya ucap terima kasih dan saya mohon menyokong.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Beserah. Baik, sila, sila Wakil dari Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, salam sejahtera. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hari ini saya ingin menyentuh beberapa isu penting dalam Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Pahang telah mengecualikan premium tanah yang tempoh pajakan telah dilanjutkan dari 60 tahun sehingga 99 tahun di Kampung Baru dalam seluruh Pahang. Polisi ini merupakan usaha yang murni kerana ia membantu er… meringankan beban keluarga yang berpendapatan rendah. Polisi ini juga menyelesaikan masalah kegagalan rakyat negeri Pahang untuk membayar premium tanah yang tinggi dalam beber... beberapa tahun ini.

Walau bagaimanapun, saya telah menerima aduan dari penduduk Kampung Baru bahawa Pejabat Tanah telah bermula mengecaj premium tanah terhadap mereka yang memohon untuk melanjutan tempoh pajakan. Untuk makluman Dewan, cukai tanah yang dicaj, amaun yang amat tinggi telah membebankan penduduk Kampung Baru dan sekiranya mereka tidak dapat menjelaskan premium tanah yang begitu tinggi, mereka akan menghadapi err... masalah err... mereka akan menghadapi masalah kegagalan untuk premium tanah dikemaskini. Mereka telah tinggal di

Kampung Baru sejak generasi nenek moyang mereka dan sekarang menghadapi masalah kegagalan pembayaran cukai tanah ini. Saya amat berharap Kerajaan Negeri akan memahami kesusahan yang dihadapi oleh penduduk Kampong Baru dan meneruskan polisi perlanjutan tempoh pajakan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012 supaya memfaedahkan penduduk Kampung Baru dengan polisi mengecualikan premium tanah. Polisi ini akan membawa kemasla... err... kemaslahatan kepada penduduk kampung dan rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan Negeri Pahang telah melantik Ahli Majlis Perbandaran dan Daerah pada 12hb Disember 2018 demi membolehkan Majlis Perbandaran dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih efisien dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan. Saya berpendapat bahawa perlantikan Ahli Majlis Perbandaran haruslah merangkumi wakil dari semua semua bangsa dan ini akan membantu meningkatkan tahap komunikasi antara penduduk tempatan dan Majlis Perbandaran serta menyelesaikan masalah tempatan dengan *efection*. Biar kita ambil Majlis Perbandaran Bentong sebagai contoh.

Bentong mempunyai peratus penduduk Cina yang lebih tinggi daripada kawasan lain tetapi pihak Kerajaan Negeri tidak melantik seorang pun Ahli Majlis Perbandaran yang berbangsa Cina. Ini telah menyebabkan banyak warga emas yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia, gagal untuk membawa isu yang dihadapi kepada Majlis Perbandaran. Saya memahami pengurusan ini disebabkan oleh salah satu parti komponen kerajaan gagal menamakan calon kepada Kerajaan Negeri tetapi saya percaya bahawa banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan izin, dan wakil tempatan Cina berkebolehan untuk dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran. Oleh itu, saya cadang, saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri harus mengambil kira pemimpin ataupun wakil tempatan yang berbangsa Cina dan India semasa melantik Ahli Majlis Perbandaran pada masa hadapan. Cara ini bukan sahaja membantu meningkatkan taraf perkhidmatan Majlis Perbandaran, ia juga... ia juga menjadi portfolio untuk masyarakat Cina berkomunikasi dengan Majlis Perbandaran.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua, tempoh perlantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru (JKKKB) dalam seluruh Pahang telah tamat pada Ogos 2018 tetapi Kerajaan Negeri Pahang masih belum melantik ahli JKKKB yang baharu. Ini telah membawa banyak masalah kepada penduduk tempatan kerana ketika mereka menghadapi isu-isu, mereka tidak mempunyai saluran untuk melaporkan. Mereka juga tidak dapat mendapat surat pengesahan dari Ketua Kampung ketika memerlukan. Oleh itu saya berpendapat bahawa negeri Kerajaan Pahang sepatutnya menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin agar agar membolehkan semua JKKKB dalam negeri Pahang boleh ditubuhkan dan melaksanakan tanggungjawab mereka demi kemudahan penduduk tempatan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang telah meningkatkan peratus industri *valuation,* dengan izin pada tahun lepas. Untuk makluman Dewan peratus kenaikan untuk perumahan adalah 1%, kedai rumah adalah 1.5% dan kawa... kawasan perindustrian adalah 2%. Jumlah kenaikan yang berpuluh-puluh ringgit sehingga beratus-ratus ringgit. Saya memahami bahawa Kerajaan Negeri memerlukan modal yang lebih banyak untuk menjalankan tanggungjawab dan cara kenaikan cukai dapat menambahkan

pendapatan kerajaan. Namun ekonomi dalam negeri Pahang sekarang berada dalam situasi yang tegang dan semua jenis perniagaan juga menghadapi pelbagai masalah ekonomi. Kenaikan seperti ini jelas akan membebankan rakyat. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri Pahang dapat memahami kesusahan kehidupan rakyat dan melewatkan pelaksanaan kenaikan cukai pintu atau menurunkan peratus kenaikan supaya dapat meringankan beban rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tentang isu rumah mampu milik. Kawasan Bentong masih mempunyai banyak keluarga yang miskin dan tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri dan kebanyakan dari golongan mereka terpaksa menyewa rumah dan segelintir kecil perlu tumpang tinggal di rumah orang lain. Faktor yang terpenting ialah kekurangan modal untuk membeli rumah. Saya memahami bahawa banyak penduduk Bentong yang memohon untuk membeli rumah mampu milik tetapi Kerajaan Negeri Pahang hanya membina rumah mampu milik dalam jumlah yang kecil dan jumlah ini memang tidak dapat err... menam.. menampang, menampung permohonan yang tinggi dari penduduk Bentong.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Oleh itu saya amat berharap Kerajaan Negeri Pahang dapat...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, di Bentong kita ada buat 7 projek yang melibatkan seramai 1,224 orang yang boleh duduk yang untuk rumah PRIMA lah ya. Jadi err... permohonan setakat ini ada berapa yang kata ramai tadi? Boleh YB beritahu tak lebih kurang?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ang... ang...angggaran itu saya tak dapat satu err... satu jumlah yang... yang tepat tetapi bolehkah saya tanya pihak kerajaan bilakah er... rumah-rumah mampu milik ini akan dilaksanakan dan berapa sudah dilaksanakan?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tadi rakan saya daripada Exco Perumahan telah pun jawab. Yang kita lulus 37,000 unit yang melibatkan 120 projek pelbagai peringkat. Jadi itu kelulusan. Peringkat ini dia sehingga mendapat CF, dia mengambil masa sedikitlah tetapi yang pentingnya pokok pangkalnya kerajaan telah menyediakan ruang tapak untuk membuat rumah

mampu milik. Macam di Bentong ini kita dah bagi 7 projek. Masa siap itu bergantung kepada keadaanlah. Kadang-kadang kalau nasib baik, boleh siap seperti mana yang ditetapkan. Kalau nasib kurang baik kerja tanah banyak, kontraktor lari dah jadi lambat pulak dan sebagainya. Itu satu tapi usaha kerajaan untuk membantu rakyat dah ada ya.

Yang ke-2 tadi, saya... masa saya di luar tadi saya dengar Yang Berhormat minta Kerajaan Negeri melantik cepat Ahli Majlis. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan memang telah pun minta nama daripada apa ni... parti-parti yang di dalam Barisan Nasional untuk mengemukakan nama tetapi malangnya sehingga ke hari ini mereka belum mengemukakan nama dan ada sedikit apa ni penolakan dan sebagainya perbincangan. Jadi sebab itu kita tak boleh nak lantik. Jadi kita tunggulah. Kalau sekiranya pihak parti komponen hantar nama, Kerajaan Negeri lantik, tiada masalah. Itulah Yang Berhormat untuk penjelasan kepada ADUN Bilut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih Yang Amat Berhormat tentang penjelasan tentang rumah mampu milik. Saya didapati juga ada beberapa projek akan dijalan di kawasan Bentong tetapi beberapa tahun lepas saya telah pun dengar berita tentang kita di kawasan Bentong ini Kerajaan Negeri telah pun meluluskan projek di kawasan Bentong ini tetapi hingga ke hari ini kita hanya nampaknya tanah sahaja tapi satu... satu batang err... satu batang tiang pun kita tidak nampak. Oleh sebab itu saya membawakan isu er... ke Dewan Yang Mulia ini tetapi saya yakin kepada Kerajaan Negeri kerana masih ada masa lagi tetapi saya harap Kerajaan Negeri mempe... mempercepatkan err... apa tu, masa ini untuk membina er... rumah mampu milik ini kerana setiap er... lebih kurang setiap bulan ada banyak juga er... pengundi-pengundi ataupun penduduk di kawasan Bentong ini datang ke pejabat saya.

Saya minta mereka pergi ke Pejabat Tanah untuk isi borang supaya mereka boleh er... menamakan dalam senarai yang sedia ada di pejabat tanah itu. Er… akhir sekali saya amat berharap Kerajaan Negeri Pahang dapat melaksanakan polisi semua memiliki rumah dan membina lebih banyak rumah mampu milik di kawasan Bentong supaya semua keluarga dapat memiliki rumah sendiri dan tinggal dengan lebih selesa. Itu sahaja, sekian terima kasih Yang Hormat, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik Yang Berhormat. Baik, saya jemput wakil dari Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Izinkan saya menjunjung kasih atas titah Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena Pembukaan Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang kali ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Isu masalah tikus di Pasar Besar Kuantan dan saya ingin mengucap ribuan terima kasih kepada Dato' Hajah Hamiza binti Hamzah iaitu Setiausaha MPK yang telah sudi turun padang bersama saya untuk meninjau sendiri masalah yang berlaku tempoh hari di pasar besar tersebut. Difahamkan juga sepanjang tahun, pihak majlis telah menjalankan operasi kawalan menangkap tikus sebanyak 2 kali seminggu iaitu setiap hari Selasa dan Jumaat. Operasi ini juga telah dijalankan oleh 10 hingga 20 anggota Unit Vektor Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Selain itu difahamkan memang bukan mudah untuk menangkap tikus di pasar tersebut. Malahan saya juga turut serta dan merasai sendiri bagaimana cara menangkap tikus tersebut. Di sini saya ingin memohon pihak kerajaan agar dapat memberi lebih lagi peruntukan untuk pasukan ini agar dapat menjalankan operasi kawalan menangkap tikus dengan kerap sekali.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa semua orang tahu bahawa Menara Teruntum sedang dibina di kawasan bandar Kuantan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mohon bertanya kepada ADUN Teruntum. Sekali operasi itu berapa ekor tikus dapat dan lepas itu tikus itu buat apa?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

21 ekor. (Ahli Dewan ketawa) Buang la. Saya sambung ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sambung.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Menara Teruntum tersebut setinggi 180 meter, dibina di tebing Sungai Kuantan. Jika Menara Teruntum siap dibina kemungkinan Menara Teruntum dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelancong seperti pelancong dari luar negara. Ini akan menyebabkan nama Kuantan dikenali ramai dan menarik lagi ramai pelancong yang ingin melancong di er… di bandar Kuantan. Soalan saya, apakah perancang pihak kerajaan untuk membangunkan tempat di sekitar sebagai tempat pelancongan untuk menarik minat lebih ramai pelancong yang memberi lebih peluang perniagaan untuk warga Kuantan seperti…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat, Yang Berhormat Teruntum…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

… menjual kraftangan Malaysia.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Teruntum, ini bukan sesi soal dan jawapan. Tadi Yang Berhormat kata soalan saya tadi. Maksud saya, Yang Berhormat membahaskan titah ucapan. Maknanya Yang Berhormat boleh memberi cadangan, pandangan dalam sesuatu isu itu. Yang Berhormat nak bertanya tadi nak tanya siapa? Ini masa Yang Berhormat untuk memberi pandangan dan juga idea-idea dalam isu-isu semasa. Sila.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Kedua, er… mana nak letak *parking* kalau 10 bas datang ke tempat ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Isu anjing liar di Kuantan. Saya difahamkan Majlis Perbandaran Kuantan dikatakan setiap hari menerima sebanyak 5 ke 20 kes aduan mengenai kes anjing liar. Anjing liar sangat merbahaya kerana mengancam orang ramai yang berada berdekatan dengan haiwan tersebut. Saya juga mencadang kepada pihak kerajaan agar dapat membeli sebidang tanah sebanyak keluasan 5 ekar di kawasan Kuantan kepada pihak NGO seperti *CARE* atau yang lain kerana tempat mereka menjaga er… menjaga lebih 300 ekor anjing liar sekarang. Didapati kebanyakan anjing setiap hari semakin bertambah. Sekiranya pihak kerajaan dapat memberi tempat yang bersesuaian untuk penempatan anjing liar, ini juga akan dapat mengatasi masalah anjing liar di kawasan Kuantan. Saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kadar kenaikan lesen burung walid yang semakin mendadak dari RM240 ke RM1000. Pihak kerajaan juga telah menetapkan kadar seragam bagi lesen perusahan sarang burung di negeri Pahang sebanyak RM1000 bagi seorang pengusaha. Kenaikan ini agak melampau kerana di luar… di negeri lain contohnya di negeri Kelantan hanya satu… RM240, Perak RM240. Di sini saya ingin mensuarakan untuk pengusaha burung walid. Saya harap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan semula perkara ini dan mengekalkan dengan harga yang sama seperti negeri-negeri yang lain.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

MPK telah melancarkan program Kuantan Santai Sihat Lestari sempena Hari Tanpa Kenderaan bermula 23 Mac 2019. Penutupan jalan tersebut sangat memberi kesan kepada pengguna jalan raya dan juga peniaga-peniaga pemilik kedai di kawasan tersebut. Difahamkan pekerja di kawasan tersebut terpaksa meletakkan kenderaan terlalu jauh dan terpaksa berjalan kaki dan mengambil masa yang lama sampai ke tempat kerja. Selain itu, aktiviti tersebut juga menyebabkan bandar Kuantan menjadi

jammed teruk. Agak, ada setengah kedai terpaksa beroperasi tidak mengikut masa yang ditetapkan. Penutupan jalan tersebut juga menyebabkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan masuk keluar seperti Jalan Wong Ah Jang dan Jalan Tun Ismail yang juga pencemaran udara akibat dari kesesakan lalu lintas.

Kenapa pihak MPK tidak menjalankan aktiviti tersebut pada hari Ahad dan kerana pada hari Sabtu kebanyakan kedai masih beroperasi dan yang ada masih bekerja di hari tersebut. Saya mencadangkan supaya mencari jalan alternatif yang lain tak… supaya tidak menimbulkan sebarang masalah dan mengadakan aktiviti yang lebih menarik kepada orang ramai supaya dapat sambutan yang lebih menggalakkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Di… di jalan besar Kuantan mempunyai pandangan yang paling unik di atas penghalang pagar kerana dipenuhi dengan corak berwarna hitam putih iaitu seni lukis tahi burung. Saya harap pihak Majlis Perbandaran Kuantan ambil serius dalam perkara ini kerana kelihatan agak kotor dari segi penglihatan kerana tahi burung sentiasa ber… atas pagar tersebut. Ini juga er… boleh menyebabkan dan menjatuhkan imej MPK kerana tidak mengambil peduli tentang perkara tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Isu nama Jalan Penjara. Saya pernah bangkit perkara ini dalam sidang yang Dewan Mulia ini. Nama Jalan Penjara tidak lagi sesuai untuk digunakan di bandar Kuantan. Saya pernah mencadangkan di dalam sidang Yang Mulia ini untuk menukarkan nama tersebut kepada Jalan Dato' Sri Adnan Yaakob. Jika pihak kerajaan tidak bersetuju dengan nama jalan saya yang cadangkan, saya memohon pihak kerajaan untuk menukar kepada nama yang lain lebih sesuai dan saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan semula.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Pada setiap musim perayaan, Stadium Darul Makmur telah menyediakan tapak untuk meniaga yang disewa oleh orang ramai. Didapati bahawa tapak-tapak tersebut disewa melalui tender syarikat lain dan sebagai orang tengah. Difahamkan sebuah syarikat telah menjadi sebagai orang tengah dan mengambil kesempatan untuk menaikkan kos kadar sewa tapak mengira tersebut er… meniaga tersebut dan menyewa dengan harga yang tinggi er… dan mahal. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan suda… supaya tidak mengeluarkan tender kepada orang tengah dan sebaliknya pihak stadium sendiri harus menyewa terus kepada orang ramai. Ini dengan izin, *win win situation* bagi 2 pihak antara pihak kerajaan dan orang ramai dan tidak perlu melalui er… sebuah syarikat untuk dijadikan sebagai orang tengah. Saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini yang saya bangkitkan

Yang Berhormat, Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua,

Strata title Kompleks Teruntum. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar dan juga Exco Perumahan atas tindakan telah diambil setelah masalah *strata titl, strata title* Kompleks Teruntum yang pernah saya bangkitkan pada sidang yang lepas. Saya dimaklumkan oleh pemilik lot kedai bahawa *strata title* akan dikeluarkan pada bulan Oktober 2019 yang akan datang. Jika benar, saya sekali lagi ingin mengucap ribuan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan Pahang Kerana masalah ini dapat diselesaikan selepas hampir 40 tahun.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Bulan lalu kita digemparkan dengan isu pembuangan sisa bahan kimia di dalam Sungai Kim-Kim, Johor yang telah memberikan satu pengajaran kepada rakyat Malaysia. Difahamkan sekolah dan kawasan berdekatan diarahkan untuk menutup dan mengosongkan kawasan tersebut supaya terhindar pada masalah terhidu bahan kimia tersebut. Apa-apa... apakah langkah pihak kerajaan untuk mengawal bahan kimia seperti dan mencegah dari bencana seperti berlaku di sungai tempatan iaitu Sungai Galing yang mengalami pencemaran yang mengakibatkan sungai bertukar menjadi warna hitam dan berbau busuk. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi pencemaran tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

Saya telah difahamkan bahawa Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) mempunyai tunggakan hutang mulai tahun 2014 hingga 2019 April sebanyak lebih kurang RM432 bilion kepada Tenaga Nasional Berhad. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah tindakan atau cara-cara membayar balik kepada pihak TNB. Saya juga ingin bertanya kenapa hutang tersebut begitu banyak dan masih tertunggak sehingga kini?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Lebuhraya Pantai Timur perlu dinaikkan taraf atas masalah kesesakan hari minggu, musim perayaan dan musim cuti sekolah. Hampir kesemua kawasan tol penuh dengan kenderaan yang menyebabkan kesesakan yang ambil masa hampir 2 jam. Saya menerima jawapan dari pihak LPT bahawa antara sebab yang telah dikenal pasti menyebabkan kesesakan Lebuhraya KL-Karak adalah disebabkan keadaan bentuk bumi yang berbukit dan berselekoh, cuaca, hujan kemalangan juga menyebabkan kenderaan bergerak perlahan. Bagi mengurangkan isu kesesakan berlaku di plaza tol, pihak LPT telah melaksanakan tindakan penyelesaian seperti memastikan semua lorong plaza tol dibuka secara maksimum dan mendapat... menambah kakitangan operasi tol bagi membantu pengguna yang mempunyai masalah di lorong tol.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang pertama sekali, berkenaan dengan kesesakan jalan di LPT Pantai Timur. Kita tahu bahawa jalan raya ni ada tanggungjawab, ada jalan Kerajaan Negeri, ada jalan Kerajaan Persekutuan. Jadi lebuh raya ni di bawah jalan Kerajaan Persekutuan. Patutnya perkara ini dibangkitkan oleh ADUN kepada rakan dia, rakan Ahli Parlimen dia, itu yang pertama. Yang kedua, satu perkara yang disebutkan kesesakan ini disebabkan oleh tol. Dulu dah berjanji tak payah buka tol, tol… semua lubang tol, buang saja sebab itu janji, senang cerita, janji itu tunaikan dulu laksanakan janji dalam manifesto. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Mulai awal tahun 2009, saya telah menerima banyak aduan mengenai isu saman ke atas kereta seperti hilux 4x4 dan kereta persendirian kerana membawa barang-barang persendirian. Saman tersebut yang mencecah sehingga RM1,000 dan ke atas. Saman yang dikeluarkan tersebut di atas kesalahan pengguna kenderaan yang meletak barangan pekerja di dalam kereta. Saya tidak memahami kerana perkara ini hanya berlaku di Kuantan dan tidak di seluruh Pahang. Adakah perkara seperti ini juga berlaku di seluruh Malaysia, kita tak tau. Saya berharap satu SOP yang jelas perlu diberitahu kepada orang ramai tentang perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingin mencadangkan penambahan destinasi penerbangan di Kuantan perlu dipertingkatkan lagi untuk pelancong yang semakin bertambah di Kuantan. Penambahan penerbangan utama dari Lapangan er... Sultan Ahmad Shah ke negara lain seperti contoh tersebut. Kuala Lumpur ke Bangkok sehari, Isnin sampai Jumaat 9 kali, pada hari Sabtu 11 kali penerbangan ya, ini AirAsia. Malaysia Airlines, Isnin ke Jumaat, 6 ke 10 kali. Pada hari Sabtu, 7 ke 9 kali. Nombor 2, Kuala Lumpur ke Jakarta Isnin hingga ke Jumaat, 10 kali perjalanan satu hari dan pada hari Sabtu 11 kali. Ha ini AirAsia. MAS Isnin ke Sabtu 7 kali perjalanan dan pada hari Ahad 4 kali.

Ini sebagai contoh pengalaman berlaku di er... KLIA dan saya minta kenapa pihak kerajaan tidak membuat satu penambahan dari Kuantan ke… macam Bangkok atau Jakarta yang begitu banyak sekali dalam satu hari, kalau tidak kita mencadangkan mungkin dua hari sekali dan bukan biar Kuantan Airport kosong saja. Saya harap pihak kerajaan dapat menambah lagi penerbanan untuk mendapatkan pelancong di Pantai Timur.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Pada dua bulan yang lepas, terdapat dua atau tiga ekor buaya yang sentiasa berada di dalam longkang Kampung Jawa. Buaya tersebut berada di dalam keadaan longkang persimpangan masuk Kampung Baru yang jauhnya 3 kilometer dari tebing Sungai Kuantan. Jikalau buaya tersebut naik ke darat, bukan buaya darat ya, naik ke darat, untuk menjemur di tengah panas. Ini cukup merbahaya kepada penduduk-penduduk yang berada di sekitar tersebut. Saya berharap pihak kerajaan dapat memasang dengan izin, *track,* di tebing sungai supaya binatang seperti buaya ini tidak dapat masuk ke kawasan longkang tersebut dan sebelum perkara tidak diingini berlaku. Sekian saya ini ucapan saya, saya mohon sokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, Yang Berhormat Teruntum. Ya sila, saya nampak Yang Berhormat daripada Tanah Rata tadi.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan-rakan sekalian dalam Dewan Yang Mulia ini. Salam sejahtera dan salam harapan. Terima kasih terlebih dahulu kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai Perbahasan Menjunjung Kasih Titah DiRaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Pertamanya yakni berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan terhadap tanah kebun yang telah, sedang dan bakal dijalankan di Cameron Highlands. Terlebih dahulu saya... saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tanah Rata, apa Yang Berhormat sebutkan tadi?

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tolong ulang sekali lagi, saya kurang jelas tadi.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Oh… yang perenggan pertama.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan terhadap tanah kebun yang sedang dan bakal dijalankan di Cameron Highlands.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Menteri Besar nak.

YAB.DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta laluan.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Oh! cepatnya minta laluan.

YAB.DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dak ini penting bukan main-main tau dak.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Perkara ini telah dibawa ke mahkamah dan pihak pekebun telah pun mendapat perintah mahkamah supaya tindakan penguatkuasaan diberhentikan sementara dan pihak kerajaan akan buat rayuan. Jadi perkara yang telah dibawa ke mahkamah dan telah mendapat perintah mahkamah, tak perlu dibincangkan lagi. Yang Berhormat kena tau benda ini, ini perkara asas. Sebab itu dalam ucapan saya, saya cuma sebut tanah haram di peringkat negeri. Titah Tuanku pun penguatkuasaan tanah haram di negeri tak sebut Cameron Highlands pun. Jadi Yang Berhormat daripada Tanah Rata sebut Cameron Highlands dan perkara ini tidak boleh dibincangkan secara terbuka. Yang ini Yang Berhormat kena faham. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya, terima kasih peringatan daripada Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jadi perkara itu tidak perlu disebut.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bukan ni sekadar nak bincangkan kes ini di sini. Saya tidak bincangkan kes ini di sini. Saya cuma…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat…

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Saya cuma nak memberikan pandangan dan cadangan sahaja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tanah Rata, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar…

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Isu ini telah pun dibawa ke mahkamah. Mengikut peraturan mesyuarat, duduk Yang Berhormat, duduk. Perkara 36(2)… 36(2), tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah kerana kita perlu tunggu dan menghormati keputusan mahkamah. Jadi, saya kira Yang Berhormat tak perlu membincangkan isu

itu di dalam Dewan ini. Yang Berhormat boleh terus kepada tajuk yang lain.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bincang kes yang telah dibawa ke mahkamah itu. Saya tidak bincang tetapi saya juga difahamkan pada masa yang akan datang, juga ada banyak tindakan penguatkuasaan terhadap tanah-tanah kebun ini. Saya di sini saya tidak menyentuh dan membincang bagaimana tindakan penguatkuasaan tetapi saya di sini hanya nak cuba mencadangkan bagaimana kita boleh selesaikan masalah ini kepada Dewan Yang Mulia ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya, bolehkah?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tanah Rata, pada pandangan saya, saya tidak, saya masih lagi menganggap bahawa Yang Berhormat mempunyai niat yang sama. Jadi, perlu pergi kepada tajuk yang lain.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Tidak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bukan isu tanah atau undang-undang penghukuman di Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sentuh yang kes yang dibawa ke mahkamah tu tetapi ini kes yang seluruh… menyeluruh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini berlaku di Cameron Highlands?

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya, berlaku di Cameron Highlands tapi kes yang dibawa ke mahkamah itu ialah kes yang lain, yang saya yang sebut ini adalah kes yang seluruh. Saya cuma nak memberikan cadangan sahaja kepada Dewan Yang Mulia ini. Adakah ini juga melanggar peraturan ataupun undang-undang? Saya rasanya tidak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pemahaman saya bahawa itu adalah perkara yang ada kait-mengait yang ada kaitan, yang kain-mengait, kait-mengait ataupun ada hubung kait tentang isu yang sama di Tanah Rata. Jadi, saya minta kerjasama Yang Berhormat supaya membawa

tajuk yang lain, isu yang lain di Cameron Highlands juga, bukan isu tanah.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Baiklah, saya sentuh yang lainlah, bukannya tindakan penguatkuasaan tetapi cadangan untuk membuat penempatan semula. Dengan ini, saya nak mencadangkan satu projek, Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di daerah Cameron Highlands ini. Sebab saya nak mencadangkan projek ini projek yang dengan singkatan ini ialah TKPM, projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan. TKPM ini adalah satu kaedah untuk mewujudkan satu zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan secara lestari, mesra alam dan berteknologi tinggi untuk menjamin pengeluaran makanan negara yang mencukupi, berkualiti dan mapan. Cadangan ini saya juga sudah memaklumkan kepada YB. Timbalan Perdana Menteri dan juga YB. Menteri Pertanian dan sekiranya Kerajaan Negeri sedia menawarkan langkah penempatan semula ini, Kerajaan Pusat sedia memberikan bantuan yang sepenuhnya untuk menjayakan projek TKPM ini.

Dan saya juga difahamkan oleh Jabatan Pertanian Negeri, bahawa cadangan ini pernah dibangkitkan oleh Jabatan Pertanian Negeri pada tahun 2015 tetapi pada masa tu sebab mereka bagi alasan ialah disebabkan kesuntukan bajet. Oleh itu, cadangan ini telah ditolak. Oleh itu, pada masa yang sekarang, saya ingin mencadangkan sekali lagi supaya pihak Kerajaan Negeri boleh membangkitkan semula Usul ini supaya kita boleh apa katanya… dalam menetapkan lebih banyak usaha untuk melestarikan memelihara dan memulihara Cameron Highlands dan saya sentuhlah perkara yang kedua, itu yang…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Minta laluan, Pengerusi Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Pulau Manis, boleh.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya nak mohon pengesahan daripada Tanah Rata. Benar atau tidak kebanyakan daripada produk-produk makanan jagung, keledek dan juga petai sebenarnya bukan daripada Cameron Highlands? Ia datang dari luar. Jadi, barang-barang luar tu dia tumpang meniaga atas popularity Cameron Highlands. Benarkah atau tidak perkara ini berlaku di Cameron Highlands?

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Saya tidak menafikan, ya. Oleh itu, hari itu Timbalan Menteri Pertanian datang ke Cameron Highlands. Beliau juga menyarankan supaya kita mewujudkan satu jenama Cameron Highlands untuk buah-buahan dan tanaman di situ untuk mengelakkan kekeliruan dan juga ciptaan dan juga barangan palsu yang bukan asalnya dari Cameron Highlands. Ini saya tidak menafikan, betul. Oleh itu, kita perlu menjayakan dan juga membangunkan jenama Cameron Highlands.

Dan untuk perkara yang kedua, ya ni… tahniah juga kepada Kerajaan Negeri atas peningkatan hasil melalui inisiatif-inisiatif yang baharu. Namun demikian, saya di sini juga ingin merayu kepada Kerajaan Negeri supaya juga boleh mengkaji semula

pelaksanaan kutipan hasil bayaran lesen perniagaan kedai dan penjaja di… oleh Majlis Daerah Cameron Highlands. Sebab saya difahamkan bahawa di Cameron Highlands, kadar bayaran untuk lesen perniagaan telah mengalami satu kenaikan kadar yang mendadak sehingga 100… 200%... 100 sehingga 200% kenaikan dia. Yang sebab utama kenapa ada kenaikan kadar bayaran lesen yang begitu mendadak adalah disebabkan penambahan kategori perniagaan di premis dan juga tapak penjaja.

Katanya, ada kedai yang jenis perniagaan dia adalah menjual barangan runcit sahaja. Oleh itu, kategori dia adalah kedai runcit. Tetapi kalau dia ada jual pakaian, ada jual alat tulis, ada jual kosmetik, dia akan juga dikenakan cukai penambahan… ditambahkan cukai aktiviti tersebut. Oleh itu, keseluruhannya lesen dia bertambah. Hal sedemikian menjadikan kadar bayaran bertambah naik dengan kadar 100% mahupun 200% dan seterusnya menambah berat beban kehidupan pekedai-pekedai di Cameron Highlands.

Oleh itu, para peke… saya ingin er… Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa para pekedai ini sekadar menjalankan perniagaan yang kecil. Mereka turut menghadapi persaingan dan juga penjaja-penjaja pasar mini berantai seperti Speed Mart 99 dan juga pasar raya. Mereka tu buka kedai runcit kecil sahaja. Saya merayu pihak Kerajaan Negeri supaya boleh mengkaji semula dasar ini khususnya kepada peniaga-peniaga kecil ini pada suasana ekonomi yang genting ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai pembinaan infrastruktur di perkampungan Orang Asli di negeri Pahang ini. Saya difahamkan oleh pihak… bahawa pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), singkatan dia, telah dilantik sebagai agen pelaksanaan bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di perkampungan Orang Asli Jong tidak jelas di Pekan, Kampung Orang Asli Kelebet Batu di Bera, Kampung Orang Asli Rening dan Terakit di Cameron Highlands, Kampung Orang Asli Kuala Atok di Jerantut, Kampung Orang Asli Bukit Ngeri di Temerloh. Projek bekalan elektrik ini adalah kerjasama antara TNB dengan pihak Kerajaan Negeri. Namun demikian, kos tanah untuk pembinaan tiang elektrik dan juga kabel bawah tanah 11kw ini dan kos sewaan tanah untuk pencawang TNB untuk menyambung ke perkampungan Orang Asli itu telah diperkenalkan. Kos itu sejumlah RM249,600, lebih kurang RM250,000 dan kos ini tiada dalam perancangan awam.

Saya juga difahamkan bahawa rayuan untuk pengecualian bayaran tersebut oleh pihak TNB telah ditolak. Oleh itu, saya di sini memandangkan projek ini merupakan salah satu daripada tanggungjawab sosial CSR, TNB dan juga Kerajaan Negeri bagi membantu meningkatkan infrastruktur dan pembangunan di kawasan luar bandar dengan memberi manfaat kepada lebih 150 buah keluarga di dalam kawasan perkampungan Orang Asli yang terlibat. Saya di sini saya berharap Kerajaan Negeri di Dewan Yang Mulia ini supaya kita boleh… supaya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan semula untuk rayuan pengecualian bayaran tersebut sebab untuk pihak TNB, mereka membuat projek sambungan elektrik, bekalan elektrik kepada kampung Orang Asli itu, mereka tidak dapat menjana apa-apa pendapatan.

Tetapi mereka hanya bayar duit sahaja. Mereka terpaksa menanggungkan kos pembinaan dan dari segi mereka sekarang terpaksa menanggung kos untuk mengambil alih tanah dan juga menyewa tanah pada masa yang akan datang. Oleh itu, ini kiranya satu tanggungan yang agak berat bagi pihak TNB. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan rayuan untuk

pengecualian bayaran tersebut untuk kebaikan perkampungan Orang Asli di negeri Pahang ini. Dan akhirnya saya juga berharap Kerajaan Negeri supaya boleh membangkit satu cadangan untuk mewujudkan satu Kampus Pertanian Tinggi, Pertanian di Cameron Highlands bagi pembangunan dan juga transformasi pertanian setempat. Ini sahaja ucapan saya pada hari ni, dan saya mohon sokong Usul Junjung Titah Diraja Pemangku Raja Pahang. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Tanah Rata. Seterusnya saya sila Wakil dari Semantan.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Dato' Yang di-Pertua,

[Ayat Quran] Assalamualaikum WBT, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, rakan-rakan barisan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja Yang Amat Mulia Pemangku Raja Pahang.

Dato' Yang di-Pertua,

Pada hari ini duduk dan berdirinya kita para Ahli Dewan, sama ada di pihak kerajaan ataupun pembangkang dalam Dewan Yang Mulia ini, merupakan tanggungjawab kita kepada rakyat dan negeri Pahang yang kita kasihi. Moga-moga pandangan yang diberikan, dengan cara yang berhemah dan bertata susila akan membantu meningkatkan prestasi negeri Pahang, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Di dalam suasana mutakhir ini, penghinaan kepada institusi raja semakin berleluasa. Walaupun ia tidak sepatutnya berlaku bagi sebuah negara yang mengamalkan Sistem Raja Berpelembagaan, yang meletakkan raja sebagai kuasa yang tertinggi khususnya dalam hal ehwal agama islam. Saya cukup yakin dan percaya, semua Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang sentiasa setia teguh berpayung di bawah Sistem Raja Berpelembagaan, dan menolak tindakan penghinaan yang tidak bertamadun ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada BN, Barisan Nasional yang telah melakar kemenangan *hattrick* dalam pilihan raya kecil baru-baru ini. Bermula di Parlimen Cameron Highlands, DUN Semenyih dan yang terkini di DUN Rantau. BN memulakan langkah di Cameron Highlands sebagai calon *underdog* di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Jeneral perang. Yang hanya berslogan 'Tiada Janji, Lihat Bukti'. Walaupun ia bukan bermakna menjanjikan bulan dan bintang, tetapi hasil kerja kuat dan kesepakatan perpaduan ummah kita telah menang dengan penuh bergaya.

Marilah kita menyorot sirah Perjanjian Hudaibiyah yang menyaksikan kesabaran Rasulullah SAW mengeluarkan slogan Muhammad Rasulullah dan hanya digantikan dengan Muhammad bin Abdullah, pada lembaran perjanjian tersebut. Tindakan ini telah menyebabkan para sahabat merasa begitu marah, sedih, tercabar dan kecewa. Yang seolah-olah islam bakal menimpa kekalahan. Tetapi tindakan yang berjiwa besar yang dilakukan oleh Muhammad bin Abdullah telah mengukir kejayaan kepada tamadun islam hingga dapat diwarisi kepada kita pada hari ini. Tahniah! BN, Tahniah! Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, terima kasih PAS. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Peningkatan pertumbuhan ekonomi negeri Pahang terus mencatat kepada aras positif. Dengan kadar 7.8 % berbanding tahun sebelumnya. Ini jelas menunjukkan keseriusan kepimpinan negeri dalam membangunkan dan memajukan negeri dengan dasar-dasar baru yang diperkenalkan. Prestasi yang boleh diteruskan oleh kerajaan melalui GLC-GLC melihat segala peluang sama ada baharu atau pun yang sedia ada. Misalnya, saya ingin memberi contoh, Kuari Kampung Awah contohnya, yang merupakan satu-satunya kuari milik Kerajaan Negeri yang masih ada, yang mempunyai kualiti bitumen yang cukup berkualiti, tetapi operasinya *'hidup segan mati tak mahu'.*

Saya mencadangkan agar GLC-GLC milik Kerajaan Negeri mengambil alih kuari tersebut dengan menambah baik operasi dan diperlengkapan dengan peralatan yang canggih yang mampu untuk memberi saingan kepada kuari-kuari milik swasta. Kerajaan boleh mengenakan syarat kepada syarikat konsesi seperti Muhibbah Bina, YP Maintenance serta kontraktor-kontraktor kerja-kerja sebut harga untuk membeli bekalan kuari-kuari milik kerajaan ini. Ianya akan mendatangkan hasil dan pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Kalau kuari swasta, yang memberi kemudahan dengan *deed of assignment* kepada kontraktor, mana mungkin kita tak boleh belikan kemudahan begitu kepada kontraktor. Inilah konsep *left pocket to right pocket* yang boleh digunakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Negeri Pahang adalah sebuah negeri yang mempunyai kekayaan semulajadi yang banyak. Pada 2018, ia telah menjana pendapatan sebanyak RM22 juta melalui kutipan royalti sahaja, yang saya yakin dan percaya melalui dasar baru yang diperkenalkan oleh kerajaan dan kawalan yang terperinci jumlah tersebut akan dapat ditambah lagi. Jika dahulu sumber mineral pernah menjadi isu di negeri ini, tetapi yakinlah dengan kecekapan pengurusan dan dasar baru ini, ia akan menjadi pendapatan yang lumayan kepada Kerajaan Negeri seterusnya kepada rakyat untuk diberikan manfaat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga secara peribadi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kepimpinan Negeri Pahang, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana sentiasa prihatian kepada rakyat, khasnya di kawasan saya di DUN Kuala Semantan. Banyak bantuan dan kelulusan yang telah diberikan kepada rakyat. Antaranya ialah kelulusan peruntukan khas MB untuk kerja-kerja penambahbaikan masjid di Kampung Paya Luas.

Yang kedua, menaik taraf tandas Masjid Abu Bakar yang telah dibina 40 tahun yang

lalu tidak pernah dinaikkan taraf. Itu pun, Yang Amat Berhormat Dato' Sri lulus peruntukan khas Menteri Besar. Baik pulih rumah di kawasan saya, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Saya telah mendapat hampir 7 buah unit untuk dibaik pulih. Begitu juga sumbangan kepada PIBG dan juga sekolah. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar selalu mengingatkan saya, kita memang daripada dulu rapat dengan pihak sekolah, dengan PIBG. Walaupun kita kalah tetapi disebabkan perhubungan yang cukup-cukup akrab mereka ini, sentiasa datang menziarahi berjumpa dengan kami Yang Berhormat-berhormat Barisan Nasional. Walaupun begitu dengan bermurah hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar bantu juga dan meluluskan beberapa sekolah di dalam kawasan saya.

Selain daripada itu saya juga terharu apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Hormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang turun ke bawah apabila berlakunya kebakaran kedai Bukit Angin. Saya nak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar walaupun gerai itu terpaksa diroboh kerana laluan jambatan… jambatan kedua er… jambatan kedua Temerloh kerana kita… saya dengan Yang Berhormat Lanchang berbincang kerana kita tidak yakin bahawa projek itu akan di… di… dibangunkan segera. Kita berbincang balik sama Yang Berhormat Dun Lanchang, Yang Berhormat Dun Lanchang berbincang dengan Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri Besar dengan bermurah hati Yang Berhormat Menteri Besar lulus untuk kita baik pulih sementara kerana inilah sebenarnya tempat orang kampung mencari makan. Kalau kita lihat di Bukit Angin ini merupakan *trade mark* bukan sahaja dalam negeri Pahang bahkan di seluruh negeri-negeri dalam Malaysia apabila sebut Temerloh dia akan kata di mana? Di Bukit Angin terus orang tahu inilah di Malaysia di dunia mungkin…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Di dunia dia panggil *blue roof,* atap biru.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Ya. Yang Berhormat Dato' *Speaker,* terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar kerana saya juga sering menemui Yang Berhormat Menteri Besar mengadu juga, sering datang mengadu hal tetapi inilah kerja buat yang boleh saya lakukan kerana er… setelah kita orang Semantan tak mendapat dua penggal Wakil Rakyat apabila saya menjadi Wakil Rakyat saya merupakan tempat mereka-mereka ini mengadu, terima kasih kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar memahami situasi saya.

Yang Berhormat Dato' *Speaker,*

Akhir kata semoga persidangan kita pada kali ini menatijahkan kebaikan, kesejahteraan dan kemakmuran kepada negeri Pahang ini insya-Allah. Saya mohon menyokong. Sekian terima kasih. (Ahli Dewan menepuk meja).

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Kuala Semantan. Baik ya, sila Wakil Mentakab.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Izinkan saya memulakan ucapan saya dengan merafak

sembah menzahirkan ucapan tahniah yang setingginya di atas perlantikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah menaiki takhta sebagai Sultan Pahang dan seterusnya menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong. Sesungguhnya pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sebagai Yang di-Pertuan Agong mendatangkan perasaan sukacita dan bangga kepada sekalian rakyat negeri Pahang Darul Makmur yang dikasihi.

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Sesungguhnya Dewan Yang Mulia ini adalah forum yang terbaik bagi kesemua pihak sama ada ADUN di pihak Kerajaan dan juga bukan Kerajaan menzahirkan pandangan, bertukar fikiran dan seterusnya membuahkan idea bernas bagi memaju dan mensejahterakan rakyat di negeri Pahang. Di atas premis ini, izinkan saya membawa beberapa isu yang berkaitan dengan permasalahan para pengundi atau rakyat yang saya wakili di DUN Mentakab. Saya percaya ramai mengetahui bahawa kawasan Terminal Bas Mentakab yang asalnya milik Majlis Perbandaran Temerloh telah dijual dan dipindah milik kepada syarikat swasta.

Untuk pengetahuan semua di Terminal Bas Mentakab tersebut, terdapat sejumlah gerai-gerai yang menjual makanan dan lain-lain. Peniaga-peniaga telah menjalankan perniagaan di tempat tersebut sejak sekian lama. Tentulah apabila Terminal Bas dijual kepada pihak swasta, maka pihak swasta tersebut bercadang untuk memajukan kawasan tesebut sedigit kepada pusat komersil. Yang menjadi persoalan ialah nasib para peniaga kecil di sana kerana mereka telah menerima notis untuk mengosongkan premis perniagaan mereka menjelang hujung bulan April tahun ini, iaitu bulan ini. Hanya beberapa hari yang lepas peniaga-peniaga di situ menerima surat daripada pemaju yang menyatakan mereka akan dikenakan sewa untuk kedai-kedai mereka.

Isunya di sini ialah bukan sahaja lokasi terbaru Terminal Bas Mentakab masih lagi menjadi tanda tanya, malah nasib para peniaga juga masih lagi tidak menentu. Saya telah menulis surat kepada MPT mengenai tapak baru Terminal Bas Mentakab serta menanyakan adakah para peniaga akan ditempatkan ke lokasi baru. Dalam surat yang sama juga saya meminta bolehkah MPT membekalkan salinan kontrak jual dan beli atau *sale and purchase agreement,* dengan izin, untuk disemak dan adakah hak para peniaga dijaga masa transaksi itu.

Saya mencadangkan sementara kita memahukan pembangunan yang tentunya akan menjanakan ekonomi setempat namun begitu kepentingan utama harus diberikan kepada para peniaga khususnya untuk mencari rezeki dan juga sebagai *stake holder* penting untuk negeri. Kita bercakap mengenai kepentingan golongan peniaga kecil kerana mereka juga menyumbang kepada ekonomi dan membayar cukai kepada MPT. Di samping yang lebih utama supaya periuk nasi mereka tidak terjejas maka saya memohon supaya MPT dapat melakukan sesuatu.

Saya masih lagi bercakap mengenai gerai MPT dan juga gelagat peniaga-peniaga yang mahu mengaut keuntungan segera. Izinkanlah saya menzahirkan rasa kesal dengan tindak tanduk segelintir peniaga yang telah memberi sewa kepada orang lain gerai-gerai MPT tersebut dengan harga yang lebih mahal. Gelagat mereka iaitu sewaan diberikan oleh MPT di atas nama mereka tetapi mereka tidak meniaga di gerai yang telah diluluskan oleh MPT kerana mereka ini bukanlah peniaga yang *genuine* tetapi meyalahgunakan hak sewaan tersebut. Premis atau gerai itu kemudianya disewakan pula kepada pihak lain yang menjalankan perniagaan di situ

sedangkan mereka hanyalah bertindak mengutip wang sewaan di atas gerai milik MPT.

Saya mencadangkan supaya pemilihan dan kelulusan sewaan gerai MPT dibuat dengan lebih ketat. Hanya mereka yang benar-benar ingin berniaga sahaja diluluskan penyewaan dan sekiranya peniaga ini gagal menjalankan perniagaan mereka dalam tempoh 3 atau 6 bulan gerai-gerai tersebut wajar dikembalikan kepada MPT dan sewaan mereka ditamatkan. Ini bertujuan bagi mengeratkan penyalahgunaan serta kecenderungan segelintir peniaga membuat untung atas angin sedangkan mereka bukanlah peniaga yang *genuine*. Begitu juga dengan peniaga-peniaga pasar pagi dan pasar malam. Ada segelintir peniaga yang menyewakan lesen mereka kepada warga negara asing bagi menjalankan perniagaan. Tentunya perbuatan seumpama ini adalah sangat dikesalkan. Saya memohon supaya pihak berkenaan dapat menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Saya menerima terlalu banyak keluhan dan rungutan daripada masyarakat berhubung kenaikan cukai pintu atau taksiran untuk tahun ini. Saya difahamkan ada sehingga 18% kenaikan khususnya untuk premis industri. Alasan yang diberikan adalah kenaikan ini kononnya cukai taksiran sudah terlalu lama tidak dinaikkan. Saya memahami keperluan dan kekangan kewangan pihak Kerajaan Tempatan. Akan tetapi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu seperti hari ini, saya berpandangan bahawa kenaikan cukai taksiran menambah lagi beban sedia ada kepada rakyat dan golongan peniaga. Tambahan pula terdapat rungutan yang servis dikembalikan kepada rakyat tidak setara atau mencerminkan dengan jumlah kenaikan cukai taksiran.

Ini bermaksud rungutan rakyat bahawa perkhidmatan seperti kutipan sampah, kebersihan, keceriaan dan lanskap masih jauh dari memuaskan. Rakyat mengharapkan cukai yang mereka bayar diberi imbalan dengan perkhidmatan yang terbaik. Dari itu saya menyarankan agar Dewan ini dapat bersetuju untuk menangguhkan penguatkuasaan kadar baru cukai taksiran khususnya sehingga ekonomi pulih. Pada masa yang sama Kerajaan Tempatan disarankan mengambil langkah berjimat cermat dan mengoptimumkan aset serta keupayaan sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Di dalam perbahasan-perbahasan yang saya terdahulu, saya sentiasa menyebut mengenai bekalan air. Akan tetapi sehingga hari ini, masalah gangguan bekalan air bukan bertambah berkurangan sebaliknya sering berlaku di kawasan saya. Memang salah satu daripada puncanya ialah paip yang telah usang dan lapuk yang menyebabkan lebih mudah mengalami kerosakan atau kebocoran. Keadaan ini bukan sahaja merugikan kepada… merugikan daripada se… daripada segi kewangan khususnya kepada PAIP tetapi juga menyebabkan kesusahan kepada para pengguna. Sebagai contoh, paip di Jalan Pekeliling Mentakab, yang saya lihat sering mengalami kebocoran. Bayangkanlah 6 atau 7 hari tiada bekalan air. Kalau berlaku sahaja paip pecah lebih kurang 10,000 bilangan akaun yang akan terjejas. Justeru itu, saya mencadangkan paip lama harus digantikan demi untuk kesejahteraan rakyat.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Pembangunan Negeri Pahang, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana

Menteri (ICU) kerana mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah di mana banyak isu-isu tempatan dapat dibangkitkan, dibincang dan harap boleh diselesaikan.

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam persepsi kita bahawa permainan komputer adalah membazirkan masa dan memudaratkan kesihatan kanak-kanak kita. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh abaikan bahawa e-*Sport* sudah menjadi trend remaja hari ini. Ia merupakan satu sukan yang baru selain sukan yang biasa kita dengar seperti bola sepak, badminton, renang dan lain-lain lagi. Kebanyakkan remaja hari ini mempunyai *smartphone*. Kerajaan harus menyediakan satu platform untuk mereka supaya bakat mereka dapat dicungkilkan. Sebenarnya e-*Sport* boleh menjana atau merancakkan ekonomi terutama dalam bidang komputer dan digital. Kita boleh menjalankan pertandingan e-S*port* seperti pertandingan Dota 2, PUBG dan Mobile Legend dalam negeri Pahang.

Selain itu, terdapat beberapa pasukan e-*Sport* yang terkenal di Malaysia seperti Fanatic yang merupakan pasukan Dota 2 yang mewakili Malaysia bertanding di Amerika Syarikat. Mereka telah berjaya mengharumkan nama mereka dengan mendapat kedudukan keempat di dunia pada tahun 2016. Malaysia juga mempunyai atlet-atlet e-*Sport* yang hebat dan menjadi juara antarabangsa tetapi tidak ramai di tanah air kita yang tahu akan hakikat ini.

Bagi seorang pemain e-*Sport* profesional pendapatan mereka tidak kurang hebatnya. Kalau muncul juara dalam pertandingan antarabangsa, berjuta-juta mereka akan dapat. Justeru itu, saya menyarankan pihak Kerajaan dapat mempromosikan sukan ini seluas-luasnya. Sekian, terima kasih. Mohon sokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat daripada Mentakab. Ya, sila Wakil dari Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

[Ayat al-Quran]. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Diraja pada petang ini. Pertamanya saya merakamkan ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Diraja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semalam dan saya juga ingin merakamkan ucapan syukur ke hadrat Allah SWT dan mengucapkan setinggi-tinggi sembah tahniah ke atas pemahsyuran Sultan Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Al-Haj Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Must'ain Billah dan seterusnya beliau diangkat juga lebih tinggi oleh Allah SWT menjadi Yang Di-Pertuan Agong Yang Ke-16. Daulat Tuanku.

Juga tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Al-Haj Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas pertabalan sebagai Tengku Mahkota Pahang dan seterusnya Pemangku Raja Pahang. Juga tak lupa juga saya ucapkan tahniah kepada gandingan Yang Amat Berhormat ADUN Jelai dengan Yang Berhormat ADUN Tanjung Lumpur dalam usahasama politik sehingga berjaya menawan Parlimen Cameron Highlands dalam PRK baru-baru ini [Ahli Dewan menepuk meja], dan terakhir juga saya nak ucapkan tahniah jugalah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sallehuddin Ishak atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang baru.

Dato' Sri Tuan Yang Di-Pertua,

Sudah lama dilambung ombak,
Dihempas badai hingga ke pantai,
Titah Diraja sudahlah nampak,
Berbahas saya mohon dipakai.

Yang pertama dalam Titah Diraja pada semalam iaitu tajuk prestasi ekonomi dan permohonan negeri. Alhamdullilah dan syabas kepada Kerajaan Negeri dalam data ada menunjukkan perkembangan-perkembangan ekonomi, tetapi pada petang ini saya suka nak membawa sikit isu pembangunan usahawan sama ada peringkat negeri atau peringkat kebangsaan. Di mana kita lihat pembangunan usahawan, kejayaan pembangunan usahawan sangat kecil. Ketinggalan jauh daripada arus perdana ekonomi negara kita. Sama ada industri makanan, industri pembuatan, elektrik, pertanian, fesyen pakaian dan sebagainya. Industri plastik.

Jadi suka saya nak merujuk, kalau kita rujuk kepada industri perabot contohnya, untuk saya jadikan sebagai *bench mark*, dengan izin, iaitu penanda aras bahawasanya penguasaan bumiputera dalam industri perabot cuma sekadar 2-3% atau RM200 - RM300 juta berbanding dengan purata urusniaga perabot negara dalam RM10 bilion setahun. Purata tahun 2000, saya ingat 2003, awal-awal tahun 2000 sampai 10 tahun tu, purata dia RM10 bilion. Penguasaan bumiputera dalam industri cuma 2-3 peratus. Jadi kita rasa sangat sedihlah ya, dan kita percaya kerajaan telah membelanjakan banyak dana dan banyak wang dihabiskan dalam program pembangunan usahawan ini, yang pastinya perbelanjaan-perbelanjaan yang digunakan untuk program latihan ke, lawatan-lawatan, perniagaan, pameran-pameran luar negara, dalam negara, susulan dana-dana untuk pembiayaan infra, program bimbingan dan sebagainya.

Jadi banyak wang telah dihabiskan tapi akhirnya kita melihat usahawan-usahawan kita buat kerepek ubi juga, jual kerepok lekor, bersila atas gerai. Ini sahajalah setakat yang kita nampak. Memang ada yang berjaya, yang 2-3% tu berjayalah ya. Tapi kebanyakan yang lainnya kita kira sebagai gagal lah dalam apa usaha yang telah kita lakukan ini. Termasuklah perniagaan tempoyak tadi Ikan patin. Punya lama berbincang tapi semuanya 2% tulah ya. Seharusnya esok kita bincang besar lagi lah ya, yang menyumbang kepada Kerajaan Negeri 20%, 30%.

Walau bagaimanapun, kita mengucap syabas dan tahniah jugak kepada pihak kerajaan, itu makna dia bukanlah tak buat kerja ya, kita tahu pihak kerajaan memang bertungkus lumus berusaha bermacam-macam program diatur, bermacam-macam agensi yang ada untuk membantu pembangunan keusahawanan kita. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya nak *apply*, nak guna pakai kaedah dalam industri lah. Kaedah industri pembuatan di kilang. Kita mahu semua orang tahu ada 4 'M' tu, dengan ada 4 'M' tu maka produk boleh dibuat sehingga siap.

'M' yang pertama tu 'Material' - bahan. Jadi kalau kita guna kaedah bahan ini untuk pembangunan usahawan, sudah pasti kita melihat bahan mentah. Saya rasa ini faktor paling penting. Kenapa usahawan kita agak tidak dapat bersaing dalam industri terutama dalam penentuan harga er… persaingan dalam pasaran kerana faktor bahan mentah. Saya rasa ini perkara pokok, kalau dapat pihak kerajaan tengok. Contohnya, kalau kita nak buat perabut, sudah tentulah kayu, *chipboard*, *skru*, ensel pintu dan sebagainya, mesti kita menguasai. Sebab barang-barang ini, kita beli daripada orang lain, dan menjadikan harga produk kita lebih mahal untuk kita bersaing dalam pasaran.

Ha… begitu juga kalau kita nak buat kuih, dengan tepung, gula, semuanya kita terpaksa beli dengan orang lain dan kita terpaksa bergantung dengan pembekal-pembekal lain yang akhirnya kita tidak dapat bersaing dalam industri ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, kita mencadangkan agar pihak Kerajaan dapat mewujudkan satu *supply change* atau rantaian nilai di kalangan bumiputera bermula daripada *raw material* ini. Saya rasa inilah perkara asas dalam program pembangunan usahawan yang kita masih tidak dapat menangani isu ini.

Dan perkara kedua dalam industri pembuatan ini, dia ada 'M' yang kedua iaitu M, *Men, Men* – ada orang yang kena buat dan dalam program pembangunan usahawan kita ada *Men* jugalah. Asal masuklah orang politik ke, pegawai pembangunan industri usahawan, usahawan itu sendiri, pelatih-pelatih sebagainya dan kita tengok baliklah peranan 'M' manusia ni, kena *review* balik dan kadang-kadang ada juga perkara-perkara yang tidak membantu program.

Contohnya, peserta-peserta latihan keusahawanan. Kadang-kadang tu kita nak 20 orang pelatih yang betul-betul, yang benar-benar berkualiti dalam 5 orang, yang lain tu main tangkap muat. Ini yang jenis kursus buat perabot, balik jadi Jaga. Kursus buat kek, balik-balik kita tengok jadi nelayan tangkap ikan. Jadi ini satu faktor kemanusian, faktor manusia yang kita kena jaga, beri perhatian dalam pembangunan usahawan tu ya.

'M' yang keempat ini *Machine*. *Machine* ini, saya tak nampak kritikal sangat ya, sebabnya er… walau bagaimanapun faktor mesin ini dari segi maksud *machine* ini ialah proses kita nak melahirkan usahawan tadi, satunya dia kena ada kemudahan infra. Ha… macam kami di Luit, Simpang Jengka, Pekan Tajau. Mereka minta sangat kalau dapat buat susur keluar LPT ya di Pekan Tajau dan kita jangka itulah er… faktor, err… faktor yang akan meningkatkan keupayaan pasaran baru yang ada di simpang susur keluar er… di apa ni… er… di LPT di kawasan Pekan Tajau dalam DUN Luit tu. Hah… ini permintaan ini, permohonan ini memang telah lama disebut-sebut oleh er… penduduk-penduduk kawasan sekitar tu ataupun pemohon di gerai-gerai seperti di Kampung Senggora ada yang minta gerai, gerai jualan untuk menjual produk-produk mereka ya dan juga er… lesen-lesen perniagaan. Ini antara elemen-elemen yang boleh membantu program keusahawanan.

Kemudian *'Method'*. *Method* ini sudah tentulah… saya nak ambik kesem… saya dah dapat kebenaran dengan IKM Alor Setar. Saya nak beri kepujian, kredit kepada IKM Alor Setar di mana dia buat satu Program Techno-usahawan yang mana keputusan peperiksaan er… anak-anak pelatih-pelatih ni diukur melalui jualan RM48,000 dalam 2 tahun, bukan lagi keputusan periksa kertas… kertas peperiksaan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dapat, jualan RM48,000 dia akan dikira tamat pengajian err… Techno-usahawan yang setaraf dengan SKM 5 atau setaraf dengan Diploma. Ha… dan kursus yang dibuat, Kursus Pembuatan *Kitchen Cabinet* dan produk sofa. Insya-Allah akan keluar *bacth* pertama bulan 6 ini dan kita akan sambut mereka dan kalau ada er… Yang Berhormat-Yang Berhormat berminat nak bawa balik ke tempat masing-masing boleh panggil, buka bengkel tempat masing-masing.

Er… dan 4 'M' tadi rasa-rasa boleh kita guna pakai balik *rewe* er… *review* balik untuk kita tengok program pembangunan keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ini… Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dia… 4 'M' sahaja?.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya, saya dengar tadi, ada banyak 'M'.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Material, Machine, Method dan satu lagi… *Man*. Dia 'M' yang paling penting sekali 'M' juga iaitu *Money*. Hah… kalau tak ada 'M' yang kelima yang saya sebut *money* tadi tak ada menda boleh buat juga. Jadi dia kena masuk, tambah satu lagi.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

kalau ikut teori tu makna *woman* tak boleh lah 'W'. *Woman* tak ada *Men* je. 'M' aja women tak ada.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih. Betul dia ada 4 'M' dan 5 'M'. Saya tak sebut 'M' yang kelima sebab saya percaya Kerajaan sudah habis duit berbilion-bilion dah ya, jadi tak payah nak sebut duit tu pun dah tak ada.

Jadi tajuk yang seterusnya, yang dititahkan dalam Titah Diraja, Sektor Pertanian. Saya nak sentuh sikit aja sektor pertanian ini di mana berkaitan dengan tanah ya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga bertitah bahawa sektor pertanian mesti diutamakan dan diteruskan.

Untuk makluman Yang di-Pertua, penduduk tradisional di DUN Luit ini masih lagi dua, tiga kampung yang masih menghadapi hak milik, menunggu-nunggu hak milik tanah, walaupun katanya telah ada diukur sebagainya terutama di tebing sungai Pahang seperti Kampung Mentenang, Senggora, Kampung Serengkam. Juga kita mendapat rungutan daripada anak-anak muda yang mahu memiliki er… memiliki tanah juga.

Izinkan saya Yang di-Pertua baca satu rangkap *whatsApp* daripada anak muda ni. Dia tulis dalam telefon, saya dah tulis dalam buku:

> "Pemohon 06, mak bapak 06, kalau tok nenek moyang masih ada IC juga 06.

> Dari zaman buku daftar saiz gergasi sampai dalam pangkalan data *super computer*, nak mengabor ke dia orang Pahang lah ni. Apalah salah kami 06 ni, ini bukan takdir, tapi ada di sana urusan pentadbiran yang kami tidak boleh tahu. Harap tanah kubor jer yang tak perlu isi borang."

Allahu Akhbar, inilah mesej luahan anak-anak muda orang Pahang yang mengeluh tidak ada peluang untuk mendapat faedah daripada tanah yang luas dalam negeri Pahang ini,

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ada satu, dua lagi. Permohonan yang seimbang er… tajuk yang kelima dalam Titah Diraja, cuma saya sebut terus ajelah. Permohonan ini, terutama yang dihadapi di Luit, masih ada lagi kampung-kampung yang tidak ada padang bola, dah ada padang bola kena timbus ya, seperti di Kampung Ulu Luit, er… kemudian kompleks sukan di bandar Maran juga nampak uzur dan usang dan kita perlukan lampu-lampu untuk main di waktu malam, hah… *track* dan astaka yang perlu kita tambah nilai.

Juga perkhidmatan hospital, walaupun mesyuarat-mesyuarat yang lepas saya selalu menyebut memerlukan hospital tapi mesyuarat kali ini saya rendahkan sikit lah, naik taraf Klinik Kesihatan Maran dah cukup baik untuk kami di Maran ini terutamanya meningkatkan khidmat Pusat Dialisis di bandar Maran. Dan juga saya nak mencadangkan juga kepada pihak Kerajaan kalau buat rumah PR1MA tu masih ada yang tak mampu, mohonlah Kerajaan membuat Rumah Makmur dan masih ada lagi yang tidak mampu jadi saya cadangkan kalau ada lagi cadangan, saya cadangkan buat flat lah. Sebab macam kita di pinggir-pinggir bandar masih ada ya, orang kampung yang kerja macam jaga semua, memang tak mampu untuk beli rumah berpuluh-puluh ribu ini.

Dan yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang Ke-7 dalam Titah Diraja ialah kesucian agama Islam. Kesucian agama Islam sudah tentu berkaitan rapat dengan pembinaan masjid. Kami di DUN Luit ini memang ada 2, 3 kampung ada 1 kampung di Lubuk Paku itu memang telah dijanjikan untuk diberi masjid baru dan kita Wakil Rakyat pun kita sedia maklumlah dengan kekangan kewangan Kerajaan Negeri kalau dapat kita mohon kalau tak dapat masjid baru pun dapat buat penambahbaikan er… pada masjid-masjid seperti di Lubuk Paku.

Di kampung Berkat pun masjid lama boleh dibangunkan menjadi sebuah masjid baru er… di Ulu Luit dan sebagainya dan Dato' Yang di-Pertua, saya nak sentuh isu hangat ini er… ini hangat sungguh ini. Isu penghinaan, penghinaan itu bukan sahaja kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan iaitu Agong tetapi Sultan-Sultan, Raja-Raja Melayu semua. Ini tak boleh kita kalau cerita tentang hina Raja ni, memang saya kalau dapat izin panjat meja saya nak panjat je meja ni er… tunjuk sikit tapi nampaknya Yang di-Pertua tak bagilah, sebab kita memang diajar bahawasanya kita ni orang Melayu, orang Melayu ni ada puak yang beraja. Ini antara puak yang ada atas muka bumi ini yang ada Raja. Jadi kita kena jaga er… ni bukan membodek ni memang bukan bodek tapi terdidik begitu ar… kita memang puak beraja. Kita kena jaga Raja dan orang-orang jangan nak usik Raja kita.

Kemudian disentuh di… tentang junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ini satu juga Nabi Muhammad ini Ya Allah ya, Tuan Yang di-Pertua, pemulih keimanan monos… monoteistik ajaran nabi-nabi dahulu. Jadi nabi dahulu dah macam-macam kitab dah turun akhirnya Nabi Muhammad SAW itulah pemulih keimanan dia yang terakhir er… kepada umat Islam ini. Jadi memang kita… saya ingat bersedialah

cuma kadang-kadang kita tak boleh nak marah juga orang Islam ni dia tak boleh… nak marah er… perkara-perkara macam ni kita kena ambil pendekatan yang berbeza mungkin kita perlu pendekatan dakwah kita. Mereka-mereka ni mungkin tak faham siapa dia nabi.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh sekali lagi minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis nak laluan.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya sebenarnya tadi dah waktu Semantan tadi menyebut tentang ni saya dengar dan tiada diputus begitu aje dibangkitnya masalah. Sekarang ni saya dengar daripada rakan kita daripada Luit, pun menceritakan perkara yang sama, dan saya sebenarnya tidak bercadang untuk berucap hari ini. Tapi oleh kerana rakan-rakan pernah menyebut saya nak beri pandangan er… adakah er… Luit bersetuju… bahawa bagi mereka-mereka yang menghina Kesultanan Agong, agama ni jika kita menjatuhkan hukuman er… 8 bulan, jel, dia marah. Kita… Sabah tu hari jatuhkan hukuman 10 tahun dia protes jadi sekarang ni kita jatuhkan hukuman yang tiada masuk jel, tiada apa-apa tapi kita lucutkan kerakyatan, lucutkan kerakyatan dia dan dia duduk di dalam negara kita tanpa kerakyatan dan kemudian apabila dia bunyi lagi er… dia keluar daripada negara kita, berambus dia ke mana dia nak gi… er… itu sahaja saya cadangkan. Setuju tak dengan pandangan saya?

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya. Terima kasih Yang Berhormat Pulau Manis. Setuju memang setuju, ya tapi kita buat kerja kita dulu sampaikan mesej Islam kita kat dia, sampaikan dakwah kita ke dia, kalau dia 'babil' juga bukan saja pecat kerakyatan, lempar ke laut er… dapat 2 undang-undang tu. Ya tapi kita kena khabar dulu ke dia, kena ajar dia benda Islam, apa dia Nabi Muhammad, apa dia Quran dan sebagainya.

Jadi Tuan… Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekadar tu dulu kalau tengahari tadi lapar pening, petang nak balik dah [Ahli Dewan ketawa] Jadi saya mengambil kesempatan di sini untuk menyokong Titah Diraja yang telah dibentangkan pada hari semalam. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik. Terima kasih Luit. Baiklah, kita ada sikit lagi masa, saya bagi seorang lagi Wakil. Sila Wakil daripada Jengka sebagai pengakhir pada petang ini. Sila Jengka.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan salam perpaduan ummah. Kalau Cameron tadi dia sebut salam harapan [Ahli Dewan ketawa] jadi saya

tukar kepada salam perpaduan ummah [Ahli Dewan menepuk meja].

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana pembahas yang lain saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana berjaya meningkatkan kutipan hasil negeri bagi suku tahun pertama sebanyak RM120 juta berbanding RM101 juta ertinya ini menunjukkan er… peningkatan pendapatan hasil sebanyak lebih kurang RM19 juta. Tahniah. Semoga dengan peningkatan hasil ini dan apa yang disebut dalam Titah Tuanku semalam iaitu Pahang diperuntukkan RM1.8 bilion oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 291 projek. Jadi dengan peningkatan hasil suku pertama dan seterusnya dengan peruntukkan RM1.8 billion maka saya mengharapkan supaya ia dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk memberikan manafaat kepada rakyat dalam negeri Pahang secara khusus insya-Allah ya.

Apa yang menariknya disentuh oleh Pemangku Raja Pahang ialah, beliau baginda melahirkan kerisauan berhubung dengan keadaan pekebun kecil er… dalam Malaysia dan khususnya dalam negeri Pahang kerana Pahang antara yang besar lah pekebun kecil khususnya peneroka FELDA ya, iaitu mereka ini kebanyakannya bergantung pendapatan mereka, hasil mereka daripada pertanian daripada sawit. Tetapi apa yang berlaku hari ini dengan er… kejatuhan-kejatuhan harga buah dan er… hasil yang lambat dibayar oleh pihak FELDA dengan harga barang yang semakin meningkat tinggi, maka ia sudah tentu membebankan para pekebun kecil ini.

Justeru apa yang disebut oleh Pemangku Raja Pahang, baginda mengharapkan supaya ada satu kerjasama yang kuat dan erat daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ya, untuk membantu para peneroka yang dalam keadaan sempit hari ini. Kita menyedari bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun membentangkan kertas putih baru-baru ini di Parlimen, yang bertujuan untuk er… menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka khususnya FELDA ini dengan memperuntukkan RM6.23 bilion.

Isunya, apakah pelan bertindak di pihak kerajaan itu dapat memastikan dan dapat merungkai masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA? Kerana dalam pengamatan saya dan saya difahamkan bahawa RM6.23 bilion itu adalah untuk menyelesaikan beberapa perkara seperti penghapusan faedah hutang kebun peneroka er… program pembangunan peneroka bagi mendapatkan hasil baru, pinjaman sara hidup, penstrukturan semula pinjaman dan er… penyiapan projek terbengkalai PGBF, Perumahan Generasi Baru FELDA. Apa yang membimbangkan saya ialah saya bimbang peruntukan itu tidak dapat menyelesaikan isu-isu utama yang dihadapi oleh peneroka FELDA hari ini ya. Sebagai contoh ialah Perumahan Baru Generasi FELDA.

Kalau 2017 saya ingat dalam Dewan ini, YB. Beserah pernah bertanya kepada Pengerusi Hal Ehwal Felda yang ketika itu Dato' Sri Harun, Da…Dato' Abu Bakar Harun ya, yang menjawab tentang isu perumahan generasi baru FELDA ya, berhubung dengan er…bahawa penghujung 2018 ada lebih kurang 2300 unit rumah projek perumahan generasi baharu ini akan siap di penghujung 2018. Jadi, adakah sudah siap atau bagaimana ya? Sebab dalam pengamatan saya ada beberapa tempat khususnya di kawasan Jengka sendiri ada yang terbengkalai dan tidak siap ya.

Jadi harapnya dengan kertas putih yang dibentang oleh er…Kerajaan Pusat baru-baru ini dan ada peruntukan untuk PGBF ini, jadi harap Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memantau supaya ia tidak, orang panggil pergi ke lain, dan beri tumpuan kepada untuk mempersiapkan perumahan generasi baru FELDA ini.

Isu utama yang sedang dihadapi oleh peneroka FELDA hari ini ialah, pertama ialah pembayaran hasil yang lambat. Kadang-kadang sebulan, kadang-kadang sebulan lebih. Dalam keadaan mereka er…tidak ada hasil yang lain. Dia bergantung kepada sawit sahaja. Tetapi peruntukan RM6.2 bilion itu, saya ingat tidak ada kepada penyelesaian pembayaran hasil yang kalau boleh kembali kepada dua minggu sekali atau sebulan sekali tepat pun takpe dah. Tapi kadang-kadang dia pergi kepada sebulan setengah.

Saya, seminggu sekali balik rumah ayah saya. Ayah saya orang Jengka 3. Kebetulan saya ada seminggu sekali ada kuliah mingguan di masjid Jengka 3. Balik dia akan cerita er…dia bercakap Perak la sikit, er…tak dapat lagi duit gaji ni dia kata. Dah sebulan lebih dia kata. Ertinya, isu ini, isu utama kepada peneroka FELDA tetapi belum dapat diselesaikan oleh pihak Persekutuan. Yang perlu diambil kira *government to government* ke boleh bincang, bagaimana untuk kita er…kalau boleh percepatkan bayaran hasil itu dalam keadaan ekonomi yang tidak cantik, harga barang yang…yang meningkat tinggi hari ini.

(Berdehem) Yang kedua ialah isu yang penting yang perlu kita beri perhatian ialah potongan tabung tanam semula yang terlalu tinggi ya. Saya difahamkan, saya tidak dapat data yang tepat, tetapi bila peneroka datang ke pejabat saya dan mengadu, dia kata ish... er… potongan tabung tanam semula hari ini terlalu tinggi iaitu sebanyak RM400.00 dikenakan. Mereka ini dipotong RM400.00 tanpa mereka mengetahui bilakah akan dipulangkan er… hasil tabungan tersebut.

Apa yang mereka tahu, mereka dikenakan syarat apabila nak dapat balik hasil tabung tanam semula ini, mereka mestilah menebang pokok lama dan menanam pokok baru, baru dapat er… duit tabung tanam semula. Jadi orang menabung ini, dia nak guna waktu nak tanamlah, tapi waktu nak tanam tu dia tak dapat lagi. Dia mesti buktikan tanam dulu. Err... Ayah saya dulu memanglah, dia tanam dulu sebab ayah saya dia tak serah FELDA, dia buat sendiri. Dia, dia tanam dulu dan memang dia dapat selepas itu.

Bagi mereka yang ada duit, mereka boleh tanam dulu dengan guna duit mereka sendiri. Tapi bagi mereka yang kesuntukan, yang takde duit ini, jadi dia sangat perlu kepada duit tabungan yang mereka tabung ini. Jadi, isunya ialah terlalu tinggi potongan yang dibuat. Kalau potong duit tanam semula, potong duit pertanian, potong duit kebersihan, potong-potong tu yang ada sebahagian dar… daripada peneroka yang defisit. Dapat RM1500.00, potong sana, potong sini akhirnya tiada *balance,* defisit. Anak masih ada yang nak sekolah, yang nak kahwin dan sebagainya.

Jadi ini yang sedang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA yang saya melihat peruntukan RM6.23 bilion itu macam tidak menjadikan ia satu penyelesaian kepada apa yang dihadapi oleh peneroka FELDA hari ini.

Yang ketiga, saya sudah sebut tadi. Walaupun dijawab oleh Exco bahawa isu elektrik itu ini isu er… tanah pertanian er... tanah JKR, walaupun ladang itu ladang er… mereka… ayah mereka sendiri, mereka buat kedai di situ er… cuma mereka

tidak dapat elektrik kerana itu tanah pertanian. Kalau nak dapatkan elektrik dia kena ubah kepada er… status tanah kepada pembangunan.

Peneroka ini, dia bukan berdalilkan yang itu. Dia datang dia rembas fail depan saya, dia kata kenapa orang dulu dapat, saya tak dapat dia kata. Ini pilih kasih, jadi saya pun ternganga juga nak jawab tu. Hah saya kata yang dulu dulu, yang sekarang ni kita cuba er… insya-Allah lah cuba buat. Sebab kita tak boleh nak tekan juga Pengurus FELDA ini mereka bekerja ada lagi yang atas mereka dan saya sebut tadi mereka pun sudah dapat Surat Pekeliling yang tidak membenarkan Pengurus FELDA untuk *sign* ya, jadi dia sangkut di situ sahaja ya.

Jadi yang ni macam mana yang perlu difikirkan, saya harap Exco yang *smart* ni boleh insya-Allah boleh selesaikan insya-Allah. Kemudian tadi sudah disentuh tentang er… perumahan, jadi lot tapak rumah er… itu Kerajaan Negeri lebih maklumlah bagaimana untuk selesaikan ya. Cuma saya nak sentuh sikit sini lagi iaitu di kawasan saya, saya pernah sebut er… pada Sidang Dewan Pertama saya masuk bulan tujuh tahun lepas tak silap saya, saya sebut tentang padang awam di Bandar Pusat yang dibuat stadium FELDA tahun 2011.

FELDA buat stadium, sepatutnya sebelum buat stadium Kerajaan dia kena dia bincang dengan Kerajaan Negeri. Sepatutnya sudah ada tapak untuk buat menggantikan padang awam. Tapi stadium sudah naik, padang awam sampai sekarang tiada ya. Saya difahamkan akan dibuat di belakang Balora Mastika tapi saya difahamkan di Bandar Pusat ini, dia banyak apa ni tanah di bawah Akta GSA yang perlu kepada kelulusan daripada er…*federal* ya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri, kita sebagai sebuah Kerajaan, selesaikan isu ini dengan cepat dan saya jumpa juga dengan Pengurus Besar FELDA Wilayah. Dia kata dulu nak buat…nak FELDA dah ada duit 2016, tapi tanah belum selesai. Sekarang tanah nak selesai, FELDA pula tiada duit. Gedebak gedebak gedebuk, tak selesai. Jadi sekarang sudah lima enam tahun, padang awam tidak ada di er… tidak digantikan di Bandar Pusat Jengka ya.

Yang terakhir, yang ter…yang keenam, tadi sudah disentuh tentang masalah sosial dan keselamatan dikhususnya di FELDA ini. FELDA ini ialah disamping kita bercakap tentang isu pendapatan peneroka, kita tidak lupa dengan isu er… kebejatan gejala sosial er yang berlaku di FELDA-FELDA ya. Er... anak luar nikahnya er… berlakunya dia panggil er… gejala dadah dan sebagainya yang perlu diambil perta… perhatian oleh pihak yang berwajib.

Akhir sekali, akhir sekali ini, ini soalan cepumaslah, mungkin boleh diulas oleh Exco er… benarkah FELDA Global Ventures akan keluar daripada FELDA? Makna Felda Global Ventures tu, F tu tak jadi FELDA dah. Saya tak pasti jadi apa ya dan dia akan keluar dengan membawa FELDA Plantation sebagai aset. Jika benar, maka ini sangat menyedihkan kita kerana FELDA Plantation adalah usaha daripada FELDA sendiri. Jadi, saya menyokong ucapan Titah er… Pemangku Sultan. Sekian, assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Jengka. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah sampai ke penghujung untuk hari ini, seramai sebelas Wakil telah mengambil bahagian dan telah memberikan hujah pandangan yang cukup baik dan bernas sekali ya. Dalam tempoh dua jam sahaja, saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyampaikan mesej ini, di mana telah menepati masa yang saya peruntukkan,

memahami dan mengikuti peraturan mesyuarat *standing orders* dan yang paling penting saya lihat kebijaksanaan dan kehebatan Ahli-ahli Yang Berhormat amat terserlah sekali pada petang ini.

Baiklah, untuk itu saya bercadang untuk er… menempohkan persidangan kita dan kita akan menyambung semula persidangan pada hari esok, Rabu 17 April bermula pada jam 9.00 pagi, persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan jam 5.12 petang]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-3
17 APRIL 2019 (RABU)

KANDUNGAN

HARI KE-3 - 17 APRIL 2019 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	**KEHADIRAN**	**i - iv**
2	**DOA**	**1**
3	**PERTANYAAN DAN JAWAPAN**	**1**
4	**SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG**	**25**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ketiga : 17 April 2019 (Rabu)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli**	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., AMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun, DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**

Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT (BERGILIR):

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Zulhanin bin Ab Ghani, AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. - **Kerdau**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Ketiga (Rabu)	:	17 April 2019
Bersamaan	:	11 Syaaban 1447 Hijriah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama : Doa

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah. [Bacaan Al-Quran]. [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa ,aman, makmur, limpah kebahagian meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri meyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua : Pertanyaan dan jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera dan Selamat Pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan pada pagi ini dan untuk meneruskan aturan mesyuarat pada kali ini. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan, saya ingin memaklumkan bahawa 8 orang Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Krau ada bersama-sama dengan kita sebagai pemerhati (Ahli Dewan menepuk meja).

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya menjemput ADUN Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan saya yang pertama. Terima kasih.

[Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) diberi tanggungjawab untuk memacu pembangunan pertanian seluruh negeri, sila nyatakan;

a) Bidang-bidang pertanian yang telah diceburi oleh PKPP serta status pembangunan pertanian setiap bidang tersebut di seluruh negeri Pahang?

b) Apakah Indeks Pencapaian yang telah ditetapkan kepada PKPP dan sejauh mana er...mereka mencapai Indeks yang ditetapkan dari tahun 2013 hingga 2018?

c) Apakah perancangan PKPP untuk menjadi agensi pemacu pembangunan pertanian negeri.]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Kawasan Beserah yang bertanyakan soalan berkenaan dengan PKPP. Ada 3 soalan yang ditanya.

Yang pertama Yang Berhormat dari Beserah menanyakan bidang-bidang pertanian yang diceburi oleh PKPP ataupun Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah dan Ahli-ahli Dewan terdapat 9 bidang yang diceburi oleh PKPP. Yang pertama sekali sudah tentulah perladangan kelapa sawit yang melibatkan sebanyak empat anak syarikat iaitu PKPP sendiri, LKPP *Corporation***,** PKPP *Plantation* dan PKPP Agro.

Dan yang bidang kedua adalah penternakan lembu tenusu yang melibatkan er...102 ekor lembu dengan penghasilan sebanyak 44,728 liter susu segar setahun. Bidang yang ketiga adalah penternakan udang laut. Yang ini er... melalui anak syarikat Makmur Akuakultur Sdn Bhd er... buat masa ini... buat pada masa ini terdapat 274 buah kolam udang dengan keluasan 220 hektar dengan penghasilan 1,296 tan metrik udang setahun.

Bidang keempat ialah perladangan padi komersial. Yang ini er... di... dilaksanakan oleh PKPP AGRO Sdn. Bhd. Setakat ini kita sudah ada 618 hektar kawasan bertanam dengan penghasilan kasar 2,595 tan metrik padi setahun. Bidang yang kelima ialah penanaman kelapa melalui anak syarikat oleh PKPP AGRO Sdn. Bhd. Kita sudah ada 400 ekar ladang kelapa. Bidang yang keenam adalah tanaman herba melalui PKPP AGRO Sdn. Bhd. Setakat ini er... yang telah ditanam seluas 44 ekar dan dijangka siap, boleh mendapatkan hasil menjelang tahun 2020.

Yang ketujuh adalah peng... pengilangan minyak sawit mentah er... di Lepar dan anak syarikatnya *Dominian Square* Sdn. Bhd. Yang kelapan, pengeluaran baja organik dan yang kesembilan ialah agro pelancongan. Itulah 9 bidang yang diceburi oleh PKPP.

Manakala soalan yang kedua yang ditanyakan ialah, apakah Indeks Pencapaian yang telah ditetapkan kepada PKPP dan sejauh mana er... mereka mencapai indeks yang ditetapkan dari tahun 2013 hingga 2018. Untuk makluman Yang Berhormat Andansura, pada tahun 2013 telah mencatat PKPP mencatat keuntungan sebanyak RM79 juta, 2014 RM116 juta, 2015 RM41 juta, 2016 RM63 juta, dua... 2017, RM125 juta, pada tahun lepas RM94 juta. Menjadikan jumlah semua sekali melebihi... setengah... melebihi RM520 juta.

Manakala yang ketiga ialah apakah perancangan PKPP untuk menjadi agensi pemacu pembangunan pertanian negeri? Untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah, banyak perancangan strategik yang akan dilaksanakan. Antaranya ialah pembangunan ladang baru dan program tanam semula ladang kepala sawit. Yang kedua adalah akuakultur dan industri berasaskan akuakultur. Yang ketiga ialah er... harta... hartanah yang mana kita cuba meningkatkan pegangan aset. Yang keempat perhotelan dan pelancongan. Yang kelima ialah penternakan. Itulah antara 3 soalan yang dikemukakan oleh ADUN Beserah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Amat Berhormat er... Menteri Besar di atas penjelasan dan jawapan yang diberikan. Memang kali ini saya er... memberikan tumpuan sedikit kepada GLC dan juga pertanian kerana saya melihat potensi yang ada er... untuk negeri Pahang ini. Cuma soalan tambahan saya adalah, dari sudut er... bidang yang... yang diberikan er... yang diberikan tumpuan adalah dari sudut er... penternakan ikan air tawar. Yang mana kalau kita lihat kepada perangkaan yang ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik er... penternakan ikan menyumbang sebanyak 10.5% daripada kegiatan ekonomi pertanian negara kita.

Dan Pahang kita lihat mempunyai potensi besar kerana kita mempunyai jajaran sungai yang dan er... juga kawasan er... penternakan yang sesuai yang banyak dengan jenis-jenis ikan yang... yang begitu mendapat perhatian dan permintaan tinggi. Jadi er... adakah penternakan ikan ini akan menjadi salah satu daripada aktiviti utama yang akan diberikan penumpuan oleh PKPP untuk masa... masa terdekat ini? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Beserah yang bertanyakan soalan yang sangat baik untuk masa depan negeri kita dan juga PKPP. Buat pada masa ini PKPP belum lagi bercadang untuk menceburkan diri di dalam bidang penternakan ikan. Kerana setakat ini kita sudah ada er... 9 bidang yang telah diceburi dan er... yang pertama sekali buat pada masa ini, kita sedang menumpukan atau mengemaskinikan bidang-bidang yang diceburi ini kerana ada lagi di antara anak-anak syarikat yang... yang menceburi bidang-bidang ini belum sampai kepada tahap yang kita fikirkan memuaskan.

Walaubagaimana... walau bagaimanapun cadangan tersebut ada... adalah sangat baik. Oleh yang demikian er... di dalam PKPP kita ada... baru saja ditubuhkan iaitu

jawatankuasa pengurusan risiko. Maknanya setiap cadangan akan melalui jawatankuasa risiko dan jawatankuasa risiko akan membawa kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah akan membuat keputusan. Jadi insya-Allah perkara ini akan saya bawa dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PKPP, dan kita akan er… cuba kaji, cuba perhalusi sekiranya ada tempat yang sesuai dan boleh mendatangkan keuntungan kepada negeri, kepada PKPP insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya jemput Yang Berhormat ADUN Ketari.

YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya bertanyakan soalan nombor 2.

> [Apakah maklumat terkini langkah penstrukturan hutang kerajaan negeri. Adakah hutang-hutang ini akan dilupus terus atau ditukar kepada pajakan terutamanya yang berkait dengan aset bekalan air.]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Kawasan Ketari yang bertanyakan soalan er… berhubung dengan maklumat terkini langkah penstrukturan hutang Kerajaan Negeri dan adakah hutang-hutang ini akan dilupus terus atau ditukar kepada pajakan, terutamanya yang berkait dengan aset bekalan air.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Ketari, hutang bekalan air Kerajaan Negeri akan distrukturkan semula melalui penstrukturan semua industri perkhidmatan bekalan air negeri Pahang sejajar dengan kehendak Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA) 2006. Kaedah penstrukturan ini adalah tertakluk kepada terma-terma tawaran daripada Kerajaan Persekutuan serta rundingan bersama. Akan tetapi Kerajaan Negeri masih belum menerima tawaran ini daripada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan untuk hapus kira pinjaman bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar sebanyak 60% daripada jumlah pinjaman semasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui surat bertarikh 25 Oktober 2018. Baki pinjaman Kerajaan Negeri yang tidak dihapus kira akan diambil alih oleh Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB). Sebagai balasannya, Kerajaan Negeri perlu memindah milik aset tak alih yang nilainya bersamaan dengan jumlah pinjaman yang diambil alih oleh PAAB bagi tempoh 45 tahun.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Boleh soalan tambahan pengerusi?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okay, soalan tambahan. Er… apakah kebaikan dan faedah kepada Kerajaan Negeri apabila hutang-hutang ini dapat distruktur semula dan adakah sebarang jawatankuasa khas yang diwujudkan untuk mengkaji dan memantau langkah penstrukturan ini?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Buat pada masa ini kita ada 15,000 paip di negeri Pahang ni dan NRW, dengan izin, *non-revenue water*. Sekarang ini saya difahamkan dulu 40%, sekarang ini sudah melebihi daripada 40%. Jadi dengan kata lain, kita tidak ada pilihan. Maknanya kalau kita meneruskan keadaan sebegini NRW akan meningkat dan er… oleh itu, usaha-usaha untuk menghapuskan kira hutang ini dengan Kerajaan Persekutuan kemungkinan juga kita laksanakan.

Untuk maklumam Yang Berhormat, setakat ini kita… kita berhutang dengan… dengan Persekutuan ialah sebanyak RM3.172 bilion, hutang air sahaja ialah sebanyak RM2.085 bilion, dan yang kita cadangkan, Kerajaan Negeri cadangkan untuk dihapus kira ialah 60% daripada jumlah hutang air RM1.251 bilion dan kita ada… Kerajaan Persekutuan ada berhutang dengan Kerajaan Negeri, penganjuran SUKMA RM200 juta dan banjir, bencana banjir pada tahun 2000… 2014 iaitu sebanyak RM43 juta. Jadi jumlah yang dicadangkan untuk dihapus kira ialah RM1.494 bilion. Manakala baki selepas cadangan hapus kira ialah sebanyak RM1.678 bilion.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mendapati bahawa Kerajaan Negeri Pahang kita ini, banyak melakukan pengorbanan terhadap terutama sekali kawasan-kawasan tanah kitalah. Di antaranya kita terpaksa menyediakan hutan simpan yang begitu luas. Kita terpaksa menyediakan kawasan tadahan hujan er… tadahan air untuk pembekalan air. Jadi itu dinyatakan sebagai pengorbanan Kerajaan Negeri kepada negara kita.

Dan yang keduanya pula, kita terpaksa memberikan berbagai-bagai kemudahan kepada TNB contohnya, membina empangan untuk menjana elektrik. Jadi sekarang ini saya nak bertanya kepada Kerajaan, adakah pihak Kerajaan rasa kita er… perlu membuat ataupun menuntut pampasan yang tertentu daripada pengorbanan yang telah kita lakukan selama ini. Bagi menyelesaikan masalah hutang kita. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Satu soalan yang sangat baiklah. Dan sekarang ni pihak Kerajaan Negeri memang bercadang untuk mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat untuk membuat tuntutan pampasan. Bagi kawasan hutan simpan dan hutang… dan hutan rizab kehidupan liar yang digunakan sebagai tadahan air, iaitu seluas hampir 1 juta hektar. Sebab ini adalah kos melepas bagi Kerajaan Negeri Pahang dan begitu juga bagi kawasan Empangan Klau yang mana Kerajaan Negeri Pahang kerugian daripada segi hasil pembalakan, mineral, premium tanah sawit dan cukai tanah lebih kurang 33,000 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Ketari, saya ingin jelaskan di sini bahawa kawasan hutan simpan dan hutan rizab kehidupan liar yang digunakan sebagai kawasan tadahan air, kos melepas bagi Kerajaan Negeri Pahang ialah sebanyak RM16.4 bilion, RM16.4 bilion bukan juta, Ringgit Malaysia. Manakala bagi kawasan Empangan Klau, kos melepas bagi Kerajaan Negeri ialah sebanyak RM692 juta. Jadi jumlah keseluruhan ialah sebanyak RM17.1 bilion. Ini kos melepas yang terpaksa Kerajaan Negeri lepaskan demi untuk mensejahterakan rakyat di luar daripada negeri Pahang. Keluasannya ialah sebanyak 1 hektar.

Jadi yang ini, mungkin… bukan mungkinlah, kita akan berjumpa dengan Kerajaan Persekutuan kita akan minta supaya RM17 billion ini akan er… ditolak daripada hutang sebanyak RM3.17 bilion itu tadi. Dan dengan kata lain sebenarnya Kerajaan Pusat berhutang dengan Kerajaan Negeri dan belum lagi dikira tunggakan. Kalau kita kirakan tunggakan ataupun faedahnya mungkin lebih er… daripada angka yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput Yang Berhormat Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, difahamkan dari 2014 hingga hari ini hutang RM432.7 bilion kepada Tenaga Nasional Berhad… million, bukan bilion, milion. Saya ingin bertanya, macam mana kita nak bayar balik kepada TNB? terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita akan bayar *cash* kalau sekiranya Kerajaan Persekutuan bayarkan kita RM17.1 bilion. (Ahli Dewan ketawa).

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, cukup-cukup, dah tiga dah. Saya jemput Yang Berhormat Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

[Teluk Cempedak merupakan tempat tumpuan utama untuk pelancongan orang ramai di Kuantan, Pahang.

a) Apakah pihak kerajaan bercadang untuk memajukan Teluk Cempedak 2 (Teluk Tongkang) sebagai tempat pelancongan baru di Kuantan?

b) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat jalan baru sampai ke Teluk Tongkang?

i) Jika ya: Berapakah kos untuk membuat jalan raya baru bagi kawasan tersebut?

ii) Jika tidak: Mengapakah tidak mahu memajukan kawasan tersebut?

c) Berapakah jumlah pendapatan bagi sewa kedai, cukai tanah dan cukai pintu yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri Pahang di kawasan Teluk Cempedak pada tahun 2016, 2017 dan 2018?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kalau Kerajaan Pusat bagi semua hutang-hutang ni semua tak ada dah ni, bayar balik ya, RM14 billion dan er… ini ada… dan juga saya sudah pasti bahawa er… peruntukan yang yang diterima oleh kita semua ni bukannya setakat berganda, berganda-ganda insya-Allah, termasuklah kerajaan dan pembangkang. Yang Amat Berhormat Menter Besar ya. Ha… Yang Amat Berhormat Menter Besar bersetuju. Jadi kita semua, kita kena bersama-sama Yang Amat Berhormat Menter Besar dan kita yakinkan orang di luar sana bahawa kita kerugian oksigen, air dan lain-lain lagi, dan… dan juga kerugian dari segi pendapatan kita kerana pengorbanan kita untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Jawapan untuk er… soalan 2 daripada ADUN daripada Teruntum er… Kerajaan sebenarnya memang bercadang dan telah pun membuat apa yang kita katakan sedikit pembangunan di kawasan iaitu Teluk Cempedak 2 ataupun Teluk Tokong. Kita telah pun membina *boardwalk* dan er… yang keduanya untuk jalan baru, kita telah mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan tetapi setelah kajian dibuat bahawa kita er… kita mengambil keputusan supaya kita tidak membina jalan kerana kalau sekiranya membina jalan, satunya dari segi *caring capacity*. Orang akan ramai di situ dan yang keduanya tidak ada *thrill* lagi. Tidak ada lagi *excitement* dengan izin, tidak ada lagi *adventurous.* Sebab tujuan kita pergi ke Tanjung Tokong itu adalah supaya kita akan er… menaiki *boardwalk* yang ada. Dan yang keduanya kita pun telah pun memohon kepada kerajaan er… kepada kementerian untuk kita membaik pulih *boardwalk* yang ada sebanyak er… RM7juta.

Bagi soalan seterusnya iaitu tentang cukai er… dan sewaan. Saya nak maklumkan bahawa er… bagi sewa kedai pada tahun 2016, pendapatan kita adalah 40 perpuluhan er… 40,700… 700, 2017 RM40,700 dan 2018 RM40,950. Bagi cukai pintu, er… tahun 2016 RM42,270 dan er… saya tidak memperolehi…memperolehi er… angka untuk 2017, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Teruntum dan 2018 RM81,071. Bagi cukai pintu, pendapatan er… keseluruhannya premis ya perniagaan pada tahun 2016 RM209,195, 2017 RM454,780 dan 2018 RM449,000…449,000 di mana ada RM16,000 tunggakan. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang… Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Nampaknya TC selalu dipenuh dengan pelancong dan orang Kuantan yang pergi ke er… Teluk Cempedak. Soalan adalah say… er… soalan adalah saya er… kalau er… ini boleh menjadi tempat pelancong yang menarik begitu ramai orang ke sana, kenapa kita tak mahu majukan Teluk Tongkang yang dikatakan T…Teluk Cempedak 2, sebab kita boleh buat satu tempat yang lebih er… lebih er… rab… er… ada rancangan yang lebih untuk menarik lagi ramai ke Kuantan, sebab pantai er… Teluk Cempedak merupakan… pernah menjadi pantai yang paling bersih di Malaysia dan paling cantik di Malaysia.

Saya harap kerajaan dapat memperdengarkan dan kita memajukan Teluk Tongkang 2 dan membuka satu jalan ke sebelah sana dan saya ingin er… saya harap dapat mendapatkan ramai pelancong. Mungkin sekarang kita boleh muat 3 ribu orang. Kalau kita buka kepada er… TC no 2 mungkin kita boleh buat kawasan lebih besar dan boleh menampung sampai 5 er… sampai er… 5 sampai 6 ribu orang. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Jawapan saya tadi untuk… untuk apa namanya pandangan daripada Kementerian Pelancongan bahawa mereka tidak setuju kerana mereka bimbangkan tentang kepadatan er… dan juga akan menjejaskan alam sekitar. Walau bagaimanapun kita telah memohon ya peruntukan iaitu er… jalan er… jalan Teluk Cempedak ke Beserah lagi… ke Beserah iaitu *costal,* dengan izin, *costal road*. Pada er… RMK-9 tetapi ianya tidak diluluskan. Kita mohon semula er… pada RMK-12 kerana difahamkan bahawa Kerajaan Pusat selalunya, mereka hanya akan memberikan peruntukan kepada er… peruntukan kepada *priority* dan keutamaan projek-projek. Walau bagaimanapun kita akan berusaha dan saya juga bersetuju dengan er… Wakil daripada Teruntum bahawa kita mesti memperbanyakkan lagi kawasan rekreasi seperti ini supaya orang akan terus… pelancong akan terus datang ke Teluk Cempedak, ke Teluk Tokong dan juga ke Kuantan untuk menikmati er… keindahan pantai er… seluas 2 ribu er… 210 kilometer daripada sempadan Terengganu ke sempadan Johor. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Saya sebetulnya tak minat nak pergi ke Teluk Cempedak 2 tu sebab pihak kerajaan kata tadi Teluk Tokong. Saya dengar daripada…daripada Teruntum kata Teluk Tongkang. Jadi kalau Teluk Tongkang saya pergi, kalau Teluk Tokong saya payah sikit nak pergilah. [Ketawa]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya teringat ke Tanjung Tokong sebenarnya [Ketawa] di Pulau Pinang [Ketawa]. Minta maaf, Teluk Tongkang. *Sorry, sorry* [Ketawa], Teluk bukan Teluk Tokong, Teluk Tongkang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, soalan seterusnya er… yang dijemput. Saya jemput Yang Berhormat ADUN Jengka.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, er… soalan saya nombor 4.

> [Penutupan kelas sains tulen di sekolah menengah agama Kerajaan Negeri merugikan masa depan pelajar, negeri dan negara di masa hadapan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menangani situasi tersebut?]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

[Ketawa]Assalamualaikum WBT, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua er… [Ketawa].

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua**,**

Minta maaf. Kami bertiga ni senyum sinis sikit pasal Yang Berhormat Dato' Soffi ini, sekarang ini telah menjawab soalan jawatankuasa er… Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan. Bukan kurang yakin, pasal dia *first time* menjawab. [Ketawa].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa, dia serba boleh. Sila.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih er… kepada sahabat saya daripada Jengka yang telah membangkitkan satu soalan yang cukup baik demi untuk kepentingan masa depan negeri, negara dan juga generasi kita, generasi muda kita insya-Allah.

Sebenarnya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Pahang ataupun JAIP tidak berhasrat langsung untuk menutup kelas aliran sains tulen di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri dan masih terdapat 4 buah Sekolah Menengah Agama yang kekal menawarkan kelas sains tulen (*pure science)* iaitu Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah Temerloh…Al-Khairiah Temerloh, Sekolah Menengah Agama Al-Maidah Addiniah Padang Tengku, Lipis, Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan dan Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan. Apa yang berlaku sebenarnya ialah di Maahad As-Sultan Ahmad Addini, Jengka adalah merupakan penangguhan pengambilan pelajar Tingkatan 4 aliran sains tulen. Er… manakala Tingkatan 5 masih kekal dan akan mengambil peperiksaan pada tahun ini.

Ini berlaku kerana sambutan daripada para pelajar di kawasan tersebut dalam tahun 2019 hanya terdapat 4 orang saja yang mohon untuk masuk sekolah ataupun aliran sains tulen dan er… untuk er… mengoptimakan sumber, maka Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah menawarkan er… tempat kepada pelajar-pelajar ini di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah Temerloh dengan er… dengan asrama sekali, sebab kalau sekiranya daripada Jengka tu, dia tak wajar untuk dia berulang. Jadi kita tawarkan tempat di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh dengan asrama sekali, dan er… Kerajaan tidak bermaksud menutup peluang para pelajar yang berpotensi ini kerana untuk menjamin peluang tersebut terus diperolehi oleh pelajar, er… JAIP akan membuka semula atau menambahkan bilangan kelas di Sekolah Menengah Agama A- Khairiah, Temerloh, Sekolah Menengah Agama Al Ihsan, Kuantan dan Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan.

Er… Penangguhan ini dapat mengurangkan bebanan pada guru-guru dan mereka berpeluang lebih fokus kepada bidang tertentu. Di samping itu, penjimatan kos penyelenggaraan, pembelian peralatan dan er… serta pengoptimaan tenaga dapat dihasilkan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Jengka.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD. HALIM

Soalan tambahan, Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang pertama kita doakan semoga Exco Agama cepat sihat, insyaAllah ya. Er… yang keduanya dalam soalan tambahan saya ialah er… apa yang dinyatakan tadi oleh Exco iaitu kerana kekurangan pelajar memohon untuk masuk dalam er… aliran sains tulen. Er… saya difahamkan oleh pihak pentadbir er… bukan itu masalahnya ya, masalahnya ialah er… sebab tutup ialah kerana tidak ada guru berkelayakan er… berkelulusan di bidang sains tulen. Jadi sejauh mana kebenaran itu, tidak dapat dipastikanlah ya. Cuma sekiranya er… dakwaan itu betul, makna kena ada satu tindakan daripada pihak Jabatan Agama Islam untuk memberikan kursus ataupun melantik guru yang er… ada kemahiran tentang sains tulen untuk mengajar di seko… di SMAN ini ya.

Yang kedua saya tambah sikit ialah kita ada guru-guru yang sudah er… ada Ijazah Pendidikan tetapi masih taraf guru kontrak er… tidak diserapkan sebagai guru tetap di SMAN ini. Mohon penjelasan.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya dakwaan mengatakan bahawasanya tidak ada guru yang berkelayakan ini, er… disangkal oleh pihak Kerajaan. Ini kerana sepertimana yang saya telah perjelaskan tadi, kita merangka suatu perancangan di mana penggunaan sumber atau guru-guru yang kita ada ni, kita optimakan. Saya masih teringat lagi, contohnya saya daripada Lipis er… pada ketika itu, kita tau sekolah-sekolah di daerah-daerah tertentu ni tidak mempunyai cukup guru. Namun apa yang terjadi ialah pemfokusan kepada setengah-setengah sekolah di mana sekolah tu memang er… telah terbukti rekodnya er… pencapaian dalam bidang misal contoh aliran sains, memang kiranya hebat pada ketika itu. Maka pelajar-pelajar daerah-daerah lain ini ditempatkan di sekolah tersebut.

Saya berkebetulan masa tu di Lipis Clifford dan er… di SABS, Sekolah Abu Bakar… Sultan Abu Bakar School… itu… Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar. Di situ er… kekuatannya ada iaitu antara lainnya ialah aliran sainsnya merupakan er… aliran yang mantap. Maka pelajar-pelajar daripada daerah lain tu dimobilisasikan, dikumpulkan di situ dan terbukti berjaya. Begitu juga dengan sekolah-sekolah menengah ataupun sekolah-sekolah agama di negeri ini. Kita ada empat sekolah yang boleh menampung er… bilangan pelajar untuk meneruskan pengajian di sekolah-sekolah ini ya, khususnya dalam bidang sains tulen.

Pada masa yang sama, kita ada Maahad Tahfiz di bawah Yayasan Pahang yang memang er… mempunyai er… kepakaran dan tenaga pengajar yang er… terbukti dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang yang selepas itu, er… melanjut… dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara, UK, Europe dan juga di Amerika. Alhamdulillah. Jadi, er… pertamanya, ialah dari segi er… kekurangan dakwaan ataupun tanggapan bahawasanya kekurangan tenaga pengajar yang mahir

dalam bidang sains tulen ini er… adalah tidak benarlah, dan insyaAllah perkara ini akan er… sebenarnya sentiasa dalam pemerhatian pihak Kerajaan Negeri.

Yang keduanya berkaitan dengan er… perkhidmatan guru-guru yang masih lagi dalam er… yang status kontrak ya, walaupun telah berkhidmat er… begitu lama dengan Jabatan Agama Islam. Perkara ini sedang ditangani oleh pihak kerajaan perkara ini telah pun dibangkitkan oleh sahabat saya Exco er… ni Hal Ehwal Islam, Pelajaran dan Kesihatan, dan er… kita sedang meneliti perkara ini dan insyaAllah er… saya yakin er… pertimbangan akan diberikan dengan sewajarnya bagi guru-guru yang telah lama berkhidmat yang masih lagi kekal er… tarafnya sebagai guru kontrak. Ini akan ditangani secara berperingkat-peringkat, insya-Allah ya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, Sungai Lembing… Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan tambahan. Er… adakah pihak kerajaan mencadang menaikkan er… yuran asrama sekolah agama tu, sekarang ni RM18 er… sebulan ataupun nak bagi percuma, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya ini yang uniknya ya, yuran… yuran sekolah menengah agama ni RM18 je. Jadi… RM18 sebulan ya, dia memang er… sebenarnya satu angka yang begitu rendahlah. Inilah keperihatinan Kerajaan Negeri, yang selama ni, er… mengutamakan kepentingan rakyat er… khususnya dalam bidang pendidikanlah. Namun er… oleh kerana perubahan semasa, maka er… belum ada keputusan lagi ya, rakan saya daripada Sungai Lembing, kita belum memutuskan lagi. Kita meneliti dan melihat apakah implikasinya. Tetapi setakat ni masih lagi kita kekalkan RM18 er… sebulan bagi pelajar-pelajar dan er… sudah tentu dalam sebarang keputusan yang akan diambil kita akan mengambil kira kepentingan err… pelajar er… yang belajar di institusi-institusi atau sekolah-sekolah menengah agama di negeri ini. Insya-Allah.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya nak merujuk kepada kenyataan yang dijawab oleh Wakil Kerajaan tadi tentang status kontrak kepada guru agama ini yang saya fahamkan er… dia bukan kontrak tetapi dia hanya diambil dan dibayar secara… secara saguhati oleh ASPA. Kalau kontrak ini dia mesti ada… dia layak dapat kenaikan gaji dalam tempoh kontrak tu dua tahun biasanya dan juga KWSP dicarum oleh pihak majikan dan juga kemudahan perubatan. Tapi perkara ini tak berlaku kepada guru-guru ASPA yang mengajar di sekolah-sekolah agama ini.

Sebab itu kita pernah mencadangkan dan saya pun beberapa kali mencadangkan supaya kita melihat balik semula apa kaedah yang sesuai untuk memastikan bahawa guru-guru ASPA yang bertugas begitu lama dan mempunyai kelayakan akademik

dan kelayakan ikhtisas untuk diangkat sebagai guru-guru tetap di sekolah agama dan jadi isunya sekarang ni memang ada perjawatan yang agak kurang dan er… tak dapat di… diisi bagi semua guru-guru yang ada ini, tapi berilah keutamaan pada guru-guru yang dah lama mengajar ni, supaya mereka dapat pembelaan sedikit. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Banyak pula soalan tambahan. Sebenarnya, sebenarnya gini… dari segi perkhidmatan ni, dia ada kaitan juga dengan er… ini… syarat-syarat ini… tawaran ya. Kalau kita serapkan, bukan sahaja semata-mata er… semasa perkhidmatan ini, kita kena mengambil kira er… ni kemudahan-kemudahan lain termasuk pencen. *So* dalam konteks ni tadi, kita kena selaraskan juga dengan JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam ya. Kalau ikut logiknya, misal contohnya guru-guru ini tak boleh kita ambil er… sebab kita kena tunggu perjawatan daripada apa ni… Jabatan Perkhidmatan Awam.

Oleh kerana kita merasakan, kita perlu mengambil langkah pro aktif, maka kita telah mengambil pendekatan untuk melantik ataupun menawarkan suatu konsep ini… ini apa nama… er… perkhidmatannya yang mempunyai fleksibiliti. Kalau ikutkan kita tak boleh… kita tak boleh.. nak melantik ni guru-guru ini kerana kita kena perlu ada kelulusan daripada JPA. Namun demikian, terima kasih kepada agensi kerajaan seperti ASPA yang prihatin. Maka mereka telah sanggup katakan, okay kita akan biayai saraan maknanya gaji, pengajian dan lain-lain. Dan kita masih lagi berurusan dengan pihak ini JPA ya untuk er… memperakui bahawasa perkhidmatan mereka ini penting demi untuk membentuk generasi er… yang pelajar yang orang kata er… terpelajar.

Jadi insya-Allah, perkara ini memang benar sepertimana yang sahabat saya sebutkan tadi ada yang dalam skim yang sebegini. Bukan kontrak tapi dibayar secara er… imbuhan oleh pihak ASPA ya institusi kerajaan ataupun dibayar oleh pihak Kerajaan Negeri melalui agensinya. Jadi insya-Allah perkara ini memang telah pun di er… diperbahaskan dan diteliti mungkin er… kita akan melihat bagaimana kaedah yang terbaik untuk pastikan jasa dan khidmat guru-guru yang telah er... berkhidmat sekian lama ini dapat diambil kira dan diberi ganjaran yang sewajarnya, kita doa la insya-Allah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat ADUN Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan lima.

> [Adakah kerajaan negeri merancang untuk membina loji air baru di daerah Raub memandangkan Loji Sungai Bilut mengalami pencemaran air sungai yang begitu kerap dan menyebabkan gangguan air yang serius terhadap penduduk-penduduk di daerah Raub.]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Daerah Raub sedang mengalami pembangunan yang pesat dan bandar Raub serta sekitarnya sendiri diunjurkan akan memerlukan tambahan bekalan air terawat sebanyak RM40.9 juta liter sehari menjelang tahun 2035 berbanding dengan kapasiti sedia ada Loji Rawatan Air Sungai Bilut pada hari ini sebanyak RM5.45 juta liter sehari. Pembinaan sebuah loji rawatan air baru telah dipohon kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dalam *Rolling Plan* Kelima er… maksudnya tahun hadapan, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan er… kita percaya bahawa dengan pembinaan loji rawatan air yang baru ini juga akan dapat mengatasi gangguan bekalan air akibat penutupan Loji Rawatan Air Sungai Bilut yang selalu mengganggu perkhidmatan kita ini, yang mana apabila berlakunya er… gangguan ini ataupun pencemaran air-air ini yang melebihi 1000 NTU, menyebabkan loji yang sedia ada ni tidak dapat berfungsi. Kita percaya insya-Allah, tahun depan kalau diluluskan oleh KATS, projek ini boleh dilaksanakan Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat ADUN Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kemukakan soalan nombor 6.

> [Apakah perancangan kerajaan mengenai pembangunan belia luar bandar dan pedalaman di negeri Pahang khususnya Cameron Highlands dan adakah kerajaan mempunyai polisi baru bagi mengurangkan jurang pembangunan antara belia bandar dan luar bandar serta apakah pendirian kerajaan mengenai pembangunan belia di masyarakat Orang Asli?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN kawasan Tanah Rata ya. Kerajaan melalui er… Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang merujuk kepada soalan yang dibangkitkan terhadap pembangunan belia di Cameron Highlands. Kerja-kerja pembangunan belia sama ada luar bandar mahupun bandar sentiasa diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri. Dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan belia, kerajaan tidak pernah meletakkan jurang perbezaan di antara belia luar bandar dan bandar. Kesemua golongan belia sentiasa diberi keutamaan, pihak kerajaan amat mengalu-alukan penyertaan dari pelbagai kaum dan bangsa untuk menyertai pelbagai program pembangunan belia.

Tiada jurang diwujudkan bagi penyertaan dari belia Orang Asli malah kerajaan amat menggalakkan penyertaan dari kaum tersebut. Di antara program-program yang dijalankan oleh pihak kerajaan antaranya Kursus Kepimpinan Organisasi dan pada 29 er… maaf Dato' Yang di-Pertua, Kursus Kepimpinan Tahap I pernah diadakan seperti kepimpinan, pengucapan awam, penulisan dokumentasi dan pengurusan kewangan di kalangan belia di Cameron Highlands.

Begitu juga program-program keusahawanan dan program-program sukan dan pelbagai lagi program yang kebanyakannya penyertaan adalah menjadi tanggungjawab semua untuk sama-sama menggalakkan golongan ini untuk merebut peluang yang ada bagi pembangunan golongan ini dan seterusnya pembangunan negara dari negeri Pahang khususnya. Dan untuk makluman juga kepada er… ADUN kawasan Tanah Rata, Kerajaan Negeri tidak sekali-kalinya meminggir er… belia masyarakat Orang Asli ini, bahkan kalau dilihat dalam pembangunan sukan ada mereka yang er… terlibat dengan sukan takraw sebagai contoh ya. Kita lihat taburan belia-belia sebagai contohnya di dalam negeri Pahang ini, kalau lihat di Bera. Kebanyakan belia Orang Aslinya suka main bola sepak, bola er… futsal.

Kalau di Rompin, mereka Orang Asli ini suka main bola sepak. Kalau di Cameron Highlands, mereka ini lebih cenderung kepada takraw dan mereka ini mencapai kejayaan-kejayaan dalam bidang masing-masing setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan juga sidang Dewan Yang Dirahmati sekalian, Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan pembangunan sukan dan juga er… belia-belia di Cameron Highlands ini dengan mewujudkan pelbagai kemudahan termasuklah kita mengadakan program-program serta majlis perundingan peringkat er… Cameron Highlands yang membincang isu-isu semasa di kalangan belia di Cameron Highlands ini. Jadi tidak timbul dan tidak dinafikan bahawa program serta er… kursus-kursus banyak diadakan di Cameron Highlands.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Bagi membantu belia Orang Asli bersaing dengan belia lain khasnya di bandar, Jabatan Kemajuan Orang Asli di Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Pahang telah menubuhkan satu unit khas iaitu Unit Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Orang Asli atau ringkasnya KKBSOA. Walau bagaimanapun, JAKOA masih memerlukan bantuan daripada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang agar dapat membantu JAKOA bagi mempastikan belia Orang Asli tidak tercicir dalam arus perdana bersama masyarakat lain. Dan kita er… berbangga di negeri Pahang ini, satu-satunya sekolah intelek yang ditubuhkan ini berada di daerah Rompin dan er… untuk makluman sidang Dewan, kita membangunkan belia ini bukanlah di peringkat belia itu kita baru nak bangunkan, kita kena sediakan prasarana daripada awal lagi, daripada peringkat sekolah awal lagi.

Sebab itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana baru-baru ini, melalui Majlis Belia Negeri, telah menyampaikan beberapa sumbangan kepada anak-anak muda ini yang mendapat er… keputusan yang cemerlang dalam SPM dan sebagainya. Sebagai contoh, Fatin Solehah binti Isa untuk makluman semua, mendapat 10A baru-baru ini dan terdapat juga di kalangan masyarakat Orang Asli yang mendapat 8, er… 8A seramai 3 orang. Kemudian, ada yang mendapat 9A seramai 4 orang, 7A 4 orang, 6A 16 orang.

Ini menunjukkan bahawa pembangunan yang dilakukan di negeri Pahang ini agak menyeluruh dan kita tidak pernah *meminggirkan* dan insya-Allah saya yakin dan percaya slogan apa ini terus maju apa er… terus maju Pahang ini akan terus kita perkasakan dan kita akan lihat sama-sama bahawa masyarakat Orang Asli hari ini insya-Allah mudah-mudahan sama… duduk sama rendah, berdiri sama tinggi, dan untuk makluman juga ADUN Tanah Rata, kita hari ini anak-anak muda di kalangan masyarakat Orang Asli ini ada yang menjadi pramugari ya, dan ada yang menjadi *engineer*, ada yang doktor dan ada yang *programmer* di MIMOS ya. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang punya aset di kalangan Orang Asli. Sekian, terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Ketua Pengarah Orang Asli Malaysia adalah daripada Pos er… Betau. Er... daripada Kuala Koyan iaitu orang Pahang iaitu Datuk Ajis Sitin, Orang Asli, dan sekolah di teknik…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Ketari.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Dan juga ahli Parlimen yang mengalahkan calon DAP (Ahli Dewan ketawa) juga Orang Asli. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih. Okay, soalan tambahan. Isu pembangunan belia patut mengambil kira tentang golongan-golongan belia yang terpinggir, yang terjebak jauh dari er… disebabkan gejala sosial seperti rempit dan dadah yang terus dipinggirkan disebabkan persepsi negatif masyarakat kepada mereka. Jadi apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mendekati dan membawa mereka pulang ke jalan yang benar? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Er… soalan daripada ADUN Ketari ya. Begitu juga masalah er… gejala-gejala sosial yang melibatkan anak-anak muda ini. Kita Kerajaan Negeri tidak pernah juga meminggirkan dan masalah tetap ada ya. Kalau kita tengok bukan sahaja belia, YB-YB pun ada masalah juga dan kita pemimpin-pemimpin pun ada masalah tersendiri. Jadi sejauh mana kita mengambil pendekatan untuk mengatasi masalah tersebut. Kita mempunyai jabatan yang banyak dalam negeri Pahang ini……dan saya berbangga dengan kerjasama Jabatan Belianya dengan Majlis Sukan Pahangnya dengan Stadiumnya.

Walaupun mereka ini lebih memfokuskan sukan tapi dalam masa yang sama kadang kala melihat kepada anak-anak muda ini dengan kerjasama Jabatan Agama Islam dengan MUIP dengan JKM untuk mengenalpasti mereka ini yang terlibat dan juga pihak PDRM memberi maklumat kepada kita dan kita bawa pendakwah-pendakwah, bawa motivator-motivator untuk menangani, memberi nasihat khidmat kaunseling dan sebagainya pada mereka ini dan kita perlu tahu juga bahawa kerjasama dengan pihak jabatan sama ada persekutuan dengan negeri hari ini adalah disambut dengan baik oleh pihak jabatan-jabatan berikut seperti JKM.

JKM ada unit kaunselor dia, jadi kita boleh guna er…unit-unit ini termasuklah di Yayasan Pahang sendiri ya, kita menggembleng tenaga bersama untuk menangani

masalah sama ada rempitnya dan rempit pula untuk makluman ADUN Ketari, kita ambil yang kaki rempit itu sendiri ya…yang kata macam *spiderman* semua tu tuh tangan tu er… kita ambil bagi contoh supaya dia beri ceramah pula kepada Mat Rempit ni. Bahayanya rempit dan sebagainya. Begitu juga yang dadah-dadah ini yang hisap dadah tu dah elok kita ambil dia sebagai motivator pula kepada mereka yang hisap dadah. Jadi dengan tindakan dan juga inisiatif yang kita ambil ini ialah tak banyak sikit memberi kesan kepada masyarakat anak-anak muda ini. Terima kasih Yang Di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Ha…saya ingin minta penjelasan pihak kerajaan baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Belia dan Sukan akan melepaskan tanggungjawab mereka mengendalikan dan menguruskan kemudahan-kemudahan asas er…sukan er…dan rekreasi di kampung-kampung, di taman-taman dan sebagainya mereka tidak mahu bertanggungjawab lagi untuk nak menguruskannya, akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun kepada komuniti setempat untuk mengurus dan mengendalikannya.

Persoalan saya, adakah kajian telah dibuat kemampuan er… penduduk setempat atau taman ini mengendali dan menguruskan terutama sekali dalam soal er… penyelenggaraan er… infrastruktur sukan yang telah dibina dengan kos yang begitu tinggi dan kita bimbang ianya akan hanya membazirkan usaha yang telah dibuat sebelum ini, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua

Terima kasih kepada ADUN Beserah yang selalu cakna tentang er… infrastruktur khususnya dalam er… arena belia dan sukan ini ya. Kami er… telah mendapat beberapa pandangan oleh pihak kementerian berhubung dengan isu penyerahan er… *venue-venue* ataupun komplek-komplek sukan seperti Dewan Angkat Berat di Rompin dan ISN sebagai contohnya dan termasuklah apa yang dibangkitkan oleh ADUN Beserah sebentar tadi.

Namun beberapa siri perbincangan telah kita adakan dengan pihak tertinggi Kementerian Belia dan Sukan di Putrajaya dan saya setakat ini mendapat maklumbalas yang cukup positif dan kita pun telah memaklumkan kepada pengetahuan er…apa dalam Mesyuarat Exco pun kita maklum khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, kerana bukan suatu perkara yang mudah untuk kita mengambil er…alih tugas penyelenggaraan dan penyeliaan bangunan-bangunan ini kerana kosnya sangat tinggi. Jadi kita telah merayu kepada pihak kementerian KBS sebagai contoh kita ambil er… Dewan Angkat Berat di Rompin ya.

Kita telah nyatakan bahawa er… kita setakat ini tidak mampu mengurus er… dan menyelenggara dengan kos sebanyak RM600 hingga RM700 ribu setahun sedangkan keperluan untuk melihat kompleks ini terus er… gagah bertapak di situ

kerana apa? Kerana Pahang ini melahirkan setiap tahun badang-badang angkat berat yang menjadi ke juara dalam beberapa siri SUKMA yang lalu dengan melahirkan juga jaguh-jaguh dunia di peringkat Komanwel, diperingkat *Gold Coast*, er… seperti contohnya di Australia baru ini dan kita ada Amirul Amizan yang lahir di situ, kita ada Faizal yang lahir di situ, semua jaguh-jaguh Komanwel ini.

Jadi er… berilah kami peluang supaya ditadbir urus seterusnya oleh pihak KBS dan alhamdulillah jawapannya pada hari ini saya dah dapati bahawa mereka akan meneruskan kelangsungan untuk er… mengekalkan pengurusan kepada KBS. Cuma yang lain-lain itu, setakat ini ISN sahaja ditutup dan dikecilkan. Dikecilkan sebab er…staf pun tak ramai, beberapa orang sahaja diserapkan kepada Majlis Sukan Pahang. Jadi kita Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mengambil tanggungjawab staf-staf yang terpaksa er… beralih tempat ini, kita tempatkan mereka di Majlis Sukan Pahang dan Majlis Sukan Pahang bayar elaun serta gaji mereka. Sebagaimana pihak Kerajaan Negeri tidak sanggup melihat pegawai-pegawai JASA kita sebelum ini yang orang kata nak dibuang sebagainya, tetapi Kerajaan Negeri mengambil alih untuk mengambil tanggungjawab pada mereka. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dijemput Yang Berhormat Pulau Manis soalan seterusnya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan nombor 7

> [Kerajaan Negeri Pahang sentiasa prihatin terhadap masalah rakyat terutamanya isu kenaikan harga barang di pasaran. Apakah langkah-langkah kerajaan di dalam membantu meringankan beban yang dialami.]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih juga kepada ADUN Pulau Manis yang sentiasa prihatin terhadap masalah rakyat terutama isu kenaikan harga barang di pasaran sekarang. Kerajaan Pahang melalui KPNDHEP telah mengadakan 5 langkah untuk menangani isu kenaikan harga barang dipasaran. Langkah pertama penguatkuasaan Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961, iaitu mengawal harga barang seperti gula, susu, susu pekat, susu cair dan susu tepung, garam, tepung, minyak masak, petrol, diesel dan gas dan semua jenis roti, roti lembut atau roti keras, ayam, ikan dan juga daging. Barang-barang ini diberi subsidi oleh kerajaan… disedia oleh kerajaan terutama Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Langkah kedua, Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 201…2011 iaitu mempastikan keuntungan yang munasabah terhadap barang-barang makanan, barang-barang isi rumah bagi mengurangkan kesan perbelanjaan isi rumah dan meringankan kos sara hidup rakyat. Langkah ketiga iaitu Sistem Skim Kawalan Harga Barang Musim Perayaan 2011 iaitu menetapkan harga barang-barangan tertentu di peringkat pengeluar, pemborong dan juga peruncit.

Skim ini bertujuan melindungi pengguna-pengguna daripada peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan yang berlebihan. Perayaan pera… skim perayaan ini termasuk Perayaan Hari Raya Puasa, Perayaan Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Keamatan dan Hari Gawai. Langkah keempat, inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KEEP) iaitu bermula pada 29 November 2018. Tujuan memberi pilihan kepada pengguna-pengguna untuk berbelanja di premis-premis perniagaan yang ditetapkan dengan harga yang menjimatkan. 6 syarikat yang menjadi rakan strategik AIKIPnya iaitu Tunas Manja, KK Supermarket dan Supermarket Stor Sdn.Bhd. Pasaraya Segi Fresh, Koperasi Perbadanan Perak… FELDA *sorry*, Malaysia Berhad D'Mart, Koperasi Orang Melayu Pesara. Di Pahang kita ada Tunas Manja 28 outlet, D'Mart 87 outlet.

Langkah kelima iaitu kaedah *Food Bank*, Bank Makanan. Di Malaysia kita ada 15 tan lebihan makanan setiap hari. Daripada lebihan tersebut, dianggarkan 3000 tan lebihan makanan masih elok dan selamat dimakan dan dapat menampung lebih kurang 2 juta orang. Tujuan *Food Bank* ini adalah untuk meringankan… untuk mengurangkan pembaziran makanan dan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat yang kurang bernasib baik atau kumpulan B40. Aktiviti pengumpulan lebihan makanan halal ini di hotel-hotel dan di restoran-restoran serta premis-premis makanan, barang yang tidak mudah rosak seperti kek, makanan dan makanan dalam tin, makanan mentah segar dari pasar-pasar basah dan pasar-pasar borong kering.

Lebihan makanan ini akan disumbangkan kepada keluarga yang miskin tegar dengan menghantar ke rumah-rumah mereka atau rumah-rumah kebajikan, madrasah-madrasah yang berdekatan. Di Pahang, Yayasan Pahang dengan kerjasama NGO-NGO yang berdaftar, Pejabat Kesihatan, Majlis Perbandaran Kuantan, Kolej Komuniti Yayasan Pahang menjayakan pelaksanaan *Food Bank* di negeri Pahang. Sekian, Yang di-Pertua.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ada 3 soalan tambahan ni. Saya rangkumkan sekali.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila… sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang pertama, saya nak bertanya kepada pihak Kerajaan, adakah inisitif-inisiatif yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan sekarang hasil yang dicipta oleh Kerajaan PH ataupun memang turutan daripada Kerajaan BN yang lalu?

Soalan saya yang kedua, berapakah jumlah penguatkuasa kepada premis-premis perniagaan yang melanggar akta-akta dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikenakan kepada peniaga-peniaga yang didapati bersalah tadi?

Dan yang ketiganya, berapakah jumlah kompaun yang dikenakan kepada peniaga-peniaga perseorangan dan juga syarikat-syarikat perniagaan? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Yang di-Pertua,

Terima kasih Pulau Manis mengutarakan satu soalan tapi 3 dalam 1. Dalam 5 langkah-langkah inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Pahang bersama dengan KPDNHEP, 3 adalah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu akta-akta tersebut bermula daripada 2011 dan 2 dijalankan oleh Kerajaan PH iaitu *Food Bank* dan juga Kedai Ekonomi Pengguna… Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna. Maksudnya, Kerajaan PH hari ni melaksanakan 3 skim inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu dan hanya 2 sahaja yang di yang di… diutarakan oleh Kerajaan PH iaitu *Food Bank* dan juga *Kedai Inisiatif* 1Malaysia er… inisiatif i-Keep.

Soalan nombor 2 berkenaan dengan penguatkuasaan. Jumlah pemeriksaan yang dijalankan pada tahun setakat 2018 iaitu 49,461 kedai premis pemeriksaan dijalankan dan kes ditemui sebanyak 356 kes, notis sebanyak 103 notis dikeluarkan kepada peniaga-peniaga yang melanggar peraturan dengan nilai denda sebanyak RM108,058 dengan… setiap kes dibayar kompaun sebanyak RM50,600.

Berkenaan dengan soalan nombor 3 iaitu setiap kesalahan yang dilakukan oleh premis-premis perniagaan yang melanggar peraturan akta-akta tersebut… akta-akta yang saya nyatakan tadi, kesalahan pertama denda RM100,000 dengan 3 tahun penjara, kesalahan kedua denda RM250,000 dengan 5 tahun penjara dan jika… kesalahan itu bagi perniagaan-perniagaan perseorangan. Jika kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat besar atau perbadanan, denda tahun itu… kesalahan pertama RM500,000 dengan denda 3 tahun penjara dan kesalahan kedua meningkat kepada RM1 juta hingga 5 tahun penjara. Sekian, Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya sebenarnya ada satu lagi er… inisiatif baru yang dibuat iaitu tukar nama. KPDNKK kepada KP… KPDNHEP, ha… barulah nak belajar sebut KPDNKK tukar nama. Itu inisiatif baru juga yang telah dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan kepada kita. Namun, saya nak soalan tambahan saya adalah, dalam inisiatif *Food Bank* ini, berapakah jumlah er…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

BR1M tukar BASAH (Ahli Dewan ketawa). Daripada BR1M, B.R.1.M tukar B.A.S.A.H, BASAH.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Cuma satu soalan saya pasal inisiatif *Food Bank* ini, berapa ramai rakyat Pahang yang telah menerima manfaat daripada inisiatif er… pelaksanaan inisiatif *Food Bank* ini. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Oleh kerana *Food Bank* ini baru dilaksanakan di negeri Pahang atas inisiatif Kerajaan Parti Harapan, maka jumlah keterlibatan rakyat yang susah di negeri Pahang akan saya nyatakan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Tuan Yang di-Pertua, saya nak sentuh sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perkara 5 yang dinyatakan oleh Pulau Tawar tadi, saya tak dengar perkataan Pasaraya Darul Makmur. Sedangkan pasar raya itu saya rasa inisiatif Kerajaan Negeri sendiri tu. Makna dia sebut-sebut nama Pasar Raya Tunas Manja, KK 99 ya, terima kasih. Saya nak bertanya itu je.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Seperti saya nyatakan tadi, bahawa inisiatif yang keempat adalah inisiatif Kerajaan Parti Harapan. Maka, dia tak termasuk sebagai rakan strategik Pasaraya Darul Makmur dalam i-Keep apa ni er… inisiatif kedai ekonomi pengguna, dia tak masuk senarai tersebut, dia hanya masuk senarai 6 syarikat utama sahaja tetapi saya akan merayu kepada Kerajaan Parti Harapan supaya masukkan Pasa Raya Darul Makmur untuk negeri Pahang. Terima kasih cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat ADUN Mentakab.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

> [Taman Tasik Chatin merupakan taman rekreasi yang dikunjungi oleh penduduk-penduduk. Adakah kerajaan bersedia menaik taraf kemudahan di Taman Tasik Chatin?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih soalan daripada Mentakab. Untuk makluman Mentakab, Taman Tasik Chatin ni kita telah memohon peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara tapi saya mintalah supaya pihak rakan-rakan saya di sebelah sana, kita telah mohon dengan KPKT cuma setakat ini tidak dapat apa-apa maklum balaslah supaya kalau dapat peruntukan ni, kita akan naik taraf Taman Tasik Chatin ni. Mohon rakan-rakan daripada Pakatan untuk membantu kami.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Soalan tambahan. Peruntukan berapa yang diminta?

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Tak banyak Mentakab, RM700,000 sahaja, tak banyak RM700,000. Sebenarnya kita pihak Kerajaan Tempatan Pahang telah memohon tahun lepas sebanyak RM25 juta peruntukan untuk kemudahan-kemudahan awam, termasuklah untuk menaik taraf tasik-tasik dan taman-taman rekreasi tetapi diluluskan sebanyak RM10 juta sahaja tahun lepas. Kita masih lagi ada RM15 juta yang masih belum ditunaikan oleh pihak KPKT dan selepas kekalahan 19 Mei ni seolah-olah kita ni tidak diberi layananlah ya. Mungkin berbeza kerajaan tapi rakan-rakan daripada Pakatan Harapan, kita minta membantu untuk Majlis Daerah Temerloh untuk menaiktarafkan ini. Saya mohon.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan terakhir pada pagi ini, saya jemput Yang Berhormat ADUN Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya kemukakan soalan 9.

> [Berapakah jumlah peruntukan diberikan kepada kerajaan negeri dalam pengendalian dan penjagaan pokok-pokok tanaman MPK, pokok-pokok warisan dan kawasan hijau di dalam daerah Kuantan ini?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih soalan daripada Semambu. Sebenarnya untuk makluman Semambu, pihak penyelenggaraan pokok-pokok di kawasan perbandaran ni melibatkan ada 2 agensilah, pertama daripada Majlis Perbandaran dan juga daripada pihak JKR sendiri melibatkan jalan-jalan utama.

Untuk makluman Semambu, penyelenggaran pokok-pokok ameniti ini, pokok-pokok peneduh seperti pokok khya, K.H.Y.A… bukan pokok kaya ya, yang merimbun lebat tu. Satu lagi pokok angsana, pokok jati dan pokok sentang. Ini adalah pokok-pokok yang ditanam di… sebagai *street,* dengan izin, apa ni… *street tree* ataupun pokok peneduh bertujuan untuk menyejukkan ya, menyejukkan terutama di kawasan-kawasan bandar dan juga untuk hiasan.

Contohnya kalau pokok-pokok seperti pokok angsana yang di depan Medan Square ya, Mahkota Square. Kita tengok pokok tu dah berusia hampir kalau tak silap sayalah hampir usia saya dah 50 lebih ni, masa saya kecik-kecik pokok tu dah besar tu, mungkin pokok ni berusia lebih daripada 100 tahun ya, yang kita *maintain* sebagai

pokok warisan, yang boleh menyejukkan mata memandang dan juga memberikan oksigen kepada penduduk-penduduk di bandar dan dia boleh *absorb carbon dioxide* yang dihasilkan daripada aktiviti pembakaran kenderaan dan juga aktiviti manusia lah. Jadi, memang pihak Majlis Perbandaran Kuantan pun sendiri menyelenggara pokok-pokok ni dan juga satu lagi yang nak perlu tekankan pokok buluh.

Kalau Menteri Perdagangan Utama mengatakan tanam pokok buluh kita dah tanam di tengah bandar Kuantan ni pokok buluh. Stesen Bas Pokok Buluh berusia saya ingat mungkinlah Ustaz Mizi masa tu kecil lagi saya rasa er… ADUN daripada Panching, sampai sekarang masih ada pokok buluh. Kita masih kekalkan lagi pokok buluh ni, dah ada tanam dah tak perlulah dah nak tanam sawit… mengganti pokok-pokok sawit ya.

Jadi sebanyak RM1.2 juta telah diperuntukkan oleh MARRIS untuk pemeliharaan pokok-pokok er… ameniti ini pada tahun lepas dan pada tahun ni cuma sebanyak RM500,000 sahaja ya. Rakan-rakan saya di pihak sana, bantulah Majlis Perbandaran Kuantan untuk mendapatkan peruntukan. Kalau 2018 kita dapat hampir RM1.2 juta, tahun ni cuma RM500,000 ya. Saya tak tahu lah duit ni ada ke tak ada ke daripada pihak Jabatan Landskap Negara di bawah KPKT yang menyukarkan kami untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok.

Begitu juga dengan penyelengaraan pokok-pokok renek yang di bawah Majlis Perbandaran Kuantan sendiri er… peruntukan sebanyak RM1.4 juta diluluskan. Yang ini dikeluarkan oleh MPK sendiri untuk menyelenggarakan pokok-pokok ini untuk memberi hiasan terutamanya kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke Bandar Kuantan ini, masuk Bandar Kuantan ni dah ada dah. Kebanyakannya adalah pokok bunga kertas ataupun *bougainvilla* dan er… saya haraplah supaya pihak rakan-rakan dapat membantu Majlis Perbandaran ni untuk mendapatkan peruntukan supaya bandar ini kita lebih cantik dan lebih ceria lagi. Sekian, Yang di-Pertua.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan. Terima kasih atas makluman. Sebuah pokok yang bersejarah dan cantik di Padang Taman Aman, Bukit Sekilau telah ditebang bulan lepas. Sejurus itu saya menerima sepucuk surat amaran daripada NGO yang tanya mengapa pokok itu ditebang? Dengan izin dalam surat tu disebut "*the tree was large and healthy, attracted a lot of birds, in fact it was a most beautiful trees at the* taman*".* Saya tidak dapat memberikan penjelasan yang baik maka saya bawa soalan itu ke sini. Apakah SOP kita er… dari segi pemangkasan ataupun penebangan pokok di bandar? Adakah *tagging* dibuat ke atas pokok-pokok? Dan adakah pokok tu sekiranya tidak ada *tagging* maka ianya akan ditebang?

Saya nampak er… kita perlukan lebih er… lebih teliti dari segi SOP menjaga pokok-pokok kita er… ada kontraktor yang nampaknya tidak ada kemahiran untuk er… membuat pamangkasan pokok ataupun mencantas ranting-ranting sehingga pokok tu tidak er… bertumbuh dengan baik dan er… minta pandangan pihak kerajaan tentang isu ini dan er… bagaimana kita boleh mengelakkan pokok yang bersejarah, pokok yang memang lama dan baik er… ditebang. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang di-Pertua,

kontraktor yang dilantik oleh pihak Majlis, terutamanya Majlis Perbandaran Kuantan adalah mereka yang *competent* dengan tugas-tugas mereka dan telah mengikuti kursus *averish* penyelengaraan pokok, bukannya kontraktor yang sebarangan. Kemungkinanlah pokok di… di Taman Aman ni mungkin menghadapi masalah usia, macam orang tualah ya, sakit dan sebagainya, yang memerlukan kalau boleh pemangkasan ni untuk rawatan untuk… untuk menjaga keselamatan dan juga untuk memberi kesuburan kepada pokok. Tetapi pokok-pokok yang tidak dapat diselenggarakan yang boleh menyumbang kepada masalah keselamatan, pihak PBT terutamanya akan melakukan kerja-kerja penebangan supaya tidak menganggu ataupun menimbulkan masalah kepada masyarakat. Itu sahaja. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tanya apakah… kerana pejabat saya juga mendapat er… aduan tentang pokok-pokok yang besar dan membahayakan orang awam tetapi kita buat surat kepada Majlis Perbandaran er… mereka tidak ambil tindakan. Dalam fail menebang pokok itu di pejabat saya sudah tebal macam buku… buku yang… yang tebal sangatlah. Jadi, apakah SOP ataupun apakah cara untuk kita membuat aduan tentang kita menebangkan pokok? Bukan kita nak menebang pokok semua tetapi sebahagian pokok yang membahayakan orang awam telah pun er… lama tidak pernah dijaga oleh sebab itu saya nak tanya kepada pihak kerajaan, bahawa apakah SOP ataupun apakah cara untuk kita membuat aduan kepada Majlis supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan secepat mungkin. Sekian.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua

Untuk penyelenggaraan pokok-pokok di bawah PBT ini, dia ada SOP masing-masing. Er… kita tengok juga lokasi pokok, kalau pokok tu ditanam dalam kawasan rumah minta ditebang contohnya pokok mempelam dah besar ya. Kadang keselamatan sebenarnya penyelengaraan pokok-pokok di kawasan Majlis ini sebenarnya di kawasan-kawasan awam sahaja tidak melibatkan kawasan persendirian. Itu adalah tanggungjawab pemilik untuk menyelengarakan pokok masing-masing lah. Cuma di kawasan-kawasan awam adalah di bawah tanggungjawab PBT. Kalau Jalan Persekutuan tu di bawah er… Jabatan Kerja Raya ataupun Road Care Sdn. Bhd. Sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 9 pertanyaan dan jawapan, saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pukul 11.15 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 10.44 pagi]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di hadapan Majlis ialah satu usul berbunyi:

> "Bahawa Dewan Negeri Pahang Yang Bersidang Pada Hari Ini, Bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja Kepada Dewan Negeri."

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan semula usul tersebut kepada perbahasan. Saya jemput Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

[Ayat Al Quran] Assalamualaikum WBT dan salam perpaduan ummah. Penyatuan Ummah. Yang Dihormati Dato' Timbalan Yang di-Pertuan, er… Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, kepada Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Persekutuan dan Negeri, seterusnya Ahli-ahli Wakil Rakyat yang dihormati sekalian,

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di Dewan Yang Mulia ini, ingin merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Diraja bagi sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang kali, pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah serta menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang telah menyampaikan Titah Diraja yang amat besar ertinya kepada Ahli-ahli Dewan semuanya dan kepada seluruh rakyat negeri Pahang Darul Makmur.

Selain itu juga, saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah serta menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, atas pel… pelantikan Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke-XVI. Sesungguhnya, Titah Diraja ini mencakupi pelbagai aspek pandangan, nasihat, teguran, cadangan dan lain-lain lagi yang bertujuan tidak lain tidak bukan untuk kemajuan dan memantapkan lagi pem… pembangunan negeri Pahang yang tercinta ini. Sesungguhnya tidak dinafikan bahawa Tuanku, Duli Tuanku merupakan seorang raja yang amat prihatin tentang pembangunan negeri Pahang, masalah rakyat jelata, khususnya sewaktu ditimpa berbagai kesusahan dan kemalangan, seperti keadaan banjir, ribut dan lain-lain lagi.

> Ke laut dalam, ke laut dalam memancing ikan,
> Turun berlabuh di bulan puasa,
> Dirgahayu Tuanku patik ucapkan,
> Semoga sejahtera sepanjang masa.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingin mengulaskan tentang beberapa perkara. Yang pertamanya adalah berkenaan dengan hutang negeri Pahang. Setelah semakan hutang Pahang dibuat dan telah dipolitikkan oleh Menteri-menteri Pakatan Harapan. Dalam laporan Ketua Audit Negara, rupa-rupanya sebahagian besar iaitu 70% daripada jumlah hutang negeri Pahang itu, adalah melibatkan perbekalan air. Ini juga, kaedah sama hutang, berhutang, keberhutangan Kerajaan Pusat, Kerajaan Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat. Yang mana akhirnya Menteri Kewangan sekarang, telah membuat satu keputusan dan Kerajaan Pakatan Harapan telah membuat keputusan untuk menghapuskan hutang-hutang Kerajaan Pulau Pinang kepada negeri… kepada Kerajaan Pusat. Dan kita berharapkan, semoga keadaan tersebut juga berlaku di negeri Pahang, yang mana pembangunan perbekalan air untuk negeri-negeri ini haruslah dipikul bersama, di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang er… Kerajaan Negeri.

Sehingga akhir tahun 2018, Kerajaan Negeri Pahang masih lagi dalam proses rundingan bersama Kerajaan Persekutuan, bagi melaksanakan penstrukturan Syarikat Bekalan Air di negeri Pahang. Sehingga kini penstrukturan semula ini, masih belum lagi dimuktamadkan. Menteri… kepada Menteri Kewangan kita, kita berharapkan supaya janganlah buat lupa, bagaimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinannya pada tahun 2012, turut telah menghapuskan hutang iaitu sebanyak RM655 juta daripada Kerajaan Persekutuan menerusi cara dan kaedah yang sama. Apa yang pasti kenyataan… kenyataan yang dibuat oleh Menteri Lim Guan Eng ini adalah jelas bermotifkan politik bersempena pada ketika itu, kita sedang berkempen untuk pilihan raya kecil Cameron Highlands.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta celah. Ya, Kemayan bolehkah saya tanya yang hutang negeri Pulau Pinang diselesaikan sebelum PRU Ke-14 atau selepas PRU Ke-14?.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tadi saya dah sebut, bermaknanya selepas PRUlah. Selepas PRU, dia dah dapat kuasa, ya, masa tulah dia usahakan supaya hutang tu dihapuskan. Terutama tambah-tambah lagi pada ketika itu, kita sedang berkempen untuk Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands. Di sinilah *point* kalau boleh untuk menarikkan menarik simpati orang ramai, ya, menunjukkan yang Pakatan… Pakatan Harapan ni… berfungsi ya. Terbaik untuk, untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya tertarik juga dengan Titah Diraja, dalam sektor pertanian yang mana dalam titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku… Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Pemangku Raja Pahang, berkenaan dengan sektor pertanian, dan dikhabarkan Pahang bakal menjadi pengeluar makanan ternakan yang utama di Malaysia. Dan juga potensi untuk kita, untuk negeri Pahang melibatkan diri dalam industri pengeluaran makanan ternakan juga besar iaitu, iaitu hampir RM1.5 billion. Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya juga…

Dato' Yang di-Pertua,

Industri penternakan terutama ruminan bagi saya, kita perlu kembangkan bagi menjamin bekalan sumber daging mencukupi untuk dalam… untuk bekalan negara dan juga tanpa bergantung kepada import daging. Setakat ini Dato' Yang di-Pertua, permintaan daging meningkat setiap tahun. Permintaan makanan meningkat setiap tahun. Pada tahun 2010, permintaan untuk bekalan daging adalah sebanyak RM1.4 juta metrik tan, manakala dijangkakan pada tahun 2020 ini, permintaan makin meningkat kepada RM1.8 juta metrik tan. Iaitu peningkatan dari segi permintaan sebanyak 2.4%. Bagi telur, telur ayam tahun 2010 permintaannya sebanyak RM468,000.00 metrik tan, dan dijangkakan pada tahun 2020, permintaan meningkat kepada RM649,000.00 metrik tan.

Di sini, kenaikan, peratusan kenaikan adalah sebanyak 3.3.%, dan bagi susu, permintaan bagi susu pada tahun 2010 adalah sebanyak 1.4 billion liter dan pada tahun 2020 permintaan setinggi 3.2% iaitu 1.9 billion liter dijangkakan meningkat. Namun yang kita perlu ketahui di sini, cabaran utama bagi industri ini ialah tentang harga makanan ternakan yang terlalu tinggi di pasaran. Jadi bagi saya, bagi mengatasi masalah ini golongan penternak haruslah digalakkan untuk menghasilkan sumber makanan ternakan sendiri dan sekaligus dapat mengurangkan kos serta kebergantungan terhadap makanan ternakan import.

Sehingga kini kerajaan kita telah pun Kerajaan Malaysia telah pun membelanjakan sebanyak RM5 billion untuk mengimport bijirin dan jagung dan bagi saya juga kita mencadangkan kalau sekiranya Kerajaan Negeri Pahang bercadang dan berminat untuk mengembangkan industri bekalan makanan ternakan di negeri kita beberapa perkara yang harus diberi titik beratkan adalah contohnya dari segi ilmu teknikal ya, kemudian kepakaran dan kita tak nafikan di negeri kita… di negara kita juga kepakaran dan ilmu teknikal tu tadi dah ada cumanya ia perlu diperluaskan lagi dan di… diperluaskan lagi dan juga minat oleh golongan-golongan penternak ini untuk menerimanya… untuk mengusahakan.

Dato' Yang Di-Pertua,

Sebenarnya dalam perniagaan ternakan, 75% daripada kos keseluruhan pengeluaran ternakan tersebut 75% adalah melibatkan bekalan makanan. Kos-kos pengeluaran adalah 75% adalah melibatkan bekalan makanan. Cuba kita bayangkan kalau sekiranya semua sumber barang… semua sumber… semuanya sumber bekalan makan ini kita import. Memang kos pengeluaran ini akan meningkat terlalu tinggi dan ini menyebabkan ramai pengusaha-pengusaha, penternak-penternak kita kecewa akhirnya.

Saya juga mencadangkan selain mungkin idea-idea tentang bahan-bahan yang perlu kita sediakan dalam proses untuk menyediakan makanan ternakan saya boleh bagi contoh… sebagai contoh sahaja, mungkin ada idea yang lain ya. Contohnya kita boleh libatkan diri dalam penanaman jagung bijirin dan juga *High Bio-Convertion Grass* iaitu mungkin bentuk dalam bentuk *napier* lah ya. Ini adalah dua perkara yang asas yang cukup baik kalau kita ceburi dalam bekalan makanan ternakan.

Saya juga mencadangkan supaya negeri kita dijadikan juga sebagai pengeluar benih pertanian terbesar kalau boleh di Malaysia dan kalau boleh di peringkat *international* bukan setakat di Malaysia sahaja di peringkat antarabangsa. Kita jadikan negeri kita ini sebagai sumber pengeluar benih pertanian yang terbaik dan berkualiti dan dipercayai dan perkara ini… dalam dalam er… menyentuh tentang pengeluar benih pertanian ini, kita boleh bahagi kepada dua bahagian. Yang pertamanya industri pengeluaran benih tanaman industri, tanaman industri iaitu tanaman komoditi

contohnya getah, sawit, koko, tembakau, kenaf jadi kita *classify*kan sebagai tanaman komoditi… industri komoditi dan bagi ini dalam kluster ini kita boleh anggapkan ia sudahpun stabil ya, pengeluaran benih ini dah stabil pasal dia melibatkan usahawan-usahawan dan melibatkan secara komersil, usahawan swasta, ada juga GLC ya, dan kita tengok juga dalam industri pengeluaran benih komoditi ini, jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang telah diamanahkan berfungsi baik dan kita tidak ada masalah dari segi pengeluaran benih komoditi.

Yang hendak kita tekankan di sini, kalau boleh kita cuba lebih kepada industri pengeluaran benih tanaman makanan ya, pasal industri ini masih lagi tidak diceburi secara serius dan kalau ikutkan potensi untuk industri ini tertalu besar di negara kita. Bagi dunia sebenarnya, nilai industri pengeluaran benih dunia ni adalah sebanyak RM98 billion setahun. Itu satu nilai yang besar. Cuma di Malaysia ini, kita baru bernilai RM30 juta setahun. Jadi penglibatan usahawan-usahawan dan juga penglibatan kerajaan dalam memajukan mengembangkan industri pengeluaran benih tanaman makanan ni adalah terlalu kurang dan potensi itu adalah besar untuk kita ceburi.

Setakat ini negara-negara maju seperti Amerika, Jepun, Jerman yang telah melibatkan diri secara besar-besaran dan juga diaorang dah terkenal sebagai pengeluar-pengeluar utama benih-benih… benih-benih ini… tanaman. Syarikat antara syarikat yang mencebur diri pula adalah terdiri daripada Monsanto, DuPont, Syngenta, SAKATA, TAKII dan berbagai-bagai lagi. Jadi bagi saya, benih juga penting ya sebagai keselamatan *food security,* keselamatan makanan di negara kita.

Ini adalah *proxy* yang dipegang oleh negara maju di mana bagi diaorang menjadikan satu *phylosophy* menjadikan satu asas iaitu pengeluaran benih ini juga dijadikan satu perdagangan berkait dengan monopoli dan keselamatan dunia. Bagi diaorang bermaksud negara maju ni maksud negara yang mengawal benih juga ditakrif mampu mengawal dunia selain daripada senjata peperangan. Punya pentingnya kita ni cukup… kecukupan benih dan juga sumber makanan di dunia.

Bagi saya setakat ni industri padi telah pun berjaya ya, kita boleh dapati banyak *variety-variety* padi telah dikeluarkan, tidak ada masalah. Begitu juga dalam dari segi pisang ya pengeluaran er… pengeluaran benih pisang secara tisu didik juga hebat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Mohon mencelah. Er… Dato' Yang Di-Pertua, er… selain daripada cadangan oleh pihak Kemayan tadi benih-benih pokok yang kita jadikan makanan, saya nak tanya pandangan daripada Kemayan bagaimana pula dengan tanaman buluh dan daun ketum yang telah dicadangkan oleh PH baru-baru ini dulu. Adakah itu merupakan juga satu daripada apa ni… perkara yang er… pihak Kemayan mungkin bersetuju ke atau bagaimana?

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang Di-Pertua,

Sebenarnya kita tak boleh juga perlekehkan kempen yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Pusat tentang kempen untuk tanam buluh dan juga ada cadangan untuk tanam ketum ya. Pasal ini juga industri, ini juga industri yang perlu difikirkan bersama. Contohnya buluh, buluh ini banyak kegunaan. Dari zaman tok nenek moyang kita dulu memang menghormati buluh ya. Kita sampai buat cerita kisah

Anak Buluh Betung. Ini kisah daripada buluh. Kita makan rebung juga buluh. Tadi cerita ni Exco daripada Lepar cerita tadi, tengah bandar Kuantan pun ada stesen buluh, stesen buluh ya? Ha… stesen buluh, Stesen Bas… Stesen Bas Buluh.

Jadi maknanya tak dinafikan buluh tu juga penting dalam kehidupan kita dan boleh di ketengahkanlah ya. Cuma pasal ketum ni kita serah kepada pihak Kerajaanlah. Kalau dirasakan molek, sebenarnya ketum ni begitu juga dengan dengan minta maaf ya, macam ganja contohnya. Sebenarnya fungsi dia elok. Ini adalah anugerah Allah pada umatnya di muka bumi. Ini adalah tumbuhan yang telah dijadikan, bukan ciptaan manusia. Allah Taala dah jadikan tumbuhan, setiap tumbuhan yang ada, tumbuh di…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta laluan Kemayan. Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, tadi Yang Berhormat Kemayan ada sebut pasal ganja. Saya kebetulan baru balik daripada Amsterdam bersama dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri. Di Holland, ganja ni dihalalkan, dihalalkan tetapi ada syarat-syarat tertentulah, dan berbalik kepada ketum tadi. Ketum ini pun sebenarnya kalau tidak disalahgunakan memang… memang ada khasiatnya tetapi masalahnya disalahgunakan. Dicampur dengan ubat batuk dan sebagainya, sebab tu ianya diharamkan.

Okay yang itu, saya pun ada nak bertanya soalan juga ni. Tadi YB. Kemayan ada menyebut pasal padi, mengatakan padi ni hasilnya baik, *yield*nya cukup baik. Saya dah tinggal industri padi beras ni dah hampir 20 tahun. *Yield* yang terbaik sekali ialah di Kedah, Perlis boleh mencecah 8 tan per hektar dan ada yang boleh sampai 12 tan per hektar. Di Sekinchan lebih kurang 7- 8 tan dan yang paling teruk sekali, paling rendah sekali *yield*nya ialah di Rompin. Jadi keadaan dia sekarang ni macam mana? Adakah masih macam itu juga dan sebagainya? Sebab penghasilan padi ini dia bergantung kepada benihnya.

Kalau di Kedah, batang padinya kena rendah sebab dia tepi laut. Maknanya MR... kalau tak silap sayalah, saya tak ingat dah, MR84 gitulah. Jadi sebab ada angin, jadi padi tak tumbang. Kalau di Selangor, batang padinya tinggi. Dia kena er… dia kena tinggi, kecil pun tak apa. Tapi saya ingat di Rompin ni, batang dia tu, saya tak tau sama ada kena jenis besar Kedah ke [Ketawa] Ni ada yang otak kuning ni, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat YB. Kemayan boleh buat kajian sebab YB. pernah duduk dalam MARDI. Sama ada batang padi di Rompin ini perlu besar macam batang padi di Kedah ataupun perlu tinggi macam di Sekinchan, Selangor dan sebagainya. Baru penghasilan padi tu dapat kita hasilkan tetapi saya ingin kongsi di sini bahawa penghasilan padi di Negeri Pahang ini masih rendah berbanding dengan tempat-tempat lain. Mungkin dari segi benihnya tidak sesuai dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Kemayan …

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Ya, teruskan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya cuma nak mengingatkan, masa untuk Yang Berhormat cuma tinggal 5 minit sahaja lagi.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Alamak hai…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya bagi masa 20 minit.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tapi kalau tak jawab, Dato' di-Pertua, tak jawab Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tak sedap pula ya jadi jawab sikitlah. Biasanya Pahang ni, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, biasa Pahang ni semua yang hebat, yang besar, yang panjang. Semua di Pahang. Memang terkenal, kita pegi mana-mana orang sebut Pahang. Wah! hebat. Ha…, jadi insya-Allah. Saya rasakan, saya tak penah pegi yang di Rompin tu, jelapang padi kita dan perkara ini juga pernah di*highlight*kan oleh Raja Perlis. Pasal Raja Perlis pernah meninggalkan nama, beri nama, atas nama padi, satu jenis padi tu, benih padi atas nama baginda untuk ditanam di jelapang er… jelapang Pahang lah, tapi saya tak boleh menjawabnya sebab tak pernah pergi tempat tu.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Di-Pertua, mohon laluan sekejap. Untuk makluman aje kepada ADUN Kemayan, setakat ini direkodkan pencapaian tertinggi di Rompin tu 7 - 8 tan, yang terbaru.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang Di-Pertua,

Insya-Allah sebenarnya Allah Taala telah jadikan sumber alam tu sesuai dengan makhluk yang nak duduk… duduk nak… nak duduk atas dia. Jadi saya rasakan dalam industri pertanian sebenarnya istilah tanah tak sesuai tu tak timbul ya pasal dalam teknologi pertanian yang ada sekarang ni, tanah yang tak subur pun, kita boleh suburkan. Orang kata tak ekonomik, tak ekonomik daripada tak sesuai untuk tanam tumbuh-tumbuhan pun, kita boleh sesuaikan. Banyak kaedah yang boleh di itu. Sebenarnya saya… terima kasihlah daripada Tioman, menolong saya menjawab ni soalan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Saya teruslah Yang Di-Pertua ya, ada lagi ni. Saya pantas-pantaslah. Kita tadi cerita pasal benih pisang pun dah hebat ya. Kebanyakan sekarang ni menggunakan tisu didik, tisu kultur ya. Bagi saya juga Kerajaan Negeri Pahang harus menceburkan diri juga dalam kaedah pengeluaran benih secara tisu kultur. Pasal tisu kultur tidak mahal sebenarnya, kaedah tisu kultur juga boleh buat belakang rumah tapi kena tau

kaedah dia, kena tau cara-cara dia. Bukan semestinya kita mendirikan satu *lab* yang besar. Tidak tapi dengan tisu kultur ni benih-benih kita ni terbaiklah yang dapat kita hasilkan ya dia dari segi keseragaman dia, dari segi apa dia daripada rintangan penyakitnya. Jadi ramai orang menuju ke arah pengeluaran secara tisu kultur.

Contohnya di… contoh dalam industri pisang dan kita tak guna sulur lagi dah sekarang ni pasal dia banyak penyakit ya. Tambah-tambah kalau benih pisang daripada Selatan tanah air, cukup banyak penyakit ya, Pengarah Pertanian ya, betul ya. Dia ada penyakit pokok reput, hah dia adalah patogen yang merosakkan tu. Patogen tu nama dia *Ralstonia SPP* ya. Kemudian tisu didik juga kos pengeluaran dia tak mahal, rendah dan jualan pun cukup baik, permintaan cukup tinggi dan saya pernah syorkan kepada kerajaan, pada… pernah sekali saya syorkan kepada PKPP untuk menceburkan diri dengan teknologi tisu kultur.

Pasal tisu kultur ni semua tanaman boleh dikeluarkan tisu kultur dan orang kampung pun dan orang di luar sana amat yakin dengan pengeluaran benih tisu kultur. Jadi kenapa kita tidak menceburkan diri. Kalau boleh di Pahang ni, aktiviti yang hendak kita cebur dalam bidang pertanian ni mula daripada A sampai Z. Semua kita *control*. Mana keluaran benih kita *control*, kita hasil benih yang terbaik dan lebih percaya.

Saya ambik contoh satu, Dato' Yang Di-Pertua, kita tengok tapak semaian-tapak semaian yang luar sana, yang kadang-kadang, entah tak diiktiraf pun, tapi betul-betul *making money*, betul-betul beruntung ya betul-betul untung. Kebanyakan dia kaya-raya, padahal tak diiktirafpun. Inikan pulak kita Kerajaan Negeri dan diceburi oleh GLC-GLC Kerajaan Negeri. Kalau kita buat satu benda tu bercara dok orang ya. Kita kepakaran pun ada ya. Maknanya kalau dari segi tenaga kerja tidak dinafikan ramai *graduate-graduate* kita yang telah pun belajar dan akhirnya sekarang ni tengah mencari kerja. Jadi kita boleh wujudkan satu peluang kerja baru dalam rantaian pengeluaran pertanian di negara… di negeri kita.

Kita boleh libatkan diri dalam proses pengeluaran benih, kita libatkan diri dalam proses input pertanian, kita buat baja kita sendiri, proses baja kita sendiri, paling tidak pun *packaging* pun jadilah, *repack* balik. Ambil asas daripada luar, kita *repack* balik. Kita keluarkan racun kita sendiri ya dan kita ada tenaga kerja kita sendiri. Kita gemblengkan semua, kita konsortiumkan semua GLC-GLC di Pahang ini supaya kita ada satu kekuatan ya, satu gabungan yang besar yang boleh kita manfaatkan bersama.

Dato' Yang Di-Pertua,

Seterusnya, saya ringkas-ringkas ya, Dato' Yang Di-Pertua, benih sayuran dah sudah. Jadi strategi yang harus kita rangkakan supaya kita tidak bergantung 100% pada import benih-benih ni antaranya… tapi Dato' Yang Di-Pertua, saya pun dah… nota saya… nota tunggang-langgang dah ni. Walaupun ia ambil masa yang lama ya, ambil masa yang lama, kos dia tinggi permulaan ni…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, er... dah tunggang-langgang tu bukan sebabnya kerana menyebut ketum dan ganjalah, saya harapkan. (Ketawa)

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

(Ketawa) Kita, Dato' Yang di-Pertua, kita di Pahang mempunyai cuaca dan tanah yang baik untuk kita melibatkan diri dalam pertanian ya. Tanah kita subur dan kalau tengok merata di Pahang ini hijau aje tambah-tambah kalau datang ke Bera, tengok hijau tapi sejak kebelakangan ni, gondol ya. Itu karang kita masuk sikit bab tu karang. Maknanya tanah kita subur. Jadi cuma yang kita perlu er… rangkakan untuk kita mencapai hasrat kita ini, makna kita kena lahirkan ramai pakar-pakar biak baka ya, pastu kita ada satu maklumat kemahiran, berpengetahuan tentang teknologi penyimpanan jana *plus Gene Bank* ya, yang ini juga penting. Pasal *Gene Bank* ni kita boleh simpan semua *variety-variety*, baka-baka lama dalam satu tempat yang… yang membolehkan dia simpan lama, tak rosak ya. Kita ada baka berterusan, baka yang dulu-dulu pun, kita boleh ambil sebagai asas untuk kita buat, keluarkan *variety* baru. Itu tempat namanya "*gene bank*".

Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga… saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di atas usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan dengan tertubuhnya Pahang Corp. iaitu sebagai penggerak kepada penjanaan ekonomi negeri dan kalau boleh digabungkan semua GLC, jadikan satu konsortium dan dilantik CEO yang betul-betul layak. Kita keluar modal sikit tak apa ya, kita keluar modal besar pun tak apa tapi *owner* layak dan kalau boleh jangan ada penglibatan politik di dalamnya.

Kalau politik ada macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar jadi Pengerusi, okay lah begitu ya, tapi dalam keadaan menguruskan, menguruskan GLC ini, konsortium ni, haruslah diuruskan oleh betul-betul profesional. Kita bayar gaji besar tak apa. Kita tengok, JCorp, contoh ya di negeri… negeri Johor, JCorp terkenal. Pada permulaan pun begini juga, dia merangkak-rangkak juga, tengah tercari-cari, akhirnya bila dia… dia melantik, meletak seorang CEO betul-betul berkelayakan, dia punya… JCorp tu sekarang ini terkenal seluruh dunia. Terkenal. Banyak sangat aset dia di dunia.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga… kaedah-kaedah itu juga haruslah berlaku dalam sektor perladangan, yang ini konsortium ya, konsortium bukan dalam sektor perladangan di Pahang kita, GLC-GLC yang terlibat dengan perladangan dikonsortiumkan, di*integrate*kan, begitu juga dengan pendidikan ya, kalau boleh dikonsortiumkan, disatukan tak mahu dah kecil-kecil ini. Kadang-kadang kecil-kecil ni dia bersaing sesama sendiri. Dia bersaing sesama sendiri, ada yang… akhirnya ada yang kalah, ada yang lemah sikit tu kalah tapi kalau dikonsortiumkan dia bergerak lebih mantap lagi secara bersama dan idea pun lebih baik idea ramai daripada idea seorang-seorang.

Dato' Yang di-Pertua,

Begitu juga saya berasa hairan jugalah sedangkan jumlah… jumlah perladangan, ladang kita agak luas kalau dikumpulkan semua GLC-GLC ni, luas. Keluasan ladang kita itu luas, ladang sawit tapi malangnya kita tak ada kilang sawit. Kita tidak ada langsung kilang sawit. Kita berharapkan kilang orang lain yang kita tidak ada pegangan dan kita tidak ada kuasa dan bagi saya Dato' Yang di-Pertua, bila kaedah pengurusan yang terbaik, tidak ada sebab kilang tersebut berop… beroperasi dalam keadaan merugikan.

Pasal apa, dia kena tahu ya… setiap, hasil setiap buah yang hantar ke kilang dia dah siap dah kos proses kena bayar. Kita dah bayar kepada kilang kos proses tu. Jadi apa menda yang kita perlu takutkan, kenapa, tak ada sebab yang kilang itu boleh rugi. Kalau rugi pun kerana kelemahan pentadbiran ha, atau benda-benda lain yang berlakulah tapi sebenarnya kalau ikutkan dari segi asas dia *phylosophy* dia, tak ada sebab kilang sawit itu rugi.

Jadi fikirkan semula, saya harapkan Kerajaan Negeri fikirkan semula dan kalau boleh kita gemblengkan tenaga kita, kita buatlah sesuatu, kalau boleh *A to Z,* kalau boleh kita semua dalam… Kerajaan Negeri yang jalankan ya, kalau boleh.

Dato' Yang di-Pertua,

Seterusnya, saya juga mencadangkan tanah perladangan kita agak luas jumlahnya ya. Perladangan kita ini terdiri daripada pekebun kecil, ada terdiri daripada 100 ekar ke atas kita bagi mini estet ya, 1,000 ekar ke atas tu kita panggil estet, estet yang besar. Jadi saya mencadangkan sangatlah dalam keadaan Kerajaan Negeri tidak mendapat sokongan dari segi sumber kewangan daripada Kerajaan Pusat ya, katanya Kerajaan Pusat itu hampir muflis, jadi tak dapatlah membantu negeri-negeri, jadi kita kena bergerak sendiri.

Kita kena bergerak sendiri dan saya mencadangkan, dah sampai masa rasanya kita buat *revise* balik, *revise* balik, ulang… ulang kaji balik tentang cukai-cukai tanah ya. Mungkin er… pihak negeri boleh kadarkan, bagi kadaran. Maknanya 50 ekar ke bawah sekian harga dia, 50 ekar ke 100 ekar sekian harga dia, 100 ekar ke 500 ekar sekian harga dia ya, 1,000 ekar ke 5,000 ekar sekian harga dia. Itu mula naik, naik, naiklah tu, yang 5,000 ekar ke atas ha… sekian bagi maksimum.

Dan kalau saya tengok daripada congakan sayalah, saya pun tak dapat *figure* sebenar. Di sini sahaja kita boleh menjanakan hasil sehingga RM300 juta setahun. Kita boleh jana hasil RM300 juta, itu untuk andaian saya. Ha… pihak negeri lagi fahamlah. Tapi maknanya sampai masa kita… pasal apa yang ladang-ladang yang luas ini dia orang *enjoy*, dia orang *enjoy* sebenarnya. Tauke-taukenya *enjoy*, ada setengah… saya tahu ada 9 ladang di… di Kemayan tempat saya. Ada 9 buah ladang dan kebanyakan tauke-tauke ni, tauke-tauke ladang ini, *owner-owner* ladang ni duduk di Australia, duduk di US, main golf hari-hari. Dia orang *enjoy*, dia orang dah lama dah *enjoy* dia, jadi sampai masalah, maknanya pihak-pihak ladang, pihak-pihak swasta ni beri sikit caruman pulak kepada pihak Kerajaan Negeri supaya kita dapat membantu dan juga membangunkan negeri kita dan membantu rakyat jelata.

Dato' Yang di-Pertua,

Begitu juga dengan kawasan tadahan air, di kawasan saya juga ada kawasan RAMSAR yang luas dia hampir jugaklah beratus… 70 Dato'…, 70, 80 ribu ekar juga, hampir-hampir 100,000 ekar jugalah luas tetapi kita tidak boleh menjana hasil daripada RAMSAR ni, kawasan RAMSAR ni. Kerajaan Negeri tidak dapat hasil pun dan kita cadangkan supaya Kerajaan Negeri menuntut hak kita. Macam mana, macam apa perkataan tu… besar betul perkataan tu yang kita dapat royalti tu… royalti kalau kita simpan pokok sawit kita, ha… pokok ni… pokok-pokok kita…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Carbon Credit, dengan izin.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Terima kasih Lanchang. *Carbon Credit*. Yang ini kita *fight* pasal kita makna Kerajaan Negeri Pahang berkorban ya… berkorban untuk menyediakan tanah ini yang tak boleh keluarkan hasil tanpa apa-apa, ya. Jadi sampai masa kita kena *push* menda tu memandangkan kita tak dapat… tak dapat dana, tak dapat dana lain lagi dah. Jadi kenalah kita berusaha juga untuk dapatkan hasil.

Dan seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya nak bercerita sedikit tentang penggunaan tanah oleh Kerajaan Persekutuan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat Kemayan masa [berdeham] diberikan dah…

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Hah!...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Er… melebihi 20 minit, 30 minit dah untuk Yang Berhormat sahaja

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Sikit lagi Dato'…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita… untuk mengelakkan daripada masa ya… kita nak bagi rakan-rakan yang lain berucap…

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Banyak lagi ni…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya… elok…

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Tak apalah…saya cerita

YB. TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau nak bercerita tu lama Yang Berhormat…

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Ya lah, ya lah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jelaskan.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Saya cerita sikit pasal penggunaan tanah oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi saya, saya mencadangkan yang mana bila ada permohonan tanah daripada pihak Persekutuan, pihak *Federal* kita pastikan dia orang dah ada duit, dah ada peruntukan dilulus baru kita kasi tanah dan kita selepas dikasi tanah, kita luluskan tanah, kita fikir pula keluasan yang bersesuaian.

Saya bagi contoh, saya bagi contoh; pertikaian di kawasan saya. Triang tahu ye. Kita bagi sekali *lump sum* 250 ekar untuk dijadikan kem tentera. Sehingga kini dia baru bangunkan 70 ekar. Contohnya baru 70 ekar dan itu 70 ekar pun dah maksimum. Jadi kalau boleh kelulusan daripad… permintaan daripada Kerajaan Pusat, kalau boleh kita bagi peringkat-peringkat. Ha… 'bagi 50 ekar dulu, awak buat', 'betul buat?' Ha…betul buat 'tak cukup, tambah lagi 10 ekar', tambah lagi. Maknanya kalau kita bagi *one short*, akhirnya kalau ada, kalau dia tak bangun… dia bangunkan kawasan itu secara lambat ya.

Sekarang ni 70 ekar, makna kita ada *balance* lagi 180 ekar yang tak dimajukan. Ini yang jadi pertikaian. Tambah-tambah pula kalau di atas tanah tu telah ada hasilnya, telah ada pokok tanaman oleh pengusaha-pengusaha sebelum itu, jadi ini jadi pertikaian, jadi pergaduhan, sedangkan tanah itu dah milik Kementerian. Kementerian dah bayar premium tapi petani-petani bergaduh kerana apa, er… Kementerian telah keluarkan satu kelulusan kepada satu syarikat untuk mengeluarkan hasil *'tapping right'* pada syarikat lain, 'tapping right'. Sedangkan pengusaha-pengusaha tak dapat nak usahakan tanah dan tak dapat keluarkan hasil tanah dia, jadi bergaduh, bertempur ha…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Terima kasih YB. Kemayan kerana bawa isu ni di Sidang Dewan ini. Jadi saya ingin dapatkan pandangan Yang Berhormat Kemayan tentang er… pemberian sewaan kepada pihak ketiga yang tiada berkaitan langsung dengan tanah ini. Apakah pandangan YB. Kemayan?

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Saya Dato' di-Pertua, bila tanah tu dah jadi milik saya, terpulang pada saya nak kasi siapa. Jadi sebenarnya pengusaha yang… yang mengusahakan tu adalah minta maaf ya, pengusaha yang *illegal*. Tanah tu diteroka haram sebelum ini. Jadi bila tanah tersebut telah diluluskan ke atas Kementerian, Kementerian Pertahanan berterus teranglah ya, Kementerian Pertahanan dah pun bayar premium, jadi tanah tu milik Kementerian Pertahanan dan ada… bila ada permohonan untuk mengeluarkan hasil daripada Kementerian Pertahanan, terpulang kepada Kementerian Pertahanan nak kasi pada siapa.

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Jadi dengan kata lain YB. Kemayan menyokong penyewaan tanah kepada syarikat yang tidak berkaitan ke atas tanah itu. Bukannya keutamaan diberikan kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanah selama 50 tahun untuk menyara hidup sekeluarga?

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Saya faham kesedihan awak tu er… kesedihan Triang tu. *Sorry, sorry, sorry,* awak tak boleh pakaikan? Minta maaf, minta maaf. Saya tarik balik. Sekarang ni kena tarik sahaja, ni kejap lagi kena tarik lah ni. Kes saya semalam, karang saya jelaskan minta Yang di-Pertua ya. Jadi sebenarnya begini, bukan kata tak kesian tapi apa kata kalau tanah tu saya punya, saya kasi Triang uruskanlah sebaik mungkin. Kita kongsi sama-sama. Tapi bukan tanah saya, tanah tu masalahnya tanah dah, dah jadi hak milik orang. Ikut di atas hak orang tu lah nak kasi pada siapa.

Tapi pada dasarnya, sepatutnya pekebun-pekebun ni cepatlah buat rayuan, cepat buat pakatan ramai-ramai pergi cepat jumpa Kementerian, berbincang dan pasti saya rasa Kementerian pun ada juga perasaan kesian itu. Makna sepatutnya kementerian tu kasi pada peneroka-peneroka ni berbanding pada jawapan saya lah tu. Maknanya saya setuju sepatutnya bagi pada peneroka tidak pada syarikat, dak?

YB. CIK LEONG YU MAN

Okay, terima kasih kepada YB. Kemayan yang berkongsi pandangan sama dengan Triang. Jadi saya berharap kita sama-sama bekerjasama tidak kira di peringkat negeri atau pun peringkat persekutuan, tanah dipatut… patutnya disewa diberi keutamaan kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanah. Terima kasih YB. Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Masuk perangkap, masuk perangkap, okay tak pe. Maknanya, okay terima kasih Triang ya, dan khususnya saya juga mencadangkan pada pihak Kerajaan Negeri supaya… saya tak pasti saya tak… tak cekap dari segi perundangan tanah dari segi prosedur tanah, ada tak satu *clause* sekiranya tanah yang kita telah serah kepada Kerajaan Pusat tersebut, sekiranya tidak dibangunkan, kita rampas balik dan tidak perlu membayar semula ganti rugi ataupun tidak perlu memulangkan balik premium dan kita tengok kejadian ini banyak berlaku.

Saya tak lama lagi saya kira kalau… kalau keadaan ini kita tidak atasi, kita akan nampak se... selepas ni Kerajaan Pusat lebih banyak tanah dari Kerajaan Negeri. Akhirnya kita menumpang Pusat, menumpang Kerajaan Pusat pasal tiada tanah. Selama ini kita bangga bila sebut DUN je wah! DUN ada tanah ya. Bila sebut DUN, nampak dah situ, sedangkan Parlimen tiada tanah pasal dalam mesyuarat di peringkat daerah, pasal DUN sahaja mesyuarat pasal tanah, Parlimen tak bermesyuarat, kan?. Makna bila diaorang kata Parlimen, makna kita di awang-awangan tiada tempat bertapak tapi kalau DUN ada tempat tapak.

Ha… DUN Kemayan situ tapak dia, ha situ. DUN Triang situ tempatnya, makna ada tanah dan begitulah kekhuatiran saya. Kalau kita tak hati-hati dalam bab ni, Kerajaan Pusat akan memiliki tanah lebih luas daripada Kerajaan Negeri dan kalau boleh kita apa? adakan satu, satu *certain clause* boleh kita rampas balik tanpa bayar premium ganti rugi apa-apa dan seterusnya boleh lagi Dato' Yang di-Pertua?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Elok gulunglah.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Gulunglah, alamak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lebih daripada 40 minit

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Kejap Dato'. Mana ni tadi? (Ahli Dewan ketawa). Saya Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi tapi dah tak pe lah. Saya nak pergi ke acara yang penting pada isu yang penting, yang berlaku pada semalam hingga ke hari ini dan ianya pun telah di*viral*kan, di*viral*kan. Beria sangat. Memang saya pun dah tengok dah hansard tadi apa percakapan saya tadi saya pun dah tengok dan dalam *handsard* saya tu. Sebenar ginilah cerita dia. Saya berdiri semalam untuk mencelah Sabai tapi berdiri saya untuk mencelah Sabai tu tak kena pada tempatnya. Jadi Speaker suruh saya duduk, ini bukan sesi per… perbahasan, ini sesi soal jawab soalan. Jadi di dalam saya mengutarakan pandangan ataupun minta pandangan daripada Sabai, saya ada menceritakan tentang peruntukan ke sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah kebanggsaan saya ada sentuh sikit.

Dan sebenarnya saya tak sempat nak ulas sebenarnya itu adalah petikan daripada surat khabar, ya. Saya ambil petikan daripada suratkhabar iaitu daripada FMT ini apa? *Free Malaysian Today* ya. Petikan daripada *Free Malaysian Today News* pada 8 Februari 2019, pukul 8.30 pagi er… pagi yang dikeluarkan *statement* itu oleh Profesor Teo Kok Siong. Profesor orang Cina, orang Cina sendiri yang komen, saya saya beri ulasan berdasarkan *statement* ni, bukan *statement* saya maknanya saya ulaskan *statement* Profesor Teo ni.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Mencelah.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Takyah, takyah, takyah.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tapi semalam kamu tiada cakap pun dari siapa.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Tak de, tak de. Jadi bagi saya cakap dulu. Tujuan saya berdiri ni juga saya nak pastikan yang media-media ni lapor betul-betul. Jangan diputar belitkan fakta. Dia panjang lagi cerita dia. Saya dah tengok hansard tadi. Saya pergi bilik speaker saya tengok hansard saya. Petikan daripada media yang ada, saya tak nak sebut media mana, yang terdiri daripada yang ada dalam sini saya tak pasti dia *quote* yang ayat yang boleh jadikan isu perkauman.

Dalam hansard saya ada cerita maaf, ada perkataan saya mohon maaf dulu sebelum saya cakap. Saya mohon maaf dulu seolah-olahnya, seolah-olahnya. Satu seolah-olahnya. Yang keduanya, saya ambil petikan suratkhabar orang bukan, bukan *statement* saya. Jadi tolong media tu betulkan balik. Jadi ni satu *viral* satu, satu, satu Malaysia dah menghentam saya dan kesian pada Wakil daripada Cheka, dia kena hentam dek bos dia.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Minta laluan. Yang Berhormat Kemayan, semalam saya ingin minta penjelasan daripada YB. tapi tak sempat. Jadi apabila saya dengar penjelasan tadi barulah saya faham bahawa sebenarnya YB. Kemayan itu *quote* apa yang dikatakan oleh Profesor Teo yang mengatakan sekolah Cina, sekolah Tamil itu budaknya tak fasih Bahasa Melayu. Wujudnya sekolah Tamil, sekolah Cina itu penghalang pada perpaduan seolah-olah pendatang yang tak fasih Bahasa Melayu itu, itu ialah pandangan YB. Kemayan ke hanya nak *quote* pandangan Profesor Teo ini?

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Saya cakap tadi maknanya bila saya cuba nak *quote*, saya telah diarahkan supaya duduk. Saya nak bangun lagi, Dato' di-Pertua tak bagi saya bangun. Dia kata tak usah, ramai nak bangun masa tu. Saya nak bangun saya nak bagi tahu saya *quote* daripada *statement* suratkhabar dan ramai lagi nak bangun. Tras juga nak bangun, Tanah Rata juga nak bangun, Bilut juga nak bangun, ramai nak bangun tapi Dato' Speaker suruh semua duduk. Ini bukan masa perbahasan. Ini masa menjawab soalan. Jadi saya tak boleh nak, nak jelaskan yang mana saya *quote* daripada suratkhabar.

Makna saya tunggulah saya berucap nanti barulah saya nak jelaskan. Boleh *check* ya, benda ni *exactly* bulat-bulat,sebutir-sebutir perkataan saya semalam tu adalah *quote* daripada *statement* suratkabar oleh Profesor Teo Kok Siong di dalam *Free Malaysian Today News (FMT News*) yang dikeluarkan pada 8 Februari 2019. Catit, catit. 8 Februari 2019, pukul 8.30 pagi. Catit, media luar pun catit, kemudian tengok betul tak *statement* tu? Benda apa saya cakap semalam sebiji-sebiji Dato' di-Pertua, sebutir-sebutir daripada *statement* ini.

Cuma saya tak dapat jelaskan saya *quote* pasal kita tak dibenarkan bangun, dia suruh duduk terus. Ha… itu di situ maknanya sekarang ini media tu pun kalau betul berniat baik, tidak bersangka buruk atas saya, dia *check* dengan saya dahulu, betul ke YB. cakap benda ini contohnya. Saya boleh jelaskan, saya tak sempat nak jelaskan dalam, dalam Dewan semalam, pasal kita terpaksa duduk. Maknanya giliran saya untuk berucap hari ini bukan semalam. Jadi sabarlah patutnya. Jadi saya ber… beranggapan yang media tersebut ada bersangkaan buruk pada saya dan bersangkaan buruk pada Barisan Nasional terutamanya UMNO ya, pasalnya ni surat

khabar Cina yang keluarkan tak betullah tu… tak adil bagi saya ya dan tak adil jugak bagi pihak ni… Cheka…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Semalam Kemayan semasa nyatakan ulasan itu ambil… ambil satu… satu minit kenapa tak cakap ini *you* ada er… *quote* er… dari Professor Teo?

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Faham tak saya cakap saya tak dibenarkan bangun.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Semasa Kemayan ulas… semasa Kemayan ulas betul-betul er… mengenai tidak bawa itu *quote* dari Professor Teo.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tak boleh… tak sempat nak di…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

kenapa tak sempat?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

ada masa… kenapa tak sempat?

YB. TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Er… semua Yang Berhormat jemput duduk Yang Berhormat. Dua-dua Yang Berhormat, saya minta habiskanlah ucapan Yang Berhormat Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Yang tadi itu jelas Dato' Yang di-Pertua ya?

YB. TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Jelas… jelas.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Jelas ya maknanya boleh diterima pakai Dato' di-Pertua, boleh ya?

YB. YANG DI-PERTUA

Nak bagi peluang yang lain…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tak yah laluan lagi…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan satu soalan sahaja.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tak yah lah… tak yah lah…

YB. CIK LEONG YU MAN

Satu soalan saja.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Okay.

YB. CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Kemayan. Jadi apabila kita *quote* satu sumber, maknanya kite berkongsi pandangan yang sama dengan *quote* itu jadi saya kena ingin semak dengan YB. Kemayan, adakah YB. berkongsi pandangan yang sama dengan Profesor Teo?

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Itu pasalnya semalam saya tak kata apa-apa. Cuma saya minta ulasan daripada Sabai. Saya tak keluar pendapat saya tak tahu mana satu saya nak ikut kan… dah… dah… cukuplah… saya minta ulasan…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Yang di-Pertua…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

…pihak Sabai ataupun pihak kerajaan. Ulaslah. Sebab saya minta pandangan. Saya tak kata itu *statement* saya. Jadi Dato' di-Pertua, dah lah… dah lah… nanti kita panjang cerita pula, kat luar tu lapor lagi teruk. Dia orang bukan faham Bahasa. Kalau dia faham bahasa takpe. Ha… jenis kalau kita cakap banyak di luar itu lapor lain, lagi kecoh. Kita ni… Sabai, Cheka siapa lagi… semualah yang mana yang… yang Wakil Rakyat yang bukan daripada Melayu, maknanya saya tengok semua berbahas… berbahasa cantik…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Kemayan…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Semua molek… berbahasa…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. Kemayan menyokong dan terima kasihlah…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Okaylah. Jadi, itu je. Jadi saya tengok sebenarnya banyak sebenarnya. Tak apalah kalau gitu maknanya saya tutup cerita media luar tu betulkan balik *statement* saya dan dengan ini saya menyokong perbahasan saya… sokong Usul. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Peramu… Peramu Jaya.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan kesempatan untuk saya sama-sama mengambil bahagian dengan rakan-rakan yang lain untuk membahaskan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang pada 15 April 2019.

Sesungguhnya Titah tersebut sarat dengan inti pati bernas mencakupi aspek-aspek ekonomi, pertanian, pelaburan, alam sekitar sehinggalah kepada kesucian Agama Islam dijunjung dan Perlembagaan disanjung. Insya-Allah Timbalan Yang di-Pertua, saya mengambil masa secukupnya untuk saya membentangkan satu dua perkara yang penting untuk saya sampaikan pada tengah hari ini.

Pertama sekali, saya ingin er… merujuk kepada tanah-tanah terbiar yang wujud di negeri Pahang ini kerana tanah-tanah terbiar ini seandainya kita usahakan dengan cara yang baik insya-Allah negeri Pahang boleh mampu menjadi pengeluar makanan yang terbesar di negara ini. Tanah terbiar yang saya maksudkan ialah tanah rizab padang ragut yang banyak terdapat… khususnya di daerah-daerah di negeri Pahang ini dan saya mengambil contoh ringkas di Pekan. Rizab Jabatan Haiwan ini ataupun rizab padang ragut ini begitu luas sedangkan padang ragut ini tidak digunakan dengan sebaik yang mungkin yang boleh untuk menjana produktiviti ataupun untuk diusahakan dengan cara yang lebih baik untuk membuahkan hasil bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian negara.

Sebagai contoh, di Pekan kita ada Kampung Sri Makmur misalnya 137.1 hektar, Kampung Tebat 120.2 hektar, Kampung Telok 118.8 hektar, Kampung Permatang Pauh 124.4 hektar dan banyak lagi. Apa yang saya cuba nak sampaikan ialah pada masa sekarang, tanah-tanah rizab ini banyak tidak digunakan dengan sebaik mungkin yang boleh kerana penternak-penternak ini lebih suka menternak ternakan mereka di kawasan kampung tradisional mereka sendiri kerana mereka risau kalau ber… berternak di kawasan padang ragut ini haiwan mereka juga akan hilang dan

haiwan mereka juga menjadi di luar kawalan kerana kawasan ini sendiri pun tidak berpagar.

Selain daripada itu, kita sekarang dalam kaedah permodenan. Permodenan ini maksudnya dahulu padang ragut memang sinonim dengan kampung. Sekarang kita dah ada sistem *pit-lot* dan penggunaan padang ragut ini juga tidak menarik minat golongan-golongan muda untuk mengusahakan ternakan. Dan yang ada di kawasan-kawasan FELDA ternakan ini dijalankan di dalam ladang kelapa sawit itu sendiri. Maksud saya yang mudah ialah kita sewajarnya menggunakan tanah ini walaupun di bawah rizab Jabatan Veterinar ataupun Jabatan Haiwan, kita sepatutnya menggalakkan penduduk-penduduk kita khususnya di kampung-kampung untuk menanam tanaman kontan ataupun yang terbaik sekali ialah untuk tidak menimbulkan kegagalan ialah kita mengalakkan syarikat-syarikat tertentu untuk kita beri pajakan kepada tanah ini agar tanah ini boleh digunakan secara optima untuk menghasilkan tanaman bagi pengeluaran pertanian khususnya makanan untuk negeri Pahang.

Yang keduanya saya ingin sentuh ialah tentang jelapang padi di negara ini dan salah satu jelapang padi yang ada ialah Pekan dan Rompin dan jelapang padi ini sewajarnya dan sepatutnya menghasilkan hasil yang lebih baik kerana ini adalah sumber makanan yang penting untuk penduduk negara ini. Malangnya, di kawasan saya khususnya pesawah dan petani tidak dapat menanam padi kerana masalah air masin masuk ke dalam sawah ataupun bendang dengan bacaan ph nya menjangkau 5.5 hingga 7.5 bacaan ph nya. Jadi oleh sebab itu kawasan ini tidak boleh ditanam dengan tanaman padi selagi masalah bekalan air yang betul-betul bersih dan tidak bercampur dengan air masin ini dapat diatasi. Saya ambil contoh ya, kawasan yang terlibat ini 3. Pulau Tambun 61 hektar melibatkan 47 petani, Pulau Jawa melibatkan 4.5 hektar melibatkan 36 petani, Serandu 61.3 hektar melibatkan 113 petani. Keseluruhan kawasan terlibat ialah 126.8 hektar yang melibatkan petani seramai 196 orang.

Sebab utamanya ialah pertama kebocoran pintu air, yang sewajarnya kita boleh atasi ataupun pihak tertentu boleh atasi. Keduanya pam rosak, ini adalah satu perkara yang bagi saya penting yelah nak merayu pun nak merayu kerana ini bawah er… IADA dan IADA dan JPS ini pun di bawah pusat, tapi saya cuma menyuarakan sajalah dari segi ini harap-harap mendapat simpati dan mendapat bantuan daripada pihak yang berwajib. Oleh sebab itu kita berharap bahawa dapatlah pihak IADA membantu perkara ini agar penanaman padi dapat diteruskan.

Selain pada itu, Timbalan Yang di-Petua, saya nak membangkitkan satu lagi masalah alam sekitar… persekitaran iaitu masalahnya ialah apabila pembangunan begitu pesat. Maka wujudlah masalah antara kesan pembangunan kepada haiwan liar itu sendiri. Di kawasan saya terlibat perkara ini ialah yang melibatkan monyet-monyet terlalu banyak di kawasan-kawasan tertentu yang mengakibatkan gangguan ini mengganggu penduduk-penduduk.

Dan sat… pada satu kes yang berlaku wanita ini baru melahirkan anak. Biasa rumah di kampung dia buka tingkap dan anak itu dibaringkan di dalam rumah itu dengan tingkapnya terbuka. Dia tak sedar bahawa ketika itu monyet, seekor monyet masuk. Masuk nasib baik sentuh saja anak dia. Dia ingat mungkin anak… anak tiri dia kot. Dia sentuh sahaja. Kalau berlaku dia gigit atau sebagainya, bayangkanlah kesannya. Jadi saya mengambil langkah saya mintalah Pengerusi MP… MPKK mengira monyet ini, sebab tak ada orang nak kira. Saya panggil pengerusi MPKK tolong kira. Apa kaedah dia kira, wallahu 'alam bissawab…tapi apa yang saya dapat ialah dia kata ini

4 kampung yang banyak monyet. Dia kira, pengerusi MPKK kira, Pulau Jawa dia kata 80 ekor. Macam mana dia kira wallahu 'alam. Syahbandar 93 ekor, Kuala Pahang 37 ekor, Pulau Serai 14 ekor.

Walaupun ini isu remeh yang tidak sepatutnya dibawa dalam Dewan, tetapi ini adalah penting demi keselamatan penduduk yang terdapat di kawasan-kawasan ini. Jadi saya berharap agar Jabatan Perhilitan dapat memainkan peranan untuk menangkap monyet-monyet ini untuk dihantar ke tempat lain. Khususnya di kawasan saya pembangunan begitu pesat, kawasan begitu kurang terutama kawasan hutan dan saya sarankan agar perkara ini dapatlah diambil tindakan sewajarnya kerana saya nak bangkit Mesyuarat Tindakan Daerah, dah tak ada dah.

Jadi saya nak perlu bangkit dalam Dewan agar boleh diambil tindakan. Ini bukan soalan fahaman politik ini… ini bukan soal fahaman yang berbeza, tapi ini adalah fahaman yang paling penting untuk kita menjaga kesejahteraan rakyat walaupun isunya cuma isu monyet yang kita perlu ambil berat.

Seterusnya ini isu lagi besar yang saya nak bangkitkan pada tengahari ini iaitu masalah yang wujud di Pekan khususnya di pulau jadian. Ini bukan Pulau Bunian, pulau jadian di hulu Jambatan Sultan Abu Bakar. Kita tahu bahawa Jambatan Sultan Abu Bakar ini ialah satu jalan utama yang paling penting bagi penduduk bandar Pekan kerana itulah salah satu jambatan menghubungkan Pekan ke Kuantan selain daripada ada satu lagi Jambatan Paloh Hinai. Tetapi masalah pulau jadian ini di hulu sungai seluas lebih kurang 4 hektar dan pemendapan yang berlaku itu sebanyak lebih kurang 3.28 juta metrik tan tanah di pulau itu. Akibat daripada wujudnya pulau tersebut laluan air ke laut tidak lancar.

Keduanya, kawasan di bawah Jambatan Sultan Sultan Abu Bakar itu sendiri menjadi cetek dan ukuran yang telah saya buat daripada permukaan jambat… daripada atas jambatan ke bawah cuma 5 hingga 6 meter sahaja. Maksudnya, sekarang ialah berlakunya hakisan yang begitu hebat di bawah jambatan itu sendiri. Apa yang kita risaukan ialah pada musim tengkujuh. Pada musim tengkujuh kita tahu Kuala Pahang ini yang terakhir ataupun pekan yang terakhir mengalami banjir kerana air pada hulu semua turun ke kuala.

Ketika air ini turun, ianya turut membawa sampah sarap dan sebagainya. Kalau mengikut teori fizik, apabila sesuatu jisim tekanan itu terlalu berat maka jisim yang bertahan itu akan infiniti. Maksudnya X melebihi Y sama juga infiniti, kalau itu teori fizik. Maksudnya apabila air telah cetek, sampah terlampau banyak, tekanan air dan sampah itu telah menekan struktur jambatan memaksa jambatan itu akan runtuh. Inilah saya cukup risaukan.

Dan itu sebabnya saya dah minta minta jasa baik JPS membantu kerana kita tidak mahu perkara yang sama belaku di negara kita, kes yang sama juga berlaku di Pekan. Saya ambil contoh jambatan konkrit Pulau Setelu Sungai Neggiri Kuala… Gua Musang bukan Kuala Musang ya, Gua Musang pada 14.3.2015, runtuh kerana masalah yang saya sebutkan tadi tekanan sampah terlalu kuat, sungai cetek dan akhirnya jambatan konkrit ini runtuh.

Kita ambil contoh lagi Jambatan Kodundungan di Sabah runtuh pada 14.8.2017 kaedah yang sama juga dan jambatan di Kampung Sejarah, Gerik 30.9, ini baru 2018 runtuh akibat ini. Jadi apa yang saya nak sarankan ialah agar JPS dapat memainkan peranan yang penting agar kerana dari segi teorinya dikatakan jambatan ini di hulunya 1 kilometer tidak boleh dikorek, di bawahnya 1 kilometer tidak boleh

dikorek. Akhirnya pulau itu menjadi lagi besar, bila pulau ini menjadi besar, kesannya seperti saya sebutkan tadi dan masalahnya pula ialah apabila hendak dijalankan pengorekan, difahamkan bahawa gegaran ataupun dengan izin, *vibration,* mengakibatkan struktur jambatan itu menjadi rosak. Ini yang dikhuatirkan. Tetapi saya ingin mencadangkan agar kita sekarang di dunia yang serba canggih kita ada berbagai teknologi.

Saya cuba lihat beberapa teknologi yang sesuai untuk digunakan iaitu kita ada Grab, teknologi Grab, ataupun Clamshell Dredger boleh digunakan yang mengurangkan getaran. Bed Leveler Pla boleh digunakan. Dismountable Cutter Suction Dredger boleh digunakan dan sebagainya.

Tetapi apa saya cuba nak sampaikan ialah kita berharap, kita berikhtiarlah sehingga masalah ini dapat kita atasi dan masalah ini tidak kita biarkan begitu sahaja…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

…kerana apabila kita biarkan masalah itu berterusan…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan sikit.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Ya, boleh-boleh.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya tertarik dengan penceritaan daripada Peramu Jaya berkaitan pulau jadian di sebelah hulu Jambatan Sungai Pahang. Saya nak cuba membayangkan daripada segi geografi. Daripada segi geografinya, kalau ada sesuatu di hadapan maksudnya pulau itu di belakang air mengalir daripada depan ke belakang. Jadi di hadapan itu dah ada pulau tumbuh. Maka apabila pulau itu tumbuh daripada geografinya pulau itu akan menyebabkan yang pertama, mendapan tanah akan membantu kepada padatnya lagi tiang, tiang kepada jambatan.

Yang kedua, daripada segi geografi juga, bahawa pulau jadian itu tadi akan menahan, akan menahan sampah sarap dan juga kayu kayan. Sekarang ni kayu balak dah tak ada dah, ada kayu-kayu kayan saja sikit, yang hanyut tetapi tidak tersadai kepada tiang, tiang jambatan kerana ditahan terlebih dahulu oleh pulau dan kalau pun… kalau pun kayu, apabila air makin besar, kayu tadi akan hanyut tetapi kelajuan hanyutnya mungkin menjadi perlahan kerana banyak pokok-pokok di atas pulau yang menjerat dia untuk bergerak laju. Kalau kosong saja tak ada pulau itu memang laju tekanan dia ha… iaitu geografi iaitu Peramu Jaya. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Tak apa iaitu dari segi teori geografi. Saya bercerita tadi teori fizik, jadi tak kiralah kita nak pakai teori geografi ke, teori fizik ke, tetapi dari segi realitinya apabila

pelaksanaan struktur kita melibatkan fizik, teori fizik yang menentukan, tapi tak apalah saya pun terima kasihlah pandangan geografi pun ada. Jadi alhamdulilahlah baguslah, sahabat kena sokong juga. Jadi untuk itu, saya dah mengambil sedikit masa saya lagi sekali lah, merakamkan penghargaan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang tadi. Dan er… dengan itu saya mohon er… menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Peramu Jaya, kerana menepati masa. Sila Tras.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan hari ini saya nak bangkitkan beberapa isu. Yang, isu pertama adalah peruntukan kawasan bagi ADUN pembangkang. Selepas PRU 14 kami boleh nampak peralihan kuasa di peringkat Persekutuan dan beberapa negeri dan suasana politik pun mengalami perubahan yang besar. Ini telah membawa beberapa pembaharuan yang agak mengalakkan.

Salah satu pembaharuan adalah Kerajaan Persekutuan juga memberi peruntukan kepada Ahli Pembangkang supaya Ahli Parlimen Pembangkang pun dapat menyumbang kepada masyarakat tempatan. Dan apa yang dibanggakan adalah Kerajaan Negeri Pahang dibawah Menteri Besar baru pun juga mengamalkan prinsip demokrasi ini dengan memberi peruntukan kawasan sebanyak RM30,000 kepada Ahli-ahli Pembangkang di negeri Pahang pada tahun 2018 bagi kali pertama dalam sejarah. Ini juga perlu dilihat sebagai satu pencapaian dibawah pimpinan Menteri Besar baru.

Oleh itu saya harap Kerajaan Negeri Pahang juga akan tetap meneruskan dasar tahun lepas iaitu memberi peruntukan kawasan kepada Ahli-ahli Pembangkang untuk menunjukkan Kerajaan Negeri Pahang tetap mengamalkan prinsip demokrasi dan juga menjaga kebajikan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tak kira ahli kerajaan dan juga ahli bukan kerajaan.

Dan isu yang kedua. Saya menerima banyak aduan daripada peniaga di daerah Raub bahawa bayaran papan iklan sinar kedai mereka dinaik daripada RM110 ke RM270. Kenaikan ini adalah melebihi sebanyak 100%. Selain daripada kenaikan cukai taksiran, saya rasa kenaikan papan iklan sinar ini juga akan membebankan peniaga-peniaga. Oleh itu, saya harap pihak PBT Raub dapat kaji semula kenaikan bayaran papan iklan ini dan menurun harga bayaran ini kepada harga yang berpatutan.

Isu yang ketiga saya nak bangkitkan adalah krisis air di daerah Raub. Bekalan air bersih bagi daerah Raub diperolehi dari 8 buah loji rawatan air dengan jumlah kapasiti reka bentuk 60,153 meter bersepadu sehari. Manakala kapasiti pengeluaran telah pun mencapai 54,599 meter bersepadu sehari. Rizab kapasiti semasa berada pada tahap 9.23%. Bagi memenuhi keperluan pembangunan yang sedang pesat dan juga yang berada dalam perancangan, rizab kapasiti bekalan air semasa tidaklah lagi mampu untuk menyediakan bekalan yang selesa. Daripada kajian awal unjuran bekalan didapati bahawa kawasan bandar Raub memerlukan tambahan pengeluaran sehingga 40,000 meter bersepadu sehari menjelang tahun 2025.

Pada masa sementara dengan pembukaan tanah kebun yang begitu pesat, kualiti air mentah menjadi keruh dan menyebabkan Loji Sungai Bilut sentiasa ditutup kerana

ketidakupayaan untuk merawat apabila melebihi 1,000 NTU terutamanya selepas hujan. Berdasarkan statistik, Loji Air Sungai Bilut ditutup sebanyak 85 kali pada tahun 2018. Manakala Loji Air Sungai Klau ditutup sebanyak 42 kali pada tahun 2018. Setiap kali Loji Air Sungai Bilut ditutup, akan menyebabkan lebih 7,500 akaun mengalami krisis air merangkumi lebih 50,000 penduduk. Dan semasa loji air dibuka semula, kawasan-kawasan perumahan yang berada di tapak tinggi memerlukan beberapa hari untuk mendapat air balik kerana tekanan air yang rendah.

Pembinaan loji air baharu adalah langkah jangka masa panjang untuk selesai krisis air di Raub. Manakala pada masa sementara kekurangan infrastruktur seperti pam penggalak dengan izin, *booster pump,* dan tangki simpanan yang mencukupi di kawasan…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh saya mencelah. Minta izin.

Yang Berhormat Tras, saya ingat Yang Berhormat Tras pun tau masalah sebenarnya Loji Bilut ini keruh. Keruh kerana petani-petani mengusahakan tanah-tanah sepanjang sungai. Kita dah bagi nasihat kepada mereka dan panggil tetapi er… petani-petani yang terlibat masih lagi berdegil. Itu punca utamanya. Nak buat loji baharu ini memakan masa ya. Dan loji yang ada ini kalau di… kalau sepanjang sungai itu, tidak dibangunkan secara besar-besaran bila hujan, air keruh dan NTU yang tinggi. Dan saya yakin pihak kerajaan melalui Dato' SS dan juga Pejabat Daerah Raub akan mengambil tindakan yang bersepadu dengan semua agensi kerajaan untuk menyelesaikan petani-petani yang membangunkan tanah yang mengakibatkan air keruh khasnya diwaktu air cheroh…er… air keroh.

Satu lagi yang mengecewakan agak er… sedih sikit lah, Yang Berhormat tau bila bercakap dengan kita, dia sokong kerajaan, bila kita hendak ambil tindakan, dia pusing pulak petani-petani dia kata kerajaan zalim. Yang ini harus kita betulkan pendirian, untuk kepentingan masyarakat yang 7,500 akaun itu tadi. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya rasa nasihat kepada pekebun-pekebun mesti diteruskan tetapi saya tidak setuju ambil tindakan terhadap mereka, kerana saya rasa teknologi masa sekarang masih boleh merawat air er… lebih daripada 1,000 NTU er… *Nephelometric Turbidity Unit*

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ini adalah satu, salah satu teknologi boleh diselesaikan. Bagi saya habiskan dahulu.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Boleh izin sikit… sikit je. Sebab Yang Berhormat DUN Tras pun saya baik dengan dia. Ya. Saya ingat er… saya cadangkan apabila pihak Pejabat Daerah dan juga pasukan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan turun nanti, elok juga dicadangkan libatkan DUN Tras supaya Yang Berhormat DUN Tras juga boleh menasihatkan

petani-petani secara terbuka berdepan. Dia tak boleh mengelirukan keadaan untuk kepentingan hampir 8,000 akaun yang menggunakan Loji Bilut. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya pun telah turun semasa ada er… *briefing,* semasa kami ada memberi nasihat kepada pekebun-pekebun tetapi saya rasa pada masa setakat ini kami tidak boleh ambil tindakan terhadap mereka kerana kami masih ada pendekatan lain untuk selesaikan masalah ini. Oleh itu salah satu adalah infrastruktur seperti *booster pump* dan juga tangki simpanan yang mencukupi di kawasan-kawasan perumahan penduduk-penduduk Raub. Seb..seb.. yang terutamanya di kawasan tapak tinggi. Oleh itu, demi kemudahan orang Raub saya harap Kerajaan Negeri dapat memasang…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Tras... terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Tras menyebutkan soal teknologi, soal *booster pump* dan macam-macam kaedah lain, tapi bukankah itu juga membabitkan kos yang besar dan er… itulah sebenarnya kalau dihimpunkan di seluruh negeri Pahang ini dalam tempoh 30 tahun yang lalu yang telah menjumlahkan hutang kita lebih RM2 billion Yang Berhormat. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tapi ini memang kesusahan yang dihadapi oleh orang Raub, penduduk Raub. Oleh itu infrastruktur yang paling minimum mungkin boleh dibuat untuk selesaikan masalah krisis air di Raub. Oleh itu yang saya kemukakan adalah yang bajet yang paling er… kurang iaitu menggunakan *booster pump* dan juga tangki untuk selesaikan masalah pada..

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua..

YB. ENCIK CHOW YU HUI

… dalam jangka masa yang pendek ini.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon.

Sebenarnya saya amat bersetuju dengan er… cadangan daripada sahabat saya daripada Dong. Iaitu punca utama kita hendak menyelesaikan masalah, kita tengok punca utama. Punca utamanya Loji Bilut ini ditutup kerana kekeruhan yang melampau, ini bukan kekeruhan, kekeruhan yang melampau iaitu NTU yang biasa kita buat reka bentuk ialah er… sejumlah 1,000 NTU, *Nephelometric Turbidity Unit*. Tetapi untuk makluman Dewan Yang Mulia sepertimana yang er… Yang Berhormat er… rakan saya daripada Dong maklumkan, dia punya NTU tu mencecah hingga 10,000. 10,000 NTU unit, maknanya 10 kali ganda daripada apa yang mampu dirawat oleh er… Loji Bilut ini. Sebab itu kalau penggunaan teknologi, teknologi pun sebenarnya tak mampu untuk buat ni kecuali terpaksa kita mengambil langkah-langkah pencegahan.

Sebab itu dalam konteks ini er…. Dicadangkan supaya pendekatan diambil untuk membuat *engagement* dengan… dengan petani sebab petani ni untuk makluman Dewan Yang Mulia, Dato' Sri, ialah petani ini dia di sebelah hulu. Dia menggunakan air daripada loji Tras. Dia loji Tras, ini loji Bilut. Jadi dia, dia duduk di sini tapi bekalan air datang daripada loji Tras. Bila dia tanam di situ, dia majukan tanam Musang King itu secara besar-besaran. Bila hujan je, air yang timbul tu 10,000 NTU maknanya kalau kita ambil juga memang air lumpur tu. Sebab itu loji Bilut ini terpaksa tutup. Boleh kata selang sehari, kalau tiap-tiap kali hujan dan kita ada hampir 7500… 7600 akaun yang melibatkan bandar… bandar Raub dan sekitarnya.

Sebab itu saya amat bersetuju cadangan daripada sahabat saya iaitu er… ADUN Dong supaya kita buat *engagement.* Panggil dengan er… petani tu tunjukkan, awak punya kerja ni menyebabkan orang, 7500 akaun ni termasuk restoran-restoran, sekolah, malahan Sekolah Menengah Sains Raub itu sendiri terlibat dan kita terpaksa ambil air dari sungai Klau untuk menyelamatkan keadaan.

Jadi Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua, er… saya amat bersetuju bila ADUN Dong menyebut pendekatan yang kita ambil oleh pihak Kerajaan Negeri melalui usaha Yang Berhormat Dato Sri SS, kita akan panggil ni kita akan interplate *catchment area* tu dan daripada situ kita tahu lot-lot *number*, kita kenal pasti petani, kita panggil dia dan *engagement* ini kita minta ni YB. Tras hadir sama supaya pendekatan yang terbaik dapat kita tangani dan bukan semata-mata menggunakan teknologi er… untuk merawat. Dia sebenarnya kita cuba pertingkatkan kualiti air mentah itu. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Terima kasih YB. Saya memang setuju *engagement* perlu dibuat dan nasihat perlu diteruskan dan saya memang akan turun sekiranya *engagement* dan juga er… mesyuarat dengan petani-petani saya juga akan turun. Tetapi saya yang pada masa… jang… bagi langkah jangkamasa pendek, saya rasa se… sesetengah kawasan tapak tinggi mungkin boleh guna ha… *booster pump* dan juga tangki simpanan er… sebanyak 1,000 er… 10,000 galon er… boleh selesaikan masalah ini.

Yang ke… isu yang seterusnya saya akan bangkitkan er… adalah er… isu di kawasan Tras bahawa sebanyak 48 orang pekebun di kawasan Tras menerima surat makluman bahawa Syarikat Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang iaitu PKPP akan mengusahakan tanah-tanah yang telah diteroka kerana ianya berada… berada di dalam hak milik HS(D) 79… 7699 PT 1572. Sebenarnya kebanyakan pekebun-pekebun di tempat tersebut telah mengusaha di tanah tersebut beberapa puluh tahun dan telah lama memohon geran tetapi ditolak kerana kali oleh *authority* berkenaan.

Saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi penjelasan mengapa tanah tersebut boleh diberi kepada Perbadanan Kerajaan Negeri tetapi menolak permohonan daripada pekebun-pekebun kecil yang telah berpuluh-puluh tahun mengusaha di tanah tersebut.

Sepatutnya Kerajaan Negeri harus memberi pertimbangan keutamaan kepada pekebun-pekebun tersebut dahulu kerana mereka sudah meneroka tanah tersebut beberapa puluh tahun juga banyak menyumbangkan kepada ekonomi tempatan dan negeri. Oleh itu saya haraplah Kerajaan Negeri dapat berunding dengan pekebun-

pekebun tersebut dan dapat kaji semula dan pertimbang semula untuk memberi keutamaan kepada pekebun-pekebun untuk mohon tanah…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya nak jelas sikit pada Yang Berhormat DUN Tras. Sebenarnya dalam kes ini, Kerajaan telah meluluskan tanah ini kepada LKPP dulu, lama dah. Sekarang nama PKPP dan baru-baru ni, bukanlah baru, dua tiga bulan lepas, saya bersama dengan Dato' apa ni… Wakil Kerajaan ADUN Batu Talam telah panggil semua peneroka ini. Kita buat di Hotel Indigo ya... Indigo dan semua pekebun-pekebun ini bersetuju dengan pandangan-pandangan kita. Tetapi lepas 2 minggu datang balik, tak tau siapa menghasut, dia berjumpa dengan pemimpin DAP dah lain macam pula. Jadi caranya nampak tak nak mencari jalan penyelesaian yang telah dipersetujui. Jadi serah pada undang-undanglah tanah-tanah. Saya dah bagi berunding elok-elok. Dah bersetuju tetapi 2 minggu lepas itu macam-macam berlaku. Saya kira ini pihak kerajaan harus ambik tindakan yang tegaslah. Rundingan telah dibuat, persetujuannya ada, *detail*nya ada tetapi pusing balik. Terima kasih Dato' Sri.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Mesyuarat tersebut saya tidak dijemput untuk menghadiri.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Itu tidak jemput bukan soal lain. Soalnya kitalah.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tapi sekiranya saya… mesyuarat di… menjemput saya, saya akan pergi dan saya rasa jika rundingan dijalankan, beberapa pendekatan boleh diambil seperti penyewaan tapak oleh pekebun atau permohonan pajakan kecil sebahagian tanah yang sedang diusahakan untuk satu tempoh yang dipersetujui bersama. Pendekatan-pendekatan tersebut pun perlu mendahulukan kepentingan pekebun-pekebun sebagai tanda penghargaan sumbangan mereka sebagai peneroka di tanah tersebut.

Terakhirnya, saya nak betulkan keadaan YB. Kemayan tadi. Sebenarnya Pulau Pinang sudah selesai hutang melalui penstrukturan semula bekalan air sebelum tahun 2018 iaitu sebelum PRU14. Masa itu, saudara Lim Guan Eng pun belum jadi Menteri Kewangan. Oleh itu, penuduhan terhadap Lim Guan Eng selesaikan hutang Pulau Pinang selepas beliau menjadi Menteri Kewangan adalah tidak betul. Persoalannya adalah walaupun pada masa itu Pulau Pinang ditadbir oleh Pakatan dan Persekutuan masih Barisan Nasional, penstrukturan semula bekalan air juga dapat diselesaikan. Kami nak tanya mengapa Pahang ambil masa yang lama untuk penstrukturan air begitu lama. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Yang di-Pertua,

Saya nak mencelah sikit. Tapi nak tunggu habis er… Tras er… menghabiskan ayat-ayat dia. Saya tertarik sebab apa… akhir sekali dia sebut Pulau Pinang, maknanya

Tras ini bila kita bangkitkan soal di negeri lain tu, dia pun bangkit untuk memperjelaskan keadaan di negeri yang diperintah oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi oleh kerana ada *relevan*nya saya nak maklumkan begini, er… sebenarnya semasa saya bertemu dengan er… petani kan yang nampak ada gambar, saya terbaca dalam surat khabar … melihat dalam surat khabar ada surat khabar er… Cina yang saya tak leh faham lah tapi nampak gambar tu termasuk er… petani-petani yang memprotes di kawasan Tras tu… kan… mengatakan pelbagai lah.

Tapi pada masa yang sama untuk makluman ADUN Tras, sebenarnya terdapat sekelompok petani dan juga pekebun yang telah mengusahakan tanah di Perak. Yang di Perak tu bertahun dah… puluh tahun dia dekat situ. Tapi kerajaan Perak merampas tanah itu… merampas tanah itu, petani-petani Melayu, diketepikan dan malahan bila dibangkit perkara ini, pihak ini Wakil Kerajaan telah mengugut sekiranya tidak diberhentikan demonstrasi seumpama itu, dia akan mengambil tindakan undang-undang. Sedangkan petani ini mengatakan dia dah mengusahakan berpuluh-puluh tahun dah, dia kabor. Mengapa tidak diberi pertimbangan.

Jadi atas dasar sebenarnya yang kerajaan kebetulan bila saya semak, saya semak juga kerajaan mana ini, rupanya kerajaan yang dipimpin oleh Pakatan Harapan yang mana ada parti yang diwakili oleh ADUN Tras ini tadi menjadi anggota salah satu daripada er… anggota pentadbiran tersebut. Jadi sebenarnya berlandaskan kepada apa yang diperjelaskan oleh er… Yang Berhormat ADUN er… Dong tadi sebenarnya kalau dah penyelesaian, perundingan, persetujuan pada peringkat awal tidak di er… persetujui ataupun diingkari, maka jalan yang terbaik saya ingat kena ambil melalui penekanan perundangan itu yang terbaik. Tapi kalau ada kompromi, ada persefahaman, itulah pendekatan yang diambil selama ini oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Pahang sejak zaman-berzaman. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon sikit laluan kerana di perhujung perbahasan Tras tadi, dia membangkitkan persoalan kenapakah Pulau Pinang boleh selesai, kenapa Pahang terlalu lama nak selesai? Sebenarnya kalau kita mengikuti sesi Dewan daripada pagi tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menjawab soalan pertama berkaitan dengan hutang negeri. Sebenarnya itulah penjelasannya. Untuk diringkaskan sekali lagi Yang Berhormat dan untuk seluruh yang di Dewan, mudahnya kenapa kita ni tidak boleh diselesaikan lagi kerana perundingan ini membabitkan pelbagai aspek. Jadi kenap… ringkasnya, Pulau Pinang bagi setiap satu kilometer, Yang Berhormat, dia ada 385 akaun pengguna dan negeri Pahang, bagi setiap kilometer perkhidmatan kita hanya ada 124.

Jadi kalau kita yang belajar tentang ekonomi, kita belajar tentang industri perniagaan ringkas Yang Berhormat Yang di-Pertua, tidak ada *economy of skills*, ini selalu yang diungkapkan oleh mantan er… Menteri Besar kita, wakil daripada Pelangai, paip kita panjang sangat, ya… 14,000 km boleh pergi balik London, itu kalau tak salah ingatan saya. Bukan soal panjang atau pendeknya, tapi perbandingan dengan jumlah pengguna yang terlalu kecil maksudnya tidak memberikan pulangan Yang Berhormat. Jadi, sebab itulah kita tak menyelesaikan lagi. Dalam usaha nak

menyelesaikan perundingan ini, ada satu jumlah hutang yang mungkin tak mampu kita bayar Yang Berhormat, ya dalam jangkamasa yang singkat.

Jadi sebagai apa, kesannya maka tak jelas yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, akan mengambil alih seluruh aset kita, dan kalau kaedah ini diteruskan, kita bimbang ini akan jadikan satu hutang jangkamasa panjang Kerajaan Negeri yang terlalu lama, dan akhirnya kita takut aset-aset kerajaan negeri ini akan terpaksa diserahkan kepada Persekutuan.

Satu-satunya cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menaikkan tarif. Tetapi bagi satu negeri yang tidak ada *economy of skills,* seperti Pahang, kalau kita nak naik tarif pun, rasanya akhirnya tarif kita akan jauh lebih tinggi daripada negeri-negeri seperti Pulau Pinang. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendekatan itu. Inilah sebenarnya yang sedang kita rundingkan dengan Persekutuan dan sehingga hari ini Yang Berhormat, kita belum mendapat maklum balas daripada persekutuan, atas apa yang telah dipohon oleh Kerajaan Negeri untuk terma-terma yang kita cadangkan.

Yang Berhormat sendiri tengok sepertimana pengumuman Menteri KATS baru-baru ini, yang mengumumkan 6 negeri bersetuju menaikkan tarif, 2 negeri dalam rundingan tanpa menamakan negeri-negeri itu, maknanya apa? Maknanya Dato' Sri Yang di-Pertua, maksudnya kita masih lagi dalam kekusutan. Ini bukan soal politik tapi kita jadilah seorang warganegara, warganegeri bertanggungjawab. Kita selesaikan masalah ini sebijak-bijaknya. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Yang di-Pertua,

Saya memang er… harap penstrukturan semula bekalan air Pahang er… dan juga Persekutuan er… kira pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri boleh mempercepatkan proses ini, ya memang saya, saya sokong bahawa Kerajaan Negeri pun boleh bawa isu ini, ke Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan pun mesti selesaikan secepat mungkin.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

dan sikit lagi Yang di-Pertua,

Sekali lagi eko… apa menyokong apa yang disarankan oleh wakil daripada Dong, Yang Berhormat kena beri kerjasama kepada kerajaan menjelaskan bahawa penerokaan haram ini, memudaratkan kita. Bagi Yang Berhormat, mungkin *booster pump* itu mungkin loji baru ini tidak… tidak apa ni… memperikutkan kos yang besar, betul kalau di Bilut sahaja. Tapi keseluruhannya Dato' Sri Yang di-Pertua, sekarang ni operasi paip kita ni Dato' Sri Yang di-Pertua, setiap bulan kita mengalami defisit lebih kurang 10 juta. Jadi bayangkan bila paip beroperasi dalam keadaan begitu, Yang Berhormat bayangkan kalau Yang Berhormat ini, ya… dalam keadaan serba kekurangan terpaksa beroperasi di barisan hadapan, bawa lori kan… bagaimana peng… apa… pengguna-pengguna yang tidak faham keadaan semasa kena marah, kena maki. Jadi kita sama-sama perlu *empathy* dalam masalah ni Yang Berhormat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita tengahari ini, dan persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan]

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat untuk kita membahaskan Titah Ucapan Diraja. Baiklah, saya buka sekarang. Pulau Manis, sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan ruang dan peluang pada petang ini kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Diraja dalam persidangan Dewan pada kali ini.

Yang pertamanya, saya menjunjung kasih di atas Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Al-Mustafa Billah Shah yang telah berkenan mencemar duli untuk berangkat bagi menyempurnakan er… persidangan Dewan kita pada kali ini dan seterusnya menyampaikan Titah Diraja. Seterusnya saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke atas Al-Sultan Abdullah Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang telah pun er… dilantik sebagai Sultan Pahang dan seterusnya dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua,

Tahniah saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita yang baru diberikan mandat setelah 10 bulan dapat memimpin kita bersama-sama dengan barisan Exconya bagi memimpin negeri Pahang dan telah pun menggaris lapan perkara yang telah dibentangkan dalam ucapan beliau er… dalam pertanyaan yang telah dibentangkan oleh sahabat saya, ditanya oleh sahabat saya daripada Padang Tengku. Jadi kita telah nampak apa gerak kerja yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan barisan Exconya. Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Perkara seterusnya, saya… Dato' Yang di-Pertua nak maklumkan pada kali ini saya cuba untuk bercakap dengan nada yang lembut la. Saya nak cuba sebab saya ini kalau terlampau lembut tak menjadi juga.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ikut kesesuaian la.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Haa… ikut kesesuaian. Yang pertamanya, di dalam Dewan Yang Mulia ini saya merasa patut saya sampaikan satu perkara yang saya rasa benar-benar kalau kita

dapatlah melaksanakan dia akan menjana kepada pendapatan negeri Pahang yang lebih besar lagi. Iaitu… kita rupa-rupanya selama ini dalam kaedah membayar cukai tanah di pejabat tanah, kita hanya terikut dengan peraturan bayaran mengikut tahunan. Maksudnya tahun ini kita bayar untuk tahun ini. Datang tahun depan kita bayar untuk tahun depan. Jadi saya rasa, kepada masing-masing yang berkemampuan yang mungkin boleh melunaskan bayaran sehingga 5 tahun atau 3 tahun, kita patut mempraktikkan kaedah ini seperti kita mempraktikkan kaedah membayar er… lesen memandu kita.

Dulu-dulunya kita bayar setahun-setahun juga. Tetapi kemudiannya ditukar peraturan maka akhirnya kita boleh membayar lesen kita 5 tahun sekali bayar. Jadi dalam masa 5 tahun itu, sekali saja kita pergi ke pejabat pos untuk melaksanakan pembayaran. Dan saya rasa kalaulah kita memperkenalkan kaedah yang seperti ini kepada rakyat negeri Pahang, insya-Allah perkara yang belum berlaku lagi pada 5 tahun yang akan datang, kita dah dapat bayaran. Macamlah kita bayar apa ini er… kad *touch and go*. Kita dah bayar dah duit ke depan. Kita baru guna atau kita lakukan. Jadi begitulah pandangan saya yang pertama pada petang ini.

Kemudian, perkara yang kedua yang hendak saya ulaskan juga di sini ialah berkenaan dengan apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi tadi iaitu tentang banyaknya pengorbanan kita negeri Pahang terhadap kerajaan dan negara. Sebagai contoh yang pertama sekali kita melaksanakan peraturan simpan hutan. Apakah tujuan kita simpan hutan? Kerana kita nakkan tadahan air, air kita tidak kering. Dan yang keduanya, untuk keselesaan binatang-binatang liar yang ada tempat lagi.

Dahulu ataupun suatu ketika dahulu pernah orang berkata, bahawa binatang-binatang liar dah tak ada tempat tinggal dah. Sebab itu diaorang marah kita buat FELDA ini kerana kita kononnya menghapuskan keselesaan tempat tinggal dan sebentar pada pagi tadi er… YB daripada Peramu Jaya boleh bilang pula berapa ekor monyet. Monyet dah tak ada tempat tinggal, tinggal dalam kampung. Saya… saya tadi nak usik jugak nak tanya dalam bilangan ekor itu, tahu tak berapa jantan berapa betina. (ketawa) Tapi malas la fikir-fikir.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, eloklah… eloklah sekiranya Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita melaksanakan apa yang disebutkan tadi, iaitu kita mendapatkan pampa… er… pampasan daripada pihak kerajaan pusat terhadap pengorbanan kita ini dan seterusnya juga kepada TNB pun yang kita rasa telah kita berikan peluang untuk menggunakan kawasan kita sebagai kawasan untuk melaksanakan empangan.

Kawasan untuk membuat laluan ya, kabel elektrik, banyak kawasan tu. Memang kalau nak kirakan begitu besar sekali. Jadi saya berharap la kalaulah dapat kerjasama daripada kerajaan pusat, dapat kerjasama daripada TNB dan apa-apa sahaja agensi yang berkaitan dengan penggunaan tanah di negeri kita Pahang ini, insya-Allah. Insya-Allah, perkataan atau ayat RM17.1 bilion boleh kita kumpul kepada Kerajaan Negeri Pahang dan betullah kata dek Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh kita bayar hutang secara *cash*. Tak perlu kita nak bayar bulan ini sekian, bulan depan sekian. Haa… gitu cara dia. Jadi saya sangat bersetuju la ya… dengan pandangan tersebut.

Kemudian, perkara yang seterusnya ialah berkaitan dengan rakan-rakan saya di sebelah sana. Saya tahu di sebelah negeri Pahang ini rakan-rakan bertindak sebagai pembangkang kepada Kerajaan Negeri Pahang tetapi dalam hakikat sebenarnya

pada hari ini, rakan-rakan adalah kerajaan ya… adalah kerajaan. Apabila rakan-rakan daripada Pakatan Harapan, maka rakan-rakan adalah kerajaan yang sedang mentadbir, yang sedang memerintah. Saya nak beritahu, bukan saya nak mengajar… saya nak beritahu, tak perlu perkara-perkara yang sebenarnya memang tak boleh nak diuruskan oleh Kerajaan Negeri dibawa dan dibentangkan di sini. Bawa terus… bawa terus pergi ke Putrajaya sana. Pergi jumpa dengan menteri-menteri yang berkenaan dan boleh pergi jumpa terus dengan Timbalan Perdana Menteri ataupun Perdana Menteri kerana er… apa ini rakan-rakan dikenali. Saya diaorang tak kenal ya. Yang sebelum ini dulu kerajaan dahulu kenal saya.

Ha… tapi sekarang tak kenal. Dulu orang kata tak dapat pergi ke Putrajaya Tingkat 5 boleh pergi ke Jalan Langgar, sekarang tak boleh dah, tak ada makna dah. Jadi saya nasihatlah, kalau ada perkara-perkara yang disebut macam-macam tadi, itu sebab saya cuba mencelah, tapi tulah, bila kita cuba mencelah dia, dia rasa tak tahulah kenapa ya... mengiya pun tidak, menidak pun tidak, pelik sungguh. Ha… tu cerita, pelik sungguh. Jadi Dato' Yang di-Pertua, itu lah pandangan saya kepada rakan-rakan di sebelah sana.

Kemudian perkara yang seterusnya, ha… ini berkenaan dengan apa yang telah saya cuba apa ni... minta pandangan daripada rakan saya daripada Semantan, er... daripada apa ni... Kemayan ha... berkenaan dengan buluh tadi dan juga berkenaan dengan apa ni... satu lagi saya sebut tadi ha... buluh dan ketum yang dicadangkan oleh kerajaan daripada sebelah sana. Jadi sekarang ini, saya nak beritau begini je, sebenarnya waktu Pilihan Raya Kecil, PRK di Cameron Highlands, saya memang lalu ikut Koyan dan dalam perjalanan tu saya melihat pokok buluh, pokok buluh yang tumbuh di kiri kanan jalan cukup banyak, cukup orang kata terlalu banyaklah. Jadi saya mengingat kepada cadangan dan pendapat daripada Yang Berhormat Menteri.

Jadi sekarang ini saya nampak dalam sahabat-sahabat saya waktu berborak-boraklah, jadi saya kata buluh kita ini banyak. Tapi kalaulah Pakatan Harapan nak cuba suruh ajak kita tanam buluh, cuba proses dulu buluh-buluh ni, cuba ambil dulu buluh-buluh yang ada kiri kanan jalan ini apa yang boleh dibuat. Sebab semasa saya mengikut Yang Berhormat apa ni… daripada Yang Berhormat apa ni... pelancongan. Ha... dia bawa saya berjalan pergi ke Chengdu. Ha... buluh ini memang berguna, buluh memang ditanam tetapi tanaman buluh itu ialah untuk makanan kepada panda. Maka panda yang ada di dalam kawasan Chengdu ini tadi memang selesa hidupnya kerana dia diberi makan dengan makanan buluh yang ditanam oleh manusia bukan buluh yang tumbuh dalam hutan. Ha... itu yang kita nampak ada sebab kenapa kerajaan di sana menggalakkan tanaman buluh.

Jadi kalau kita juga minta buluh untuk sebagai ganti sawit, cuba dulu. Yang saya tahu sekarang ini yang pertama sekali digunakan kalau apa ni… dibuat rebung, dibuat apa ni… bakul ha... dibuat kalau musim apa ni… bulan raya dibuat untuk masak lemang. Kalau zaman saya budak-budak dulu dibuat untuk bakar meriam. Ha... tu dia ya. Jadi kena cari buluh untuk bakar meriam bukan semua buluh boleh. Buluh yang macam mana tebal itu saja yang boleh. Operasi nak menebuk dia punya apa ni… ruas-ruas dia tu, bukan senang-senang. Kemudian nak tebuk pula supaya sumbu boleh masuk ke dalam sebab kita letak dia punya kabait, satu juga sebab dan bagaimana kekuatan dia, ha itu buluh nak bakar meriam daripada kabait. Jadi ada guna, tapi sekarang ni suruh je tanam buluh. Tanam buluh nak buat benda tak diceritakan. Jadi yang dah ada ini patutnya praktikkan dulu.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta laluan. Sila Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya amat menarik tentang kenyataan dari Pulau Manis. Betul bila Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands, saya melalui Raub pergi ke Cameron Highlands, kita nampak buluh di sebelah jalan, ramai sangat sahabat saya selaku Ahli Parlimen Kawasan Bentong ni dia pengerusi MTIB. Apa yang saya tahu MTIB, buluh adalah salah satu apa tu... kategori dari MTIB itu. Jika Wakil dari Pulau Manis minat sangat er... bila MTIB ada taklimat tentang buluh, saya boleh ajak sama sekali Wakil daripada Pulau Manis untuk menyertai kerana banyak er... apa tu *knowledge* tentang buluh itu kita tak tau termasuk saya. Baru… baru tadi, baru-baru… apa tu er... sahabat saya ahli... pengerusi MTIB beritahu saya buluh memang ada banyak kebaikan dan kegunaannya banyak tetapi sebelum ini kita langsung tidak tahu hanya tahu untuk buat lemang saja bila hari raya. Itu saja.Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasihlah sahabat saya. Saya baru cerita bab lemang je. Saya sebenarnya tak kan saya nak bagi pulak beberapa perkara. Tapi oleh kerana dah cakap macam tu, saya nak beritahulah. Patutnya nyatakanlah kegunaan buluh. Kalau saya pergi ke apa ni… Guangzhou itu hari. Saya nampak buluh digunakan untuk membuat *staging* dengan buluh tu. Saya pergi ke Jakarta begitu juga saya terkejut bandar Jakarta tapi bukan dia guna *staging* yang kita buat daripada besi ini, dia buat daripada buluh. Buluh dia cantum keliling bangunan 20 tingkat, 25 tingkat untuk mengecat untuk membuat pembersihan bangunan.

Jadi terangkan apa gunanya. Itu yang saya kata. Kalau disebut dia suruh tanam, rakyat jadi peliklah. Bukan begitu faham ya, maksud saya tadi begitu. Baiklah perkara yang seterusnya, oleh kerana saya berjanji dengan Ibam sebenarnya, kecek dia supaya saya diberi laluan dulu, jadi saya dah mula nak cepat-cepat.

Seterusnya saya nak tanyalah, sebab apa perkara ini baru 3 hari lepas dalam surat khabar. Saya ini memang suka baca surat khabar pagi-pagi. Kalau tak baca pagi tu, ha… malam karang dekat nak tidur baru baca. Jadi kebetulan saya baca pagi di muka hadapan kulit surat khabar tu terpampang gambar Tun Daim Zainuddin.

Dia menyebut beri tempoh… beri kami tempoh 6 bulan untuk kami ubah untuk kami tunaikan segala janji. Jadi sekarang ni saya nak tanya siapa Daim Zainuddin ni? Sebab besok saya bimbang dia akan jadi, dia bercakap… dia yang bercakap, saya bimbang orang yang berkuasanya bukan dia, orang yang berkuasa sekarang ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga dengan barisan Menteri-Menterinya dan masing-masing tidak berkata…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sikit je.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Pulau Manis.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Wakil daripada Pulau Manis ini, dia biasalah dalam Pakatan Harapan ni, dia banyak *proxy*, ha... sebab yang berkuasa sebenarnya bukan orang tersebut yang di depan tu hanya sekadar orang panggil hiasan saja, terima kasih, untuk *cover... cover* untuk *cover*. Macam Tun Daim Zainudin dia bercakap ha... mesti ada orang suruh dia bercakap itu, dia macam Yang Berhormat Yang Di-Pertua, itu cara diaorang, cara kita lain, kita *transparent.*

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ha... jadi dia menggunakan kaedahnya apa yang nak disampaikan ke orang lain bercakap

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh beri laluan tak?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Oh! Pula dah.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Untuk makluman Dewan ini, Tun Daim Zainuddin ini adalah Penasihat Kabinet, jadi bukan orang biasalah, terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Itu…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sekejap ya. Maknanya betullah er... apa namanya ini dakwaan daripada Perdana Menteri bahawa Menteri-menteri Pakatan Harapan ni dia cakap dia rasa agak terkilan sikit kerana mungkin kurang pengalaman kerana Kabinet pun perlu penasihat. Sepatutnya Kabinet ni menasihat kita baru betul. Macam Kerajaan Negeri Pahang, kita tidak ada penasihat-penasihat, penasihat kita adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ha... kecuali Yang Berhormat Menteri Besar tanya pendapat, kita pun tanya apa pendapatan, kalau tanya pendapat, apa pendapatan sebagai contoh, terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih ya. Saya yang telah *respond* perkara ini. Saya tahu Tun Daim tu penasihat, saya tahu tapi saya nak nyatakan di dalam Dewan ini ialah kenapa dia yang jadi orang yang masuk surat khabar mengumumkan beri kami tempoh 6 bulan. Dia nasihat, nasihat kepada batang tubuh, batang tubuh umumlah. Dia duduk di luar, di belakang tabir atau di mana-mana pinggir. Tapi maknanya biarlah orang yang dinasihat itu mengumumkan. Itu maksud saya. Kemudian yang keduanya pula dia…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Manis pihak Exco nak jawab.

YB. DATO HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih Yang di-Pertua,

Saya nak bagi pengetahuan kepada Tanah Rata. Saya bertugas dengan Daim tahun 1988 hingga 1990 dan saya tahu siapa itu Tun Daim Zainuddin, sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat tahu ya. Yang berhormat Pulau Tawar nak memaklumkan saja. Kawan Yang Berhormat ya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Okay, itu makluman daripada Pulau Tawarlah. Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa itulah perbandingan-perbandingan yang saya bawa ke Dewan ini bagi membezakan di antara kerajaan yang betul-betul mantap dengan kerajaan yang baru belajar. Jadi, Dato Yang di-Pertua, tak payahlah saya menyebutkan tentang daripada berbagai-bagai janji itu, janji ini, sekarang ini janji 6 bulan pula, tak payahlah dah. Saya rasa kita semua kena faham.

Perkara yang seterusnya yang saya nak bawak ke dalam dewan ni telah pun dibawa oleh rakan-rakan iaitu tentang kesetiaan kita kepada raja dan negara, ketaatan kita kepada agama. Jadi, sekarang ni saya tertarik kepada satu peristiwa… peristiwa di mana dalam bulan 3 yang lalu… 14 hari bulan 3 ke… ke 4 hari bulan 3… tak ingat saya, saya minta maaflah iaitu Yang Berhormat Menteri Luar telah pun menandatangani bagi pihak kerajaan negeri, *statute rome.* Jadi sekarang ni, bila dah tandatangan ini heboh, heboh negara kita.

Saya pun merasa bimbang dengan masalah yang berlaku ini. Tapi oleh kerana kepekaan raja-raja kita yang 8 orang. Bila raja-raja kita dalam keadaan begini, dia ingin tahu… ingin tahu, ingin penjelasan kenapa ditandatangan? Bagaimana penandatangan itu? Apa yang kelebihan kepada kita? Negara kita, apa kelebihan kepada kumpulan ini tadi? Jadi, setelah diberi penjelasan itu tadi, maka kita mendapati bahawa bahawa raja-raja mungkin tidak bersetuju dengan keadaan ini dan terpaksa meminta bantuan daripada 4 orang yang bijaksana dalam perundangan bagi menasihati dan membentangkan kepada raja-raja.

Maka berlakulah pada hari Isnin sebelum er… yang baru ni dulu, satu mesyuarat khas Majlis Raja-Raja bersidang dan dalam mesyuarat khas tersebut setelah 4 orang er… apa ni profesor daripada beberapa buah universiti membentangkan, maka

akhirnya kita mendapati bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik, menarik balik. Jadi, sekarang ini saya nak rasa malu kita. Sebab itu kalau kita buat suatu benda, rancang dulu, bincang dulu, dah kemas betul ha… baru kita tandatangan. Ini tidak! Kita tandatangan tergopoh-gapah, lepas itu kita minta kita bahas, lepas itu kita boleh tarik balik. Satu dunia tahu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun menyebut saya berasa malu dia kabor, negara saya ni rasa malu kita sebab dah tandatangan tarik balik tapi kerana… kerana apa-apa dia sebut, kita tarik balik.

Jadi, itulah saya berharap pada rakan-rakan bahawa perkara-perkara gini kalau boleh sesuatu perkara tu biar kita habis dulu. Sebab itu Tuanku ada bertitah, dia kata nak memilih pemimpin yang, yang baik ya, makna pemimpin yang pandai. Ada pantun dia.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, ada 2 perkara lagi. Yang kesembilan dengan yang kesepuluh tu. Mana pula kertas…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Hilang kertas… ada Yang Berhormat?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ada 2 lagi… yang kesembilan dengan yang kesepuluh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau tak ada, gulung ajelah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ah… haa ni… jumpa dah, iaitu berkaitan dengan Tabung Haji. Tabung Haji kita… sedih rasanya apabila dalam sejarah diumumkan kita hanya mampu membayar hibah 1.25%. Tak pernah berlaku dalam sejarah dan kesalahan itu, kenapa bayaran hanya boleh dibuat sebanyak ini, kerana tanggungjawab dan kesalahan yang dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu. Balik-balik cerita kerajaan dulu salah, balik-balik cerita kerajaan dulu yang salah tapi tak apalah. Sebab saya nak beritahu. Saya nak beritahu bahawa Tabung Haji ni sebenarnya dia dah jual dah tanah TRX itu dia dah jual dah.

Dulu dia yang orang kata melenting, melenting bukan main lagi kerana kerajaan kita jual apa ni kepada Tabung Haji RM193 juta. Tapi bila dia memerintah sekarang ni, dia jual dengan RM221 juta. Makna untung RM20 juta. Dengan keuntungan Tabung Haji tadi campur pula lagi dengan jual beberapa perkara lagi, maka jumlah jumlah aset Tabung Haji yang dijual. Aset tu bernilai RM10 bilion tetapi dijual sehingga mendapat RM19.9 bilion. Maksudnya ditolak kepada harga pokok, ada untung RM9.9 bilion. RM9.9 bilion inilah dikatakan diuar-uarkan bayar hutang Tabung Haji RM4.3 bilion. RM9.9 bilion tolak RM4.3 bilion ada lagi… yang itulah bakinya nak bawa sebahagiannya membayar hibah. Nak bayar hibah katanya sampai ambil RM4 bilion tapi yang diguna pakai RM930 juta untuk pendeposit RM9.3 juta.

Orang-orang Islam sekarang ini hanya nampak, hanya diberitahu bahawa kita ni ada tapi itulah semangat kami, semangat kami, bangsa kami, bahawa kami tidak mendesak, tidak mendesak rakan-rakan dan anak buah supaya keluar dari Tabung

Haji. Kalau ikut nak marah keluar dah tapi jangan keluar, sebab apa? Kalau kita keluar daripada Tabung Haji, bermaknanya Tabung Haji itu sendiri akan tumbang. Adakah ini matlamat Pakatan Harapan? Ha, ini saya nak tanya.

Saya tidak ralat sebab saya adalah pernah menjawat jawatan Pengerusi Penasihat Tabung Haji Negeri Pahang. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lalu lantik saya. Memang saya bermesyuarat di Tingkat 32 Tabung Haji dan saya tahu apa aset-aset yang dijual. Tetapi sebenarnya pada kami kalau nak kata tidak pun susah, nak kata ya pun susah. Betul… Tabung Haji sekarang ini dengan hotel-hotelnya kalau kita lihatkan sepanjang tahun, memang betul gajah putih. Mana ada orang datang duduk. Sebab dia jauh daripada bandar. Dia duduk dekat lapangan terbang. Jadi, dia digunakan oleh umat Islam untuk menunaikan fardu haji di mana lapangan-lapangan terbang yang terbang terus ke Jeddah.

Maka penerbangan tidak dibuat lagi di KLIA. Lapangan terbang terus dibuat dari Sabah ada, dari Sarawak ada, dari Terengganu ada, dari Kedah ada. Saya sempat sekali dalam perasmian Tabung Haji Kedah. Memang betul, kalau kita lihat dia memang akan jadi gajah putih. Tapi bentangkanlah kepada rakyat. Biar rakyat tahu perkara ini diambil semula dan akan diurus tadbir semula untuk menjana pendapatan Tabung Haji, bentangkan. Jangan rakyat tahu melalui senyap-senyap. Ha ini perkara ini sebab itu maruah kami. Maruah umat Islam.

Tabung Haji zaman saya itu hari membincang dan merancangkan bahawa kami tak mahu lagi umat Islam nak pergi naik haji bersepah larah. Ada duduk hotel sana, ada duduk hotel sini, kapal terbang dah nak berlepas tak sampai lagi. Asyik peluk ngan cucu, anak, driver kereta, jammed jalan tak sampai. Itu sebab dia buat setempat supaya kemudahan, kemudahan terbang itu bersama-sama semua ada. Ha yang menarik diri, awal-awal dah tarik diri. Ha, ini cerita dia. Jadi, kalau boleh ya, saya minta perkara ini dapat, dapat bantulah sama-sama kita. Tak ada penganiayaan selama ini, jadi janganlah membalas dendam pula dengan suasana yang seperti ini.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, kering dah tekak saya ini. Jadi, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya bentangkan pada petang ini sebab saya cari yang kelapan dengan yang kesembilan tak jumpa, tak tahu ke mana menyoroknya. Jadi, Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jadi, masa pun tak ada.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi, Dato' Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa pun dah tak ada, Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi dibagi peluang pada petang ini. Dengan, dengan itu, saya Pulau Manis pun mohon menyokong. Sekian Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat berucap penuh semangat sebab tu kering tekak tu. Sila, Tanjung Lumpur… Lepas tu Bukit Ibam la nampaknya. Sila Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. [Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Yang di-Pertua, pertama-tama saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan untuk turut mengambil bahagian dalam ucapan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Pada hari… hari yang pertama yang mana Duli Yang Maha Mulia di dalam Titah Ucapannya telah menyampaikan kata bidalan;

> Kalau nak mandi pertama teluk, kedua pantai.
> Kalau nak pilih pemimpin negeri,
> Yang pertama elok, Yang keduanya pandai.

Katanya lah. Jadi saya er… juga nak er… membalas kata bidalan tersebut.

> Kalau rambut ikal mayang,
> Pertama ikat, kedua jalin,
> Kalau nak jadi pemimpin yang disayang,
> Pertama solat, yang keduanya rajin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Sehubungan dengan itu Allah SWT berfirman di dalam Al-Quran [bacaan dalam Bahasa Arab]. Orang-orang yang dikurniakan kuasa pemerintahan [bacaan dalam Bahasa Arab] "di atas muka bumi maka tegakkan lah solat". Para ulama menyebut [bacaan dalam Bahasa Arab] di sini iaitulah kewajipan sebagai seorang pemimpin tegakkan solat ke atas diri dia. Yang kedua, tegakkan solat ke atas kaum keluarganya, dan yang ketiganya tegakkan juga solat ke atas rakyatnya. Maka di sana suka saya mencadangkan pihak kerajaan supaya mengambil inisiatif sebagaimana inisiatif yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu yang mana mereka membuat penguatkuasaan untuk berhenti memberi laluan kepada peniaga-peniaga, pengunjung di pasar malam 15 minit selepas daripada solat maghrib supaya peniaga-peniaga dan juga pengunjung pasar malam dapat mengerjakan solat maghrib.

Ini adalah inisiatif yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Terengganu dan Kelantan dan alhamdulilah dapat berjalan dengan lancar sehingga kini. Insya-Allah, walaupun kita melihat pihak Majlis Agama, Jabatan Agama, memang mereka melakukan gerak kerja dakwah ini tetapi apa yang dicadangkan itu adalah sebahagian daripada inisiatif sebagai tanggungjawab kita sebagai pemimpin untuk menegakkan solat itu kepada… kepada rakyat.

Yang keduanya saya nak membawa sedikit isu nelayan. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa er… nelayan, er… nelayan ni dari sudut apa er… apa dari sudut itu

adalah sama mana-mana nelayan. Tak kiralah di Beserah ke, di Tanjung Lumpur dan sebagainya. Tetapi di Tanjung Lumpur ni lebih teruk memandangkan kerana nelayan di Tanjung Lumpur ni berada di pinggiran bandar, yang kita pasti bahawa apabila berada di pinggiran bandar duduk di pinggir bandar ni, memang mereka terpaksa berhadapan dengan kos yang tinggi. Sama ada dari sudut penempatan, dari sudut perbelanjaan harian dan sebagainya.

Maka di atas itu, saya mengaharapkan bahawa kepada pihak kerajaan er… supaya kita dapat berusaha sedaya, sedaya yang termampu untuk kita membela nasib-nasib, nasib-nasib nelayan ni supaya kehidupan mereka lebih terbela dan er… mudah-mudahan taraf kehidupan mereka dapat ditingkatkan dan dapat dikeluarkan daripada zon kemiskinan. Disebabkan apabila kita sebut nelayan daripada dulu lah sampai sekarang dan di mana-mana pun, persepsinya akan melihat nelayan ni golongan yang miskin yang susah dan sebagainya.

Jadi daripada dulu tak pernah selesai. Tapi kalau kita melihat ada tempat di barat sebagainya, bila kita sebut nelayan, mereka mempunyai pendapatan yang tinggi dan sebagainya tetapi nelayan boleh dikatakan di seluruh Negeri Pahang lah, termasuk DUN Tanjung Lumpur sendiri, kita semua faham dengan keadaan kehidupan mereka dan kita mintalah supaya pihak kerajaan mengambil berat, mengambil berat berusaha dengan lebih gigih lagi melakukan perancangan-perancangan yang lebih agar kehidupan nelayan ini terbela.

Kemudian saya juga membawa lagi isu nelayan, iaitu berkaitan dengan isu PTMP. PTMP ini ialah pukat tunda er… musim tengkujuh, yang mana pukat tunda musim tengkujuh ini di mana nelayan hanya dibenarkan, dikeluarkan lesen satu lesen kekal yang bermula daripada bulan 11 sehingga 6 bulan lah dan lesen sementara lebih kurang 3 bulan. Yang mana mereka dibenarkan untuk er… memukat er… dengan er… jarak bermula daripada dua batu nautika. Iaitu pukat tunda bermula dengan jarak dua batu nautika. Rungutan daripada pihak nelayannya ialah apabila tiba musim tengkujuh, bila ombak besar, bergelora memang mereka tak pergi ke laut lah dan apabila air sedikit tenang, barulah mereka akan mula memukat. Tetapi masalahnya ialah tangkapan terutama sekali spesis udang ni, dia akan berada di bawah dua batu nautika. Jadi sedangkan mereka hanya boleh memukat dua batu nautika ke atas. Jadinya ini akan menimbulkan masalah dari sudut pendapatan tapi kalau mereka memukat bawah pada dua batu nautika, menyebabkan mereka kena kompaun dan sebagainya. Itu yang kedua.

Yang ketiga juga berkaitan dengan isu nelayan, yang mana walaupun perkara ini berulang kali er… dibangkit di dalam Dewan ini berkaitan dengan nelayan asing, nelayan luar. Bagaimana pihak Marin lah. Jadi setiap kali nelayan bertemu, berjumpa alasannya juga adalah sama sebagaimana yang pernah dikemukakan dalam Dewan ini. Yang pertama anggota tak cukup. Yang keduanya bot tak cukup kelajuan untuk kejar bot-bot nelayan asing yang lebih canggih dan sebagainya dan yang ketiganya pula minyak tak cukup subsidi dan sebagainya, menyebabkan mereka tak boleh nak kejar bot-bot nelayan asing ini, yang menyebabkan di antaranya adalah nelayan kita mengalami kekurangan pendapatan, kekurangan hasil. Bila kekurangan hasil ia akan

terlibat juga kepada masyarakat yang lain kuasa beli ikan dengan harga yang mahal dan, dan sebagainya

Jadi yang ketiganya saya nak sebut juga tentang Perumahan Nelayan Bunut Rendang. Memang saya sentiasa mengikuti perkembangan, dah lama dah dan dulu pernah dibangkitkan ia berada dalam DUN Inderapura. Jadi YB. Inderapura jangan marahlah sebab nelayan yang terlibat itu adalah nelayan Tanjung Lumpur, jadi kita kongsi isu sebenarnya. Nelayan di Tanjung Lumpur, dan lebih belasan tahun Perumahan Nelayan Bunut Rendang dibina, yang asalnya 500 buah dan sekarang ini ada 154 buah, dan saya mengikuti *website* LKIM dan alhamdulilah dan terima kasih.

Saya melihat akhir-akhir ini begitu aktif apa… menyebarkan perkembangan tentang apa tu… Perumahan Nelayan Bunut Rendang dan saya dimaklumkan bahawa telah pun siap sepunuhnya pada Mac baru-baru ini dan dia pun hampir dengan rumah saya memang saya lalu saya tengok. Cuma masih belum didiami. Kita semua faham bahawa nelayan orang ni orang susah memang mereka mengharapkan rumah mereka dah tak… tak… fikir lagi isu lama. Kalau isu lama yang mereka pertikaikan mereka ni nelayan duduk tepi laut tapi rumah bina dalam hutan,rumah bina dalam belukar. Sedangkan dia orang ni nelayan duduk tepi laut.

Jadi tuan-tuan sekalian, mereka tak, tak fikir dah soal isu itu. Yang mereka nak adalah rumah. Tetapi sekian lama mereka menunggu, ada yang beli rumah lain, ada yang err… ada yang terus tak nak, dan ada juga yang telah berpindah ke alam barzakh. Err… mati dah. Ni, orang panggil mati celik, err… tunggu rumah punya lama tak dapat mati gitu jer. Punya dah lama tak dapat, dan apa pihak LKIM ada mengeluarkan kenyataan pada 13 Mac. Saya ikuti berita tu, err… mengatakan bahawa, insya-Allah akan mula didia…siap…siap sepenuhnya dan alhamdulillah dah siap dan akan didiami dalam masa yang terdekat.

Namun, masih belum lagi didiami dan ada sahabat-sahabat kita yang ronda dalam tu, err…dia kata sampai ada Bangla pelihara ayam dah pula. Jadi err… ini, ini aduan yang terkinilah. Jadi kita bimbang nanti, bangunan tu dibina, rumah tu dibina, orang masih tak boleh nak duduk lagi, dan akhirnya runtuh, keluarkan pula lagi perbelanjaan-perbelanjaan yang… yang lain. Dahlah nak siap tu belas-belas tahun tak siap-siap, err…. baik.

Isu yang seterusnya, isu tempatan. Sedikit saya mengambil masa, berkaitan dengan satu isu yang terkini ini, berkaitan dengan Majlis Perbandaranlah err… yang mana satu isu di Lorong Berjaya Permai 10, err… dia juga berkaitan dengan pemaju. Yang mana penduduk-penduduk di Berjaya Permai 10, ada 10 buah rumah, yang mana err… rumah yang mereka bina, yang mereka, yang mereka beli dengan pemaju, yang mana pemaju ni, dia buat pagar melebihi daripada kawasan sebenar, masuk pulak tiga kaki ke kawasan orang lain.

Jadi, pihak MPK dia menjalankan tanggungjawab dia mengikut undang-undang yang ada. Dia hantar surat bahawa, mesti dirobohkan. Memanglah betul, dari sudut MPK tu betul dah. Tetapi orang yang beli rumah ni dia buatlah pagar, berdasarkan kepada pagar yang telah dibina oleh pemaju. Saya rasa kalau YB-YB sendiri pun, ketua-ketua jabatan, saya dan sebagainya, tak ada orang bila dia beli rumah dia, dia

ukur pula doh rumah tu. Dia ukur satu…satu…satu, nak pasti masuk tak tanah dia. Yang pasti bila kita beli rumah, pagar yang dibina tu memang kita kira masuk rumah kita dak. Saya rasa tak ada, cerdiklah macam mana orang tu pun, dia takkan ukur satu-satu tanah tu, seinci-seinci. Masuk tanah aku dok?

Tuan-tuan sekalian, akhirnya mereka binalah pagar, berdasarkan kepada pagar yang telah dibina oleh pemaju. Tiba-tiba sampai surat, arah roboh disebabkan kerana tuan tanah di belakang nak majukan pula tanah dia. Tuan-tuan sekalian, betul dari sudut undang-undang, tapi pada waktu yang sama kita seperti menzalimi rakyat ni. Jangan main. Waktu yang sama kita seolah-olah zalim. Sebab kita yang tersilap. Jadi di sini dari sudut undang-undang memang tak boleh nak buat apa, saya faham yang tu. Cuma mintalah sedikit err… ihsan daripada kerajaan, yang pertama minta supaya ambil berat sikit dalam soal ni.

Err… beri amaran kepada pemaju-pemaju. Yang kedua, fikirkanlah kalau dapat sedikit sebanyak beri pampasan untuk melegakan hati (ketawa) hati penduduk. Pagar ni, pagar, kalau dah pergi sampai 30 kaki ni, kurang-kurang tujuh, lapan ribu juga, err… tujuh lapan ribu juga err. Bayangkanlah err… Jadi saya mintalah pada pihak kerajaan err… beri perhatian sedikit pada err… pada isu ni. Jadi saya rasa, cukup sekadar tu jer pada petang ni. Nak beri laluan kepada sahabat-sahabat lain yang saya kira ramai nak menyampaikan ucapan pada petang ini. Maka dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ok. Terima kasih Tanjung Lumpur. Jemput Wakil daripada Ibam.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

[Ayat Al Quran] Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang iaitu menjunjung kasih di atas Titah Ucapan perasmian Pembukaan Dewan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Jadi saya dengan ini merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas kesudian baginda merasmikan Pembukaan Dewan kita pada kali ini. Dan ucapan Tahniah saya kepada Sultan di Pahang yang dilantik sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sehubungan dengan itu, saya err…mendapati daripada titah ucapan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, inti patinya adalah daripada titah itu, adalah sebenarnya menjurus kepada harapan baginda kepada kemakmuran negeri Pahang dan juga kesejahteraan rakyat negeri ini. Ekoran daripada itu, saya beranggapan bahawa, keperluan asas itu adalah penting, daripada titah ucapan baginda.

Yang pertamanya, saya ingin membawa permasalahan yang berkaitan pada keperluan asas ini. Ini adalah yang penting bagi rakyat kita. Di dalam apa jua keadaan, apa jua yang kita sebut dengan pemodenan dan kemajuan, sekiranya ada lagi rakyat-rakyat kita yang tidak menerima keperluan asas ini, ia adalah sesuatu yang sangat tidak elok bagi negara kita, negeri kita khususnya.

Pertamanya berhubung dengan soal air. Jadi err…kita dapati tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita juga telah memaklumkan, kita ni sangat bermurah hati. Err…kita bagi air kepada (ketawa) err…negeri luar, ya. Kita juga dengar daripada

Raub, daripada err… Bentong, hendakkan buat loji air, penambahan loji air. Berjuta-juta ringgit diperlukan, dan kita juga dimaklumkan paip ada 15 ribu, kirakan, keluasan ha, tu…panjangnya ya err… paip ni. Tetapi perlu diingat ada juga yang ada satu, dua, tiga kilometer yang tidak ada air.

Sebagai contohnya ialah di tempat saya. Yang Amat Berhormat err… MB dan juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu, sebagai contoh ialah di kampung asli saya. Di kampung err… Tenggalong, di Kampung Tenggalong dan juga di kawasan err.. kampung Air, Aur iaitu err… Kampung Keladan. Mereka masih tidak menerima bekalan air bersih daripada kerajaan. Dan saya kira ini, mereka menerima air daripada err… apa ni, kesihatan yang digali perigi, dan mereka menghadapi masalah sekiranya enjin tu er… rosak. Dan baru-baru ini pun mereka menghadapi masalah itu.

Jadi harapan saya supaya perlulah kita tengok err… dalam bajet-bajet yang telah kita peruntukan ini supaya beberapa tempat ini mendapat perhatian. Dan saya baru-baru ini, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan juga Orang Asli er… di bawah fungsinya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Batu Talam kerana er… berharap perkara ini dapat diselesaikan dan berusaha untuk ke arah itu. Tetapi perlulah saya err…perjelaskan di sini juga, supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita err… lebih tahu. Jadi bila bos tahu, dia lagi cepatlah agaknya err…perkara ini (ketawa) dilaksanakan. Terima kasih.

Yang seterusnya, saya teringat err… err… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam sekitar tahun 2000 gitu, iklan TNB yang menyebut ada sesetengah tempat yang sengaja kami gelapkan. Iklan itu sangat menarik perhatian saya dan juga anak-anak saya. Lepas terus timbul kelip-kelip atau pun kita panggil kunang-kunang. Jadi kunang-kunang ini memang perlukan tempat gelap itu. Tapi dah hari ini sebagai manusia, dia tidak perlukan gelap itu. Sebab gelap, aje padam aje apa ni er… api di tempat saya, saya dah dapat dah *WhatsApp. "*YB elektrik tak ada…. elektrik tak ada". Jadi itu yang ada elektrik er… Tuan Yang Di-Pertua ya, Yang Berhormat, tetapi bagaimana mereka-mereka yang tak ada?

Er… saya mengambil contoh ini ialah er… satu tempat saya di perkampungan Orang Asli yang er… nama Langkap, dia ada satu Langkap Luar dan juga Langkap Dalam er… dan ada juga setengah memanggilnya sebagai er… perkampungan Asli Tanah Runtuh. Di situ er… ada *power point* apa ni er… TNB tu, simpang je tepi jalan tepi itu. Jadi hala masuk ke Kampung Langkap tu er… tak ada tak dapat lebih kurang er… 1 kilometer 2 kilometer. Yang jadi seronoknya er… kat rumah diaorang semua ada er… elektrik dia punya wayar elektrik ada tempat fius *plug* ada, dan er… mereka menyatakan er… kepada saya er… Hajah dia panggil Hajah lah daripada tak jadi YB, saya buat program di sana, sampai dah jadi YB masih gelap juga kita orang ini.

Jadi er… mereka mengambil er… kira bagaimana antara er… persimpangan er… *power* er… *point* TNB di situ, di Kampung Jubau yang ke atas ke depan lagi ke dalam daripada kampung dia tu ada elektrik. Tiang-tiang elektrik ni ada sampai ke kampung er… Jubau. Jadi sebagai kampung yang berjiran saya rasa kita pun kalau kita berada di tempat mereka mestilah kita rasa iri hati juga kenapa melalui kampung dia terus sana tak masuk, kampung dia cuma satu dua kilometer sahaja. Jadi harapan saya supaya perkara ini dapatlah kita er… selesaikan er… kerana kita rasa mereka-mereka ini adalah orang yang mendokong kita. Yang Berhormat er… Yang Amat Berhormat MB, jadi mereka adalah sesuatu yang sangat setia kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat MB dan saya harapkan supaya mereka ini bolehlah diberikan perhatian dalam bajet kita.

Seterusnya er… saya juga ingin er… memaklumkan berhubung dengan er… projek-projek perumahan. Projek-projek perumahan ini termasuklah er… PR1MA er… Rumah Mesra Rakyat er… Rumah Makmur. Bagi Rumah Mesra Rakyat ni er… yang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia ada juga mohonlah di er… diberi perhatian. Ada sesetengahnya yang sampai kini er… rumah tu tidak dilaksanakan… tidak dilaksanakan. Ada hantar gambar pada saya er… dah naik er… rumput yang menjalar, rumput yang menjalar itu. Jadi saya dimaklumkan er… untuk pengetahuan er… lebih tepat dia berlaku di Kota Bahagia er… jadi di Kampung Kota Bahagia. Jadi Perumahan DARA Kota Bahagia tu. Jadi dia sini dia er… yang dukacita saya dimaklumkan ialah er… geran tanah tu telah diambil oleh pemaju untuk di… katanya di hantar ke bank jadi er… sampai ni… kemudian kami menghubungi er… kontraktor bila ditanya mereka ada masalah dengan kontraktor.

Begitu juga dengan er… Perumahan PR1MA er… dan kita dengar er… banyak saya mengharapkan sampai inilah di tempat saya Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat MB sekiranya rumah-rumah PR1MA ini telah diberikan lama kepada er… mereka-mereka yang dapat er… pemaju-pemaju, saya harapkan segeralah dan kita nak melantik pri… er… pemaju-pemaju ini kita tengok er… supaya pemaju tu mampu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan segera. Kerana rakyat-rakyat ni terutamanya mereka-mereka yang memohon perumahan-perumahan ini adalah di kalangan anak-anak kita *second generation* kita dengan izin er… tuan er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Mereka ini er… menumpang di rumah mak ayah er… sebahagian daripada mereka daripada er… balik daripada bandar-bandar besar yang sesetengahnya tidak dapat er… tak ada pekerjaan, balik menumpang dan mengharapkan juga rumah-rumah ini dapat dilaksanakan dengan segera. Jadi er… kita janganlah sampai er… harapan mereka ni tinggal harapan sahaja. Menunggu kata orang er… penantian itu adalah satu penyeksaan bagi mereka.

Seterusnya er… saya ingin er… mengambil kira tentang ucapan er… Titah daripada Pemangku Raja kita, Yang Mulia… Yang Maha Mulia Pemangku Raja kita iaitu berhubung dengan kepentingan kita menjaga hutan dan juga alam sekitar. Sehubungan dengan itu saya suka menarik perhatian bahawa er… kita ada hutan simpan er… saya dimaklumkan hutan simpan kita ni er… Yang Amat Berhormat er… Menteri Besar kita, saya mohon maaf, saya faham bahawa kita er… hutan simpan yang ada hutan-hutan kita ada balak yang menjana antara sumber er… pendapatan kita. Saya faham juga dan juga hutan-hutan simpan ini.

Jadi saya dimaklumkan juga hutan-hutan simpan ini telah diteroka er… banyak yang telah diteroka jadi kita perlukan perhatian. Sebabnya ialah, selain daripada alam sekitar yang menjana oksigen yang kita bagi tahu tadi hutan simpan kita 55% kita ini ada pengeluar oksigen bagi tempat-tempat lain. Jadi ini perlu kita kawal, jadi ada cadangan, saya mencadangkan pada er… mereka-mereka yang mendapat konsesi-konsesi balak saya tahu er… banyaklah yang dapat, saya mengharapkan supaya kita mengadakan satu *clause* di situ er… dengan izin er… Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, supaya mereka ini kita minta selepas sahaja mereka mendapat er… mengeluarkan balak-balak ini, mereka hendaklah menanam semula… menanam semula kerana kita tahu mereka ada kemampuan untuk itu dan er… saya rasa hasil dari pendapatan mereka itu banyak untuk mereka menyumbang balik.

Kerana sekiranya ia lambat dilaksanakan ini ataupun kita mengadakan program-program er… tanaman er… hutan pokok-pokok hutan ini sebab ia mengambil masa

yang sangat lama untuk kita menganjurkan program-program dan ia bukanlah program-program yang kata orang berterusan tetapi hanya sekali-sekala ataupun ada orang besar-besar nak datang barulah kita buat program itu.

Jadi saya mengharapkan mereka-mereka yang mendapat konsesi balak ini kita kena er… kita mintak supaya dia menanam semula dengan bantuan er… Jabatan Hutan kita la er… untuk mengenal pasti supaya er… sampai masanya nanti kita ada sumber oksigen yang berterusan ha, sumber oksigen yang berterusan dan juga selain daripada itu untuk er… kita menjaga hutan kita supaya er… kata orang ada flora di sana er… yang dapat kita pelihara yang dapat kita jadikan satu er… produk perlancongan er… kepada er… negara luar.

Sebagai satu contoh kalau tadi saya er… kita di… diperkenalkan atau di er… diwar-war dan diviralkan maknanya adalah patin Yang Amat Berhormat ya, ikan patinnya dengan apa ni er… sambal hitam daripada Raub ha… dia tak sama sebenarnya ada orang tempat saya pun ada juga sambal hitam sedap lah juga. Tetapi ada satu lagi sebenarnya yang dalam hutan ini yang dalam hutan ini, yang boleh dijadikan produk makanan yang boleh kita perkenalkan iaitu Periuk Kera. Ha… semua kenal Periuk Kera. Jadi Lemang Periuk Kera (ketawa) Yang Berhormat Tioman angguk-angguk ya di antara penggemar Lemang Periuk Kera.

Ha… sebab tu lah saya tadi senyum bila er… apa daripada mana tadi Peramu Jaya er… menyebutkan bahawa er… monyet-monyet, kera-kera berkeliaran oleh kerana kita telah me… me… apa (ketawa) me… hutan-hutan telah kita tebang dan periuk-periuk Keranya telah di… (ketawa) diambil oleh er… penggemar-penggemar lemang periuk kera. Er… jadi saya mencadangkan sebab perkara ini berlaku er… telahpun dilaksanakan ada di antara kita er… anak-anak buah saya telah melaksanakan satu er… menjual Periuk Kera ini *online*… *online* Sabah, Sarawak er… jadi apa salahnya dan sekiranya boleh yang… Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita menjadikan ia er… sebagai satu ladang er… produk Bunga Periuk Kera ini.

Jadi kita, saya cukup yakin dan percaya Jabatan Hutan mesti boleh er… membantu kita dalam soal ini supaya ia, dia tidak lagi kera-kera ni taklah susah hati hah kan, hutan dia dah tak de, periuk kera dia dah kena amik. Jadi, dan kita jadikan dia satu produk untuk kita eksport, ha… sebab setakat hari ini, dia punya apa ini, permintaannya cukup tinggi dan saya dimaklumkan sukar untuk dapat sebab proses untuk menjadi, membolehkan dia, dia jadikan lemang periuk kera itu mengambil masa lebih kurang seminggu er… untuk dilaksanakan.

Seterusnya saya juga, mengharapkan ialah Yang Berhormat, itu yang er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang berhubung dengan belia-belia kita dan juga ekonomi yang mereka hadapi pada hari ini. Kita sedia faham, er… terutamanya di tempat saya, yang ada 7 FELDA. Mereka sebahagian besarnya balik daripada bandar-bandar kerana mereka kehilangan pekerjaan. Itu saya kira sudah sedia maklumlah. Semua orang tahu, bagaimana punca mereka kehilangan pekerjaan, dan dalam keadaan hari ini, kita tidak dapat mengelakkan perkara-perkara seperti ini berlaku. Jadi harapan saya supaya kita di… terutamanya di Bukit Ibam ini, kita ada ladang-ladang kelapa sawit yang cukup luas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dan saya kira ini kali ke-2 saya menyarankan supaya er… kerajaan kita membina kilang. Kilang daripada produk-produk hiliran er… daripada kilang-kilang sawit ini.

Dia boleh dijadikan baja, dia punya kelapa sawit… pelepah kelapa sawit tu boleh kita jadikan, dihancurkan dijadikan *chipboard,* untuk jadikan *chipboard*. Saya harap dengan ini mampu menjana peluang-peluang ekonomi bagi *second generation* kita, dengan izin, Yang di-Pertua.

Seterusnya ialah saya juga mengharapkan bidang pendidikan ini juga kita berikan perhatian kalau kita sebelum ini, sekolah-sekolah menengah kebangsaan di bawah Kerajaan Persekutuan mungkin tidak menghadapi apa-apa masalah kerana mereka mendapat bantuan. Tetapi kita ada lagi sekolah, Yang Amat Berhormat MB, iaitu kita… sekolah-sekolah KAFA, Kelas Al-Quran dan Fardu Ain. Mereka di tempat saya ini ada 10 sekolah dan saya cukup yakin dan percaya, di tempat-tempat lain juga ada juga sekolah-sekolah KAFA ini dan keadaan mereka, saya sebutkan memerlukan bantuan dan perhatian daripada kita semua. Jadi itu harapan saya.

Berhubung dengan pelancongan juga iaitu saya mengharapkan supaya sebelum ini kita selalu menyebut Kuala Gandah, Pulau Tioman, Pulau Tioman wajiblah dalam senarai, jangan terkeluar [ketawa], Cameron Highlands dan juga tempat-tempat lain. Fraser Hill, Teluk Cempedak tetapi saya mengharapkan supaya pelancongan ini kita perlu perluaskan lagi… perlu perluaskan. Carilah tempat-tempat lain. Kalau kita sebut tentang er… tak ada keperluan asas, tak ada fasiliti, kita sediakan itu.

Sebagai contoh, kita ada di er… di Bukit Ibam. Saya dah menyebut banyak kali, Tasik Biru. Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, Tasik Biru. Jadi, Tasik Biru tu memang biru sangat airnya. Jadi perlulah kita… kalau kita nakkan sesuatu itu menjadi satu tarikan. Kita sediakan segala keperluan asas di situ dan saya sangat yakin dan percaya kalau itu kita laksanakan dan kita masukkan dalam *map*… dalam peta pelancongan kita, dan kita pasti pelancong akan datang, dan orang daripada Barat ni, mereka dah puas dah dengan pemodenan dan saya cukup yakin dan percaya mereka hendakkan '*Back to Nature'*, dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Jadi perkara ini sangat penting untuk kita jaga. Jadi saya hari ini er… saya pergi ke tempat… satu tempat er... semasa PRK Cameron Highlands er… minta maaf bukanlah nak mengipas er… [Ketawa] Yang Amat Berhormat kita. Saya duduk di situ 14 hari. Walaupun dalam keadaan yang agak sukar ketika itu dengan tekanan perasaan yang sangat-sangat tinggi, er… tetapi ada ketenangan jiwa di situ. Ada ketenangan jiwa di situ, dan saya dalam usia er… usia 16 tahunlah kalau nak terbalikkan [ketawa], mampu mendaki 7 bukit untuk pergi ke Perkampungan Asli Chak An dan juga Cening dan saya dapati di situ, mereka sangat menjaga…menjaga alam sekitar. Sungainya sangat jernih, sejuk tak usah nak citelah. Jadi *first time* sampai situ, seme menjerit bila mandi. Jadi apa pun, yang nak saya utarakan di sini ialah, mereka minta dengan saya, tolonglah jaga. Jadi ada satu tempat yang kita bangunkan, modenkan, tetapi ada juga tempat-tempat yang perlu kita kekalkan keadaan semulajadi… keadaan semulajadi.

Jadi berhubung dengan ini juga, Yang Amat Berhormat MB dan juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan pembangunan ni er… di tempat saya ini banyak er… kampung… kawasan-kawasan peninggalan terutama peninggalan DARA dulu. Jadi saya mohon bandar-bandar seperti Kota Shah Bandar ni telah disediakan semua er… di zaman peninggalan DARA dulu. Bandar Melati, Perwira Jaya, Kota Shah Bandar. Jadi telah… telah tersedia. Dalam peta tu telah lengkap di mana letaknya sekolah, di mana letaknya klinik, balai polis dah ada, sekolah menengah dah ada, sekolah dah ada… sekolah dah ada. Sekolah menengah, tempat sekolah menengah pun telah disediakan. Jadi saya

mengharapkan supaya pembangunan-pembangunan ini hendaklah kita seratakan. Janganlah tuju setempat sahaja. Jadi kalau nak kata saya ni cemburu, memanglah. Orang perempuan memanglah cemburu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Jadi cemburu untuk kebaikan rakyat di tempat saya, Wakili. Jadi saya mohon…

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN

Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Menteri Besar minta laluan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya rasa er… Rompin, Maran er… mana lagi, Bera adalah kawasan di bawah jagaan DARA dulu. Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan sebagainya. Dan er… beberapa tahun yang lepas, kita ada minta peruntukan sebab kita dulu semasa Kerajaan Pusat minta kita bubarkan LKWJ tu, DARA tu, kita bubarkan sedangkan di Kelantan dan semua tidak bubarkan. Tetapi kita minta balik supaya ada peruntukan diberi kepada kawasan-kawasan ketinggalan ini, dan kawasan Yang Berhormat adalah termasuk dalam kawasan tersebut. Jadi saya rasa mereka yang dulu di bawah jagaan DARA ini, amat bertuah kerana ada peruntukan khas setiap tahun.

Jadi kita berharap supaya Kerajaan Pusat pun akan terus memberi tumpuan kepada kawasan ini, dan saya juga telah dimaklumkan Mesyuarat ECER baru-baru ini, Wilayah Ekonomi Pantai Timur baru ni memang ada peruntukan-peruntukan tertentu untuk kawasan yang dulunya di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka. Jadi sepatutnya daerah lain yang berasa cemburu dengan Rompin ni bukan Rompin berasa cemburu dengan tempat lain. Terima kasih Yang Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

[Ketawa] Terima kasih Yang Amat Berhormat er… MB, atas penjelasan itu dan harapan… saya mengharapkan apa yang telah di… dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat itu menjadi satu kenyataan dan terima kasih banyak-banyak. Jadi saya juga…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi Yang Berhormat?

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi? Masa.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Dah habis masa?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Habis masa dah.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Oh, ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat cakap *slow-slow, slow*, banyak masa punya.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

[Ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh…boleh, gulunglah saya ingat.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

[Ketawa] Okay, terima kasih. Er… gini, er… saya er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana mengizinkan saya berucap pada petang ini dan saya mohon maaf kepada rakan-rakan sekiranya saya terambil masa er… tuan-tuan dan semua. Untuk itu saya ucap… mohon ampun dan maaf, dan saya ucapkan wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan saya mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik, sila Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas peluang ini dan er… saya juga ingin menyusun menyembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota atas pelantikan sebagai Pemangku Raja Pahang dan juga sembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah sebagai Sultan Pahang dan kemudiannya diangkat sebagai Yang Di-pertuan Agong Yang ke-6… ke-16. Sebagai rakyat negeri Pahang pastinya kita berbangga dengan perlantikan Baginda sebagai Ketua Negara Malaysia.

Ini merupakan satu penghormatan yang tertinggi kepada negeri Pahang dan kita amat mengharapkan bahawa dengan perlantikan sebagai ketua negara, orang yang

paling tinggi carta negara kita, yang akan memudahkan lagi urusan di antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan Persekutuan, khususnya dalam usaha kita untuk membangun, kemajuan dan kesejahteraan rakyat dalam tempoh 5 tahun ini.

Saya tertarik dengan titah Tuanku Pemangku Raja walaupun dalam titahnya dihujung, Baginda menyebut tentang isu-isu yang berkaitan dengan pencabulan terhadap kesucian Agama Islam dan ungkapan yang disebutkan 'Kesucian Agama Islam dijunjung dan Perlembagaan disanjung'.

Sesungguhnya saya ingin bersama-sama dengan rakan-rakan ADUN yang lain, berkongsi kebimbangan yang dicetuskan oleh Baginda kerana sesungguhnya negara kita yang selama ini mengamalkan Sistem Demokrasi Raja Berpelembagaan yang merupakan satu sistem yang amat berjaya dan telah berjaya meletakkan kita Malaysia dan negeri Pahang dalam suasana negara, negeri yang paling berjaya di dunia khususnya dalam negara masyarakat yang majmuk ini.

Namun begitu di waktu-waktu mutakhir ini, kita dengar dan kita amati begitu banyak cerita-cerita yang berkaitan yang cuba mempersoalkan tentang kedudukan, kesucian Agama Islam, kedudukan Raja-raja Melayu, malah ada yang meluahkan perasaan melalui media masa dan sebagainya seolah-oleh mereta tidak punyai kesetiaan kepada negara dan ini sesuatu perkara yang amat membimbangkan kita.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pahang mendesak supaya Kerajaan Pusat memperketatkan lagi undang-undang dan peraturan-peraturan dalam menangani isu ini. Undang-undang yang sedia ada, umpamanya undang-undang yang berkaitan dengan penghinaan Agama Islam, Raja-raja Melayu dan jugak negara ini err… Akta Hasutan 1948 yang hanya memperuntukkan penjara tidak lebih daripada 3 tahun atau denda tidak melebihi RM5000.00 atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama dan juga kesalahan berikutnya penjara tidak lebih daripada 5 tahun.

Saya kira ini merupakan akta yang tidak dapat menangani masalah ini. Begitu juga dengan Akta Komunikasi Multimedia 1998, yang mana hukumannya hanyalah tidak lebih daripada 1 tahun dan denda tidak lebih daripada RM50,000.00 err… ataupun keduanya sekali. Saya kira ini akta-akta yang perlu kita lihat dan kita ambil contoh negara-negara yang lain.

Sebenarnya, undang-undang yang melibatkan penghinaan raja-raja ini bukanlah sesuatu yang baru. Dia pernah wujud err… wujud di Thailand, telah ada di Brunei, telah ada di Sepanyol, telah ada di Belanda, umpanya Artikel 112, Undang-Undang Kod Tata Jenayah Thailand telah memperuntukkan hukuman penjara di antara 3 hingga 15 tahun kepada individu-individu yang disabitkan dengan kesalahan menghina raja dan negara. Justeru itu, saya ingin mencadangkan…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Mohon mencelah

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Kerajaan…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua, boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya tertarik dengan Padang Tengku pasal akta-akta kesalahan ini dan hukuman-hukumannya. Bagi saya, isu penghinaan kepada raja-raja ini adalah isu yang berat. Saya ingin bertanyalah pendapat Padang Tengku. Apakah hukuman yang agaknya paling sesuai kepada pesalah-pesalah tersebut?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ia akan terlepas ke situ nanti err… tapi saya terus jawablah. Makna saya nak cadangkan supaya sekurang-kurangnya hukuman penjara 10 tahun mandatori. Makna tak payah denda. Siapa saja disabitkan dengan kesalahan, mandatori dia dipenjara sekurang-kurangnya 10 tahun. Itu untuk… untuk yang pertama, untuk berikut-berikutnya perlu di… mungkin err… dilucutkan kerakyatan.

Ha… ini di antara perkara yang saya fikirkan kerana mereka sebenarnya tak layak lagi menjadi warganegara ini kerana mereka telah mempersoalkan satu undang-undang yang tertinggi, sebab sebenarnya perkara ini kita nampak err… begitu meluas sekarang ini. Mungkin berkait dengan err… apa nama ni keadaan semasa negara yang begitu liberal, yang begitu memberi kebebasan, mungkin jugak ada usaha-usaha untuk melunturkan semangat dan mempertahankan Sistem Diraja sebagai sistem yang menjadi tunggak pemerintahan kita kepada sistem yang bebas.

Mungkin di sinilah yang selalu kita sebutkan perlawanan atau percanggahan di antara ketuanan rakyat dengan ketuanan Melayu dan isu ini sedang… sedang mula dipersoalkan dan saya kira ini adalah satu-satu usaha yang akan menyebabkan malang kepada sistem yang ada dan ada usaha-usaha pihak-pihak tertentu nak membawak negara ini ke sebuah negara republik umpamanya.

Justeru itu, saya kira kita perlu membuat satu undang-undang dan malah mungkin pelajar-pelajar kita, pemimpin-pemimpin kerajaan err… pemimpin-pemimpin masyarakat, penjawat-penjawat awam perlu didedahkan dengan pengetahuan tentang asal usul negara dan sebagai mana saya ingat dan saya pernah berkursus di Indonesia dia mengamalkan err… satu program yang dinamakan P4, P tu ialah 'Pengamalan', 'Penghayatan', Pembudayaan', 'Pancasila'.

Sebab itu kalau kita tengok err… Presiden Jokowi, dia… dia selalu buat err… perjumpaan dengan rakyat, dia akan tanya 'err berapa… berapa haa… macam kuiz pada err… pendengar-pendengar ceramah dia tu, pendengar-pendengar ucapan dia tu dengan beberapa soalan. Makna penerapan itu berlaku dengan begitu baik tetapi kita nampak di negara kita dan saya harap Exco Belia mungkin boleh memikirkan bagaimana kita nak menerapkan semula keyakinan ini, bahawa inilah sistem yang terbaik dalam negara kita.

Perkara yang kedua, yang saya nak sentuh di sini ialah dan err… di… disinggung juga secara tidak langsung oleh err… Yang di-Pertua oleh err… apa Pemangku Raja

kita iaitu hubungan mesra di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Kita sebenarnya menghormati bahawa Kerajaan tela… rakyat telah membuat pilihan dan Allah telah menentukan bahawa negeri Pahang diperintah oleh Kerajaan… diperintah oleh Barisan Nasional. Manakala Persekutuan diperintah oleh DAP, PH. DAP Pakatan Harapan dengan…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan kini adalah di bawah Pakatan Harapan bukan DAP, PH.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Emm… [ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Betulkan sikit Yang Berhormat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ini satu benda yang cukup baik ni, tapi kat kita tu dia tuduh kerajaan UMNO Barisan Nasional. Wei sedap sangat mulut dia…

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan, mintak laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pemimpin dan Wakil Rakyat saya rasa kita bertanggungjawab untuk tidak mengelirukan rakyat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya tak keliru pun. Saudara fahamlah betul-betul. Kerajaan DAP Pakatan Harapan, Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Itu yang… kalau begitu dulu pihak Pembangkang sana masa dia menjadi Pembangkang, dia mengelirukan rakyat kenapa sampai masa kita...

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Tuan Yang di-Pertua…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

… kita pulak yang mengelirukan rakyat.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Minta, minta mencelah. Dulu kita sebut UMNO dan Barisan Nasional kerana UMNO ada kerusi terbanyak dalam Barisan Nasional. Hari ini dalam PH kerusi yang paling banyak adalah Parti Keadilan Rakyat. Jadi parti… patutnya sebut PKR PH ataupun err… PH sahaja, saya lebih suka kalau kita sebut Pakatan lah. Terima kasih.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Kita pun dengar Perdana Menteri pun cakap di Terengganu kan tak lama dulu, siapa sebenarnya yang menentukan kedudukan Perdana Menteri. Saya ingat tak perlu berpolimiklah ya, kita semua faham. Jadi saya, tak apalah saya akan menggunakan istilah ini dan saya tengok di Dewan Rakyat pun ada Wakil Rakyat kita yang menggunakan apa nama err… istilah ini Dato' Yang di-Pertua tetapi tidak ada bangkangan pun. Saya ingat tiada masalah lah itu ya.

Okay, saya… saya nak pergi ke cerita yang lain, jadi dah ditentukan ya dan kita harus menghormati kerana inilah satu yang perlu kita raikan maknanya Kerajaan Pusat, PH Pakatan Harapan, Kerajaan BN dan dalam suasana menghormati inilah maka kita perlukan kita bekerjasama.

Sebenarnya Kerajaan Negeri err… sentiasa memberikan kerjasama kepada program-program Kerajaan Pusat, contohnya saya nak jelaskan di sini, penjenamaan semula JKKK. Sebenar ni ada soalan baru ni kepada Exco Batu Talam, yang menyatakan err… MPKK sebenarnya bukan benda baru pun. Dia itu hanya penjenamaan semula atau tukar nama je, yang terbaru tukar nama ialah PERMATA GENIUS ar...

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dia penamaan dia ataupun penjenamaan ni er... dia banyak dia kalau kalau PERMATA tu dia panggil GENIUS, JKKK panggil MPKK, jadi kemungkinan kalau PH tu Pakatan Harapan tu, kalau dinamakan Pakatan Hancing tu boleh juga ke apa? Macam mana ni Padang Tengku?

DATO' MUSTAPA BIN LONG

(Ketawa) Sebenar yang itu pun kadang disebut di luar sana. Perkataan yang paling popular sekali tapi saya tak nak gunakanlah dalam Dewan ini ha… sebab kita menghormati apa nama ni pemilihan, pilihan yang dibuat oleh rakyat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Padang Tengku.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Jadi, justeru itu saya nak supaya pendekatan kita di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri ni kita suburkan dan sebarang pendekatan yang berbentuk konfrontasi harus kita elakkan. Saya nak sebutkan di sini, saya rasa begitu sedihlah umpamanya ada jabatan-jabatan yang mengharamkan kehadiran kita dalam

program-program mereka. Saya nak beri contoh, saya telah dua kali kena ni, tiga kali sebenarnya hah.

Pertama sekali, jabatan, saya bukan saya dipanggil sebenarnya, orang panggil Menteri Besar untuk rasmi Perasmian Mesyuarat PIBG. Menteri Besar wakil ke saya, Menteri Besar pun selaku ketua jabatan negeri kita, ketua Kerajaan Negeri pun dilarang untuk hadir di majlis di sekolah yang dia jadi Menteri Besar. Ni dua kali Dato' Sri

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan

DATO' MUSTAPA BIN LONG

dan saya tidak ada. Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut pemaham, pemahaman saya, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengeluarkan arahan seperti ini sekiranya ada saya minta er…YB. Padang Tengku mengemukakan bukti dan kita akan membuat laporan kepada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Buktinya kita tak boleh datang. Jemputan telah dibuat. Ini terang lagi bersuluh. Saya boleh sebut nama sekolah, Sekolah Kebangsaan Felda Chegar Perah. Panggil MB, MB wakil saya, saya pergi jumpa MB, MB minit

YB. CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya rasa ini adalah kerana pihak sekolah terlalu biasa dengan budaya di zaman Kerajaan Barisan Nasional di mana ADUN pembangkang atau Wakil Rakyat pembangkang tidak dibenarkan masuk sekolah. Tapi untuk pendirian be er…Pakatan Harapan, kita tidak pernah melarang Wakil Rakyat Pembangkang untuk masuk sekolah.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Minta laluan Tuan Yang Berhormat, saya juga diberitahu oleh Pejabat Pendidikan Daerah bahawa MB dan ADUN di satu kawasan tidak dibenarkan untuk menyertai program aktiviti perayaan Hari Guru. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mungkin ini mereka mendapat pegawai er… yang, yang bekerja di PPD mereka ikut SOP yang kerajaan dulu kerana kerajaan dulu mereka tidak membenarkan pembangkang untuk masuk ke sekolah. Kita semua barisan ini pernah berlaku hal ini. Mungkin mereka belum dapat informasi yang yang te… apa tu yang tepat se… setakat ini,sekian.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya tunggu-tunggu sangat ni SOP dan sebagainya. Sebenarnya kita persoalkan kalau tak dijemput tiada hal, mungkin dulu pembangkang tidak dijemput ha… itu isu dia. Kita ni dijemput, ada sekolah tu bila kita tak boleh pergi…

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Dia sebenarnya saya rasa malas nak bertaki sebab bertaki ni memang hobi. Saya daripada kecil lagi, bertaki daripada kecil.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ada Menteri yang datang lawat kawasan, saya tak tahulah di kawasan mana. Di kawasan saya, Menteri Kerja Raya datang melawat ke kawasan saya, Exco Kemudahan Asas tidak dijemput. ADUN Kawasan tidak dipanggil. Malahan Ahli Parlimen di kawasan tersebut tidak juga dipanggil dan Yang Berhormat Menteri datang dengan menggunakan Majlis-majlis Kerajaan tapi penggunaannya dia seolah-olahnya ialah Majlis Parti dan ini bukan kali pertama.

Datangnya Menteri (bertanya Ahli Dewan) KATS, Menteri KATS baru ini dan lawatan nak meninjau nak mengumumkan tentang SOP bauksit, tidak ada pelawaan dibuat kepada pihak Wakil Kerajaan. Hari 15 haribulan baru ni, Menteri Pertanian datang ke Pahang, datang ke Pahang tidak ada langsung pelawaan kepada Exco Pertanian. Hari semalam Menteri Pertanian pergi ke PKPN, tidak ada pelawaan. Sebab itu dalam konteks ini, kita selalu menyebut tentang politik yang toksik, kita mahu politik matang. Tetapi yang mendukacitakan kita ialah ianya tidak ditafsirkan oleh Kerajaan baharu Pakatan H ini tadi diperingkat Pusat, dalam mempastikan menghormati mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada parti yang bukan daripada Pakatan H ini tadi. Sebab itu saya rasa ini amat mendukacitakan. Sebab tu dalam konteks ni, ini bukan kita nak mengelirukan.

Banyak TPM datang ke Pahang tidak ada pelawaan dan banyak lagi. Perkara ini mesti diperhatikan. Sebab itu, dalam konteks ini tadi kita Pahang alhamdulillah kita mengamalkan pendekatan yang berbeza tapi dalam keadaan kita yang agak hiba

dan dukacita. Kerana dalam nak memajukan negara kita Dato' Sri Yang di-Pertua, nak memajukan Malaysia, kita mesti majukan kampung-kampung, daerah-daerah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Benta

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Negeri-negeri yang ada dalam

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Benta,

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Gini, sebenarnya penjelasan kepada

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Penjelasan kepada dakwaan mengatakan seolah-olah sebenarnya

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Er…dasar yang dibuat oleh Kerajaan Pusat pada kali ini tidak mendiskriminasikan parti yang berbeza dengan parti PH, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang di-Pertua, mencelah sikit.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Yang di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Cukuplah saya ingat saya beri peluang untuk Padang Tengku teruskanlah saya ingat kerana masa anda, masa Yang Berhormat Padang Tengku, masa Yang Berhormat masih pendek juga. Saya kira, ok, sila Luit.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Saya punya sikit ja. Saya sedih juga apa yang berlaku pada Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional dan sedih juga pada Kerajaan PH dan saya sedih Pas tak diberi peluang lagi menjadi kerajaan (Ahli Dewan ketawa) hah itu ja sebenarnya nak beritahu (Ahli Dewan ketawa) bagilah peluang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta laluan?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang di-Pertua, mohon laluan sikit,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Mohon laluan boleh? Saya nak menambah tadi apa yang diperkatakan oleh sahabat saya daripada Benta. Saya nak tambah satu lagi bukti Dato' Yang di-Pertua, kalau tak jemput kita ini sebab kita sama-sama ahli politik kita fahamlah. Tetapi baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan datang ke Maran buat program depan rumah Pegawai Daerah. Pegawai Daerah Maran pun tidak dijemput dan tidak dibenarkan untuk hadir dalam program kementerian. Jadi itu bermakna adanya masalah jiwa saya rasa dengan Kerajaan Pakatan Harapan ni.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa lah, saya ingat Padang Tengku elok

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ok saya

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Panjang sangat dah ni, dah takpa takpa kalau tidak bila waktu saya ni, dah dah…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Yang Berhormat

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dah, dah, dah, dah, dah dah bagilah saya peluang ni

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat ya Padang Tengku saya ingat eloklah teruskan.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Panjang sangat tadi apa ni celahan, panjang sangat masuk dalam ucapan sayalah nanti. (YB ketawa)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila. Teruskan Padang Tengku.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Sebenarnya tuan-tuan, saudara-saudara, Dato'-Dato', Yang di-Pertua, kita kasihan ke sekolah, kalau di sekolahlah mereka perlukan dana. Saya memang bertubi-tubi dapat surat sebab dia kata kalau dia panggil PH er… DAP, PH pun tak dapat apa-apa er… baiklah panggil kita. Kita ada MB, itu je yang saya nak sebutkan. Kesian sekolah, sekolah tiada duit sekarang. Hah, itu antara perkara rayuan yang dikemukakan. Tak apa kita selesai yang itu.

Saya nak bawa isu yang lain. Isu yang kedua yang saya nak sentuh ialah tentang er…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baru dua isu Yang Berhormat.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ha

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baru dua, saya ingat dah empat tadi.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Banyak mencelah tu lah. Saya nak sebut tentang pembelaan kepada pekebun kecil getah, kelapa sawit. Memang kesianlah, saya ada beberapa pendapatan, penyata pendapatan FELCRA dapat RM360 sebulan. Ini FELCRA Sg. Temau. Di FELDA Chegar Perah, pendapatannya tinggal RM303…RM395.00.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua

Nak tanya, sebelum ni berapa pendapatan dia orang ini, berapa pendapatan mereka er… wakil daripada Padang Tengku? Yang nampak sedih sangat tu RM360 tu.

DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yelah, sebelum daripada angka ataupun sebelum 9 haribulan Mei ini lebih tepatnya er… kita dapati mereka tak kurang daripada RM1,500 yang mereka dapat itu dan kalau tengok di Koyan… Koyan alhamdullilah masih tinggi lagi pendapatan dia tapi di… di dua kawasan ini dan saya tengok dah masuk dalam apa nama ni… miskin tegar. Jadi kalau kita kira ini orang-orang FELDA ini dah sebahagian besarnya dah masuk dalam miskin tegar dan mungkin boleh mereka ini daftar dengan e-kasih tapi dalam FELDA ini banyak sangat halangannya tak bolehlah. Jadi saya nak syorkan supaya er… dibuka mereka juga e-kasih supaya mereka juga dapat peluang-peluang untuk mereka membela kedudukan mereka, itu di antara perkara.

Dalam kertas putih yang dikemukakan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi kita tak begitu nampak apakah er… penyelesaian kepada masalah peneroka-peneroka FELDA ini. Saya nampak masalah yang utamanya ialah pendapatan kelapa sawit yang harganya rendah menurun, itu isu yang pertama tapi tidak ada satu fomula yang jelas dikemukakan dalam kertas putih untuk menyelesai masalah ini.

Masalah kedua ialah masalah bebanan hutang ataupun janji untuk menghapuskan hutang oleh er… kerajaan me… Malaysia baru ini. Itu pun juga tidak dinyatakan dengan jelas. Jadi saya nak memikirkan, fikir punya fikir tadi sebut pasal buluh. Sebenar cerita buluh ini cerita saya dah sebut dalam Dewan ini dalam ucapan yang lalu tapi tak meletup macam sekarang ini. Sebenarnya saya tak bersetuju kalau tanam buluh itu sebagai salah satu er… menambahkan pendapatan tapi untuk pendapatan sampingan boleh sebab disebutkan tadi memang er… buluh itu memang banyak di sekitar-sekitar FELDA ini memang banyak. Baru ini saya bawa Ahli daripada er… Kuala Sentul pergikan satu tempat perusahaan kraftangan yang berasaskan buluh di Sungai Temau dan kita lihat dia sebenarnya boleh menyara hidup dengan baik sebab satu-satu alatan yang dia buat tu er… ada yang harga RM100 buat apa tu… panggil tu…. pa ya? pa… apa ni Ahli daripada…

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Bukan pa, pa tu Tokpa…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya…

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Pahar.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Pahar? Ha… tempat saya kabo *semerit…*

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dia buat-buat tak tahu Dato' Yang di-Pertua, pasal ini yang bawa untuk hantaran orang kahwin tu.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ha… hat itu je RM100… RM100… RM150 satu. Dato' apa nama ni… Ahli Kuala Sentul tempah 10, saya tempah 7. Maknanya itu baru 2 orang datang hari itu. Ini menunjukkan ini antara kalau kraftangan perniagaan semacam ini boleh kita galakkan, menggunakan buluh ini tadi, saya ingat ini satu er… kaedah yang baik bukannya tanam buluh. Sebab buluh dah berlambak dan saya dalam ucapan saya yang lepas saya syorkan supaya Kerajaan Negeri masukkan buluh ini sebagaimana kayu-kayu balak yang lain, supaya dia ada nilai dan perhiasan buluh ini akan er… dapat kita semarakkan dan saya alhamdullilah selepas saya ber… bercakap di Dewan ini ada pengusaha daripada… daripada apa nama ni… er… Kuala Lumpur er… berjumpa dengan saya membawakan *proposal* untuk er… membuka industri buluh di… di Padang Tengku dan saya nak cadangkan pada PKNP yang er… kawasan kita di… di Kechau Tui itu er… kita cari pelabur-pelabur yang semacam ini.

Itu tentang er… peneroka yang saya nak sebutkan juga belia-belia ini… belia-belia ini. Kita kena galakkan mereka untuk satu lagi yang paling sesuai ialah saya rasa ternakan lembu. Kalau nak tanam buluh, nak tanam pokok-pokok lain di dalam kawasan ladang kelapa sawit ini tidak sesuai. Di Merapoh kita ada er… LKPP… PKPP yang ada lembu banyak di dalam ladangnya dan saya yakin ini boleh di*adopt* untuk kita er… memberikan er… apa nama ni punca penambahan pendapatan di… di er… pada peneroka-peneroka FELDA.

Saya nak sebut satu lagi yang disentuh oleh Tuanku Pemangku Raja ialah tentang dasar mesra pelabur. Tadi saya sebut er… di Padang Tengku ni ada satu kawasan Kawasan Perindustrian Kechau Tui keluasan kawasan 141.67 ekar yang dibuka sejak tahun 1989 lagi, maknanya 21 tahun yang lalu. Namun begitu dalam tempoh 21 tahun ini, dengan keluasan kawasan sebanyak ini, baru ada 2 pelabur yang melabur. Satu Mieco Chipboard, satu lagi apa nama… PIO Biomass dan ada lot 10 lot kosong lagi saya nak minta supaya PKNP kerja kuat sikitlah cuba bawa pelabur-pelabur di kawasan Pahang Barat ini. Jangan ditumpu di kawasan er… Kuantan saja sebab kawasan Pahang Barat sekarang dah mudah dilalui kesampaian dah begitu apa nama ni… untuk sampai ke kawasan Pahang Barat dah begitu boleh dipercepatkan. Jadi nak minta tolong.

Saya ucap terima kasih kepada PKNP tapi saya ingat boleh kerja lebih keras lagi dan jangan tertumpu sangat kepada perkayuan, mungkin boleh difikirkan dibuka, dah kita dah menunggu lama sangat sampai 21 tahun, elok dibuka kepada perusahaan-perusahaan yang lain. Mungkin yang berasaskan pembinaan besi dan sebagainya atau buluh yang saya sebutkan tadi. Ini di antara yang saya ingat boleh menarik pekerjaan kepada kawasan sebab kawasan Padang Tengku dan Lipis ini khususnya kita salah satu ialah kita kekurangan pekerjaan bagi orang-orang muda sebab itu daya ataupun kuasa beli begitu rendah.

Seterusnya saya nak bangkit tentang er… pembangunan pada masyarakat Orang Asli Suku Batek. Saya dah sebut dulu. Di kampung di tempat saya di Padang Tengku ada 3 perkampungan Suku Batek ini. Satu Bercah Pelubi di Teluk Gunung, Paya Keladi di Chegar Perah dan Sungai Garang. Daripada jumlah penduduk yang kalau dikira jumlah pengundinya di ketiga-tiga kampung tu ada dalam 200 lebih tapi kalau kita tengok yang bilangan yang pergi ke sekolah itu amat menyedihkan. Saya ada… ada data disini. Daripada 3 buah kampung itu hanya… hanya satu kampung sahaja yang murid-muridnya pergi ke sekolah iaitu Kampung Paya Keladi yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Chegar Perah 2 lelaki dan 4 perempuan. Kemudian daripada kampung yang sama juga yang pergi ke sekolah menengah, 2 lelaki dan 3

orang perempuan. Jadi saya kira kalau kita nak membangunkan masyarakat Orang Asli, khususnya Suku Batek yang merupakan suku yang paling primitif dan paling mundur dalam kalangan Orang Asli ini, saya kira kita perlu memberikan penumpuan kepada er… mengajak ataupun membuat sesuatu untuk mereka datang atau pergi ke sekolah.

Justeru itu, saya nak minta KEMAS tolong buka apa nama ni… tadika untuk mereka mula kenal huruf dan minat. Yang keduanya Kementerian Pelajaran, Yayasan Pahang er… mungkin kena fikirkan macam mana kita nak menarik Suku Batek ini untuk mereka pergi ke sekolah. Saya juga nak mengutarakan apa yang telah saya utarakan Dato' Sri Yang di-Pertua, tentang bekalan air bersih di Kampung Dada Kering dan juga di… di Kampung Petola yang telah saya bangkitkan yang telah direspons oleh 2 orang Exco serentak. Er… saya ucapkan terima kasih baru ni PLB ataupun KPLB telah datang sebaik saja apa nama ni… saya sentuhkan di Dewan ini tapi mereka menyatakan bahawa sekarang ini bukan di bawah er… Kementerian Pembangunan Luar Bandar lagi, tetapi telah ditukar kepada Kementerian er… Air, Tanah dan Sumber Asli dan memerlukan peruntukan tambahan lebih daripada kalau angka sebenar yang saya dapat RM7,245,300 bagi er… membaiki atau membina saluran paip seluas 22,700 meter dan saya harap isu ini dapat diselesaikan segera kerana isu ini dah begitu lama dan dah betukar Kementerian dan kerajaan dan sebagainya dan saya harap benda ini dapatlah kita selesaikan segera.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, masa dah melebihi…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okay, isu ini dah yang terakhir. Isu yang terakhir ialah er… tentang pembinaan rumah ataupun sumbangan bina rumah baru kepada mangsa-mangsa kebakaran. Saya lihat bahawa mangsa-mangsa kebakaran ini er… begitu lambat dapat bantuan. Kita tahu bila terutama *total lost,* bila dia terbakar macam itu, dia… dia miskin terus, miskin mengejut, miskin segera. Tapi bantuan pada mereka itu agak lambat. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kita dapat RM5 ribu dibantu. Kemudian dapat pula er… biasanya di bawah tabung kecemasan sebanyak RM1000 mungkin campur-campur derma orang ramai dapatlah RM10 ribu. Tapi dia tak boleh membina.

Justeru itu begitu lama untuk dapat. Saya ada kes ini sebanyak er… 45 kes kebakaran yang berlaku sepanjang er… apa nama… 2013 sampai 2018, makna lima tahun yang lalu. Er… banyak lagi rumah-rumah, ada rumah-rumah yang sampai hari ini pun belum dapat dibina sebab kita mengharapkan MUIP dan kita nak harapkan er… bantuan bina baru di bawah skim yang disediakan oleh pihak er… PLB dia mesti masuk dalam senarai yang telah sedia ada yang pernah, yang telah kita… kita ada senarai orang-orang terdahulu menunggu sedangkan ini mengejut.

Dari sudut itu saya nak mencadangkan supaya er… satu tabung khas bencana kebakaran. Dia tak besar macam banjir, kalau banjir dia kena sekali tapi kebakaran ini mungkin setahun se… setahun sebiji setahun dua biji itu jangkanya dan saya kira ini bukanlah membebankan, mungkin kita nak selaraskan dengan MUIP juga ataupun kita minta NADMA. Iaitu apa nama ini… agensi bencana er…*national…* negara supaya mereka dapat mewujudkan selain daripada skim er… banjir dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dah berhujah. Saya kira rakan-rakan kat sini pun dah banyak bagi idea.

Satu saya harapkan, kita sebenarnya setiap kali Dewan bersidang, Dato' Yang di-Pertua, kita nak dengar sangat jawapan daripada Exco-Exco ini. Tapi kadang-kadang exco ini melarat cerita hal lain. Apa yang kita soal dia tak jawab.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat insya-Allah dia akan jawab.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya ingat kali ini tumpulah pada jawab itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ini nak bercerita panjang macam-macam malas nak sebutlah Exco mana.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, terima kasih.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tapi Itulah keadaannya. Kalau boleh tuan-tuan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mungkin lepas ini Padang Tengkulah menjadi Exco. Kita pula menanya soalan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Itu rezeki ketentuan tuhan belaka. Tapi tak apalah maknanya kita harap begitulah. Sebab kita memang menunggu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Yang Berhormat sila…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Kita nak bawa balik, bawa bekal balik, apa jawapan tapi tiba-tiba tak jawapan tak kunjung tiba. Jadi saya minta tolonglah. Ia dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Titah Diraja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, terima kasih Yang Behormat. Ya, saya nampak Tahan dah bangun. Yang Berhormat Tahan dan selepas itu Triang ya. Sila.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya berharap di hujung-hujung ini. Kalau boleh jangan mengambil masa yang lamalah. Ya, sekurang-kurangnya tiap-tiap Ahli Yang Berhormat menyampaikan ulasan dan pandangan. Sila Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

[Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh pemerhati. Terutama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut bersama-sama menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Mulia Pemangku Raja Pahang yang telah merasmikan Mesyuarat Penggal Pertama… Penggal Pertama… Mesyuarat Pertama Penggal Kedua bagi DUN Keempat Belas. Saya mulakan ucapan saya ini dengan sama-sama memperingatkan kita satu firman Allah SWT [bacaan dalam Bahasa Arab] Surah Al-Nahl Ayat 112.

Maksud "Allah SWT membuat satu perumpamaan kepada sebuah negeri yang aman dan juga tenteram. Yang dikurniakan oleh Allah SWT rezeki yang melimpah ruah daripada segenap penjuru. Tiba-tiba penduduknya kufur di atas nikmat-nikmat kurniaan Allah SWT tersebut. Lalu Allah SWT mengenakan kepada mereka kelataran dan juga ketakutan. Balasan terhadap kekufuran nikmat yang telah mereka lakukan kepada Allah SWT".

Ada dua perkara, pertama dalam Islam. Apabila kita diberikan nikmat Allah SWT, kita mestilah bersyukur. Bersyukur bukan setakat mengucap dan ungkapkan dengan mulut ucapan alhamdullillah, tetapi lebih daripada itu, kesyukuran kita kepada nikmat Allah mesti kita terjemahkan dengan menundukkan diri kita dan mengabdikan diri kita kepada pada Allah SWT dalam segala se… aspek kehidupan. Bukan hanya pada pengibadatan termasuklah kepada gerak kerja dan juga urus tadbir kita yang mestilah dalam rangka-rangka yang diredhai oleh Allah SWT.

Dan kedua adalah kufur nikmat. Kita dikira dan dianggap kufur kepada nikmat Allah SWT. jika sekiranya nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT itu tidak kita syukuri dan maksud, tidak kita sampaikan atau kita kongsikan kepada mereka-mereka yang memerlukan dan juga tidak mengurus tadbir dengan cara yang diredhai oleh Allah SWT. Kita boleh menyaksikan bagaimana sejarah telah menunjukkan kepada kita. Khorun, seorang manusia yang dikurniakan kekayaan oleh Allah SWT lalu dilupa diri dia. Allah SWT menenggelamkan dengan harta dia.

Sehinggakan di mana-mana, kalau kita jumpa harta yang duduk dalam tanah. Orang sebut harta karun. Sampai ke kampung saya pun ada harta karun. Maknanya kalau nak cangkul belakang rumah itu jumpa benda pelik-pelik itu harta karun orang panggil. Nak menggambarkan banyak tak sampai ke Malaysia ini. Makna nak sebut

banyaknya er… harta karun. Apa yang terjadi pada Qarun? Dibinasakan oleh Allah SWT.

Nabi Allah Sulaiman a.s., Nabi yang Allah SWT kurniakan kepada dia kuasa pemerintahan. Dia bukan setakat Nabi dan dia juga merupakan pemimpin kepada kerajaan. Bukan setakat kerajaan yang memerintah manusia, tetapi juga kerajaan yang mengusai angin, yang menguasai jin dan juga menguasai haiwan-haiwan. Sehinggakan Nabi Sulaiman a.s. sebagaimana dirakamkan dalam al-Quran boleh berinteraksi dan memahami bahasa-bahasa haiwan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagaimana kita melihat satu hari, apabila Nabi Allah Sulaiman a.s., dia ingin menjemput Balqis untuk menjadi tetamu kepada dia di istana dia yang terletak di Palestin. Balqis pada masa itu di negara Saba' di Yaman. Lalu Nabi Allah Sulaiman a.s., buat satu kejutan kepada Balqis dengan dia mengumpulkan semua rakyat dia memberi satu tawaran kepada rakyat dia. Barang siapa di kalangan kamu yang boleh mendatangkan, bawa istana Balqis ke sebelah istana aku dan jarak antara Saba' dan Palestin ini, jauh.

Secara kesimpulan saya nak sebut ada dua, rakyat Nabi Sulaiman yang menyahut seruan ataupun cabaran daripada Nabi Sulaiman. Yang pertama jin, yang menyebut bahawa dia mampu untuk bawa, untuk alih istana Balqis daripada Saba' ke Palestin, sebelum sempat Nabi Sulaiman bangun daripada kerusi. Yang kedua, yang lebih hebat lagi seorang lelaki yang diberikan, seseorang yang diberikan kitab, ilmu daripada kitab Allah SWT.

Disebut kepada Nabi Allah Sulaiman menawarkan bahawa dia boleh bawa lagi cepat dari pada jin ifrit iaitu sebelum sempat berkelip mata. Dia boleh pastikan benda itu telah sampai di hadapan Nabi Allah Sulaiman a.s. Lalu apabila Nabi Allah Sulaiman AS melihat, tak tak dan kelip mata, istana tu dah ada di sisi dia, lalu apa yang Nabi Allah Sulaiman sebut [Bacaan dalam Bahasa Arab], inilah kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepada aku [Bacaan dalam Bahasa Arab] untuk menguji aku, sama ada aku menjadi orang yang bersyukur ataupun or… menjadi orang yang kufur kepada Allah SWT.

Jadi, semua apa yang kita perolehi pada hari ini, walaupun ada usaha daripada kita, namun marilah sama-sama kita menginsafi bahawa kita tidak boleh mengenepikan bahawa semuanya itu adalah daripada pemberian dan juga anugerah daripada Allah SWT.

Seterusnya saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kerajaan yang telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif dan pembaharuan untuk kesejahteraan rakyat dalam tempoh 11 bulan yang telah berlalu, iaitu melalui 8 perkara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam er… jawapan yang telah dikemukakan pada er… soalan pagi semalam.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya hendak menyebut sedikit berkenaan dengan… nak menyentuh berkenaan dengan er… golongan belia, ataupun golongan er… pemuda. Rekod Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan individu yang berumur 15 tahun hingga 39 tahun, pada tahun 2017 melebihi 14.5 juta orang bersamaan dengan 45.4% er… daripada

keseluruhan rakyat Malaysia. Rekod PRU 14 yang lalu menunjukkan kepada kita hampir separuh daripada pengundi ialah di kalangan orang muda yang 20% daripadanya adalah pengundi kali pertama. Golongan ini, golongan muda ini ialah golongan yang menjadi aset kepada negara dan mereka ini adalah bakal kepada pemimpin yang akan menentukan hala tuju dan juga nasib negara dan juga negeri kita.

Namun kita perlu menyedari bahawa cabaran yang bakal dihadapi oleh golongan ini tidak sama sebagaimana cabaran yang sedang kita hadapi apatah lagi jika hendak dibandingkan dengan cabaran yang telah dihadapi oleh generasi terdahulu. Ada beberapa perkara ataupun ada beberapa cabaran yang bakal dihadapi oleh golongan er… muda ini. Pertama sekali cabaran dunia moden tanpa sempadan yang menuntut kepada perubahan kepada kehidupan. Revolusi perindustrian yang diperkenalkan di Eropah pada awal dulu. Orang-orang Eropah tidak menyangka bahawa perkara tersebut boleh pertama menganggu kos sara hidup mereka.

Yang kedua, boleh menyebabkan kehilangan kepada kerja-kerja tradisional yang mereka lakukan. Kerana apa, kerana revolusi perindustrian ini lebih banyak menggunakan tenaga mesin daripada tenaga-tenaga manusia. Hari ini pun kita melihat, kalau kita melihat hari ini, telah banyak orang panggil tenaga-tenaga ataupun mesin-mesin yang digunakan hatta dalam urus niaga… dalam urus niaga. Er… dulu setakat air kotak aja, kita beli guna mesin, lepas tu air tin, sekarang ni air kopi. Air kopi sekarang ini kita… kalau berhenti di mana-mana orang panggil pam minyak tu, boleh beli air kopi, nak panas, nak sejuk? Boleh beli di situ aja. Ini orang panggil er… saya… saya sebut perkara ini ialah ianya berkaitan dengan masalah er… pengangguran. Masalah peluang pekerjaan kepada generasi muda pada hari ini.

Kalau kita rujuk kepada apa yang disebut atau ataupun rekod peng… pengangguran di Pahang ini pada tahun 2018, pengangguran di kalangan belia itu 3.30% dan er… pada 3 bulan pertama tahun ini sahaja, ada 8,547 pencari kerja yang direkodkan di negeri ini. Ini yang ada rekod, yang tidak direkodkan kita… kita tak tahu berapa ramai. Sebab itulah, er… apakah yang perlu kita buat untuk kita memposisikan er… golongan ini bagi memastikan mereka boleh er… menjadi salah seorang daripada pemain bagi er… membangunkan negeri dan juga negara kita ini.

Di samping itu juga, golongan belia dan juga golongan muda ini juga berhadapan selain daripada masalah pekerjaan. Mereka juga berhadapan dengan masalah er… rumah yang orang panggil rata-rata er… bekerja secara er… pendapatannya yang tidak stabil. Mereka tidak mempunyai rumah dan mereka berhasrat untuk mempunyai rumah sendiri. Saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Kerajaan Negeri di atas er… Projek Rumah PR1MA dan juga Projek Rumah Makmur.

Namun, saya merasakan Projek Rumah Makmur ini dari sudut promosinya dan hebahannya, seolah-olah tidak sampai ke bawah. Pengalaman saya dalam tempoh 11 bulan menjadi Wakil Rakyat, rata-rata rakyat yang bertemu dengan saya mereka bertanya saya bagaimana hendak mendapatkan Rumah Mesra Rakyat? Mesra Rakyat yang disebut. Rumah al-makmur… er… Rumah Makmur itu, tidak disebut, makna bila kita sebut kita ada Rumah Makmur, eh, program baharu pula ke. Seolah, sebab tu saya sebut, seolah-olah promosi kita er… Rumah Makmur ini seolah-olah belum sampai ke orang panggil akar umbi. Oleh kerana, saya mohon Kerajaan Negeri buat la macam-macam manapun supaya projek ataupun satu skim yang… yang sangat memberi manfaat dan juga faedah kepada rakyat ini dapat kita er… perkasakan dari sudut er… promosinya.

Yang kedua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan masalah jugak berkaitan dengan pekerjaan. Tanah kita luas, tanah-tanah pertanian yang mesti kita bangunkan untuk memberi peluang kepada golongan-golongan er… muda ini. Saya difahamkan er… kita di negeri Pahang ni kita ada Felda Plantation sejumlah er… tanah yang keluasannya 143,584 hektar tanah Felda Plantation. Kita yang paling tinggi sekali keluasannya yang diikuti oleh Sabah yang seterusnya oleh Negeri Johor. Adakah tidak boleh kita melalui Kerajaan Negeri bincang dengan pihak FELDA dan sebagainya untuk kita buka tanah Felda Plantation ini dengan kita isi peneroka-peneroka di kalangan generasi-generasi kedua FELDA dan juga generasi kedua di kampung-kampung tradisional.

Kita menganggarkan jika sekiranya kita boleh orang panggil buka tanah Felda Plantation ini dengan isi er… peneroka. Kita boleh menyelesaikan kalau satu peneroka dengan 10 ekar, kita boleh mengisi er… seramai 35,896 orang untuk orang panggil untuk er… memberikan er… orang panggil tanah dan juga er… orang panggil hasil dan juga sumber kepada ekonomi mereka.

Yang kedua, cabaran yang kedua Dato' Sri Yang di-Pertua iaitu cabaran identiti yang makin mencabar. Soalnya sejauh mana er… keupayaan generasi muda hari ni untuk mempertahankan identiti bangsa Malaysia itu sendiri. Ianya berkait dengan isu keselamatan. Isu keselamatan negara kita. Dulu peperangan berlaku dengan meletakkan sempadan geografi, hari ini zaman dunia tanpa sempadan, teknologi er… yang tidak ada batasnya ini, kadang-kadang er… akan menjadikan er… bebas bersuara, bebas melontarkan pandangan-pandangan, yang walaupun pandangan-pandangan tersebut memberikan ancaman kepada kemakmuran dan juga kesejahteraan rakyat berbilang kaum er… dalam negara kita ini.

Itulah yang berlaku er… sehingga apa yang kita hadapi pada hari ini, penghinaan er… kepada sistem raja, penghinaan kepada agama berleluasa, seolah-olah kita tidak mampu menyekat er… perkara tersebut. Yang ketiga, cabaran ideologi ataupun pemikiran iaitu fahaman er… liberal yang sangat melampau sehingga menolak er… fahaman agama, menolak agama dan mengenepikan sensitiviti kaum er… dan juga bangsa yang pelbagai dalam er… negara kita ini. Juga orang panggil sikap taksub ataupun ekstrim yang sehingga bercanggah er… dengan tuntutan er…agama kita sendiri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan isu er… pemuda juga atau belia juga. Apabila tadi kita sebut berkenaan dengan pekerjaan, pendapatan, bila sampai satu tahap, golongan belia ini, mereka akan ingin er… mendirikan rumah tangga. Bagaimana mereka nak mendirikan rumah tangga dalam keadaan ekonomi tidak stabil, orang panggil tidak ada orang panggil… tapak rumah ataupun tidak ada rumah, bagaimana mereka nak membina er…keluarga er… keluarga mereka. Kerana perkahwinan ini adalah satu keperluan keper… keperluan secara tabii kepada mana-mana manusia saja tanpa mengira apa bangsa dan juga apa agama.

Maka saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan Negeri, walaupun saya nampak dah ada orang panggil penganjuran er… majlis kahwin secara beramai-ramai ini. Namun saya ingin mencadangkan agar majlis perkahwinan beramai-ramai ataupun kita panggil walimah perdana, kita orang panggil perkasakan. Kalau boleh jadikan sebagai acara tahunan yang menyeluruh yang kita perturunkan di seluruh er… kawasan dalam er… dalam negeri Pahang. Kami daripada PAS er… boleh

katakan er… daripada PAS ini, Tanjung Lumpur, DUN Tanjung Lumpur. YB Tanjung Lumpur, dia mempelopori majlis walimah perdana setakat hari ini…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Nak tanya wakil daripada Tahan, mempelopori itu dia kahwin ke ataupun orang lain yang kahwin. Tanya... terima kasih. (Ahli Dewan ketawa)

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Err… kita er…

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Tanya siapa tu.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Kita nak tanya, yang bercakap ataupun yang mempelopori (ketawa). Siapa-siapa pun boleh jawab.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita anjur er… kita mempelopori program ini. Bukan kita… er… sebab itu kena faham tu molek-molek tu… er… Lanchang. Jadi kita…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, lain kali cakap kena terang (ketawa).

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Lanchang ni… terima kasih Lanchang (ketawa). Saya sebut, kami daripada PAS, YB Tanjung Lumpur, telah mengadakan 6 siri, 6 ataupun 6 kali berturut-turut. Temerloh dah buat 4 kali, Kuala Krau 3 kali, Jerantut sekali baru, er… Lipis 2 kali dah, Indera Mahkota 2 kali, dan juga Pekan 1 kali.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang di-Pertua, mohon laluan. Nak tanya, yang di Temerloh tu siapa yang mempelopori tu (ketawa).

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Cumanya nak sebut er… program er… walimah perdana ini sangat membantu golongan pemuda untuk masuk ke alam perkahwinan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kita anjur walimah perdana, kita mengenakan bayaran penyertaan untuk sepasang pengantin RM1500 hingga RM3000 sahaja setakat harini er… harini. Ini diantara usaha yang kita buat er… untuk kita membantu golongan remaja er… golongan pemuda, belia untuk mereka melangkah ke gerbang perkahwinan, jadi…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ucap terima kasih kepada ADUN er… Tahan er… dan saya ucap terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana dalam siri-siri walimah ataupun kita kata walimatul urus perdana er… pernah diadakan di Daerah Rompin, yang mana kerajaan negeri telah menyumbang sebanyak RM20,000 kerjasama antara JAIP dengan Puteri UMNO daerah Rompin, di Rompin. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Ya… sebab itulah tadi saya sebut di awal tadi, Dato Sri Yang di-Pertua, bahawa saya mengetahui program itu ada dibuat, cuma saya mencadangkan dan menyarankan agar ianya diperkasakan dengan cara dia… kita buat secara tahunan. Jadikan sebagai program tahunan negeri, sebagai salah satu daripada program sosial Kerajaan Negeri untuk membantu golongan muda.

Akhir sekali, Dato Sri Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan kepada er… Kerajaan Negeri di atas er… perhatian yang diberikan kepada sektor pelancongan. Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada NGO *bird group* taman negara yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat ASEAN pada tahun ini atas inisiatif dan usaha berterusan yang dilakukan berasaskan kepada satu, *Birding Tourism*, pelancongan er… memburung, yang kedua komuniti *based eco tourism* iaitu eko pelancongan er… berasaskan komuniti.

Program *Birding Tourism* daripada 2014 dianjurkan er… 2014 dianjurkan hingga pada tahun ini dibuat kali yang keenam. Alhamdulillah, ianya adalah produk pelancongan baru er… untuk Taman Negara. Di samping er… ia juga mengambil… diambil peluang juga oleh golongan orang Asli er… orang Asli di Kampung Dedari iaitu suku kaum Batek yang juga menjadikan er… kampung mereka itu sebagai pusat pelancongan yang dilawati oleh pelancong-pelancong dalam dan juga luar negara. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Lembah Enggang Tembeling, salah satu daripada lokasi yang jajarannya sepanjang 22 kilometer daripada Kampung Tuit sehingga Kampung Kuala Sat menjadi er… orang panggil… lokasi er… mereka-mereka yang berminat dengan burung ini, untuk melihat burung-burung.

Untuk makluman, dalam tempoh 5 tahun yang telah orang panggil… berlalu, program memburung ini dijadikan sebagai produk pelancongan di taman negara, sekurang-kurangnya 100 spesis burung yang telah dikenalpasti yang terdapat di er… Lembah Enggang Tembeling dan ada 9 spesis Burung Enggang daripada 11 spesis Burung Enggang di Malaysia, 9 nya terdapat di Lembah Enggang Tembeling dan saya nak sebut juga komuniti *based eco tourism* ini juga dibangunkan juga di Kampung Gol Kuala Tahan dan er… terbaru kita sedang membangunkan komuniti setempat sedang membangunkan er… orang asli Semok Beri Komuniti, projek di kampung orang asli Sungai Tiang sebelum nak masuk ke perkampungan melayu di Kampung Gol.

Apa yang saya nak sebut, projek-projek ataupun er… produk pelancongan yang sedang dibangunkan oleh penduduk-penduduk tempatan di Kuala Tahan, di Kampung Gol, di perkampungan asli Sungai Tiang, di Kampung Dedari, projek

ataupun produk ini asasnya ialah hutan. Perlu ada hutan. Oleh kerana itu, saya ingin pihak er… pihak Kerajaan Negeri dalam masalah pembalakan ataupun dalam masalah kita orang panggil, menjadikan pembalakan sebagai salah satu daripada kita punya er… sumber ekonomi negeri er… saya mengharap agar Kerajaan Negeri dapat memberikan er… perhatian er… kepada er… produk-produk yang telah dibangunkan oleh rakyat setempat supaya kita tak mahu er… dengan sebab er… pembalakan yang er… kita lakukan akhirnya akan menyebabkan produk-produk yang baru ini, akan hilang dan juga menyebabkan pelancong-pelancong tidak akan datang er… ke tempat kita. Jadi saya er… rasa cukup seta… setakat itu, untuk kali ini, dan saya mohon er… menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, sekian. Assalamualaikum WBT. (Ahli Dewan menepuk meja)

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat daripada Tahan. Saya panggil satu lagilah untuk yang terakhir ini. Saya nampak Triang dah bangun awal tadi. Sila. Masa yang beri 20 minit. YB ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengadakan perjumpaan dengan ADUN Bukan Kerajaan, bagi perbincangan bersama juga berkongsi pandangan untuk meningkatkan mutu sesi soal jawab dan perbahasan di Dewan. Demi lebih menambah baik amalan demokrasi di Negeri Pahang, saya bercadang meningkatkan *accessibility* rakyat terhadap gerak kerja di Dewan Negeri. Sebagai contoh, siaran langsung Sidang Dewan, muat naik *hansard* dan jawan… jawapan lisan ke laman web atau sosial media Kerajaan Negeri. Ia dapat menarik minat orang awam untuk mengikuti perkembangan semasa di Negeri Pahang. Ini juga selaras dengan inisiatif baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mendekati masyarakat yang aktif dalam penggunaan internet pada hari ini. Pada masa yang sama, pengundi juga diberi peluang untuk menilai prestasi Wakil Rakyat yang dipilih di Sidang Dewan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya berasa terharu apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang turut memahami kerisauan pekebun kecil yang bergantung kepada hasil kelapa sawit bagi kelangsungan hidup dan menyarankan agar kerajaan berusaha membantu meringankan beban pekebun kecil ekoran kejatuhan harga komuniti di pasaran antarabangsa. Dalam konteks ini, saya mohon perhatian Kerajaan Negeri, atas peningkatan kadar bayaran permit mengutip dan mengeluarkan buah kelapa sawit atau *tapping right,* dengan izin, yang naik sebanyak 50% dari RM8 sepokok, kepada RM12 sepokok. Kenaikan kadar tersebut sebenarnya membebankan pekebun kecil yang sedang menanggung kemerosotan harga komuniti. Saya percaya ini mungkin salah satu langkah Kerajaan Negeri untuk menambah hasil akan tetapi saya lebih cenderung untuk percaya bahawa Kerajaan Negeri atas dasar

kasih sayang kepada anak Pahang yang rajin bekerja akan memberi pertimbangan untuk mengekalkan kadar *tapping right* pada RM8 sepokok.

Mengapakah ini penting? Saya ingin berkongsi sedikit pengiraan pendapatan dan kos menjaga kebun sawit. Dalam keadaan normal, satu ekar kebun sawit dapat menanam 50 ekor... 50 pokok dan menghasilkan satu tan sebulan, iaitu pendapatan untuk satu ekar kebun sawit adalah lebih kurang RM330. Kos untuk menjaga kebun sawit, termasuk baja, upah kerja potong buah, lori hantar buah, *pruning,* upah kerja potong rumput dan racun rumput adalah lebih kurang satu ekar RM160. Maknanya, pekebun kecil hanya dapat RM170 satu ekar sebulan. Penambahan *tapping right* ini, secara *significant* menambahkan perbelanjaan mereka. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan lagi supaya mengekalkan *tapping right* kepada RM8 sepokok.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di daerah Bera, terdapat 6 pengusaha pasir yang selama ini tidak menghadapi masalah besar dalam pembaharuan permit bahan batuan pasir. Akan tetapi pada tahun ini, permit tersebut tidak dapat disambung sehingga kini sejak 1 Januari 2019. Mereka dilarang meneruskan menge… operasi mengepam pasir. Ini akan menjejaskan pembangunan setempat dengan kekurangan bahan binaan. Masa itu emas. Oleh itu, saya mohon jasa baik untuk mendahulukan agenda ini, dalam Exco *Meeting*, supaya permit tersebut di daerah Bera dapat diperbaharui secepat mungkin.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Isu tanah tanpa izin, telah banyak kali dibawa ke Dewan Yang Mulia ini. Di daerah Bera, pekebun kecil di Paya Lang, Bandar 34 dan Ulu Mengkarak masih menanti-nantikan supaya tanah yang diusahakan berpuluh-puluh tahun, yang juga merupakan penyumbang ekonomi kepada negara pada suatu hari nanti diluluskan hak milik oleh Kerajaan Negeri. Saya berterima kasih kepada keraja… Kerajaan Negeri kerana tidak mengganggu golongan pekebun kecil daripada menjalankan aktiviti pertanian atas tanah tersebut.

Selain kan, terdapat projek pembangunan yang meman… memanfaatkan majoriti. Walau bagaimanapun, saya juga mohon jasa baik Kerajaan Negeri untuk mengambil kira kepentingan golongan pekebun kecil ini apabila pajakan sewaan atau geran tanah diberi. Atas prinsip kemanusiaan dan keadilan mereka yang betul-betul bergantung pada hasil tanaman tersebut untuk mencari rezeki, patut diberi keutamaan. Bukan mana-mana pihak yang masuk sekadar mengaut keuntungan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang berjaya menambahkan kutipan hasil sebanyak RM19 juta berbanding dengan suku pertama, pada tahun 2018. Seperti yang dilafaz oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, semoga dengan peningkatan hasil ini, perancangan pembangunan yang lebih berkesan dapat diatur secara berhemah, seterusnya memberikan manfaat kepada rakyat. Untuk makluman Kerajaan Negeri, di kawasan Triang, kita masih menunggu projek pembangunan seperti berikut. Pertama, menaik taraf dan menyelenggara Padang Awam Triang yang bermasalah selama 11 tahun dan sehing… sehingga kini, masih berterusan. Kedua, membina Taman Rekreasi Triang. Padang Awam dan Taman Rekreasi Triang bukan sahaja penting untuk mewujudkan keseimbangan antara

pembangunan dan pengelkalan… dan pengekalan alam sekitar semulajadi juga memainkan peranan untuk memupuk cara hidup sihat di kalangan rakyat kerana rakyat sihat negara makmur.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, saya pernah membawa isu banjir kilat Taman Bera Jaya, Triang di Dewan Yang Mulia ini, dan saya berterima kasih atas kerjasama Majlis Daerah Bera, JKR dan JPS akhirnya masalah ini diselesaikan. Tapi malangnya, baru-baru ini, banjir kilat berulang lagi di Taman Bera Jaya, Triang. Dan kita percaya salah satu sebab adalah disebabkan pembangunan di sekeliling taman tersebut. Pada masa yang sama, kawasan hitam di kawasan Triang, untuk banjir kilat adalah Taman Cheng Sew, Taman Mawar Jaya, dan PR1MA Triang.

Memandangkan masih ada lagi projek-projek pembangunan yang baru di kawasan Triang sebagai langkah pencegahan saya mohon Majlis Daerah Bera, sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, untuk memantau dan mengawal ketat supaya semua projek yang sedang dijalankan atau bakal dijalankan akan memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam pelan pembangunan supaya mengelakkan masala… masalah banjir kilat yang baru akan berlaku.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Isu terakhir adalah mengenai dengan tekanan air rendah. Kita faham bahawa loji air Triang pada masa kini, mungkin tidak dapat menampung keperluan penggunaan air di daerah Bera. Semasa menunggu penstrukturan semula air, kita harap bahawa pihak PAIP dapat merancang satu langkah jangka pendek supaya masalah tekanan air yang telah lama merunsingkan rakyat dapat diselesaikan. Sebagai contoh mungkin boleh er… sebab saya bukan teknikal mungkin boleh menyediakan kemudahan untuk pam air ataupun tangki sementara yang tidak menggunakan peruntukan sebegitu banyak sekiranya berbanding dengan projek menaiktaraf Loji Air Triang. Jadi akhir sekali saya berharap bahawa isu-isu yang dibawa ini ada baru, ada lama, boleh diambil perhatian dan tindakan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Dan akhir sekali saya menyokong titah ucapan… Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja selama 2 hari. Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat menepati masa dan menyampaikan hujah-hujah dengan baik. Untuk makluman semua, saya akan memberi peluang pada pihak kerajaan memberi jawapan dan ulasan pada hari esok. Saya yakin pihak kerajaan akan memberi jawapan yang jelas, tepat dan fokus sepertimana hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat. Insya-Allah, persidangan kita akan disambung semula pada hari esok, 18 April 2019 bermula jam 9.30 pagi. Persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan pada pukul 5.01 petang]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-4
18 APRIL 2019 (KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KE-4 – 18 APRIL 2019 (KHAMIS)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	30
5	MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	61

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Keempat : 18 April 2019 (Khamis)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, - **Batu Talam**
DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia**	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna**	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan**	-	**Lepar**
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	-	**Dong**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., AMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun, DIMP., SMP.	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**

Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT (BERGILIR):

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Zulhanin bin Ab Ghani, AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Khamis : 18 April 2019

Bersamaan : 12 Syaaban 1440 Hijriah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

[Ayat Al-Quran]. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagian meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandu pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. [bacaan Al-Quran].

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan dan Jawapan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian. Alhamdulillah kita bersyukur kehadrat Allah SWT pada pagi ini kita diberi kelapangan, kesihatan dan dapat bersama-sama meneruskan persidangan pada pagi ini mengikut aturan urusan mesyuarat. Pada kali ini saya akan menjemput Yang Berhormat daripada Sungai Lembing.

YB. DATO HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mengemukakan soalan nombor 1.

> [Mohon pencerahan mengenai isu bauksit, bilakah pihak kerajaan negeri dapat memulakan dan mengeluarkan keseluruhan *stock file* bauksit.]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pada September...18 September 2019 Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengeluarkan kenyataan media bahawa berkenaan dengan moratorium bauksit di Pahang adalah sehingga 31 Mac 2019. SOP baru bagi aktiviti yang disediakan meliputi aspek perlombongan sehingga pengeksportan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan satu sesi taklimat bersama *stakeholders* akan diadakan bagi mempastikan semua pihak yang terlibat bersedia.

Pada satu sesi pendengaran awam berkaitan pemakaian SOP telah diadakan pada 14 Mac...April baru-baru ini, hari Ahad yang lepas 2019 bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah. Kepada pihak awam dan satu laporan oleh Jawatankuasa *Executive* Penilaian Pemakaian SOP bagi perlombongan bauksit negeri Pahang akan dikeluarkan, sebelum ianya dibentangkan semula kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Justeru itu, apabila SOP yang dideraf oleh KATS ataupun Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli disempurnakan, iaitu mematuhi kehendak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, maka barulah aktiviti perlombongan bauksit ini dilaksanakan, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Saya jemput soalan berikutnya ADUN Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 2.

Mohon kerajaan menjelaskan:

> [Setakat 24 Ogos 2018 seramai 4,365 suri rumah telah mendaftar sebagai pencarum skim Caruman Sukarela Insentif Suri (i-SURI) KWSP di seluruh negara. Bagaimana pula sambutan terkini skim "i-SURI" di negeri Pahang dan apakah tindakan kerajaan negeri bagi membantu Kerajaan Pusat menjayakan skim ini.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Petua,

Untuk menjawab soalan wakil daripada Padang Tengku. Untuk makluman er... program i-SURI ataupun Skim Caruman Sukarela Insentif Suri KWSP er... sebenarnya telah er... digerakkan oleh Kerajaan Persekutuan dan kita di pihak Kerajaan Negeri tiada halangan er... tentang program ini dan saya sendiri telah diberi taklimat oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan saya difahamkan bahawa seramai 1243 orang yang aktif menerima bantuan dalam sistem e-bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang. Berdasarkan senarai layak i-SURI ni, hanya 475 orang yang bersetuju untuk mencarum dan 31 orang lagi tidak bersetuju. Manakala 737 orang tidak hadir dalam sesi jadual taklimat program yang telah diadakan. Untuk makluman Wakil Padang Tengku juga, setiap daerah telahpun mengadakan er... taklimat kepada mereka yang layak ini ya...dan saya boleh bagilah senarai jadual taklimat kepada Wakil Padang Tengku selepas ini. Namun begitu saya menegaskan

bahawa i-SURI ini, sepertimana saya telah jelaskan tadi bukanlah untuk semua ya, dia hanya kepada mereka yang layak di dalam e-bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya melihat ini satu insentif yang baik. Satu-satunya insentif yang baik oleh Kerajaan Persekutuan. Saya juga sebenarnya menerima pandangan ataupun hasrat daripada warga emas yang termasuk dalam senarai layak untuk menerimanya. Dan ramai yang terlepas kerana dia buat sekali di Pejabat Kebajikan Masyarakat, kemudian yang berminat selepas itu, sebab ramai tadi yang... yang kata yang tidak hadir dan tak hadir kerana berbagai sebab er... tak hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat dan mempunyai masalah untuk hadir er...dan kemudian terpaksa pergi ke pejabat KWSP yang berhampiran. Kalau macam di Lipis terpaksa pergi ke... ke... Raub.

Jadi, persoalan yang saya nak ajukan. Adakah rancangan untuk membantu program ini supaya pihak KWSP ini hadir ke kampung-kampung atau ke pejabat-pejabat penghulu yang berhampiran supaya boleh menarik orang-orang tua ni untuk hadir ke tempat berkenaan?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Yang di-Pertua,

Di Lipis, di mana daerah Wakil Padang Tengku yang layak adalah 128, yang setuju 46 orang, tak hadir 82 orang. Ya, apa peranan Kerajaan Negeri? Kerajaan Negeri walaupun saya katakan tadi tak ada halangan ya tetapi kempen untuk pelaksanaan i-SURI ini dilaksanakan oleh pihak er...jabatan er...sendiri ya dan kita pun tidak diminta untuk beriya-iya sangat membantu. Jadi orang tak beriya, kita pun tak berapalah. Ya, Wakil Padang Tengku. Jadi bila mereka dah laksanakan program kempen dan sebagainya kita hanya memberi sokongan sahaja. Namun begitu sekiranya... namun begitu sekiranya pihak jabatan meminta Kerajaan Negeri ya, untuk membantu atau mengambil inisiatif tambahan untuk mengadakan kempen, di pihak kita, kita tiada halangan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Assalamualaikkum wbt. Saya cuma ingin minta penjelasan pihak Kerajaan Negeri tentang inisiatif i-Suri ini. Ada tak hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan skim yang sama peringkat negeri sahaja peringkat… Kerajaan Negeri supaya kita boleh menjadi model yang baik kepada negeri-negeri lain? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Setakat ni belum ada cadangan ke arah itu, namun begitu saya mengalu-alukan Wakil Beserah untuk mengemukakan cadangan untuk kita bincangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput Muadzam.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Yang di-Pertua,

Saya nak bertanya kepada pihak kerajaan. Syaratnya adalah seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Kuala Sentul tadi. Syaratnya adalah, peserta ni mesti daripada e-Kasih tapi saya nak tahu juga adakah had lain contohnya dari segi usia dan sebagainya ataupun semua e-Kasih itu layak?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dia adalah yang termasuk di dalam sistem e-Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang, ya. Maknanya 1,243 orang ini yang telah dikenal pasti mencukupi had-had kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 3.

[Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), sila nyatakan:

a) Berapakah jumlah pelajar terkini yang mengikuti pengajian di KUIPSAS?

b) Apakah bidang kursus yang mendapat sambutan di KUIPSAS dan kursus yang tidak mendapat sambutan?

c) Apakah perancangan masa panjang KUIPSAS untuk menjadi pilihan utama pelajar mengikuti pengajian di sana?

d) Apakah perancangan kerajaan untuk membezakan antara KUIPSAS dan UCYP?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kerajaan.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya bangkit hari ini untuk menjawab bagi pihak rakan saya, ADUN daripada Kerdau, yang kini masih menerima rawatan di Hospital HoSHAS di Temerloh. Insya-Allah, mudah-mudahan kita doakan supaya rakan saya, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri akan cepat pulih dan berkhidmat semula seperti biasa. Insya-Allah saya cuba jawab yang terbaik.

Bagi menjawab soalan daripada sahabat saya daripada Beserah mengenai Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah ataupun KUIPSAS, iaitu berapakah jumlah pelajar terkini yang mengikuti pengajian di KUIPSAS. Er… sebenarnya, bagi program ijazah dia ada 348 ya, bagi program-program lain kita jumlahkan semua sekali. Keseluruhan program diploma dan ijazah, kita ada 1,366 pelajar yang menuntut di KUIPSAS. Bagi soalan kedua, apakah bidang kursus yang mendapat sambutan di KUIPSAS dan kursus yang tidak mendapat sambutan?

Dato Sri Yang di-Pertua,

Bidang yang mendapat sambutan dan paling popular sekali adalah pendidikan awal kanak-kanak dan diikuti oleh bidang pengajian Islam dan seterusnya bidang pengajian pengurusan dan er… kursus yang kurang mendapat sambutan ialah sains komputer dan juga kursus Bahasa Arab dan pengurusan pemasaran, *marketing management*.

Apakah perancangan masa depan ataupun perancangan jangka panjang KUIPSAS yang menjadi pilihan utama pelajar mengikuti pengajian di sana? Sebenarnya, antara lainnya kita ni di KUIPSAS ni sebenarnya kita dah ada 24 program yang telah pun diiktiraf oleh pihak negeri dan kita ataupun KUIPSAS mencadang untuk menambah program baru dan antara usaha untuk menarik minat pelajar-pelajar untuk menuntut di KUIPSAS ni adalah menyediakan kursus pengajian berteraskan Islam Aqli dan Naqli yang bersifat kontemporari dan mencakupi kehendak sumber manusia di Malaysia serta mematuhi kepiawaian MQA dan JPT, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Keduanya, menawarkan program pengajian prasiswazah dan pascasiswazah, *post graduate,* yang sentiasa relevan bagi semua pelajar serta bersifat fleksibel khususnya untuk pengajian jarak jauh bagi calon pelajar yang mempunyai kerjaya.

Yang ketiganya meneruskan hubungan dua hala dengan universiti tersohor di dunia contohnya Universiti Al-Azhar di Mesir dan menggiatkan lagi usaha kerjasama akademik bersama universiti-universiti yang diiktiraf Kerajaan Malaysia di Timur Tengah umumnya di Rantau Asia bagi membuka peluang kepada graduan siswa dan siswi KUIPSAS untuk melanjutkan pengajian di sana. Seterusnya usaha yang dibuat ialah untuk merangka semula program pengajian diploma daripada 3 tahun pengajian kepada 2 tahun pengajian dan soalan yang keempat apakah perancangan kerajaan yang… untuk membezakan antara KUIPSAS dan UCYP iaitu KUIPSAS dengan Universiti Kolej Yayasan Pahang.

Kita tahu KUIPSAS adalah pusat pengajian berteraskan pengajian Islam serta universiti Islam berteraskan Islam milik Kerajaan Negeri Pahang. Manakala UCYP Universiti Kolej Yayasan Pahang adalah universiti kolej atau universiti yang berteraskan kepada pengajian khususnya akademik dan juga kemahiran, dan er… KUIPSAS merupakan pusat pengajian Islam dan bahasa Arab dan pusat pengembangan tulisan jawi di negeri Pahang. Itu kriteria yang membezakan antara dua dan memberi opsyen pilihan kepada pelajar-pelajar untuk membuat keputusan sama ada memilih KUIPSAS ataupun UCYP. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh soalan tambahan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya terima kasih Wakil Kerajaan dan kita sama berdoa semoga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Kesihatan dan Islam ini dapat menjalani rawatan dengan baik dan diberikan kesembuhan dengan segera. Cuma saya dalam soalan saya ini sebenarnya, saya ingin melihat kedua-dua institusi milik kerajaan ini disinergikan *leverage* kan kekuatan kedua-dua insititusi itu. Kalau boleh Kerajaan Negeri menimbangkan supaya digabungkan menjadi satu institusi sahaja di negeri Pahang ini selain daripada kita ada dua institusi pendidikan.

Walaupun masing-masing ada kekuatan tetapi kalau kita gabungkan kekuatan kedua-duanya,dia akan boleh mengurangkan ataupun boleh menghilangkan kelemahan yang ada terutama sekali dari sudut pengurusan sumber, yang kedua dari sudut promosi yang boleh mengurangkan kos dan juga boleh mengurangkan er… boleh menambahkan lagi peningkatan terhadap promosi tersebut. Yang ketiga ia juga boleh menjimatkan dari sudut infrastruktur, penyelenggaraan dan sebagainya. Jadi, kalau boleh Kerajaan Negeri mengkaji supaya kedua-dua institusi ini kita gabungkan supaya ia menjadi satu institusi yang unggul di negeri Pahang. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Ini satu input dan pandangan yang baik daripada sahabat saya daripada Beserah kerana memang menjadi matlamat objektif Kerajaan Negeri dalam penubuhan institusi pengajian tinggi. Kita lihat bahawasanya antara yang ingin kita capai ialah suatu tahap kualiti yang tinggi, ya, di peringkat apa nama… nilai graduan-graduan yang akan dihasilkan daripada institusi pengajian tinggi ini. Insya-Allah sebenarnya usaha ini sedang dalam er… diteruskan malahan kalau sepertimana yang kita sedia maklum, Kolej Universiti Yayasan Pahang ini bermula dengan apa yang dipanggil sebelum ni? IKIP - Institut Kemahiran… Pahang tapi telah dinaik taraf hingga ke kolej universiti.

Malahan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah mengetuai satu rombongan lawatan kerja teknikal ke Eropah, ke negara Belgium dan juga Holland atau Belanda dan kita lihat *benchmarking* ya, tujuan antara objektif itulah *benchmark.* Kerana di negara-negara Eropah seumpama ini, dia mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu, dan kita lihat misal contohnya di Holland tu kita ada *Delft University* dia panggil D.E.L.F.T*. Delf Univerisity* ini adalah suatu universiti yang tersohor dalam bidang *hydraulics,* di mana kepakaran-kepakaran er… diperolehi dan menghasilkan jurutera-jurutera dan pakar-pakar *hydraulics* yang hebat yang tersohor di dunia.

Malahan negara-negara maju lain seperti Amerika, di Eropah di United Kingdom dia memohon juga *input-input* daripada Delft ataupun kepakaran daripada Belanda ini, kerana er… mereka telah mengalami satu fenomena di mana banjir besar telah melanda Belanda dan menyebabkan pengorbanan beribu rakyat mereka dan mereka memutuskan untuk membuat sesuatu, membina… dipanggil benteng ataupun dipanggil bahasanya tak jelas yang bermula daripada kosong. Makna dia mengkaji, buat reka bentuk dan membinanya secara er… betul-betul menggunakan kemahiran Belanda. Sebab itu Belanda adalah merupakan satu *benchmark* yang tinggi dalam bidang *hydraulics.*

Perkara ini Yang Amat Berhormat telah bercakap dengan Vice Chancellor Universiti KYP mungkin peringkat awalnya kita hantar *trainners*, pensyarah untuk buat tak jelas *study,* dengan izin, dan seterusnya akan memperkenalkan kursus-kursus yang boleh diketengahkan di peringkat negara dan juga menarik minat mungkin pelajar-pelajar

asing daripada rantau asia ini. Sebab itu dalam konteks ini tadi, walaupun kita mengambil pandangan daripada sahabat-sahabat mengenai pengabungan dengan dua institusi utama tapi kemungkinan masing-masing mempunyai kekuatannya itu sendiri. Jadi pengkhususan itu mungkin kita lihat kalau sekiranya perlu boleh kita gabungkan tetapi kalau ianya boleh berkembang secara tersendiri, kita mengharapkan insya-Allah dengan perancangan yang teliti, *master plan* dan *blueprint* yang hebat, *benchmarking* yang tinggi *standard* yang kita tetapkan, saya yakin Univeristi Kolej Yayasan Pahang dan juga KUIPSAS ini akan menjadi institusi pengajian tinggi yang boleh kita banggakan nanti dan menarik minat pelajar-pelajar bukan sahaja dalam negeri Pahang dan di luar Negeri Pahang, dalam Malaysia tetapi juga insya-Allah di negara-negara serantau. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kita pergi soalan berikut. Jemput Wakil Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon izin untuk kemukakan soalan nombor 4.

> [Sekiranya berlaku penstrukturan aset air di negeri Pahang, adakah ia akan melibatkan kenaikan tarif air. Apakah dasar kerajaan negeri mengenai tarif air?]

YB. DATO' SRI MOHD AZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Soalan Ketari adalah berkaitan dengan penstrukturan aset air di Negeri Pahang, adakah ia melibatkan kenaikan tarif? dan apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai tarif?

Izinkan saya Dato' Sri Yang Di-Pertua untuk *rephrase* dengan izinnya boleh er… jika boleh… saya fikir boleh membetulkan sikit persoalan. Sebenarnya apa yang kita sebut penstrukturan bukannya berkaitan dengan aset semata-mata tetapi ianya adalah satu penstrukturan industri Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, dan di dalam proses penstrukturan industri ini ianya melibatkan tarif dan penetapan tarif adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan ataupun dibawah SPAN, itu secara ringkasnya.

Sebagai makluman tambahan Dato' Sri Yang Di-Pertua, izinkan saya sekali lagi berkongsi maklumat tentang perstrukturan ini. Dalam satu sidang khas Parlimen pada pertengahan tahun 2005, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan bagi Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan Bekalan dan Perkhidmatan Air daripada senarai negeri kepada senarai bersama kecuali Sabah dan Sarawak. Pindaan diwartakan pada 10 Februari 2005 dan ia dikuatkuasakan pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan

Persekutuan akan mengawal selia industri perkhidmatan air dari segi perlesenan dan kawal selia operator perkhidmatan. Kerajaan Negeri akan mengekalkan kuasanya terhadap sumber air kawasan tadahan air dan lembangan sungai.

Pada pertengahan 2006, Akta Perlimen meluluskan dua undang-undang yang mengubah cara Malaysia menguruskan perkhidmatan air iaitu Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu Akta 654 dan… ataupun Akta SPAN dan Akta Industri Perkhidmatan Air atau Akta IPA yang juga digelar Akta 655 salah satu cadangan tawaran skim penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Pahang yang diterima daripada Kementerian… daripada Kerajaan Persekutuan adalah Kerajaan Negeri Pahang boleh menaikkan tarif pada tempoh atau kekerapan yang diputuskan oleh SPAN melalui *tariff setting mechanism* yang dibangunkan oleh SPAN. T*ariff setting mechanism* ini adalah bertujuan untuk meyeragamkan dan menyelaraskan tarif air di seluruh negara. Melalui proses-proses penyelarasan ini operator air di seluruh negara dapat menjana pendapatan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan operasi dan dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okay. Saya ingin bertanya, selalunya bagaimanakah proses untuk kenaikan er… proses kenaikan tarif air tersebut? dan adakah Kerajaan Pusat boleh menekan Kerajaan Negeri untuk menaik tarif air? Terima kasih.

YB. DATO' SRI MOHD AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Perkataan menekan ini saya tak berapa suka nak gunakanlah kerana ianya bukan lah satu proses satu hala, ini proses dua hala. Tapi er… kaedah penetapan tarif ini sangat teknikal Yang Berhormat. Ianya melibatkan, sepertimana yang saya katakan tadi er… satu kaedah yang kita akan cari satu tarif yang optimun, yang mana akan mengupayakan PAIP untuk beroperasi dalam jangka masa singkat, dalam jangka

masa panjang, di samping untuk menaik taraf fasiliti-fasiliti, kemudahan-kemudahan aset dan di samping itu juga harus diambil kira, Negeri juga harus mengambil kira tentang bagaimanakah kita akan membayar balik jumlah hutang yang sekarang ini disebut-sebut sebagai RM2.1 billion ataupun RM2.085 Billion yang kita rasakan tak berapa kena tu Dato' Sri Yang di-Pertua.

Jadi maksudnya, ada satu kaedah ya dan sememangnya dari segi kenyataan-kenyataan daripada kementerian itu memang menekan sikit kita lah kerana kita sering dikatakan Dato' Sri Yang di-Pertua, negeri yang paling lama tidak menaikkan tarif air kerana memang kita kalau boleh kita nak air percuma sahaja dan kalau terpaksa bayar pun, biarlah dalam kemampuan pengguna, industri ya dan apa… tapi pada masa yang sama kita faham keadaan-keadaan yang memerlukan penaikan… penaiktarafan ini. Cuma satu perkara Dato' Sri Yang di-Pertua, kita harap semua pihak kena faham di Pahang kita… pengguna-pengguna air di luar bandarnya Dato' Sri, kita nak berikan satu perkhidmatan yang setara.

Jadi untuk kita berikan kemudahan air yang bersih terawat di luar bandar ini kosnya sangat besar. Jadi pelaburan jangka masa panjang kerajaan yang membina sistem retikulasi di luar bandar Dato' Sri, orang nampak macam kita seolah-olah menerima bantuan aset daripada Persekutuan tetapi sebenarnya aset-aset yang diberikan kepada kita Dato' Sri Yang di-Pertua, selepas tempoh dua puluh, tiga puluh tahun kos penyelenggaraan nya sangat besar.

Jadi kita dalam proses Dato' Sri Pertua, dalam perundingan kita dengan Kerajaan Persekutuan nanti, kita ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, melalui Kementerian Kesihatan kita harus memikirkan model-model perbekalan air yang bersih dan terawat ini dalam skala-skala yang lebih kecil dan tidak membabitkan pengoperasian PAIP secara keseluruhan. Sebenarnya Dato' Sri Yang di-Pertua, hak untuk pengoperasikan perkhidmatan air di negeri Pahang ini bukanlah hanya diberikan secara mutlak kepada PAIP. Sebagai contoh di Genting Highlands Dato' Sri Yang di-Petua, er… pihak er… swasta yang mengoperasikan.

Jadi sebenarnya kita sentiasa mengalu-alukan mana-mana cadangan pihak industri untuk sama-sama memikul tanggungjawab ini tapi walau bagaimanapun harus kita ingat bahawa dalam sistem yang ada pada hari ini, sebelas daerah yang diuruskan perkhidmatan bekalan air ini oleh PAIP hanya daerah Kuantan yang memberikan sedikit lebihan keuntungan operasi bukan keuntungan mutlak, keuntungan operasi. Maksudnya keuntungan yang ada di Kuantan inilah terpaksa kita gunakan juga untuk mengupayakan perkhidmatan PAIP di seluruh negeri Pahang memberi bantuan kepada sepuluh daerah yang tidak memberikan pulangan diatas pelaburan Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Yang Berhormat. Soalan yang berikutnya. Jemput Wakil daripada Chenor.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 5.

[Adakah tangki air di Pekan Awah dan di Simpang Bukit Lada berfungsi dan dapat menyimpan air bagi kegunaan penduduk sekitar? Kerana masalah gangguan bekalan air masih berlaku termasuk kepada Perpustakaan Desa Pekan Awah yang bersebelahan dengan tangki tersebut?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, Wakil daripada Chenor bertanyakan tentang fungsi tangki air di Pekan Awah. Jadi jawapannya ianya masih lagi berfungsi tetapi ada kalanya fungsi itu terganggu. Untuk makluman Sidang Dewan yang dimuliakan, Tangki Air Kampung Awam di Simpang Bukit Lada, mendapat bekalan air daripada loji rawatan air di Seberang Temerloh. Gangguan-gangguan yang kerap terjadi di loji rawatan air di Seberang Temerloh atau masalah paip pembekal pecah, menjejaskan penyaluran air ke tangki ini yang jaraknya 12 kilometer. Gangguan-gangguan di loji rawatan air Seberang Temerloh yang melibatkan *vandalisme* kepada sistem loji dan gangguan bekalan air kadang-kadang daripada bekalan tenaga elektrik dan sebagainya. Inilah yang sebenarnya memberikan gangguan. Selain itu, permintaan air yang tinggi di kawasan bekalan khususnya pada musim-musim perayaan juga akan menjejaskan keupayaan tangki ini Yang Berhormat.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat.

Y**B. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK**

Soalan tambahan.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA

Ya. Tambahan.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Err… berkenaan dengan air ini, ia satu benda yang sangat penting bagi kehidupan manusia. Lebih-lebih lagi dalam berhadapan situasi perayaanlah. Jadi saya mengharapkan err… Exco yang menguruskan bahagian air ni, makna beri penekanan sedikitlah err… berkenaan dengan er… air ni dan ada di kalangan penduduk-penduduk setempat yang begitu payah untuk mendapatkan rawatan air… bekalan. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sememangnya kita err… apa ni, sentiasa memberi penekanan, kerana kita pun sentiasa tertekan dengan masalah-masalah pengguna, dan kita sentiasa mencari jalan. Sebab itulah kita kena apa ni, melihat bagaimanakah dalam masa secepat mungkin boleh kita mengupayakan err… meningkat lagi keupayaan PAIP untuk

menyampaikan perkhidmatan. Semalam kita berhujah dengan soalan yang dibangkitkan oleh Tras ya, bagi kita mungkin untuk mewujudkan pam *booster,* tangki dan sebagainya, kos yang tidak seberapa. Tetapi kalau kita tengok er… keseluruhan negeri Pahang ini, kalau kita tengok jangka masa yang panjang sebenarnya, ianya sangat membebankan. Jadi saya pun kalau boleh hendak juga pandangan daripada Ahli-ahli Dewan, adakah kita bersetuju atau tidak dengan kenaikan tarif air sekiranya ditetapkan oleh SPAN nanti. Err… mungkin boleh dapat pandangan daripada Chenor. Setuju ke tak setuiu kita naikkan tarif.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Err… naik tu, kita tidak setujulah.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Itulah masalahnya Yang Berhormat. Saya percaya Ketari pun agaknya kalau tanya dalam Dewan ni, ya, dia kata, dia pun tak setuju. Ha… jadi, maknanya sekarang ni, sebenarnya kita bersama-sama, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan yang kita lihat menekan kita untuk menaikkan tarif ya, jadi pengguna pun hendak perkhidmatan yang baik, jadi saya harap seluruh isi Dewan sama-samalah me…me…memikul tekanan ini. Kita selesaikan sebaik mungkin, kita beri mandat sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana perundingan masih lagi berjalan. Jadi saya harap tidak ada kenyataan-kenyataan politik di luar sana yang menafikan, kebenaran fakta-fakta tentang situasi semasa. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA

Tak apa Yang Berhormat. Kita pergi soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Pulau Manis, yang bertanyakan tentang peruntukan yang diberikan oleh kerajaan sama ada peringkat pusat mahu pun negeri terhadap pembangunan belia di negeri Pahang ini. Dan dilihat dalam soalan tersebut menggambarkan seolah-olah memang belia ni, banyak masalah. Kita dah bagi tahu bahawa dalam Dewan Yang Mulia ini, bukan belia sahaja masalah, ramai lagi yang bermasalah. Kalau tengok menteri-menteri dalam Dewan Rakyat tu, lagi banyak masalah daripada belia-belia. Apa pun, Yang Berhormat Yang di-Pertua, pihak

kerajaan Negeri telah menyelaraskan peruntukan Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan belia.

Melalui Kementerian Belia dan Sukan, telah mendapat beberapa peruntukan dalam RMK ke11 iaitu sehinga tahun 2019 yang mana bajet bagi peruntukan pembangunan belia adalah berjumlah RM8.65 juta yang diagihkan melalui pembangunan pusat belia. Antaranya iaitu, Pahang Skills Development Centre, Pahang. Mana kala peruntukan Kerajaan Persekutuan daripada tahun 2016 hingga 2019 adalah berjumlah RM1 billion.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Untuk pengetahuan Sidang Dewan yang Mulia ini, pihak kerajaan sentiasa mengambil prihatin tentang permasalahan golongan belia pada masa kini. Pelbagai bantuan telah disediakan bagi membantu golongan belia supaya sentiasa bersedia untuk bersama-sama pihak kerajaan di dalam arus pembangunan negara dan negeri. Pembangunan belia perlu dibangunkan melalui pengembangan ilmu bagi memantapkan jati diri dan kepimpinan golongan ini. Dengan pemantapan ilmu, golongan ini diharap akan lebih berdaya saing dan maju untuk menghadapi arus pembangunan di era globalisasi. Bantuan yang diberi… yang diberikan oleh kerajaan dalam membangunkan belia adalah melalui pelaksanaan latihan-latihan serta kemahiran kepada para belia dari pelbagai agensi.

Ini termasuklah apa yang saya sebutkan tadi, pihak PSDC. Kalau dilihat dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak PSDC ini, berpuluh-puluh kursus yang sangat sesuai untuk para belia. Dan kita lihat dalam rekod kursus-kursus yang dianjurkan ini, ramai di kalangan belia negeri Pahang err… berkursus di PSDC.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Sidang Dewan, latihan kemahiran juga diberikan kepada golongan belia yang mana ianya adalah untuk meningkatkan kemahiran sekali gus memberi *input* baru kepada golongan tersebut. Sebagai contoh, sebagai contoh, di Perlimen Pekan sendiri, kawasan Yang Berhormat, err… kita ada IKBN. Institut Kemahiran Belia Negara, Pekan dan juga Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Temerloh, bukan sahaja menawarkan latihan-latihan kemahiran tetapi juga memperuntukkan insentif kepada golongan belia yang berkenaan.

Dan satu kelebihan untuk makluman Yang Berhormat Kawasan. Di IKBN Pekan tu, latihan yang ditawarkan adalah dalam bidang pembuatan badan kapal terbang ya. Bukankanlah makna kapal terbang yang *airbus* 380 tu, tetapi maknanya konsep *material, raw material* tu, ada ya, untuk *lights flight* dengan izin, *chesna* dan sebagainya, ya, yang ditawarkan adalah dalam bidang pembuatan badan kapal terbang iaitu latihan berkenaan telah memberikan manfaat kepada belia, mana kala di IKBN Temerloh ia lebih kepada bidang automotif ya. Ha… dan di Pekan dah ada Hub Automotif, jadi kita tengok IKBN di Temerloh difokuskan kepada bidang automotif.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Latihan-latihan yang diberikan di Institut Kemahiran Belia tidak hanya tertumpu kepada bidang kemahiran sahaja. Malah para pelatih juga akan dibangunkan dengan kemahiran keusahawanan-keusahawanan yang membolehkan mereka mengembangkan bakat keusahawanan mereka selepas tamat pengajian. Agensi-agensi lain yang juga ada menyediakan pelbagai kemudahan serta latihan kepada golongan belia ini, antaranya ya, saya sebutkan, iaitu MARA, TEKUN, SME Bank, TEB

atau Tabung Ekonomi Belia yang menjana kepada Tabung Ekonomi Belia, err… dan juga Skim Belia Tani, SBT ya. Kalau saya sebut satu-satu ni, yang mana proses kedua ini juga adalah menyokong kepada dasar pembangunan belia negara dan juga wawasan 2020 melibatkan belia dalam ekonomi perniagaan.

Kita juga ada PUNB, ya, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, yang ditubuhkan sejak tahun 1991 yang mana telah memberi banyak peruntukan-peruntukan, sama ada diperingkat negara mahu pun di peringkat negeri Pahang ini, yang telah menyaksikan ramai di kalangan anak-anak muda yang berjaya, yang pinjamannya lebih selamat dan lebih terjamin bukan sahaja bermula RM500 sehinggalah RM500,000.00. Ha, ini nak menunjukkan bahawa, agihan pinjaman serta kelulusan oleh pihak tersebut, err… sangat banyak. Dan kita ada juga err… GLC *State* dengan izin, atau pun agensi-agensi Kerajaan Negeri Pahang seperti Yayasan Pahang ya, yang banyak memberi kredit pinjaman atau pun bantuan kursus-kursus serta err… khidmat kepada anak-anak muda belia kita ini untuk er… disalurkan kemahiran atau kebolehan mereka ini sama ada dalam agropreneur dan atau pertanian ataupun er… bidang-bidang keusahawanan yang lain.

Begitu juga er… dalam masa terdekat ini insya-Allah er… kami akan cuba er… membawa er… agensi-agensi kerajaan ini untuk bersama dengan anak-anak muda yang telah berjaya er… dalam korporatnya, dalam keusahawananya untuk er… mengambil rakan er… strategik ya. Walaupun kita tengok hari ini negeri Pahang bersendirian dengan erti kata tidak lagi mempunyai er… pentadbiran ataupun tadbir urus yang selaras dengan Kerajaan Pusat, sebab itu kita juga yakin bahawa dengan adanya GLC-GLC ini, kita akan sinergikan dengan anak-anak muda ini supaya mereka lebih berdaya saing dan berdaya maju dan tahu apa yang er… GLC-GLC ini boleh membantu mereka seperti PKNP, PKPP dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Kerajaan juga tidak memencilkan dan mengenepikan golongan belia yang telah terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan. Sebagai contoh Akademi Pembangunan Belia Malaysia Batu Gajah yang telah dijadikan pusat latihan bagi membangunkan usahawan di seluruh negara, bermula dari bidang yang hendak diusahakan sehinggalah kepada pemasaran produk. Di antara kursus yang ditawarkan adalah rancangan perniagaan, *digital online business* er… *food and beverage industry*, pengurusan kewangan, kursus kemahiran kormersil ataupun simenfero, komunikasi perniagaan, kursus ternakan ikan air tawar, kurus fertigasi dan sebagainya.

Kursus-kursus ini tidak hanya tertumpu kepada perniagaan semata-mata, tetapi juga menjurus kepada pertanian. Sebab itu dalam ruang lingkup yang ada ini juga saya ingin sampaikan bahawa, kita di negeri Pahang ini Aalhamdulillah ya melalui Jabatan Pertanian dan juga melalui er… Exco yang berkenaan ya, saban tahun kita akan er… dapat tahu ada peruntukan-peruntukan ataupun keluasan-keluasan tanah pertanian melalui skim ataupun kaedah TKPM ini ya, yang diluluskan di daerah-daerah tertentu, yang mana kita syorkan supaya di kalangan anak-anak muda ini juga dapat diberi ruang untuk menyertai er… skim dalam TKPM ini ya.

Dan begitu juga er… kita lihat pada hari ini bukan setakat pertanian tapi kita perlu cari modul baru untuk anak-anak muda ini termasuklah e-Sport ya, e-Sport ha... ni memang menjadi kegilaan anak-anak muda ya. Ha… ni pun satu masalah juga dalam keadaan eSport begitu diminati, digilai ramai kita akan lihat juga er… keadaan di mana anak-anak muda ini tidurnya kurang dan sebagainya. Dan kita tengok anak-anak kita

sendirilah ya, tuan-tuan boleh lihat er… yang cucu-culu lah ya kalau dia balik kampung tu dia duduk empat, lima orang boleh gelak-gelak dia duduk jauh-jauh. Dia pegang *handphone* masing-masing, tak kiralah ayah dia lebai ke, iman ke, YB ke apa memang masalah belaka ya nak cerita tentang masalah ni hari ini memang masalah banyak. Tapi macam mana kita nak *handle* masalah tersebut dan kadang-kadang saya tengok sendiri contoh er… anak-anak muda pada hari ini ya dia kalau di Kuantan anak muda dia cara hidup di Kuantan. Budaya setempat ya. Dia kata apa tu Al-Biah, Al-Muhibah apa ni *surrounding area* tu ya, dengan izin, makna kawasan persekitaran tu dia akan mempengaruhi keberadaan anak-anak muda ini.

Kalau kita tengok di Pulau Tioman anak-anak muda sana dia tak suka main badminton. Dia nak pergi kepada pembangunan *diving*, dia nak pergi *surfing*, dia nak pergi hat jenis lau-laut ni ha dia nak berlumba dengan ikan lumba-lumba. Ha dia tak nak berlumba basikal tak nak. Jadi kalau kita tengok pulak di belah Lipis er… di belah Benta Hulu sana ya, ha dia minat *motor cross*, di Maran, Chenor dia minat *motor cross* antara lainya. Sebab tu saya sebut di taburan atau populasi keberadaan belia tadi mempengaruhi er… pembangunan-pembangunan baik usahawan dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Saya ingat cukuplah setakat itu, panjang lebar dah. Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat. Sila Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Wakil Kerajaan yang begitu panjang lebar sekali memberikan penjelasan dan huraian berkaitan dengan kedudukan belia kita pada masa kini dan saya mengucapkan terima kasih jugalah kepada Kerajaan PH yang masih mengekalkan… apa ni, IKBN. Tapi walau bagaimanapun saya merasa terkilan apabila sebelum… belia ni banyak kategori dia sebenarnya. Sebelum dia duduk di IKBN itu, dia sebenarnya apabila habis pe… er… pembelajaran dia di peringkat SPM ataupun STPM dia adalah wajar untuk masuk ke PLKN.

Jadi sekarang soalan saya, kenapa PLKN ataupun Pusat Latihan Khidmat Negara yang kita wujudkan yang sebenarnya sangat baik untuk memberi er… apa ni pendedahan kepada anak-anak muda ataupun kaum belia kita, supaya dia boleh menyesuaikan diri dia ke alam masyarakat, itu yang pertama. Yang keduanya pula, saya juga ingin bertanya berkaitan dengan ura-ura daripada pihak kerajaan sekarang yang mengatakan bahawa untuk menjadikan umur 18 tahun sebagai mereka yang layak untuk menjadi pemilih atau pengundi dalam sesuatu pilihanraya. Jadi adakah er… kumpulan yang masih bersekolah ini juga telah dikategorikan sebagai kaum belia? Okay, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Pulau Manis yang bertanyakan beberapa soalan tambahan ataupun mohon pandangan daripada pihak kerajaan. Er… PLKN ini er… sebenarnya suatu er… latihan yang baik untuk anak-anak muda kita. Cuma tinggal lagi kita harini kita dekat pusat kita tidak memerintah dan ia melibatkan dasar dan polisi er… negara dan juga kestabilan er… ekonomi. Kalau kita tengok pada hari inilah dia kata, dia kata. Tapi sebenarnya kalau er… perkara ini dapat diteruskan kita amat alu-alukan. Jadi saya tidak dapat komen panjang perkara ini tapi maknanya er… memang bagus ya, oleh kerana er… selalu diwar-warkan Kementerian terbabit, kekangan kewangan dan juga pengurusan serta urus tadbir er… kem-kem latihan ini banyak masalah, maka mereka menghentikan. Sedangkan objektif dan juga matlamatnya sangat-sangat bagus, *very-very good* untuk makluman. Cakap Orang Putih sikit.

Untuk makluman Dato' Yang Di-Pertua, Perkara yang kedua…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada lagi? Sambung lagi?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sekejap ADUN Luit ya. Saya suka ADUN Luit mencelah, lembut orangnya. Umur 18 er… dicadangkan untuk er… buat jadi pengundi dan sebagainya ya. Kita tahu bahawa [Bacaan dalam Bahasa Arab] muda-mudi tiang seri negara ya, tak dok orang muda dia akan jadi macam negara-negara tertentu yang tinggal orang tua-tua sahaja. Tapi orang tua-tua ni, tak panggil orang tua, orang lama-lama ya, kalau tengok pergi belah Moscow sana ya umur 100 lebih boleh main bola lagi, hebat. Yang Berhormat Di-Pertua pernah pergi Moscow? Belum lagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bawalah saya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ha nanti kita tengok apa kursus yang ada di sana insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

18 umur ni bukanlah kata 18 sahaja. Hari ini belia, belia sahaja, nak masuk ketegori belia hari ini umur 15 tahun. Bayangkanlah 15 tahun tu tingkatan berapa? Tingkatan 3 ya, tingkatan 3 ni muda sangat. Orang kampung kata muda berdene. Jadi, kita tak tahu umur 15 tahun 12, 13 ni dia ada dunia dia sendiri, dunia dia sendiri. Saya tanya anak saya sebagai contoh, tuan puan pun ada anak, umur 19 bukan 15. 19 saya tanya, tentang kepimpinan negara, tentang hala tuju nak ke mana. Dia tak tahu, dia dalam dunia dia. Ha, bayangkan anak zaman sekarang ni. Betul ADUN Beserah? Ha itu hak tahap ADUN Beserah hak yang masjid tak tinggal, masyarakat tak tinggal, lebih kurang

kita jugalah (Ahli Dewan menepuk meja). Ha, tapi makna kata, keadaan sekarang ni memang cukup kritikal dari segi pembangunan anak-anak ni, ya. Kalau kita dulu tengok nak berkahwin sebagai contoh, bukan baru berkahwin baru nak memikir tentang keturunan. Sebelum kahwin tu dah Tok Nenek kabor, sunnah Nabi pun kabor, yang pertama kalau nak merisik tu tengok menda… kuku? bukan kuku, tengok tapak tangan… ke tapak kaki?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya dulu tengok muka je.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Saya lupa Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, kaki ke tangan?.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tapak tangan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ha dia kata kalau boleh tengok tapak kaki ataupun tapak tanganlah yang mudah tengok kaki payah. Kalau merah tu, subur. Betul Yang Berhormat Tanjung Lumpur? Ha, sebab dia ada kelebihan yang kami tak dapat nikmati setakat ini. Jadi, kalau tengok tanam tapak tangan merah maknanya subur. Tapi hari ni budak-budak tak reti tengok merah tak merah. Bila kita tanya tengok tangan merah, dia kata denggi, lain, persepsi. Nanti saya tanya YB. Semambu pun tau. Jadi pada hari ini, memang dalam dunia dia Yang Berhormat Yang di-Pertua, memang susah. Susah nak kenal pasti ni tapi oleh kerana globalisasi tadi menyebabkan dunia luar, dunia Eropah, seluruh dunia hari ni, anak-anak muda peringkat pemikiran, dia peringkat pembangunan minda dia, berbeza. Itulah nak cadangkan pada umur-umur seperti yang disebutkan tadi dan kita tengok yang saya nak sebut tadi, macam nak kawin tadi, bukan setakat tengok tu je, boleh sambung sikit-sikit lagi? Ha, sikit lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bolehlah Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Bahkan kalau kita nak memukat bini kita, dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, nak memukat bini kita, kita diseru baca doa sebelum jin, iblis memukat bini kita. Memukat, memukat Dato', Yang Berhormat Dato' paham maksud memukat? Faham ya? Maknanya kita kena baca doa dulu. Doa dia saya… Syed Ibror tak de.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalannya saya pun susah juga nak kawal Exco Belia ni..

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalannya ni apa, jawabnya apa? Saya pun tak tau. (Ahli Dewan ketawa)

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Tak, tak nak cerita Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ni semangat nak menjawab ni, Yang Berhormat Yang di-Pertua, berilah peluang saya menjawab sikit lagi ni. Sebab saya semangat jarang lama macam ni. Sebab saya bila tengok Pulau Manis saya geram, sebab dia kawan saya. Saya nak beritahu bahawa, hari ni proses pembangunan minda anak-anak ni perlu kita terap, kita galur betul-betul dan kerajaan melihat hari ni perlu kita seiring sejalan dengan dunia luar. Sebab itulah peringkat-peringkat umur, peringkat-peringkat usia tadi perlu kita selaraskan mengembalikan kematangan budak-budak ni pada *level* dan tempatnya, ya. Jadi itulah sedikit sebanyak jawapan saya kepada Yang Berhormat Pulau Manis, tapi saya sambung cerita yang tadi kat luar dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebab Semambu dia nak…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Semambu dulu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seronok soalan belia ya.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih, hari ni turut er… untuk makluman dewan yang mulia ini terdapat rombongan daripada Pemuda Pakatan Harapan Pahang yang berada di anjung, jadi ini salah satu juga cara untuk mendekati anak muda bersama ya, terima kasih. Saya ingin menuju kepada soalan Majlis Perundingan Belia Negeri. Saya difahamkan Menteri Belia dan Sukan telahpun melantik Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Belia Negeri. Boleh saya tau apakah peranan dan apakah hala tuju Majlis Perundingan Belia Negeri untuk tahun ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Soalan daripada sahabat saya Semambu, jiran Stadium Darul Makmur. Jadi, berbalik kepada apa yang dibangkitkan memang betul ya, dan kita sebenarnya juga mengalu-alukan tidak menjadi kesalahan bahkan kita bangga juga kerana pihak tertinggi Kerajaan Negeri dijemput sekali untuk menerajui kepimpinan belia peringkat negeri dan ini menambah baik lagi apa yang ada, dan kita mengharapkan bukan setakat itu sahaja ya dan hari ini juga DO-DO ataupun Pegawai-pegawai Daerah kita juga mempengerusi Majlis Perundingan Belia di peringkat daerah dan sebenarnya juga benda ni pernah juga berlangsung dalam skop daerah pada suatu masa yang lalu, tapi untuk yang mutakhir ini apa yang dibawa oleh YB. Menteri, kita menyambut baik dan kita lihat memang belia-belia hari ini perlu pada satu tonggak yang utuh, yang kukuh dan gagah *especially,* dengan izin, kewangan. Sebab itu saya nak ucap terima kasih

Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita selaku peneraju Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kepada Majlis Belia Negeri RM50 ribu setiap tahun untuk pengurusan dan pentadbiran.

Begitu juga kepada daerah-daerah, Majlis Belia Daerah, sejumlah peruntukan begitu juga badan-badan gabungan dan kita mengharapkan supaya dalam cadangan kita akan datang ini, kita nak pastikan supaya ditambahkan lagi peruntukan pengurusan pentadbiran ini kepada dua kali ganda untuk meringankan beban pengurusan pentadbiran di peringkat pengurusan masing-masing. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah terima kasih Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan berikutnya, saya jemput wakil dari Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kemukakan soalan nombor 7.

> [Apakah langkah-langkah dan usaha untuk mempertingkatkan jaringan internet di Cameron Highlands agar sejajar dengan komitmen kerajaan dalam menjayakan Industri 4.0?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ADUN Tanah Rata telah mengemukakan soalan nombor 7. Di antara inisiatif-inisiatif yang diusahakan oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan jaringan internet di Cameron Highlands adalah; yang pertamanya ialah menambah perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi HS… *High Speed Broadband* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, UNIFI oleh pihak Telekom Malaysia. Buat masa ini di Tanah Rata dan Brinchang ada terdapat UNIFI yang berkelajuan 100 *megabyte per second*, di Ringlet 10 *megabyte per second* dan Tringkap dan Kampung Raja dalam pelaksanaan dan akan dinikmati tidak lama lagi.

Yang keduanya, perluasan perkhidmatan jalur lebar mudah alih kepada 3G dan 4G dibawah inisiatif perluasan jalur lebar mudah alih. Sehingga kini terdapat 56 menara di Cameron Highlands, 22 menara adalah milik SKMM manakala selebihnya adalah menara komersial. 18 menara telah dinaik taraf kepada 3G dan 4G, 24 lagi sedang dinaik taraf dan dijangka siap pada suku tahun keempat 2019. Ini termasuklah juga pembinaan menara… 11 menara komersial yang baru yang akan memberi kemudahan di antara Felda Sungai Koyan dan juga Lembah Bertam. Sekian.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pihak wakil Kerajaan, terima kasih atas penjelasan kamu. Difaham.. difahamkan, difahamkan dua Perumahan Makmur yang baru disiap sediakan di Tanah Rata dan Lembah Blue Valley ini, perkhidmatan yang di.. perkhidmatan jaringan internet dan juga tele… telekomunikasi yang disediakan ini tiada ataupun tidak memuaskan. Oleh itu, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk Perumahan Makmur yang akan datang mewajibkan kontraktor ataupun mewajibkan Perumahan Makmur ini menyediakan perkhidmatan internet dan telekomunikasi. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada soalan dan juga cadangan daripada Tanah Rata dan saya mengambil maklum perkara ini dan akan saya cuba bincangkan bersama dengan er… apa ni rakan sejawatan saya, er… EXCO Perumahan dan juga buat masa ini saya akan mengambil kira pandangan tersebut dan akan memaklumkan pada perumahan-perumahan yang kawasan perumahan yang belum siap, sudah siap itu dan memaklumkan kepada pihak Telco lah untuk mengambil tindakan selanjutnya ya, sekiranya didapati sesuai dengan keadaan. Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, mencelah.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya bukan berkaitan dengan soalan tapi berkaitan dengan ayat yang dilafazkan oleh Tanah Rata. Tanah Rata menyebut "terima kasih di atas penjelasan kamu", sesuai ke kita menggunakan ayat yang macam tu dalam Dewan? Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Mohon beri pandangan, mungkin saya salah silap katalah, kurang hormatlah, yang sepatutnya guna perkataan wakil kerajaanlah. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasihlah beri bagi pandangan dan tunjuk ajar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, dia baru belajar. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Boleh soalan tambahan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa tu? Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Boleh. Soalan tambahan saya, kalau sekiranya er… pihak kerajaan boleh, boleh bersedia dengan jawapannya kalau boleh. Kalau tidakpun kemudian tak apa. Saya cuma nak tahu, sehingga kini di negeri Pahang berapa *percent* kah *percentage* liputan

jaringan internet yang telah berada sehingga kini? Terutamanya… itu pertamanya di Pahang, kalau boleh jawapan di Bera sebagai soalan kedua saya. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Soalan cepumas Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya cuba jawab lah. Er… sehingga 2018 er… berbanding dengan 2017, kedudukan Negeri Pahang adalah yang ke-11, 2017 dengan liputan sebanyak 39%. 2018 maknanya 2017, akhir 2017 er… kedudukan Negeri Pahang telah meningkat kepada kedudukan yang ke-10 dengan capaiannya sebanyak 85%. Tapi untuk soalan di Bera tu, makna saya kena memberi jawapan secara bertulis. Tak ada maklumat pada saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan yang berikut. Saya jemput Wakil dari Chini.

YB. DATO' ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Assalamualaikum WBT. Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 8.

> [Pengurusan FELDA dikatakan telah mengambil langkah untuk menyelesaikan mana-mana isu yang berbangkit.
>
> 1.1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh FELDA untuk menyelesaikan isu-isu kelewatan pembayaran hasil dan pembayaran pendahuluan kepada peneroka?
>
> 1.2. Berapakah aset-aset FELDA yang telah dijual dan berapakah nilai keseluruhan hasil jualan berikut?]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya ADUN dari Chini. Saya akan menjawab soalan berkenaan dengan masalah isu kelewatan bayar hasil dan juga pendahuluan kepada peneroka dan juga aset-aset FELDA yang akan dijual. Pada masa ini, FELDA bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang merangka langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi tindakan yang diambil untuk menyelesaikan isu kelewatan pembayaran hasil bayaran pendahuluan kepada peneroka-peneroka. Antara langkah yang akan diambil dan dilaksanakan oleh FELDA adalah merealisasikan aset-aset FELDA, menstrukturkan semula pinjaman FELDA, mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan dan kaedah-kaedah lain dalam mempastikan kedudukan aliran tunai FELDA dipulihkan dan tidak lagi berlaku kelewatan dalam pembayaran hasil serta bayaran pendahuluan kepada peneroka-peneroka FELDA.

Dalam proses merealiasikan ini, FELDA dijangka melaksanakan penjualan aset-aset FELDA yang bukan strategik seperti hartanah di London, Sarawak dan Sabah yang dibeli dengan kos sebanyak RM2.2 bilion dan pada masa ini FELDA masih dalam proses untuk melaksanakan penjualan aset-aset tersebut. Isu-isu dan langkah-langkah dalam pemulihan pengurusan kewangan FELDA, telah dibentang secara terperinci dalam kertas putih yang dibentang di Parlimen baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Wakil Kerajaan telah menjawab berhubung dengan masalah semasa FELDA itu sendiri. Berhubung dengan er… yang diumumkan oleh FELDA atau pun kerajaan bahawa bayaran sara hidup yang mana dibayar RM1500 untuk dibuat kajian tetapi pada hari ini, kajian tersebut telah dilaksanakan, bayaran sara hidup sebanyak RM1000. Saya nak bertanya bolehkan pihak kerajaan atau pun FELDA mengekalkan bayaran sara hidup ini RM1500? Kerana dari segi kos yang ada kos sara hidup yang ada dan juga bayaran pinjaman individu itu sendiri, kerana pada hari ini dalam situasi keadaan harga kelapa sawit merudum dan juga potongan kadar hutang sekarang ni dipotong er… mengikut hutang yang ada. Makna sekarang ni, Warga FELDA ada yang dapat RM20, RM30 atau pun hujung bulan langsung tak ada. Oleh itu, saya memohon pihak kerajaan atau pun FELDA mengkaji potongan hutang mengikut kesesuaian pendapatan Warga FELDA itu sendiri. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih ADUN Chini, bekas Pengerusi EXCO FELDA yang sensitif, prihatin terhadap peneroka-peneroka FELDA. Saya suka menggunakan perkataan bekas, saya tak suka mengguna perkataan mantan. Dalam istilah *dictionary*, mantan ni mundar-mandir tepi jalan, sepak kertas tak ada kerja. Jadi saya gunakan perkataan bekas. Terima kasih, soalan yang prihatin kepada peneroka-peneroka FELDA.

Dalam kertas putih yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini, sejumlah wang RM480 juta diperuntukan oleh kerajaan untuk FELDA, untuk merealisasikan pembayaran sara hidup peneroka-peneroka dan saya sangat setuju selaku EXCO FELDA, Kerajaan Negeri dan selaku anak peneroka FELDA, bersetuju RM1500.00 dikekalkan kerana 2019 Februari baru-baru ini, FELDA yang diperintah oleh Kerajaan Parti Harapan, telah menurunkan sara hidup kepada RM1000. Jadi saya berharap dengan peruntukan yang ada pada hari ini iaitu RM480 juta dan juga penjualan aset-aset er… FELDA pasti boleh mengekalkan seperti Kerajaan Barisan Nasional dulu memberi RM1500.00 sara hidup kepada peneroka-peneroka FELDA.

Soalah kedua, berkenaan dengan pembayaran balik hutang FELDA. FELDA dalam kertas putih… kertas putihnya iaitu telah mengadakan satu skim baru iaitu Skim Pengurusan Aset FELDA atau singkatan SPAC, S.P.A.C. Dalam skim ini, FELDA akan berunding dengan peneroka mengikut kemampuan peneroka FELDA. Peneroka-peneroka untuk bayar balik berdasarkan pendapatan bulanan, tiap-tiap bulan. Maknanya tidaklah seperti sekarang, bayar hutang mengikut kehendak-kehendak potongan daripada FELDA sahaja. FELDA akan berunding dengan peneroka untuk melihat kemampuan FELDA membayar balik berdasarkan kepada pendapatan bulanan dan juga secara *detail*nya saya pun tidak dapat maklum lagi apa maknanya SPAC. Skim Pengurusan Aset Canggih ini, yang baru diutarakan. Pada pukul 11 pagi ini, saya dapat maklum bahawa *PC*, dengan izin, akan diadakan oleh Tan Sri Pengerusi FELDA untuk mendetailkan apa itu SPAC, untuk menyelesaikan masalah peneroka FELDA yang ketika ini terharu dan juga rungsing di atas kejatuhan harga sawit. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Soalan tambahan. Boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya, Dato' Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kaedah penjualan aset-aset FELDA oleh pihak kerajaan Pakatan Harapan. Er… soalan saya yang pertama, dalam penjualan aset-aset FELDA ini, adakah perancangan juga oleh kerajaan untuk menjual kilang-kilang sawit yang dikatakan sebelum ini ada khabar-khabar angin mengatakan kilang, ada kilang sana nak ditutup, nak dijual. Adakah terlibat dengan penjualan kilang? Satu perkara.

Yang keduanya, sebelum pilihanraya dulu, sebelum PRU ke-14, masa itu kita telah merancang untuk mengadakan tapak-tapak rumah hah [berdehem] untuk pemberian tapak-tapak rumah pada peneroka, anak-anak peneroka generasi kedua FELDA. Dan setakat ini apakah perancangan ke atas tanah-tanah tersebut? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Saya selaku EXCO FELDA tidak dapat maklum bahawa kilang-kilang ini akan dijual tetapi yang saya tahu, bulan er… akhir tahun lepas, hanya penutupan er… kilang-kilang FELDA yang diuruskan oleh FGB kerana tutupnya…kerana terlalu…tak cukup buah sawit, operasi buah sawit. Nombor dua kerana kilang-kilang tersebut berhampiran. Terutama yang terakhir tutup tak silap saya Lepar Utara 1 kerana berhampiran Lepar Utara 1, lebih kurang… lebih kurang 15-14 kilometer terdapat satu kilang Lepar Utara 6. Maka penutupan tersebut untuk er… menanggung kos kerana tidak ekonomik kilang-kilang itu dibuka. Tetapi setakat ini FGB tidak akan er… saya dapat tahu FGB tidak akan menjual kilang-kilang tersebut kerana kilang tersebut adalah hakmilik FELDA peringkat asalnya. Sekian, terima kasih.

Nombor 2, berkenaan dengan tanah, saya akan jawab tanah tersebut dalam sesi penggulungan saya selepas ini. Sebab dia boleh tidak tertakluk kepada soalan induk. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tepat Yang Berhormat. Soalan… akhir, ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya melihat jawapan diberikan oleh pihak kerajaan sedikit er... longgar dari sudut nak mempertahankan er… kebajikan dan juga er… sara hidup terutama sekali peneroka FELDA. Kita kena lihat, Kerajaan Negeri Pahang, kita ada 115 rancangan daripada 321 keseluruhan Rancangan FELDA dalam negara ini. Bermakna majoriti atau kemasyarakat er… FELDA ini duduk di Pahang. Lebih daripada separuh, duduk dalam negeri Pahang. Jadi Pahang, kita sebagai er… kawasan yang mempunyai peneroka yang paling ramai dan juga luas, kita ada kepentingan yang besar.

Jadi Kerajaan Negeri, saya harap ada satu rancangan… ada satu er… cadangan balas kepada pihak kerajaan, bagaimana cara dan kaedah terbaik yang kita boleh berikan kepada peneroka yang majoriti penduduknya duduk dalam Pahang ini, keselesaan sepertimana yang diminta oleh ADUN Chini sebentar tadi, bahawa kita kembalikan

RM1,500 ini sebagai sara hidup peneroka FELDA dan kita mesti ada satu cadangan balas yang lebih baik supaya boleh dilaksanakan oleh er… pihak kerajaan.

Jadi, setuju pihak kerajaan kalau boleh kita kumpulkan cadangan-cadangan ini, kita kemukakan kepada pihak FELDA? Atas asas, kita mempunyai kepentingan yang paling besar dalam FELDA untuk rakyat negeri Pahang. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Saya dalam ucapan… saya tadi… dalam jawapan saya tadi, saya memang setuju RM1,500 di bagi kepada peneroka-peneroka FELDA sebagai sara hidup seperti Kerajaan Barisan Nasional buat dulu dan sekarang baru-baru ini hanya dalam kertas putih hanya RM480 juta sahaja diberi oleh Kerajaan untuk FELDA untuk kos… untuk menanggung sara hidup peneroka-peneroka FELDA.

Saya berharap semua Wakil Rakyat-Wakil Rakyat mempunyai skim-skim FELDA er… menyatakan hasrat untuk mengekalkan RM1,500 dan saya berharap juga kepada Kerajaan PH hari ini, kalau RM480 juta tak cukup untuk sara hidup, maka kalau dulu Kerajaan Barisan Nasional yang Menteri Kewangan akan *top up* dengan izin, duit tak cukup RM480 juta ditambah lagi RM500 juta untuk mempastikan keselesaan peneroka-peneroka FELDA dan saya harap sekali lagi menyeru kepada Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Kawasan ADUN masing-masing yang mempunyai FELDA, menulis surat kepada Kerajaan Negeri untuk saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan hasrat untuk er… mengekalkan sara hidup sebanyak RM1,500 seperti yang Barisan Nasional dahulu laksanakan. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya Wakil Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan 9.

> [Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf longkang atau sistem perparitan yang rosak dan kecil serta tidak lagi mampu untuk menampung penggunaan air yang semakin banyak terutamanya di kawasan Perumahan Cenderawasih, Indera Mahkota (IM) 1 dan kawasan perumahan lain yang mencecah 20 tahun?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

[Ayat al-Quran].

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… sebelum saya jawab soalan ini, saya nak menerangkan sedikit tentang senario banjir yang berlaku di Kuantan terutamanya melibatkan sebahagian bandar dan juga kawasan Cenderawasih.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, pada tahun 2012 kejadian banjir telah berlaku di pusat bandar Kuantan melibatkan lembangan Sungai Galing, hujannya selama 1 jam sahaja. Hujan selama 1 jam tetapi dalam waktu tengah hari, saya ingat dalam pukul 1

atau pukul 2 macam tu er… tetapi jumlah hujan itu adalah sebanyak 320 millimiter dalam tempoh 1 jam.

Manakala pada tahun 2013, di mana sebahagian daripada bandar Kuantan terutamanya penduduk-penduduk di sekitar Sungai Isap termasuklah Cenderawasih dan yang sekitarnya telah ditimpa masalah banjir di mana kadar hujan pada ketika itulah sebanyak 900 mm dalam tempoh 48 jam, 2 hari tanpa berhenti ya, sedangkan sistem perparitan yang ada pada ketika itu adalah cuma boleh menampung hujan sebanyak 60 milliliter sahaja ya.

Jadi bayangkanlah, dalam sebuah cawan yang bersaiz… katakanlah 100 mm tapi dicurahkan oleh air yang sebanyak 300 mm ataupun 900 mililiter jadi akan berlakunya limpahan. Keadaan banjir juga yang berlaku di negeri… di Kuantan terutamanya sebab kita ni berhampiran dengan Laut China Selatan, muara Sungai Kuantan, di mana paras airnya, kalau tak silap saya, mungkin JPS boleh betulkan adalah 1.5 meter sahaja ya, paras air laut. Sedangkan kawasan-kawasan yang berada di kawasan yang terlibat dengan banjir ni contohnya di Cenderawasih, parasnya saya tak silap saya 2 point (2.) atau 2.5 meter daripada paras laut sangat rendah.

Apabila berlakunya, air pasang besar, kalau di hujung tahun dia melibatkan er… kalau kita nak rekod yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Meteorologi, pasang besar ni boleh meningkat sehingga 3.8 meter. Bayangkanlah bagaimana er… apa ni keadaan Kuantan ini yang boleh dikatakan atas sikit je daripada paras laut berbanding dengan… lawatan saya bersama MB dan juga Dato' er… ADUN daripada Benta er… Amsterdam tu 5 meter di bawah paras laut tapi tidak pernah berlakunya banjir ya. Sebelum daripada ini adalah. Tapi untuk makluman er… Semambu bahawa beberapa pihak terutamya JPS dan juga pihak Majlis Perbandaran Kuantan telah mengambil tindakan pada ketika itu telah mengadakan satu *quick win* untuk mengatasi masalah banjir dan kita dapat peruntukan sebanyak RM50 juta untuk er… menaik taraf longkang, sistem perparitan terutamanya berkaitan di sekitar kawasan Megamall.

Kalau dulu Megamall ini kita tengok, situlah yang berlakunya punca air daripada Bukit Sekilau, air daripada anak Sungai Galing dan bertemu di situ. Apabila bertemu di situ mengalir ke Sungai Galing dan apabila berlakunya paras air pasang menyebabkan er… air ini tidak lepas keluar walaupun pada 2012, walaupun hujan selama 1 jam, sebahagian bandar telah tenggelam. 1 jam sahaja tenggelam. Kerosakan yang dianggarkan pada ketika itu, sebanyak hampir melibatkan perniagaan hampir RM10 juta ya, dan pada 2013 kerosakan dianggarkan yang melibatkan sebahagian Cenderawasih dan juga di Sungai Isap hampir RM110 juta kerosakan yang dialami oleh penduduk.

Jadi apa yang telah kita buat, cadangan, ini cadangan yang dikemukakan oleh pihak JPS terutamanya untuk mengatasi masalah banjir yang dikaitkan dengan masalah sistem perparitan, beberapa kawasan kita telah… sebelum pada ini pun, contohnya di hadapan… sebab di Kuantan ini, cuma ada 1 sungai sahaja yang mengalir ke laut. Sungai Galing mengalir masuk ke Sungai Kuantan, Sungai Belat pun masuk ke Sungai Kuantan, daripada Gambang dan Sungai Lembing semuanya menuju ke muara Sungai Kuantan dan difahamkan muara Sungai Kuantan ini kalau tak silap saya dulu NAHRIM pernah datang, apa ni… Institut Penyelidikan Hidrologi Malaysia pernah datang. Mungkin dia kata 2 per 3 daripada Sungai Kuantan ini, muara sungai ini adalah *sediment,* dengan izin, ataupun mendapan ya menyebabkan *flow* tu adalah lambat untuk ke laut.

Di sini er… ada beberapa cadangan daripada pihak JPS untuk mengatasi masalah banjir termasuk di… di bandar Kuantan dan juga Cenderawasih iaitu lembangan sungai bersepadu yang melibatkan kerja-kerja menaik taraf Sungai Belat dan membina struktur pencegah banjir serta kerja-kerja berkaitan. Ini dalam pembinaanlah. Kalau kita tengok pergi ke… ke Pekan tu, sebelah kiri tu, kita nampak kerja-kerja sedang dilaksanakan sekarang.

Dan yang keduanya adalah projek pembinaan dan pencegahan banjir Sungai Pandan dan Sungai Kuantan di Bukit Rangin serta kerja-kerja berkaitan. Ini dalam peringkat reka bentuklah ya tapi ada sedikit masalah sini, saya pernah melawat kawasan ini sebab sini ada Rancangan Rumah Murah bawah YB. Panching ya dan pernah berlaku banjir er… dan saya dapati bahawa masalah ini disebabkan oleh Sungai Pandan telah di*divert*kan masuk ke kolam, ke kolam ikan, kolam udang tak silap saya, menyebabkan air ni apabila melimpah akan masuk ke perumahan Rumah Murah Pandan ya. Ini sebahagian daripada er… puncalah saya rasa yang berlaku dan memang sungai di… sungai Pandan ni, Perumahan Pandan ini kita dah ada *ban* yang telah dibina untuk *protect* air daripada masuk ke kawasan perumahan, sebab dia paras rendah ya.

Dan yang ketiganya ialah… pakej yang ketiga projek pembinaan dan pencegah banjir Sungai Kuantan di kawasan Kampung Cenderawasih dan mempertingkatkan *ban* sedia ada di Kampung Sungai Isap serta kerja-kerja berkaitan. Ini dalam peringkat reka bentuk. Kalau 2013 kita dengar cerita bahawa er… *ban* itu pecah di Sungai Isap ya, sama ada dipecahkan oleh pihak tertentu ataupun dipecahkan oleh aliran air, itu saya tak pasti ya. Kalau *ban* itu tak pecah, saya rasa penduduk di Taman Tas ataupun di Kampung Pandan, Lubuk Puyu sebagainya akan tenggelam lebih teruk daripada er… yang berlaku pada 2013, ini salah satu cadangan reka bentuk.

Dan yang keempat, ini adalah projek untuk mendalamkan Sungai Kuantan dari muara sungai hingga ke Empangan Kobat dan kerja-kerja berkaitan sebagaimana yang saya nyatakan tadilah. Ini er… dalam peringkat penyediaan oleh pihak berkaitan terutamanya pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Pahang untuk mengatasi masalah banjir yang terdapat di bandar Kuantan.

Jadi er… masalah banjir ini juga disebabkan oleh masalah sikap manusia sendiri. Contohnya di kawasan Lubuk Puyu, ya. Pernah lawatan saya dulu er… di mana bahan-bahan tilam, perabot dan sebagainya dibuang ke dalam… apa ni… sistem perparitan ni, parit Lubuk Puyu menyebabkan air tersekat dan menyebabkan kawasan pemindahan banjir di Sekolah Menengah Pandan tu, masuk air jugak sebab ini sikap manusia yang perlu kita didik peringkat awal ataupun peringkat pertengahan untuk mengatasi sebahagian masalah banjir ini, yang sebahagiannya adalah berpunca daripada sikap manusia sendiri selain dari faktor-faktor alam sekitar yang sedia ada.

Saya ingat, itu sahaja jawapan saya yang… sekian, terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih atas jawapan yang diberikan tentang er… isu banjir. Soalan tambahan saya lebih menjurus kepada isu longkang-longkang di taman. Er… untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua, Taman Cenderawasih, Taman Indera Mahkota 1 dan juga Taman di RRM Semambu semua adalah rancangan rumah murah dulu. Er… selepas 30 tahun perumahan ni dibina er… terdapat banyak longkang-longkang kecil depan

taman, dia mengala… mengalami beberapa masalah. Yang pertama kita nampak ada longkang dah hilang struktur dia, longkang dah jadi macam anak sungai.

Isu kedua, kita nampak ada celah-celah longkang yang mana air meresap masuk dan mungkin menjejaskan struktur rumah. Isu ketiga adalah kita nampak tempatnya bila longkang tu rosak air bertakung, bila air bertakung nampaknya ada penduduk yang dijangkiti er…isu-isu denggilah ya… masalah denggi. Jadi saya ingin bertanya bahawa apabila kita nampak perumahan baru dibina di tepi perumahan lama, longkang yang lama tu tidak cukup untuk menampung keperluan, jadi adakah pihak MPK boleh menjalankan kajian dan adakah rancangan jangka masa panjang untuk *upgrade* er… sistem perparitan di sana? Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Semambu. Saya ada 2 jawapan di sini. Pertama adalah satu dari segi peruntukan. Er… saya mintalah sahabat saya Semambu dengan kerajaan yang ada sekarang ni, memang pihak Majlis ada minta peruntukan sebagaimana yang saya maklum semalam. Seluruh Pahang ni kita minta dekat RM15 juta, tapi sebab apa, selepas piliharaya peruntukan ni di… diberhentikan ini adalah sebahagian sebab PBT sendiri tidak ada sumber kewangan yang cukup untuk menampung kerja-kerja menaik taraf longkang er… sebagaimana yang dimaksudkan oleh Semambu er… masalah er… longkang perumahan lama contoh di… di Cenderawasih dan juga di Semambu ni memang perumahan lama 30 tahun. Reka bentuk dulu adalah bersaiz kecil… tapi sejak pihak Majlis telah mengadakan satu pelan, paling kurang pun saiz yang berukuran 600mm er… 600mm ni lebih besar dan lebih dalam untuk er… memudahkan aliran air supaya mengatasi masalah er… kawasan perumahan yang tersumbat. Jadi kita memerlukan peruntukan. Sebahagian kawasan kita dah dapat peruntukan dan telah membaiki pun tetapi er… peruntukan tak cukup ni pun sikap manusia juga.

Yang keduanya sikap manusia yang tak bayar cukai. Banyak cukai tertunggak yang tidak menyebabkan kita tak boleh menggunakan peruntukan untuk… cukai ni untuk menampung perkhidmatan kepada rakyat balik ya untuk membaiki longkang dan sebagainya. Tapi bila masalah tunggakan er… berlaku kita ada *back log* dengan izin menyebabkan kerja-kerja ni tak dapat dilaksanakan. Jadi saya minta bantuan juga rakan-rakan saya daripada pihak kerajaan baru ni membantu kami untuk mendapatkan peruntukan bagi kami untuk pihak kerajaan ni melaksanakan kerja-kerja ni untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan kerajaan negeri sendiri. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada soalan berikut Wakil daripada Mentakab.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

> [Ada sesetengah rumah burung walit di Bandar Mentakab tidak mengikut peraturan dan mengganggu penduduk-penduduk. Apakah langkah yang akan diambil untuk kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih Mentakab atas soalan berkaitan dengan pertanyaan burung walit ya. Burung walit ni kalau nak kira isu yang satu ketika dulu amat… sensitiflah terutamanya melibatkan kawasan-kawasan bandar dimana terdapatnya apa ni bangunan yang diusahakan untuk er… memelihara burung walit. Tetapi kebelakangan ni saya rasa industri burung walit ni dah makin kurang saya rasa, mungkin dari segi er… permintaan dan sebagainya yang menyekatkan. Tetapi walau bagaimanapun untuk pertanyaan berkaitan dengan bangunan-bangunan yang tidak mengikut peraturan ni kita ada garis panduan 2014, garis panduan burung walit, di mana garis panduannya di… disyaratkan kawasan burung walit mesti jauh daripada kediaman dan juga er… kadar bunyi bising kita ukur dalam *decibel.*

Kadar bunyi bising ini adalah kadar yang tidak mengganggu er… penduduk sekitar. Er… pendengaran biasa manusia ni dari segi percakapan dalam tem… 5 meter ni adalah dalam… *decibel*nya dalam 65 *decibel.* Ini yang *tolerance* dengan… dengan izin, pendengaran manusia. Jika 75 hingga 85 itulah ambang… ambang ni er… yang kita boleh terima pakai berdasarkan kepada keadaan tertentu, tetapi lebih kepada 85 *decibel*nya akan mengganggu sistem pendengaran dan juga menyebabkan apa ni ketidakselesaan terutamanya kepada pendengaran manusia.

Sebab tu er… kita punya syarat dalam kelulusan apa ni… burung walit ni bangunan ni mesti mendapat kelulusan daripada Majlis dan juga jauh daripada kediaman. Tetapi yang dulu… sebelum pada ni saya rasa dalam kawasan bandar pun ada er… rumah kedai dijadikan sebagai tempat memelihara burung walit dan mengganggu penduduklah, walau pun kita agak dia punya bunyi tu ukuran tu berdesing tetapi ini mengganggu sebenarnya kepada penduduk sekitar yang boleh menyebabkan apa ni… masalah kepada penduduk.

Jadi kita telah memberi notis er… kepada mana-mana bangunan yang didapati satu menjalankan perniagaan tanpa kebenaran Majlis, yang keduanya adalah mengganggu bunyi bising. Kita… bunyi bising ni kalau ikut dia punya ukuran dia memanggil burung walit tu waktu siang sahaja, kalau malam bunyi sampai bila orang nak tidur. Dia boleh mengganggu er… masyarakat. Saya rasa kita akan ambil maklum perkara ni dan kita akan memantaukan dari semasa ke semasa untuk memastikan bangunan yang digunakan untuk burung walit ni mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak memberikan gangguan kepada penduduk setempat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Cheka.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Tuan Yang di-Pertua,

Sesetengah rumah burung walit memang menimbulkan masalah khasnya di kawasan bandar ataupun di kawasan perumahan kepada penduduk sekitar tetapi apabila kami menerima aduan, Pihak Berkuasa pernah tanya kepada saya ada tak mana-mana rumah burung walit yang telah diarah untuk tamat pengoperasinya ataupun ditarik lesennya kerana mengganggu peraturan ataupun syarat yang telah ditetapkan. Kata mereka tak pernah ada rumah burung walit yang dikatakan tak boleh teruskan beroperasi. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Dari segi tindakan penguatkuasaan ni memang pihak er… PBT ya mungkin disana Majlis Daerah Lipis er… Cheka. Jadi secara *detail*nya maklumat ni saya akan maklum secara bertulis tindakan-tindakan yang telah di… diambil er… kalau boleh kita ambil tindakan ni untuk kebaikan semua pihaklah saya akan maklum secara bertulis nanti. Okay. Terima kasih.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Soalan tambahan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Hormat,

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Soalan tambahan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Er… saya dimaklumkan bahawa tadi er… pihak kerajaan beritahu ada garis panduan er… dilaksanakan pada er… dimulakan pada 2014. Saya nak tahu, apakah tindakan jika er… pemilik-pemilik burung walit ni dia mereka melanggarkan garis panduan tersebut, apakah tindakan akan diambil oleh Pihak Kerajaan Tempatan? Itu soalan pertama. Keduanya saya diberitahu daripada orang awam bahawa beberapa er… Kerajaan Tempatan telah menaikkan er… apa tu *license…* harga *license* banyak dari RM250 hingga ke RM1,000 sebahagiannya. Saya… bolehkah saya tahu adakah er… kenaikan harga ini dilaksanakan di seluruh negeri Pahang ke er… Kerajaan Tempatan masing-masing. Itu kedua. Ketiga er… daripada orang awam juga mereka memberitahu, adakah er… pihak kerajaan ambil kira untuk kekal harga *license* er… di seperti harga dulu atau kan ataupun mereka er… mesti menaikkan er… *license,* harga *license* tersebut. Sekian.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman Bilut, dari segi penguatkuasaan er… memang ada tindakan kompaun dan sebagainya *detail* nanti saya akan beri jawapan secara bertulis. Untuk makluman dari segi caj untuk lesen burung walit ni, pada 2014 memang kita ada garis

panduan untuk semua pihak PBT mengenakan caj sebanyak RM2,000 tetapi sebahagian daripada apa ni er… penduduklah telah membantah saya rasa… bukan, ataupun membuat rayuan supaya tidak mengenakan dan sebahagian PBT ada dikenakan caj sebanyak RM2,000.

Walau bagaimanapun pada tahun lepas er… pihak er… kerajaan telah menurunkan kadar ni daripada RM2,000 kepada RM1,000 bayaran lesen burung walit. Kita dah turun dah sebenarnya, bukannya kita tak turun tetapi sekarang ni masih dipertikaikan lagi sebab dulu pun kita sebahagian PBT menangguhkan kerana kita mengambil kira er… rayuan daripada pengusaha-pengusaha burung walit ni.

Jadi saya ingat dengan RM1,000 ni saya rasa… tak taulah saya rasa murah dah saya rasa ya, itu yang sepatutnya. Er… jadi pihak kerajaan akan menimbang balik walau bagaimana perkara ni sebenarnya untuk memberi pada keselesaan pada kita semualah pengusaha-pengusaha burung walit.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Er… terima kasih jawapan dari Wakil Kerajaan. Er… dalam ucapan saya pun saya mengatakan er… di Perak dan Johor hanya RM240 setahun. Saya haraplah er… pihak Kerajaan Pahang juga mengikut apa yang kadar er… bagi pengusaha burung walit, dia mari jumpa dengan saya dia cakap bukan senang nak… membangunkan… er… usaha seperti macam itu. S*o* er… jangan ingat er seribu itu satu tanggungjawab yang begitu berat *so* harap er Pihak Kerajaan ambil er… ambil berat tentang perkara ini. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman Semambu, kadar pengurangan tu juga kita mengambil kira kadar pasaran semasa pada tahun lepas ya, jadi walau bagaimanapun kita mengambil maklum perkara ini dan kita akan mengkajilah untuk masa hadapan. Sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai urusan pertanyaan dan jawapan. Suka saya memaklumkan pada hari semalam saya telah memutuskan bahawa sesi perbahasan Usul Titah Diraja telah ditamatkan. Bagaimanapun saya telah mendapat permohonan dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah merayu kepada saya untuk mengambil bahagian juga dalam perbahasan ini. Jadi saya nak tahu berapa ramai yang ingin berucap, silakan bangun (Ahli Dewan berdiri bagi yang hendak berucap). Duduk. Oh yang ni nampak dah, duduk, boleh.

Oleh kerana kita mempunyai peruntukan sedikit masa, saya bercadang membuka semula pada sedikit pada Ahli-ahli Yang Berhormat tapi dengan kadar masa yang amat terhad lebih kurang enam atau tujuh minit. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi had masa ini sepertimana yang dijanjikan yang telah dipersetujui bersama di kamar saya pada petang semalam. Jadi untuk itu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasai sedikit dahaga atau kelaparan, bolehlah bergilir-gilir untuk menikmati jamuan ringan di dewan sana dan saya harap sebahagiannya bolehlah tunggu dan kita mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, sila Wakil daripada Damak. Damak ya.

YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri MB dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan ruang walaupun singkat pada hari ini, ya kerana semalam pun ada yang berucap sampai hampir sejam. Sebab tu kita tak sempat masa hari ini. Tapi insya-Allah ya dalam masa tujuh enam minit ini saya akan cuba ya berkongsi ya pendapat agar kita sama-sama dapat ya memberikan pandangan membina. Tujuannya untuk kebaikan rakyat negeri Pahang ini seluruhnya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas Titah baginda dalam Perasmian Sidang DUN pada hari Isnin yang lalu. Di sini saya ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh.

Yang pertamanya ialah ia berkaitan dengan peningkatan ekonomi dan juga penekanan terhadap peluang-peluang pekerjaan yang telah dititahkan oleh baginda Tuanku. Apa yang membimbangkan saya ialah dari sudut pengangguran yang berlaku, khususnya di kalangan belia-belia. Jadi sepertimana yang telah disentuh oleh Wakil daripada Damak pada hari semalam, bahawa di negeri Pahang khususnya kadar pengangguran mencecah 3.3% pada tahun 2018 dan apa yang kita lihat isunya ialah belia-belia kita ini dia memilih kerja.

Ya, memilih kerja yang sehinggakan ruang–ruang pekerjaan yang ada ni telah direbut oleh warga asing dan er… mengikut satu laporan oleh seorang penganalis ekonomi menyatakan bahawa yang pengangguran golongan belia yang tinggi di negara kita ni adalah antaranya adalah berpunca daripada ramainya ya, warga asing yang mengambil peluang-peluang kerjaya ini dan pengangguran golongan muda Malaysia ini kekal pada kadar iaitu 10.8% lebih tinggi berbanding daripada Singapura, Thailand, Vietnam dan India.

Jadi, justeru itu saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mengadakan kempen ataupun kursus ya, bagi kesedaran untuk belia ini supaya jangan terlalu memilih kerja ya, kerana di sana banyak ruang-ruang pekerjaan yang patut direbut.Dan yang keduanya ialah supaya pihak kerajaan mengawal kebanjiran pekerja asing yang kita lihat banyak sektor-sektor perniagaan hari ini kalau kita pergi stesen minyak ya, kita pergi kedai basuh kereta, kita pergi *supermarket ya* rata-ratanya adalah dikalangan warga asing dan begitu juga dalam bidang *security.*

Yang keduanya apa yang saya ingin sentuh di sini ialah perkara yang dibangkitkan oleh warga Damak, DUN Damak iaitu berkaitan dengan kedai Pusat Pertumbuhan Desa Damak yang dikelola di bawah PKNP. Jadi pihak peniaga yang terdiri daripada 28 orang penduduk tempatan, mereka telah mendapat notis bahawa kedai-kedai ini

akan dijual iaitu pada tarikh 8 Januari 2019 notis tersebut dan harga jualannya ialah RM179,000 untuk setiap unit rumah kedai.

Wakil peniaga sudah membuat pertemuan dengan pihak PKNP dan telah menyuarakan hasrat mereka agar dibuat semula pertimbangan sama ada dari sudut harga jualan atau kaedah sewa, sewaan dikekalkan dan saya dimaklumkan bahawa harga asal kedai-kedai ini yang telah dibuka, ditawarkan pada awal tahun 2000 adalah RM99,000. Ya, jadi oleh itu para peniaga yang rata-ratanya adalah orang tempatan, mereka berharap dan mencadangkan ada dua perkara di sini.

Pertama, sama ada pihak PKNP menurunkan harga jualan kepada harga asal iaitu RM99,000 dan menjadikan sewaan yang mereka telah sewa pada awal 2003 hingga kini supaya dijadikan sebagai deposit ya, deposit iaitu kaedah sewa beli. Ini kerana peniaga ini telah er… mereka telah mengeluarkan banyak dana untuk yang mem… membaik pulih bangunan-bangunan ini yang terbiar begitu lama sebelum itu atau pihak peniaga mencadangkan supaya dikekalkan dalam bentuk sewaan sahaja seperti yang dipraktikkan ya, selama ini.

Tuan Yang di-Pertua

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh pada hari ini dan saya harap er… walaupun Dewan ni agak kosong, bukanlah saya bercakap seorang diri tapi yang di luar pun dengar samalah, harap-harapnya iaitu isu yang melanda yang dan ditegur juga oleh Ahli-ahli Dewan yang lain iaitu penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan Yang Di-Pertuan Agong. Jadi saya harap sama-sama kita menghayati apa yang disarankan oleh agama kita dan al-Quran di mana antara lain Allah SWT berfirman dalam suratul Al-An'am ayat 108 [Bacaan dalam Bahasa Arab]. "Janganlah kamu mencela apa-apa sembahan orang lain yang kelak mereka juga akan mencela Allah SWT tanpa ilmu". Jadi bermakna kita orang islam ini dah diajar lama supaya tidak mencela agama-agama lain dan saya rasa di Malaysia ni setakat ini lah er… rekod kes yang direkodkan saya rassa hampir tiada orang Islam mencela sembahan dan amalan orang-orang Islam yang lain khususnya di negara kita ya tapi sebaliknya yang berlaku.

Justeru itu, kita harap bagi mewujudkan suasana yang harmoni ya, maka orang Islam dan bukan Islam sama-sama menghayati apa yang telah dianjurkan oleh al-Quran. Dan begitu juga tentang cercaan dan penghinaan terhadap Yang Di-Pertuan Agong. Jadi saya harap apa yang disarankan oleh Yang di-Pertua di dalam Dewan ini sendiri, supaya kita mengamalkan budaya yang positif, sepertimana yang disebut oleh Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat Ayat 11 [Bacaan dalam Bahasa Arab] maksudnya "wahai orang beriman janganlah sesuatu puak dari kaum lelaki mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain kerana mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada kamu" jadi justeru itu marilah sama-sama kita menghayati roh Quran ini menggunakan kata-kata yang baik dan apa yang lebih penting ialah kita mahu melihat pandangan-pandangan bernas ya bagi membangunkan negeri Pahang ini.

Dan perkara yang ketiga yang ingin… keempat yang ingin saya sentuh disebabkan Exco Belia ada seorang je sini, ada lagi Exco lain tapi saya nak er… bercakap dengan Exco Belia je lah sebab dia hari ini memang nak bercakap panjang jadi… jadi saya akan bangkit ni bercakap panjang dalam penggulungan nanti. Sebenarnya saya ingin merakamkan er… ucapan tahniah secara khusus kepada orang Jerantutlah, ini secara khusus kepada pasukan Jerantut FA kerana telah berjaya melepasi peringkat ketiga trofi er… Piala FA dan er… semalam hampir-hampir menang ya, saya pun semalam tak main bowling sebab saya tengok bola semalam itu ha… itu saya… saya minta maaflah ya… cuma yang ingin saya ingatkan di sini…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, masa… masa Yang Berhormat…

TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Habis dah ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Cuma yang saya ingin cadangkan di sini agar pihak kerajaan memberikan bantuan kepada pasukan-pasukan yang kita kata kampung *boys* ini, anak-anak kampung ini dan di Jerantut khususnya saya harap pihak kerajaan dapat er… membangunkan prasarana dan infrastrukur berkaitan dengan sukan bola sepak ini yang khususnya padang… di Jerantut itu sendiri dan juga Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang yang dapat membantu pasukan-pasukan yang kerdil ni supaya bakat anak-anak muda kita yang selama ini mungkin terpinggir, dapat diserlahkan dan mungkin diserapkan dalam Pasukan Bola Sepak Negeri Pahang. Jadi itu sahaja yang ingin saya sampaikan sekali lagi saya menjunjung kasih atas ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dan saya ucapkan terima kasih kepada yang di… apa nama… Yang di-Pertua… YDP kerana memberikan er… ruang untuk saya berucap pada hari ini. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, sila Ketari. Tujuh minit ya.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Saya ingin membahaskan Titah Diraja. Pelancongan dan pertanian serta alam sekitar. Negeri Pahang Darul Makmur adalah negeri yang sangat kaya dengan hasil bumi terutamanya hasil hutan-hutan dan hasil-hasil pertanian serta penternakan. Seperti yang disebut, terdapat sejumlah kecil penternak ikan air tawar di Bentong, di Kampung Janda Baik. Ada beberapa penternak ikan yang sudah tidak mampu untuk meneruskan operasi kerana kos operasi yang kian meningkat dan juga masalah sumber air yang tercemar dan saya berharap perkara ini dapat dilakukan.

Saya menerima baik pengumuman Exco Pelancongan mengenai cukai pelancongan yang dikongsi Kerajaan Negeri secara 50/50. Angka RM7.8 juta dalam tempoh masa kutipan kurang daripada 6 bulan adalah satu angka yang sangat memberangsangkan dan sangat positif kutipan ini boleh menjadi RM10 juta malah RM20 juta pada masa akan datang. Dengan aset hutan, pantai-pantai yang menarik serta tanah-tanah tinggi serata Pahang, sektor pelancongan negeri Pahang memang berpotensi untuk mencapai angka yang dirancangkan bukan sahaja dari cukai pelancongan yang dikongsi dengan Kerajaan Pusat, malah mampu untuk memunculkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Pahang terutamanya anak-anak muda.

Dengan menyedari bahawa betapa pentingnya kedudukan alam sekitar kita dalam sektor ekonomi pelancongan dan pertanian negeri Pahang, amatlah penting untuk kita memastikan bahawa alam sekitar kita terus dijaga. Saya juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat memberikan inisiatif dan bantuan kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana di negeri Pahang yang terlibat dengan sektor pelancongan dan pertanian.

FELDA, Pahang mempunyai tanah rancangan FELDA yang paling besar di dalam Malaysia dengan 3 wilayah; Wilayah Kuantan, Wilayah Jengka dan Wilayah mem… Mempaga dan seperti yang kita sedia maklum Kerajaan Pusat telah membentangkan Kertas Putih FELDA yang mempunyai pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek. Sebagai Wakil Rakyat di FELDA Mempaga, saya… yang berada di Bentong dan di bawah DUN Ketari ingin saya tegaskan bahawa masalah yang dihadapi para peneroka FELDA bukanlah satu momokan ataupun agenda politik.

Berdasarkan Kertas Putih FELDA yang dibentangkan, kita perlu mengaku bahawa memang ada masalah dengan FELDA terutamanya di pihak pengurusan dan urus tadbir. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), tertakluk di bawah Akta Penempatan Berkelompok 1967 dan juga di bawah Undang-Undang Tanah Negeri masing-masing. Jadi saya di sini ingin mengusulkan untuk kita membincangkan perihal ini demi kesejahteraan generasi baru FELDA agar tidak lagi ketinggalan lebih-lebih lagi dalam bidang ekonomi.

Kerajaan… Kerajaan Negeri perlulah bersama-sama lagi dalam… Kerajaan Negeri perlulah bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan masalah FELDA dan bersama-sama menjalankan pelan jangka masa pendek dan panjang untuk FELDA seperti yang telah dirancang. Kita perlu membincangkan sebagai satu unit negeri Pahang untuk menggesa Kerajaan Persekutuan agar membenarkan para peneroka mahupun generasi baru untuk menanam tanaman bukan komoditi. Cadangannya adalah 10% ataupun 1 ekar daripada tanah ladang boleh diusahakan untuk tanaman yang boleh dijual di pasar-pasar seperti sayur, cili mahu pun ternakan atau mengadakan langkah strategik dengan menggabungkan usaha-usaha kemajuan pertanian negeri Pahang bersama-sama dengan peneroka-peneroka FELDA dalam negeri Pahang.

Kawasan industri. Seperti Titah Raja, amatlah penting untuk kita terus pelbagaikan sumber ekonomi negeri. Antaranya adalah untuk merancakkan lagi kegiatan industri pembuatan dan perkilangan di negeri Pahang. Kita sedia maklum bahawa hampir di setiap daerah terdapat kawasan perindustrian mereka. Walaupun kawasan industri ini tidak serancak dan sebesar seperti di Gebeng dan Kuantan, namun setiap kawasan industri ini mempunyai potensi yang belum habis di… yang belum habis digilap seperti contoh Kawasan Perindustrian Bentong. Namun berbanding dengan Gebeng dan Kuantan, kadang-kadang mereka ini terlepas jauh dari pandangan pihak yang berkenaan.

Infra… infrastruktur mereka jauh ketinggalan, kita perlu menaik taraf infrastruktur bagi setiap kawasan perindustrian di negeri ini jalan raya, perkhidmatan utiliti dan internet. Jika kawasan perindustrian ini mempunyai infrastruktur yang baik, sudah tentulah lebih mudah untuk kita menarik pelabur dari luar untuk datang ke negeri ini. Lebih bagus jika dapat kita dapat kelompokkan kawasan-kawasan industri ini dengan jenis industri sesuai dengan mereka. Jika Gebeng dengan industri lain… jika Gebeng dengan industri minyak dan gas, Kuantan untuk industri berat dan besi, kawasan-kawasan industri lain boleh diberikan pengkhususan mereka seperti contoh Kawasan Perindustrian Bentong sebagai industri memproses makanan dan buah-buahan.

Belia dan dadah. Untuk golongan belia kita perlu akui bahawa terdapat satu golongan belia yang sudah lama tepinggir iaitu golongan terjebak dari gejala sosial seperti rempit dan dadah yang terus dipinggirkan disebabkan persepsif… persepsi negatif kepada mereka. Perlu ada usaha untuk menarik golongan belia yang selalunya diberi imej negatif oleh masyarakat untuk kembali dalam masyarakat ini, seperti contoh memberi peluang latihan dan pekerjaan golongan belia yang sedang melalui proses pemulihan dadah. Ini satu segmen sosial anak muda yang kurang diberi perhatian sebelum ini. Golongan anak muda yang bermasalah, yang terlibat dengan gejala sosial kita perlu tarik mereka ini semua supaya kembali kepada masyarakat. Pendekatan yang lebih lembut dan berhemah untuk mendam… mendampingi golongan ini perlu dilakukan.

Yang terakhir, perpaduan. Sebagaimana di dalam Titah Raja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, kesucian Agama Islam mestilah dijunjung dan Perlembagaan disanjung demi menjaga perpaduan dan keharmonian sensitiviti umat Islam Melayu memang tidak boleh diusik sewenang-wenangnya. Namun yang demikian kita juga harus menjaga sensitiviti ruang peribadi untuk golongan yang bukan Islam dan bukan Melayu juga. Kadang-kadang apabila kita membandingkan realiti masyarakat sebenar dengan apa yang kita lihat di sosial media, begitu jauh berbeza.

Secara realitinya, kita boleh hidup aman dan damai. Namun di sosial media keadaan ini nyata berbeza sekali adakala golongan seperti menjadi seperti agen perosak yang mahu melaga-lagakan sesama kita dengan menggunakan media sosial. Kita sebagai Wakil Rakyat dan Yang Berhormat perlulah menjadi contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat dalam isu perpaduan, keharmonian dan saling hormat-menghormati serta saling sayang- menyayangi. Jadilah pemimpin yang membawa kepada keharmonian dan perpaduan dan bukan pemimpin yang membawa kepada perpecahan dan pe… kebinasaan.

Saya dengan ini menjunjung Titah Diraja Pemangku Pahang dan saya menyokong, sekian terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, tepati masa. Okay seterusnya Panching.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada er… Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan pembukaan er… Yang… Yang Maha Mulia er… Tengku Mahkota Pahang dan dalam kesempatan hari ini juga saya suka sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kejayaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya di er… Rantau, sebelum ini di Cameron Highlands dan semoga kejayaan yang dicapai hasil gabungan yang baik.

Sebahagian daripada parti terbesar di tanah air kita, parti Melayu terbesar tanah air kita iaitu PAS dan juga UMNO. Dapat kita mantap dan eratkan serta berjaya membawa perubahan dalam pentadbiran-pentadbiran kerajaan terutamanya pada hari ini. Perkara-perkara yang boleh kita ambil sebagai pembinaan er…*good governance* pentadbiran yang baik ialah meletakkan supaya semua YB-YB, ADUN-ADUN yang telah dipilih oleh rakyat er…memiliki kedudukan yang diiktiraf dan diletakkan sama sama ada daripada pihak kerajaan dan juga dari pihak pembangkang.

Begitu juga saya melihat pelantikan er…pelantikan dalam MPKK contohnya, ia tidak lagi perlu dilantik berdasarkan *political basis, background politic* tetapi mesti dia mengambil kira tentang keupayaan, kemahiran er… ke… kehebatan dalam merancakkan lagi aktiviti, terutama perpaduan dan sebagainya. Ada di kalangan pengerusi MPKK contohnya yang telah menjawat jawatan sebelum ini sekarang ini pengerusi MPKK, sebelum ini Tok Empatlah kita katakan selama 22 tahun. Satu jangka masa yang sangat panjang er… dan bila dah lama berkuasa er…dia jadi sukar, susah untuk menerima perubahan terutamanya dari kalangan er… anak-anak muda.

Ingin saya menyarankan supaya untuk pelantikan-pelantikan MPKK untuk tahun-tahun akan datang tidaklah diserahkan 100% kepada mereka er… diberi juga panduan er… untuk melibatkan semua er… kemahiran. Contohnya daripada masjid, belia, wanita dan sebagainya, supaya semuanya dapat berfungsi dalam masyarakat, dalam membangunkan komuniti masyarakat. Jadi tidak dilihat semata-mata untuk memikirkan soal jalan, soal pokok, soal longkang, soal pasal lembu liar. Sebenarnya mereka berpakat bersatu membina er…organisasi, aktiviti yang terbaik er… dalam komuniti er… kampung mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam kesempatan hari ini juga, saya… suka saya menyentuh er… sedikit daripada ucapan Titah Tuanku berkenaan pemikiran liberal dan juga LGBT yang semakin menular dan semakin bahaya. Kalau kita melihat contohnya baru-baru ini ada kenyataan daripada pemimpin sebahagiannya tidak boleh melarang wanita Islam daripada memakai tudung contohnya.

Satu kenyataan kita lihat semakin hari, semakin cuba dilonggarkan er…perkara-perkara berkaitan dengan agama dan perkara ini saya lihat tidak ada jalan dan cara lain. Melainkan kita, terutamanya umat Islam, perlu mengukuh dan menguatkan kembali sistem pendidikan agama Islam dalam diri anak-anak kita.

Antara perkara yang kalau kita lihat hari ini yang di… kurang diberi perhatian dalam pendidikan agama ialah kepada kumpulan sekolah menengah. Kalau kita lihat pendidikan kepada sekolah rendah, pelajar-pelajar telah pun ada KAFA, sekolah rendah. Tapi sekolah menengah ini mereka bebas, tidak ada satu program penyusunan yang baik bagi memberi penekanan kepada pendidikan agama er… bagi pelajar-pelajar sekolah menengah.

Kalau boleh dicadangkan, kalau sekolah rendah ada UPKK contohnya. Kalau sekolah menengah ada UPKKM contohnya, yang diiktiraf bagi memberi… memberi penekanan pendidikan agama kepada pelajar sekolah-sekolah menengah. Yang kita lihat hari ini sebahagian kes jenayah melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah. Pada usia 16,17. Kalau dulu contohnya ketua kumpulan geng curi motorsikal er…pelajar berumur 17 tahun. Er… jadi kita tidak boleh memandang ringan terhadap er… pendidikan agama bagi pelajar-pelajar sekolah menengah er… dan kepada sekolah agama yang sedia ada ataupun sekolah swasta ini perlu juga diberikan perhatian, bantuan dan sebagainya.

Dan bagi menyemarakkan lagi program pendidikan agama kepada anak-anak kita, saya juga mencadangkan sekali lagi er… kita menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti bagi negeri Pahang sebagaimana yang berlaku di Terengganu, di Kelantan. Pada hari ini kita dapat menyuburkan er… budaya ilmu bukan sahaja kepada golongan remaja tetapi juga kepada golongan orang-orang tua yang kita lihat perkara telah pun

menjadi budaya yang sangat baik membina kefahaman agama er… di negeri-negeri tersebut.

Dan pada kesempatan ini juga suka untuk saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menilai kembali er… bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar kita di… yang belajar di luar negara terutamanya belajar di Mesir. Dulu ada bantuan sama ada pinjaman ataupun tajaan, tetapi ditarik kembali kerana berlaku pergolakkan politik dan hari ini kita lihat pada pelajar-pelajar kita setiap tahun kita hantar ramai, saya sedar ada bantuan daripada MAIP, daripada Majlis Agama, seandainya pihak Kerajaan juga menawarkan bantuan, sokongan, ini dapat menambahkan dari semangat keinginan er… pelajar-pelajar kita untuk berjaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya….

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa Yang Berhormat, masa.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Habis dah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Seminit lagi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Gulung Yang Berhormat, ya.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Er… saya juga ingin menyentuh er… isu… sikit isu berkenaan di tempat saya antaranya iaitu isu berkenaan laluan trafik Bukit Rangin, yang baru ini dicadangkan… dicadangkan untuk tutup terus er… ditutup terus er… simpangannya. Maka kita melihat bantahan-bantahan yang cukup kuatlah daripada penduduk tempatan dan akhirnya pihak JKR, alhamdulillah me… hanya menjadikan tiga fasa *traffic light* kepada dua fasa er… *traffic light*. Satu perkembangan yang sangat baik. Cumanya kita… saya melihat perkara ini sepatutnya diadakan persediaan yang rapi, mantap sebelum kita buat apa-apa tindakan keputusan kerana keputusan tanpa menyediakan persediaan yang baik, akan mengundang kemarahan daripada penduduk tempatan.

Kalau saya boleh kongsikan sikit er… ketika mana cadangan daripada pihak JKR untuk menutup jalan dan saya dijemput sekali. Tapi sebelum saya dijemput itu, orang kampung dah jumpa dah, “ustaz, kalau buat juga, kami piket tepi jalan petang-petang”. Ah…jadi ini, Alhamdulillah dengan perubahan kepada tindakan itu er… walaupun kita sedar ada cadangan untuk mebina *flyover* dan sebagainya untuk jangka masa yang panjang, tapi untuk tempoh yang terdekat ini kita harap cadangan JKR yang… akan

yang… yang ada ini dapat mengurankan kesesakan dan saya suka mencadangkan supaya diadakan *u-turn* sebagaimana Jalan Pekan er… untuk melancarkan lagi perjalanan di er… laluan tersebut. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Saya dengan ini menyokong ucapan Titah itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, terima kasih Yang Berhormat. Jemput Chenor, ya. Silakan.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam perpaduan ummah. Er… Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat er… dan semua yang hadir pada tengahari ini. Er… saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada er… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang dan er… semua yang hadir. Di atas sokongan kita terhadap junjung… Titah Baginda er… Pemangku Sultan Pahang dan saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa saya menjunjung kasih di atas keprihatinan baginda tuanku dalam Titah ucapannya.

Di mana saya menekuni dan membangkitkan dalam ucapan tersebut berkenaan dengan kesucian agama Islam dalam muka surat yang ke-16 dalam Titah ucapan baginda yang menyentuh berkenaan kesucian Islam. Di mana kita ketahui bahawa Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan meletakkan bahawa ugama Islam ialah ugama bagi persekutuan, tetapi ugama-ugama yang lain bebas dan boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Dalam menafsirkan makna ini, Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah di Mahkamah Tinggi Seremban, menafsirkan Islam di Malaysia adalah seumpama pokok jati, bukan pokok buluh ya, pokok jati. Pokok-pokok lain boleh tumbuh tetapi tidak boleh lebih tinggi daripada pokok jati.

Jadi oleh kerana itu, kesucian Islam ini dan juga kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan juga bermaksud apa sahaja undang-undang yang hendak dibuat dan apa sahaja akta yang hendak diluluskan di Parlimen, apa sahaja enakmen yang hendak digubalkan di Dewan Undangan Negeri, serta apa sahaja pekeliling dan arahan Jabatan kerajaan hendaklah terlebih dahulu melihat kesesuaian dengan Islam. Ia tidak boleh dibuat se... er... sekiranya bercanggah dengan agama Islam, jika dibuat juga ertinya ia telah melanggar konsep Islam sebagai agama Persekutuan.

Jadi oleh kerana itu, bila kita melihat kepada Parlimen er... undang-undang itu, maka kita hendaklah menjaga kesucian apabila ada di kalangan rakyat Islam sendiri yang menghina Rasulullah SAW. Bila menyebut berkenaan berkenaan dengan Islam dia berkait dengan Rasulullah SAW dan saya dapat maklum er... daripada beberapa sahabat saya ada di Kuantan er... ada di sebelah Bentong sana, mereka yang menghina Rasulullah SAW yang menyamakan Nabi SAW, dengan dewa dan juga merendahkan taraf Rasulullah SAW. Jadi saya mencadangkan supaya er... Jabatan Agama Islam mengambil tindakan yang lebih, yang sewajarnya terhadap mereka-mereka yang menghina Rasulullah SAW.

Disamping itu juga, pengaruh barat yang menyebabkan masuknya Islam Liberal ke dalam pemikiran rakyat Islam yang meletakkan bahawa konsep nak bercakap itu adalah mengikut individu sapa-sapa nak bercakap, maka akhirnya Islam, agama Islam ini dicemari dengan pandangan-pandangan dan juga fahaman-fahaman yang akhirnya melahirkan masyarakat yang terpesong daripada Islam yang sebenar yang dibawa oleh Nabi SAW.

Dan lahirlah juga fahaman LGBT dan saya cukup er... cukup malanglah apabila ada satu ucapan yang mengatakan bahawa LGBT tidak salah kata dia. Er... dia tidak salah, tidak menjadi masalah er... dia katakan kalau laki-laki dan laki-laki berkahwin, perempuan dengan perempuan berkahwin itu hak mereka. Maka kerana itu jangan halang kehendak nafsu mereka. Jadi kerana itulah, ini satu benda yang sangat mendukacitakan ucapan yang datang daripada orang Islam.

YB. DATO' SRI HAJAH SHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Tuan Yang di-Pertua,

Mohon mencelah, saya nak tanya YB Chenor sapa yang bercakap tu.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Er... boleh rujuk pada er... ucapan anak Tun Dr Mathatir boleh jadi... masyaAllah.

Baik, jadi oleh kerana itu saya mengharapkan untuk mem... berhadapan dengan isu macam ini, maka jawatankuasa penulis khutbah disarankan supaya mem... sentiasa meletakkan tajuk cer..., tajuk-tajuk ini dalam khutbah-khutbah dan juga dibuat forum, seminar dan umpamanya. Dan lebih-lebih lagi kepada asas pendidikan di kafa dan seumpamanya yang mana ia boleh dicegah sebenarnya. Kerana apabila dibiarkan, kita takut bahawa ia mengundang bala daripada Allah SWT sepertimana yang berlaku kepada kaum Nabi Luth AS. Dan disamping itu juga berkenaan dengan Islam ini perlu kepada dakwah, berdakwah kepada orang asal yang perlu diteruskan kerana ditempat saya pun ada di mana dia Islam, kemudian dibiarkan begitu sahaja jadi dia perlu kepada *follow up* er... kepada guru-guru, kita tidak nafikan ada guru yang mengajar tetapi perlu kepada kekerapan untuk membimbing mereka supaya mereka menjadi orang Islam yang yang sempurna Islamnya.

Kemudian saya hendak bercerita berkenaan dengan...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa Yang Berhormat, ada 1 minit lagi.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Ya. Berkenaan dengan tempat saya ni di antara lain er... saya dimaklumkan jalan di antara Jengka 7 ke Hulu Kerut. Mungkin pernah disebut di dalam Dewan ini sehingga sekarang ni saya tidak tahu dia punya status, apakah diluluskan ataupun di antara Jengka 7 ke Hulu Kerut, di Chenor ni makna satu jalan pintas er... tidak lalui, tidak tidak keluar ke bandar Tajau tu, maknanya terus *cross* kepada Chenor dan ia akan mengambil masa yang dekat untuk pergi ke Temerloh ataupun ke Chenor.

Jadi oleh kerana itu, saya ingin tahulah berkenaan dengan status tersebut, dan juga berkenaan dengan pasir yang banyak di di Chenor ni pasir sahaja. Dan apakah ia

boleh dijadikan sebahagian daripada er... *income* kepada negeri Pahang ini untuk menjana ekonomi dengan penjualan pasir yang begitu banyak khususnya pada baru-baru ini, di mana daripada tebing ke pulau, tengah-tengah Sungai Pahang tu er… dah timbul pasir menyebabkan sungai hanyalah berada di sebelah er… sebelah… seberang daripada Pesagi yakni Kampung Paya Pasir. Kemudian… sikit lagi berkenaan dengan er… peralihan, perubahan nama-nama kampung er… ada disebahagian kampung-kampung di Chenor ni…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila menepati masa Yang Berhormat.

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak jelas

YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

Hilang dia punya nama ditelan oleh kampung yang lain, jadi minta supaya nama-nama kampung ini dipelihara. Dan akhir sekali saya menjemput semualah ke Pesta Chenor yang akan diadakan pada 25 haribulan sehingga 28 haribulan ini dan mudah-mudahan ia mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada ekonomi dan pelancongan serta kebudayaan negeri Pahang. Dan saya mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya Sabai… Sabai.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Selamat pagi dan selamat sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berhujah dalam sidang pada pagi ini. Baru-baru ini saya telah dijemput ke Sekolah Agama Rakyat Felda Kampung Sertik untuk menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan bagi tahun 2018. Sekolah tersebut er… berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Pahang dan pernah menerima anugerah Sekolah Kafa Cemerlang bagi tahun 2014 peringkat kebangsaan serta Sekolah Cemerlang Ujian Penilaian Kafa UPKK tahun 2015. Namun hasil daripada lawatan sendiri ke sekolah tersebut didapati bahawa bangunan sekolah tersebut tidak pernah diselenggara sejak tahun 1981. Bangunan sekolah tersebut telah menjadi terlalu usang dan reput dimakan anai-anai. Jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan penyeliaan sekolah-sekolah seperti ini tidak terabai.

Dato' Yang di-Pertua,

Perkara yang seterusnya, iaitu isu pemberian geran kepada penduduk yang sudah mendirikan perumahan selama bertahun-tahun yang berada di bawah tanah Kerajaan Negeri Pahang. Pada pendapat saya, tempoh yang sebegitu lama sudah cukup lama, malah penempatan semula perumahan tersebut dalam perkara… adalah perkara mustahil dan rumit. Lebih-lebih lagi untuk mendapat persetujuan dari penduduk-penduduk perumahan tersebut. Sebarang pembangunan sudah tentunya tidak dapat

dilaksanakan setelah beberapa generasi. Setelah penduduk-penduduk itu sudah menduduki kawasan tu selama beberapa generasi. Dengan itu, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri membuktikan keprihatinan dengan memberikan geran tanah kepada perumah-perumahan tersebut dalam masa yang terdekat, agar kemudahan asas dan infrastruktur yang baik dapat disalurkan kepada mereka.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya,

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Mohon Sabai. Yang di-pertua, sila nyatakan dengan jelas kawasan yang dimaksudkan.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Kawasannya ialah er… Kampung Sungai Cherpan. Sudah 60 tahun mereka menduduki tanah itu. Terima kasih.

Dato' Yang di-Pertua,

Seterusnya isu… isu yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan sumbangan Kerajaan Negeri kepada kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya serta peruntukan untuk pelaksanaan projek oleh Pihak Ber… Berkuasa Tempatan di mana projek yang berada dalam status status menunggu adalah sangat lama.

Dato' Yang di-Pertua,

Setakat ini sebanyak 3 jalan utama di kawasan Sabai memerlukan peruntukan yang amat besar untuk melaksanakan penyelenggaraan. Jalan-jalan tersebut adalah jalan besar Karak, jalan Mancis dan jalan alternatif ke Kota Bharu yang merupakan jalan perhubungan utama Felda Sertik. Permohonan Pihak Berkuasa Tempatan pula masih belum ke peringkat pelaksanaan, susulan masalah peruntukan jumlah kes yang telah dilapor secara bersurat dan masih dalam status menunggu ialah 7 per… permohonan lampu… lampu jalan, 3 aduan longkang pecah dan runtuh, 2 kes tanah mendap dan taman perumahan dan banyak lagi. Akhir sekali, minta maaf bukan akhir sekali [ketawa].

Dato' Yang di-Pertua,

Saya tidak pasti jika Yang Berhormat Kemayan dalam pen… er… penjelasan beliau tempoh hari merujuk kepada kenyataan seorang professor atau pandangan beliau sendiri. Walau bagaimanapun, saya sebagai seorang bekas pelajar sekolah Tamil, tidak dapat dan tidak akan terima pandangan tersebut. Saya masih ingat pelajaran moral yang diajar di bangku sekolah rendah yang banyak menekankan kepenti… kepentingan, keharmonian dan perpaduan. Rukun Negara yang saya melafazkan semasa di bangku sekolah dalam bahasa ibunda saya, telah menyemarakan sifat patriotik dalam diri saya…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Mohon mencelah… mohon mencelah sikit…

YANG DI-PERTUA DEWAN

Jangan panjang sangat…Ya… Sila, apa isunya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Pendek je. Dato' Yang di-Pertua,

Saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Sabai berkenaan dengan Kemayan sepatutnya dah selesai semalam. Sebab apa, pada saya lah, Kemayan telah menjelaskan bahawa beliau mengambil petikan ucapan daripada Professor Dr. Teoh. Jadi pada saya, bila ditanya balik kenapa tak jelaskan? Dia diberitahu bahawa dia nak cuba menjelaskan tetapi oleh kerana suasana… suasana Dewan yang menyebabkan Dato' Yang di-Pertua mohon semua duduk, maka dia tak dapat peluang. Jadi semalam dia dah… dia dah memberitahu. Jadi pada saya, tak patut lah dibangkitkan lagi pada hari ini.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat, jelas dah tu… Ya sila.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Manis. Er… seperti er… Yang Berhormat Kemayan, saya juga berhak untuk memberi pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin beritahu bahawa seramai 39 murid sek… er… murid Melayu dan 17 murid India belajar di sekolah…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Yang di-Pertua, saya nak minta penjelasan sikit apa maksud…

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Er… kita tak ada masa…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Tak, saya… saya cuba menghayati apa Yang Berhormat cuba sampaikan tapi saya tak faham apa maksud menyemara itu. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya… Sabai.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Er… Minta maaf. Mungkin er… salah *pronounciation*. Dengan izin, menyemarakkan. Terima kasih.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ok. Yang Berhormat, Yang Berhormat… Yang Berhormat ada 1 minit lagi.

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Er… Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin beritahu bahawa seramai 39 murid er… Melayu dan 17 murid India belajar di Sekolah Cina Karak. Bayangkanlah er… angka… angkanya di seluruh negara. Oleh itu, janganlah kita sama sekali mengeluarkan kenyataan yang SJK(T) dan SJK(C) er… sebagai penjejas keharmonian dan perpaduan negara. Dengan itu, sekian er… ucapan saya, saya mohon sokong. Terima kasih.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Sabai. Jemput ya, Semambu ya.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam Usul menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan er… tahniah atas peruntukan er… yang diluluskan kepada barisan pembangkang negeri Pahang tahun lepas. Untuk tahun 2019, saya yakin jaminan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tersebut akan diteruskan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam ucapan Pemangku Raja Pahang, harapan baginda adalah untuk membangunkan industri teknologi maklumat dan digital yang berkembang pesat. Sebenarnya Kerajaan Pahang telah mempunyai visi yang sama lebih awal. Pada 30 Mei 2007, sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri Pahang telah ditubuhkan untuk memperjuangkan inisiatif Multimedia Super Corridor dan merupakan pusat sehenti untuk pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi di Pahang. Syarikat tersebut bernama Pahang Technology Resources. Izinkan saya kongsikan kronologi perkembangan PTR, Pahang Technology Resources ini.

April 2015, laporan audit negara mendedahkan bahawa prestasi kewangan PTR kurang memuaskan dan telah mencatat kerugian setiap tahun bagi 5 tahun berturut-turut. Laporan audit mendedahkan bahawa pelbagai cadangan projek seperti *stem cell*, *hidrotermal*, Pahang Global Coconut, *co fire* dan *solar farm* gagal menghidupkan semula syarikat tersebut. Saya turut mendedahkan bahawa lembaga pengarah PTR hanya mengadakan mesyuarat 2 kali setahun sedangkan pengiraan saya menganggarkan jumlah *allowance… allowance* yang dibayar sepanjang tahun berjumlah lebih kurang RM1.49 juta.

Sebanyak 70% kerugian daripada kerugian merupakan kos pembiayaan er… *allowance* lembaga pengarah. November 2015, jawapan Dewan mengesahkan bahawa PTR terpaksa menceburi diri dalam bidang penanaman kelapa sawit. Selain itu, PTR pula terlibat dalam projek teknologi hijau melalui sistem penguraian sisa pepejal Pahang yang bernilai RM500 juta dan Kerajaan Pahang telah memberikan tanah seluas 216 ekar di Ulu Luit untuk menjayakan projek itu.

Jawapan Dewan pada April 2017 sekali lagi mengesahkan status projek-projek PTR seperti berikut. Projek *stem cell* gagal, projek *hidrotermal* masih menunggu kelulusan bank dan projek Pahang Global Coconut, kerjasama telah dihentikan. Projek *co fire* belum dimulakan, projek *solar farm*, pelabur belum dikenalpasti, projek penanaman kelapa sawit, tiada status penanaman sawit tetapi pendapatan RM1.35 juta diperolehi melalui pajakan kepada pemaju er… itu saja yang dapat. 12 tahun telah berlalu, Dato' Sri Yang di-Pertua, PTR yang diperuntukkan RM5 juta tersebut bukan saja tidak dapat memacu pembangunan ekonomi digital, malah telah mencatat kerugian berturut-turut.

Persoalan saya kepada Dewan Yang Mulia ini adalah, apakah status terkini PTR? Adakah pengarah masih menerima *allowance* bulanan? adakah Kerajaan Negeri Pahang mengakui bahawa PTR merupakan satu kesilapan? dan bagaimana kita boleh bersama dengan semua Ahli Dewan di sini untuk membaik pulih keadaan supaya isu-isu tersebut tidak berulang? Adakah er… jawatankuasa kira-kira wang ataupun PAC akan membuka fail untuk menyiasat PTR supaya kita boleh sama-sama mengambil pelajaran dan membaik pulih untuk projek yang akan datang supaya aspirasi Pemangku Raja Pahang tidak menjadi satu kekecewaan.

Isu kedua Dato' Sri Yang Di-Pertua, tentang bangunan baru MPK. Kita semua sedia maklum bahawa bangunan baru MPK bermula pembinaannya pada bulan Ogos 2011 dan dijangka siap 2013. Namun, bangunan tersebut hanya dapat disiapkan pada tahun lepas. Itu pun masih terganggu dengan pelbagai isu teknikal sebagai… seperti kerosakan lif, kelengkapan yang kurang, perabot yang tidak sesuai dan lain-lain. Dimaklumkan bahawa kos asal bangunan MPK adalah RM57 juta. Tetapi selepas beberapa kali tangguhan, kosnya sudah mencecah RM68 juta dan MPK perlu menanggung faedah 4%.

Terkini, dimaklumkan bahawa kontraktor yang gagal menyiapkan projek pada masa yang ditetapkan itu menyaman MPK dan mahkamah telah memutuskan bahawa MPK harus membayar lebihan RM7.6 juta lagi kepada 2 orang kontraktor tersebut.

Dato' Yang Di-Pertua,

RM7.6 juta pampasan kepada kontraktor yang lambat siap kerja. Jadi saya ingin mengetahui status terkini bangunan MPK. Adakah bangunan tersebut telah boleh digunakan sepenuhnya? Adakah pampasan RM7.6 juta telah dibayar? Adakah ini sebab mengapa cukai pintu, bayaran lesen kepada rumah burung walit dan pelbagai lah macam-macam harga ataupun kos meningkat mendadak? Pohon penjelasan pihak Kerajaan Negeri. Isu terakhir, saya tahu masa singkat, er… tentang isu Bukit Sekilau.

Dato' Yang Di-Pertua,

Rakyat Kuantan semua sedar akan sebuah bukit botak yang terletak di pusat bandar Kuantan. Bukit itu bernama Bukit Sekilau. Kita juga ambil maklum bahawa bukit itu telah dijual oleh Kerajaan Negeri kepada pihak swasta. Mengikut garis panduan perancangan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi, sebarang kecerunan bukit yang melebihi 25 *degree*, dengan izin ianya memerlukan kajian alam sekitar, EIA.

Tetapi projek tersebut tidak membuat EIA, lesen operasi juga tidak diberikan oleh Jabatan Mineral & Geosains. Namun rakyat lihat hutan-hutan, pokok-pokok, batu-bata makin hilang. Dihilangkan oleh mereka yang bersembunyi. Sekarang tanah sudah dijual, bukit sudah digondol dan hasil telah dirampas, apa yang boleh dibuat. Maka saya difahamkan tanah di bawah bukit ini, yang dimiliki oleh pihak yang sama bakal

dibangunkan. Di sini saya ingin meminta Kerajaan Tempatan mewajibkan penanaman semula Bukit Sekilau sebagai satu syarat pembangunan sekiranya terdapat sebarang permohonan untuk membangun… membangunkan tempat tersebut. Adakah ianya boleh dibuat demi kehijau… kehijauan Kuantan dan kesejahteraan rakyat.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Pohon nyatakan pandangan dan persetujuan pihak negeri. Masa dah tidak mengizinkan…

YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa dah cukup.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Jadi dengan ini saya ingin menyokong atas Usul menjunjung kasih Titah Diraja. Terima kasih atas er… peluang yang diberikan.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Jemput Pelangai.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya… mohon izin untuk mengambil bahagian menyokong Usul menyembah menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja pada hari Isnin yang lalu. Saya mohon menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, atas Titah Diraja yang padat dan mantap meliputi semua aspek permohonan negeri. Tapi yang lebih dari itu ialah kita semua berasa bangga dan er… percakapan di kalangan Ahli Dewan dan jemputan yang hadir. Kita merasa bangga melihat bahawa Paduka Tuanku Pemangku Raja telah menunjukkan sifat yang mesra dan er… prihatin. Kemudian telah menyampaikan Titah Diraja dengan er… suara yang mantap dengan *phase* atau kelajuan yang sesuai dan saya sendiri perhatikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, selepas berangkat, bersemayam atas kerusi Speaker tu, telah meminta, menitahkan meminta semua orang duduk.

Dan dalam dewan makan, begitu juga, sampai dia masuk, Tuanku Pemangku Raja, telah menyatakan… menitahkan sila-sila makan, sila makan. Walaupun ini perkara kecil, tapi menunjukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja lah seorang pewaris ganti yang prihatin. Jadi kita tidak hairan kerana sifat-sifat ini ditunjukkan juga oleh Paduka Ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Abdullah dan yang lebih-lebih lagi, Paduka Nenda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Haji Ahmad Shah. Dan kita percaya dengan sikap yang ditunjukkan oleh Pemangku Raja, InsyaAllah kita di Pahang ini, semua rakyat Pahang tanpa mengira kaum boleh menumpang berteduh dibawah sisi raja. Saya ingin mengucapkan atau menyembahkan tahniah sekali lagi.

Yang keduanya saya ingin mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana dalam tempoh setahun telah menunjukkan er… kualiti kepimpinan yang baik dan saya percaya dengan sokongan kita semua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga Ahli-ahli *backbenchers*, penyokong-penyokong kerajaan termasuk juga ahli-ahli dari sahabat lama, sahabat baru kita dari Parti Islam Semalaysia, PAS. Insya-Allah Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan dapat memberikan khidmat yang lebih terjamin dan juga dengan keadaan yang tenteram untuk beliau melakukan apa jua perubahan.

Di negeri Pahang ini, sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masalah kita kalau kita katakan masalah kewangan pun tidak juga. Sukatan kepada sesebuah Kerajaan Negeri dari dahulu sampai sekarang ialah kebolehan membayar gaji dan emolumen. Kalau negeri tu boleh bayar gaji dengan emolumen, dari hasil daripada kerajaan negeri itu sendiri, maka menunjukkan Kerajaan Negeri itu tiada apa-apa masalah. Kita di Pahang, berpuluh-puluh tahun yang lalu, sekali kerajaan terpaksa meminjam dari Kerajaan Persekutuan untuk bayar gaji. Sudah berpuluh tahun kita tidak pernah meminjam untuk membayar gaji. Ini bermakna, kita lain daripada sesetengah negeri yang lain. Saya tahu beberapa negeri yang lain, yang terpaksa meminjam daripada kerajaan untuk bayar gaji. Tapi kita tak pernah. Hanya saya berharap, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli dewan perlulah memahami keadaan kita sekarang ini.

Kita ni seolah-olah negeri kebajikan. Saya ingin memberitahu ya, kita memungut hasil hutan, hasil tanah, dan er… bagi kutipan bayaran air, hasil air, kita tidak pernah dapat *cover* kos, jangan kata dapat untung. Seringgit yang kita bayar bil ni, sebenar kerajaan *subsidize* kurang-kurang 55 sen atau 60 sen tapi cuba kita naikkan, cuba kita naikkan tarif air ini, saya percaya Ahli-ahli Pembangkang, terutamanya daripada er… PKR, DAP akan bertepuk tangan. Sebab, kerajaan yang memerintah di Pahang ni tak kiralah parti mana, naik saja cukai air, tarif air, kalahlah pilihan raya. Dan sukatan seorang ahli politik, termasuk Menteri Besar bukan surplus, bajet, bukan.. bukan… dia rakyat aman tenteram, dan akhirnya setiap 5 tahun, setiap pilihanraya umum, kita menang balik. Ha… itu sukatan. Kalau kita kalah, makna kita tidak menjalankan tugas dan prestasi kita buruk, rakyat tolak kita.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, hutang kita dengan Kerajaan Persekutuan, RM3.17 billion. Kemudian itu, yang kebanyakkannya, RM2.1 billion ini, ialah hutang bekalan air. Kita kena faham negeri Pahang ni luas. Paip air yang digunakan sebelum merdeka, jenis asbestos tu masih ada lagi. Yang ini kita nak gantikan. Saya pernah bercakap dalam Dewan, panjang paip di negeri Pahang ini, kalau kita sambung-sambung Kuala Lumpur - London pergi balik. 12,000 km… 12,000 km jauh, dan sudah pastilah kosnya tinggi dan er… selain daripada itu, kita mengambil alih dari FELDA. Saya lupa jumlah er… hutang yang terpaksa kita tanggung tetapi tidak kurang daripada 82 *treatment plant* di FELDA yang terpaksa diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Kita juga tanggung. Jadi Ahli Dewan kena faham, tak usahlah mencerca kerajaan, kurang duitlah, apalah dan sebagainya. Kita dapat mengadakan khidmat sekarang ini pun sudah cukup baik.

Hutang dengan TNB sebagai contoh, RM432 juta, terpaksalah berhutang. Kalau TNB potong semua bekalan api, bekalan elektrik, tak ada air lah kita. Kalau TNB sanggup negeri Pahang tak berair dari Istana sampai ke kampung, ha buatlah tengok. Itu sebabnya, kita mencadang kepada Yang Berhormat Menteri Besar, supaya buat kertas bebaik, pergi berbincang dengan er… dengan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Saya Tun Dr. Mahathir ni, saya anggap macam ayah saya. Sebab saya tak pernah usik dia. Dan dia pernah panggil saya, setengah jam, 3 bulan yang lalu

berbincang, berbual-bual, bersembang. Kita biasa. Kalau dia suruh lompat, tak lompat je.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Semasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menjawab soalan daripada Ketari, dan dinyatakan bagaimana hutang er… kita dengan Kerajaan Persekutuan, untuk SUKMA je, RM400 million? RM200 million? RM200 juta. Pastu untuk banjir 2014, RM43 juta. Negeri lain buat SUKMA, Kerajaan Persekutuan tanggung. Kita buat SUKMA, kita tanggung. Hal-hal keselamatan, bencana, Persekutuan tanggung. Kita er... membelanjakan RM43 juta untuk banjir, kita tanggung. Yang ini saya pun berasa malu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua nak bercakap. Malu dengan Ahli-ahli Dewan yang baru. Malu dengan Ahli Dewan dari pembangkang, terutama dari Ketari. Saya sebut Ketari sebab beliau Wakil Rakyat yang bagus, baru jadi Wakil Rakyat. Saya beritahu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kawan-kawan, ahli daripada Ketari ini dia bertanding sampai mati pun dia mesti menang. Dia patut masuk UMNO tapi dia masuk DAP. Tapi kalau dia masuk UMNO, dia tak bertanding pulak.

Saya berasa malu sebab kerajaan masa itu satu parti dengan kita. Kerajaan Barisan Nasional. Saya masih ingat lagi, saya mengetuai, dari Pahang, berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Tan Sri Muhyiddin. Kita telah bersetuju capai persetujuan Kerajaan Persekutuan akan hapuskan 40%. Makna kalau RM3.0 billion akan hapuskan RM1.2 billion hutang. Tapi kita tengok masa itu Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang berjoget di Langkawi itu, rupa dia lebih kuat daripada Perdana Menteri (Menteri Kewangan). Dia malu nak cakap. Satu parti tak boleh selesai masalah. Sekarang kita dah kalah, Pakatan Harapan di Putrajaya nak pergi berunding pula lagi, mudah tak mudah tak tahulah. Jadi berasa malulah, patut dulu dah hapus dah semua hutang ini. Ini dah kalah, baru kita minta tolong dengan kerajaan yang lain pula untuk minta tolong. Mana lebih mudah? Patut mudah yang dulu. Jadi elok benarlah kalah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak kita tidak tahu.

Satu perkara lagi sebelum saya duduk, saya ini tidaklah nak panjang tapi dia kadang-kadang melarat-larat juga. Maklumlah orang tua, hari ini genap 69 tahun. Walaupun orang bodek saya, (Ahli Dewan menepuk meja) orang bodek saya kata macam umur 49 tahun. Jadi susah sikit kang nak buat bersenam kang keluar pulak TV, keluar pulak pembangkang, keluar Youtube pelik pulak dia orang. Saya boleh taruk kaki saya sini (membuat aksi). Boleh taruk sini, nak tengok? (Ahli Dewan ketawa). Tapi saya takut nak buat, takut tak boleh er... keluarkan, berusung pula ke hospital, payah nanti (Ahli Dewan ketawa).

Sekarang ini kita dapat tahu juga satu langkah yang baik telah pun dimulakan sebelum ini, supaya Kerajaan Persekutuan membayar pampasan kepada kawasan hutan kita yang kita simpan, yang kita jadikan tadahan air. Sebab berdasarkan kepada laporan jabatan teknikal, kalau negeri Pahang ini tebang hutan kita semua, yang akan tidak ada air minum ialah Kelantan, Terengganu, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. Kita setakat hari ini, hutan simpan 1.56 juta hektar. Boleh dibalak 1 juta hektar tapi secara *sustainable,* maknanya ada sukatan-sukatan tertentu dan kawasan tadahan air 299,000 hektar. Saya ingat dalam tahun 2000 pun kita tambah 200,000 lebih. Itu sebab yang ada 299,000 hektar dan kita nak gazetkan lagi 125,000 hektar. Maknanya lebih kurang dalam 400,000 hektar, lebih kurang dekat sejuta ekar.

Jadi kalau Kerajaan Persekutuan boleh bayar kita RM50 seekar setahun, ada juga RM250 juta. Kalau betul orang Melayu tak pandai mengira, ADUN Teruntum tengok

saya. 250,000 bukan... bukan. 500,000 kali 50, RM25 juta ataupun RM250,000? Satu ekar RM50 setahun. Jadi ini, saya pun telah memberitahu pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan mengulang dalam Dewan ini supaya kita menyiapkan kertas untuk dibawa ke Majlis Tanah Negara dan juga Majlis Perhutanan Negara dan dibawa ke Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan sebelum itu pergi berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini satu cara untuk kita menambahkan hasil.

Berhubung dengan Titah Diraja mengenai meningkatkan hasil dalam bidang ICT, ini kita sedang jalan ikhtiar. Saya mendengar apa yang disebut oleh ADUN Semambu tadi. Inilah masalah yang dihadapi oleh... minta maaflah Kerajaan Pakatan Harapan. Dia ingat dia pembangkang. Di sini betullah pembangkang. Jadi kerajaan pun ingat pembangkang juga. Lepas itu, semua er... hutang banyak, RM1 trillion. Itu menyalahkan kerajaan. Itu sebab tak popular. Dan saya meramalkan insya-Allah Pakatan Harapan ini sepenggal saja. Kalau pakatan UMNO dengan PAS ini diteruskan untuk ugama Islam, bangsa Malaysia, kita akan menang 126 kerusi. Bye-bye ya PH (Ahli Dewan menepuk meja).

Kita akan menang 126 kerusi. Tak pandai. Ketua Menteri toreh getah semasa hujan, lepas itu tanam buluh, lepas itu minum kelapa sawit satu cawan... satu sudu. Kita dah kira dah. Satu sudu ini seorang, setiap hari, sebulan tak sampai 0.25 tan, metrik tan minyak kelapa sawit ini. Satu Malaysia minum 30 juta. Er... ini jenis menteri pakai kasut hitam. Tapi kita suka. Saya beritahu kawan-kawan, jangan marah, biar dia buat apa, dia buat silap, kita menang.

Berbalik, patutnya Kerajaan akan menjawablah apa yang dibangkitkan oleh Ahli Semambu tapi saya tahu sedikit sebanyak. Dia, dalam syarikat sama ada syarikat *private company* ataupun *GLC's.* Pengerusi, Lembaga Pengarah elaun tu memang tetap walaupun belum buat untung. Tak ada Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah jadi Pengerusi *free*, tak ada. Katalah misalan kita mulakan menanam kelapa sawit. Ada *Board Director* dia. Takkan 5 tahun *Board Directomya*... Pengerusi sampai Ahli Lembaganya 5 tahun itu tak ada elaun. Ada elaun, wajib.

Yang kita tak beri, kita tak bersetuju, ini pun Kerajaan Barisan Nasional buat dulu, Tabung Haji... kita beri bonus, beri dividen kalau aset lebih daripada liabiliti. Pendapatan lebih daripada hutang. Kemudian itu, *cash flow* kita bagus, kita boleh bagi. Tapi sekarang ini *company* rugi, *cash flow* tak ada, bayar bonus, bayar dividen daripada mana duit lain? Tak betul. Tapi kalau Pengerusi, *board member* dapat elaun bulanan sebagainya walaupun tak ada hasil, syarikat kena bayar. Tanggungjawab dia. Sebab dia ada *servantly*, *individually, responsible* dengan ini syarikat. Makna kalau masuk ke dalam, dia masuk ke dalam. Takkan dia masuk ke dalam *free* saja. Ini usah bangkitlah.

Kalau nak ceritakan soal Audit Negara ini, pelik. Dia audit, dia tengok dari segi audit, dia dari segi audit. Er... ini rugi. Tapi kalau ikut audit, barang banjir pernah di audit. Tak boleh beli dulu barang banjir ini. Dah banjir baru kita beli, gila tak? Tapi saya pada masa itu saya menjawat er... Ketua Kerajaan saya kata *no*, kita beli. Hantar ke Tioman, hantar ke Kuala Tahan, hantar *forward basis*. Kita beli, beli, beli tak kira audit tak audit. Takkan dah banjir nak beli? Nak pergi hantar pun tak dapat. Ini kalau kira audit dari perspektif audit. Memanglah oh rugi, memang rugi kita baru nak menjalankan ikhtiar dan kita dapati banyak juga masalah. Katalah projek *stem cell*, kita nak buat dengan Rusia. Baru dengar angin-angin Rusia aja, orang dari Amerika datang dah berjumpa orang itu, berjumpa orang ini. Dia bukan sahaja Amerika, itu CIA... *cancel*, tak jadi sebab tak nak berlaga antara Moscow dengan Washington. Kita pula jadi apa ni... kita kena faham. Cakap boleh, lepas cakap keluar Dewan pula.

Ini macam Lee Kuan Yew. Cakap dalam Dewan Rakyat er... keluar. Orang nak er... memberi penerangan. Cakap senang, cuba tengok sikit. Macam soal ini kontraktor dia sebut tadi. Itu keputusan mahkamah. Adalah mahkamah menengokkan tak adil ke MPK ke dan sebagainya, jadi bayar ganti rugi ke dia. MPK kena bayar, kalau tidak MPK masuk jel. Siapa masuk jel? YDP, Ahli Majlis. Itu ada tak betul antara MPK dengan ini, dengan apa... kontraktor. Kita tak tahu apa masalahnya. Kita jangan boleh sebut aja. Cakap sedap, *well research* tapi tak ada ini, tak ada akal, tak ada otak.

Itu sebab Tun Mahathir... Tun Mahathir dia pesan dengan saya, *you* baca, fikir apa *you* baca. Dan dia baca Quran. Ada kawan saya pergi, tengok belakang tu, Quran terbuka *highlighters* hijau, merah Tun Mahathir. Ini ahli-ahli daripada PAS nak bagitahu. Dia tak tunjuk dia lebai, tak tunjuk dia warak tapi dia tahu apa dia buat. Dan Tun Mahathir, kalau kita kaji dia, dia logik dengan akal melebihi undang-undang dan peraturan. Tengok la dia bercakap, dia bukan kira undang-undang, dia bukan kira perlembagaan, dia kira logik dengan akal. Jadi kita bercakap kena logik juga, kena terima akal. Yang tak boleh pakai logik, pakai akal ini, ugama.

Dalam Islam ada satu konsep [Perkataan dalam Bahasa Arab] nam Ta'abbudi. Ta'abbudi ini ikut. Sembahyang 4 rakaat 4, awak nak menunjukkan awak warak 40 rakaat buat Zohor. Tak jadi juga. Haa… lepas itu pada niat, niat mustahak. Kalau kita baca Hadis 40 itu ada maksud [Bacaan dalam Bahasa Arab] Panjang di hujung itu punya Islam itu ini saya malas cakap habis takut diaorang malu pula kalau saya reti pada diaorang payah juga. Ia nak mengatakan niat. Kalau kita fikir balik haa… ini fikir logik. Kenapa niat, niat boleh mengubah segalanya. Cuba fikir Zohor 4 rakaat, Asar 4 rakaat apa beza? Niat. Sunat Subuh 2 rakaat, sunat lepas Isyak pun 2 rakaat apa beza? 2 rakaat juga apa beza? Niat. Maknanya kalau sedekah, niat sedekah. Kalau zakat, niat zakat. Tak boleh pakai, siapa kata tak boleh.

Jadi yang berkenaan dengan PTR, kita kena faham ini. Kita ada wujudkan satu KUP. Haa… itu inisiatif baru. Er… saya ingat kerajaan boleh jawab. KUP ini dia ada pelan kabel elektrik, kabel macam-macam dan kemudian itu siapa nak buat itu dengan dia sekarang ada pendapatan. Ada pendapatan KUP. Yang PTR ini perlahan-perlahan la. Kita pun bukan maju sangat ingat semua nak pakai ini… digital? Semua orang boleh bayar pakai… pakai e- er… apa ini e-bayaran itu?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada er… apa nama Pelangai. Sebenarnya KUP itu adalah anak syarikat PTR. KUP itu adalah anak syarikat PTR.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Haa… itu pun dia, saya pun dah lupa dah. Baru baru setahun pencen Menteri Besar, lupa dah. Jadi kita jangan sebut la. Ini ahli daripada Semambu dah masuk. Memang *chairman, board members* walaupun wang tak ada sebagai wajib bagi dia, elaun dan sebagainya. Kalau kita mula dengan tanam kelapa sawit, haa…kelapa sawit mendapat hasil nak bagi dia *free* tunggu 5 tahun. Tak ada. Audit? Mahu ikut audit punya *report,* kalau ikut audit punya ini cadangan, barang banjir tak boleh beli, banjir baru beli. Macam mana? Fikir la. Saya tak bagi laluan, duduk.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tak bagi.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Saya dengar nama saya, saya terus masuk.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tak bagi. Haa… extinguishers. Macam ini MPK saya sebut tadi haa… mesti ada masalah MPK dengan kontraktor. Apasal pula MPK kena bayar? *Court-order*, mesti ada sebab. Kalau MPK tak bayar, masuk jel YDP, Ahli Majlis. Itu pun *individually severally responsible*. Er… itu kita kena ingat. Cakap senang la. Saya harap la ahli pembangkang, jangan membangkang je. Itu sebab Pakatan Harapan ini tak sampai sepenggal besok. Dia ingat dia pembangkang.

Guan Eng, kawan baik saya Menteri Kewangan. Dia ingat dia pembangkang. Balik-balik kerajaan dulu, ini kerajaan dulu. Orang buka terowong haa… senyap. Bukak hal terowong dah senyap. Jangan, kita biar patut-patut. Jangan ingat busuk hati, busuk mulut. Haa… cakap. Tunjuk kelemahan orang. Sebab kita Islam. Kita tunjuk buruk orang, Allah Taala akan buka buruk kita. Lebih baik duduk diam-diam. Ini ada lebai minyak nyior, dia jual ubat nama dia lebai minyak nyior, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Sikit lagi. Dia jual jual jual. Kita buat orang, orang buat kita. Kita hutang orang, orang hutang kita. Kita nikah dengan anak orang, anak orang nikah dengan kita. Orang nikah anak kita, memang la. Kita nikah anak orang, dapat anak. Anak kita pula, orang nikah dengan anak dia pula. Betul la.

Polis pun lalu, sebab dia jual… jual ubat tak ada lesen. Kita tangkap orang, orang tangkap kita. Polis pun pusing-pusing tak jadi nak tangkap. Haa… jangan. Kama… kama… [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Bacalah hadis. Saya malas nak bercerita panjang.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja telah menyampaikan Titah Diraja yang mantap. Dan keduanya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang memberikan kepimpinan yang baik dan dinamik dan kita semua wajib untuk memberi sokongan. Dan ketiganya, negeri Pahang ini kita kena faham akan *constraint*. Negeri besar buat apa sahaja mesti kos lebih. Cameron Highlands nak buat rumah, projek rumah *double* kos sebuah. Tioman buat projek rumah *double* kos di bawah. Dan kita tak boleh naikkan cukai sebarangan sama ada MPK ke, tarif air ke… tak boleh. Ia akan menyusahkan rakyat. Bila rakyat susah, kita pun susah. Sebab apa pun dalam kita memerintah, menjalankan pemerintahan yang penting rakyat aman damai.

Saya berasa takut sedikit sekarang. Saya berumur 19 tahun semasa peristiwa 13 Mei berlaku, dan *development* dia tu, macamlah sekarang. Cina cakap hal Cina, Melayu cakap hal Melayu, India cakap hal India tapi lama-lama esok kita bergaduh. Ini kena jaga. Kita bukan ada negeri lain mahu pergi lagi. Cina ke, India ke, Benggali ke, Orang Asli ke, ini tempat kita mati. Jadi saya berharap kita ada harapan masa depan. UMNO dengan PAS. Orang Cina takut ke PAS, macam orang Melayu takut ke DAP. Haa… itu pandai-pandai la tengok macam mana. Kalau dengan memberi orang itu takut kita boleh menang, kita takut ke dia. Kalau boleh memberi khabar gembira kita boleh menang, bagi khabar gembira. Tengok keadaan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon er… menyokong usul yang dibentang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan setinggi terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasan Menimbang Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Sekarang saya menjemput pihak kerajaan untuk menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan usul tersebut. Saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang. Silakan.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri er… dan Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan sekalian. Pertama, saya memanjatkan syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya menggulung perbahasan pada persidangan kali ini. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat er… yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio… portfolio saya iaitu berkaitan dengan er… Kerajaan Tempatan dan juga Perumahan . Bagi saya untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Daripada soalan-soalan yang dikemukakan sama ada lisan ataupun er… secara bertulis serta semasa sesi perbahasan, dapat dilihat er… bahawa perkhidmatan perbandaran termasuk perlaksanaan projek dan inisiatif perumahan mampu milik untuk rakyat terus menarik minat dan menjadi tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ada beberapa slogan ya.

Tanam tebu di tepi bibir,
Tanam buluh di tepi tebing,
Tiada janji lihat bukti,
Maju terus Pahang.

Ini sebenarnya bukan pantun er… ini bukan pantun. Ini adalah satu janji-janji ataupun sebagaimana yang diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Negeri tidak menetapkan janji 100 hari, 1000 hari atau 6 bulan dan sebagainya. Kita akan…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mencelah sikit. Saya harap ahli kerajaan balik rumah fikir-fikirlah, habiskan pantun ini.

Buah kedekak buah kedeki,
Beri makan di atas bukit,

Haa… fikirlah apa penghujungnya balik rumah ini. Terima kasih. (Ahli Dewan ketawa)

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih er… Pelangai. Insya-Allah saya akan kaji pantun, kita tengok nanti. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi kutipan hasil PBT tempatan pada tahun ini didapati telah meningkat er… dan memberangsangkan sebanyak… sehingga 28 Februari yang 2019 yang lalu er… PBT Pahang telah mengutip cukai sebanyak 32%...

32.88% atau sebanyak 1.08 lebih kurang RM1.9 juta daripada hasil yang disasarkan sebanyak RM331 juta yang ditetapkan.

Ini sedikit sebanyak boleh… adalah menunjukkan komitmen daripada pihak PBT dalam usaha mendapatkan hasil yang er… hasil bagi pihak kerajaan dan menjana semua pendapatan er… sumber pendapatan untuk digunakan dipulangkan balik kepada rakyat untuk pembangunan dan sebagainya. Sebab *tagline* portfolio saya adalah meningkatkan hasil PBT dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Jadi insya-Allah dengan peningkatan hasil ini sebagaimana dengan peningkatan hasil-hasil yang lain sedikit sebanyak boleh membantu Kerajaan Negeri dan juga PBT untuk meningkatkan pembangunan di kawasan masing-masing.

Berdasarkan kepada angka tersebut, prestasi kutipan hasil berakhir pada Februari lalu telah menunjukkan peningkatan sebanyak 30%. Maka saya menaruh keyakinan sehinga pada tahun ini, kutipan hasil menerusi Pihak Berkuasa Tempatan akan melebihi sasaran yang ditetapkan. Dalam usaha kita nak meningkatkan hasil PBT, kita juga ada masalah dari segi tunggakan kepada PBT. Dianggarkan sehingga kini sebanyak RM15 juta tertunggak. Cuma kebanyakan dari hasil-hasil cukai yang tidak dijelaskan oleh rakyat kepada PBT.

Perkara ini berlaku disebabkan oleh masalah individu sendiri. Berbagai alasan digunakan kerana kejatuhan ekonomi pendapatan menyebabkan mereka tidak mampu untuk membayar er... tunggakan cukai yang ditetapkan. Jadi ini adalah satu perkara yang... yang amat serius di mana apabila rakyat atau pemilik-pemilik bangunan memberi alasan baik ekonomi yang tidak baik pada ketika ini selepas kejatuhan Kerajaan BN er... menyebabkan mereka menyukar untuk membayar. Walau bagaimanapun tindakan daripada PBT telah memberikan notis dan tindakan penguatkuasaan kepada penduduk dapat juga membantu bagi mengatasi masalah tunggakan yang banyak yang ditanggung oleh pihak PBT ini.

Yang kedua pelaksanaan penilaian Pihak Berkuasa Tempatan. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kualiti perkhidmatan disediakan oleh pihak PBT, perlulah memberi kepuasan kepada setiap penduduk yang berada di kawasan operasi masing-masing. Perkhidmatan yang terbaik perlulah seiring dengan nilai ringgit yang dikenakan menerusi kutipan cukai pintu dan lain-lain bayaran oleh setiap pembayar cukai termasuklah lesen dan sebagainya. Bagaimanapun bagi menilai perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, maka perlu ada mekanisme yang disediakan menerusi sistem penarafan bintang ataupun dengan izin, *star rating,* bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang.

Dalam hal ini, saya telah memohon agensi berkaitan bagi mengkaji kriteria penilaian dan penambahbaikan bagi memertabatkan PBT Negeri Pahang adalah yang terbaik kepada rakyat di negeri Pahang. Ini adalah satu inovasi yang akan digunakan bagi untuk er… PBT mendapatkan hasil dan memberi perkhidmatan berdasarkan kepada sumbangan daripada penduduk dan lain-lain perkara yang berkaitan. Sebab kita memikirkan juga dari segi penambahan hasil ini, memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat adalah meliputi menyediakan infrastruktur yang baik, menyediakan persekitaran yang baik termasuklah dari segi kebersihan, keceriaan dan landskap, sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyentuh berkaitan dengan landskap termasuk jugalah pokok-pokok dan sebagainya.

Jadi sebagaimana saya telah maklum dalam maklumbalas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa inilah peranan PBT. Er... perkara ini memerlukan sumber yang kewanganlah untuk melaksanakan perkara-perkara yang telah dirancangkan dan

pada ketika ini sebagaimana saya maklumkan sebelum pada ini, tunggakan ataupun peruntukan daripada KPKT, di bawah perbelanjaan pembangunan, masih lagi tidak dilepaskan ataupun tidak diberikan kepada PBT. Er... setakat ini saya dah maklumkan dalam mesyuarat bersama Menteri KPKT pada bulan 9 yang… tahun lepas. Tapi sehinga hari ini baru satu mesyuarat Exco Malaysia ini dengan menteri KPKT, baru satu kali mesyuarat. Jadi macam mana perkara ini saya nak bawa kepada pihak kementerian, sedangkan nak mesyuarat pun setakat ini memang susah ya.

Kalau Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan ada dua kali mesyuarat, tapi mesyuarat Menteri dengan Exco baru satu mesyuarat dan ini menyukarkan kerja-kerja yang kita mohon untuk pihak apa ni… KPKT membantu dari segi kewangan dan sebagainya. Ini kewangan adalah semua kepentingan rakyat untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Berkaitan dengan kenaikan cukai, cukai taksiran atau dikenali sebagai cukai pintu, saya ingat saya dah maklum dalam Dewan yang bersidang pada tahun lalu, iaitu pihak Kerajaan Negeri telah mengenakan kenaikan cukai kepada PBT iaitu daripada 0.5% sehingga 2%. Bagi kategori kediaman, kenaikan cukai sebanyak 1%.

Semalam ada dibangkit oleh ADUN Mentakab ya, ataupun Bilut berkaitan dengan kenaikan cukai yang sampai 100%. Sebenarnya kita naik 1% sahaja. Kategori perniagaan 1.5%, kategori indusrtri kenaikan 2% dan tanah kosong bagi bangunan masih 0.5%. Kalau dulu katakanlah dia kena 10% cukai, kalau 1% jadi 11%. Tapi apa yang telah di*viral*kan *dispense* dengan izin, seolah kita naik sebanyak 11% ataupun 20% dan sebagainya. Ini adalah satu apa ni perkara yang tidak baiklah bagi pihak apa ni er...Yang Berhormat sekalian kita membantu rakyat. Jadi kita kena memaklum perkara yang sebenarnya untuk isu-isu yang berkaitan dengan kenaikan cukai dan sebagainya.

Sebenarnya kenaikan cukai ni kita dah tak naik sejak lama sejak 20 tahun. Kalau dulu kadar tandas masuk tandas 10 sen sekarang 30 sen, orang tidak membantah pun, tapi bila kita cuba naikkan cukai untuk pulangkan balik sumbangan ini kepada rakyat, jadi sebahagian rakyat dah marah ya...1% je naik bukan sampai 100%. Kita tengok pada sehinga kini, dengan kenaikan cukai ni, PBT akan dapat meningkatkan pendapatan sehingga RM2.1 juta sahaja, bukannya banyak bagi seluruh Pahang, tak banyak pun RM2.1 juta. Kalau kita nak buat di Taman Tasik Chatin tu RM700,000, banyak mana dengan RM2.1 juta, macam mana sumber kewangan yang kita perlukan.

Terima kasihlah ADUN Mentakab buat. Memang kita sedia untuk membantu perkhidmatan kepada rakyat, tapi masalah sumber kewangan kitalah, ya. Begitu juga sumber-sumber kewangan kita ini ada... PBT ada dua, satu daripada cukai sendiri, yang bercukai dan daripada sumbangan kepada Kerajaan Negeri ada tapi tidaklah banyak dan selebihnya adalah daripada sumbangan daripada bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi rakan-rakan saya yang berada di pihak kerajaan baru, bantulah kami untuk mendapatkan peruntukan. Insya-Allah minggu depan saya rasa menteri akan turun KPKT di Kuantan, mungkin sebahagiannya kita boleh bawa perkara ini dalam makluman untuk menteri ya.

Berkaitan dengan anjing liar, sebagaimana yang dibangkit oleh Semambu. Saya terima kasihlah pada… ADUN Teruntum, mohon tanah sebanyak 5 ekar untuk tempatkan anjing liar. Rasanya bukan tempat anjing liar kalau 5 ekar ini. Ini nak tanam sawit ataupun nak tanam sayur. Sebenarnya bilangan anjing yang berada dikawasan berkenaan di Taman Dato' Rashid tu sebelah tu, ada lebih kurang dalam 200 ekor diusahakan oleh NGO. Tujuan dia, dia akan... anjing-anjing yang ditangkap ni kita tak boleh nak bunuh sekarang ni..

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta mencelah sekejap, minta mencelah. Terima kasih Wakil Kerajaan. Anjing sekarang ada sana lebih 350 ekor.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Okay, terima kasih atas pembetulan. Memang rekod saya 350, saya nak tengok YB Semambu ni prihatin ke tidak...YB Teruntum. Rekod saya 350. Tetapi dia memang seorang Semambu... Teruntum ni seorang Ahli Berhormat yang prihatin, sentiasa bergerak, termasuk luar kawasan dia pun. Sebenarnya ada 350 ekor tetapi kalau 350 kita nak bagi 5 ekar, 1 ekar mungkin dalam 40 ekor duduk dalam kawasan adakah perlu kita nak bagi tanah ni? tapi kita akan memikirkan perkara ini supaya masalah anjing-anjing liar ini dapat diatasi. Sebab kita tak mahu lagi kalau di Sarawak sekarang telah ada penyakit anjing gila rabies. Kita tak nak nanti, bila ada rabies bukan saja anjing gila, orang pun akan jagi gila nanti ya, ya, Teruntum ya. Terima kasih atas soalan tu. Er...

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Minta mencelah sikit, Dato' Yang di-Pertua. Sebenarnya kes anjing tempat saya pun banyak juga di pekan Padang Tengku. Saya banyak kali bawa dalam mesyuarat tindakan daerah dulu-dululah. Er... apabila kita nak cuba mengatasi masalah anjing ini, dia macam berlepas-lepas... bertolak-tolak... bertolak-tolak antara jabatan-jabatan ni. Siapa yang sepatut ambil tindakan. Ada kata kesihatan, Kesihatan kata Veterinar, Veterinar kata PBT, PBT kata RELA. Jadi apabila dibuat macam ini, ada tindakan yang dibuat oleh orang kampung sendiri penduduk tempatan, dia tembak je secara... secara tidak sedar. Tapi akhirnya polis tangkap orang tu pula. Jadi siapa sebenarnya yang boleh mengatasi masalah-masalah anjing-anjing yang terbiar ini sehingga dia mengganggu gugat kesejahteraan penduduk. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Padang Tengku sebenarnya ada dua tiga jabatan terlibat iaitu jabatan Veterinar dan juga daripada Kementerian Kesihatan serta daripada PBT sendiri. Dari segi pelesenan dia tanggungjawab dibawah PBT, pelesenan anjing. Er… dari segi rawatan penyakit Kementerian Kesihatan, dari segi kawalan rabies di bawah Jabatan Veterinar. Jadi, isu ini saya akan maklumkan kepada pihak di Majlis Daerah Lipis untuk memastikan… ini memang masalah anjing ini. Kadang-kadang ada anjing yang ditangkap dilepaskan, dilepaskan balik. Contoh baru ini saya ambil maklum bahawa di kawasan Politeknik Semambu POLISAS ya, di mana seorang pelajar telah digigit oleh anjing ya. Memang kita dah tangkap anjing ini, tapi mungkin ada pihak-pihak tertentu melepaskan di kawasan ladang-ladang sawit untuk menjaga ladang sawit, dan menyebabkan ada yang telah digigit anjinglah. Jadi, setakat ini di Pahang ini tak ada lagi penyakit rabies dilaporkan sehingga kini. Jadi, saya ambil maklum Padang Tengku lah perkara ini.

Berkaitan dengan tikus. Ini pun dibawa oleh ADUN Teruntum ya. ADUN Teruntum ini memang dia suka mengkaji tikus, anjing, burung dan sebagainya. Manusia pun mungkinlah lepas pada ni. Masalah tikus di pasar besar, pasar besar kita ini dah… Kuantan ni dah berusia dah hampir 40 tahun ya. Masalah tikus memang ada kawalan yang telah dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuantan dianggarkan dalam sebulan dapat ditangkap dalam purata setiap 20 ekor. Saiz tikus ni dipanggil *brown rat*, dengan izin ya, tikus perang. Jenis dia, spesies dia adalah *norwegian rattus rattus* ya itu dari teknikallah. Saiznya boleh besar sampai saiz kucing dan ini amat

menakutkanlah bagi pengunjung-pengunjung terutamanya yang mereka berkunjung ke pasar besar.

Sebenarnya pasar besar ni lepas pukul 6 malam atau 6 petang, kita akan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan juga kerja-kerja kawalan tikus. Perangkap juga dipasang dekat sana. Cuma kita tak menggalakkan penggunaan racun sebab kita bimbang apabila kita menggunakan racun, tikus ni akan bergerak atas makanan yang disimpan di tempat-tempat di pasar besar dan kemungkinan akan boleh menyebabkan masalah keselamatan kepada manusia. Jadi, tindakan terbaik yang kita lakukan setakat pada ni ialah menggunakan perangkap dan juga apa ni tindakan manual lah. Kami akan pastikan bahawa masalah tikus ni akan dapat dikurangkan seminimum yang mungkin. Kalau nak menghapuskan secara total, saya rasa mungkin agak sukarlah.

Berkaitan dengan cadangan daripada Teruntum, nama baru bagi menggantikan nama Jalan Penjara. Teruntum mencadangkan supaya nama Jalan Penjara ditukarkan kepada nama Pelangai ya, semalam. Ini cuma cadangan ya. Kita akan mengkaji perkara ini sesuai dengan persekitaran dan juga berkaitan dengan perkara-perkara tertentulah ya. Kalau ikut pada ni nama-nama siapa pun kita tak tak perlu nak risau, Pahang ni banyak tokoh-tokoh yang berjaya yang kita boleh namakan. Nama Penjara ni kekal sehingga kini sebab dulu di jalan ni, di jalan ni adalah terdapat satu penjara ya. Jadi kita masih gunakan nama Penjara. Jadi, kita akan ambil maklum perkara ini, mungkin pada masa akan datang, tidaklah semesti cadangan itu perlu kita gantikan ya. Kita akan memikirkan cara yang terbaik untuk memberikan nama-nama. Banyaklah nama-nama telah diganti di bandar Kuantan ni. Jalan tak jelas dah jadi nama Jalan Mahkota ya. Banyak jalan-jalan Bay-Route dah jadi Jalan Bukit Ubi. Berapa jalan telah ditukarkan nama. Kita akan mengambil maklum perkara ini, Teruntum.

Berkaitan dengan penutupan jalan sempena Hari Tanpa Kenderaan. Baru-baru ini memanglah dirasmikan oleh sahabat saya daripada Bebar, hari Sabtu selama 3 jam sahaja ya, 3 jam. Mungkin pandangan daripada pihak Teruntum ni kita akan minta Majlis Perbandaran Kuantan. Tujuan dia untuk menyebarkan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat dan untuk mempromosikan bandar rendah karbon ya, bandar rendah karbon… asap dan sebagainya yang boleh memudaratkan dan boleh meningkatkan *hit point* ya di pusat bandar, dengan izin, terlalu banyak gas CO_2 NO_2 ni dia yang akan menyebabkan kepanasan di bandar dan ini menyebabkan keadaan perubahan cuaca boleh berlakulah.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta mencelah sikit. Terima kasih Wakil Kerajaan, saya selepas 1 hari, saya turun petang itu saya turun er… saya tanya pada pengusaha dekat sana, kedai-kedai memang yang tidak setuju sangatlah sebab mengakibatkan perniagaan yang mengakibatkan yang teruk dekat Jalan Wong Ah Jang dengan Tun Ismail itu… sesak lalu lintas yang teruk. Itu kalau buat kita mungkin nak buat *eco green* dekat Jalan Besar tapi berlaku pula kekotoran atau pencemaran di Wong Ah Jang dengan Tun Ismail. Ini bagi sayalah tidak relevanlah, so saya harap kalau MPK nak buat, saya setuju tapi buat di macam di Taman Gelora yang luar kawasan dari bandar. Jangan buat kesesakan bagi bandar Kuantan atau nak buat pada hari minggu. Itu sahaja cadangan saya, terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Teruntum, kita ambil maklumlah. Mungkin cadangan ini buat pun 3 bulan sekali bukan setiap hari Sabtu Teruntum ya, 3 bulan sekali tapi kita ambil maklumlah. Mungkin kita minta pihak Majlis Perbandaran Kuantan untuk mengkaji semula dia punya jadual pelaksanaan.

Berkaitan dengan pelantikan Ahli-ahli Majlis yang dibangkitkan oleh Cheka dan juga Bilut ya. Sebenarnya pihak kerajaan telah mengeluarkan tawaran kepada komponen-komponen termasuk daripada kaum Cina dan juga kaum India. Setakat pada ini kita tak dapat makluman. Bukan kita tidak menawarkan, dalam Ahli-Ahli Majlis ni terdapatnya adanya Melayu, India, Asli dan sebagainya. Kita telah menawarkan tapi setakat ini kita tak dapat maklum balas dan kita masih menunggulah ya dia punya ya… kita bukan *racist,* tak *racist* ya… kita melibatkan semua kaum yang memberi sumbangan kepada semua kaum yang berada di kawasan bandar masing-masing. Begitu ia tertakluk dari segi Akta Kerajaan Tempatan 171 er… pelantikan Ahli Majlis bagi setiap PBT ni sebanyak 24 orang sahaja. Jadi kita jumlah yang terhad, jadi yang pilih ni yang betul-betul layak, yang betul-betul boleh memberikan komitmen dan berkhidmat untuk rakyat sebagai orang kata yang berhormat kawasanlah bagi PBT masing-masing.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Minta laluan. Saya tahu setakat ini kerajaan telah pun melantik kuotanya juga sudah penuh. Adakah kerajaan… kerana mungkin kemungkinan besar saya tak tahu apa tu dalaman komponen parti dalam Barisan Nasional tetapi kemungkinan besar ada masalah dalaman dalam komponen parti Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri akan ambil kira sekiranya parti komponen kerajaan tidak mencalonkan nama Ahli Majlis? adakah kerajaan mengambil kira melantik NGO ataupun ketua persatuan untuk jadi Ahli Majlis untuk memenuhi keperluan semua kaum? Sekian.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Daripada Bilut. Sebenarnya memang kita ada lantikan daripada NGO dalam jawatankuasa Ahli Majlis yang dilantik pada waktu inilah. Ada, memang ada ya. Berkaitan dengan pelantikan ahli jawatankuasa JKK Kampung Baru dibangkitkan oleh Cheka, yang telah tamat pada Ogos 2018. Ini dukacita sayalah sebab JKK Kampung Baru ni di bawah KPKT pelantikannya, ada 62 er… tempat. Kita mendapat arahan sebelah pihak sahaja daripada pihak KPKT telah mengutuskan surat kepada pihak Kerajaan Negeri untuk melantik ahli-ahli JKK Kampung Baru ni. Walau bagaimanapun, penempatan mereka ni adalah ditempatkan di PBT.

Jadi, ini satu perkara yang sebelah pihak. Jadi, setakat pada hari ini kita belum lagi membuat apa-apa perbincangan dengan pihak… surat pun baru diterima bulan lepas ya, walaupun JKK Kampung Baru telah ditamatkan pada dua ribu… Ogos tahun lepas tapi kita baru dapat makluman daripada menteri dan insya-Allah pada mungkin hari Isnin yang akan datang ni, menteri akan datang ke sini dan kita akan membangkitkan perkara ini. Bukan Kerajaan Negeri tidak memberi komitmen, tetapi kita nampak pihak KPKT sendiri tidak memberi komitmen kepada perkara ini. Kita tak nak keputusan kita ini adalah keputusan sebelah pihak, diarahkan oleh KPKT kita terima, tidak. Kita akan

nak situasi dengan izin, *win win situation.* Pihak kementerian pun mendapat manfaat dan pihak negeri pun akan mendapat manfaat daripada pelantikan JKK Kampung Baru.

Yang kedua berkaitan dengan perumahan ya. Oh! satu lagi berkaitan dengan pasar malam yang dibangkitkan oleh Tanjung Lumpur. Minta supaya pihak PBT menutup 15 minit sewaktu azan Maghrib di pasar-pasar malam. Di bawah PBT sebenarnya telah ada tetapi tidak dipraktiskan oleh peniaga-peniaga sendiri. Saya contoh di Beserah kebetulan saya duduk di sana. Peringkat awal dulu memang ada, tapi sekarang ni bila dia ada pembantu, seorang pergi solat dan kawan dia akan membantu dan akan gilir-gilir sebab kawasan Beserah tu dekat dengan Masjid Beserah ya. Jadi, sebenarnya tak ada masalah. Kita telah menguar-uarkan supaya perniagaan tidak ditutup tetapi diganti sahaja dengan peniaga-peniaga lah yang meniaga waktu yang sesingkat ini.

Berkaitan dengan perumahan, ingin saya jelaskan bahawa Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita ada dua projek utama iaitu Projek Prima Pahang dan juga Projek Rumah Makmur. Jumlah pun saya dah sebutkan dalam… dalam perbahasan yang lepas tapi sehingga April hari yang… hari yang isnin baru ni lah kita telah… terdapat 122 projek dengan bilangan unit rumah mampu mililk 35,610 unit Rumah PRIMA Pahang. Mana ada dalam negeri Malaysia ini, rumah kembar dua, tiga bilik air, tiga bilik, dua bilik air berkeluasan 1000 kaki persegi berharga RM150,000.00 dan 10% diskaun untuk kakitangan awam. Tak ada di Malaysia ini ya. Tak ada, di Pahang lah satu-satunya Projek Perumahan yang betul-betul kita tumpukan kepada mereka yang berkemampuan RM10,000.00 ke bawah untuk memlilik rumah er… PRIMA Pahang dan bagi mengatasi masalah mereka yang berpendapatan rendah bawah daripada RM5,000.00 kita sediakan Rumah Makmur.

Setakat ini dah ada 15 projek Rumah Makmur er… berjumlah 3,670 unit kesemuanya yang… yang sedang dalam proses untuk er… pembinaan. Manakala Rumah PRIMA setakat ni ada tujuh projek yang telah kita batalkan kerana kurangnya komitmen daripada pihak pemaju ya. Er… beberapa syarat tidak dipatuhi yang menyebabkan kita mengambil tindakan membatalkan projek ini. Manakala yang lain-lain dalam tindakan penyediaan kebenaran merancang dan dokumentasi yang lain-lain lah dan kita anggarkan sehingga tiga, empat tahun akan datang ini, insya-Allah perumahan ni akan berjaya disiapkan sebagaimana yang kita telah kita uar-uarkan.

Berkaitan dengan aduan daripada Tahan, berkaitan dengan kurangnya promosi Rumah Makmur ya. Sebenarnya di… sebenarnya Rumah Makmur ni baru satu kita lulus di Jerantut. Patutlah mungkin orang ramai di Tahan lah dia tanya Rumah Makmur ni dia tak tahu ya, tak ada promosi. Sebenarnya Jerantut kita baru lulus satu. Insya-Allah minggu depan kita akan, YAB Menteri akan melancarkan operasi pecah tanah ya. Sebenarnya ada ya. Saya ingat *details* nanti mungkin saya boleh berhubung terus Tahan nantilah ya.

Berkaitan dengan… setakat ini lah kita tidak dapat, terdapat permohonan daripada pihak rakyat sebanyak 32,266 permohonan ya, telah diterima daripada rakyat untuk memiliki Rumah PRIMA ataupun Rumah Makmur dan ini satu angka yang… yang besar lah yang kita perlu sediakan yang Kerajaan Negeri amat komited untuk membantu golongan yang berpendapatan pertengahan dan juga kita ada projek PPR yang Projek Perumahan Rakyat yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan ya, kita ada satu projek baru di Lanchang saya rasa er… di mana tanah kita akan sediakan. Kerajaan Negeri beri, memang memberi komiten… komited untuk memberikan apa ni tanah untuk dilaksanakan oleh pihak KPKT untuk Perumahan

Rakyat bagi golongan yang mungkin tak ada slip gaji yang pendapatan tidak tetap dan sebagainya. Ini kita sedang usahakan ya.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Minta er… celah sikit. Saya nak er… tanya tentang isu JKKK Kampung Baru tadi yang dibangkit oleh er… pihak Kerajaan. Er… saya amat gembira lah bahawa pihak kerajaan mungkin ada mesyuarat bersama dengan Kementerian minggu depan. Bolehkah saya tahu jangka masa bila kita boleh er… calonkan JKKK Kampung Baru di masa yang akan datang? Boleh kah dijangka mungkin tiga bulan, mungkin dua bulan? Pada masa bila kita boleh betul-betul namakan Ketua JKKK Kampung Baru di enam puluh dua kampung di Negeri Pahang ini? Sekian terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Bilut. Nanti lah selepas perjumpaan dengan Menteri ni kita akan maklum lah perkara ini ya. Sabar sikit ya. Untuk er… Perumahan Rakyat bagi yang mereka tidak…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Mohon mencelah Dato' *Speaker.*

Saya tertarik dengan cadangan daripada Kerajaan sebentar tadi menyebut bahawa sedang memperincikan cara-cara ataupun kaedah bagi mereka-mereka yang tak ada slip gaji untuk memiliki rumah apa ni, PRIMA ataupun Rumah Makmur. Setahu saya di kawasan DUN Pulau Manis, kita ada terdapat beberapa projek Rumah PRIMA dan juga Rumah Makmur ni yang sedang dalam pembinaan.

Saya mengambil contoh rumah apa ni PRIMA di Penor Jaya Utara dekat ataupun bersebelahan dengan Indera Sempurna. Untuk mengisi, mengisi er… dengan penduduk-penduduk memiliki rumah tersebut bagi acara pemilihannya sahaja memakan masa lebih daripada setengah tahun, dengan saya beberapa kali berjumpa ataupun dipanggil oleh SUK Bahagian Perumahan bagi mencadangkan dan menyokong mereka-mereka.

Dalam pengamatan saya, mereka-mereka yang tak ada slip gaji ni sebenarnya pendapatan dia lebih besar ataupun lebih tinggi lah daripada yang makan gaji. Yang makan gaji ni dia bergantung kepada gaji dia itu je lah, di situ lah nak bayar kereta, di situ lah nak beli beras dan sebagainya. Tetapi orang niaga ni dia banyak cabang, banyak cara tapi sekarang ni dia lebih susah. Jadi sekarang ni, sementara ni disebut bahawa sedang mencari kaedah-kaedah. Boleh tak disebut ser… serba sedikit kaedahnya? Sebab apa? Kaedah yang telah disebut dahulu er… misal kata dengan perakuan daripada Pengerusi JKKK atau Tok Empat terhadap pendapatan anak buah, maka Rumah Generasi Kedua dekat Sri Makmur boleh dimiliki. Tapi, tak ada. Balik-balik nak slip gaji juga.

Jadi saya sangat berharap lah, ada tak pihak Kerajaan merangka satu strategi khusus supaya mereka yang memang memerlukan sangat-sangat rumah ni tadi, dapat memiliki rumah. Sebab apa kadang-kadang kita bukan, minta maaf lah ya, bukan nak cakap er… depan belakang. Ada setengah tu, orang yang makan gaji ni dia ada rumah dah, tapi dia beli lagi rumah tu, tapi dia dapat lah sebab dia ada bukti, ada slip gaji, tapi yang betul-betul nak rumah ni tadi, tak berpeluang. Jadi tolonglah pihak kerajaan

dapat menjadikan apa ni isu bagaimana gagal memohon rumah oleh mereka-mereka yang sebenarnya ada pendapatan dapat kita pertimbangkan. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Pulau Manis. Jawapan dia ada ya. Cuma saya nak jelaskan sikit tentang syarat-syarat slip gaji ni dan juga syarat-syarat pemilihan apa ni Rumah Makmur dan juga rumah PR1MA. Pihak SUK Perumahan dia akan menyemak sebenarnya, kita akan menyemak harta dia dengan majlis, sama ada dia ada dua, tiga rumah ataupun tidak ada, kita akan semak. Sebab tu kita ambil masa ya. Kalau kita tengok dia dah ada, memang kita tidak akan benarkan lah, tak akan lulus lah permohonan dia. Kalau yang tak ada slip gaji ni, kalau betul-betul lah rakyat yang betul-betul tak ada slip gaji ni ya. Kita ada satu inisiatif baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Tabung Perumahan Rakyat Pahang.

Tabung Perumahan Rakyat Pahang ni baru diperkenalkan dimana er…mana-mana pihak pemaju yang tidak er… orang kata bukan tidak berminat, yang tak nak menyediakan rumah murah, dalam pembangunan 30% mesti ada rumah murah ya. Er… jadi, pihak pemaju boleh menyumbang, menyumbang kepada Kerajaan Negeri di kawasan Majlis Perbandaran dia boleh, dia kena menyumbang sebanyak RM35,000 ke… ji… RM35,000 kepada tabung ni dan bagi Majlis Daerah dia menyumbang, kena menyumbang sebanyak RM30,000.

Duit ini lah nanti akan digunakan balik untuk kita membantu er… golongan yang tak ada pendapatan ni atau pendapatan rendah yang tak ada slip gaji, sebagaimana er… proses yang dibuat dalam projek rumah SPMB. Tanah milik masing-masing dan kita boleh sediakan rumah bagi pihak pemaju yang layak sahaja ya. Ini kita pun baru, baru lancarkan. Insya-Allah jika tidak ada aral melintang, saya rasa dengan adanya kutipan tabung ni boleh membantu rakyat yang betul-betul tidak memiliki rumah. Saya rasa yang, yang pendapatan rendah yang kita boleh bantu. Ini inisiatif baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Saya ingat saya nak menggulung lah akhirnya, saya…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang Di-Pertua,

mohon mencelah sekali lagi. Saya nampak bahawa dengan melancarkan tabung bantuan untuk memiliki rumah ni satu kerja yang baik lah. Tapi pada saya lah, adalah lebih baik lagi kalau kita lancarkan juga kepada satu kaedah sewa beli sebab masing-masing yang kerja sendiri ni tadi dengan pendapatan ada tadi, maknanya dia mampu untuk menyewa. Jadi pergi kepada terus keadaan sewa dan beli. Jadi sambil dia menyewa tu tadi, dia akan terikat dengan satu perjanjian, maknanya dia ada hak untuk membeli melalui kadar sewa tu tadi. Katalah er…rumah itu disewa dengan RM250. Tetapi dia telah menanam modal RM50 sebagai beli. Biarkan, biarkan dia berhutang berapa lama pun. Yang Berhormat apa ni, mantan Menteri Besar dulu pernah menyebut, pernah menyebut dan saya sangat, sangat tertarik dengan ungkapan daripada mantan MB dulu. Maknanya, walau pun sampai kepada cucu dia membayar. Kalau anak dia tak lepas habis lagi hutang, tak apa. Tapi cucunya pulak sambung bayar. Ha… kita cuba bentukkan benda yang macam tu. Satu undang-undang yang macam tu. Insya-Allah tak timbullah orang marah keadaan sekarang. Terima kasih.

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Saya setuju dengan cadangan Pulau Manis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat hari ni, kita ada tunggakan sewa beli sebanyak RM9 juta, yang tidak dijelaskan oleh penyewa-penyewa ya. Ada juga kes di mana mereka menyewa kepada pihak lain pula. Dahlah tidak membayar tunggakan, mereka membayar pula, menyewa kepada pihak yang lain. Jadi perkara ni adalah satu yang tak sepatutlah, kita menyekat orang lain untuk mendapat rumah, kita mendapat keuntungan pula. Cadangan tu bagus. Kita akan terus laksanakan tetapi bersyarat ya. Bersyarat, bersyarat. Sekarang ni bersyaratnya, bila nak bayar macam-macam alasan. Liatla bila kita pergi rumah tengok astro ada, astro *full* mungkin RM200 sebulan. Kereta dua biji ya, motor lagi. Tetapi bila nak bayar rumah kerajaan, biasalah rakyat ni dia manja ya.

Jadi Kerajaan Negeri prihatin. Kita bagi ruang, terlalu ruang kita bagi. Notis terakhir ni, dah beberapa kali notis terakhir kita bagi. Tetapi kita tidak pernah mengeluarkan sebagaimana yang berlaku di Pulau Pinang. Flat Mutiara tu, tak ada caj tetapi Kerajaan Pahang ni baik. Notis terakhir dah berpuluh-puluh kali dah. Tak pernah keluarkan. Kita minta bayar, bayar, bayar. Jelas sikit pun tak apa. Setakat ni, Alhamdulillah ada yang… yang jelaskan. Tetapi kita tidak akan menghalau mereka yang tidak membayar sewa ni tidur di Kompleks KOMTAR dan sebagainya. Tidur di padang dan sebagainya ya. Itu bukan dasar Kerajaan Negeri.

Saya rasa nak menggulung er apa ni, penggulungan saya. Er… di sini saya mengambil kesempatan untuk menzahirkan ucapan penghargaan dan junjungan terima kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Mesyuarat Penggal Pertama, Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Keempat Belas pada 15 April yang lalu, dan Titah perutusan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang adalah komprehensif dan berpandangan jauh dalam memastikan pembangunan dan pentadbiran di bumi negeri Pahang Darul Makmur dilaksanakan dengan mampan dan teratur, bagi menjamin pembangunan yang berimbang dan positif kepada alam sekitar dan rakyat Negeri Pahang Darul Makmur.

Ini adalah sejajar dengan prinsip maqasid syariah, yang menjaga hak dan kepentingan kehidupan rakyat, supaya nikmat pembangunan dapat dinikmati dengan adil dan saksama, tanpa mengira latar belakang kaum dan lokasi bandar ataupun desa. Sebelum mengakhiri penggulunggan saya ini, saya mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan tinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Jawatankuasa saya akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan, er… di mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab, akan diambil perhatian untuk tindakan susulan. Er… saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan persidangan Dewan pada kali ini. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, besama kita pada hari ini adalah Yang Berhormat Mantan Menteri Besar kita, Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Adnan Yaakob, dan sebentar tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawa genap 69 tahun pada hari ini. Dan sempena hari lahir Yang Berhormat Pelangai, saya

dengan sukacitanya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jika ada kelapangan untuk kita sama-sama menyambut hari lahir beliau. Ada kek pulut kuning bersama-sama di sebelah Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ya. [Ahli Dewan menepuk meja]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Speaker, Dato' Sri Timbalan Speaker dan semua rakan-rakan dari kerajaan *backbenchers,* pembangkang, pembangkang yang sudah jadi kawan, pembangkang belum jadi kawan, ketua-ketua jabatan kerajaan semua. Terima kasih banyak. Saya sebenarnya tidak pernah menyambut hari jadi. Saya tau saya besar, saya besar, saya besar. Tapi bila jadi MB ni, orang pula menyambut pula. Pencen pun orang menyambut juga. Yang ini [tidak jelas] kalau kita jadi MB biasa. Tapi pencen MB pun, dah berhenti pun dah bersara, kita pun redha, sukarela hati, orang merai juga. Ha… ni mengucapkan berbanyak terima kasihlah.

Tinggal lagi saya kurang sedap bila saya jumpa ramai orang, orang kata saya umur 49 tahun. Saya tahulah dia orang ni semua kaki bodek belaka. Nak duit, nak duit, nak bantuan, bantuan, macam-macamlah. Tapi yang pentingnya kita tahu kita kena bodek. Ha… itu memang sah. Yang masalah kita, ramai daripada kitanya lingkup, kerajaan pun jatuh sebab ramai tak sedar dia kena bodek. Ha… itu jer masalah dia. Terima kasih banyaklah. Mudah-mudahan Allah SWT berkati redha kita semua. Saya bukan ahli tasawuf, tapi tingkat ampuni, berkati, redhai, rahmati, yang paling tinggi sekali ialah redhai. Itu sebab kita kalau ucap berdoa banyak kepada Allah SWT minta Allah redha. Ampun, redha. Ampun, redha. Bila Allah SWT ampun, Allah SWT redha, apa sahaja Allah SWT akan anugerah kepada kita. Insya-Allah syurga. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri er… Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Jasa tetap dikenang. Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, saya bercadang untuk menempohkah persidangan kita tengah hari ini, dan persidangan disambung semula jam 2.30 petang. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Sambungan Menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya akan meneruskan aturcara mesyuarat bagi perkara ketiga iaitu menjemput Wakil Kerajaan bagi memberikan jawapan dan pandangan. Saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang. Silakan.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

[Ayat al-Quran] (Bacaan dalam Bahasa Arab) Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan Yang Mulia ini untuk menyampaikan ucapan tahniah di atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Keempat Belas pada 15 April 2019 baru-baru ini. Dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, banyak Wakil-wakil Rakyat terutamanya daripada ADUN Jengka, ADUN Sungai Lembing, ADUN Pulau Manis, ADUN Kemayan, Beserah, ADUN Luit dan ADUN Ketari menyentuh portfolio saya. Maka dengan ini dalam sesi penggulungan saya, saya akan menjawab bagi pihak Kerajaan Negeri Pahang dalam tiga segmen.

Segmen pertama berkenaan dengan FELDA. Kerajaan Negeri akan turut membantu dan memastikan peneroka FELDA berada dalam kesejahteraan dan juga tidak diabaikan walaupun FELDA berada di bawah pimpinan yang berbeza. Dalam isu pengurusan pentadbiran tanah khususnya FELDA sentiasa bertindak proaktif dan mempastikan tanah-tanah milik peneroka FELDA perlu dilaksanakan sebaik mungkin bagi mempastikan kesinambungan pemilikannya untuk generasi yang akan datang serta memberi pulangan yang maksimum kepada peneroka-peneroka FELDA dan juga FELDA. Perjumpaan bersama kepimpinan FELDA dan Pengurusan FELDA Negeri Pahang pada 16 April 2019 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pihak Kerajaan Negeri menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang di hadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembali keyakinan rakyat dan pastikan kebajikan peneroka terus terbela juga oleh Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Negeri. Perkara ini telah dibentang dalam Kertas Putih FELDA di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.

Menurut rekod FELDA baki hutang FELDA telah mencecah RM7.7 billion pada 2018 yang merangkumi antara lain kos penanaman semula, pinjaman sara hidup, pendahuluan dan hasil FELDA mengalami kesukaran untuk mengutip semula hutang peneroka. Akibat kelemahan pengurusan FELDA pengurus…. minta maaf pengurusan peneroka kelewatan dalam proses mengemaskini rekod peneroka, akaun peneroka yang belum dikunci oleh pengurusan FELDA. Untuk menggalakan peneroka menghantar hasil mereka ke kilang-kilang milik FGV dalam perbincangan Kertas Putih dimaklumkan FELDA dengan kerjasama Koperasi Permodalan FELDA KPF memperkenalkan skim pembayaran tunai dalam projek perintis di FELDA Wilayah Jengka dan akan dikembangkan kepada Wilayah-Wilayah seluruh negara.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Kerajaan Negeri menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembali keyakinan rakyat dan mempastikan kebajikan peneroka terus terbela. Kerajaan Negeri melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentang dalam Kertas Putih di Parlimen baru-baru ini. Masalah perumahan generasi kedua FELDA yang terbengkalai sememangnya telah mendapat perhatian daripada Kerajaan terdahulu. FELDA akan menyiapkan 4,794 unit rumah yang tahap kemajuanya 70% ke atas dengan kelulusan yang diberi sebanyak RM250 juta bagi tahun 2019 untuk negeri Pahang… untuk negeri Pahang. Rancangan-rancangan FELDA yang terlibat adalah Rancangan FELDA Sungai Koyan yang er… peratusnya 98% lagi makna 2% lagi nak siap dan juga FELDA Sungai Tekam Getah 86% iaitu kampung saya sendiri dengan bilangan rumah sebanyak 316 rumah. Bagi er… peratus ketidak siapnya kurang daripada 70%. FELDA buat sementara ini menangguhkan untuk meneruskan penyiapan rumah-rumah tersebut.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Pihak Pengurusan FELDA sentiasa berusaha mengatasi serta mengambil berat terhadap gejala sosial yang berlaku di FELDA khususnya di negeri Pahang. Pelbagai program telah dan akan dilaksanakan terutama program berkaitan kesedaran serta pencegahan penyalahgunaan dadah. Bagi suku tahun pertama 2019 sebanyak 44 aktiviti telah diadakan di tiga Wilayah FELDA Negeri Pahang iaitu Wilayah Kuantan, Wilayah Jengka dan Wilayah Mempaga. Bersama ini disenaraikan beberapa program yang telah dilaksanakan oleh pihak FELDA di kawasan negeri… di kawasan negeri Pahang dan saya akan secara *detail*nya akan maklumkan kepada er… Yang Berhormat ADUN Jengka yang tentang masalah tersebut.

Demi meringankan hutang FELDA Skim Pengurusan Aset Canggih yang saya nyatakan pagi tadi iaitu SPAC, S.P.A.C akan diperkenalkan bagi memberi bantuan yang telah yang lebih fleksibel menggantikan pinjaman sara hidup dan juga pendahuluan hasil. Melalui skim ini peneroka akan menerima pinjaman yang bersesuaian berdasarkan pendapatan mereka… pendapatan mereka. Cadangan skim baru ini sedang diteliti secara mendalam termasuk libat urus dengan peneroka. Sementara proses ini sedang berjalan FELDA akan meneruskan pembiayaan pinjaman sara hidup, pendahuluan hasil mengikut kadar yang sedia ada. Bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri… bagi tahun 2019 kerajaan telah meluluskan sejumlah RM480 juta untuk tu… tujuan pembiayaan pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil. Sehubungan itu inisiatif akan menjamin inisiatif ini akan menjamin tiada lagi kelewatan dalam pembayaran pinjaman sara hidup dan pendahuluan FELDA yang sentiasa dirungutkan oleh semua Wakil Rakyat-Wakil Rakyat yang berada… yang mempunyai skim-skim FELDA. SPAC ini akan dimaklumkan dalam masa terdekat oleh Pengerusi FELDA.

Dato' Yang… Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Tabung Tanam Semula… Tabung Tanam Semula yang diwujudkan oleh FELDA atas persetujuan awal peneroka untuk menampung kos pembangunan tanam semula di tanah-tanah Rancangan FELDA. Pada masa ini kos pembangunan semasa untuk tanam semula sawit berjumlah RM14 ribu sehektar atau RM56 ribu sepeneroka selama 36 bulan. Kos pembangunan ini dibiayai oleh caruman tabung tanam semula sawit yang dicarum oleh peneroka setiap bulan. Kadarnya ialah RM2 hingga RM15 seekar perbulan atau 120 sebulan. Kadar ini dicarum oleh peneroka bermula 2011 dan caruman ini akan dibuat setelah ladang mula berhasil dan selama 20 tahun. Dalam tempoh itu jumlah caruman peneroka adalah sebanyak RM28,800.

Jumlah caruman peneroka dalam tabung tanam semula ini akan digunakan sepenuhnya dan kekurangan sebanyak RM27,200 akan ditanggung oleh FELDA dan dikira hutang kepada peneroka. Seperti yang dibangkit oleh ADUN Jengka, caruman tanam semula… caru… seperti yang dibangkit oleh ADUN Jengka, caruman tanam semula yang dipotong kadar RM400 sebulan itu sebenarnya adalah merujuk kepada bayaran kembali ambil alih iaitu bayaran ini dikenakan kepada peneroka-peneroka yang mengambil… yang mengambil alih cu… penanaman semula secara persendirian.

Jadi saya menasihatkan kepada peneroka-peneroka FELDA untuk tidak kena RM400 sebulan, maka serahlah proses penanaman semula kepada pihak pengurusan FELDA. Bagi isu penggantian padang awam susulan pembinaan Stadium Tun Abdul Razak, Jengka, pihak FELDA masih dalam proses permohonan kebenaran merancang (KM) melalui *one stop centre* iaitu pejabat Majlis Daerah Maran. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tertangguh kerana keperluan mendapatkan kelulusan berkenaan pemben... pembetungan. Walau bagaimanapun, permohonan ini akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menstrukturkan pengukuhan operasi kawasan FELDA. FELDA akan memperkenalkan model baru pengurusan tanah peneroka melalui sewaan tanah untuk satu tempoh jangka panjang yang munasabah. Model ini akan menyelesaikan isu demografi peneroka dan ketiadaan ekonomi bidang pengenalan model baru ini membolehkan tanah peneroka digabung dan diusahakan secara cekap berskala besar dengan ekonomi bidang yang boleh mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti.

FELDA bertekad untuk melahirkan peneroka baru yang mahir dan inovatif bagi meningkatkan pendapatan melalui aktiviti pertanian dan ternakan yang menggunakan teknologi.. teknologi baru seperti *smart farming*… *smart farming*. Usaha ini akan membantu peneroka untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil sawit dan ia boleh menjana pendapatan yang baru yang bernilai tinggi melalui hasil tuaian.. hasil tu.. tuaian dalam tempoh yang singkat. Ini telah dibangkit… seperti yang dibangkit… hasrat dibangkit oleh ADUN Ketari.

Bagi persoalan dibangkitkan oleh ADUN Padang Tengku, Kerajaan Negeri melihat dengan pelaksanaan semula projek ECRL ia akan dapat menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil dan peneroka-peneroka FELDA yang mengalami ketidakstabilan harga sawit dunia dan ia memberi kesan kepada harga BTS pusaran harga BTS telah menurun sebanyak 23% daripada daripada RM627.40 se tan kepada RM470.56 se tan terutama di kawasan Pantai Timur. Lantaran itu ia menyebabkan pendapatan peneroka telah merosot.

Kerajaan Negeri juga memandang serius keperluan tanah bagi generasi baru kawasan-kawasan FELDA. Rancangan RTK telah berjaya dilaksanakan di kawasan FELDA Sungai Koyan 1, 2 dan 3 dan pelaksanaan ini telah mendapat kelulusan daripada EXCO dan dimansuhkan GSA oleh FELDA. Di masa akan datang, banyak lagi kawasan-kawasan yang terlibat untuk membekal tanah kepada generasi baru yang dikeluarkan oleh.. yang akan dikeluarkan daripada Akta GSA. Perkara ini juga dipersetuju oleh pihak berkuasa FELDA dan memberi kelulusan, memberi tanah kepada generasi baru, generasi baru FELDA, generasi kedua dan generasi ketiga seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kemayan.

Untuk makluman Yang di-Pertua, FELDA di Wilayah Jengka telah sudah berada dalam proses membuat RTK diseluruh kawasan wilayah Jengka terutama kawasan DUN saya DUN Pulau Tawar dan akan diperluaskan lagi ke wilayah Kuantan dan juga di wilayah Mempaga untuk mempastikan semua tanah-tanah kosong kediaman untuk generasi baru FELDA.

Segmen kedua, saya menjawab bagi pihak portfolio kepenggunaan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Mohon mencelah sikit boleh? Sikit je, untuk untuk tu… Saya tertarik pasal tu RTK di kawasan FELDA tu. Boleh tak pihak Kerajaan ulas sikit macamana cara prosesnya. Setahu saya RTK ni dia boleh dibuat di luar FELDA, maknanya selain daripada tanah GSA. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih ADUN Kemayan. Maknanya banyak lagilah kawasan-kawasan FELDA di ADUN Kemayan yang belum dibuat RTK. Jadi sebenarnya RTK mudah saja. Kalau dulu kita membuat RTK di kawasan-kawasan kampung tradisi, sekarang saya buat konsep RTK di kawasan-kawasan FELDA. Mempastikan bahawa Pengurus-pengurus FELDA dan juga Ketua-Ketua Peneroka mempastikan bahawa berapa banyak tanah kosong di kawasan-kawasan FELDA dan kita akan menulis surat kepada pihak Pengurusan FELDA untuk keluarkan tanah-tanah tersebut daripada GSA.

Maka bila tanah tersebut jadi GSA maka tanah tersebut hak kuasa Kerajaan Negeri. Apabila hak kuasa Kerajaan Negeri, Pengurus FELDA bersama Penghulu Mukim boleh merujuk kepada Pejabat Tanah, meracip tanah-tanah tersebut untuk dibahagi-bahagi kepada anak-anak peneroka generasi kedua dan generasi ketiga, dan mudah saja. Untuk *detail*nya saya akan cerita kepada Yang Berhormat ADUN Kemayan secara *detail,* bagaimana nak buat RTK kerana proses RTK untuk DUN Pulau Tawar bersama saya dengan pengurus… semua pengurus-pengurus rancangan dan Penghulu Mukim kerana proses kesiapannya. Saya jangka dalam masa sebulan siap RTK di kawasan Pulau Tawar. Bermakna di negeri Pahang ada dua RTK, satu RTK kawasan blok-blok FELDA, satu RTK kawasan kampung-kampung tradisional, untuk mempastikan bahawa generasi kedua generasi baru FELDA mendapat tanah untuk tempat mereka membuat rumah untuk kediaman mereka. Segmen kedua…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon mencelah. Sebelum pihak Kerajaan beralih kepada segmen yang kedua. Ini berkaitan dengan perkara-perkara yang lain, daripada FELDA. Saya tidak mendengar apa ni ulasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan pertanyaan daripada rakan saya daripada Chini, ulasan tentang penjualan harta oleh pihak kerajaan PH pada hari ini. Kerana pada saya, pihak kerajaan nak menyelesaikan masalah hibbah Tabung Haji dia terpaksa menjualkan beberapa aset Tabung Haji. Sekarang ini masalahnya baru-baru ini dibentangkan tentang masalah kertas putih di Dewan Rakyat. Jadi kita dengar dan nampaklah beberapa perkara yang cuba diselesaikan kepada pihak FELDA.

Jadi saya nak bertanya, yang pertamanya benar ke bahawa pihak kerajaan PH telahpun juga menjual menara FELDA kita yang begitu gah di Kuala Lumpur dan yang kedua saya mohon pandangan daripada wakil kerajaan berkenaan dengan kerajaan PH pada hari ini, yang sentiasa menyelesaikan masalah dengan menjual aset-aset yang telah kita bina. Kerajaan terdahulu membina aset ni satu persatu dalam jangkamasa 61 tahun yang lalu, tetapi dengan masa 10 bulan je, beberapa aset kita yang menjadi kemegahan bangsa, ambil keputusan, jual kerana nak menyelesaikan masalah kewangan.

Saya bimbang Dato' Yang di-Pertua, saya bimbang bahawa budaya, budaya memang berlaku kepada masyarakat kita daripada segi orang perseorangan. Kalau ibu bapa dia meninggalkan harta kepada diri seseorang, kemudian dia tak tahu nak menguruskan harta tu, dia tak tahu bagaimana nak menambahkan lagi apa yang ditinggalkan oleh mak bapak, jadi harta tu sebenarnya makin lama makin habis. Mula-mula kurang duit, dia jualnya kereta, kurangnya duit dijualnya rumah, akhirnya merempat dia. Ha.. ini yang saya bimbang, perbuatan kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini bimbang akan berlaku begitu kepada negara kita Malaysia. Terima kasih, yang menanggungnya bangsa kita.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih Pulau Manis, yang saya sedia maklum bahawa menara FELDA belum lagi dijual. Yang FELDA minta strukturkan kewangan FELDA, mereka nak jual harta-harta FELDA yang dibeli sebelum ini iaitu hotel di London, hotel di Sabah, hotel di Sarawak dan tak silap saya satu hotel lagi yang dibeli di err.. di Port Dickson. Mereka akan jual untuk menstrukturkan semula kewangan FELDA. FELDA dulu ada 8 bilion dan sekarang kata hutangnya RM7.7 bilion. Jadi itulah mereka, mereka ni mudah saja. Mereka ambil kerajaan, mereka ni kurang buat kerja, mereka nak jual apa yang ada.

Saya umpamanya dah buat *company* tu 22 tahun, tiba-tiba dapat anak saya, mereka ni tengok duit ada dalam *company* tu banyak mereka jual saja. Inilah kerja orang yang tidak buat kerja. Rakyat dah bagi mandat untuk menjalankan… menjalankan menjadi kerajaan dan menjalankan tanggungjawab buatlah kerja. Fikir apalah inisiatif-inisiatif baru untuk menjanakan pendapatan FELDA dan juga negara. Jangan asyik nak jual sahaja. Jadi saya sebagai EXCO FELDA yang tidak dilantik sebagai Lembaga Pengarah FELDA.

Saya sebagai EXCO FELDA tetapi tidak…tidak dilantik sebagai Lembaga Pengarah FELDA, yang satu-satunya EXCO dalam Malaysia, EXCO FELDA Negeri Pahang sahaja yang ada tetapi tidak dilantik. Maka saya harap, merayu Kerajaan PH er… Kerajaan FELDA yang didokongi Kerajaan PH tidak menjual harta-harta, entiti-entiti Melayu ini kerana FELDA 99% orang Melayu, RISDA 100% orang Melayu, PNB 100% orang Melayu, Tabung Haji 100% orang Melayu. Saya merayu bagi pihak Kerajaan Negeri supaya perkara-pekara ini tidak berlaku. Jadi saya... oleh kerana banyak lagi saya nak gulung…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD. JALIL

Boleh nak mencelah lagi? Terima kasih Wakil Kerajaan. Saya nak menyentuh sikit tentang RTK tadi. Ada apa-apa kriteria-kriteria tertentu tak untuk Kerajaan memilih FELDA-FELDA mana yang boleh dibuat RTK tu? Sebab tempat saya ni, ada 2 FELDA tu, Kampung New Zealand dan Bukit Tajau tu, minta tolong dapat perhatian dari pihak kerajaan.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Seperti yang saya maklumkan tadi, RTK syarat yang pertama sekali mesti ada tanah kosong di kawasan FELDA. Kalau tidak ada tanah kosong, lot-lot tanah kosong bagaimana kita nak buat RTK. Mesti ada tanah kosong di kawasan FELDA, yang di bawah GSA. Kita akan tulis surat kepada FELDA untuk keluarkan tanah tu daripada GSA. Kriterianya ada tanah kosong, kalau tak ada tanah kosong, tidak boleh buat RTK, itu paling penting.

Nombor 2, pemilihan untuk masukkan nama-nama RTK. Mestilah kuasa Wakil Rakyat Tempatan, ataupun kuasa Penghulu, kuasa MPKK sama Ketua-ketua Peneroka atau pun JKKR. Itu pemilihan, hantar kepada pihak Kerajaan Negeri untuk kelulusan nama-nama tersebut. Nombor satu dalam *order*, jelas? Kalau tak faham kita bincang lepas…. masa minum kejap lagi. *Junior* saya masa sekolah dulu.

Saya pergi segmen kedua, kepenggunaan. Kerajaan Pahang dengan kerjasama KPDNHEP telah mengadakan 5 langkah-langkah strategi untuk meringankan bebanan rakyat terhadap kenaikan harga barang. Harga barang… harga barang asas isi rumah. 3 langkah tersebut masih dijalankan oleh Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun inisiatif tersebut… walau pun inisiatif tersebut diilhamkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ketika itu. Sementara 2 inisiatif baru dijalankan oleh Kerajaan Pakatan hari ini. Inisiatif baru iaitu inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-Keep) dan *Food Bank*.

Oleh kerana ianya baru, maka banyak kelonggaran yang kita nampak. Maka Kerajaan Negeri mencadangkan dalam er… mencadangkan dalam sis… er… inisiatif i-Keep ini mencadangkan Pasaraya Darul Makmur yang diilhamkan oleh Majlis Agama Islam dimasukkan sebagai rakan strategik dalam Kedai Ekonomi Pengguna itu sebagai pemain… sebagai memberi perkhidmatan dengan harga yang berpatutan kepada masyarakat Negeri Pahang. Selaras dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat ADUN Luit.

Inisiatif kedua iaitu *Food Bank* yang telah memberi faedah kepada 80 keluarga dengan 328 kilogram makanan yang masih elok untuk dimakan, selari dengan apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat ADUN Beserah untuk negeri Pahang. Untuk segmen…

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri… Speaker,

Boleh mencelah sikit? Mohon penjelasan daripada Wakil Kerajaan. Dia… soal barang sekarang, rakyat merungutlah tinggi, harga barang tinggi. Barang ni ada 2, satu barang kawalan dan tidak terkawal. Apakah langkah kerajaan, tindakan kerajaan terhadap barang-barang yang tidak dikawal? Contoh, kita mengalakkan sektor pertanian, bajanya mahal, racunnya mahal, segala-galanya mahal. Siapakah yang mengawal? Okay, ikan mahal, tapi ikan bukan barang kawalan. Kita tidak nampak tindakan yang tegas daripada pihak kerajaan khususnya KPDNKK membuat pemeriksaan dalam barang-barang yang tidak dikawal. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Dato' Sri, KPDNKK dah tak ada dah. Dia tukar nama KPDNHAP… HEP. Saya nak sebut pun kadang tergeliat lidah, dulu pun tak dan mahir lagi dah tukar nama. Dah

lupa soalan goner gaya. (Ahli dewan ketawa). Goner lupa dah. Tak, tak payah ulang. Saya akan jawab secara bertulis. (Ahli dewan ketawa).

Segmen ke-3, saya [Ketawa] akan memperjelaskan jawapan saya dalam bidang keusahawanan kerana saya ni banyak portfolio. FELDA satu masalah, usahawan satu masalah, koperasi pun banyak masalah, pengguna pun banyak masalah seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri tadi, Dong. Segmen keusahawan. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan usahawan-usahawan negeri dengan FELDA. Dengan mengadakan kursus, seminar, motivasi dan program-program. Antara program dilaksanakan Kerajaan Negeri iaitu dengan Jabatan Agama Islam dengan mengadakan Seminar Persijilan Halal pada hari semalam, 17 haribulan 4 di Bandar Indera Mahkota bagi memberi pendedahan proses persijilan halal.

Seminar ini telah diadakan bagi… kepada pengusaha-pengusaha restoran, premis-premis makanan di rancangan-rancangan FELDA yang memberi… yang membolehkan mereka memasarkan produk mereka ke peringkat global. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang juga bersama Kerajaan Negeri telah menyediakan er… bantuan sebanyak RM30,000 hingga RM50,000 bagi bantuan bangunan untuk memproses karipap *frozen* di FELDA Bukit Goh. Ini juga er… menjawab soalan yang diutarakan oleh ADUN Ketari.

Begitu juga proses…proses hiliran madu kelulut, madu lebah tualang yang dihantar ke Rancangan FELDA dalam Negeri Pahang. Bagi menggalakkan penanaman belimbing buluh di Negeri Pahang bagi pembuatan sambal hitam Pahang, telah mendapat sambutan di kalangan rakyat Malaysia dan beberapa buah negara terutamanya di Asia Barat. Selain itu, buluh hitam juga telah memeberi… mempunyai produk hiliran yang baik iaitu halwa belimbing buluh yang diusahakan di Kuala Lipis.

Kerajaan Negeri juga menyediakan tapak-tapak pasar tani, pekan sari di FELDA-FELDA, di kampung-kampung tradisi melalui PBT. Dalam program ini menyediakan *medium* kepada usahawan FELDA dan juga penduduk setempat untuk memasar dan menjual produk masing-masing. Peneroka-peneroka juga telah melabur dalam pelaburan koperasi yang berdaftar dengan SKM di Negeri Pahang dan hasil jualan koperasi kawasan FELDA lebih kurang RM9.8 juta setahun… bagi RM9.8 juta setahun. Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang telah menyediakan sebanyak RM60,000 bantuan bangunan untuk memproses belulang di FELDA Bukit Sagu 2 dan Bukit Sagu 3.

Proses belulang maknanya proses hiliran daripada kulit kerbau dan juga kulit lembu. Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama FELDA Wilayah Kuantan telah mengadakan kerjasama bagi mengadakan Kursus Motivasi di FELDA Chini 3 yang melibatkan 120 pengusaha-pengusaha *homestay*. Program-program yang sedang dijalankan di Bukit Gambang pagi tadi. Saya pun tak sempat nak pergi. Ada program yang sedang berjalan di sekarang… di Bukit Gambang iaitu Konvensyen Usahawan Koperasi Sektor Peladangan Industri Asas Tani Berimpak Tinggi bagi Memacu Peningkatan Pendapatan Usahawan-usahawan FELDA, Usahawan-usahawan Negeri dan Usahawan-usahawan Asas Tani.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh mencelah sekali lagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

(Tak jelas)

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Tak bagi tak apalah, saya duduk balik. [Ketawa]

YB. MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Laluan Dato' Sri.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Ada sikit lagi.

YB. MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Boleh? Celahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, sila. Mencelah ke, laluan pun tak apa tapi mencelah tu kena elok-eloklah.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

[Ketawa] Oleh kerana saya Ketua Bahagian, dia Wakil Rakyat tempat saya, saya bagilah. (Ahli dewan ketawa)

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Ini tidak adil.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

(Ahli Dewan ketawa). Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih Pulau Tawar, cuma saya mungkin ke belakang sikit ya, segmen yang pertama tadi, saya rasa nak ambil juga ruang sebelum daripada Pulau Tawar menamatkan dia punya penggulungan.

Pertama sekali, er… sebagaimana yang disebut er… ataupun yang er… saya sebut semalam berkenaan dengan er… tanah FELDA Plantation yang ada sebanyak 143,584 hektar di negeri Pahang. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri Pahang bersedia untuk mengisi er… tanah-tanah FELDA Plantation ini dengan peneroka-peneroka baru? Satu.

Yang kedua, berkenaan dengan RTK tadi. Oleh kerana dalam masa lebih kurang sebulan Pulau Tawar kata akan selesai di Pulau Tawar, saya harap tempiasnya boleh juga di DUN Tahan er… kena jugalah di DUN Tahan, hanya ada dua saja FELDA, FELDA Sungai Retang dan FELDA Padang Piol. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terlajak dah ni sebenarnya, tapi tak apalah sebagai Ketua Bahagian Jerantut, saya layanlah. RTK Sungai Retang dengan Padang Piol. RTK seperti Yang Berhormat maklumkan semalam er… tanah-tanah kosong FELDA nak 10 ekar seorang. Sebenar RTK kita bagi 3 ekar seorang. Itu kawasan pertanian tetapi kalau kawasan lot kediaman, kita bagi lebih kurang dalam 3,000 hingga 5,000 kaki persegi sahaja. Kalau satu orang nak 10 ekar tanah rancangan, bahawa sesungguhnya dalam rancangan ada 12 atau 13 ekar sahaja tanah kosong untuk diberi… untuk dibuat RTK, untuk lot-lot kediaman. Maka untuk 10 ekar tu tak mungkin, satu.

Nombor dua, FELDA Plantation. FELDA Plantation ada 120,000 hektar di seluruh negeri Pahang. Tapi FELDA Plantation telah di*mortgage* kepada FGV dengan bayaran… FGV bayar RM250,000… RM250 juta setahun kepada FELDA Plantation. Tanah itu telah digadai. Saya tanya Yang Berhormat, kalau itu dah tunang orang, tak kan kita nak tunang lagi, nak meminang lagi. Sekarang tanah itu telah di*mortgage,* telah dipajak kepada FGV dengan nilai RM250 juta setahun.

Jadi tak mungkin, Kerajaan Negeri pun ada timbang taranya, tak mungkin kita mendesak FELDA Plantation untuk kita masukkan peneroka-peneroka. Jadi, memadailah kita dengan RTK. RTK ada dua, satu RTK Kediaman, satu jugak RTK Tanah Pertanian. Di kawasan FELDA juga banyak tanah-tanah lot FELDA di mana tanah-tanah tersebut, peneroka lari, ataupun tidak dibangunkan oleh FELDA zaman dahulu. Maka juga… juga, saya akan mempastikan RTK-RTK untuk lot-lot pertanian di kawasan-kawasan FELDA terutamanya kawasan FELDA Sungai Retang dan juga Padang Piol. Habis dah?

Saya terlupa [ketawa]. Okay program-program usahawan yang akan datang. Selain program yang ada… yang akan datang iaitu yang terdekat masa ini iaitu Ekspo Usahawanan yang akan diadakan pada 25 hingga 29 April 2019 di Berjaya Megamall, Kuantan iaitu melibatkan dua buah negeri… negara iaitu Pahang mewakili Malaysia dan Jakarta mewakili Indonesia.

Program ini melibatkan Koperasi Rafflesia Timur Berhad yang akan diadakan tak lama lagi ya. 2 Program Pesta Halal, Program SMU Week banyak lagi program-program untuk menjana, memper… memperkasakan usahawan-usahawan negeri Pahang.

Dengan itu saya…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Mintak laluan sikit Dato' Speaker. Saya nak tanya dan tagih janji je. Dalam Sidang yang lepas kalau tak silap saya er… Exco daripada mana ni… er… telah berjanji ha… Koperasi, berjanji dengan Padang Tengku untuk buat Ekspo Usahawan di Padang Tengku. Bila tu?

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Saya ingat, saya janji antara bulan 1 hingga bulan 3 untuk buat Ekspo… Karnival Usahawan-usahawan Kecil Sederhana di Pahang Barat, tak semestinya di Padang Tengku dan saya telah laksanakan antara bulan 1 hingga bulan 3. Saya tak nak perjelas secara *detail* dan usahawan-usahawan juga pertama di Pahang Barat antara Kuala Lipis, Padang Tengku dan juga Cameron Highlands.

Usahawan… saya kumpul juga usahawan-usahawan di peringkat Pahang Tengah antara Temerloh, Jerantut, Raub dan juga er… Maran dan juga saya akan kumpul usahawan-usahawan melalui Karnival Usahawan untuk Pahang Timur, Kuantan, Rompin, Muadzam dan sebagainya. Jadi… Pekan. Jadi untuk janji saya tu, saya dah tertunai tetapi saya tak nak perjelaskan secara *detail* kerana antara bulan 1, bulan 3 dan saya dah buat… saya dah laksanakan tugas saya. Untuk detail kita bincang kat luar.

Jadi itu saja, menggulung saya… penggulungan saya dalam 3 potforlio saya er… jika ada-ada…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah…

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

… yang terkurang saya akan perjelaskan secara bertulis. Saya mintak maaf kerana orang lain pun nak jawab jugak, nak menggulung jugak. Asaalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterus… seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang. Silakan.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah.

Di dalam Dewan Yang Mulia ini, saya ingin merafak sembah dan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang mencemar duli berangkat untuk merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Keempat Belas.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah di atas pertabalan dan perlantikan sebagai Yang Di-pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong Ke-16 dan juga Pemangku Raja Pahang.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong dan Pemangku Raja Pahang dipanjangkan umur, dikurniakan taufik dan hidayah, kesihatan yang baik dan terus kekal kara memerintah Negeri Pahang Darul Makmur.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM7.37 juta di bawah Rancangan Malaysia yang Ke-11 untuk pembangunan ICT Negeri Pahang. Sebahagian besar peruntukan setiap tahun telah dibelanjakan dalam memastikan pembangunan infrastruktur ICT termasuklah menaik taraf talian 1Pahang Internet di seluruh jabatan negeri, menambah baik teknologi sedia ada dan peningkatan penggunaan sistem terutamanya di kaunter-kaunter hasil.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas keprihatian dalam memperuntukkan RM1.83 juta untuk tahun 2019 bagi meneruskan program pembangunan teknologi maklumat dan ketersediaan Kerajaan Negeri untuk menghadapi revolusi industri RM4.0 melalui pembentangan bajet pada 19 Disember 2018 yang lepas.

Menyentuh cadangan dari ADUN Cheka yang mencadangkan Kerajaan Negeri memajukan teknologi maklumat dan ICT selari dengan keperluan revolusi Industri ke-4. Sukacita saya maklumkan kepada ADUN Cheka, Kerajaan Negeri memang sentiasa melakukan pembangunan ICT di negeri ini dan dari masa ke semasa di dalam menyumbang ke arah merealisasikan Industri 4.0. Contohnya dalam bidang perkhidmatan digital, keselamatan ICT dan pelaksanaan projek sistem e-tanah di negeri Pahang.

Dalam bidang perkhidmatan digital, Kerajaan telah mewujudkan sistem; 1 *sistem Single Sign-On,* dengan mohon izin Yang di-Pertua, Untuk memudahkan pengguna mengakses semua sistem di bawah Kerajaan Negeri dari satu laman utama. Kedua mewujudkan laman *facebook* Kerajaan Negeri supaya hubungan dengan rakyat menjadi lebih cepat dan mudah serta aduan-aduan rakyat dapat ditangani… dengan segera. Ketiga, melaksanakan perkhidmatan *online* bagi sistem-sistem kerajaan seperti FPX *payment get way* untuk Sistem Perumahan Awam Pahang dan Sistem Cukai Tanah PTG. Keempat, mengoptimumkan perkhidmatan *shared services and cyber security,* dengan izin yang di-Pertua, dengan menguatkuasakan penggunaan sistem webmel Pahang bagi semua penjawat awam Kerajaan Negeri.

Kelima, membekalkan dan menggantikan peralatan ICT seperti komputer, pencetak dan sebagainya kepada teknologi terkini bagi membantu kecekapan perkhidmatan *online* di pejabat SUK Pahang dan jabatan-jabatan negeri. Dalam bidang keselamatan ICT, Kerajaan Negeri yang pertama mewujudkan polisi keselamatan siber dan sentiasa mengemaskini secara berkala dalam menangani pengurusan keselamatan siber di era revolusi 4 di peringkat Kerajaan Negeri.

Kedua, menjalankan program-program keselamatan siber seperti program kesedaran keselamatan siber era revolusi 4 kepada CEO dan penjawat awam negeri. Ketiga pematuhan kepada standard keselamatan antarabangsa seperti MS:ISO 20… 27001:2013. Keempat penubuhan serta pemantapan pasukan keselamatan siber peringkat Negeri Pahang atau CERT Pahang. Selain itu juga, Kerajaan Negeri Pahang merancang untuk melaksanakan projek Sistem e-Tanah di Negeri Pahang yang dijangka akan mula digunakan pada Oktober 2020 dan kos pembangunan projek berjumlah 128 juta. Ianya akan memberi faedah kepada Kerajaan Negeri dengan meningkatkan kecekapan perkhidmatan antaranya yang pertama adalah carian persendirian hakmilik *online*, kedua semakan dan bayaran cukai tanah *online*, ketiga permohonan *online* contoh gadaian, tarik balik, *kaveat* dan sebagainya. Keempat

pendaftaran hakmilik dan perserahan urus niaga, bukan urus niaga, strata berkomputer, kelima carian daftar strata secara berkomputer.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dalam keghairahan kita menggunakan teknologi, satu sudut lagi yang perlu diberi perhatian penting adalah keselamatan maklumat yang dikongsi, penyebaran fitnah, penyelewengan maklumat, penipuan dan sebagainya. Ianya turut menjadi ancaman kepada perpaduan kaum, agama dan juga pentadbiran sesebuah kerajaan sekiranya ia tidak dibendung dengan segera.

Berkait dengan pertanyaan Yang Berhormat ADUN Kawasan Sungai Lembing berhubung isu penularan di media sosial tentang penghinaan di atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Secara khusus penyalahgunaan media sosial melibatkan penghinaan terhadap Institusi Beraja adalah tertakluk di bawah Akta Hasutan 19… 1948, di bawah bidang kuasa pihak PDRM. Bagi kesalahan di bawah peruntukan undang-undang tersebut, jalinan kerjasama antara pihak PDRM dan SKMM juga telah sedia terjalin termasuk dalam aspek bantuan teknikal berhubung siasatan forensik digital.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Er… boleh mencelah. Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita mendengar laporan daripada er… berita yang menyebutkan bahawa setakat ini 202, malam tadilah, laporan polis telahpun dibuat di seluruh negara bagi masalah er… apa ni penghinaan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya sebenarnya berterima kasihlah kepada Wakil-wakil daripada PAS seramai 8 orang yang bersama-sama dengan kami Barisan Nasional, sama-sama juga er… di… maknanya termasuklah di antara 202 yang telah membuat laporan tersebut.

Saya nak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah rakan-rakan kita daripada sebelah sana, sebab saya melihat kepada keletah seorang rakan kita daripada Teruntum. Masalah kucing masuk dalam Dewan, masalah tikus ada dekat pasar raya masuk dalam Dewan, masalah buaya naik ke darat masuk dalam Dewan, adakah pihak di sana perihatin terhadap masalah yang sedang berlaku er… terhadap penghinaan Raja-raja kita pada masa ini?

Jadi, apakah ar… masing-masing, mereka juga telah pun bersama-sama dengan kita sebagai menunjukkan tanda taat dan setia kepada sebagai orang Pahang, rakyat Pahang walaupun berlainan idealogi tetapi taat dan setia kepada Raja pemerintah mereka laksanakan. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada rakan saya daripada…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya berharap adalah pihak daripada sana untuk tolong mewakili menjawab.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Er… terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pulau Manis lain kali buat laporan polis sedemikian er… ajak sama sekalilah. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Izinkan saya bertanya sikitlah kepada ADUN Tanah Rata ni, maknanya ADUN Tanah Rata ni sayang dan cintakan Sultan Pahang ke tidak?

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Sayang. Terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya nak tanya kepada ADUN Ketari juga sama ada ADUN Ketari sayang dan cinta dak Sultan Pahang? [Ahli Dewan ketawa]

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Saya sayang dan cintakan Sultan-sultan dan Agong kita dan lepas ni kalau ada laporan polis nak dibuat mengenai penghinaan kepada Agong, agama Islam sebagainya jemput saya. Insya-Allah saya boleh sertai bersama.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Sesungguhnya tanggungjawab kita sebagai rakyat Pahang adalah untuk memastikan kita menjaga dan kasih kepada Sultan kita, bukan hanya tertakluk kepada ADUN-ADUN daripada kerajaan, pihak kerajaan, tetapi juga ADUN-ADUN daripada pihak pembangkang dan saya nak pernah tanyalah makna ada sama ada pihak PAS daripada Beserah pernah membuat laporan polis dak kepada… berkaitan dengan penghinaan Agong ni ar…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang di-Pertua, saya rasa er… itu kita dah… buat awal lagi antara yang pertama sekali buat laporan polis ni, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Jadi Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Kita rasakan semua pihak bertanggungjawab bukan hanya menunggu pihak-pihak tertentu untuk bersama dengan kita. Saya mencadangkan bahawa pada masa akan datang, bahawa pihak pembangkang terutama daripada DAP, PKR dan sebagainya, Tanah Rata, sama-sama turun sendiri dan membuat laporan polis sebagai tanda kasih dan sayang kita kepada Sultan kita. Sesungguhnya Yang di-Pertuan Agong adalah yang memberi keizinan kepada kita, Sultan memberi keizinan kepada kita untuk menubuhkan sebuah kerajaan dan hari ini kita meletakkan tanggungjawab itu kepada pihak kerajaan yang memerintah pada hari ini Pakatan Harapan. Jadi kalau Pakatan

Harapan gagal menjalankan tugas mereka, ini bermakna Pakatan Harapan telah gagal menjalankan kewajipannya untuk menjaga negara ini.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Minta mencelah.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

… yang berasaskan Institusi Raja Berpelembagaan.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua, mohon saya mencelah. Er... berdasarkan kepada soal selidik yang telah dilakukan oleh rakan saya daripada kerajaan sebentar tadi, maka saya mengharapkan bahawa jawapan-jawapan yang diberikan oleh Tanah Rata, Ketari yang lain tak ada, sebagai satu jawapan yang begitu tulus dan ikhlas. Jadi pada hari ini saya ingin mencadangkan bahawa kita yang bersidang pada hari ini mendesak kepada pihak kerajaan Malaysia di bawah Pakatan Harapan supaya menggesa AG untuk melaksanakan siasatan terhadap pesalah tersebut seberapa segera yang boleh itu cadangan saya Dato' Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila teruskan.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Jadi justeru itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat ar… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian er… kita masih ada lagi 3, 5, 6, 7 orang. Kalau boleh kita nak cuba habiskan semua Ahli-ahli pihak kerajaan menjawab pada hari ini kalau setengah jam, 7 orang lagi, bermakna kita kena 3 jam lebih lagi lebih kurang pukul 6.30. Jadi kalau kurang sikit mencelah insya-Allah kita boleh habis pada hari ini dan Dewan kita akan habis bersidang pada hari esok sebelah tengah hari apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberikan jawapan dan pandangan. Jadi saya bukan tidak menghalang Ahli-ahli Yang Berhormat mencelah tetapi kalau boleh kurang sikit mencelah er… dapat peluang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya bukanlah mencelah untuk bergurau senda, saya tak masuk campur langsung dalam urusan celah mencelah, yang bergurau senda usik mengusik ini dan saya selalu… selalu bercakap dalam keadaan yang serius. Jadi saya rasa celahan-celahan saya buat sebentar tadi adalah merupakan satu perkara yang ingin membantu untuk kita mencarikan perkara yang terbaik kepada peringkat, terutama sekali negeri Pahang kita. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak mengucapkan terima kasihlah kepada ADUN Tanah Rata dan Ketari ya, dia supaya pada masa akan datang jika kita nak buat laporan polis, kita akan sama-sama ajak ADUN Tanah Rata dan Ketari. Saya… izinkan saya terus menyambung Yang Berhormat Yang di-Pertua. Di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi kesalahan penggunaan yang tidak wajar kemudahan rangkaian ataupun perkhidmatan rangkaian berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta pihak yang terkesan. Jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM50, 000 atau dipenjara selama tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Merujuk kepada soalan tambahan daripada DN Pulau Manis, apakah tindakan yang telah dan sedang diambil susulan peristiwa penghinaan institusi raja oleh laman facebook Sabah dan Sarawak. Untuk makluman satu laporan polis pertama telah diterima di Kuala Lumpur Jalan Tun Razak pada 20.03.2019. Seterusnya, siasatan telah dijalankan oleh pihak Bukit Aman, di mana kertas siasatan telah dibuka dan disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948. Setakat ini, sebanyak 202 laporan polis berhubung isu yang sama telah diterima… telah diterima dan laporan-laporan polis tersebut telah dirujuk kepada laporan polis yang pertama untuk tinda… untuk tindakan siasatan lanjut. Siasatan masih diteruskan oleh pihak unit siasatan jenayah terkelas Bukit Aman. Merujuk kepada soalan tambahan daripada ADUN Sungai Lembing, apakah tindakan atau hukuman yang telah dikenakan kepada penghina-penghina Agong se…As –Sultan Pahang.

Satu laporan polis telah diterima di Temerloh contohnya, pada 01.02.2019 sebagaimana Mentakab *report,* siasatan telah dijalankan oleh pihak Bukit Aman di mana kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dan saya percaya laporan ini dibuat oleh UMNO Bahagian Jerantut, terima kasih.

Kertas siasatan ini telah dilengkapkan dan dirujuk kepada pihak peguam negara di Putrajaya pada 25.02.2019 bagi mendapatkan arahan selanjutnya. Setakat ini kes masih belum ada pertuduh…pertuduhan di mahkamah. Daripada laporan yang telah dibuat oleh pihak polis, kertas siasatan telah dibuka mengikut Akta Hasutan 1948 ini dan segala rumusan atau dapatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut sama ada boleh didakwa mahupun tidak dan terserah kepada Jabatan Peguam Negara dan Kerajaan yang memerintah hari ini yang akan memutuskan sama ada untuk menyegera ataupun tidak pendakwayat… pendakwaan mahupun tidak.

Kerajaan Negeri menggesa agar Kerajaan Pusat agar dapat menyegerakan pendakwaan terhadap setiap kes-kes yang berkaitan terhadap penghinaan terhadap agama dan raja demi menjaga perpaduan dan keharmonian antara agama dan kaum dalam negara ini.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Dalam usaha kita menangani isu ini, Kerajaan Negeri juga turut mengambil inisiatif dalam memberikan kesedaran kepada warga jabatan dengan mengadakan program-program kesedaran tentang keselamatan maklumat setiap tahun. Mewujudkan polisi keselamatan siber serta membudayakan dalam urusan seharian. Pejabat SUK Pahang sendiri telah mencapai *standard* keselamatan antarabangsa dengan

memperolehi pensijilan MS ISO 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat .

Ini menunjukkan pihak pentadbiran menyokong penuh dan memandang serius tentang keselamatan maklumat khasnya dan kesinambungan perkhidmatan amnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang disebut tadi awal tadi, revolusi 4.0 turut menyumbang kepada perubahan cara kerja seharian orang awam. Contohnya perniagaan *online* yang berkembang pesat menggunakan aplikasi Shopee, Lazada, Ali Baba dan lain-lain yang mana turut meningkatkan perkhidmatan penghantaran sama ada Poslaju, Skynet, GDex, Easy Parcel dan lain-lain. Perkembangan ini menunjukkan keperluan pada talian internet kepada seluruh rakyat bukan sahaja negeri Pahang malahan di seluruh dunia. Dengan itu, Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya pembinaan menara kom… telekomunikasi yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi di jaringan internet dan ekonomi negeri Pahang khasnya.

Untuk merealisasikan… untuk memastikan semua penduduk dapat menggunakan perkhidmatan ini dari masa ke semasa, pihak Telco dan kerjasama SKMM dan Kerajaan Negeri berbincang merancang dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan seperti menambah lokasi baharu stesen pemancar, menaik taraf atau menambah kapasiti rangkaian, menjalankan ujian dan pemeriksaan secara berkala dan lain-lain lagi.

Di samping itu juga, pihak SKMM bersama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi giat berusaha untuk menambahbaik infrastruktur telekomunikasi dengan pelaksanaan pelbagai projek iaitu pembinaan menara baru di bawah Program Time 3, menaik taraf sistem selular 3G, 4G dan LTE dan penambahan rangkaian fiber optik diseluruh negeri. Pihak SKMM juga sentiasa menjalankan pemantauan untuk memastikan setiap telco mematuhi garis panduan, *mandatory standard,* dengan izin, Yang di-Pertua, berkaitan kualiti perkhidmatan selular dan jalur lebar seperti yang termaktub di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Di samping itu juga, saya menyeru sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin menyuarakan isu keperluan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan masing-masing bolehlah dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri atau boleh juga kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti pihak SKMM agar tindakan susulan dapat diambil dengan berkesan. Penjelasan ini adalah sesuai dengan Titah Keb awah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena hari pembukaan baru-baru ini. Baginda menzahirkan harapan supaya Kerajaan Negeri Pahang tidak hanya bergantung kepada pendapatan hasil bumi tetapi melihat kepada peluang-peluang menjana pendapatan melalui sektor teknologi maklumat dan juga digital.

Baginda juga menggesa supaya pembangunan pesat perlu digerakkan dalam mewujudkan jaringan maklumat yang pantas dan canggih menerusi prasarana teknologi maklumat dan komunikasi yang moden dan terkini supaya selari dengan revolusi perindustrian ke-4.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berkait dengan pertanyaan YB. ADUN Kawasan Tanah Rata, pada masa ini perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi iaitu Unifi yang disediakan oleh pihak Telekom Malaysia di daerah Cameron Highlands adalah tidak menyeluruh dan

hanya terdapat di Tanah Rata dan Brinchang dengan kelajuan sehingga 100 MBps. Manakala di Ringlet, pengguna boleh melanggan jalur lebar talian tetap pada kelajuan 10 MBps dan per saat dan perkhidmatan ini akan ditawarkan di Tringkap dan Kampung Raja dalam masa terdekat.

Berkenaan dengan liputan jalur lebar mudah alih pula, pihak pemberi perkhidmatan telah ambil maklum berkenaan perkara ini dan usaha sedang digiatkan untuk menambahbaik perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang menggunakan teknologi 3G dan 4G dengan lebih meluas di daerah Cameron Highlands di bawah inisiatif keluasan liputan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu, menaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan sehingga 4G.

Sehingga kini terdapat 56 menara telah siap dan beroperasi di Cameron Highlands iaitu 22 menara di bawah projek SKMM dan 34 menara komersial di bawah syarikat pemberi perkhidmatan. Selain itu juga, sebanyak 42 menara telah siap juga telah dan akan dinaik taraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G, 4G iaitu 18 menara telah siap beroperasi dan 24 projek sedang dilaksana dan dijangka siap sepenuhnya menjelang suku keempat 2019. Ini meliputi DUN Jelai dan juga DUN Tanah Rata.

Projek ini juga merangkumi 11 menara komunikasi disepanjang laluan daripada Felda Sungai Koyan, Lipis hingga ke Lembah Bertam, Cameron Highlands dengan tujuan untuk menyediakan perkhidmatan selular dan jalur lebar mudah alih 3G, 4G di perkampungan Orang Asli dan pengguna jalan raya sepanjang laluan tersebut. Berhubung dengan ini, isu perkhidmatan telekomunikasi di perkampungan Orang Asli, pihak SKMM memaklumkan pada masa ini menara telekomunikasi baharu terdapat di Pos Menson, Pos Telanok dan Pos Terisu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua

Sepanjang 10 bulan pertama selepas Pilihan Raya Umum yang ke-14 pada 09 Mei 2018, Kerajaan Negeri Pahang telah melaksanakan lapan inisiatif untuk meningkatkan pendapatan, memaju dan memakmurkan negeri Pahang. Tahniah kepada YAB Menteri Besar Pahang diatas inisiatif yang sangat baik ini. Maju terus Pahang. Daripada lapan inisiatif ini, izinkan saya menyentuh sedikit tentang penubuhan *Pahang GO* cetusan dan ilham daripada YAB Menteri Besar yang berkaitan dengan revo… revolusi 4.0.

Pahang Go yang telah ditubuhkan tahun ini bakal menjadi syarikat milik kerajaan yang akan membantu Kerajaan Negeri dengan lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan transformasi digital negeri Pahang merangkumi kutipan hasil, parkir, lesen-lesen, bayaran aktiviti dan bayaran balik pinjaman pelajaran. Elemen penting yang perlu diambil kira dalam revolusi ini ialah melalui perkembangan teknologi maklumat terkini menunjukkan bahawa masyarakat mahukan keselesaan, kesegeraan sebagai cara hidup dan tindakan kita dipengaruhi oleh teknologi. Maybank contohnya adalah manifestasi pada perlunya kemudahan di… *Maybank2u* adalah contoh perlunya kemudahan digital bagi memudahkan individu melaksanakan keperluan pembayaran mereka tanpa perlu ke bank ataupun ke pejabat kerajaan.

Inilah elemen yang menjadi perlunya transformasi digital dibuat dalam urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri di semua peringkat. Saya dengan ini mencadangkan Penubuhan Jawatankuasa Ekonomi Digital peringkat negeri bagi tujuan mengatur cara dan mengawal selia pelan dan pelaksanaan transformasi digital di negeri ini. *'Pahang Go'* selaku agen pelaksana bakal… bakal menyediakan alternatif bagi rakyat Pahang khususnya dalam menyelesaikan keperluan pembayaran permohonan dan pencarian

maklumat mereka menggunakan teknologi pintar. Secara tidak langsung transformasi digital dilihat bakal mengurangkan kos pengurusan kerajaan dan membantu meningkatkan hasil apabila proses pembayaran dan kutipan ini dipermudahkan secara dalam talian.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sikit je lagi. Teknologi hijau yang juga dikenali sebagai teknologi bersih merupakan penerapan sains dan teknologi, alam sekitar untuk mem… pembangunan dan aplikasi produk, peralatan dan sistem untuk memelihara sumber alam dan persekitaran serta mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti manusia. Selain itu, teknologi hijau juga dapat disediakan sebagai model sosio ekonomi alternatif yang dapat dimanfaatkan sebagai sumber hasil baru kepada Kerajaan Negeri.

Negeri Pahang menyambut baik 4 tonggak dasar teknologi hijau negara yang boleh diterima pakai dan dilaksanakan melibatkan 4 tonggak utama. Yang pertamanya sektor tenaga, mencari ketidakbergantungan tenaga sedia ada dan mempromosi kecekapan tenaga. Kedua sektor alam sekitar, memelihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar. Ketiga sektor ekonomi, meningkatkan pembangunan ekonomi negeri melalui penggunaan teknologi. Keempat sektor sosial, meningkatkan kualiti hidup untuk semua.

Berdasarkan kepada 4 tonggak tersebut, negeri Pahang boleh membangunkan projek-projek atau inisiatif-inisiatif yang berteraskan kepada teknologi mesra alam yang bakal mampu untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber hasil negeri yang sedia ada seperti kelapa sawit, pembalakan dan juga perlombongan. Antara sektor-sektor utama teknologi hijau yang boleh terokai oleh negeri Pahang adalah seperti sektor bekalan, penggunaan tenaga, teknologi pembuatan, pembinaan serta pengurusan sisa buangan dan hidrasi.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri membuka peluang kepada pelabur-pelabur bagi membina projek tenaga yang mesra alam di negeri ini. *Renewable energy* atau tenaga yang boleh diperbaharui secara keseluruhannya pelaksanaan teknologi hijau negeri Pahang secara menyeluruh dilihat bakal meningkatkan sumber ekonomi negeri mampu meningkatkan peluang pekerjaan, tenaga mahir dan tidak mahir dan sekaligus menarik pelabur tempatan dan luar negara untuk terlibat secara langsung memajukan sektor ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan ADUN yang telah mengemukakan soalan-soalan kepada saya demi untuk kebaikan Kerajaan Negeri Pahang terutamanya ADUN Sungai Lembing, ADUN Tanah Rata, ADUN Pulau Manis, ADUN Cheka, ADUN Kemayan dan juga ADUN Beserah dengan segala cadangan-cadangan dan segala perancangan-perancangan yang telah dan akan dilaksanakan nanti sudah tentu akan memaju dan memakmurkan lagi negeri Pahang insya-Allah. Sesuai dengan Titah Pemangku Raja Pahang di Persidangan Dewan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Keempat Belas. Dengan ini saya mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, silakan.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk turut sama bagi sesi ucapan penggulungan Wakil Kerajaan dalam Titah Diraja sempena Pembukaan Dewan Undangan Negeri Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

Saya turut sama merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli berangkat bagi menyempurnakan Titah Diraja sempena pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua,

Prasarana luar bandar yang berkualiti dan mencukupi adalah amat penting bagi menyokong pembangunan ekonomi dan keusahawanan luar bandar. Ianya dapat mewujudkan persekitaran kehidupan yang menarik dan kondusif sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak meminggirkan golongan luar bandar. Oleh yang demikian untuk tahun 2019 Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah dan masih dalam pelaksanaan sebanyak 40 buah projek infrastruktur kawasan luar bandar di seluruh negeri Pahang.

Semua ini merangkumi pelbagai jenis projek seperti Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), membina serta menaik taraf jaringan jalan raya, jalan perhubungan desa, pembinaan jambatan, pembaikan cerun, pembinaan ruang niaga, Program Ameniti Sosial (PAMS), bantuan baik pulih rumah, projek pemaju kawasan, pembinaan pusat pendidikan dan juga kerja-kerja pemeliharaan bangunan. Kos keseluruhan yang diperuntukkan untuk pelaksanaan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 bagi projek-projek disebutkan tadi adalah berjumlah RM2,124,149,490. Manakala siling tahunan yang dianjurkan… yang diunjurkan untuk tahun semasa 2019 berjumlah RM208,000,172,26.

Selain daripada penyediaan prasarana untuk penduduk luar bandar, Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa menjalankan program-program pembangunan ekonomi dan pembangunan masyarakat. Antara program-program tersebut yang masih sedang… yang masih sedang dan akan dijalankan ialah seperti Anugerah Desa Lestari, Anugerah Desa Perdana, Anugerah Desa Harapan. Ha… ini mungkin program barulah Anugerah Desa Harapan, Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi, kampung ataupun prospek dan sebagainya. Ini bertepatan dengan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semasa merasmikan pembukaan Sidang Dewan agar kerajaan dapat meneliti keperluan pembangunan infrastruktur mengikut keutamaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Agihan peruntukan pembangunan haruslah dilaksanakan dengan adil dan saksama tanpa mengenepikan rakyat yang berada di luar bandar. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang turut berpantun

dalam titah ucapan. Mungkin siapa yang tak baca tu saya boleh baca agak-agak pantun tu.

Lalu di Gambang berhenti rehat,
Jangan memandu mata terlelap,
Kalau menimbang samalah berat,
Kalau mengukur samalah tepat.

Pantun Pemangku Raja.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjenamaan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) telah dilaksana dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018. Sejajar dengan keputusan ini, Kerajaan Negeri Pahang telah menje… menjenama semula kesemua 542 buah JKKK di seluruh negeri Pahang kepada MPKK. Pada 27 hingga 28 Mac 2019, pihak infra KPLB dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah mengadakan kursus induksi kepada ahli-ahli MPKK negeri Pahang bertempat di Bukit Gambang Resort City dan seramai 566 orang pengerusi serta setiausaha dari 542 MPKK yang baru lantik telah menghadiri diri ke kursus induksi ini.

Lanjutan daripada kursus induksi ini pihak Infra KPLB membuka peluang pada mana-mana pengerusi ataupun setiausaha MPKK dari negeri Pahang untuk mendaftarkan diri mengikuti Program Diploma Pengurusan Luar Bandar anjuran Infra UNIKL. Bagi negeri Pahang, pihak Infra telah memaklumkan bahawa kuota yang diperuntukkan adalah sebanyak 300 orang dan akan dicadangkan kepada 22 se… sehingga 26 April 2019. Maknanya lebih kurang minggu depanlah agak. Kebawah Duli Pemangku Raja Pahang er… turut bertitah dua kali didalam Titah ucapan tu yang menekankan kepimpinan yang berintegriti serta tadbir urus yang baik.

Jadi selaras dengan program-program yang dianjurkan ianya sedikit sebanyak akan memberi pendedahan ilmu pengetahuan kepada ahli-ahli MPKK dan juga termasuklah pengurusan ini kewangan. Dan dengan ini kita harapkan ianya dapat digunakan oleh ahli-ahli MPKK bagi menjayakan semua perancangan-perancangan dan pembangunan yang dicadangkan. Ianya juga telah mewujudkan satu kerjasama yang baik di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Maksudnya dalam program kursus ini kita lihat er… Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak ada masalah dengan kita mengadakan kursus dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini jugalah di antara saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja supaya kita dapat bekerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan pihak berkuasa melantik yang dipanggil PBM bagi MPKK khususnya bagi negeri Pahang.

Merujuk kepada buku tatacara pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), dalam jadual satu muka surat lima. Pihak berkuasa melantik untuk jawatan pengerusi MPKK adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Manakala pihak berkuasa melantik untuk jawatan setiausaha dan ahli jawatankuasa MPKK ialah pegawai daerah masing-masing.

Merujuk juga kepada buku tatacara pengurusan tersebut, sebelas ahli sesebuah MPKK akan diurus dan dilantik di peringkat Kerajaan Negeri. Manakala lima ahli

tambahan untuk sesebuah MPKK pihak Kerajaan Negeri hanya bertindak sebagai penyelaras dan melantik di mana senarai nama akan diterima daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pihak negeri akan melantik merujuk kepada senarai tersebut. Ini adalah ini… pekeliling. Tetapi sehingga setakat ini, bagi pelantikan lima ahli tambahan itu saya dimaklumkan masih belum ada kepada MPKK ini. Jadi walaubagaimanapun kita MPKK diperingkat kampung-kampung terus melaksanakan tanggungjawab ataupun mesyuarat diperingkat ini… kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas keprihatinan terhadap masyarakat Orang Asli ataupun pembangunan Orang Asli kerana pada peringkat awal melantik seorang pegawai khas, memastikan supaya segala masalah Orang Asli ini dapat sampai kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kedua baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluluskan sebuah… bukan sebuah ya, satu badan Unit Hal Ehwal Orang Asli di negeri Pahang ini.

Jadi inilah keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap ini masyarakat Orang Asli. Dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Dato' Mohd Olian bin Abdullah yang telah dilantik sebagai ketua unit. Kita cakap kira pengarahlah, ketua unit ini kecil sikit. Pengarah Unit Hal Ehwal Orang Asli, Unit Hal Ehwal Orang Asli di Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkuatkuasa 1 April 2019. Unit ini akan menumpukan kepada isu-isu dan kebajikan hal ehwal Orang Asli di negeri Pahang.

Kerajaan Negeri turut memberi perhatian serius terhadap kebajikan dan pembangunan Orang Asli di negeri Pahang melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) negeri Pahang yang merupakan agensi pembangunan yang khusus bagi masyarakat Orang Asli negeri Pahang. Terlibat secara langsung dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan Orang Asli secara menyeluruh.

JAKOA negeri Pahang mebangunkan aspek-aspek kehidupan Orang Asli dengan melaksanakan program-program pembangunan asas, meningkatkan intelek dan pendidikan dan pengupayaan ekonomi kepada semua lapisan masyarakat. Untuk tahun 2019, Kerajaan juga telah memperuntuk…memperuntukkan sejumlah peruntukan pembangunan infra sosial masyarakat Orang Asli negeri Pahang.

Peruntukan ini merangkumi program Pembinaan Rumah Baru PBR dan juga program baik pulih rumah. Peruntukan yang disalurkan ini bertujuan untuk memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan jauh dan dapat bersama menikmati arus pembangunan. Unit Pembangunan Sosial Ekonomi JAKOA negeri Pahang bertanggungjawab dalam mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli melalui program-program pengupayaan ekonomi dan keusahawanan.

Peruntukan terbesar bagi Unit Pembangunan Sosial Ekonomi adalah untuk program pem… pembangunan ekonomi (PPE). Program dan projek telah dilaksanakan dibawah Peruntukan Pembangunan Ekonomi meliputi program ladang masyarakat dan program usahawan yang melibatkan peniaga secara komersial bertujuan untuk mengembangkan ekonomi masyarakat Orang Asli.

Di samping itu, sejumlah dana yang diperuntukkan kepada program peningkatan pendapatan (PPP) melalui program ini peruntukan disalurkan kepada golongan miskin tegar Orang Asli dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan ekonomi mereka. Antara bantuan yang telah disalurkan termasuk bantuan bot, bantuan peralatan kedai dan bantuan penternakan ayam kampung serta lembu.

Saya pun… pagi tadi pun terkejut juga mendapat panggilan daripada salah seorang pengusaha daripada Orang Asli, nak meminjam sebanyak RM200 ribu tapi bukanlah nak meminjam dengan saya. Dia nak kira dia nak meminjam dengan bank RM200 ribu. Jadi ini menunjukkan ada di antara usahawan-usahawan Orang Asli yang boleh berani meniaga. Dimana beliau sendiri mendapat kontrak selama lima tahun untuk mengangkut ini pelajar-pelajar dari kampung-kampung ke sekolah. Ini tak termasuk pelajar di kaum Orang Batek tadi Kaum Batek belum lagi. Karang kita cerita hal kaum Orang Batek.

Begitu juga sebenarnya apabila musim-musim tertentu khususnya musim ini… buah-buahan ini benar. Ini cerita betul di Kampung Satak Hulu Sungai, mana masyarakat Orang Asli ini begitu bahagia. Yang mana malam-malam ini suami pun naik sesak dah kerana isterinya akan ber… berpakaian wangi-wangianlah kerana pada malam itu, dia tidur dengan suaminya berpeluk-pelukan. Bila ini dia... berpelukan ini bila malam je … maknanya hampir biasa tapi ini luar biasa. Luar biasa ini kerana apa keadaan ekonomi masyarakat Orang Asli itu pada musim tertentu ini dia meningkat.

Ada di antara keluarga Orang Asli ini yang mendapat pendapatan er… contohnya buah durianlah Rm10 ribu, Rm20 ribu. Yang ada dapat RM50 ribu, RM60 ribu. Jadi isteri-isteri ini risau juga apabila suami dapat RM50, RM60 ribu. Ini isteri Orang Asli, isteri Orang Melayu tak tahulah. Bila suaminya dapat RM50 ribu, RM60 ribu dia bimbang juga takut dia mencari orang lain.Jadi sebab itulah dia pada musim tertentu ini, dia akan pakai wangi-wangi dan malam-malam berpeluk tidur dengan si suami-suami ini. Jadi ini menggambarkan keadaan kedudukan ekonomi ini… masyarakat Orang Asli pada satu ketika ianya boleh dikembangkan.

Dan saya sendiri pun pernah berjumpa dengan salah seorang pengusaha pertanian Orang Asli yang mana mengusahakan durian Musang King membuat *piping* di kebunnya. Sebanyak RM200 ribu dia boleh bayar *cash* saja. Jadi walaupun kita nampak ianya tidak menyerlah tetapi ada diantara masyarakat Orang Asli ini dari segi ekonomi ini banyak yang telah berjaya mencapai pendapatan yang boleh kita banggakan.

Jadi inilah di antara program-program kita yang kadang-kadang pihak kerajaan ataupun jabatan menganjurkan kursus-kursus untuk meningkatkan ini sumber pendapatan. Kerajaan Negeri dan JAKOA akan terus membantu pelajar Orang Asli dengan program pembangunan ini… pendidikan yang telah dirangka oleh Kementerian dan JAKOA.

Bantuan seperti kemudahan peng… pengangkutan, wang saku er…wang saku pelajar dan bantuan makanan ke sekolah akan diteruskan. Sejumlah peruntukan juga turut disediakan dan akan disalurkan bagi tahun 2019. Untuk pembangunan modal insan dan kebajikan disalurkan demi memastikan pelancaran pengurusan dan bantuan kepada masyarakat orang Asli supaya mendapat pendidikan yang sempurna. Inilah sedikit sebanyak di bawah portfolio saya KPLB dan juga orang Asli. Dan sebelum saya er... menutup ucapan saya...

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Mencelah sikit Dato'.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

saya er... saya...

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya tadi sebut, saya ada dengar tadi dah *hint* dah pasal orang Batek ni. Dan saya 2 kali dah sentuhkan masalah pembangunan pada orang Batek. Sebab Suku Batek ni, suku yang paling mundur, yang dok cerita yang hebat, hok yang banyak duit, projek apa usahawannya dan sebagainya itu mungkin suku lain. Tetapi Suku Batek ni memang memang er... perlu dan berikan perhatian khusus. Itu yang saya nak dapatkan. Tadi dah *hint* dah, tak cerita pula.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Padang Tengku. Saya nak terus kepada pertanyaan-pertanyaan yang dibawa oleh Ahli-ahli Dewan khususnya Padang Tengku mengenai pendidikan masyarakat orang Asli Suku Batek. Saya telah mendapat ha ni... jawapan daripada JAKOA yang berbunyi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam isu keciciran murid khususnya dalam melibatkan murid ahli Suku Batek di kawasan DUN Padang Tengku.

Untuk makluman Yang Berhormat dari tahun 2017, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah pun membuat tinjauan ke Kampung Sungai Garam dan Kampung Bencah, Kelui untuk membawa anak-anak kaum Batek ke sekolah. Dan pada tahun 2018 Pejabat Pendidikan Daerah Lipis dan Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan, Lipis sekali lagi telah membuat Program Sifar Cicir Kaum Batek tetapi tidak mendapat kerjasama daripada masyarakat Asli Batek di sana.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan Malaysia juga bersama Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut telah melaksanakan Program *Chup Badui Sikulah*... *Sikulah*. Ini saya tak pasti Semai ke, er... ni Batek ke, Cik Wong ker sebab saya baru nak belajar bahasa-bahasa Orang Asli ni. Kalau Semai tu saya reti sikit. *Chup Badui Sikulah* di Sekolah Kuala Tahan, Jerantut. Khasnya untuk orang Asli Batek di kawasan Kuala Tahan. Ianya mendapat kerjasama yang baik dari masyarakat di sana dan pada tahun ini seramai 43 orang murid yang berumur 7 hingga 12 tahun er... telah mengikuti program tersebut. Pada tahun ini juga Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan Program Kedap Khas untuk ibu bapa masyarakat orang Asli seramai 57 orang. Dan selain itu JAKOA Pahang telah menerima peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri berjumlah...(tidak jelas) juta.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Dato' Sri Pengerusi, Dato' Sri Pengerusi,

Saya hendak mencelah sedikit. Yang Berhormat Luar Bandar ni. Kaum Batek ni banyak berada di kawasan Jerantut. Di kawasan Taman Negara, Lubuk Yu, di kawasan Dedari, di kawasan Kuala Atok. Dan kaum Batek ni untuk pengetahuan Yang

Berhormat Padang Tengku selalu berpindah-randah. Satu kaum Batek berada di kawasan DUN Tahan, di Kuala Atok mempunyai 2... 30 keluarga. Oleh kerana kematian mengejut baru-baru ni 5, 6 orang di kampung tersebut, maka mereka mengatakan bahawa kampung tu suil. Maka mereka berpindah-randah. Jadi susah nak bagi pembangunan kepada mereka kerana berpindah-randah. Satu lagi budaya kaum Batek ni, dia tak boleh bergaul dengan orang-orang lain. Dia duduk dalam hutan, saya selalu masuk hutan berjumpa kaum Batek terutamanya golongan perempuan ni, dia tak pakai coli. Seluar pakai, coli... coli tak pakai.

Jadi susah kita nak memajukan kaum Batek. Seperti di Kuala Atok, mereka berpindah-pindah randah dan sekarang di Kuala Atok Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan beratus-ratus ribu rumah kaum Batek. Dan saya sendiri sebelum menjadi Wakil Rakyat dulu, pernah bagi 2 enjin bot, 2 perahu, mereka ini sentiasa berpindah. Dan ditinggalkan kampung itu berpindah dibelah hilir di Kuala Lipis. Kalau tak percaya tanya ADUN Tahan. Ha, ni lah kaum Batek untuk pengetahuan semua Ahli Dewan. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Pulau Tawar yang memberi pandangan dalam isu pendidikan ini. Saya hendak mengabiskan sikit. Selain daripada itu, JAKOA Pahang telah menerima peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM3.8 juta bagi pendidikan orang Asli negeri Pahang untuk tempoh 6 bulan pertama 2019. Sebenarnya memang di antara masalah utama pendidikan orang Asli ialah kehadiran sekolah. Saya pun ada satu sekolah di Sekolah Satak, macam-macam benda er… saya buat hingga ke alat muzik saya beli, meja snooker saya beli. Sebab di antara kegemaran masyarakat orang Asli ini dia ada 3. Pertama tu makan, sukan, hiburan. Ha jadi ketiga-tiga tu kita sedia pun tak emboh juga lagi. Dan baru-baru ni pun saya merasmikan sekolah, ni PIBG, sekolah, SK… Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Bentong.

Di antara sekolah orang Asli yang ada di Bentong. Ini juga di antara masalah guru. Sehinggakan di majlis tersebut, apabila mereka memintak peruntukan saya lulus, tapi lulus pun bersyarat. Syarat dia, saya tanya guru besar dari segi kehadiran di cakap kehadirannya boleh tahanlah dulu 60… 70% sekarang sampai 90%. Jadi di antara KPI dia untuk tahun 2019 ialah 91%. Jadi saya tawarkan dalam Mesyuarat PIBG tu sekiranya ibu bapa dan anak-anak ni boleh mencapai kehadiran sekolahnya hingga 91%, saya luluslah peruntukan yang dimohonnya sebanyak RM5,000 itu tadi. Ha, nilah caranya, maknanya kita tidak boleh maksudnya mengharapkkan satu pihak sahaja. Sekolah, ibu bapa, guru dan juga macam YB Padang Tengku pun ingat boleh tolong jugak sebab dia rajin masuk hutan ni. Sama ada nak tengok kaum Batek ke ataupun nak menengok hok yang tak pakai baju tadi. Jemu-jemu dia pergi menengok benda tu. Jadi kita harap YB.-YB. prihatin supaya sama-sama untuk kita mempastikan kehadiran anak-anak orang asli ni…

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' YDP,

Saya sebenarnya begini. Saya faham dan saya tahu tentang program-program yang telah dilaksanakan di kawasan suku Batek yang ada di Padang Tengku. Dan saya terima kasih kepada Yayasan Pahang dan Jabatan Pelajaran. Tetapi saya kira usaha bersepadu perlu dilakukan secara lebih efektif dan drastik kerana sebenarnya peruntukan itu ada tapi tidak dapat digunakan dengan baik. Justeru itu, kita juga perlu membuat pendekatan selain daripada sebab dia orang ni er… ditempat saya dah tak

ada yang… yang tak berbaju ni. Mereka sebenarnya dah moden sangat dah nampak, rambut merah sampai sorang tu, saya… kita panggil Sumareh, sebab dia suka main bola, pakai rambutnya berwarna warni. Dan dia suka benda-benda yang macam tu. Yang pompuannya dia suka ber*make-up* er… kita pernah dengan infra… empower… empower, empower buat program er… pakai apa… pakai gelang dan sebagainya. Itu cara pendekatan yang perlu kita buat.

Justeru itu saya nak minta Kerajaan Negeri supaya peka dan mesti, jangan kita biarkan er… seolah Jabatan pendidikan buat sendiri, KEMAS kena masuk dan kena ambil serius perkara ini. Dan saya percaya mereka ni boleh maju sebab bila kita buat program-program. Sekarang dia dah mintak saya adakan liga Sukan Orang Asli kaum-kaum Batek sahaja. Dia minta. Jadi kita campur dengan orang-orang Melayu yang ada di sebelah. Dan mereka yang mewakili apa nama ni mewakili pasukan-pasukan kampung berdekatan untuk pertandingan takraw dan bola sepak dan sebagainya. Dan saya ingat ini perlu diberikan penekanan.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Ya, terima kasihlah atas pandangan dan kerjasama samalah, saya pun tak… tak mendalami lagilah kaum Batek ni. Melalui kawasan saya tu kaum Semai. Kaum Semai ni dia dia punya apa kekuasannya dalam keluarga tu, dia banyak kepada orang perempuan. Ha, dia kaum Semai. Maknanya kalau kita nak mengajok, kita kena tak *tackle* dulu ibu-ibu dia dulu. Kalau kita *tackle* bapaknya… ha…Semelai.

Jadi kaum Batek ni insya-Allah kita sama-samalah tetapi memang tidak dinafikan inilah di antara masalah pendidikan masyarakat orang Asli ialah kehadiran sekolah. Jadi yang saya nampak kita di peringkat jabatan telah menyediakan semua bendalah. Saya tu termasuk meja snooker pun ada, alat muzik kugiran ada. Apa benda lagi hendaknya semua ada. Tinggal lagi kita hendak bersamalah menjiwai bersama-sama mungkin dapat kita mengajak dia ke sekolah.

Yang keduanya, pertanyaan daripada Padang Tengku juga mengenai air tu tadi. Saya minta maaflah kerana sebenarnya saya selalu pergi ke Kecau, Pagar Sasak ni, Aur Gading tu. Tempat sedara saya tu. Dan kebetulan selepas pada penggal Dewan yang lepas saya pergi berikan di Sungai Kecau tu, naik ke Taman Negara. Memanglah saya bawa kereta 4 x 4 saya tu, saya membasuh kereta saya tu air dia molek. Jadi saya senyap lah sebab air dia laju betul.. kuat betul. Saya menumpang kereta ada satu er… kedai getah tu dia hulur paip tu, bagi saya er… jirus kereta tu er… kuat betul paip ni nya. Maknanya ingatkan selesailah masalahnya. Tapi rupa-rupanya tak sele… tak selesai lagi.

Jadi kita… kita sama-samalah… tapi kadang-kadang saya teringat juga masa kecil-kecil dulu kan kita di kampung ni kadang banyak ngat penyakit, berubat, berjampi me tak kebah juga. Tapi kadang-kadang ada setengah orang tu dia tukar nama. Tapi ini mungkin pasal Dada Kering kan. Air takde, dada kering. Agaknya kita cadang tukar ke dada lain. Dada manis ke, dada ape ke eh. Dada kering, itu sebab tak berair tu. Kalau ikut orang dulu-dulu. Itu terpulanglah kepada ahli Padang Tengku kan. Walau bagaimanapun, kita berbincang dengan ini Pengerusi Infrastruktur untuk sama-samalah supaya mempastikan ini… masalah air.

Yang keduanya ialah pertanyaan daripada ini Tanah Rata er... Saya tidak ni apa perasan apa yang dimaksudkan oleh cs… CSR untuk nak memasuk api di kawasan orang asli Kerajaan Negeri tu. Jadi haritu saya dengar hujung-hujung saja. Tapi kalau boleh maklum saya untuk saya jawab.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Er… CSR… terima kasih penjelasan daripa… daripada pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. CSR yang dimaksudkan itu adalah tanggungjawab sosial er… ini ialah satu projek, sebab saya difahamkan oleh pihak TNB er… Tenaga Nasional Berhad ini adalah satu kerjasama antara TNB dengan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan untuk menawarkan projek bekalan elektrik kepada perkampungan orang asli itu. Ada 7 kampung orang asli di seluruh Pahang yang akan dijalankan oleh TNB iaitu pertama, membina tiang elektrik, yang kedua membina er… itu… kabel elektrik di bawah tanah dan juga yang ketiga membina pencawang elektrik.

Ketiga-tiga projek ini melibatkan penggunaan tanah Kerajaan Negeri dan iaitu… dan lepastu kerajaan negeri er… mencaskan nak… nak ambil satu kos guna tanah er… daripada TNB iaitu tiada dalam rancangan awalnya. Oleh itu, kos itu melibatkan er… sejumlah RM250 ribu dan TNB berasanya sebab ini bukannya projek untuk keuntungan. Bukannya untuk er… mencari kentung… keuntungan untuk TNB dan TNB juga tidak… tidak dapat menjana pendapatan daripada er… projek seterusnya sebab ini ialah bekalan elektrik kepada perkampungan orang asli memang tiada pendapatan yang berlebihan daripada projek ini. Oleh itu TNB memohon Kerajaan Negeri supaya memberi pengecualian daripada kos ambil tanah itu. Itu saja. Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Tanah Rata. Er… saya ingat Tanah Rata kena tanya ataupun tulis surat lah kepada ini… kita Kerajaan Negeri dan setakat ini sebenarnya kita tidak ada cas walaupun tiang-tiang yang lalu di tepi-tepi jalan yang ada sekarang ini, kita tidak ada… tidak ada cas tu. Yang ada cas sebenarnya TNB sendiri. Maksudnya ni *transformer* tu…. Saya baru lagi menyelesaikan satu isu di Kampung Belar dekat Tersang, Felda Tersang. Kawasan lebih kurang 1 kilometer sahaja yang tak ada api. Pada peringkat awalnya dari kiraan TNB sebenarnya ia memerlukan *transformer* untuk nak meng*supply* kepada 40 buah rumah. Tetapi setelah saya bincang untuk nak mengelak daripada *transformer* yang bernilai lebih daripada RM100,000 tadi, dia boleh benarkan kepada 40 biji ni tanpa menggunakan *transformer* dengan syarat hanya dibekalkan 1 *phase* saja. Kalau 3 *phase*, *you* kena pakai *transformer*.

Jadi maksud saya Tanah Rata kena tanya balik semula. Kalau dia nak pengurangan daripada harga cas itu, setakat ini kita ialah kerajaan juga lah, sama ada Kerajaan Negeri atau pusat Persekutuan di bawah bajet itu… lah itu biasa itu buat. Tapi kalau cas kepada tanah-tanah lah, yang korek tepi-tepi jalan yang dia buat transformer tu selalunya kita… kita tak cas. Setakat yang saya tahu lah. [Tak jelas] Kita tak cas. Saya pun tak tahu lah. Setakat yang saya tahu harini tak cas. Jadi kita mohon lah Tanah Rata untuk menulis surat. Kalau betul kena cas, kita akan cuba selesaikan ini di peringkat negeri.

Yang seterusnya ialah beberapa pertanyaan daripada Muadzam, Pancing, Tahan dan sebagainya saya rasa perkara ini eloklah ni kita akan buat jawapan bertulis lah kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan. Jadi sekali lagi lah saya sebelum mengakhiri mengucap berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang turut sama memberi… membuat pertanyaan dan memberi cadangan tentang portfolio saya dan kita haraplah kita dapat bersama-sama untuk nak mempastikan supaya perancangan dan pembangunan khususnya di luar bandar ini dapat di dilaksanakan. Dan dengan ini juga saya menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di sidang Dewan ini. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang. Sila.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

[Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan pada petang ini untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan sidang Dewan Yang Mulia ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah, DK., SSAP. kerana berkenan mencemar duli menyempurnakan titah diraja sempena Persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang ini yang pertama, penggal kelima, kali yang ketiga belas.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat, pembangunan ekonomi di negeri Pahang semakin baik semakin meningkat dengan terlaksananya pelbagai projek-projek pembangunan dan juga idea-idea yang boleh memastikan negeri Pahang sentiasa maju kehadapan dengan *tagline*nya 'Maju Terus Pahang'. Sesungguhnya Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat adalah seorang pemimpin yang amat komited dan berjiwa rakyat yang sentiasa mendengar segala permasalahan yang dialami oleh rakyat di negeri Pahang ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dato' Sri Yang Di-Pertua kerana memberi peluang pada petang ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Izinkan saya meneruskan portfolio saya, Sumber Manusia Belia Dan Sukan Serta Badan-badan Bukan Kerajaan. Golongan belia akan terus diperkasakan dengan pelbagai aktiviti dan program yang dapat membentuk jati diri mereka berteraskan kepimpinan dan nilai-nilai murni serta seimbang dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah, fizikal dan mental. Mereka akan dibentuk dengan acuan yang berteraskan pelbagai kemahiran pengetahuan dengan menampilkan semangat patriotisme tinggi bagi menghadapi cabaran globalisasi sebagai penyumbang utama pembangunan sosial dan ekonomi negara. Berkualiti bagi memperkukuhkan intergrasi nasional dan identiti bangsa Malaysia. Antara program di bawah Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Pahang untuk pembangunan belia dan Rakan Muda adalah Sambutan Hari Belia yang akan diadakan pada 19 haribulan ini, 2019.

Program ini adalah merupakan satu pengiktirafan tertinggi setiap tahun terhadap sumbangan golongan muda kepada kerajaan dan negara. Sambutan program ini akan memberi impak yang positif dan mencapai objektif nya iaitu mendekati golongan belia melalui aktiviti santai dan memenuhi kehendak belia masa kini. Kos yang terlibat untuk program ini adalah sebanyak RM30 ribu yang melibatkan penglibatan seramai 2000 hingga 5000 orang peserta. Majlis perundingan belia peringkat daerah dan negeri Pahang 2019 merupakan satu platform untuk pertumbuhan… pertumbuhan belia negeri Pahang untuk mengenengahkan isu-isu pembangunan belia setempat untuk dipanjangkan kepada pihak kerajaan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Kos yang terlibat dalam program ini adalah sebanyak RM48 ribu yang melibatkan penyertaan seramai 700 orang peserta.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Selain itu juga Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang juga melaksanakan program untuk menjana ekonomi belia. Di antara program yang terlibat adalah *Youth Business Explore* 2019 dan *Youth Carrier* 2019. Program *Youth Business* 2019 akan menyediakan platform jaringan perniagaan yang efektif dalam kalangan usahawan belia dan saya mengharapkan apa yang saya bacakan teks ini, sedikit sebanyak ada kaitan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan ADUN ya… yang mana mungkin saya tidak menjawab di akhir penggulungan nanti.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya cuba ringkaskan seringkas boleh untuk beri ruang kepada rakan-rakan saya…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Yang di-Pertua,

Saya nak sentuh tentang memperkasakan belia. Tadi sebenarnya saya nak bangun kepada soalan pagi tadi Pulau Manis, tentang sumbangan dan bantuan itu. Sebenarnya program, sumbangan, bantuan memang banyak disediakan oleh pihak kerajaan, tapi masalahnya sekarang ialah kelesuhan pertubuhan belia dan orang… belia-belia tu sendiri yang menyebabkan sumbangan program tak… tak sampai kepada sasaran. Saya nak beri contoh yang paling jelas, pada ketika Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lalu, datang ke Padang Tengku beri sumbangan kepada 11 pertubuhan belia yang pada pandangan, pilihan er… Jabatan Belia Daerah Lipis itu yang terbaik dan pada 11 itu, 3 je, yang datang er… menerima sumbangan tu, er… yang er… apa dapat menyediakan laporan yang baik, ada apa ni… er… akaun dan sebagainya yang lain tu tak ada.

Maknanya pertubuhan belia tu banyak, tapi inilah yang berlakunya. 3 daripada 11 yang daripada persatuan yang baik yang terbaik. Jadi saya nampak di sini ada kelemahan yang perlu kita baiki, malah ada pertubuhan-pertubuhan belia, bukan belia kampung tapi di peringkat daerah yang er… ahlinya, ketua-ketuanya nak bertanding sampai peringkat er… pertubuhan belia di peringkat kebangsaan tapi pertubuhan belia, Majlis Majlis Belia Daerah dia pun er… sebenarnya pernah di hantar oleh ROY untuk di di dibatalkan dan hidup atas apa nama ini, ehsan kuasa menteri je.

Jadi saya kira perlu ada satu langkah *blueprint* untuk benar-benar memperkasakan belia bukan sekadar menyediakan program tetapi kita tak dapat menyediakan orang yang boleh menyambut program itu. Jadi apa yang saya perlukan dan saya ingin dengar ialah tentang apakah langkah-langkah untuk apa nama ini… membangun ataupun membaiki masalah kelesuan er… pertubuhan-pertubuhan yang berasaskan pada belia ini.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Baik Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Padang Tengku membangkitkan perkara ini ya. Kita tidak menafikan perkara tersebut kerana apa yang saya perkatakan di awal er… menjawab pertanyaan rakan-rakan ADUN kadangkala kita memang ada masalah di peringkat er… Majlis Belia Daerah dan juga badan-badan gabungan sebab itu, kita sentiasa er… mewar-warkan dan membawa kepada pengetahuan mereka ini tentang taklimat er… bagaimana menyediakan mesyuarat dan sebagainya. Begitu juga, kekangan peruntukan yang kita sebut ni secara tahunan tapi bulanan, mingguan

itu mereka tak ada. Dan sebab itu kita, er… mencadangkan supaya selain pada kesedaran untuk er… melihat er… keperkasaan majlis-majlis belia ataupun badan-badan gabungan di kalangan kelab-kelab belia ini, kita ingin memastikan supaya kerajaan negeri sentiasa er… membantu dengan er… kewangan yang berpatutan untuk menjadi urusan pentadbiran dan pengurusan mereka pada saban tahun er… setiap majlis negeri mahupun majlis belia daerah dan juga badan-badan gabungan dan kami ambil maklum perkara ini, dan kita mengharap ini sebagai satu cabaran untuk kita bergerak dari satu masa ke semasa. Terima kasih ADUN Padang Tengku.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya teruskan sedikit lagi. Kita juga mengadakan Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri Pahang Tahun 2019. Objektif utama adalah untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu dan organisasi yang telah memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan belia di Malaysia. Bilangan peserta seramai 500 orang dengan peruntukan sebanyak RM 43,000. Kali ini saya membacakan apa program persediaan, saya sebutkan jumlah peruntukan supaya anak-anak muda di sana dengar dan bersemangat untuk meneruskan kesinambungan apa yang mereka lalui pada tahun-tahun yang lalu.

Dan ingin saya sebutkan juga, apabila rakan saya ADUN … Tahan… ADUN Tahan tak silap saya, kalau saya silap tolong betulkan, menyatakan bagaimana er… berlakunya penghinaan pada Raja dan sebagainya, apa yang telah dibangkit juga rakan saya. Kita di peringkat anak muda juga ye… kita nak tunggu dia bersahabat mengiring Tuanku dan sebagainya, mereka ni tak ada masa sangat. Tetapi oleh kerana kita memikirkan masalah mereka ini tidak kesampaian, kita wujudkan satu er Anugerah Belia DiRaja. Kenapa kita wujudkan Anugerah Belia Diraja?

Kerana kita nak beri ruang kepada anak-anak muda yang mencapai tahap kejayaan yang tertinggi, sebagai contoh yang dua tahun yang lalu, Anugerah Belia Diraja yang telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja yang ketika itu, yang kini sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, menjadi satu contoh, kepada anak-anak muda di dalam Negeri Pahang dan saya tengok sendiri, kalau dulu satu ketika dalam Facebook, dalam Whatsapp dan sebagainya, ada yang tersasar anak-anak muda ini, menghina dan sebagainya institusi Raja. Tapi pada hari ini, saya tengok rata-rata yang mengata ke Raja, menghina Raja bukan negeri Pahang, bukan anak-anak muda negeri Pahang, ramainya dari luar.

Satu kes aje baru ini yang… yang apa berlaku di *area* pantai ni, itu bukan belia kita. Memang rakyat negeri Pahang barangkali tapi bukan belia kita. Ha ini saya nak sebutkan. Sebab itu kita tengok MUBARAK mengadakan wacana minda atau wacana Diraja, ada pendekatan untuk mendekatkan anak bangsa kita, baik Cina, baik Melayu, baik India. Begitu juga, Jabatan Belia dengan kerjasama kerajaan negeri mengadakan wacana pemikiran Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja berangkat di… er… grand… di apa ni… di Grand Makmur. Saya ingat lagi, bagaimana penyertaan anak-anak muda berbilang bangsa termasuk orang asli, ya… dan begitu juga yang dilaksanakan oleh MUBARAK di Lipis, saya ingat lagi. Ini adalah antara perkara-perkara ataupun program-program yang kita kaitkan anak muda dengan institusi Diraja. Dan hari ni kita tengok juga, kalau persatuan-persatuan sukan sebagai contoh khususnya di negeri Pahang ini, kebanyakannya, penaung presiden adalah di kalangan er… mereka ataupun Kebawah Duli Tuanku er… Pemangku Raja, anakanda-anakanda dan sebagainya. Dan ini proses ini adalah satu ruang ataupun peluang kepada anak-anak muda bersama mengiring er… keluarga Diraja ini. Dan

saya tengoklah er… apabila dibangkitkan oleh rakan saya tentang penghinaan Raja berperlembagaan parlimen er… demokrasi berparlimen ini, sekiranya anak-anak muda ini kita beri ruang yang cukup kepada mereka untuk mengetahui selok belok Istiadat Diraja dan sebagainya, bagaimana yang kita, Dewan er… Undangan Negeri Pahang, pernah mengadakan bagaimana taklimat Wakil-wakil Rakyat ya… suatu ketika dahulu, saya ingat lagi masa mula-mula jadi ADUN dulu, di Grand Makmur.

Ini satu benda yang baik, bahkan kepada Wakil-wakil Rakyat dalam dewan pun ya… kalau dalam mukadimah kadang tak sebut pun, sebagai contoh, ya. Ini bagi menggambarkan kelestarian kita, sebagai menghormati ya… negeri yang beraja dan sebagainya dan Negeri Pahang Alhamdulillah. Ya, saya tengok perkara ini berjalan dengan baik. Cuma tinggal lagi daripada luar-luar ni, kita nak beri fahamkan, ya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Seterusnya kursus kepimpinan dan organisasi tahap… tahap merupakan program yang bertujuan untuk melatih pemimpin pelapis sekurang-kurangnya berstatus eksekutif didalam organisasi. Saya nak bagitahu juga, pada hari ini, alhamdulillah anak-anak muda kalau tengok dalam Majlis Daerah pun ada, ya… dalam er… GLC-GLC memegang jawatan yang tinggi pun ada. Wakil Rakyat pun ada, satu ketika dan harini pun tengok… ya… sebagai contoh saya satu ketika saya setiausaha Majlis Belia Negeri Pahang. Sahabat saya Exco Negeri Pahang juga sebelah kiri saya ini, juga dulu presiden Majlis Negeri er… Belia Negeri Pahang.

Nak memberitahu bahawa rangkaian anak-anak muda negeri Pahang diberi ruang yang secukupnya, dan alhamdulillah hari ini kita wujudkan tadi saya katakan tadi, belia Diraja, Diraja tu apa, sebab nak bagitahu kepada anak-anak muda kita ini, macam kita ni Wakil Rakyat ataupun pengarah-pengarah jabatan dan sebagainya mereka ini ada ruang, pergi ke istana, pergi ke Majlis Tuanku dan sebagainya mereka ada ruang untuk mengetahui selok belok menghormati Raja dan sebagainya tetapi anak-anak muda ni kalau tidak di beri ruang sebagai mana yang saya perkatakan tadi, mereka tidak tahu ruang dan masa untuk mengambil kira perkara-perkara yang saya bangkitkan ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Seterusnya, saya pergi kepada golongan istimewa juga tidak dilupakan. Saya *skip* sikit teks saya ini nak beri laluan kepada sahabat-sahabat saya. Saya cuba 10 minit tapi mungkin lebih 15 minit. Golongan istimewa juga tidak dilupakan. 3 program utama telah dirancang khas untuk golongan orang kelainan upaya. Antaranya *inspire* ataupun *talent* dengan izin, bertujuan untuk mencari bakat baru dalam bidang sukan. Kita tahu pada hari ini Yang Berhormat Dato' di-Pertua, golongan OKU ini yang pergi ke Olimpik satu ketika dahulu, sampai dapat anugerah RM1.0 juta kerana berjaya dan cemerlang dalam bidang sukan. Jadi kita di negeri Pahang juga, baru-baru ini semasa pelancaran sukan SUKMA dan sebagainya kita juga menyantuni mereka yang kurang upaya atau Paralimpik ini.

Keseluruhan peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk program-program sukan bagi suku tahun pertama adalah sebanyak RM226,350 manakala untuk program belia dan Rakan Muda adalah sebanyak RM301,250. Di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Rancangan Malaysia yang ke-11 memperlihatkan banyak perancangan yang bakal direalisasikan dalam pembangunan sukan sama ada daripada segi penaiktarafan, pembinaan baru ataupun binaan semula. Di bawah peruntukan Kementerian Belia dan Sukan, projek yang bakal dilaksanakan adalah membina baru Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang, menaik taraf Kompleks

Rakan Muda Bera, Kompleks Rakan Muda Raub, Kompleks Rakan Muda Maran dan Kompleks Pembangunan Belia dan Sukan daerah Jerantut. Jerantut pun ada dia sebut. Anggaran peruntukan untuk keseluruhan projek pembangunan Kementerian Belia dan Sukan Negeri Pahang adalah sebanyak RM40.5 juta. Untuk pengetahuan Sidang Dewan. Ini tolak yang RM40 juta litar lumba. Kalau tidak dia RM80 juta lebih.

Saya ingin memaklumkan juga kepada YB Ketari ataupun ADUN Ketari, setakat ini memang kita mempertahankan dan Kerajaan Negeri telah bersetuju secara dasarnya pembangunan ataupun naik taraf di Tepian Gelanggang itu masih kekal di situ. Yang mana kita dapat peruntukan hampir RM30 juta. Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri juga ada bersama dalam perbincangan bersama Timbalan Ketua Setiausaha KBS di SUK satu ketika dulu. Jadi saya mengucapkan syabas dan tahniahlah kepada daerah-daerah yang mendapat peruntukan pembangunan ini dan kita harap projek ini dapat berjalan dengan baik dan lancar demi pembangunan belia dan sukan negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya pergi sedikit beralih ke Majlis Sukan Pahang. Untuk makluman Sidang Dewan, MSP memberi fokus utama dalam ataupun kepada penglibatan atlet-atlet remaja yang berumur 6 hingga 21 tahun di bawah pembangunan sukan di peringkat negeri. Pertamanya berkaitan dengan sukan berprestasi tinggi dan sebanyak 30 sukan dikategori sebagai sukan-sukan berprestasi tinggi menjadi fokus bagi menghadapi Sukan Malaysia ke-20 pada tahun 2020 di negeri Johor Darul Takzim. Saya nak ringkaskan lagi ini. Dan dalam hal ini, Majlis Sukan Pahang telah mengaturkan beberapa strategi seperti mengenal pasti atlet-atlet negeri Pahang yang berada di Sekolah-sekolah Sukan Malaysia termasuklah di er... Sekolah Sukan Temerloh, ya.

Dan kita tahu bahawa seluruh Sekolah Sukan Temerloh ini antara sekolah yang melahirkan atlet-atlet yang hebat, yang menjadi kebanggaan kita mewakili negeri sehinggalah ke peringkat Kebangsaan dan er...Antarabangsa. Program pembangunan atlet yang dijalankan di semua sekolah sukan ini sememangnya diakui sangat teratur dan sistematik. Sekolah-sekolah juga er... kita biayai di kalangan anak-anak yang bergiat dalam sukan dan bukan sahaja Sekolah Sukan Temerloh tetapi kita ada juga anak-anak Pahang yang belajar di luar negeri Pahang di sekolah-sekolah sukan seperti Sekolah Sukan Malaysia Tunku Mahkota Ismail Bandar Penawar Johor, Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil, Sekolah Sukan Malaysia Sabah dan juga Sekolah Sukan Malaysia Gambang, Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Sukan Pahang sentiasa mengikuti perkembangan dan prestasi atlet-atlet ini dengan mengadakan hubungan baik dengan jurulatih dan pengurusan sekolah berkenaan. Selain merancang untuk mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah ini bagi berinteraksi dengan semua atlet yang terbabit dari semasa ke semasa. Termasuklah untuk makluman sidang, kita... *team* hoki *Thunderbolt* di bawah seliaan TNB juga merupakan *team* yang terbaik yang kita ada, ya. Seterusnya antara faktor ataupun rancangan strategik yang dianjurkan MSP ialah menjalankan kerjasama strategik dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Sekolah Sukan Temerloh yang saya sebutkan tadi. Majlis Sukan Pahang telah mengadakan kerjasama strategik dengan Sekolah Sukan Pahang termasuk yang Temerloh tadi dan program pembangunan sukan hoki yang berpusat di sekolah berkenaan sejak 2012 lagi.

Ini... akademi ini, saya difahamkan adalah idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong semasa Baginda menjadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja lagi. Program ini telah dilihat telah membuahkan hasil dengan kejayaan pasukan ini berjaya meraih pingat perak di SUKMA pada tahun 2018. Hasil dari program ini, 3 orang atlet sukan hoki ya, di sekolah sukan negeri Temerloh untuk makluman ADUN Semantan, telah terpilih mewakili negara ke Kejohanan Olimpik Remaja Dunia 2018 di Buenos Aires, Argentina dan memenangi pingat emas di kejohanan tersebut. Pada tahun yang sama, pencapaian terbaru pada tahun 2019, pasukan hoki lelaki berjaya menjadi naib johan MSSM bawah 18 tahun sementara pasukan hoki wanita pula menjadi johan pada kategori umur yang sama.

Dan yang ketiga antara faktor strategik yang lain menjalankan program *Talent Identification* (TID) iaitu untuk meneruskan aktiviti-aktiviti pembangunan sukan di negeri ini. MSP dengan kerjasama persatuan-persatuan pula ya, dalam negeri Pahang ini telah melaksanakan beberapa program pencarian bakat TID yang saya sebutkan tadi. Sebagai contoh yang terbaru ini kita telah buat jejak kasih ke, jejak mencari bakat di sekolah-sekolah.

Baru-baru ini saya melawat di er... untuk makluman Sidang Dewan, di Dewan Angkat Berat Rompin saya bertemu hampir 30 orang yang sedang menjalani saringan untuk mencari er... atlet-atlet angkat berat. Dari Pulau Tioman sahaja, 11 lelaki dan 9 perempuan, lebih kurang. Daripada daerah er... mukim-mukim yang lain juga ramai. Daripada 63 orang itu, hampir separuh yang hadir, yang lain ada kekangan masa, akan datang tapisan kedua untuk membuat pilihan atlet-atlet baru. Kerana apa, kita semenjak selesai SUKMA di Perak yang lalu, kita akan kehilangan ramai atlet-atlet angkat berat ini kerana faktor umur ataupun usia tadi dan kita perlu mencari pengganti.

Ini satu kerja yang bukan senang dan bukan mudah kerana pembangunan angkat berat ini sorang-sorang itu ratus ribu dia punya kos. Sebab itu kita mempertahankan Dewan Angkat Berat Rompin, kita mempertahankan acara angkat berat dalam apa jua penganjuran sukan-sukan di Malaysia ini supaya diletakkan acara ini. Kerana kos sangat tinggi dan mereka ini atlet-atlet kalau dia pergi bertanding bukan dia pergi seorang, dengan keluarga-keluarga dia bawa sekali. Ini satu benda yang agak unik di kalangan atlet-atlet dan acara yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sikit lagi. Yang keempat memperkasakan aspek kejurulatihan. Ini pun penting...

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih Tioman. Saya nak tanya Tioman, adakah Tioman tahu berkenaan dengan kewujudan Akademi Bola Sepak Impian Jerantut yang ditubuhkan dan ianya sebagai salah satu akademi untuk melahirkan atau melatih pemain-pemain bola sepak yang berumur daripada 16 tahun ke bawah

dan jika sekiranya akademi seumpama ini diwujudkan dan adakah pihak kerajaan ada memberi apa-apa insentif kepada mereka? Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dato' Yang di-Pertua,

Atas soalan yang dibangkit oleh ADUN Tahan sebentar tadi. Akademi-akademi ini dalam pengetahuan kita. Cuma tinggal lagi aktif tak aktif dan juga keaktifan tersebut disusuli dengan keakraban dengan pihak-pihak kepimpinan sukan tadi yang boleh membawa apa jua isu-isu yang berbangkit untuk kerjasama di antara kita semua dan saya mengambil maklum perkara ini untuk kita pergi lebih jauh, apa kerjasama yang kita boleh buat, Kerajaan Negeri secara dasarnya menyokong penuh. Bahkan apa yang dibangkit oleh ADUN Damak juga bahawa Jerantut FA sekarang ini sedang melakar sejarah ya, sedang melakar sejarah dan kita telah bangkitkan di er… apa perbincangan Mesyuarat Exco yang lalu bersama rakan-rakan, bahawa kita perlu bantu Jerantut FA ini, serupa juga yang kata akademi tadi.

Er… kerana apa, kerana er… kita ada Pahang FA, kita ada Kuantan FA dan tak mustahil suatu masa Jerantut FA juga akan masuk dalam Liga Perdana dan sebagainya. Cuma tinggal lagi mereka ini tidak mampu untuk bersendirian kalau tidak dibantu oleh Kerajaan Negeri dengan dana-dana tertentu ataupun dalam bentuk projek-projek tertentu bagi mereka mengurus beban tugas, beban perbelanjaan untuk team-team tersebut. Apa pun saya ucap terima kasih kepada ADUN Tahan, apa-apa kita boleh bincang lebar lagi.

Dan untuk yang seterusnya selain aspek kejurulatihan tadi, kita memperkasakan kejurulatihan tadi dengan hantar kursus jurulatih-jurulatih ini ke Korea dan sebagainya, ke Bangkok dan sebagainya, tapi dalam masa sama kita tidak pernah abaikan kebajikan atlet ya. Kita ada beberapa insi… insiden yang berlaku dalam er… masa temasya sukan seperti kemalangan basikal, kemalangan di medan takraw, melibatkan putus ligamen dan sebagainya, kita terpaksa er… memperuntukkan hampir RM50,000 ya untuk er… merawat atlet tersebut dan saya ucapkan tahniah juga kepada MSP di bawah seliaan saya ini kerana mereka ini awal-awal lagi kita dah berikan insurans, belikan insurans mereka secara berkelompok haa… sekurang-kurangnya mereka ini juga mendapat orang kata er… tanggungan daripada pihak insurans ya.

Yang keenam, sedikit je. Pencapaian atlet Pahang di kejohanan antarabangsa. Ha… yang ini saya kena sebut Yang di-Pertua, rugi kalau saya tak sebut ini sebab er… ini merupakan imej negeri Pahang ya, kerana apa faedah kita bersukan, apa faedah kita mempunyai prestasi sukan berprestij tinggi kalau tidak melakarkan sejarah di luar sana. Jadi saya nak sebut ya, er… sepanjang tahun 2018 terdapat ramai atlet dari negeri ini yang telah terpilih mewakili negara di kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa selain dari sukan utama seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Kejohanan sukan yang dimaksudkan adalah seperti kejohanan peringkat remaja dunia, kejohanan dunia dan seumpamanya yang diiktirafkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

Atlet-atlet yang mengharumkan nama antara lainnya ialah Muhammad Hamiz bin Mohd Ahir, Muhammad Arif Syafie bin Ishak, Muhammad Noor Firdaus bin Rosdi mewakili Hoki 5 sebelah mendapat er… emas di Kejohanan *Summer Youth Olympic Games*, Beunos Aires, Argentina ya kita melepasi kelayakan pusingan 12 negara. Ha… ini bukan senang ini. Begitu juga Mohd Taqiyuddin bin Hamid dan Mohd Shahzlan bin Yoga, pencak silat beregu juga emas di World Pencak Silat

Championship 2018, Singapura ataupun di Singapura Silat Federation dan seterusnya Mohd Hazim bin Amzad. Ha… ini antara tokoh-tokoh pelapis baru yang menggantikan Al-Jufri yang juara dunia 3 kali, 4 kali berturut-turut.

Hari ini kita telah di… dapat seorang pula juara dunia ya, baru ini di er… Singapura, dapat emas ya, Mohd Hazim bin Amzad baru-baru ini jugak telah beraksi di er… Silat Kebangsaan yang diadakan di SUKPA Pahang baru-baru ini, yang mana er… Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang telah berangkat berkenan berangkat untuk merasmikan kejohanan tersebut. Dan begitu juga Shahrukh Amin bin Zulkifli tenpin bowling, perak di *World Youth Championships*, United States. Begitu juga Nurul Alyani binti Mohd Jamil, lawn bowls perak ya, *World Singles Champion of Champions*, Australia. Panjang betul ya.

Ha… inilah antara anak-anak Pahang kita. Dan saya nak ucap tahniah dan syabas juga kepada ADUN Semantan, kepada rakan saya Exco dari apa Lanchang. Kejohanan World Junior Pencak Silat 2018 mendapat emas, yang mana 3 orang pe… pesilat-pesilat ini adalah datang dari Temerloh ya, mungkin kenal saya rasa ini. Muhammad Subhan ha… kenal ya YB ini… daripada Semantan. Aida Farhana, Siti Sumairah ya. Mereka ini dari Temerloh dan saya nak maklumkan juga er… yang lepas ada bangkitkan tentang Kompleks Sukan Angkat Berat, alhamdulillah er… perbincangan kita diteruskan maknanya tak jadi nak tutup. Ini satu perkara yang mendukacitakan kita lah kalau ditutup nanti kerana telah melahirkan banyak nama-nama yang hebat.

Dan yang er… seterusnya dah nak ke akhir dah ini tapak baru menggantikan Padang Awam, Jengka. Saya pun dengar tadi rakan saya dari apa… sebelah sini menyatakan bahawa Padang Jengka yang telah diambil untuk dibangunkan Stadium Tun Abdul Razak akan digantikan dengan padang awam baru yang mana kawasan telah dikenal pasti untuk tunggu beberapa proses er… yang… yang patut kita lalui proses tersebut yang mana bersebelahan dengan Dewan Balora Mastika, Bandar Pusat Jengka dengan keluasan anggaran 9,868 meter persegi atau 2.43 ekar. Anggaran kos pembinaan adalah RM1.2 juta.

Jadi ini maklumat yang terkini yang saya bersama dengan rakan saya, Wakil Kerajaan sebentar tadi dan selain itu, untuk makluman rakan-rakan er… yang sebelah sana dari Jengka, kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di daerah Maran adalah seperti berikut ya, saya sebutkan satu-satu ya. Sebab banyak bangkitkan tentang kemudahan sukan. Padang Bolasepak Kompleks Sukan Maran, Padang Golf Maran Hill Resort, Gelanggang Futsal Majlis Daerah Maran, Gelanggang Bola Jaring Arena YAM Tengku Muda Pahang, Gelanggang Sepak Takraw Dewan Komuniti, Gelanggang Petanque Kompleks Sukan Maran, Gelanggang Badminton Dewan Balora, Dewan Rakan Muda er… Kompleks Rakan Muda yang merangkumi gelanggang badminton, bola keranjang, bola jaring, futsal serta Jengka Sports Center ya, futsal dan badminton. Jika ada apa-apa maklumat saya ini yang er… tidak berapa tepat boleh er… boleh kita berjumpa balik.

Dan yang terakhir Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, perkembangan *e-Sports*. Saya kena sebut juga di sini walaupun banyak dah kita sebut tentang *e-Sports* ini yang mana *e-Sports* adalah merupakan sukan yang boleh dikatakan baru di negeri ini. Sungguhpun sukan ini mempunyai ramai penggemarnya, namun ianya agak suram sedikit sebab kita baru er… merangka banyak perkara. Walaupun begitu, kita dah menganjurkan beberapa kejohanan dah termasuk di daerah Rompin, di daerah er… sebelah Pahang barat dan sebagainya. Tapi kita akan merangkakan satu lagi ini biar lebih tersusun, lebih er… kemaskini untuk e-Sports peringkat negeri Pahang.

Dan untuk makluman, Yang Berhormat Dato' Sri dan sidang Dewan sekalian, er… melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang, antara usaha awal yang telah dilaksanakan oleh jabatan ini adalah mengadakan Bengkel Pengenalan *E-Sports* pada 15 November 2018 yang lalu di Kompleks Dagangan Indera Mahkota dengan diikuti dengan pertandingan dengan penyertaan seramai 453 orang pemain. Program ini telah diadakan di Hotel Grand Continental, Kuantan. Untuk makluman sidang Dewan, memang ramai. Memang orang ramai berpusu-pusu. Yang main satu hal, yang menengok tu pun ramai kerana dia bawa kawan-kawan sekali.

Untuk memperkenalkan permainan ini dengan lebih jauh, Program Mari Mencuba e-Sports untuk wanita turut akan diadakan pada 27 hingga 28 April 2019 bertempat di Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) sempena sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Pahang dan JBS er… Jabatan Belia dan Sukan Pahang juga telah menetapkan untuk memasukkan program *e-Sports* ini di dalam setiap program jabatan di seluruh negeri supaya sukan ini dapat dipromosikan dengan lebih luas dan untuk makluman sidang Dewan juga, *e-Sports* ini mungkin akan dimasukkan dalam SUKMA Johor 2020 dan mungkin di SEA Games pun akan dilaksanakan, ya. Ini maklumat terkinilah. Dan antara pemain-pemain er…

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Celahan. Minta laluan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih Tioman. Memang kita tak boleh nak menafikan er… kewujudan teknologi sehingga membawa kepada wujudnya *e-Sports*. Namun adakah er… Tioman bersedia ataupun er… menjangkakan kewujudan *e-Sports* ini akan membawa kepada… adakah… ada kemungkinankah orang panggil kewujudan *e-Sports* ini akan membawa kepada pengabaian kepada infrastruktur sukan yang kita sediakan seperti er… padang-padang yang ada sebagaimana kita tengok hari ini wujudnya gajet-gajet sebagai salah satu benda yang menghambarkan hubungan kekeluargaan, yang kita tak boleh nafikan. Mohon pandangan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua,

Er... saya bersetuju dengan kata-kata ataupun andaian oleh ADUN Tahan sebentar tadi ya. Kalau kita tengok tentang andaian ini, memang ada betulnya juga, cuma tinggal bagaimana kita mengurus er... perkara ini dari masa ke semasa, yang mana kita perlu mengingatkan dari masa ke semasa supaya mereka ini sentiasa dalam ruang yang terkawal dan apa jua *games* apa jua permainan sekalipun, kalau tidak ada elemen kawalan, elemen kesedaran, memang sudah pastilah ya... sebab itulah saya katakan dalam Dewan yang mulia ini anak-anak kita sendiri pun, hari ini kalau kita tengok dia orang duduk seorang di dapur, seorang di ruang tamu, dia boleh bercakap dua orang itu. Jadi saya pun pergi tengok *amenda* yang dia bercakap, rupanya dia pakai *earphone* ni, dia boleh *command* antara dia tu di alam maya begitu je, suara-suara dengar. Jadi itu tahan lagi.

Kita ingat bila kita tidur malam karang, pukul 10.00 kita suruh dia orang tidur, kita tengok *check* balik pukul 11.00. Tengok gebor tu… selimut tu nampak lap-lap lampu, rupanya dia main bawah gebor. Maknanya susah nak tengok budak-budak hari ini memang itu zaman dia, zaman dia. Betul kata Imam Abu Hanifah dulu mungkin kita kalau silap beritahu saya. Dia ada mewujudkan kitab figh (Bacaan dalam Bahasa Arab) kejap ni, Beserah jap (Bacaan dalam Bahasa Arab) ataupun (Bacaan dalam Bahasa Arab) kalau saya silap beritahu, tapi saya nak sebut malu juga ni. Dia mewujudkan

suatu hukum itu, hukum yang mungkin 10… 20 tahun, 100 tahun tak berlaku lagi, tapi dia dah mewujudkan hukum tersebut. Jadi andaian-andaian yang disebut oleh ADUN Tahan itu ada kebenaran. Makna yang mungkin jelas *research*nya apa semua memang akan berlaku dan depan mata kita hari ini. Dan yang sebalik (bahasa Arab) yang disiplin, ilmu tadi nak disebut tentang bagaimana disiplin mazhab tadi saya sebut sikit sebab rakan saya ini dari Pakistan ya dulu...ada sijil? ada sijil?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang berhormat, banyak lagi

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sikit je, 2 minit lagi. Ada sijil ya?

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Sijil ada.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Saya tahu memang dia ada sijil, saja nak tanya dia. Jadi nak beritahu itulah persefahaman kita (bahasa Arab) andaian mungkin hukumnya tak ada lagi, tapi dia dah buat gambaran-gambaran tadi. Jadi saya bersetuju. Insya-Allah kita buat yang terbaik dan akhir sekali saya nak sebut ni…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh celah sikit. Saya rasa penting untuk kita *register* tentang pembangunan belia dan sukan ini tentang *e-sport* terutama sekali. Saya cadangkan pihak kerajaan yang bertanggungjawab tentang pembangunan belia dan sukan ini supaya buat kajian sedikit secara mendalam, apa nilai-nilai sebenarnya yang ingin disemai dan diberikan kepada belia-belia kita melalui *e-sport* ini. Adakah nilai-nilai yang itu boleh mendatangkan kebaikan masa depan atau mendatangkan banyak keburukan?

Sekiranya ia mendatangkan banyak keburukan Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya kita jangan beri penumpuan kepada *e-sport*. Kita bukan kata abaikan, jangan beri penumpuan. Bermakna kita biarkan suasana semasa yang melalui ini kita tak perlu membazirkan sumber-sumber kita untuk membangunkannya. Kita lebih baik menumpukan kepada pembangunan belia dan sukan yang boleh mendatangkan nilai-nilai yang baik untuk masa depan.

Sebab saya melihat *e-sport* ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia sebenarnya mengikut ketua dia, kepala dia. Oleh kerana kepala tu minat *e-sport*, dia pergi penumpuan kepada *e-sport*. Kalau besok menteri itu tukar orang, dia minat sukan *adventure,* beri tumpuan ke *adventure,* tukar kepada yang berminat ke basikal, dia pergi sukan berbasikal. Siapa kepala dia. Tapi oleh kerana kepala yang membangunkan belia dan sukan hari ini minat *e-sport*. Maka dia jadi satu penumpuan. Tapi kita tak lihat apa sebenarnya nilai-nilai yang boleh kita ambil daripada pembangunan *e-sport* ini untuk membangunkan belia samada pemikiran er...jati diri dan sebagainya. Jadi Kerajaan Negeri kena buat kajian sedikit. Kalau sekiranya tidak mendatangkan kebaikan, tidak ada nilai yang baik yang banyak, banyak keburukan, kita tidak perlu berikan penumpuan kepada pembangunan *e-sport*. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang di-Pertua,

Kita ambil maklum saya akan maklumkan kepada MSP untuk mengadakan sesi perbincangan antara rakan-rakan yang mungkin boleh bagi pandangan dalam sudut ini. Terima kasih atas cadangan tersebut. Dan saya nak sebut satu je er... Mohamad Imran, Aiman dan juga Syed Dani ini antara pemain-pemain yang berasal dari Pahang merupakan jaguh-jaguh negeri… negara Malaysia yang mana mewakili *Team Invictus* Pahang dalam pasukan *mobile legend* dan yang untuk makluman yang Malaysia, ya dewa Malaysia ni tahap dewa Chai Yu Fong dari Rawang dan juga Adam Irwan Shah. Er...masing-masing ni mengumpulkan harta mengumpul hasil kemenangan tu yang Chai Yu Fong ni RM3.8 juta, Adam Irwan Shah RM1.4 juta. Ini antara *top ten* yang berkecimpung dalam *e-sport* ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua,

Saya rasa tak lengkaplah kalau saya tak sebut rakan-rakan ucapan terima kasih kerana masih bersama dalam Dewan petang ini, yang membangkitkan isu-isu yang boleh saya menyampuk, saya ingat banyak dah saya jawab. Yang tak terjawab tu boleh rujuk balik dalam apa ni bertulis dan sebagainya termasuklah yang pengangguran, peluang pekerjaan tu. Saya ada panjang baca ni tapi saya boleh bagi nanti sebab kawan-kawan saya dah tak sabar nak menjawab ini. Kemudian pada rakan semua saya nak bacakan dua rangkap pantun kerana apa ini dengan rela hati masih setia dalam Dewan Yang Mulia ini;

Anak rusa anak kijang,
Berjalan-jalan ditepi bendang,
Sungguh harmoni kita bersidang,
Itulah kelebihan Dewan Undangan Negeri di Pahang.

Tepuk dulu.(Ahli Dewan menepuk meja)

Tiada janji tiada bukti,
Slogan Pahang selalu diucapkan,
Wakil rakyat berkhidmat ke sana kemari,
Moga atau maju terus Pahang kita teruskan.

Dengan ini saya menyokong. (Ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian dan Inovasi Negeri Pahang. Insya-Allah Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum… pihak kerajaan yang belum berjawab. Kalau kita boleh jawab tiap-tiap seorang dalam setengah jam, insya-Allah pukul 7.00 akan selesai daripada petang ini. Silakan Yang Berhormat

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

[Ayat al-Quran] Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua memberikan saya sedikit ruang untuk bersama-sama dengan rakan-rakan Wakil Kerajaan dalam perbahasan menyokong usul junjungan kasih di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat dan menyempurnakan Titah Diraja sempena

pembukaan ataupun Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Keempat Belas dan Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan, saya juga ingin bersama-sama rakan-rakan Ahli Dewan yang lain ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan persembahan ucapan er...sembah tahniah di atas pemilihan ataupun pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta di atas pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua,

Saya tahu kita berada dalam masa yang cukup terbatas, saya fikir tadi saya cuba nak menggulung 15 minit saja, tapi melihatkan hasil kerja urusetia yang membekalkan saya teks yang panjang ini, saya tak tergamak juga untuk memotong terlalu banyak. Jadi saya cubalah seringkas mungkin dan saya percaya mungkin juga ada sebahagian daripada persoalan yang dibangkitkan. Kalau saya tercicir, tolong diingatkan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri sentiasa memberi tumpuan dan penekanan terhadap kemudahan asas untuk rakyat serta komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negeri bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai projek pembangunan insfrastruktur awam seperti jalan raya, lebuh raya, pengangkutan dan lain-lain kemudahan awam serta sistem penyampaian awam yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri serta di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan juga turut kita sokong.

Sektor pembangunan infrastruktur negeri Pahang telah memberikan sumbangan yang besar dan amat *significant* dalam memaju ekonomi negeri. Ini kerana permbangunan infrastruktur mempunyai kesan yang berganda dan rantaian yang luas kerana ia berperanan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi yang lain. Dalam keadaan ekonomi global yang masih belum pulih sepenuhnya, sejak beberapa tahun yang lalu dan juga impaknya sampai ke negeri Pahang ini.

Kita alhamdulillah di negeri Pahang ini kita nampaknya berada dalam garisan pemulihan yang baik. Keputusan yang diambil oleh Kerajaan serta sektor swasta dinamik telah membantu mewujudkan asas pembangunan-pembangunan ekonomi di negeri Pahang ke tahap yang lebih baik. Aktiviti sektor swasta yang positif adalah amat menggalakkan akhir-akhir ini yang datang untuk membuat pelaburan di negeri Pahang. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa memberi tumpuan dan penekanan terhadap kemudahan asas untuk rakyat serta komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negeri, bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai projek pembangunan infrastruktur awam seperti jalan raya, lebuh raya, landasan kereta api, pengangkutan dan lain-lain kemudahan awam.

Walaupun negara kita sedang berhadapi dengan situasi ekonomi yang tidak menentu sekarang ini, prestasi ekonomi negeri agak baik, didorong oleh kerancakan pelaksanaan pelbagai projek kerajaan. Kerajaan meneruskan agenda pembangunan dengan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ke-11 secara Rolling Plan dan sekarang kita telah masuk ke pelaksanaan Rolling Plan Ke-4 pada tahun ini. Sebanyak 297 projek pembangunan berjumlah RM1.39 bilion telah dibelanjakan oleh kerajaan di bawah Rolling Plan Ke-3 iaitu sepanjang tahun yang lalu. Manakala bagi

Rolling Plan Ke-4 iaitu mulai tahun ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM1.8 bilion bagi negeri Pahang untuk melaksanakan sebanyak 291 projek.

Projek-projek berimpak besar kepada rakyat akan terus dilaksanakan seperti *Central Spine Road*, Projek Menaik Taraf Pelabuhan Kuantan, Projek Industri MCKIP Gebeng, Projek Jambatan Baru Kuantan - Bandar Putra, projek menaik taraf jalan raya seperti di Jalan Persekutuan dari Tol Chenor ke Bandar Pusat Jengka di daerah Maran dan beberapa projek- projek yang lain.

Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua,

Cadangan jalan raya merupakan pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Ianya bukan sahaja menyokong pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di negeri Pahang tetapi juga menjadi nadi kepada peningkatan sosial dengan rakyat dengan adanya jaringan jalan raya yang lebih baik akan mewujudkan suasana ekonomi yang lebih progresif dan berdaya maju dengan para pelabur lebih berminat datang untuk melabur di negeri ini. Pahang merupakan pintu masuk utama ke negeri-negeri pantai timur melalui jalan darat.

Projek *Central Spine Road* umpamanya merupakan salah satu projek berimpak tinggi dalam peringkat pelaksanaan yang berperanan sebagai penghubung di antara negeri dan daerah-daerah utama di negeri Pahang di samping menggerak ekonomi dan menyelesaikan masalah-masalah kesesakan lalu lintas. Cadangan jalan raya dengan spesifikasi 4 lorong 2 hala sejauh 390 kilometer menghubungkan Kuala Krai di Kelantan dengan Simpang Pelangai di Pahang, apabila siap sepenuhnya nanti pada tahun 2025, insya-Allah. Sehingga hari ini jajaran jalan daripada Felda Chegar Perah ke Kampung Kechur yang merupakan sebahagian daripada Pakej 3 telah pun dibuka untuk laluan kenderaan orang ramai.

Bagi tahun 2019, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 pula, Pakej 5 yang melibatkan jajaran Jalan Pintasan Raub dan Jalan Pintasan Bentong dengan peruntukan yang diluluskan masing-masing sebanyak RM66 juta dan RM122 juta sedang giat dilaksanakan. Pakej 4 yang melibatkan Jajaran Raub Bentong baru bermula dilaksanakan pada awal tahun 2019. Manakala bagi Pakej 6 yang melibatkan Jajaran Bentong dan Simpang Pelangai masih dalam proses kelulusan peruntukan pelaksanaan.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek jalan raya berimpak tinggi yang lain seperti jalan Benta – Jerantut-Maran, jalan bandar Pekan - Kampung Sungai Miang, Pekan dan jalan Pekan, Nenasi - Endau, Rompin. Projek-projek ini juga dijangka akan mewujudkan jaringan perhubungan antara daerah-daerah utama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Keperluan jalan raya yang baik di kawasan FELDA juga mendapat perhatian kerajaan.

Kerajaan sangat prihatin dengan keperluan jalan raya yang baik kerana ia menjadi pemangkin kepada kemajuan sosioekonomi di kawasan persekitaran khususnya Wilayah Jengka yang menjadi model pembangunan FELDA seluruh negara. Kerajaan Pusat, kita mengucapkan terima kasih kerana meluluskan peruntukan sejumlah RM213 juta meneruskan perancangan kerajaan yang lalu bagi melaksanakan projek penaiktarafan jalan persekutuan yang saya sebutkan tadi dari Tol LPT 1 Chenor ke Bandar Tun Razak Jengka sepanjang 23 kilometer. Projek ini merupakan projek fasa 1 menaik taraf jalan persekutuan di beberapa rangkaian jalan Wilayah Felda Jengka dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Fasa Ke-2 pula melibatkan RM150 juta melalui jalan beberapa tanah rancangan antaranya Felda Jengka 8, Jengka 23, Jengka 22, Jengka 21, Jengka 13, 11 akan dilaksanakan selepas fasa pertama dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2020. Kerja-kerja menaik taraf jalan fasa 1 telah bermula sejak Mei 2017 yang lalu. Satu lagi projek jaringan perhubungan yang akan memberi impak positif kepada rakyat adalah projek pembinaan jambatan baru merentasi Sungai Kuantan, yang menghubungkan bandar Kuantan dengan Bandar Putra, Tanjung Lumpur.

Projek yang bernilai RM151 juta ini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya lebih awal iaitu pada Ogos 2019. Dengan siapnya pembinaan jambatan ini Dato' Sri Yang di-Pertua, kita merasakan kesesakan di persimpangan Tanjung Lumpur akan dapat kita atasi. Kerajaan juga melaksanakan pembinaan jambatan baru Temerloh yang bernilai RM160 juta. Tender projek dijangka akan dikeluarkan pada September 2019.

Dato' Sri Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan. Selain daripada soal pembinaan jalan, saya ingin menarik perhatian Dewan tentang satu perkara yang saya sentuh semasa saya membantu Wakil Kerajaan Portfolio Belia dan Sukan menjawab isu mat rempit. Daripada tinjauan awal kita, Dato' Sri Yang di-Pertua, sebenarnya kita negara kita ini mempunyai masalah kekurangan kecekapan dalam sistem pengangkutan awam luar bandar. Kita masalah ketidakcekapan pengangkutan awam luar bandar ini memberi kesan yang sangat besar kepada bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga turut menyumbang kepada masalah-masalah sosial seperti masalah disiplin pelajar. Kadang-kadang Dato' Sri Yang di-Pertua, di kawasan luar bandar ini apabila pengangkutan awam tak ada, bas sekolah pun tak ada, anak-anak terpaksa menggunakan kenderaan ibu bapa, motosikal tanpa lesen untuk ke sekolah dan ini juga menyukarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan kepada mereka.

Jadi, sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan Negeri melalui bagi Majlis Pengangkutan Negara menyarankan supaya satu kajian dibuat bagaimana kita nak meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di negeri Pahang ini dan juga sebenarnya kita rasa ianya masalah yang sama di seluruh negara.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan kemudahan Pelabuhan Kuantan di negeri ini ataupun Pelabuhan Kuantan. Pelabuhan Kuantan merupakan salah pintu masuk utama ke negeri Pahang. Justeru peningkatan infrastruktur Pelabuhan Kuantan sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan dan pihak swasta. Pelabuhan Kuantan sedang dinaik taraf sebagai hub industri dan logistik utama di pantai timur melalui usahasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan serta pihak swasta.

Projek peluasan Pelabuhan Kuantan telah hampir siap sepenuhnya oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ataupun ECERDC melibatkan kos berjumlah RM1 bilion dan Kuantan Port Consortium melibatkan kos sejumlah RM3.3 bilion. Pelaksanaan projek terbahagi kepada dua komponen utama iaitu komponen pelaksanaan kerajaan yang dilaksanakan oleh ECERDC dan komponen pelaksanaan awam… pelaksanaan swasta yang dilaksanakan oleh KPC Sdn. Bhd.

Pembinaan pemecah ombak sepanjang 4.4 kilometer dan pembinaan dermaga sepanjang 2 kilometer dan selain daripada itu usaha menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai zon bebas cukai telah berjaya dicapai mulai 1 April 2019 yang lalu. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi status sebagai zon bebas pelabuhan kepada

Pelabuhan Kuantan yang akan meningkatkan daya saingnya setanding dengan pelabuhan-pelabuhan utama yang lain. Untuk ringkasnya, bagi kefahaman Ahli-ahli Dewan, bila kita jadikan Pelabuhan Kuantan ini sebagai zon bebas pelabuhan, maka fungsi pelabuhan itu bukan sahaja kita niagakan urusan eksport dan eksportnya tetapi taraf zon bebas pelabuhan ini membolehkan ada aktiviti- aktiviti nilai tambah dalam perdagangan di pelabuhan.

Status zon bebas ini memberikan kelebihan kepada Pelabuhan Kuantan untuk menembusi pasaran baru dalam sektor pemindahan berbanding ketika ini hanya membabitkan import dan eksport sahaja. Bagi meningkatkan kemudahsampaian antara kawasan-kawasan industri di sekitar Pelabuhan Kuantan khususnya di MCKIP, Projek Port Link Road projek sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh ECERDC.

Sehingga kini, kerja-kerja pembinaan persimpangan bertingkat ke MCKIP serta kerja-kerja naik taraf persimpangan Sungai Ular telah siap dilaksanakan. Kerja-kerja pembinaan jalan *port link road* di sekitar MCKIP sedang giat dilaksanakan. Jalan raya ini juga akan menghubungkan lebuh raya LPT yang akan mempertingkatkan jaringan kemudahsampaian di sekitar kawasan Pelabuhan Kuantan. Kesemua projek-projek yang disebutkan tadi, seperti CSR serta jalan raya yang lain, diwujudkan untuk mengukuhkan lagi jaringan antara bandar-bandar khususnya di Pahang, di Pelabuhan Kuantan, Taman Maritim Tanjung Agas…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Sila.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin nak menarik perhatian pihak kerajaan bahawa pembangunan yang disebutkan berkaitan dengan Lembaga Pelabuhan Kuantan sebentar tadi. Er… adalah sangat er… kita ucap terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melihat kesesuaian kita membangunkan satu hub pelabuhan kawasan industri di kawasan er… kawasan perindustrian gebeng dan kawasan perindustrian pelabuhan kuantan er… cuma satu er… perkara yang perlu kita ambil perhatian dan kita ingati bersama adalah er… impak dia terhadap penduduk setempat, er… pembangunan yang kita buat, yang kita bina harus beri manfaat dan limpahan kepada kepentingan masyarakat setempat.

Kita perlu ada satu er… sistem er…pemantauan supaya ianya tidak dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu sahaja terutama mereka yang mempunyai modal yang lebih besar atau mempunyai kepentingan yang besar. Dibimbangi kerana kita terlalu er… terlalu *excited* er… teruja dengan perkembangan dan sebagainya sehingga terlupa terhadap kepentingan er… kepada masyarakat setempat.

Pertama yang saya lihat adalah dari segi peluang perniagaan kepada kontraktor tempatan. Kita lihat kontrak-kontrak yang dibuat adalah dimonopoli oleh mereka yang mempunyai dana yang besar, syarikat-syarikat besar. Jadi kontraktor-kontraktor kecil di… di kawasan sekitar, kawasan setempat tidak mendapat manfaat. Begitu juga dengan peluang perniagaan dan pekerjaan, ianya dimonopoli banyak oleh er… warga

asing, walaupun dalam skala yang… walaupun dengan s*kill* atau kemahiran yang rendah mereka mengambil pekerja-pekerja yang bukan daripada warga tempatan untuk tujuan menjimatkan kos. Kita dapat laporan daripada Jabatan Imigresen. Terima kasih Jabatan Imigresen buat pemantauan secara berkala, tiap-tiap bulan 100 orang, 200 orang warga, pekerja asing yang digaji ditahan. Menunjukkan ini ada berlaku ketirisan dari segi kepentingan masyarakat setempat dengan pembangunan yang kita bina tidak selari, tidak seiring. Seharusnya perlu diberikan perhatian kepentingan masyarakat setempat dalam pembangunan ini. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUAN DEWAN

Okay.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Kebimbangan Wakil Beserah tentang soal apa, penglibatan er… rakyat dan juga peniaga-peniaga tempatan dalam, pembangunan-pembangunan sedang rancak dijalankan ini adalah satu perkara yang tidak dinafikan dan sememangnya menjadi perhatian di pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Er… dari sudut penglibatan usahawan sebenarnya perkara ini memang menjadi salah satu agenda di BPEN sebagai contoh dalam perlaksanaan Projek ECRL ya, kita memang diberi ruang untuk mengetengahkan usahawan-usahawan tempatan yang berkelayakkan bersesuaian untuk turut sama mengambil bahagian. Walau bagaimanapun soal *business to business* pihak Kerajaan tidak boleh mencampuri urusan itu, keterlaluan, kerana ini mungkin akan merencatkan apa urus niaga yang berkaitan.

Di samping itu dalam soal tenaga kerja, soal er… peluang pekerjaan perkara yang sama juga kita beri perhatian yang terkini semasa kunjungan Yang Amat Berhormat ataupun lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke MCKIP, kita sekali lagi membangkitkan pekara yang sama, kita minta er… *industry players* ataupun pengiat-pengiat industri di MCKIP ini er… turut menyediakan ruang-ruang latihan secara kerjasama dengan institusi-institusi latihan teknikal Negeri Pahang seperti Pahang Skill, UCYP, KUIPSAS, untuk mereka menjalankan latihan usaha sama supaya bukan sahaja kita boleh mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, tapi kalau boleh kita juga nak mendapatkan sedikit apa, *technology transfers* daripada er… cara ataupun *chinese er… industry*.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Perkara yang seterusnya, saya fikir yang pastinya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan adalah berkaitan dengan laluan Rail Pantai Timur ataupun ECRL.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Keputusan Kerajaan untuk meneruskan perlaksanaan Projek Laluan Rail Pantai Timur ataupun ECRL yang terkini bernilai RM44 billion. Er… walaupun ada *flip flop*, walaupun terlewat masih lagi kita rasa jadi satu lagi *game changer* ya, er… ungkapan yang selalu diungkapkan oleh Dato' Sri Pertua ya, untuk menjadi *game changer* kepada er… pembangunan ekonomi di pantai timur dan pasti seterusnya mengubah landskap pembangunan di Pahang.

Laluan 200 kilometer merentasi negeri Pahang bakal memberi impak sosial ekonomi kepada kawasan luar bandar dan bandar-bandar yang dilaluinya. Peluang ekonomi di negeri ini akan dapat dipertingkatkan dengan pelbagai sektor pekerjaan termasuk pekerjaan baru dapat diwujudkan.

Bandar dan pekan-pekan kecil yang akan dibina seperti ECRL… yang akan dibina stesen ECRL seperti Mentakab, Maran, Gambang, Gebeng, Kuantan dan Cherating akan menjadi tumpuan pembangunan pesat sekaligus menaiktarafkan hidup masyarakat setempat. Ia juga menarik pembukaan lebih banyak pusat komersial dan penempatan baru berhampiran dengan stesen-stesen ECRL.

Syarikat pelabur asing mahupun tempatan juga pastinya mengintai peluang pelaburan di pantai timur seperti di Taman Perindustrian MCKIP dan kawasan perindustrian yang lain seperti di Mentakab kerana ECRL menghubungkan pengangkutan kargo dari pelabuhan utama pantai barat ke pantai timur semenanjung.

Walau bagaimanapun Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kalau kita ingat kembali salah satu objektif apabila pihak kerajaan yang terdahulu melaksanakan projek ini ya, selain daripada kita nak merangsang pembangunan er… sosial ekonomi di Pantai Timur satu perkara yang sangat penting adalah ianya dilaksanakan sebagai salah satu strategi *reverse migration*. Laporan bank dunia Dato' Sri pada tahun 2014 menyebut bahawa kerajaan kita rugi sebanyak RM54 juta setahun, dan er… sehari ataupun tak salah saya Dato' Sri Yang Di-Pertua, RM22 bilion pada tahun 2014 di atas masalah kesesakan di Kuala Lumpur.

Jadi pada ketika itu apabila kita merancang untuk melaksanakan ECRL ini mengikut laluan mengikut laluan yang sebelum ini daripada Mentakab itu kita terus ke Kuala Lumpur, kita merasakan akan berlakunya *reverse migration.* Maksudnya kalau biasanya orang daripada luar bandar semuanya mencari peluang bekerja di Kuala Lumpur dan tinggal di Kuala Lumpur, maka dengan adanya stesen-stesen di Bentong, di Mentakab, kita merasakan bahawa mereka yang nak bekerja di Lembah Klang tidak perlu tinggal di Lembah Klang, yang saya katakan tadi menyebabkan kesesakan yang memberikan kos RM22 billion setahun. Ini bukan kerajaan sendiri, bukan kerajaan terdahulu, bukan parti yang buat Dato' Sri, ini adalah laporan bank dunia.

Jadi kita berharap agar Kerajaan Persekutuan mengkaji balik jajaran yang sedia ada ini bagaimana ianya boleh membantu soal er… untuk mencapai *reverse migration* yang saya sebutkan tadi. Di samping itu juga kita berharap agar dasar sebelum ini membuka, sila.

YB. YANG DI-PERTUAN DEWAN

Minta keluar Yang Berhormat. Takde. Yang Berhormat boleh teruskan.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Saya minta maaf Exco, Exco kanan kita ni dia dulu mantan Kemudahan Asas. Saya percaya apa yang saya cakapkan ini adalah sebahagian besarnya adalah pemikiran Dato' Sri, saya ingat dia nak menambah, kita kalau senior minta laluan kita kena bagi laluan.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Saya berharap agar apa yang kita dasarkan dulu iaitu 40% kerja-kerja ECRL ini boleh diberikan kepada kontraktor tempatan, kita boleh laksanakan juga dengan pelaksanaan jajaran baru ataupun di atas penyambungan projek ini.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Seterusnya tidak lengkap kalau saya tidak mengulas sekali lagi soal perkhidmatan bekalan air di negeri kita ini. Kadar kehilangan air tidak berhasil ataupun NRW di Pahang adalah sebanyak 47.9%, ini adalah antara kadar yang tinggi berbanding negeri-negeri lain. Program untuk mengurangkan NRW ini akan dilaksanakan di setiap daerah selaras dengan langkah kerajaan yang melihat isu ini amat serius dan kita akan bekerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan SPAN dan juga syarikat operator awam iaitu PAIP. Selain daripada penyelesaian secara holistik melalui peruntukan NRW di bawah Rancangan Malaysia, Kerajaan Negeri juga melalui PAIP juga telah mengambil beberapa langkah jangka masa pendek bagi mengatasi masalah kehilangan air tersebut.

Antara langkah yang telah dilaksanakan pada masa kini adalah dengan mengawal paras air dalam tangki secara automatik agar tidak berlaku limpahan, mengawal tekanan air ke paras yang optimum di kawasan bertekanan tinggi dan memastikan aduan kebocoran PAIP diselesaikan segera. Pihak PAIP akan mengkaji semula prosedur operasi standard ataupun SOP berkaitan penyelenggaraan dan pembaikan paip supaya kerja-kerja pembaikan siap dengan segera dan mengurangkan masa penyelesaian aduan menggunakan er… mengurangkan masa penyelesaian aduan pengguna, serta tidak… secara tidak langsung mengurangkan kadar NRW.

Insfrastruktur sistem bekalan air seperti paip dan meter lama er… digunakan serta logi rawatan air yang berkapisiti rendah juga, menyumbang kepada permasalahan bekalan air yang dihadapi sekarang. Kerajaan Negeri telah mula mengambil langkah dengan objektif untuk menjadikan industri perkhidmatan air lebih cekap dan mampan. Usaha yang dijalankan memberi tumpuan kepada penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang mana kita bincangkan sehari dua ini, dengan rundingan bersama Kerajaan Persekutuan, meliputi kenaikan tarif secara berperingkat, memacu ke arah kecekapan operasi dan peningkatan modal serta menambah baik infrastruktur perkhidmatan air.

Selain daripada isu bekalan air bersih, kerajaan juga melihat isu sumber air perlu ditangani secara bersama. Pencemaran sungai-sungai yang menjadi sumber bekalan air telah menjadi isu yang berpanjangan. Loji-loji rawatan air kadang kala terpaksa ditutup operasinya, akibat kekeruhan dan pencemaran air yang air sungai yang amat tinggi. Kawasan-kawasan tadahan air perlu dijaga dan dikawal sebaik mungkin. Tanpa kita sedari, kawasan-kawasan tadahan air dan kualiti air sungai di Pahang semakin berkurangan akibat pembangunan yang tidak dikawal serta pencerobohan haram.

Dalam perkara pencerobohan haram ini, adalah diharapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira parti politik atau kaum supaya menyokong usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi isu pencerobohan tanah haram ini.

Bagi meningkatkan kapisiti bekalan elektrik, Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan kepada TNB bagi projek hidroelektrik berkapisiti tinggi. Projek Empangan hidroelektrik di Ulu Jelai yang telah beroperasi sejak akhir 2016, menjana kuasa elektrik 332 mega watt. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan kawasan tadahan air seluas 18,000 hektar di sekitar kawasan empangan berkenaan bagi tujuan projek hidroelektrik tersebut. Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan pihak swasta untuk

melabur di dalam industri mini hidro di mana terdapat banyak kawasan-kawasan sungai dan bukit di Pahang yang berpotensi untuk pembinaan mini hidro yang boleh menyumbang kepada kapisiti bekalan elektrik di negeri ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga Dato' Sri Yang di-Pertua, untuk berkongsi dengan Sidang Dewan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menangani masalah banjir. Bagi menyelesaikan masalah banjir di negeri… di daerah Kuantan di negeri Pahang umumnya dan di Kuantan khususnya. Kerajaan Negeri melalui JPS telah melaksanakan secara berperingkat projek bagi pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan, dengan peruntukan berjumlah RM527 juta. Antara komponen yang terlibat adalah Rancangan Tebatan Banjir Kuantan Fasa II, Projek *Living River* dan Saliran Mesra Alam.

Antara projek-projek yang terlibat merangkumi projek mendalamkan Sungai Kuantan, dari muara hingga ke Empangan Kobat, menaik taraf ban sedia ada di Sungai Isap, pembinaan *tidal barrage* di Sungai Galing Besar, dan meningkatkan kapasiti aliran perparitan dalaman. Selain daripada itu, bagi menangani masalah banjir di bandar Pekan, Kerajaan Negeri, kerajaan juga melaksanakan secara berperingkat Rancangan Tebatan Banjir Badar Pekan yang melibatkan kos berjumlah RM565 juta.

Antara projek-projek terlibat adalah pembinan *Leaf* Sungai Pahang dan menaik taraf parit utama Sungai Air Hitam serta menaik taraf struktur kawalan banjir. Kerajaan juga sedang melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembah Bertam, Cameron Highlands di Sungai Ringlet berjumlah RM53 juta bagi menangani isu banjir di Ringlet, Cameron Highlands. Selain itu, kerja-kerja memperelok tebing serta mendalamkan sungai turut dilaksanakan di seluruh negeri sebagai persediaan menghadapi kemungkinan banjir yang saban tahun er… menjadi risiko kepada kita di Pahang ini Dato' Sri Yang di-Pertua.

Seterusnya izinkan saya menyentuh sedikit tentang portfolio Sistem Penyampaian Awam, portfolio yang saya fikir julung-julung kalinya diwujudkan di peringkat negeri. Cabaran yang dihadapi oleh pentadbiran kerajaan semakin kompleks hari ini susulan daripada revolusi teknologi, perubahan budaya, anjakan demografi, dan peningkatan permintaan dalam pasaran yang merangkumi aspek *money goods and people* dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua. Memasuki era revolusi industri keempat atau pun *Fourth Industrial Revolution* pihak pentadbiran memerlukan er…perubahan dalam pergerakannya agar seiring dengan industri. Perkara ini telah memberikan impak secara langsung kepada Sistem Penyampaian Awam.

Kecemerlangan tadbir urus sebuah organisasi adalah refleksi daripada keberkesanan dan kecekapan atau pun dengan izin, *effectiveness and efficiency,* Sistem Penyampaian Awam. Justeru, Kerajaan melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti menjurus kepada sistem penyampaian awam yang lebih baik. Program Pembudayaan Audit Kendiri atau pun dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua, *Self Audit* di seluruh jabatan dan agensi haruslah kita er… giatkan.

Ini maknanya untuk kita meningkatkan kecekapan pentadbiran dalam penyampaian perkhidmatan awam ini, kita tidak lagi gusar dengan perkataan audit. Biasanya audit ini baru kita ambil kira, ambil berat, apa bila kita dengar Jabatan Audit nak datang. Dengan pembudayaan *Self-Audit* Kendiri ini, atau pun *Self-Audit* ini, kita berharapkan seluruh jabatan di peringkat negeri Pahang ini sentiasa bersedia dan kita audit dulu diri kita, unit kita, jabatan kita, sebelum pihak luar melaksanakan audit ke atas kita. Program ini bersifat dalaman yang mana promosi dijalankan bagi menggalakkan jabatan, agensi melaksanakan audit kendiri.

Satu lagi usaha kerajaan adalah menyelaraskan sistem aduan yang diguna pakai oleh jabatan dan agensi negeri. Kerajaan Negeri menggalakkan semua jabatan dan agensi negeri mengunakan… mengguna pakai sistem SISPAA sebagai platform utama pengurusan aduan rakyat. Tambahan pula, selain daripada apa yang ada itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang juga telah mewujudkan satu portal aduan, iaitu *aduan@wanrosdy.com* bagi membolehkan rakyat Pahang menyalurkan aduan dan pemasalahan kepada er… secara terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini merupakan elemen keterbukaan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar yang ada sekarang ini Dato' Sri Yang di-Pertua.

Sistem Penyampaian Awam melangkaui pelbagai aspek termasuk pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, perkhidmatan dan sebagainya telah melalui satu revolusi melaui inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan dalam pentadbiran kerajaan. Sehubungan itu, momentum tersebut perlulah kita kekalkan bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat di negeri Pahang ini.

Seterusnya er..portfolio… bagi portfolio inovasi ini juga satu perkara yang sebenarnya telah lama kita laksanakan di peringkat Kerajaan Negeri di bawah SUK, tetapi bagi penggal kali ini, er… di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan, diwujudkan portfolio khusus untuk inovasi ini, bagi kita meningkatkan lagi usaha-usaha inovasi ini ke tahap yang lebih tinggi. Dalam konteks perkhidmatan awam, inovasi ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, berbentuk perkhidmatan, proses atau teknologi.

Bagi mencapai matlamat perkhidmatan awam yang bermutu tinggi, kerajaan telah merancang, memantau dan melaksanakan aktiviti yang berorientasikan inovasi. Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif Pejabat SUK Pahang dan Pejabat Daerah dan Tanah. Antara… antara aktiviti yang… yang telah dijalankan adalah… atau pun yang dirancang untuk dilaksanakan adalah Sesi Dialog Pahang dan bertemakan Inovasi dan Integriti, Sistem Penyampaian Awam, Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam, Sesi *engagement* bersama jabatan dan agensi negeri, menjalankan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan sebagainya. Satu contoh yang terkini, inovasi yang dibangunkan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah er… sistem er… sistem regulasi kendiri atau *pun self-regulated system* yang dilaksanakan oleh MPK, yang baru-baru ni dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Secara *detail*nya, minta maaf Dato' Sri Yang di-Pertua, saya pun tak dapat apa melaksana, melihat secara dekat, tetapi saya percaya ini adalah salah satu usaha yang… yang kita buat hasil daripada pemantauan kajian kita selama ini.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa Yang Berhormat, masih panjang lagi ke? Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada lagi ke?

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Er… saya sudah sampai ke penghujungnya. Laju ni Dato' Sri Yang di-Pertua, tak nampak lampu merah, lampu hijau ni. Er..saya fikir, saya ingin mengambil kesempatan juga untuk memberikan maklum balas jawapan kepada satu, dua soalan yang dibangkitkan Ahli-ahli Dewan yang sempat di…er…terima oleh saya ini, berkaitan dengan er… persoalan Teruntum, bagaimana pendapatan, bagaimanakah kerajaan nak membayar hutang tertunggak TNB, ya.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Telah disebutkan sebenarnya, tapi kita sebut sekali lagi er… kita er… faham kekangan utama PAIP adalah soal belanja operasi dan sebahagian besar daripada belanja operasi ini adalah disumbangkan oleh kos penggunaan tenaga elektrik yang tinggi. Walaupun er… PAIP berhutang tapi pada masa yang sama er… pihak TNB juga kita merasakan ya, kita berfikiran dan dari segi rundingan-rundingan kita ini sebenarnya TNB juga ada berhutang dengan kita. Jadi selaras dengan er… perjanjian penstrukturan er… industri perkhidmatan bekalan air ini, perkara ini telah jadi apa keutamaan perhatian Pejabat er… Undang-undang Negeri, insya-Allah kita boleh selesaikan.

Seterusnya er… Sungai Lembing er… minta kalau boleh projek-projek bekalan air yang telah diluluskan itu oleh Kerajaan yang lalu diteruskan. Sememangnya setiap tahun Dato' Sri Yang Di-Pertua, er… daripada *rolling plan* pertama hinggalah keempat, pihak kerajaan sentiasa memohon peruntukan untuk er… meneruskan penaiktarafan er… sistem retikulasi bekalan air kita ini. Kita minta sebenarnya, kalau ikutkan di sini RM177 juta untuk er… projek yang berkaitan dengan Sungai Lembing tapi sehingga kini kita belum er… mendapat peruntukan yang dihajatkan.

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Saya fikir er… itu sahajalah er… perkara-perkara yang… yang utama yang boleh saya kongsikan dalam kesempatan masa yang ada ini. Sekiranya er… dan saya fikir pastinya banyak juga isu-isu yang dibangkitkan oleh Wakil Rakyat, tak sempat saya jawab disini, tak sempat saya perhalusi di sini. Jadi saya fikir lebih mudah lebih cekap sekiranya Yang Berhormat kita berurusan secara langsung dan tidak ada masalahnya insya-Allah kita sama-sama kelapangan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit. Terima kasih Dato' Sri di-Pertua di atas kebenaran er… masa untuk saya mengambil bahagian pada petang ini. Dengan itu saya menyokong usul menyunjung kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas er… Titah Diraja. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat (Ahli Dewan menepuk meja) yang telah meyampaikan ulasan dan pandangan yang cukup baik dan panjang lebar tadi. Baiklah seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan Perpaduan Kebajikan Masyarakat Dan Pembangunan Wanita Dan Keluarga Negeri Pahang.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang juga kepada saya untuk er… berucap dalam sesi penggulungan, walaupun er… saya lihat dari segi soalan, dari segi perkara yang dibangkitkan pun tidak beberapa banyak

yang menjurus khusus er… kepada portfolio saya. Namun saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyampaikan sembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong atas perlantikan baru-baru ini dan ini membuatkan kita rakyat negeri Pahang berasa begitu bangga dan terharu dengan perlantikan tersebut. Namun sentuhan kasih jasa yang telah dicurahkan oleh Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah tidak akan dapat dilupakan sampai bila-bila oleh rakyat negeri Pahang.

Saya juga mengambil kesempatan menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dan berkongsi rasa kebimbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja terhadap penghinaan kepada institusi raja yang sepatutnya tidak berlaku dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan yang meletakkan raja sebagai kuasa tertinggi khususnya dalam hal ehwal agama islam dan adat resam melayu.

Namun begitu ada di kalangan generasi muda hari ini yang mengamalkan cara hidup komunikasi maya Dato' Sri di-Pertua, ataupun merujuk kepada diri mereka sebagai netizen ya, melalui er… sudah mula melampaui batas mengkritik institusi raja hingga ke tahap penghinaan. Oleh yang demikian terdapat keperluan yang kritikal untuk kita memberi kefahaman dan penjelasan kepada pelbagai lapisan masyarakat hari ini berhubung kepentingan institusi monarki yang sedia ada dan relevensinya dalam konteks sifat Kenegaraan dan Perlembagaan Malaysia.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Titah Diraja semasa istiadat pemasyuran baginda sebagai Sultan Pahang Keenam pada 15 Januari 2019 telah menitahkan kepada saya *quote* er… saya petik kata-kata tersebut "*kepada rakyat jelata sekalian, saya ini tidak ubah sebagai condong yang akan menongkat, bagai rebah yang akan menegak pada sayalah tempat rakyat sekalian menumpang teduh apabila dilanda musibah dan menumpang kasih apabila berduka. Legasi pemerintahan Paduka Ayahanda yang berpaksikan kepada kata keramat Raja dan Rakyat Berpisah Tiada, Raja dan Rakyat Sehati Sejiwa akan terus saya jadikan sebagai pedoman dan cogan utama pemerintahan saya*." Komitmen Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk terus meneruskan falsafah "Raja dan Rakyat Berpisah Tiada, Raja dan Rakyat Sehati Sejiwa" membuktikan kesedaran tinggi baginda terhadap kepentingan slogan tersebut bukan sahaja dalam konteks kelangsungan sistem beraja, tetapi juga impak prinsip ini kepada keutuhan sosio budaya di negeri Pahang sebagaimana yang telah dilakukan oleh para pemerintah yang mendahului baginda.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh sedikit tentang sejarah negeri Pahang. Aspek kesaling bergantungan antara raja dan rakyat ini boleh kita temukan dalam Sulalatus Salatin atau sejarah melayu. Ini untuk panduan Wakil-wakil Rakyat mungkin yang generasi muda ya dalam Dewan ini. Dalam sejarah Melayu, iaitu karya sejarah yang penting mengenai Kesultanan Melayu Melaka, iaitu antara pendahulu Kesultanan Pahang Moden yang ada kini. Selain aspek kontrak sosial antara raja dan rakyat yang dilambangkan melalui waad antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun Sulalatus Salatin turut mengambarkan kesaling bergantungan tersebut seperti berikut. Saya

petik "*rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon. Jikalau tiada akar, nescaya pohon tidak akan dapat berdiri*."

Begitu juga dalam Hukum Kanun Pahang, manuskrip agung negeri Pahang yang ditulis semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur ada memetik bahawa "*dari itu suatu risalah ada menyatakan hukum kanun kepada negeri yang besar-besar sekalian dan pada segala raja-raja akan memeliharakan segala rakyat.*" Munsyi Abdullah juga Dato' Sri Yang Di-Pertua, dalam karyanya kisah pelayaran Abdullah ke Kelantan ada juga menyebut tentang betapa pentingnya suasana budaya sosio Pahang semasa era pemerintahan Bendahara Siwa Raja Tun Ali pada tahun 1806 – 1847 berkaitan soal sikap dan nilai ekonomi, pendidikan, undang-undang dan sistem beraja di negeri ini.

Dalam karya tersebut disebut 9 peranan raja di negeri Pahang sebagai pemerintah iaitu pendokong intektualisme, pelindung rakyat, pelopor kemajuan, pentadbir berkeutamaan, pengupaya masyarakat, pemimpin berpengetahuan, pemimpin berkemuliaan, pemimpin berkesederhanaan dan pemimpin berpedoman. Aspek inilah sewajarnya mencirikan citra keadilan raja pemerintah yang akhirnya telah diperuntukkan di bawah Perkara 2 Bab 1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang yang berbunyi seperti berikut 'Raja pemerintah ialah punca keadilan dan bagi kuasa kerajaan dalam negeri dan segala jajahan takluknya dan dengan sebab itu adalah mercu bagi semua gelaran-gelaran, pangkat-pangkat kemuliaan, pangkat-pangkat kebesaran dan kurniaan-kurniaan dalam negeri dan kerajaan'. Ha.. tu saya bagi sedikit gambaran sejarah tentang kesultanan di negeri Pahang.

Dato' Yang Di-Pertua,

Kerajaan Negeri komited untuk mempertahan dan terus memartabatkan institusi raja di negeri ini. Pelbagai usaha dan inisiatif dibuat untuk kita memartabatkan Institusi Diraja melalui inisiatif-inisiatif yang dibuat termasuk dari sudut pemeliharaan budaya dan warisan negeri Pahang itu sendiri. Apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah menitahkan tentang untuk memperkasakan semula tulisan jawi contohnya, Majlis Perbandaran Kuantan telah pun er… menggunakan tulisan jawi di papan tanda-papan tanda di Bandar Kuantan ini. Saya kira ini adalah satu inisiatif yang mesti dipuji dan diberi galakan kepada PBT-PBT di daerah lain untuk menjejaki contoh MPK ini. Syabas kepada MPK.

Muzium Negeri Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang adalah antara beberapa agensi Kerajaan Negeri Pahang yang aktif menganjurkan wacana, seminar dan terkini er… esok lusa akan ada Kolokium Diraja, yang mana saya dan juga sahabat saya Wakil daripada Lanchang akan menjadi salah seorang pembentang kertas kerja dalam Kolokium Diraja anjuran Muzium dan Galeri-galeri Diraja juga diwujudkan sebagai tempat rujukan generasi muda hari ini. Terkini, sebuah Galeri Diraja yang terkini, yang terbaru telah diwujudkan di Chenor dan dijadualkan akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada 27 haribulan April yang akan datang ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kesungguhan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong pula dalam memartabatkan Tenun Pahang Diraja juga mendapat sokongan yang tidak berbelah bagi oleh pihak Kerajaan Negeri. Muzium Negeri contohnya, telah bekerjasama dengan pereka-pereka fesyen yang bertaraf antarabangsa untuk mempromosikan Tenun Pahang Diraja di peringkat antarabangsa. Satu video dokumentari telah

diterbitkan dan Tenun Pahang… berkenaan Tenun Pahang ini dan telah dibekalkan kepada pusat-pusat pelancong dalam dan luar negara.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Satu buku berkenaan Tenun Pahang Diraja juga bakal diterbitkan iaitu *The Magic of Tenun Loom* dalam bahasa Inggeris yang akan menjadi rujukan utama kepada penyelidik-penyelidik tekstil di peringkat antarabangsa. Untuk mempromosikan juga… kita mempromosikan masakan dan manisan tradisional Pahang sebagai satu warisan tradisi rakyat Pahang yang bukan sahaja enak tetapi unik dan hasil daripada penjelajahan pertama baginda pada tahun 2003, telah memungkinkan kepada penerbitan buku Air Tangan Tengku Puan Pahang: Masakan Tradisional Pahang yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila memenangi Anugerah *Special Awards Of The Jury* oleh *Women Cookbook Award* 2008 di London dan seterusnya menerbitkan buku Air Tangan Tengku Puan Pahang: Manisan Tradisional Pahang yang mengandungi lebih daripada 300 buah resepi manisan yang dikumpul hasil penjelajahan ke seluruh daerah Negeri Pahang.

Selain daripada itu juga, Muzium telah menerbitkan, saya nak sebut juga pasal ini juga adalah inisiatif Kerajaan Negeri melalui Muzium. Kita menerbitkan percetakan semula buku Citra Pahang dalam teks klasik, Buku Tenun Pahang Diraja *A Fashion Tradition,* percetakan semula Buku Joget Pahang, Gamelan Melayu: *The Classical Ensemble Of The Pahang Royal Court*, Buku Pahang dari Kampung ke Kolonial, Buku Pahang Warisan Inderapura, Persona Darul Makmur, Buku Tulisan Jawi Warisan Intelektual, Buku Daulat Tuanku, Venial Lagu Perang Sebuah Album Gamelan Melayu, Video Daulat Tuanku dan British Malaya Pahang 1874. Buku-buku ini diterbitkan supaya ianya menjadi rujukan. Bukan sahaja rujukan kepada generasi terkini tetapi disebutkan oleh wa… rakan-rakan Wakil Rakyat sebagai kita ni pemimpin menjadi contoh. Kalau kita sendiri tak memahami sejarah, tidak mengkaji apa yang telah berlaku dalam sejarah kesultanan Negeri Pahang ini sendiri, jadi saya rasa tak kena kalau kita cakap kita sayang dan kita kasih kepada Institusi Diraja di Negeri Pahang ini hanya dengan berkata-kata.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menegaskan bahawa inisiatif-inisiatif yang saya sebutkan tadi, yang dibuat oleh Kerajaan Negeri akan diteruskan, akan dipertingkatkan, akan diperkasakan. Kerana Institusi Diraja ini juga adalah simbol perpaduan. Perpaduan kaum kini dah jadi sangat dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua, *fragile*. Wakil dari Pelangai, Dato' Sri DiRaja tadi juga menyebutkan bahawa dah menjadi satu *tension* dengan izin, kepada masyarakat hari ini. Tak boleh cuit sikit begitu sensitif. Contohnya dalam Dewan ini sendiri, apabila sahabat saya Wakil dari Kemayan bertanya, mengemukakan soalan kepada Wakil Sabai, kecoh satu negara, keluar dalam setiap portal, dalam surat khabar. Dimulakan oleh surat khabar *Sin Chew Daily* menyatakan bahawa beliau mengeluarkan kenyataan yang rasis. Ini membuktikan bahawa setiap gerak geri, setiap patah perkataan kita ketika ini sangat-sangat sensitif apatah lagi apabila ianya menyentuh tentang kaum-kaum dalam negara kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya tak nampak, ramai masyarakat di luar sana pun tak nampak Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan hari ini serius dalam menangani isu perpaduan ini. Tak nampak. Tadi kita tanya Wakil Tanah Rata, tanya Wakil Ketari, apa tindakan dia. Dia minta kita pula ajak… jemput dia. Saya rasa mereka mempunyai kelebihan dengan

izin, *advantage* Dato' Sri di-Pertua kerana mereka berada bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Bila-bila masa boleh jumpa Menteri Dalam Negeri, tak payah nak tunggu kita jemput buat polis *report*. Dato' Sri Yang di-Pertua, jadi saya harap Kerajaan Persekutuan lebih serius lagi dan dapat bekerjasama. Kita tak ada masalah. Kerajaan Negeri tidak ada masalah untuk bekerjasama dalam kita menangani isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya… bila sebut ni kan saya sedih Dato' Sri Yang di-Pertua, kelab-kelab yang sepatutnya menjadi kelab macam KRT contohnya Dato' Sri Yang di-Pertua ya. Sebelum ini begitu aktif buat program perpaduan, hari ini lesu. Lesu sebab apa? Takut nak jemput Wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri ya. Jadi terpaksalah dia buat program sendiri-sendiri, syok sendiri tak ada apakan. Jadi tak nampak ya. Jadi kita kena ambil pendekatanlah. Macam kita Kerajaan Negeri Dato' Sri. Kita ambil pendekatan mendahulukan kesejahteraan rakyat. Sebab itulah apabila nak mengujudkan MPKK ya, kita terima cadangan daripada Kerajaan Persekutuan walau pun kita mampu sebenarnya untuk mengekalkan JKKK yang sebelum ini. Tak ada masalah, tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar berpandangan dan dipersetujui di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita tidak mahu rakyat kita di kampung-kampung berpecah-belah.

Kita terima cadangan MPKK dan kita ikut syarat-syarat yang telah ditetapkan sepertimana disebut oleh rakan saya daripada Batu Talam sebentar tadi. Kita ikut, tak ada masalah, yang penting adalah rakyat ya. Tapi sekarang ni banyak ditukar jelah, semua ditukar. Saya tengok Klinik 1Malaysia, tukar jadi Klinik Komuniti ya, BRIM ditukar jadi BASAH. Apa benda BASAH, saya tak tahulah. Macam-macam lagi. Apa motif, apa faedah untuk rakyat, kita pun tak pasti Dato' Sri Yang di-Pertua.

Saya nak sentuh juga dengan Kelab Komuniti 1Malaysia dibawah Jabatan Penerangan. Sebelum ini Kelab Komuniti 1Malaysia ini berjalan dengan baik dipengerusikan oleh Penghulu, dianggotai jawatankuasanya oleh pemimpin-pemimpin masyarakat, untuk menyampaikan dasar-dasar dan polisi kerajaan. Tapi saya difahamkan Kelab Komuniti 1Malaysia telah diubah menjadi Kelab Harapan Malaysia dan pengerusinya dan juga Ahli-ahli Jawatankuasanya mestilah terdiri daripada Ahli Parti Pakatan Harapan dan mesti disahkan oleh Parti Pakatan Harapan. Ini, apa benda ni, Dato' Sri Yang di-Pertua. Kita dulu tak pernah *check* pun, tak pernah syaratkan pun, mereka itu mestinya Kerajaan er… Ahli-ahli Parti Barisan Nasional, tak pernah. Bagi kita pentingnya ialah sampai dasar dan polisi Kerajaan kepada akar umbi. Menjadi Kerajaan, menjadi Parti adalah dua perkara yang berbeza. Ini yang… Pakatan Harapan hari ini kena belajar dan bersekolah baliklah Dato' Sri Yang di-Pertua.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak cakap banyak pun, pasal benda ini benda dah berlaku, tapi saya nak sebut jugalah, portfolio saya satu lagi berkenaan dengan kebajikan. Kalau tak sebut karang, tak kena juga tapi kebajikan, perpaduan, kebudayaan, ini adalah perkara-perkara yang melampaui sempadan politik ya. Kita tidak boleh er… mempolitikkan perkara-perkara ini demi kepentingan kesejahteraan rakyat.

Jadi, Kerajaan Negeri, Dato' Sri Yang di-Pertua, meneruskan bantuan kepada rakyat yang memerlukan bagi tempoh Januari hingga Mac 2019, kita telah menyalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat peruntukan sebanyak RM13.4 juta, peruntukan Kerajaan Negeri, bagi kepada JKM. Dari jumlah itu, ya, 239 penerima adalah penerima

bantuan baru yang mula menerima bantuan JKM mulai Januari 2019. Seramai 197 orang pula telah ditamatkan atas faktor telah keluar dari garis kemiskinan dan berupaya berdikari.

Bagi membantu golongan B40 yang memerlukan, Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan bantuan am sebanyak RM300 seorang kepada 2,947 orang di seluruh negeri Pahang dan kita telahpun meminda kriteria penerima bantuan am negeri pada Januari 2019, yang mana Kerajaan Negeri telah memperluaskan kriteria penerima bantuan dari had umur 18 ke 59 tahun kepada 18 tahun ke atas serta kriteria pendapatan adalah mengikut paras garis kemiskinan semasa, bukan lagi hanya mengikut PGK RM720.00 sebulan seperti sebelumnya.

Sehingga Disember 2018 seramai 450 orang penerima bantuan JKM pula telah diberi bantuan geran pelancaran melalui program 2 Year Exit, Program 2YEP iaitu bantuan kewangan untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Jadi persediaan Kerajaan Negeri juga untuk menghadapi bencana, sebanyak 2 juta… RM2 juta telah disediakan untuk disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang dan disalurkan kepada Tabung Bantuan Malapetaka Daerah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Juga Kerajaan Negeri bersama JKM juga telah mengenal pasti 117 buah pangkalan hadapan bagi menyimpan bekalan makanan sekira berlakunya bencana, khususnya bencana banjir. Dan er… kita juga mengenal pasti 664 buah Pusat Pemindahan Bencana yang terdiri dari sekolah, balai raya, dewan orang ramai dan surau ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi ke? Di sini, di sini.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha…

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Sikit je lagi. Sikit lagi, nak… nak..

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebab saya nak bagi peluang Pengerusi Pertanian dan…

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dah nak… dah nak habis dah Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Jadi itulah antara inisiatif-inisiatif yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri er… berkenaan dengan kebajikan dan untuk menjawab cadangan daripada Wakil daripada Tahan, Perkahwinan Perdana Beramai-ramai, saya kira ini adalah satu inisiatif yang sangat baik yang kita sendiri pun sentiasa memberi sokongan kepada mana-mana pihak, NGO-NGO yang melaksanakan program ini.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada hujung tahun ini ya, Kerajaan Negeri er… melalui JAIP, Jabatan Agama Islam Pahang akan menganjurkan program peringkat negeri Pahang dan insya-Allah Kerajaan Negeri akan memberi insentif er… sejumlah peruntukan tertentu kepada pasangan-pasangan yang mengikuti program tersebut.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Akhirnya, saya er… sebelum saya duduk saya nak mempromosi "Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" yang akan diadakan pada 23.4.2019 hari Selasa, jam 11.00 hingga 11.10 pagi, saya mintak semua sekalilah ya Ahli-ahli dalam Dewan ini memberi sokongan dan tolonglah muat naik dalam laman media sosial masing-masing dengan "#pahangmembaca".

Dato' Sri Yang di-Pertua, pantun dari saya:

Andai ada serindit di taman,
Jadilah ketitir berganti warna,
Andai ada semangat perjuangan,
Pertahankanlah negeri ini hingga ke hujung nyawa.

(Ahli Dewan tepuk meja) Dengan kata-kata itu, saya dengan ini mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, hujah Yang Berhormat baik, bernas tetapi masa mencemburui kita. Jadi saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang. Saya harap Yang Berhormat Pengerusi dapat memahami keadaan masa yang begitu… Sila Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, memberi ruang kepada saya untuk bercakap juga di penghujung… penghujung sesi perbahasan dan penggulungan ya Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Sempena Mesyuarat Pertama Penggal ke-2 Dewan Undangan Negeri Yang ke-14 dan er… sudah tentu masa mencemburui.

Jadi saya ni, Wakil-wakil Kerajaan ini sentiasa masa mencemburui kerana dapat slotnya, memang slot kiranya, dia slot *injury time.* Kalau main bola tu kiranya, masuk tu, kira macam masuk *reserve*, masa kecederaan ya, terima kasih.

Walau bagaimanapun er… terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dan saya juga seperti rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, er… merakamkan setinggi-tinggi penghargaan junjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang sanggup

untuk berangkat pulang daripada luar negara dan mengambil sedikit masa daripada masa pengajian baginda di Sandhurst, United Kingdom kembali ke Pahang, berangkat kembali ke Pahang dan berkenan juga untuk menyempurnakan Titah Diraja dalam er... Mesyuarat Pertama Penggal ke-2 Dewan Undangan Negeri Yang ke-14 kerana prihatin kepada permasalahan dan juga mengikuti secara dekat perkembangan kemajuan dan pembangunan negeri Pahang yang tercinta demi untuk rakyat jelata dan negeri yang tercinta ini. Junjung kasih Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak mengambil kesempatan di sini, pertamanya untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini yang telah membangkitkan isu-isu dan juga permasalahan dan juga cadangan. Cadangan yang bernas yang membabitkan portfolio saya, Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi.

Rakan-rakan antara yang membangkitkan ialah daripada Cheka, daripada Kemayan, Tahan, Tanjung Lumpur, Beserah, Tanah Rata tak ketinggalan Ketari, juga rakan-rakan yang lain yang mungkin tak sempat dirakamkan ya, kerana dia sebut secara sepintas lalu er… isu-isu yang dibangkitkan yang menyentuh mengenai portfolio. Saya cuba untuk er… memberikan maklumbalas, tetapi sikit sebanyak izinkan saya untuk juga merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ketua-ketua jabatan dan warga er… jabatan yang telah bertungkus lumus untuk er… menyediakan jawapan-jawapan dan juga menengahkan visi dan misi jabatan masing-masing dalam mempastikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang menitahkan agar Pahang ini dapat dijadikan sebagai hub dalam sektor pertanian yang ulung di negara yang tercinta ini, insya-Allah.

Sepertimana yang kita sedia maklum sektor pertanian yang merangkumi industri agro makanan pada masa ini berdepan dengan cabaran bagi meningkatkan sumbangan dalam menjayakan sasaran negara iaitu negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Antara cabarannya adalah meningkatkan daya saing memenuhi tenaga kerja mahir dan separa mahir, menjamin bekalan makanan yang mencukupi serta menarik pelaburan pihak swasta. Untuk itu dasar agro makanan negara bagi tahun 2011 hingga ke 2020 memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan industri agro makanan supaya lebih produktif dan berdaya saing.

Kerajaan sepanjang masa melaksanakan program bagi mengadakan kecukupan kebolehdapatan makanan yang berkualiti dan selamat serta mampu dibeli oleh pengguna. Justeru fokus kerajaan pada peningkatan pengeluaran bagi memenuhi keperluan negeri dan negara diberikan. Sehingga akhir tahun 2018 sebanyak 571,768 metrik tan bahan makanan bernilai RM2.577 billion telah dikeluarkan, dihasilkan dan disasarkan mencapai 600 ribu metrik tan bernilai RM2.7 billion menjelang akhir tahun 2019.

Tumpuan pelaksanaan program dan projek bermula dengan penggunaan benih tanaman yang bermutu tinggi dan mendapat pasaran yang baik seperti, misal contohnya benih durian D197 ia ini musang king, nangka J33, padi MR297 dan benih tanaman-tanaman ini akan dikeluarkan oleh jabatan dan agensi swasta yang disahkan oleh jabatan pertanian melalui skim pengesahan bahan tanaman bagi mempastikan pengusaha dan petani mendapat benih yang terjamin mutunya. Manakala penggunaan teknologi tinggi dalam meningkatkan hasil pengeluaran seperti pertanian persis dan teknologi fertigasi akan meningkatkan lagi kecekapan bagi seunit

pengeluaran. Contohnya bagi pengeluaran tanaman cili, hasil dapat ditingkatkan dari 1.5 kilogram sepokok kepada 4 kilogram sepokok dengan menggunakan faedah fertigasi.

Untuk meningkatkan lagi sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan negara, kerajaan terus memberi tumpuan untuk pembangunan projek TKPM iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan sebagai salah satu inisiatif bidang ekonomi utama dan penglibatan pelabur swasta dan usahawan tani dalam pelaburan tanaman bernilai tinggi. Ini memberikan tambahan penglibatan pendapatan peluang pekerjaan serta perluasan perniagaan. Pembukaan kawasan di TKPM Lanchang telah menye… menyelenggara infrastruktur di beberapa dan juga serta penyelenggaraan infrastruktur di beberapa TKPM akan diteruskan sehingga kini di negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terdapat 18 buah TKPM diseluruh Negeri Pahang dengan keluasan bertanam 3,317 hektar yang menjana pengeluaran sebanyak 16,650 metrik tan dengan nilaian RM34.36 juta.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi meneruskan pembangunan pertanian secara mampan, maka konsep atau pendekatan pengeluaran mengikut amalan pertanian yang baik ataupun GAP, *good agricultural practices,* perlu diikuti dan diamalkan bagi pengeluaran bahan makanan yang berkualiti dan selamat dimakan. Para pengusaha amat digalakkan untuk mendapatkan persijilan MyGAP yang memberi ruang yang lebih besar untuk menembusi pasaran ke luar negara. Persijilan ini adalah setaraf dengan EuroGAP, ataupun… dan ChinaGAP serta GlobalGAP yang terkenal diseluruh dunia. Semua pengusaha yang terlibat dengan Taman Kekal Pengeluaran Makanan amat digalakkan untuk mematuhi amalan pertanian yang baik seterusnya memperolehi persijilan myGAP ini. Sehingga akhir tahun 2018 terdapat 491 pekebun ataupun ladang yang memperolehi persijilan myGAP di seluruh negeri Pahang.

Pengeluaran makanan juga perlu mengambil kira pentingnya menjaga alam sekitar dalam proses pengeluaran makanan. Didapati masih berlaku pembuangan bekas racun dan juga sisa pepejal lain ke dalam sumber air seperti sungai dan kolam takungan yang boleh mencemarkan sumber air serta mencacatkan pemandangan. Dalam usaha mengurangkan pembuangan bekas racun ini secara tidak teratur, Jabatan Pertanian sebagai contoh telah membina 3 buah Pusat Pengumpulan Sisa Pepejal iaitu di Lembah Bertam, ini di Cameron Highlands ya, di Sungai Manson dan juga di Kuala Terla di Cameron Highlands.

Namun yang lebih penting adalah kesedaran oleh anggota masyarakat untuk mendokong dan menyokong dan mengamalkan amalan pertanian yang baik demi untuk menjayakan kempen ini. Disamping itu juga kerajaan sangat mengalakkan para pengusaha dalam sektor pertanian mengusahkan perladangan organik yang tanpa menggunakan bahan kimia sehingga memperolehi persijilan myOrganic yang diselaraskan oleh Jabatan Pertanian. Bilangan petani yang menceburi bilang… bidang organik ini masih kecil walaupun permintaan yang tinggi daripada pengguna disamping dapat memelihara alam sekitar. Sebanyak 37 kebun atau ladang di seluruh negeri Pahang memperolehi persijilan myOrganic ini.

Jabatan juga sentiasa memantau penggunaan racun makhluk perosak dengan mengambil sampel-sampel untuk dianalisa bagi mengenalpasti bacaan MRL ataupun

Minimum Residue Level racun di makmal Jabatan. Sehingga kini didapati bilangan sampel yang melanggari MRL semakin menurun. Kursus, khidmat nasihat dan penguatkuasaan Akta Racun Makhluk Perosak turut dilaksana bagi menangani isu ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Usaha-usaha akan dibuat dan terus dilaksanakan bagi mempastikan sektor pertanian dapat mengamalkan amalan ataupun amalan pertanian yang baik demi untuk keselamatan pengguna.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang ataupun bidang penternakan. Negeri Pahang ini berpotensi untuk menjadi negeri pengeluar makanan berasaskan hasil ternakan yang terbesar di Malaysia. Pada tahun 2018, subsektor ternakan telah menyumbang nilai pengeluaran sejumlah RM1.5 billion berbanding RM1.34 billion pada tahun 2017, dengan menunjukkan peningkatan nilai hasil sebanyak RM0.16 billion iaitu lebih kurang 11.9% dan negeri Pahang masih kekal menjadi pengeluar utama daging lembu di Semenanjung Malaysia, dengan pengeluaran daging sebanyak 4,070 metrik tan yang menyumbang sebanyak RM108 juta pada tahun 2018. Negeri Pahang telah menghasilkan sebanyak 6.6 juta litar… *sorry,* liter… 6 juta liter susu segar dengan nilai RM17.8 juta manakala pengeluaran telur mencatatkan pengeluaran sebanyak 22.75 metrik tan dengan nilai RM128 juta.

Bagi memajukan sub-sektor ternakan dan peningkatan hasil kepada Kerajaan Negeri Pahang, beberapa perancangan strategik perlu dilaksanakan. Pertama memperkasa pembangunan genetik pembiakan bakaan, ini genetik ini pembiakan bakaan ternakan dominan iaitu lembu pedaging dan lembu tenusu dengan menggunakan baka-baka terpilih, yang menghasilkan pengeluaran daging yang tinggi dengan menggunakan kaedah permanian berhadas atau dipanggil *artificial insemination* (AI) dengan izin.

Ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan *semen, semen* ini maknanya air mani yang diimport dari luar negara dan disuntik ke dalam ternakan betina seperti *semen* dari baka Belgian Blue, Charolais, Limousin yang boleh menghasilkan lebih daripada 50 hingga 60% tak jelas bersih dibanding dengan baka tempatan seperti lembu KK dan kacukan Brahman pada umur yang sama.

Penggunaan teknologi pemilihan embrio, *embrio transfer* dengan izin, ET boleh dilaksanakan untuk memperkasa pembiakbakaan dalam industri ternakan tetapi teknologi ini masih kurang meluas digunakan di negara ini. Sekiranya digunakan teknologi ET ini, maka anak yang bakal dihasilkan adalah merupakan 100% baka tulen dan bukan anak baka kacukan seperti teknologi AI sepertimana yang digunakan sekarang. Buat masa ini, teknologi ai digunakan secara meluas kerana lembu tenusu bagi tujuan penambahbaikan genetik untuk peningkatan pengeluaran susu.

Sebab itu Yang… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua baru-baru ni dalam lawatan er.. kerja teknikal er… yang diketuai oleh YAB. Dato' Sri Menteri Besar ke Belgium er… ke Holand, kita telah melihat bagaimana kaedah ini digunakan. Kita melihat bagaimana lembu-lembu ini lembu Belgium Blue ni lembu ni dia sado, dia kalau tengok lembu tu kita tengok dia er... apa nama

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Macam mana Yang Berhormat rupa dia?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia rupa dia [ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nampak Yang Berhormat tengah itu tadi

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Itulah, saya dapat menunjukkan… ini maknanya kalau kita tengok yang er… otot-otot lembu ni tadi berketul-ketul dekat dia punya punggung. Dia er… dan lembu-lembu ni besar. Seekor-seekor tu tak silap saya er… melebihi daripada 500kg, 500,600 kg dia..

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Nak tanya pasal lembu ni, dengan lembu Wagyu, *Wagyu Beef* dengan ni, mana lebih besar?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Wagyu Beef ni… dia tak besar sangat, tapi dia punya tekstur er… daging dia tu dia lembut dan er… rasanya enak dan er… dalam lawatan kita buat di… di er… Belanda ni, kita juga pergi ke ladang-ladang lembu Wagyu yang diusahakan oleh er… keluarga Belanda ni dan er… hasil daripada lawatan ini lebih kurang ya, er… kita telah merancang, insya-Allah Kerajaan Negeri akan merancang mungkin dengan menggemblengkan er… agensi syar… syarikat, anak syarikat Kerajaan Negeri untuk menceburkan diri dalam perusahaan ini dan ianya boleh dilaksanakan.

Kita boleh galakkan kacukan antara Belgium Blue ni dengan er… Hostin, maknanya baka Hostin yang er… ada di Malaysia dan juga ada di er… Australia dan di Belanda ini tadi, untuk dikacukkan supaya er… lembu-lembu ni tadi dia lebih besar dan boleh menghasilkan er… daging yang lebih banyak dan insya-Allah perkara ni memang dalam er…perancangan kita ya, dan er… disamping itu juga saya ingin juga menyentuh mengenai perladangan ayam jadi kalau nak perjelaskan Dato' Sri er… ni Yang di-Pertua, yang ni memang makan masa sikit jadi saya sentuh sikit-sikit ya. Er… yang lain tu nanti kita er… akan perjelaskan kepada Ahli-ahli Dewan mungkin dalam satu sesi yang akan kita buat mengenai hala tuju sektor pertanian, insya-Allah negeri.

Sedikit sebanyak penguatkuasaan perladangan ayam dengan pembinaan sistem reban tertutup ini penting kerana apa kita telah mendapat banyak dapat ni aduan er… bekenaan dengan er… perladangan ayam ini yang telah menimbulkan kacau ganggu terutama sekali dari segi lalat-lalat yang ada yang timbul daripada er… perusahaan ini dan insya-Allah er… Kerajaan Negeri akan meneliti dan juga mungkin menguatkuasakan er… enakmen er… unggas ini dan mempastikan semua reban-raban ayam yang akan er… beroperasi di negeri ini hendaklah dilaksanakan secara tertutup yang tidak ada er… kacau ganggu dari segi lalat er… dan juga pencemaran bau dan sebagainya.

Dan er… pada masa yang sama, saya juga ingin memaklumkan bahawasanya er… penggunaan *reserve* haiwan ataupun er… kita akan mengambil pendekatan memaksimumkan penggunaan *reserve* haiwan dengan menawarkan er… pengusaha-pengusaha yang berminat yang telah membuktikan keupayaan dan kejayaan mereka untuk membangunkan *reserve-reserve* haiwan yang ada di seluruh negeri Pahang ini,

yang berteraburan di daerah-daerah selari dengan hasrat er… ni Jabatan Veterinar dan juga er… ni ni pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran-pengeluaran daging ke tahap sara diri atau *first* bahasa inggerisnya *self-sufficient level* (SSL).

Daripada 23% kepada 30% dan SSL daging ayam daripada 107% kepada 200%, SSL susu segar daripada 58% kepada 100% dan SSL telur daripada 190%... 119% kepada 200% dan insya-Allah usaha ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada produk import atau produk dari luar negara. Ini… ini pendekatan yang insya-Allah kita akan ambil ya.

Dan er… untuk menyentuh sedikit mengenai er… industri perikanan. Sebagai peneraju transformasi perikanan mampan dan berdaya saing, kita sentiasa berusaha untuk er… membangunkan industri perikanan yang dinamik berpandukan kepada pasaran melalui pendekatan kreatif dan inovatif dan menguruskan sumber perikanan negara secara efisien, inovatif dan mesra alam berasaskan maklumat saintifik dan tadbir urus yang rapi serta melonjakkan sistem penyampaian berteraskan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan professional.

Dalam mencapai misi tersebut, jabatan er… pihak Kerajaan melalui Jabatan Perikanan sentiasa memberi tumpuan dan usaha yang mendapat meningkatkan kualiti dan keberkes… keberkesanan perkhidmatan se… selain usaha yang berterusan untuk mencapai matlamat-matlamat ini dan er… dalam tahun 2019, Jabatan Perikanan mensasarkan lebih ramai lagi usahawan muda untuk menceburi bidang ini.

Jadi untuk makluman Yang… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, per… Jabatan Perikanan akan meneruskan projek estet ikan di negeri Pahang, di mana ketika ini terdapat 4 estet ikan yang telah diwujudkan oleh komuniti setempat bersama dengan Jabatan Perikanan. Tahun 2018, tuaian hasil estet ikan di Kampung Paya Cempaka adalah sebanyak 40 metrik tan dengan anggaran nilai RM353, 000 dan dijangka dalam tahun 2019, dua estet ikan akan dituai dan anggaran hasil tuaian adalah sebanyak 80 metrik tan dan pada tahun ini kerajaan telah memperuntukkan sejumlah er… RM100,000 Kerajaan Negeri ya. Manakala Kerajaan Pusat akan memperuntukkan sejumlah RM805,470 untuk sektor akualkultur di negeri Pahang Darul Makmur.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak respons sikitlah kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan ini ADUN. Pertama sekali berkaitan dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Tanjung Lumpur, membangkitkan tentang er… agar perancangan yang rapi dibuat bagi membela nasib-nasib nelayan yang terbabit dengan Penempatan Semula Nelayan di Bunut Rendang, ya. Bunut Rendang ini kita telah pun siap rumah er… sejumlah 154 unit dan er… insya-Allah kita sedang dalam proses untuk er… memuktamadkan senarai mereka-mereka yang layak untuk mendiami perumahan ini.

Insya-Allah utama… keutamaan akan diberikan kepada para-para nelayan yang tidak mempunyai er… rumah dan memerlukan er… perumahan yang tersusun dan perkara ini sedang kita tangani insya-Allah dan er… kalau mengikut daripada maklumat yang diterima iaitu tentang er… cadangan untuk membolehkan nelayan er… memukat kurang daripada 2 *nautical* batu, perkara ini sebenarnya er… kalau mengikut maklum balas yang diterima iaitu peralatan Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) hanya dilesenkan di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Ianya adalah

merupakan peralatan tambahan kepada pengusaha zon A, peralatan tradisi. Operasi alat ini adalah sama seperti operasi pukat tunda dimana pada musim tengkujuh dibenarkan menunda di kawasan 2 batu *nautical* dari pantai ke atas dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jadi maknanya kalau mengikut ini er… maklum balas yang diberikan ini, dia tidak membenarkan untuk memukat er… 2 *nautical* er… batu ke bawah, dia mesti ke atas.

Dan er… bagi menjawab er… soalan yang dibangkitkan oleh ADUN daripada Tanah Rata, sebenarnya di tanah atau di Cameron Highlands ini, dia kawasan yang sesuai untuk pertanian ialah seluas 3,292 hektar. Manakala guna tane… guna tanah er… pertanian yang sekarang ini melebihi daripada kawasan yang dibenarkan iaitu 6,578 hektar. Maka kita lihat disini, yang sesuainya kalau mengikut pandangan daripada Jabatan Pertanian mengikut *technicality* dan sebagainya 3,292 manakala yang telah kita usahakan 6,578.

Sebab itu bila dia buat cadangan er… agar diwujudkan sebuah TKPM di Cameron Highlands ini maka pihak kerajaan mengambil pandangan daripada er… ADUN Tanah Rata iaitu kalau ada keperluan, misal contohnya mungkin kawasan yang telah diusahakan ini terpaksa disusun semula, bukannya kita membuka kawasan yang baru sebab kawasan yang dah ada ini melebihi daripada yang sepatutnya. *So* perkara ini sedang er… diteliti dan er… kemungkinan kalau ada keperluan er… maka industri atau sektor pertanian di Cameron Highlands ini akan dilaksanakan secara yang lebih terancang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat ade lagi ke?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada lagi…

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Jadi Yang Hormat Yang di-Pertua, saya nak rekodkan disini ya, sebab bahawasanya kalau saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan Yang Mulia ini, ianya akan memakan masa dan kemungkinan sahabat saya Exco er… Pelancongan akan er… Alam Sekitar dan Perladangan akan er… terpaksa memberi penjelasan pihak kerajaan hingga menjangkau waktu maghrib ya. Namun er… saya juga masih teringat iaitu ADUN sahabat saya daripada Padang Tengku yang menyatakan ada yang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan ini yang tidak dijawab oleh Wakil Kerajaan, jadi atas izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon izin sekali lagi iaitu jawapan itu, kita buat secara bertulis kalau dibenarkan. Makna nak meringkaskan dan juga menjimatkan waktu dan mengoptimakan er… masa untuk memberi peluang kepada sahabat saya daripada Lanchang untuk menjawab bagi pihak kerajaan.

Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Kalau begitu insya-Allah maknanya saya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya tanya panjang lagi ke tidak, pasal tanya je. Dah habis?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Tak… tak dia ada lagi maknanya saya kalau boleh… kalau sekiranya rakan-rakan bersetuju ya, saya… saya akan menjawab secara bertulis ya. Saya memohon maaf kalau sekiranya ianya tidak dapat dijawab dalam masa er… yang diperuntukkan sekali lagi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua saya er… mengambil kesempatan ini untuk junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang atas Titah Diraja pada pembukaan sesi Sidang Dewan er… pada hari isnin yang lalu dan juga er… dengan ini menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian ya. Baiklah saya bercadang untuk meneruskan sesi ini dan saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan Negeri Pahang.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat nanti, terpulang pada masa Yang Berhormat lah. Sampai…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Saya tidak lama hanya 2 jam 15 minit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas Titah Diraja yang telah disampaikan dan walaupun Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari segi usianya muda tetapi nyata dan jelas bahawa beliau er… Baginda mampu untuk membawa ataupun beliau mampu untuk menyampaikan

ucapan Titah Diraja yang cukup baik, yang mencakupi semua *spectrum* yang ada di negeri Pahang ini.

Saya juga ingin er… menyokong ya Usul yang dibawa dan membalas jawapan kepada rakan-rakan er… ADUN-ADUN sekalian, rakan-rakan yang telah pun menyentuh secara langsung dan tidak langsung. Er… sebenarnya saya juga seperti rakan saya daripada Benta saya ada lebih kurang dalam er… 13 soalan yang nak dijawab. Soalan tambahan yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung.

1 daripada Tanjung Lumpur, 1 daripada Pulau Manis, 2 daripada Beserah, 1 daripada Teruntum, 1 daripada Tahan, 5 daripada Ketari dan 2 daripada Ibam. Jadi kalau saya jawab pun macam serupa juga, saya terpaksa menghabiskan masa 2 jam 15 minit. Walau bagaimanapun, saya bercadang seperti juga rakan saya daripada er… Wakil Kerajaan daripada Benta untuk saya membuat jawatan… er… jawapan bertulis kalau dipersetujui oleh rakan-rakan?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ramai yang bersetuju.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua terima kasih.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sektor pelancongan adalah merupakan antara sektor yang penting untuk Kerajaan Negeri kerana yang telah dinyatakan di dalam soalan ya, soalan yang di… dikemukakan oleh Wakil daripada Pulau Manis bahawa, jika sekiranya kita mampu untuk mempertahankan… untuk mempertahankan kedatangan pelancong lebih daripada 12 juta setahun, maka sasaran kita untuk kita mencapai RM8.0 billion… RM8.0 billion perbelanjaan pelancong Yang Berhormat Yang di-Pertua, perbelanjaan pelancong, *tourist received,* perbelanjaan pelancong ini dapat kita teruskan hingga ke tahun 2020 dan ini sudah tentu akan meningkatkan dari segi KDNKK kita.

Pada tahun ini Yang Berhormat Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah bersetuju untuk berangkat bagi merasmikan Ulangtahun Ke-100 *Fraser's Hill* ataupun Bukit Fraser. Bukit Fraser yang sememangnya terkenal di antara… bukan di antara adalah kawasan tanah tinggi yang paling awal yang dibangunkan oleh er… orang inggeris ketika mereka ke mari, oleh James Fraser yang tak tahu dimana akhirnya beliau dan sejarah tersebut adalah merupakan satu yang sangat unik dan ianya… insyah-Allah kita akan melancarkan 100 tahun dan kita akan jadikan 100 tahun Bukit Fraser ini sebagai ikon untuk promosi pelancongan kita pada tahun ini. Dan insyah-Allah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin juga maklumkan bahawa kita juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana walaupun Kerajaan Pusat yang mengutip cukainya tetapi kita kena ingat bahawa hotel-hotelnya terletak didalam Kerajaan Negeri dan er…kita di Pahang ini pada su…kita telah mengutip er…jumlah iaitu 50% daripada kutipannya iaitu enam bulan pertama sebanyak RM7.8 juta dan insyah-Allah enam bulan akan datang akan juga akan di…di…dikongsi bersama dengan Kerajaan Pusat

iaitu 50-50. Sebab itulah, makin ramai pelancong daripada luar negara datang, makin tinggi kutipan kita dan makin banyak perkara baru yang akan dapat kita lakukan. Kerana itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita rasakan bahawa sektor ini adalah merupakan antara enjin pembangunan yang perlu kita… kita berikan perhatian.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga nak menyebut bahawa ia bahawa, insyah-Allah promosi akan terus kita jalankan dan saya juga nak maklumkan bahawa antara pelancong ya, ini pelancong kutip ini pelancong dari luar negara sahaja. Pelancong daripada dalam negeri kita belum lagi mungkin kita nak bercadang juga buat seperti Pulau Pinang telah lakukan er…Melaka pun telah lakukan dan mungkin juga kita akan cari jalan. Supaya apa Yang Berhormat Yang di-Pertua, supaya kerana kita dapat er…mengutip men…mendapat hasil kemudian kita boleh mempertingkatkan lagi.

Kerana apa pelancong akan datang dan yang paling penting kepada kita apabila pelancong itu datang, mereka akan ya, mereka akan membawa balik berita tersebut dan akan memberitahu kepada yang lain dan sudah tentulah dalam er…dunia digital ini dengan *facebook*, dengan *twitter*, dengan *instragram* dan sebagainya, ini juga menolong mempromosi.

Dan Singapura sebagai contoh 1.2 juta, China 723 ribu, Indonesia 342 ribu, India 80 ribu, Thailand 77 ribu, Jepun 65 ribu, Netherland, tempat Yang Berhormat Benta baru ini pergi tadi rupanya ramai juga 34 ribu yang datang,er…France, France tahu Yang Berhormat Yang di-Pertua, tahu France dimana, yang paris itu di Francelah, Eiffel Tower. Er…27 ribu, Germany 27 ribu, USA 26 ribu dan Guatemala 2 orang. Ada juga Yang Berhormat Yang di-Pertua. Kita rekodkan juga. Khazakastan… sekejap Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya lambat lagi itu

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat silakan. Cari-cari . Tak ada.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tak ada Yang Berhormat Yang di-Pertua, tak ada kat bawah ini. Kita Yang Berhormat Yang di-Pertua, cara kita, cara kita mengutip data tersebut kita akan pergi ke setiap hotel dan kita ada sistem kita dan kita nak pastikan supaya er…keha…kehadiran mereka itu akan dicatatkan kerana ini adalah merupakan rekod kita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya… kita ingat pelancongan ini insya-Allah akan berjalan dengan baik dadn sebaba itulah untuk kita mengekalkan iaitu seperti yang kita nyatakan bahawa er…Exco pelancongan akan terus mempromosi, terutama sekali keluar negara kerana yang kena *tax* ini pelancong luar negara sahaja. Pelancong domestik tak kena lagi. Insya-Allah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga telah bertanggungjawab kepada portfolio alam sekitar. Kita telah menjalankan apa yang kita katakan sebagai *workshop* dan insya-Allah seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kita akan

mencadangkan kepada Kerajaan Negeri bagaimanakah caranya untuk kita menjaga alam sekitar ini.

Secara lebih *sustainable,* dengan izin, lebih lestari. Enam perkara kita telah sentuh. Satu, kita akan melaksanakan, kita akan laksanakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar yang akan melibatkan enam sektor iaitu alam sekitar, perhutanan, perhilitan, indus…perindustrian, er…perbandaran, perlombongan dan hutan. Dalam proses penyediaan dasar dan pengurusan, insya-Allah kita akan bentangkan ke Dewan ini untuk kita ada enakmen. Iaitu enakmen apa yang kita sebut sebagai er…Enakamen Alam Sekitar ini penjagaan secara keseluruhannya.

Masalah yang timbul Yang Berhormat Yang di-Pertua adalah, yang akan menentukan samada ianya mengikut atau tidak alam sekitar tersebut adalah Jabatan Alam Sekitar ataupun Jabatan Parit dan er…air dan gali er… Jabatan Perparitan dan Saliran, Jabatan Pengairan Dan Saliran. Terima kasih.

Tetapi yang akan mengambil, yang akan mengambil apa namanya, ini tindakan adalah Majlis Perbandaran jadi tidak ada punca kuasa sebab itulah satu penggubalan, penggubalan er… ini enakmen perlu ada supaya ada punca kuasa, supaya ada pihak yang mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tersebut.

Yang keduanya Enakmen Biodervisiti. Er…negeri Pahang *sustainable* untuk khazanah yang kita sebutkan alam sekitar insyah-Allah, kita proses kajian dan kejadiannya. Enakmen Taman Negara telah dirangka er… dan digantikan telah pun diluluskan Taman Negara dan dulunya er…jika men…menceroboh Taman Negara er… dendanya agak rendah sekarang ini dah RM500ribu. Er…kita telah pinda dalam RM500 ribu dan warta dan telah pun dikuatkuasakan.

Kita juga telah… Pelan Pengurusan Ladang Hutan dijangka akan kita draf juga supaya kita nak pastikan bahawa ladang hutan ini kita tanam tanaman-tanaman yang mempunyai komersial dan dalam masa yang sama juga. Ia akan mendatangkan hasil ia dan juga er…hutan-hutan yang jenis sebagaimana yang boleh kita tebang dan sebagainya.

Bagi mengelakkan isu er…yang berlaku di Sungai Kim Kim di Johor. Ini masalah Yang Berhormat Yang di-Pertua, apabila JPS menyatakan bahawa mesti ada tindakan segera untuk dibuat tetapi masalahnya, jabatan yang mengambil… yang terpaksa mengambil tindakan tersebut adalah jabatan lain. Jadi dua pihak yang kadang-kadang mereka satu *level* dan tak boleh nak bercakap. Maknanya mereka mempunyai kuasa yang se..masing-masing .

Sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, kerana itulah dengan penggubalan, dengan kita mengkaji dan melihat dari segi lebih yang komprehensif lagi, bagaimana enakmen ini… enakmen ini dapat digubal dan ianya memberikan satu punca kuasa kepada satu agensi atau jabatan ataupun jawatankuasa yang boleh mengarah dan mengambil tindakan. Kerana kalau kita jabatan dan jabatan ini, kadang-kadang meraka…. mereka satu level ini kadang-kadang susah untuk mendengar arahan semasa mereka. Jadi sebab itulah, kita telah pun menubuhkan jawatankuasa untuk mem…memantau pelupusan bahan-bahan buangan berbahaya di negeri Pahang.

Yang ketiga, yang terakhir Yang Berhormat Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri juga dalam proses menilai model perniagaan baru ia ini *covern trading,* yang pernah saya sebut dengan kerjasama shell bagi kawasan er…*pioneer project* kita iaitu Taman Negara, Taman Negeri Endau-Rompin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya sebut Pahang mempunyai 55 ribu hektar. Ya, 55% daripada negeri Pahang masih lagi hutan simpan dan sudah tentulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita mengeluarkan… Negari yang mengeluarkan oksigen. Negeri seperti Pulau Pinang sebagai contoh atau Melaka sebagai contoh, mereka hanya mempunyai 10% sahaja hutan simpan. Untuk mereka penduduk di Melaka pun, untuk mereka bernafas oksigen pun tak cukup. Mereka terpaksa tumpang daripada kita. Tak akan kita nak bagi oksigen *free* berapa lama dah ini *is nothing free in this world,* Yang Berhormat Yang di-Pertua dengan izin.

Jadi sebab itulah kita sedang mengkaji supaya ganti rugi Yang…Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagitahu tadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagitahu sebanyak Rm17 juta, RM17 bilion itu, insyah-Allah kita minta negeri-negeri lain bayar pada kita. *This Carbon…* ini mereka menggunakan pokok kita, kita pun nak maju macam Pulau Pinang, kita pun nak sodok hutan kita, kita pun nak buat pembangunan tapi mereka cakap jangan buat .

Ini salah kerana apa er…ini apa nama ini ianya mengganggu alam sekitar. Tapi kita pun nak maju juga. Jadi mereka boleh buat, kenapa kita tak boleh buat. Jadi mereka boleh buat, mereka telah pun buat, kita belum buat lagi, maka mereka kena bayar apa yang pengorbanan yang kita kena buat. Jadi sebab itulah kita dengan kerjasama Shell Malaysia kita akan buat er…projek kita iaitu er…*pioneer project* ataupun er... *proof of concept* kita iaitu er... di Hutan Endau-Rompin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Bagi perladangan, ini satu portfolio baru ya. Jadi saya ni dapat portfolio perladangan ini tak pernah ada. Jadi oleh sebab itulah InsyaAllah pada 28 haribulan April ini, kita akan adakan Bengkel Penyediaan Garis Panduan serta rangka kerja pengurusan perladangan negeri Pahang iaitu dua, iaitu ladang hutan dan ladang komuditi, iaitu getah, kelapa sawit dan sebagainya. Ha ini penting kerana er... ladang hutan *sustainable forest* dan ladang komuditi yang mana...

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Mohon mencelah Dato' Sri. 25 haribulan... 25 haribulan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Kemayan, apa dia?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Dia... dia mengingatkan pada saya terima kasih Kemayan, 25 haribulan, sebab dia salah satu seorang dari jawatankuasa. Jadi kita senang kalau orang macam ni kalau dalam jawatankuasa kita dia tak kacau kalau kita bercakap. Kalau tak ada dalam jawatankuasa kita... kita pun risau dia akan kacau macam-macam. Ini antara strategilah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bukan kacau, dia nak bertanya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Pasal kerana kita kena hormat kerana er... Wakil daripada Kemayan dia mempunyai kepakaran dalam perladangan ni. Beliau pernah menjadi pengurus ya, Pengurus Perladang... Perladangan dan beliau tau bagaimana hendak menyumbangnya. InsyaAllah dan er... sebagai contoh komoditi, kerana komoditi kita boleh tengok Yang Berhormat Yang di-Pertua, mereka dah ada di sini sudah lama. Contohnya Sime Darby, Tabung Haji, (tidak jelas) kita nak tanya mana CSR mereka. Kemudian mereka pun dari segi cukai tanah pun murah. Jadi InsyaAllah kita akan kaji supaya ianya boleh menambahkan pendapatan negeri juga.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er... satu lagi saya hendak sebut ya. Tentang rakan daripada Semambu sebut tentang Pahang Technology Resources. Saya nak maklumkan bahawa, syarikat ini ditubuhkan ya. Dalam tahun 2015, 2016 adalah bertujuan untuk menjadi er... syarikat yang boleh memacu industri maklumat ICT... ICT dan juga bioteknologi yang bersangkutan dengan teknologi ini. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baharu Dato' er... Wan er... telah mengambil alih, InsyaAllah seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini Kerajaan Negeri akan mengadakan *restructuring* ataupun penyusunan semula syarikat-syarikat yang tidak ada berdaya saing kita akan tutup, syarikat-syarikat yang ada berdaya saing kita akan teruskan. Kemudian syarikat-syarikat yang kurang berdaya saing bagimana untuk menjadi ianya berdaya saing sebagai contoh.

Kerana ini itulah apa yang disebut oleh Wakil Kerajaan daripada Bebar iaitu Pahang Go sebagai contoh itu adalah salah satu daripada insiatif oleh Pahang Technology Resources. Kerana apa, kerana selepas ini Pahang Technology Resources ini akan hanya menjadi sebagai syarikat *holding company*, syarikat *holding company* yang ianya nanti akan di er... akan er... diambil alih 100% oleh Pahang Corp. Ini adalah *restructuring* yang dibuat. Saya juga hendak maklumkan bahawa Pahang Technology Resources telah pun... telah pun berada dalam *blue* ya.. *view* ada untung dah sebenarnya. Dia baca tahun 2015, 2016. Dia tak baca 2017, 2018. Tak apa nanti bila audit datang kita boleh tengok sendiri er...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat Semambu.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Semambu? Dia boleh tengok sendiri. Sebab tulah kena...

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya hendak maklumkan bahawa ianya mengambil masa 20 tahun untuk Pembangkang ya, kalau dulunya mereka pembangkang, untuk menyakinkan rakyat sehinggalah kerajaan Barisan Nasional ini tumbang. Tetapi hanya mengambil 9 bulan sahaja bagi kerajaan ya, dari rakyat sekarang ini terutama sekali ya, rakyat di Malaysia ni untuk menunjukkan protes mereka. Walaupun 3 pilihan raya yang kecil ni, 3 pilih raya yang kecil ini, ianya bukan satu pilihan raya yang melibatkan semua masyarakat, semua rakyat, semua pengundi, tetapi ini adalah merupakan referendom rakyat kepada kerajaan yang ada. Jadi sebab itulah ya, sebab itulah sebagai kerajaan yang

memerintah, apa yang perlu mereka ada. Mereka perlu memberikan jaminan masa depan kepada rakyat.

Jika sekiranya Yang Berhormat Yang di-Pertua harga komoditi jatuh, pelabur apa namanya, apa namanya harga... harga apa namanya minyak (tidak jelas) barang terus naik. Kemudian, ekonomi tidak menentu. Saya difahamkan bahawa ya *rating moody and poor* sebagai contohnya kita semakin turun. Ada orang bagi tau bahawa *rating* ni tak penting. Sebenarnya *rating* ni penting, kerana *rating moody and poor* yang menentukan sama ada orang nak beli ke tak beli kalau kita buat bon ya. Bon ni kalau kita ini *loan*. Kalau kerajaan dipanggil bon... bon. Kita nak pinjam duit. Kalau rating kita tak bagus, *rating moody and poor* macamlah CTOS pada kita.

Jadi kerana sebab itu apabila ianya berlaku apa yang kita sebut tabung persaraan Global Norway telah mengeluarkan 8 bilion duit pelaburan mereka di Malaysia. Dan saya difahamkan bahawa FTSE Russell yang berpangkalan di… di England, yang mempunyai pelaburan sebanyak 42 billion juga akan kemungkinan… kemungkinan akan mengeluarkan pelaburan kerana tidak yakin lagi dengan kerajaan yang ada dan setakat ini, di Bursa Saham sebanyak 270 bilion pelaburan, nilai saham telah pun terkeluar dari Bursa Saham.

Ini satu perkara yang sangat serius. Kerana kita sangat menghormati demoskrasi. Rakyat membuat keputusan ya, Yang Berhormat Yang di-Pertua, Perdana Menteri dulu, Dato Najib dia tak lari macam Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lain. Dia tak naik kapal terbang lari, dia hadapi kerana dia yakin bahawa apa yang dilakukan itu betul. Dulu rakyat tidak ada perbandingan, tetapi selepas 10 bulan ya, mungkin 11 bulan, 12 bulan. Ni bulan 4, bulan 5, hampir dah 11 bulan dah, nak masuk setahun rakyat dah boleh buat perbandingan antara kerajaan dulu dengan kerajaan sekarang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kalau balak diturunkan, er... bala diturunkan Yang Berhormat Yang di-Pertua. Macam contohnya Nabi Noh kena... zaman apa namanya banjir besar, dia bukan kena orang yang, orang yang tak baik. Orang yang baik pun kena jugak. Betul? Ha, seperti Sadum kampung Nabi Luth di er... di Laut Mati, Kampung Sadum. Zaman Nabi Luth, bagaimana di terbalikkan tujuh kampung, orang yang baik pun kena juga. Jadi sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, ini perkara ini perkara serius ya. Kerajaan yang ada ni mesti kena fikir rakyat di bawah tertekan, sangat tertekan.

Dengan pendapatan yang kurang, sama ada kita pergi ke FELDA, ke kampung dan sebagainya. Kita tak nak cakap janji.. janji tak ditepati, biarlah. Janji kita semua tau, tetapi ini kena serius. Kita hendak maklumkan kepada Kerajaan Pusat supaya cukup berpolitik. Tumpukan kepada bagaimana hendak membantu rakyat. Jika sekiranya mereka kita perlukan sumbangan daripada orang er... pembangkang, sama ada Pas ataupun Barisan Nasional kita bersetuju. Ini soal tak makan Yang Berhormat Yang di-Pertua, soal kita semua. Bukan soal er... er... orang Pakatan sahaja. Kita semua ini.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua saya harap supaya kita di sini ya, kita di sini 11 bulan kita dah boleh menilai. Yang mana intan, yang mana kaca, yang mana akar, yang mana rotan. Jadi sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua ya, kita berharap seperti saya nak pinjam apa yang dinyatakan oleh Wakil daripada er... Pelangai ya. Dia cakap kerajaan sepenggal. Tak taulah sepenggal tak sepenggal. Tetapi inilah hakikatnya. Dan kita InsyaAllah, kita Barisan Nasional di Pahang ini, InsyaAllah 26 haribulan ni kita akan adakan er... saya pun tengok jam saya tau masa saya pukul

7.00, sekarang ni saya ada 6 minit lagi. Yang Berhormat jangan tengok-tengok... jangan tengok.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Seronok tengok Yang Berhormat

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDDIN

Kita akan adakan himpunan perpaduan ummah yang pertama ya. Di Padang MPT, iaitu gabungan Pas. Apa yang takut sangat Pas ni...MPK minta maaf. Yang Berhormat Yang di-Pertua, MPK. Terima kasih. Apa yang kita takutkan sangat apabila UMNO dan PAS bergabung, maka macam-macam apa ni label yang diberikan. Apa takut? Jangan takut, ya dak. Jangan takut, rakyat dan berikan kepercayaan tapi buat yang baik. Jangan kita cuba er… jangan kita lakukan perkara yang boleh menimbulkan rasa resah gelisah kepada rakyat. Pastikan kita *control* Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kawal negara ni dengan baik. Ini kita tak bercakap lagi soal bagaimana er… sensitivity kaum-kaum itu. Sebab itu kita sebut bahawa, Malaysia ni kalau sekiranya kita nak… nak *move on* Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan izin, perkara sensitif jangan disebut. Orang melayu sensitif dengan raja, jangan disebut. Ini kalau kita tengok, ambil tindakanlah, segera.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap macam di Rantau je.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sebab itu kita menang. Sebab itu menang. Saya ingat ke menang 2 ribu rupanya menang 5 ribu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya silakan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak sebut sikit. Dulu bila kita menang di Cameron Highlands, dia bagitau "ah ini kerusi tradisi Barisan Nasional". Ye dak? Sebab itu menang. DAP, minta maaf lah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, rakan kita daripada DAP ada lagi seorang, seorang dua, dua orang er… sahabat kita daripada Mentakab dan Ketari. Terima kasih lah pasal dia bimbang saya nak menjawab 5 soalan tu. Tapi tak jawab.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanah Rata ada.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Er… Tanah Rata ada lagi yang berhormat. Tanah Rata daripada Cameron Highlands, kalah. Kemudian pilihan raya kecil di Semenyih, orang bagi tahu "oh, ini adalah kerana er… kawasan melayu 70%, UMNO menang ju… Barisan Nasional menang juga. Di

Rantau, 55… 54% saja melayu, yang lain Cina dan India tapi tak kira siapa bertanding, ye dak? Dulu nya ramai tokoh-tokoh yang hebat, saya pun kalah, parlimen, tokoh-tokoh yang hebat yang kalah. Menteri, 7 orang kalah tapi… maknanya kita boleh lihat bahawa ini adalah kebangkitan rakyat yang menuntut supaya kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada hari ini, mereka mesti menunaikan janji dan pastikan sensitiviti ini, soal raja, soal agama islam, soal hak istimewa orang melayu yang kita dah persetujui ini.

Perkara-perkara yang sensitif ini dan mesti dijaga agar kemakmuran kesejahteraan 61 tahun kita merdeka ini, di bawah Barisan Nasional dulunya, keamanan dan kesejahteraan ini, yang kita bina ini dapat kita teruskan. Kerana apa? Kerana kita tidak mahu perkara-perkara yang tidak baik tida… berlaku takpelah janganlah risau kita dengan PAS ni kita pun dengan PAS ni bermusuh dah lama dah. Sebenarnya sayang tapi nak mula nya macam mana ye. Sekarang ni kami telah pun bermula, kami sedang bercinta sekarang ini. Jangan *jealous*, jangan cemburu ya. Insya-allah, saya pun dah berlatih pakai kopiah putih sekarang dan juga bertakbir nak… dan orang PAS pun sekarang ni ada dah *start* nyanyi-nyanyi sikit-sikit. Lagu patriotik lah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lagu nasyid lah.

Jadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya pun tidak ingin untuk… saya dah janji pukul 7 saya berhenti. Apa pun, saya… insya-allah saya akan jawab secara bertulis 13 soalan ini er… kepada rakan-rakan dan er… terima kasih lah kepada semua yang… yang, sebenarnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apabila Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apabila orang menyebut kita ni, maknanya kita ni masih relevan lagi. Jadi jangan kita susah hati. Kalau orang tak sebut langsung kita ni maknanya kita ni tak ada apa dah. Baiklah kita tutup… tutup buku. Tapi kalau er… orang masih sebut tak kira lah sama ada positif, negatif, kita ini masih relevan lagi. Insya-Allah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, assalamualaikum WBT.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' sri yang di-pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada lagi.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya mohon… saya terlupa tadi. Saya… saya nak maklumkan, Dato' Sri Yang Di-Pertua kalau izin ya. Saya mengangkat botol ni, botol ni botol tempoyak yang hari tu saya bercakap tu, bagaimana kita buat *packaging*, sebab saya bukan apa Dato' Sri, saya kesian ke Lanchang tadi dia tengah semangat…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia tengah semangat, yang berhormat keluar tempoyak pula. Tak apa, sila.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' sri, ni saya nak rakamkan terima kasih kepada pihak FAMA ya… Dato' Sri. Ini cara bagaimana kita er… mempakejkan ni er… produk tempoyak yang merupakan makanan tradisi dan untuk makluman Dato' Sri, tempoyak ni telah pun dieksport ke

luar negara hingga ke negara-negara di Eropah. Itu lah usaha kita, insya-Allah satu hari besok, kita akan lihat misal contohnya, bagaimana er… orang putih ataupun orang di Eropah akan makan ini makanan kita ini dan dia mungkin lebih *passionate* ataupun lebih er… hebat dalam mempromosi makanan kita insya-Allah, dan kita mampu untuk menguasai dunia dengan makanan-makanan yang kita hasilkan di negara yang tercinta ini. Terima kasih Dato' Sri.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Tahu tak kenapa Wakil daripada Benta tu bangun? Nak cakap itu tempoyak dia. Pasal dia letak dalam beg er… pelancongan, orang semua ingat saya punya. Semua cakap terima kasih Dato', terima kasih Dato'…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat kerjasama lah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Dato', saya tak bagi tempoyak Dato', saya hanya er… saya tapi diletak dalam beg *tourism* Pahang. Jadi sebab itu dia kena *clarify* yang itu dia punya. Tak apalah, setidak-tidaknya saya bagi plastik je. Kalau tak, mana nak letak tempoyak tersebut kalau bukan dalam beg plastik ini. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Nak tanya sikit, kepada pertanian… EXCO Pertanian, pernah tak dia makan sardin tempoyak?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Untuk makluman Dato' Sri, ini cerita sejarah. Sebab apa, Dato' Sri, dulunya masa saya belajar, saya duduk di rumah… masa tu dengan sahabat saya. Kita mikir macam mana nak masak. Apa masakan yang nak kita masakkan selain daripada telur lah, goreng telur tu biasa. Jadi akhirnya, cara yang paling mudah sekali Dato' Sri, ialah kita beli yang sardin er… sardin tu kita masak. Memang enak sekali. Saya setuju dengan kemayan. Tempoyak lah.

So, mungkin dalam cadangan ni nanti kita cadangkan supaya er… mereka yang nak er… khususnya sahabat-sahabat di Eropah lah ye, yang kita promosi er… di Kazakhstan, misal contohnye. Dato' Sri, memang… sardin memang enak. Bukan saja sardin, semuanya… Geneva. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah memberikan penjelasan jawapan yang jelas walaupun dalam tempoh masa yang dihadkan. Ini mencerminkan kematangan dan kebijaksanaan serta komitmen ahli-ahli yang berhormat. Terima kasih juga kepada Ahli-ahli Dewan, ketua-ketua jabatan yang setia berada… setia berada dalam Dewan Yang Mulia ini (ahli menepuk meja) demi memikul tugas dan amanah untuk rakyat dan negeri yang tercinta ini. Tahniahlah untuk semua.

Saya yakin rakyat akan tahu bahawa wakil-wakil mereka bekerja kuat hingga… hingga berada dalam Dewan ini ke saat ini. Tahniah lagi sekali. Baiklah, esok kita akan mendengar pula penggulungan dan ulasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Oleh yang demikian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada petang ini yang akan disambung semula pada hari besok, hari Jumaat, 19 April 2019 mulai jam 9.30 pagi. Saya harap pada masa tersebut, semua Ahli-ahli Dewan akan berada di sini kerana hari Jumaat kita mempunyai masa yang agak terhad. Jadi persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-14

HARI KE-5
19 APRIL 2019 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI KE-5 – 19 APRIL 2019 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	29
5	KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG	36
6	RANG UNDANG-UNDANG:	
	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2019	
	BACAAN KALI PERTAMA	38
	BACAAN KALI KEDUA	38
	DALAM JAWATANKUASA	39
	BACAAN KALI KETIGA	40
7	PENANGGUHAN	41

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Kelima : 19 April 2019 (Jumaat)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin, - **Lanchang**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, - **Kuala Sentul**
SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, - **Guai**
SSAP., DIMP.
Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, - **Tioman**
SSAP., DIMP., PPA.
Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, - **Batu Talam**
DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DIMP., AMP., AMN., PKT.
Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia

Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah,
DSAP., DIMP. - **Pulau Tawar**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda, - **Lepar**
AMP., PKC.
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, - **Pelangai**
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, - **Dong**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, - **Inderapura**
SSAP., DSAP., DIMP., AMP.

Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun, - **Chini**
DIMP., SMP.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, - **Jenderak**
SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK.
(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, - **Kemayan**
DIMP., SMP.

Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, - **Sungai Lembing**
DIMP., AMP.

Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, - **Pulau Manis**
DIMP.

Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, - **Padang Tengku**
DIMP.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, - **Peramu Jaya**
SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, - **Kuala Semantan**
DIMP.

Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Tras**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Bilut**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	-	**Ketari**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. - **Kerdau**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo - **Sabai**

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Kelima (Jumaat)	:	19 April 2019
Bersamaan	:	13 Syaaban 1440 Hijrah
Masa	:	9.34 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

[Ayat al-Quran] [Bacaan dalam Bahasa Arab] Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagian meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri meyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta para penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. [Bacaan dalam Bahasa Arab].

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

Perkara Kedua: Pertanyaan Dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan pada pagi ini dan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Yang Berhormat ADUN Kawasan Bilut. Silakan.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Soalan saya soalan nombor 1. Terima kasih.

[Isu Tanah.
a) Berapa banyak kes lanjutan tempoh pajak tanah Kampung Baru Cina telah diluluskan sejak tahun 2012 mengikut daerah dan bandar?
b) Berapakah kos permohonan lanjutan tempoh?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Bilut yang bertanyakan soalan berapa banyakkah kes lanjutan tempoh pajak tanah Kampung Baru Cina diluluskan sejak tahun 2012? Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, sebanyak 145 permohonan lanjut tempoh pajakan hak milik tanah Kampung Baru Cina yang telah diluluskan. Manakala kalau mengikut daerah pula sejak tahun 2012. Pada tahun 2012, cuma satu iaitu di Bera, 2013 ada 4, Bentong 1, Cameron Highlands 2, Bera 1, 2014 ada 1, di Bera sahaja, 2015 ada 3 iaitu di Cameron Highlands 1, Lipis 2. Manakala pada tahun 2016, ada 1 iaitu di Bera. Pada tahun 2017, ada 20; 2 di Bentong, 2 di Cameron Highlands, 2 di Bera, Raub 13 dan Temerloh 1. Dan pada tahun lepas 2018, ada 115 iaitu di Cameron Highlands ada 1, Kuantan ada 11, Lipis ada 1, Bera ada 17, Raub ada 84, Temerloh ada 1, 115 yang telah diluluskan pada tahun 2018 menjadikan jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 145 permohonan lanjut tempoh yang telah diluluskan.

Manakala bagi soalan kedua, berapakah kos permohonan lanjutan tempoh? Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan untuk lanjutan tempoh pajakan yang dikenakan ialah sebanyak 100 sahaja.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… terima kasih jawapan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar, er… saya difahamkan bahawa polisi Kerajaan Negeri telah pun mengecualikan premium bagi er… lanjutan er… apa tu… lanjutan tempoh ini, er… di seluruh Pahang sejak 2012 tetapi pada tahun… awal tahun ini, saya dapat er… informasi dari penduduk-penduduk kampung mereka telah dapat er… lanjutkan… lanjutan tempoh… kelulusan lanjutan tempoh tetapi mereka diminta bayar apa tu… premium, er… bolehkah saya dapat informasi daripada pihak kerajaan. Adakah polisi ini telah pun dihapuskan er… dari mengecualikan er… premium ke sekarang nak bayar premium? Sekian.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Memang benarlah pada tahun 2012 iaitu semasa Mesyuarat Exco yang ke-10, kita memang… Kerajaan Negeri memang ada er… memutuskan untuk mengecualikan bayaran premium tambahan. Tetapi pada tahun 2016, er… mesyuarat yang ke-5… ke -35, Kerajaan Negeri telah er… mencadangkan kadar baru bayaran premium. Jadi dengan ini, keputusan Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah er… terbatal dengan sendirinyalah sebab ada keputusan baru daripada Kerajaan Negeri.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri sebab memang ini satu dasar yang baik pada tahun 2012 bahawa pengecualian premium diberikan kepada rakyat

terutamanya penduduk di kampung-kampung untuk melanjutkan tempoh pajakan. Ramai yang mengemukakan permohonan pada tahun 2012 walaupun setelah lima, enam tahun menunggu akhirnya mereka dapat kelulusan. Soalan saya adalah apakah kadar baru untuk pembayaran premium? Kedua adalah untuk mereka yang telah hantar borang pada awal… pada tahun sebelum 2016 adakah mereka masih boleh menikmati er… manfaat ini, untuk pengecualian premium? Yang ketiga adalah saya mohon jasa baik untuk mempertimbangkan semula supaya pengecualian premium masih diteruskan.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Buat pada masa ini, kerajaan tidak ada apa-apa keputusan tetapi sedang mengkaji dan memperhalusi bayaran premium tersebut. Sebab kita merasakan pada tahun 2012, mengecualikan bayaran premium adalah tidak er… tidak mendatangkan apa-apa hasil kepada Kerajaan Negeri sedangkan Kerajaan Negeri memerlukan sedikit hasil dan saya… dan Kerajaan Negeri juga memikirkan bahawa tidak mungkin kita memberikan secara percuma sebab kalau kita nak masuk tandas pun, Yang Berhormat daripada Triang kena bayar juga 20 sen, 30 sen, ini tanah pula. Manakala daripada segi er… sama ada berlaku peningkatan kerajaan baru dan sebagainya kita akan perhalusi dan insya-Allah kalau sekiranya er… terlalu rendah, mungkin… kemungkinan kita akan er… naikkan sikit dan andainya sekiranya kadar yang ada sekarang ni berpatutan, Kerajaan Negeri kekalkan dengan apa yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… terima kasih dari pihak Yang Amat Berhormat er… sekiranya pihak kerajaan tidak menimbangkan untuk er… mengecualikan premium er… tempoh pajakan tanah, adakah kerajaan menimbangkan untuk mengesetkan satu *amount* yang kekal, er… yang munasabah untuk bayaran dari penduduk sekiranya er… pihak kerajaan perlu hasil dari premium-premium tersebut. Sekian.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… memang kita tidak akan mengecualikanlah sebab keputusan baru telah pun dibuat pada tahun 2016 dan cadangan daripada ADUN Bilut itu memang setiap kali keputusan Kerajaan Negeri sama ada untuk menaikkan bukan sahaja premium apa jua pun akan dibincangkan dan diperhalusi oleh Exco dan perkara ini bukan dia berlaku... kita nak naik pada minggu ini, terus naik, ada sifir-sifir tertentu, ada *calculation* tertentu yang kita buat yang kita rasa munasabah. Yang itu ADUN Bilut jangan bimbang kerana Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini daripada dulu sampai sekarang kita sangat prihatin dengan rakyat, insya-Allah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan. Tuan Speaker, pengecualian premium itu memang kami faham mungkin membebankan Kerajaan Negeri tetapi yang saya difahamkan premium itu dikenakan berdasarkan pada kiraan ataupun nilai pasaran oleh Jabatan Penilaian tetapi ini memang merupakan satu beban kepada penduduk Kampung Baru. Adakah kerajaan juga mempertimbangkan apabila rayuan dikemukakan juga pertimbangan akan diberi?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang saya katakan tadi, setiap kenaikan akan diambil kira sama ada membebankan rakyat atau tidak. Tidak ada maknanya kalau kerajaan naikkan cukai tetapi rakyat tidak boleh bayar. Menyusahkan rakyat dan daripada segi *political mileage* pun tak ada. Jadi sebab itulah setiap apa juga kenaikan akan diperhalusi, dikaji dan selepas itu akan dibawa ke Exco. Biasanya pihak PTG akan mengkaji, bawa kepada Kerajaan Negeri untuk dibincangkan dan sekiranya kita rasa munasabah dan kita dapati setelah menghubungi Pejabat-pejabat Daerah kadar itu adalah munasabah, barulah Kerajaan Negeri naik.

Sebab itulah balak 31 tahun kita tidak naik. Tarif air 33 tahun kita tidak naik kerana kita memikirkan hal rakyat. Begitu juga dengan premium ini. Kalau... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ADUN Bilut, ADUN Triang, Cheka memikirkan Kerajaan Negeri dah berniat baik dah. Kita nak kecualikan premium. Memang dah kita dah berniat baik. Kita dah buat, Kerajaan Negeri dah laksanakan sehingga tahun 2016 tetapi apabila Kerajaan Negeri merasakan pengecualian premium ini adalah tidak adil pula kepada Kerajaan Negeri baru kita kenakan... bercadang untuk kenakan kadar baru. Daripada sudut itu, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bilut, Triang dan Cheka boleh tengok betapa baik hatinya kerajaan. Kita dah bagi tetapi bila kita tengok, kita tak boleh tahan dengan pengecualian ini, kita kaji kadar baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan yang seterusnya saya jemput Yang Berhormat Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

> [Penternakan haiwan utama untuk pemakanan adalah ayam, lembu dan kambing bagi negeri Pahang.
>
> Berapakah jumlah penternakan haiwan seperti di atas yang telah dihasilkan di negeri Pahang pada tahun 2016, 2017 dan 2018?
>
> Berapakah jumlah keperluan makanan ini yang telah diimport di negeri lain untuk memenuhi keperluan pasaran pada tahun 2016, 2017 dan 2018?
>
> Apakah perancangan pihak kerajaan dapat mengatasi makanan ini dari segi import untuk keperluan pasaran?

Apakah jenis penternakan di negeri Pahang yang telah mengeksport penternakan ke negeri dan negara lain?]

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan ke-2 daripada ADUN Teruntum berkaitan dengan ternakan iaitu berapakah jumlah ternakan haiwan yang telah dihasilkan di negeri Pahang dalam tahun 2016, 2017 dan 2018? Dalam tahun 2016 hingga 2018 kita kategorikan jenis ternakan ini iaitu kepada lembu, kepada kambing, kepada ayam daging dan juga ada juga kita bagi maklumat tambahan berkaitan dengan telur ayam ya. Jadi dalam tahun 2016 terdapat 119,625 ekor lembu dan tahun 2017... ini kategori lembu 2017. *Sorry* saya bagi ikut tahun lah iaitu dalam tahun 2016 lembu 119,625, kambing 36,977, ayam daging 10,210,000 dan telur ayam kita ada 1,063,000. Manakala dalam tahun 2017, lembu 119,300, kambing 31,255, ayam daging 9,755,526, telur ayam 1,912,800 biji. Tahun 2018 ada peningkatan bagi lembu 123,070 ekor, kambing 30,799, ayam daging 10,235,600, telur ayam 2,102,800 biji.

Manakala berapakah jumlah pengeluaran makanan ini yang telah diimport ataupun import daripada negeri lain, luar daripada Pahang untuk memenuhi keperluan pasaran dalam tahun 2016, 2017 dan 2018? Jawapannya ialah dalam tahun 2016 lembu ada 1,614 ekor yang dibawa daripada negeri lain. Kambing 4,102. Ayam ini maknanya karkas ayam yang kita ambil yang ayam dah sembelih dan diproses 648, telur ayam 13,770,000 dan manakala tahun 2017 lembu 2,321, kambingnya 2,647, karkas ayam metrik tan 232 metrik tan, telur ayam er... 21,832,100 biji. Tahun 2018 lembu yang dibawa daripada negeri lain ialah 3,507, kambing 3,720 ekor, karkas ayam 272 metrik tan, telur ayam 14,256,400 biji.

Dan bagi soalan ke-3, apakah perancangan pihak kerajaan bagi mengatasi permasalahan ini? Sebenarnya pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mewujudkan satu program baru dan program ini akan bermula dalam tahun 2019 bagi meningkatkan populasi induk ternakan lembu negara. Program berkenaan telah diberi nama Program Pembangunan Ruminan ataupun (PROPER) dengan izin, dengan peruntukan awal sebanyak RM6 juta dan objektif program ialah untuk meningkatkan populasi induk supaya dapat menstabilkan populasi ternakan ruminan dalam negara menjelang tahun 2020 sekaligus meningkatkan kapasiti pengeluaran daging lembu negara. Kaedah pelaksanaan PROPER adalah melalui geran pemadanan, *matching grant* iaitu 70... 30... er... nisbahnya 70:30 di mana 70% daripada kos keseluruhan perolehan ternakan adalah sumbangan kerajaan manakala 30% lagi dari kos keseluruhan perolehan ditanggung oleh penternak.

Manakala bagi jawapan yang soalan yang ke-4, apakah jenis ternakan di negeri Pahang yang telah dieksport ke negeri atau negara lain? Jadi jenis ternakan eksport daripada Pahang. Lembu dalam tahun 2016 dan tahun 2016 lembu 16,466, kerbau 1,092, kambing 1,088, bebiri 1,242, ayam daging 32,400, anak ayam ini *builder* 7,470,507, ayam kampung 1,200. Manakala dalam tahun 2017 lembu 7,943, kerbau 563, kambing 347, bebiri 447, ayam daging 60,400 ekor, ayam kampung er... anak ayam 7,518,440 ekor. Dan dalam tahun 2018 lembu 10,043, kerbau 797, kambing 424, bebiri 1,730, ayam daging 80,200, anak ayam 7,506,360 ekor, ayam kampung 2,230 dan telur ayam dieksport dalam tahun 2017 ke Hong Kong sebanyak 603,720. Dan untuk makluman. Semalam saya ada menyentuh mengenai *Belgian Blue*.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ada edarkan gambar daripada rakan-rakan Ahli Dewan Yang Mulia er... ini yang dipanggil sado. Saya nak menjelaskan macam mana bentuk *Belgian Blue* ya, lembu yang ada di Belgium Yang Berhormat Dato' Sri yang kita lihat Yang Amat Berhormat Dato Sri Menteri Besar telah mengetuai rombongan, kita melihat lembu ni kalau tengok masing-masing ni masya-Allah dan sebenarnya dia gambar kalau dia tengok katalog dia bentuk gambar yang… yang lembu yang sado ni kus semangat kalau tengok tu rasanya dia bila kita buat er... AI, *artificial insemination* dalam er... *partner* yang di sini lembu itu akan membesar dan ini akan memberikan pulangan yang baik kepada penternak.

Sebab itu dalam konteks ini, kita sedang kerjasama rapat melalui Jabatan Veterinar dan juga membuat *engagement* dengan penternak-penternak tempatan yang ada di negeri Pahang ini untuk kita perkenalkan *cross breeding* seumpama ni, insya-Allah dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pun pada dasar bersetuju mungkin… mungkin juga anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang berkaitan juga akan er... melihat peluang-peluang ini kerana potensi er... sektor ternakan ini cukup besar dan mampu bertahan, insya-Allah. Jadi kita menggunakan kaedah dan teknologi yang akan diadaptasikan daripada negara-negara yang lebih maju khususnya…

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Boleh mencelah Dato' Sri? Boleh mencelah?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

… untuk er… ternakan. Sila.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Dulu kita pernah tengok jagung, labu daripada UPM dia buat jadi besar gemuk tapi tak boleh makan, saya bimbang lembu sado tu macam tu juga kot. (Ahli Dewan Ketawa)

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Oh… itu... lembu besar ya... labu... labu… labu maknanya orang kampung kata kita biasa nengok ni labu kecil, dia bila nengok labu besar dia tengok khayal, gatal khayal dia terkejut, terkejut besar, terkejut beruk. Jadi sebenarnya er... ni lembu *Belgian blue* ni dari segi kualiti ya... dia tengok sebab di sana tu kita bila pergi ke Brussels tu er... dia ada satu institusi yang… er… satu pusat yang membuat kajian dalam semua aspek. Makna kualiti daging daripada lembu ini amat tinggi makna dari segi proteinnya, kurang lemaknya, *texture*nya dan sebagainya. Dan ianya telah dieksport ke negara-negara Eropah dan telah terbukti lembu jenis ini mampu untuk menghasilkan er... pendapatan yang cukup tinggi dengan menggunakan teknologi-teknologi yang terkini.

So kita yakin perkara ini dapat dilaksanakan dan saya difahamkan sebenarnya Jabatan Veterinar telah pun memperkenalkan *cross breeding* ini di Malaysia dan kita melihat bagaimana potensi ini dapat diterapkan ya *dicross breed*kan sebab kita akan menggunakan semen maknanya kita import semen. Semen ini maknanya ni… mani lembu ni dia akan dieksport dalam dipanggil *straw* ya dipanggil tu dan di sini kita akan buat pemanian berhadas iaitu *artificial insemination* atas lembu-lembu yang ada di negara kita, insya-Allah, terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Teruntum, Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Soalan tambahan saya adalah bagaimanakah pihak kerajaan akan lebih giat memajukan dalam bidang penternakan di negeri Pahang dan berapakah keluasan tanah sedia untuk dimohon? Soalan nombor dua, kawasan Gambang telah digazetkan untuk penternakan halal, kalau saya salah tolong betulkan ya. Saya mohon bertanya sebenarnya berapa keluasan yang telah digazetkan? Soalan ketiga, jika pelabur asing ingin melabur dalam bidang penternakan lebih 1,000 ekar dari segi sudut apakah pihak kerajaan akan membantu kepada pelabur-pelabur ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Kita ada di apa er... apa yang dipanggil sebagai *valley* ya lembah… lembah tenusu yang juga ada di Rompin yang keluasannya er... lebih kurang... dalam… saya ingat... saya tak dapat yang ini tapi ada menjangkau dekat 3,000 ekar yang telah pun ada er... ni penternak. Namun masih ada lagi ruang-ruang untuk kita penuhi dan ini sebenarnya sedang diteliti oleh pihak kerajaan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui PSK yang kita teliti dan *investor* atau pelabur-pelabur yang beminat ni memang ada. Kita ada er... misal contohnya industri tenusu yang susu tu, Holstein yang di Rompin dan juga ada pihak yang berminat untuk membesarkan perusahaan mereka ada perusahaan di negeri lain tapi kawasan di negeri lain tu terhad dia telah berminat untuk melabur di negeri Pahang.

Sebab itu saya katakan tadi er... dalam perbincangan Yang Amat Berhormat telah memberi lontarkan cadangan kemungkinan kita menggalakkan mereka membuat JV ya dengan usaha sama dengan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang boleh mengembangkan potensi ini bersama makna tidak semata-mata kita hanya memberi pajakan tanah kepada ni... pengusaha-pengusaha ini. Kerajaan Negeri sendiri akan meneliti dan kita tengok potensinya ada. Sebab itu dalam konteks ini insya-Allah yang ada ini adalah merupakan kawasan yang telah pun digazetkan. Tetapi sekiranya potensinya besar, kita akan kembangkan. Kita akan kenal pasti tapak-tapak lain yang er... sebenarnya yang berpotensi untuk dimanfaatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, di seluruh negeri Pahang kita ada 128 *reserved* veterinar ya, padang-padang ragut bertaburan di daerah-daerah yang 128 kawasan ini… padang ragut yang dipanggil padang ragut yang telah digazetkan, diwartakan yang mungkin tidak dioptimakan sepenuhnya. *So* kawasan-kawasan ini boleh dimanfaatkan er... bukan semata-mata satu kawasan yang besar

sekelompok tapi dia bertaburan di seluruh daerah ada semua sekali semua daerah ada, dan boleh kita berhubung dengan Jabatan Veterinar er... untuk melihat potensi menggunakan ataupun terlibat sama dengan penternakan memang pihak kerajaan menggalakkan, insya-Allah ya.

Dan untuk soalan 2 tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Teruntum berhubung dengan halal hub yang di Gambang ada terdapat lebih kurang 400 ekar yang telah pun dikenal pasti. Dan ini pusat ini ialah pusat yang kita tumpukan dari segi pemprosesan. Malahan kita juga telah merangka satu perancangan untuk memanfaatkan, misal contohnya pembangunan apa yang dipanggil sebagai gelatin halal ya, gel gelatin sebab apa kalau tengok, minta maaf ya kalua saya ini bukan satu kejutanlah. Tapi penggunaan gelatin di seluruh dunia er... dari segi kehalalannya er... mungkin kurang daripada 5%, yang selebihnya tidak er... maknanya kita tidak dapat mengesahkan kehalalannya.

Sebab itu dalam kontek ni potensinya besar kalau kita dapat bangunkan industri halal ini termasuk er... mengeluarkan produk gelatin yang halal ya yang digunakan dalam ubat-ubatan dan sebagainya banyak kegunaannya menyeluruh, insya-Allah perkara ini kita teliti dan mungkin ada *investors* maknanya pelabur yang berminat boleh melibatkan diri dan saya kira insya-Allah Kerajaan Negeri juga melalui anak-anak syarikat atau usahawan-usahawan tempatan boleh menerokai bidang ini insya-Allah ya saya rasa 2 je, itu saja. Yang ketiga tu?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang nombor tiga tu pelabur asing…

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Oh... pelabur asing. Pelabur asing ni sepertimana yang kita sedia maklum er... Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ya... melalui PSK dan juga ada jawatankuasa ya dipanggil jawatan er… Jawatankuasa Perindustrian dan Pelaburan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sentiasa meneliti ya er… kepentingan ataupun minat pelabur-pelabur bukan sahaja pelabur maksudnya pelabur tempatan dan asing ya yang berminat untuk menanam ataupun melabur di negara kita, insya-Allah.

Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan mengetuai satu delegasi ke Singapura tidak lama lagi untuk meninjau peluang-peluang di Singapura dan pada masa yang sama mempelawa pelabur-pelabur daripada Singapura yang berminat untuk melabur di negeri Pahang khususnya dalam sektor-sektor kepelbagaianlah termasuk juga tidak ketinggalan sektor agro dan ini sebenarnya adalah satu usaha yang berterusan malahan terdapat juga usaha-usaha yang telah dibuat untuk menarik minat pelabur-pelabur daripada China ya, daripada China khususnya untuk melabur dalam sektor agrolah.

Maknanya mereka berminat misal contohnya untuk er… menanam modal dalam usaha sama dan perkara ini boleh kita selaraskan melalui jawatankuasa ini ya yang akan ada di dalamnya termasuk agensi-agensi pusat seperti MIDA ya, MIDA, MATRADE dan lain-lain agensi yang akan memperjelaskan tentang apa insentif yang boleh didapati oleh pelabur-pelabur ini dan insya-Allah kalau boleh tu, berhubunglah dengan bahagian BPEN dia panggil Bahagian er… ini Perancang Ekonomi Negeri ya BPEN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan insya-Allah pegawai-pegawai dan

Bahagian ini akan memberi penjelasan tentang di mana potensi kawasan-kawasan termasuk kawasan yang dibangkitkan oleh ADUN Ketari ya.

Perindustrian kawasan industri Bentong, kawasan industri di Lipis misal contoh, di Kuantan, bukan sahaja di Kuantan, merata-rata tempat ya dan juga kawasan yang mungkin kita kenal pasti untuk dijadikan kawasan baru yang sesuai dengan pelaburan yang ingin dibawa oleh pelabur-pelabur asing ni. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif ataupun bantuan kepada usahawan kecil yang fokus kepada penternakan ini dan apakah kriteria yang dipilih oleh veterinar, pihak veterinar kepada penternak-penternak yang nak memiliki kawasan padang ragut ataupun kawasan untuk penternakan kerana di kawasan Ketari contohnya, kita ramai yang nak menjadi penternak tetapi mereka tidak mempunyai kawasan, padang ragut dan kawasan untuk… untuk mereka menternaklah untuk mereka letakkan haiwan-haiwan ternakan mereka dan… dan ada di mana dalam senarai tu pula yang dapatnya orang luar yang bukannya orang daripada kawasan Bentong itu sendiri. Jadi, bagaimanakah kriteria atau proses pemilihan itu?

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Pertama sekali YB. kalau ada masalah apa-apa, datang berjumpa dengan saya. [Ahli Dewan ketawa]

Yang keduanya, dak maksudnya saya... tidak ada… sebab saya… Dato' Sri Yang di-Pertua, dalam satu ni program yang kita adakan di Mempaga ya. Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Ketari kerana dalam program yang kita buat usaha sama dianjurkan bersama dengan Jabatan Veterinar. Kita telah memanggil usahawan-usahawan agro *agropreneur* muda ya yang berminat dalam sektor ternakan ini untuk diberikan taklimat. Yang pertamanya kadangkala Dato' Sri masalahnya ialah kerana mereka tidak ada maklumat. Mereka mungkin dia tidak tahu di mana hendak ditujukan tapi pada asasnya jabatan-jabatan yang diwujudkan berfungsi untuk membantu antara lainnya ialah Jabatan Veterinar.

Apa yang dibuat oleh Jabatan Veterinar adalah membuat *engagement* pegawai-pegawai pengembangan dia ada di daerah-daerah memang ada dan harapan saya ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini dia dapat berhubung dengan jabatan-jabatan atau menganjurkan satu sesi di mana kita membuat *engagement* memanggil, mengenal pasti usahawan-usahawan yang berminat termasuk penternak dalam bidang ternakan, penternak-penternak yang sedia ada untuk kita temukan dengan agensi-agensi yang berkaitan termasuk misal contoh soal tanah, pejabat tanah daerah mampu untuk memainkan peranan dalam konteks yang dibangkitkan oleh ADUN Ketari tadi iaitu er… senarai yang ni nanti saya akan edarkan senarai-senarai rekod tanah *reserve* veterinar daerah-daerah untuk dimanfaatkan oleh Ahli-

ahli Dewan Yang Mulia ini. Kita lihat tiap-tiap daerah ni ada nombor di mana tempatnya berapa ekar, berapa ekar dan sebagainya ya.

Yang keduanya dari segi bantuan ya yang disediakan oleh pihak jabatan perlu saya nyatakan tadi. Satunya program PROPER tadilah ya, 70:30 ya geran ni sepadan *matching grant* yang kerajaan sediakan untuk penternak-penternak tetapi mesti ada kriterianya. Malahan baru-baru ini, kita telah memberikan bantuan sebanyak 20 maknanya dipanggil geran kepada *agropreneur* muda daripada Rompin penternak muda *agropreneur* muda ternakan daripada Rompin sejumlah lebih kurang dalam RM20,000 tiap-tiap seorang untuk memulakan ni aktiviti ternakan ini.

Jadi, pada umumnya, pada umumnya pertama sekali kita kenal pasti tempat, yang keduanya kita berhubung dengan jabatan dan tentunya jabatan akan memberi tahu apa kriteria-kriteria yang diperlukan. Kita kena ada kemahiran, kena ada ilmu, kena ada pengetahuan untuk memulakan ternakan ini dan insya-Allah saya rasa sedikit demi sedikit ianya akan dapat membantu. Saya baru-baru ni Yang Berhormat Dato' Sri Speaker ya, Dato' Sri Yang di-Pertua saya telah melawat satu usahawan. Seorang usahawan yang menanam vanila ya pokok vanila. Dia merupakan seorang wartawan… asal dia wartawan di… di Temerlohlah di Temerloh di kawasan ini sahabat saya daripada Kuala Semantan. Semalam saya tengok ada YB. Kuala Semantan merasmikan program-program di kawasannya.

Saya tanya dia bagaimana mulanya dia menanam vanila ni? Dia kata mula-mula dia tak tahu tapi dia baca-baca dalam internet je kemudian dia mencari ilmu, dia belajar semua sekali dan yang paling unik sekali, yang paling unik sekali Dato' Sri Yang di-Pertua, akhir sekali dia berguru dengan seorang guru yang memang pakar dalam bidang vanila ni dan dia akhir sekali dia kata dia dah mutus dengan guru tu dan sekarang ni dia menjadi usahawan yang hebat, vanila dia berjaya dan untuk makluman, siapakah guru itu? Tidak lain dan tak bukan ialah ayahanda kepada YB. Dato' Sri SS, Tuan Haji Ishak yang merupakan seorang yang pakar dalam bidang vanila rupanya.

Jadi, dia belajar dan hari ni dia menyatakan bahawa dia bersedia untuk berkongsi ilmu ni. Kalau sekiranya ada yang berminat, berhubung dengan dia dan dia akan menunjukkan bagaimana untuk memulakan er… ni apa ni aktiviti ataupun penanaman vanila yang hanya antara lain negara yang mengeluarkannya ialah Malaysia, Indonesia, er… ni Papua New Guinea dan tak silap saya ni Madagascar. Jadi, maknanya ini yang… tak ramai… dan saya bertemu dengan seorang penternak *breeder* ya, yang mengeluarkan benih ataupun anak ayam kampung, di Temerloh juga.

Dia seorang pegawai polis pada mulanya dia seorang pegawai polis dan akhirnya dia berhenti. Saya tanya dia bagaimanakah dia mulakan usahawan ini? Dia kata dia minat dia kerja polis akhirnya dia pergi kursus, dia pergi kursus, dia pergi kursus hingga ke Indonesia dan dia akhirnya tekad untuk berazam memulakan perusahaan ini dan nilai aset yang ada pada ketika ini ialah lebih kurang RM4 juta dan pokoknya rumusannya ialah kita mesti menimba ilmu mendapat pengetahuan dan insya-Allah atas keazaman dan kesungguhan dengan bantuan daripada jabatan teknikal kita mampu berjaya dan akhirnya saya ingin nak maklumkan Dato' Sri, nasihat saya kepada penternak.

Kita mohon jasa baik penternak ni tadi supaya tidak membiarkan ternakan mereka berkeliaran di atas-atas jalan, di jalan-jalan raya, dibiarkan begitu hingga menyebabkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya ya tak kiralah di mana-mana baik di Koyan ke, baik di Benta, baik di Jerantut waima di Bentong sekali pun

kerana kita ada enakmen kerbau lembu, kalau ikut eknamen ni yang ada ni sekiranya kita tidak menjaga ternakan kita tindakan boleh diambil mengikut enakmen. Makna maksudnya pergilah, tengoklah, tinjaulah 128 kawasan *reserve* haiwan yang boleh kita manfaatkan, jangan kita biar maknanya satu kampung jadi padang ragut kita kerana ia boleh membahayakan pihak lain dan menimbulkan permasalahan termasuk masalah sosial di kampung-kampung yang berkaitan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya. Saya jemput Yang Berhormat Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak tujukan soalan ni kepada EXCO Budaya. Jadi saya nak tuju dalam bentuk pantun.

Ketawak dipalu sambil ketawa,
Dodol gula kabung di tepi tangga,
Tenun Pahang penegak budaya,
Mohon dijawab soalan nombor tiga.

[Nyatakan kesungguhan Kerajaan Negeri Pahang dalam memelihara warisan budaya negeri seperti cara hidup, kesenian, bahasa, makanan, pakaian, binaan, pertukangan, kraftangan dan lain-lain bagi memperkenalkan Pahang sebagai sebuah negeri dan masyarakat yang beridentiti, berjati diri dan berwatak unik dan menarik.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Nak jawab pantun? Kita bilang satu, dua, tiga saya jawab sahaja ler. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Kalau nak mengatakan tentang kesungguhan Kerajaan Negeri Pahang dalam memelihara warisan budaya negeri er… dari segi cara hidup, kesenian, bahasa, makanan, pakaian, pertukangan kraf saya rasa banyak sekali yang telah kita laksanakan er… dan juga kita rancangkan er… untuk kita memperkasakan warisan budaya negeri. Dalam ucapan saya semalam pun saya kira saya dah menyebut agak panjang lebar tentang usaha-usaha yang telah dijalankan, khususnya usaha yang dipelopori sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dalam mengangkat er… seni Tenun Pahang er… ke peringkat antarabangsa sehingga kita menjadikan Tenun Pahang ini sebagai Tenun Pahang Diraja dan er… kita bekerjasama dengan Kementerian ya.

Kalau kita ke luar negara dan sebagainya memang kita mempromosikan dan saya kira Exco Pelancongan pun setiap kali ke luar negara mempromosikan negeri Pahang akan turut membawa er… produk-produk kraf khususnya Tenun Pahang ke luar negara dan baru-baru ini rombongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun ya, ke, juga membawa barangan yang dibuat Tenun Pahang. Kalau kita sebut Tenun Pahang ni bukan setakat pakaian ya, tetapi kita banyak buat, kita buat beg, *pouch* beg, kita

buat pelbagai, *tie* ya, macam-macam lagi daripada Tenun Pahang ini. Ini satu contoh dan Tenun Pahang ni dah sampai kita buat satu er… institusi, pusat kemahiran melatih ya, penenun-penenun supaya nak pastikan er… Tenun Pahang ini tidak lupuslah, tak ada tak maknanya sentiasa diwariskan dari generasi ke generasi. Ini contoh yang ada dan antara kita bekerjasama dengan Jabatan Kraftangan Malaysia cawangan Pahang, kita juga buat program menje... er… Membangunkan Kemahiran Kraf dan Jejak Warisan Kraf.

Pada tahun 2018 sahaja terdapat seramai 125 orang usahawan kraf negeri Pahang yang berdaftar dengan Kraftangan Malaysia yang telah membuat nilai jualan sebanyak RM15.9 juta dan memang Pahang ni, baru-baru ni pun Anugerah Usahawan Kraf Malaysia juga telah diberikan kepada salah seorang usahawan kraf juga daripada Temerloh. Temerloh ni tadi usahawan vanila pun dia, usahawan kraft ni pun dia juga lah. Jadi syabaslah kepada Temerloh.

Jadi itu antara, itu berkenaan dengan kraf kalau nak saya sebut satu per satu, Wakil Padang Tengku banyak. Saya rasa saya akan bagi dengan lebih terperinci ya, selain daripada kraf kita baru-baru ni saya sebut juga semalam bagaimana kita sekarang ni sedang cuba mengembalikan kembali tulisan jawi ya, dalam program-program, *signboard* dan sebagainya. Itu juga adalah antara salah satu usaha Kerajaan Negeri warisan pula ya, warisan ni kita dah buat lama.

Di Kementerian Pelancongan Seni Budaya Malaysia melalui Jabatan Warisan Negara contohnya, telah mengadakan taklimat berkenaan dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005, pada tahun 2016 dan telah pun memohon keizinan pihak berkuasa negeri Pahang dalam menetapkan 32 tapak warisan di seluruh negeri Pahang dan pada 5 Oktober 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang Kali Ke-32 2016 telah bersetuju untuk mewartakan 32 tapak warisan tersebut dan setakat ini daripada 32 yang diminta tu, 2 tapak warisan telah pun diwartakan iaitu Muzium Warisan Lipis ya, yang dahulunya dikenali sebagai bekas rumah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang beralamat di No.177, Jalan Bukit Bius dan juga Bangunan Residensi JKR 132, Bukit Residen, Kuala Lipis yang lain-lain tu dalam proses pewartaan.

Jadi er… bimbingan seni budaya kita buat, memelihara tarian-tarian tradisional Pahang seperti tarian pelanduk, tarian cincin ya, er… tarian er… apa piring, tarian kapal terbang tak ada [ketawa] tarian piring ya, contohnya tu antara er… tarian-tarian negeri Pahang yang dipelihara ya, untuk generasi yang akan datang melalui program-program yang dianjurkan oleh JKKN melalui Program Jom Belajar. *In fact*, baru-baru ni saya tengok Jabatan Kesenian cawangan Pahang dalam Program Jom Belajar ni juga turut mengajar cara mengikat tanjak negeri Pahang, yang mana tanjak negeri Pahang ni dia ada banyak jenis ya, ada Tanjak Bugis Tak Balik, ada beberapa lagilah yang saya pun tak ingat namanya satu persatu.

Jadi ini antara usaha-usaha yang dibuat selain usaha muzium seperti saya sebutlah semalam menerbitkan dokumentari-dokumentari, buku-buku. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang juga ya, menerbitkan buku dan juga filem-filem dokumentari untuk simpanan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Mohon laluan sikit. Saya nak maklum jugalah Sidang Dewan ini sempena menyebut tanjak-tanjak tadi, kita sempena Festival Silat Nusantara juga ada pameran tanjak di Megamall. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih. Saya… patut saya nak cadang juga Dato' Pertua, satu hari nanti Ahli Dewan datang pakai tanjak kalau dibenarkan oleh Dewan supaya dapat mempromosikan er… seni tanjak negeri Pahang itu sendiri.

Jadi itulah antara usaha-usaha yang dibuat dan saya er… ucap syabas juga kepada Wakil Padang Tengku dia memang begitu orang kata berminat ya untuk er… berkenaan dengan seni kraf contohnya dan saya sendiri telah pun melawat kawasan Padang Tengku dibawa ke beberapa-beberapa tempat dan salah satu tempat yang menarik perhatian saya Dato' Sri Yang Di-Pertua, ialah industri membuat perahu jalur tradisional yang saya kira er… boleh kita ketengahkan supaya ianya juga turut mungkin satu hari nanti menjadi produk pelancongan kepada negeri Pahang itu sendiri. Terima kasih

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Padang Tengku. Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Terima kasih atas jawapan yang begitu lengkap bagi saya tapi persoalan yang saya nak timbulkan sini bagaimana kita nak membudayakan er… apa yang kita sebut sebagai warisan kita ni sebagai satu identiti kepada negeri… negeri Pahang, kepada rakyat Pahang.

Kalau kita sebut di Kelantan kita tahu orang sebut budu, Kelantan er… percakapan pun orang tahu itu orang Kelantan, dikir barat, Kelantan. Makna ada satu budaya pergi ke mana-mana dan di Pahang ni saya nampak usaha membudayakan kepada masyarakat tu kurang, er… tadi dicadangkan pakai tanjak, saya nak sebut pakai sampin ni contohnya, er… Ahli apa ni Guai tolong bangun, okay. Dia pakai sampin Tenun Pahang. Maknanya kalau kita boleh budayakan ini sebagai satu pakaian sampin bagi kita. Sebab kalau kita ambil songket ni bukan tak lawa, cantik tapi di Terengganu jadi itu, itu… itu dia punya sinonimnya.

Jadi di situ kita membudayakan pakai, ya… tak berapa. Ha.., ya, dia sebenarnya *sponsor*, *sponsor*lah kan, memang kalau nak cari *sponsor* ni MB memang *sponsor* setiap kali er… apa nama ni perwakilan-perwakilan datang melawat MB, salah satu daripada dia baginya sampin Pahang ni, Tenun Pahang ni. Tapi saya nampak pemakaiannya tak begitu menyeluruh, jadi saya nak syorkan dalam macam ni yang kita buat hari ni program-program rasmi dan sebagainya yang negeri Pahang kita pakai sampin Pahang, baru orang nampak, *tie* kita bagi, Dewan bagi… bagi pada kepada sapa ni, kepada kita di sini *tie* tapi tak ada pun nilai-nilai bentuk kepahangannya tu.

Jadi macam… ini… ini di antara… itu yang saya nak sebutkan kepada tuan-tuan. Jadi kita tahu memang telah er… kita sanjung apa nama ni, er… apa nama ni, usaha yang dibuat oleh Kebawah Duli apa nama ni… Tuanku Permaisuri Agong. Tapi sambutan di bawah ni, pakai baju-baju kemeja, umpamanya baru nampaklah itu… itu yang pertama. Yang keduanya, kita ada kemungkinan hari tu dah dikemukakan sahabat saya daripada Tanjung Lumpur tentang Serambi Teruntum yang asalnya saya baca dalam apa nama… er… apa ni… web yang dikeluarkan oleh Tourism Pahang, ialah untuk mewujudkan satu apa ni… *one stop centre,* bagi mempromosikan budaya dan juga bukan setakat makan, ukiran apa, kraftangan dan sebagainya.

Tetapi juga er… budaya kita, kesenian kita, tetapi saya nampak er… sunyi di situ dan apakah promosi-promosi perancangan kerajaan untuk memastikan er… kita orang boleh nampak. Bila datang ke Pahang di situ tempat untuk kita pergi melihat budaya ataupun cara hidup masyarakat Pahang ni. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Dato' Yang di-Pertua, mohon tambahan boleh tak?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Boleh jawab dulu?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Sungai Lembing, minta kita selesaikan dulu jawapan yang…

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BNTI SHAMSUDIN

Saya jawab dulu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Habiskanlah dulu.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan penggunaan warisan budaya kita tadi sebagai satu identiti, saya setuju dengan saranan daripada Wakil Padang Tengku. Ya, mungkin penggunaan Tenun Pahang ini er… bukan tidak mendapat sambutan tetapi kerana produk ini memang agak mahal ya, kalau satu pasang pakaian Tenung Pahang Pulau Keladi tu dalam RM1000 sepasang.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Boleh, boleh saya selit sikit. Saya pergi Persidangan Agong UMNO, saya bandingkan harga songket Terengganu tu sampai RM10,000, RM20,000 tetapi songket kita, tenun kita, RM300, RM400 boleh dapat. Itu contoh. Jadi kalau kita nak sebut, er… agak apa

ni… mahal dan sebagainya, kalau di Terengganu yang mahal-mahal tu, kita boleh beli, Ketua-ketua Bahagian boleh pakai, saya ingat yang ini sedey jer.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Wakil Padang Tengku tunggu orang habis bercakap dulu. Er… dia deras sangat tu, ha… tu budaya orang Melayu Pahang dia gamoknya ya. Tak dan ngedan. Kerayan tu tak dan ngedan ya. Jadi Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang mempromosikan ya, walaupun kita tahu, er… dia agak mahal kerana *hand made* kerana ditenun secara tradisional. Jadi kita ada alternatif ya, di Chini ada kilang er… ada Wakil kita daripada Chini, telah mengusahakan, saya rasa dah lama. Tenun Chini dia pakai *machine* yang mana dia, harganya lebih *affordable* dengan izin ya, kepada orang biasa untuk membeli. Cuma mungkin kita sendirilah, kita ni semua kena sama-sama, saya balik-baliklah kepada rakan-rakan Wakil Rakyat semalam Ketari kata kita ni kena jadi contoh, kita ni kena pakai macam saya ni, saya pakai ni kebaya Pahang ni. Ha… ya. Jadi kita kena, kita sendiri kena mempromosikan warisan budaya kita. Jadi tahniahlah kepada Guai, hari ni pakai Tenun Pahang ya.

Saya setuju juga, kita kena sama-sama tetapi kita ni memang, er… Exco kita ada baju kemeja Tenung Pahang, untuk urusan rasmi kita, kita ada 3, kita ada 2 baju korporat, kita ada 1 baju biasa, kita banyak. Kalau saya lagilah banyaknya. Ya, orang perempuan kena ada *stock* Tenun Pahang. Jadi kalau kita ni, Wakil-wakil Rakyat negeri Pahang ni, kalau tak ada satu helai pun ya, sampin ataupun produk Tenun Pahang, yang bukan… bukan Melayu tak ada *tie* pun, saya rasa patut rasa malulah. Sebagai rakyat negeri Pahang sebagai pemimpin negeri Pahang, Ahli Dewan Negeri Pahang yang menjunjung warisan budaya negeri Pahang.

Makanan contohnya. Puding Raja, tak ada kat tempat lain. Puding Raja ni. Jadi orang sebut Puding Raja jer, orang ingat Pahang, ya. Dia nak buat macam mana, dia kalau orang ingat Kelantan ingat budu, budu ni dia memang semua orang, tetapi kita Pahang ni, agaknya kerana kita tadi cerita semalam betapa akrabnya hubungan raja dengan rakyat ni, kita mengangkat makanan-makanan istana. Tetapi banyak juga yang daerah-daerah kita, kalau ingat gula kabung ingat Lipis. Kalau di… kuih pena, tak ada tempat lain hanya ada di Chenor. Ha, mungkin nanti lepas ni minta YB. Chenor ajok kita makan kuih pena. Ha… ada macam-macam ya, yang inilah yang kita cuba er… dari semasa ke semasa memperkenalkan makanan tradisional dalam negeri Pahang ini.

Jadi, silat contohnya pun, saya ucap tahniah juga pada YB. Sungai Lembing yang mempelopori silat ya, Silat Negeri Pahang, ini juga satu, Gendang Pahang er… dan juga ada satu persatuan Dato' Yang di-Pertua, Persatuan Loghat Pahang yang mana ia mengangkat martabat loghat Pahang. Kita ni, masalah kita ni, kita betullah orang Pahang, orang luar Pahang tak berapa, tak berapa *familiar* ataupun tak berapa pahang [ketawa], tak berapa faham dengan cakap Pahang. Pasal kita ni mungkin jarang menggunakan dan loghat antara daerah tu berbeza antara satu daerah ke satu daerah yang lain. Jadi saya kira usaha yang dibuat oleh Persatuan Loghat Pahang contoh…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Minta laluan sikit, Yang Berhormat Yang di-Pertua, dia telah membuat kajian bahawa lidah orang Pahang ni adalah lidah yang paling *flexible* sekali. Kalau dia pergi ke Kelantan dia boleh cakap Kelantan, kalau dia pergi ke Perak, dia boleh cakap Perak, kalau dia pergi ke Kedah, dia boleh cakap Kedah. Maknanya dia *very flexible.* Itu

kelebihan orang Pahang. Ha, yang itu, Yang Berhormat Wakil Kerajaan kena sebut. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Orang Pahang ni memang *flexible* bukan sahaja lidah jer, bukan sahaja dari segi bahasa, dari segi penerimaan kita pun, kita daripada kita menubuhkan FELDA dulu, FELDA negara… di negeri lain mana ada terima orang negeri lain? FELDA kat Pahang je yang terima orang daripada Kedah, orang daripada Perlis, orang daripada Kelantan, kan, betul tak? Jadi orang Pahang ni memang gitu. Sebab itu kita ada Wakil Ketari pun bukan orang Pahang juga, orang Perak tetapi boleh menang. Menang besor bergayakan? Jadi memang orang Pahang ni, inilah dia. Sifat orang Pahang, orang Pahang ni *is a good host.*

YB.DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri…

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB.DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Mohon, dia ada satu yang selalu kita sebut, pantun kan.

> Sungai Pahang airnya deras,
> Sudahlah deras berliku-berliku,
> Orang Pahang ni, hati keras,
> Tapi kalau dalam keras-keras tu, kena mudah kena tipu. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Itu mungkin, itu Bentalah kot. Kome orang Chenor ni, payoh sikit nak kena tipu tu. Ha…[ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ni, YB.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Belum habis lagi? (Ahli Dewan ketawa)

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Ha! Saya, dah habis dah, saya… saya rasa… [ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya…YB., er… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan cuba, masa ni kita dapat sama-sama kita apa ni, manfaatkanlah masa ni kerana saya bercadang pukul 11.00 saya nak tangguh untuk minum. Oleh kerana memandangkan hari ini hari Jumaat, dan 11.30 kita masuk, dan selepas itu, kita ada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, RUU, jadi saya berharap kita manfaatkanlah masa ini, dalam masa setengah jam lagi. Jadi Yang Berhormat dah habis ya?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Rasa dah menjawablah dah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya minta satu soalan tambahan daripada Sungai Lembing. Sila.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan tambahan terima kasih. Pertamanya saya mengucapkan syabas, tahniah kepada pihak kerajaan kerana berusaha membantu dan untuk kita memperkaya, memperkembangkan lagi seni warisan bangsa. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dira… Menteri Besar Pahang di atas kelulusan bagi kita menganjurkan Festival Silat Nusantara, tanjak, beratus-ratus jenis tanjak ada. Kemudian apa… keris macam-macam jenis keris, keris berhantu pun ada, silat, ha? Keris melayang pun ada. Keris berdiri tu biasa jer. Er… kemudian, itu… dalam itu juga kita akan menunjukkan beberapa er… misteri dalam silat. Melompat atas kaca macam-macamlah lebih kurang ya. Selain daripada tu, satu lagi, silat ni juga macam tarian pengamatan orang-orang zaman dulu er… apa ni, mengenai kehidupan masing-masing. Contoh dia, satu seni tari silat yang *famous* kalau di Pahang pada masa sekarang ni, er… Silat Tari Lenggang Mak Janda. Jadi saya cadangkanlah supaya ahli kerajaan er… guru-gurunya dia orang kampung dia, belajar Silat Tari Lenggang Mak Janda ajak beberapa orang YB. kita belajar. Tak kiralah lelaki ataupun perempuan. Terima kasih. Syabas, tahniah, saya ucapkan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDIN

Saya rasa tu cadangan, tak perlu saya jawab. Cadangan yang baik. Tetapi saya tak berapa nak belajar tu sebab nama tu Lenggang Mak Janda jadi tak berapa sesuaikan. Tapi insya-Allah kita akan buat bengkel, ya, macam saya kata tadi bengkel untuk diwariskan kepada generasi muda er… seni-seni yang ada ni, er… kita akan angkatlah perkara ini untuk diketengahkan lagi. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Tuan Speaker minta satu jer. Tuan Speaker.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya teruskan pertanyaan dengan menjemput Yang Berhormat DUN Luit, silakan.

YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua, soalan saya nombor 4.

[Mengapa masih terdapat kampung yang masih ketinggalan dalam mendapatkan kemudahan tempat bersukan, beribadah dan pusat kesihatan seperti Kampung Ulu Luit, Maran.]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Bagi menjawab soalan er… bagi pihak er… Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran Dan Kesihatan, Kampung Ulu Luit dekat dengan New Zealand ya antara kampung yang ada 4 *season* merupakan salah satu kampung rangkaian di bawah pentadbiran MPKK Kampung Luit dan jarak antara Kampung Ulu Luit dan Kampung Luit adalah 5 kilometer. Antara kemudahan awam yang ada di Kampung Luit seperti Klinik Kesihatan, Sekolah Kebangsaan, er… balai raya, gelanggang futsal, masjid, surau dan juga sebagainya. Kemudahan ini dibina bagi kemudahan dan keselesaan seluruh penduduk di dalam kawasan pentadbiran MPKK, malah di Kampung Ulu Luit sendiri terdapat beberapa kemudahan awam seperti masjid, surau dan juga balai raya. Er… walau bagaimanapun pihak Pejabat Daerah dan Tanah Maran selaku Wakil Kerajaan Negeri sentiasa memberi… membuat permohonan bagi membina dan menaik taraf kemudahan-kemudahan di kampung tersebut telah mengenal pasti keperluan yang mendesak bagi penduduk Kampung Ulu Luit antaranya keperluan untuk membina Pusat Pemindahan Banjir Kampung Ulu Luit.

Selalu kena banjir ya YB. ya?.Tak apalah bila banjir tu YB. turun tu nampak buat kerja itu er… Wakil daripada Pelangai sebut-sebut tu dan er… dalam masa yang sama juga er… Pejabat Daerah telah mengenal pasti tapak bersesuaian untuk membina pusat tersebut dan kertas kerja bagi membina Pusat Pemindahan Banjir berkapasiti 300 orang dengan kos RM400,000 telah diajukan kepada pihak berkenaan. Er… yang keduanya, Kampung Ulu Luit ini ianya tidak terletak di dalam kawasan er… operasi iaitu Majlis Daerah Maran. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua saya kemukakan soalan nombor 5.

[Sila nyatakan;

a) Berapakah jumlah Pasaraya Darul Makmur (PDM) yang dimiliki oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang?

b) Apakah strategi jangka panjang untuk bersaing dengan pasaraya-pasaraya besar di negeri ini?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Sehingga kini terdapat 9 buah cawangan Pasaraya Darul Makmur (PDM) ini bukan Pusat Daerah Mengundi ya [ketawa] telah berjaya dibuka di bawah MUIP Supermarket Group Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang cawangan er… Pasaraya Makmur kini terletak di bandar er… di Bukit Setongkol, Beserah, Temerloh, Maran, Lipis er… Pekan, Jerantut, Bandar Pusat Jengka dan Muadzam. Cawangan pasar raya yang kesepuluh di Raub dijangka akan dibuka pada bulan April ini. Saya ingat dah buka dah sekarang ni.

Bagi soalan yang kedua antara perancangan jangka masa panjang yang akan dilaksanakan oleh MUIP Supermarket Group Sdn. Bhd. Pertamanya pembukaan budang… er… gudang pasar raya, stokis untuk gudang-gudang di seluruh negeri Pahang ini supaya er… pihak syarikat er… supaya kita dapat ya er… dapat membuat berbagai stok barangan yang ditawarkan kepada pelanggan. Pihak Syarikat juga berupaya menawarkan harga yang lebih murah, kompetitif kepada para pengguna hasil er… pembelian secara gudang ini.

Yang keduanya kita akan mewujudkan syarikat pengedar. Maksudnya kedai-kedai kecik di kampung-kampung itu nanti mereka akan boleh jual barang daripada pasar raya ataupun Pasaraya Darul Makmur ini. Insya-Allah ya, insya-Allah kita akan usahakan ini juga. Yang ketiga, pembukaan pasar raya di lokasi-lokasi baru. Pihak syarikat akan membuka cawangan-cawangan baru di masa depan jika ianya didapati sesuai er… bersesuaian dengan er… tempat dan juga er … terdapat ramai pelanggan.

Yang keempatnya adalah pembesaran dan menaik taraf pasar raya yang ada maksudnya jika sekiranya pasar raya yang ada sekarang ini kapasitinya telah pun mendapat er… ini telah pun mendapat er… sambutan yang luar biasa maka kita akan besarkan er… pasar raya tersebut dan yang kelimanya kita mempastikan bahawa ianya adalah er… patuh syariah, syariah *compliance* dan juga iaitu setiap barang yang dijual itu adalah halalan toyyiban, halal dan berkualiti. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Terima kasih er… Yang di-Pertua. Er… saya melihat potensi yang ada pada Pasaraya Darul Makmur ini sangat besar kerana *retail market* ataupun pasaran runcit ini adalah sangat penting kerana ianya akan sampai kepada peringkat er… peringkat rakyat biasa sampai ke peringkat kampung-kampung dan sebagainya cuma kita minta supaya er… konsep syariah *compliance* ini er… diberikan sedikit peningkatan dari sudut *competitiveness*nya er… berdaya saing dengan pasar raya-pasar raya yang ada er… yang besar er… yang ada dan er… boleh memberikan kesan yang paling baik adalah dari sudut membantu rakyat biasa mendapatkan barangan bukan sekadar baik, halal tetapi harga yang lebih rendah daripada pasar raya-pasar raya yang… yang ada ini. Jadi kalau strategi itu boleh dibuat untuk jangka masa panjang er… Pasaraya Darul Makmur ini akan menjadi satu pasar raya yang menawarkan harga yang rendah boleh digabungkan dengan sepertimana yang dinyatakan oleh pihak kerajaan er… kedai apa tu i-Keep, kedai yang dulu kedai murah dan sebagainya maka kita harap ianya dapat menjadi satu mercu tanda yang baik untuk PDM. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Itulah di antara hasrat untuk kita menjadikan nak mempastikan bahawa Pasaraya PDM ini ataupun Pasaraya Darul Makmur ini sebagai *alternative* utama terutama sekali kepada er… masyarakat ataupun er… pelanggan yang berpendapatan rendah dan kita akan mengkaji dari setiap sudut bagaimana untuk kita mendapatkan barangan yang lebih murah dari segi *supply*nya dan kemudian menawarkan harga yang lebih murah lagi dan dalam masa yang sama kita mengekalkan er… patuh syariah dan harga patut. Ha… ini adalah di antara strategi yang sedang kita er… kita lakukan dan dalam masa yang sama juga er… PDM juga sedang memikirkan sedang untuk… untuk… untuk kita mencari jalan terutama sekali contohnya kita ada ladang sayur sendiri, ha ladang er… lembu er… kemudian ayam dan sebagainya. Ini di antara strategi masa depan dan yang paling penting sekali bahawa kita semua mestilah kerana ini daripada MUIP dan kita pun tahu Majlis Agama Islam *originally from* Pahang dan kita harap supaya kita semua memberikan sokongan agar pasar raya ini akan terus dapat berkembang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah soalan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH.

Tuan Yang Di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Beberapa projek telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu seperti projek pemasangan lampu jalan di Bukit Sagu, namun projek ini diberhentikan. Bagaimanakah cara untuk menangani isu ini bagi memudahkan penduduk setempat.]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Wakil daripada Sungai Lembing bertanyakan soalan berkaitan dengan keselamatan di jalan raya er… yang berkaitan dengan pemasangan lampu jalan di Bukit Sagu. Untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, projek ini sebenarnya telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini sebelum PRU Ke-14 melalui Pejabat Pembangunan Negeri dengan nilai RM1.5 juta. Sehubungan dengan itu Dato' Sri Yang di-Pertua, er… projek ini projek yang telah dibatalkan ini dipohon kembali er… oleh pihak JKR di dalam Rancangan Malaysia atau di dalam *Rolling Plan* Ke-5 tahun akan datang er… untuk pemasangan lampu sepanjang 15 kilometer di Jalan Bukit Goh-Kuantan ataupun FT 1487 dengan anggaran kos sebanyak RM8.9 juta. Kalau dulu diminta satu… diluluskan RM1.5 juta sahaja untuk satu kawasan yang kita minta ni sebenarnya untuk keselamatan yang lebih… lebih terjamin kita minta untuk keseluruhan… keseluruhan sepanjang jalan itu.

Di samping itu juga pihak JKR telah er… memohon peruntukan untuk memastikan lampu jalan di Jalan Bukit Sagu er… Cerul er… FT 1581 sepanjang 23 kilometer juga dalam proses er… permohonan. Selain daripada itu, untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan di jalan yang berkenaan pihak JKR telah membuat permohonan untuk menaik taraf Jalan Bukit Goh-Kuantan, FT 1487 kepada *standard* R5 yang lebih besar

berserta dengan pemasangan lampu jalan dan er… selain daripada itu Dato' Sri Yang di-Pertua, bagi meningkatkan aspek keselamatan di jalan raya dalam kawasan yang… yang berkenaan ini er… pihak JKR Kuantan sudah menyediakan cadangan sekiranya mendapat peruntukan *one off* er… pihak JKR Kuantan akan er… membuat pemasangan perabot jalan seperti *delineator post, reflective, sticker,* dengan izin ya.… sebagai alat er… bantuan keselamatan jalan raya. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon izin kemukakan soalan nombor 7.

> [Apakah peranan dan tanggungjawab baru Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terhadap pengurusan dan pembangunan kawasan Orang Asli khususnya bagi negeri Pahang setelah dipindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri? Apakah penstrukturan yang akan dijalankan untuk JAKOA?]

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Tanah Rata. Bagi pertanyaan Tanah Rata, walaupun Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun (JAKOA) telah dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) kepada Jabatan Perdana Menteri khususnya negeri Pahang. Sehingga kini masih kekal menjalankan fungsi dan tanggungjawab seperti biasa dan tiada penstrukturan baru dilakukan sehingga hari kini di Jabatan JAKOA ini. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada YB. Exco dan saya difahamkan, saya diberitahu oleh YB. Exco semalam bahawa Kerajaan Negeri juga menubuhkan satu Unit Hal Ehwal Orang Asli di bawah Pejabat Menteri Besar. Jadi di sini saya ingin tanya, apakah perbezaan Unit Hal Ehwal Orang Asli ini dengan JAKOA? Terima kasih.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih kepada Tanah Rata.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada ADUN Tanah Rata.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Daripada segi nama pun dah berbeza Jabatan Kemajuan Orang Asli, yang Kerajaan Negeri tubuhkan baru ini ialah Unit Hal Ehwal Orang Asli. Jabatan dengan unit itu dah berbeza Yang Berhormat. Jabatan ini maknanya adalah satu organisasi yang besar, mempunyai er… ramai kakitangan berbanding dengan unit hanya ada beberapa orang

kakitangan. Dan JAKOA adalah di bawah Kerajaan Persekutuan manakala unit yang kita tubuhkan ini adalah untuk… di bawah Kerajaan Negeri. Kita *parking* di Pejabat Menteri Besar untuk memberi tumpuan khas kepada masyarakat Orang Asli di negeri Pahang.

Walau bagaimanapun Unit Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang ini akan terus bekerjasama dengan JAKOA dan JAKOA pun akan bekerjasama dengan Unit Hal Ehwal Orang Asli. Tujuannya adalah semata-mata supaya kita dapat memastikan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang ini dapat kita mendengar rintihan mereka, permasalahan mereka dan unit ini akan bergerak ataupun akan sentiasa mendapatkan maklumat, pandangan berkenaan Orang Asli dan dibawa ke pengetahuan Kerajaan Negeri untuk dibincang, diputuskan dan kalau boleh diselesaikan masalah mereka. Itulah antara perbezaan dia, Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Mentakab.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

> [Perkhidmatan telekomunikasi dan internet di Mentakab tidak sempurna dan tidak stabil. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh kerajaan untuk menyempurnakan?]

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada ADUN Mentakab. Kerajaan Negeri dan pihak MCMC mengambil maklum perkara ini dan langkah-langkah penambahbaikan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Peningkatan penggunaan internet melalui telefon pintar dan peranti pintar lain yang kini semakin bertambah, menyumbang kepada isu kualiti rangkaian terutamanya pada waktu puncak. Saya nak tanya Yang Berhormatlah di kampung mana yang tak sempurna dan tidak stabil?

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Kawasan bandar Mentakab pun tak sempurna lagi. Kadang-kadang ada, kadang-kadang tak ada.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Mungkin terlalu ramai agaknya, *crowded*. Jadi er… untuk makluman Sidang Dewan di kawasan Mentakab kita di bawah inisiatif er… keluasan liputan jalur lebar mudah alih melibatkan 2 perkara, yang pertamanya pembinaan menara telekomunikasi baru dan juganya penaiktarafan antara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan 3G dan 4G. Tiga menara komunikasi baru sedang dibina pelaksanaannya di DUN Mentakab dan dijangka siap secara peringkat pada suku kedua 2019. Tiga menara tersebut meliputi kawasan Lubuk Kawah… Kampung Lubuk Kawah, Kampung Sanggang dan Kampung Kerai Lipat Kajang.

Manakala 5 menara sedia ada telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G di DUN Mentakab iaitu 2 menara di Mukim Songsang, 2 menara di Mukim Sanggang dan

1 di Mukim Bangau. Ini merupakan tambahan kepada 13 menara komunikasi yang telah dibina secara komersial oleh syarikat pemberi perkhidmatan di DUN Mentakab dan menjadikan jumlah menara di DUN Mentakab adalah sebanyak 21 menara.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tahan.

YB. ENCIK MOHD ZAHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Bismillahhirrahmanirrahim er… Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

> [Masih ramai lagi di kalangan belia kampung dan generasi kedua Felda yang belum memiliki rumah sendiri dan kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian;
>
> a) Apakah usaha kerajaan ke arah memastikan mereka-mereka ini dapat memiliki rumah sendiri?
>
> b) Adakah kerajaan bercadang untuk menyedia dan memberikan tapak rumah kepada golongan ini?]

YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih daripada Tahan yang saya rasa mengemukakan soalan berkaitan dengan er… generasi muda ya. Untuk soalan 9 berkaitan dengan er… rumah yang perlu diduduki oleh generasi muda sama ada di kampung ataupun generasi FELDA. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, sehingga kini rumah PR1MA yang kita telah daftarkan sebanyak pemohon 32,206 orang. Daripada 32,206 orang ini, 80% adalah mereka yang berumur di bawah 80, 40 tahun ke bawah. 40 tahun ke bawah ini adalah mereka yang berusia muda pada kategori sekaranglah. Kalau kita ikut 65 tu baru usia emas ya. Jadi, kebanyakan pemohon rumah PR1MA adalah mereka yang berusia muda 40 tahun ke bawah. Itu yang mereka yang masih muda, dan manakala untuk projek Rumah Makmur yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk golongan pertengahan ini, kita dah daftar sebanyak 2,836 orang. Begitu juga, ini 80% adalah mereka yang berusia di bawah 40 tahun ke bawah. Jadi sebenarnya tidak ada masalah bagi golongan anak-anak muda sama ada di kampung, di FELDA ataupun di bandar-bandar untuk memiliki rumah sendiri kerana pihak kerajaan, terutamanya Kerajaan Negeri yang sentiasa mengambil berat berkaitan dengan er… keperluan rakyat er… menyediakan kawasan perumahan yang banyak. Setakat ini kita masih ada kekosongan lagi ya.

Manakala untuk projek-projek yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, contohnya Syarikat Perumahan Negara (SPNB) dan juga rumah MyBN dulu MyBN ya, *My Beautiful Neighbourhood* bukannya dengan izin, bukannya rumah Barisan Nasional. Diaorang salah faham, dia ingat bila MyBN ni di bawah FELCRA er… pada ketika itu projek di bawah KKLW, Kementerian Luar Bandar menyediakan rumah kepada mereka yang layak yang mempunyai pendapatan rendah yang memiliki tanah-tanah sendiri ataupun tanah yang dipohon oleh pihak Kerajaan Negeri contohnya SPNB Sendirian Berhad. Sejak pilihan raya 9 Mei yang lalu banyak projek-projek yang rumah SPNB, rumah mesra rakyat ni telah ditangguhkan. Apabila jawatankuasa perumahan saya mengadakan mesyuarat apa yang dimaklumkan kami sedang

menunggu bajet walau pun pemohon dah banyak lulus. Kawasan saya sahaja saya ingat ada lebih kurang 30 orang yang lulus dengan tanah masing-masing tetapi tidak ada bajet ya.

Inilah kerajaan baru sekarang tidak memberi perhatian kepada rakyat yang golongan bawah ni yang memerlukan rumah. Dah diluluskan tetapi masih menahan atas alasan sedang mengkaji. Sama ada duit ada atau tak ada kami tak pasti sebab pelaburan yang besar-besar boleh dibuat. Sampai pelaburan di Pakistan RM7 bilion, tak silap saya, apa makluman kita dapat. Nak buat kereta terbang ada duit tetapi rumah rakyat yang berharga dalam RM40 ribu ni kerajaan tidak mempertimbangkan. Saya mohonlah rakan-rakan saya daripada Pakatan membantu kami.

Berkaitan… ada juga beberapa projek yang telah kita telah menerima peruntukan er… di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 sebanyak 700 unit rumah telah disediakan dipanggil rumah er… Projek Rumah Rakyat Dimiliki (PPRM) sebanyak 70 unit di seluruh negeri Pahang. Sekarang ni dalam 60% siap ya, yang ini kita utamakan kepada mereka berpendapatan rendah. Contohnya yang disebut di sini di Kuantan PPR Inderapura 100 unit, PPR Jaya Gading 100, PPR Cherating 100, di Maran PPR Sungai Kemak 100 unit, Jerantut PPR Kuala Tahan… kawasan Tahan ya 100 unit, er… Bentong PPR Simpang Pelangai 200 unit. Semua sekali 700 unit.

Manakala bagi generasi kedua di kawasan FELDA er… pada Mesyuarat er… Majlis Mesyuarat Kerajaan pada bilangan 39/2018 bertarikh 9 Disember 2018 telah bersetuju meluluskan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan bangunan (kediaman) kepada generasi kedua FELDA di atas *Pocket Land* Tanah Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Negeri Pahang dan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan pembangunan (kediaman) kepada generasi kedua, Kampung-kampung Tradisional Negeri Pahang sudah ada Yang Berhormat ya.

Manakala di FELDA sendiri telah berjaya melaksanakan projek Perumahan Generasi Baru Kedua FELDA atau (PGBF) di negeri Pahang di mana 5 projek yang telah layak. Walau bagaimanapun terdapat beberapa tapak yang terbengkalai seperti di Jengka 1, Jengka 6, Jengka 12, Jengka 11, Kota Gelanggi, Bukit Tajau yang mana tapak-tapak ini perlu dibuat kajian semula kerana ia telah lama terbengkalai ya.

Kelulusan pembangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan juga telah tamat dan permohonan semula perlu dikemukakan untuk tujuan pembinaan semula. Ini yang terbengkalai kita kena er… pihak FELDAlah yang bertanggungjawab.

Proses untuk mendapatkan kelulusan ini memakan masa dengan menyediakan semula Pelan Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) ya yang perlu diperolehi oleh daripada pihak PBT er… dan pihak FELDA juga sedang menunggu kelulusan hak milik rumah (PGBF) yang telah dihantar kepada Pejabat Tanah untuk memudahkan pemilikan peserta. Seterusnya peserta akan meletakkan hak milik ini kepada bank tempatan untuk tujuan pinjaman. Hasil pinjaman ini akan digunakan sebagai perbelanjaan untuk pembinaan semula tapak projek yang tersebutlah ya.

Er… ini tindakan dilakukan oleh FELDA juga, di mana bagi projek Rumah Mesra Rakyat FELDA di mana FELDA menyediakan tapak lot dan syarikat SPNB bertanggunjawab membina rumah sebagaimana yang saya sebutkan tadilah ya. Ianya telah ditangguhkan seperti mana kelulusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 282 bertarikh 13 September 2018 selepas Pilihan Raya PR14. Ianya ditangguhkan sehingga mendapat dana sama ada daripada Kerajaan Pusat atau

terdapat pihak negeri dan pihak lain yang sanggup dan berkemampuan menanggung kos pembangunan yang diperlukan untuk projek bagi diteruskan.

Namun sebarang perancangan dan pembangunan FELDA adalah merujuk kepada beberapa perkara seperti berikut:

1. Pelaksanaan Akta Tanah iaitu (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (GSA);
2. Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELDA;
3. Perjanjian di antara FELDA dengan Peneroka dan;
4. Dasar Kerajaan Negeri.

Sehingga kini Dasar Kerajaan Negeri adalah jelas. Kita menyediakan perumahan tetapi dari segi peruntukan pihak Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan ya untuk membantu golongan-golongan ini mendapatkan rumah. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. ENCIK MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih er… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak tanya er… Wakil Kerajaan. Pada hemat er… Lepar, adakah er… penangguhan Rumah Mesra Rakyat yang pada saya Rumah Mesra Rakyat ini memang er… satu rumah yang sangat-sangat selesalah kepada rakyat yang berpat… yang berpendapat er… yang… yang orang panggil er... kampung. Soalan saya, adakah benar dakwaan yang menyebut jika sekiranya Rumah Mesrat Rakyat ini diteruskan, harga yang akan diperkenalkan tidak lagi sebagaimana sebelum ini? Satu.

Yang ke-2, berkenaan dengan Rumah Generasi Kedua atau Generasi Baru FELDA yang terbengkalai disebut tadi, termasuk juga salah satunya di FELDA Sungai Retang di kawasan saya. Jadi setakat ini er… agak-agaknyalah bila orang panggil projek itu akan disambung semula? Sekian, terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mintak laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya minta izin untuk menjawab soalan daripada ADUN Tahan ya. Berkenaan dengan Rumah Mesra Rakyat, saya ingin maklumkan di dalam Dewan Yang Mulia ini, ianya adalah terletak di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sebelum… sebelum 9 Mei, memang Rumah Mesra Rakyat ini merupakan salah satu wow *factor*lah, ramai yang memohon dan kita boleh er… katakan er… setiap permohonan kita proses dan kita angkat dan akan mendapat kelulusan mengikut giliranlah ya.

Maknanya *first in first out*lah, yang mintak dulu dia akan dapat, tetapi setelah berlaku perubahan kerajaan er… Rumah Mesra Rakyat ini sehingga hari ini er… baru-baru ini saya pun ada berjumpa juga dengan menteri, saya bertanya er… katanya di dalam kajian, harga dan sebagainya masih belum diputuskan dan kemungkinan akan besar dan kemungkinan akan di… di*rebranding*lah BR1M boleh jadi BASAH, mesra rakyat jadi mesra alam ke dan sebagainya. Kemungkinan, itu satu.

Berhubung dengan Perumahan Generasi Kedua FELDA, semasa mesyuarat ECER sebelum er… mesyuarat dengan Perdana Menteri, saya ada membangkitkan perkara ini terutamanya di Koyan khasnya dan juga di tempat-tempat lain. Kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Azmin dan beliau telah menyatakan er… perkara ini akan disusun dan dia akan tengok er… *case by case* dan insya-Allah akan dibaiki… akan dibaiki sekiranya mendapat peruntukan. Itu kedudukan semasa ketika ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD

Soalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya er… saya, kita telah diterangkan tentang penangguhan Rumah Mesra Rakyat. Er… soalan saya ialah bagaimanakah Rumah Mesra Rakyat yang telah dilaksanakan tetapi terbengkalai? Er… ada di tempat saya di Kota Bahagia dan soalan… persoalannya ialah geran tanah tu telah di er… diserahkan kepada pemaju, Ini adalah pemaju yang tidak… tidak dapat melaksanakan er… hingga setakat ini dah naik rumput kat rumah yang dibuat tu. Jadi satu yang amat menyedihkan sebab anak ni menumpang rumah ibu, jadi apakah tindakan er… yang dapat kita Kerajaan Negeri bantu untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih keapda ADUN Ibam. Satu soalan yang sangat baik dan tepat pada masanya kerana pada hari Isnin, jam 9.30 pagi, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membuat kunjung hormat kepada saya. Jadi Yang Berhormat boleh bagikan senarai lengkap dan saya boleh kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri pada hari Isnin nanti. Satu soalan aje kan? Ada lagi tak? Satu je ke? Okay. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Menteri Besar. Soalan terakhir kita pada pagi ini, saya jemput Yang Berhormat ADUN Sabai.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua,

Saya Wakil ADUN Sabai kemukakan soalan nombor 10.

[Gerai-gerai Majlis Perbandaran yang tidak beroperasi di Medan Selera Karak.

1.1 Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Perbandaran Bentong untuk memastikan gerai-gerai yang tidak beroperasi tidak disalahgunakan

sebagai stor dan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya ada penyalahgunaan?

1.2 Sekiranya ada gerai yang tidak beroperasi, bolehkah pihak MPB membatalkan kontrak tersebut dan memberikan sewa gerai tersebut kepada peniaga baru?

1.3 Apakah kriteria-kriteria yang diperlukan untuk permohonan baru?]

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… untuk makluman er… Sabai walaupun Sabai tak ada pagi ni, wakil saja ya. Er… sebenarnya dari segi penyewaan gerai-gerai oleh PBT kepada mereka-mereka yang layak memang ada syarat-syarat perjanjian yang perlu ditandatangani. Pertama sekali mestilah menjalankan perniagaan. Kalau tidak menjalankan perniagaan pihak PBT boleh menarik baliklah ataupun kesalahan memberi… menyewa kepada pihak yang lain ataupun dipanggil *sub let,* itu pun satu kesalahan yang kita boleh membatalkan. Mana-mana gerai yang kita telah… telah ditamatkan perkhidmatan pihak PBT akan menawarkan ataupun menguar-uarkan er… gerai-gerai ini kosong kepada orang ramai dan boleh buat permohonan.

Sebagaimana ya soalan yang dikemukakan oleh er… Sabai berkaitan dengan gerai di Medan Selera Karak ya, er… pihak Majlis Perbandaran Bentong telah mengenal pasti dan sehingga kini er… mereka yang tidak beroperasi ini, telah diberi… telah diberi notis untuk penamatan dan untuk kita menyewakan kepada pihak yang lainlah. Er… memang ada perjanjian dikemukakan antara pihak er… apa ni pegerai-pegerai dan juga dengan Majlis untuk memastikan er… mereka ini perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian gerai yang telah dikemukakan oleh pihak… ini dalam kes Majlis Perbandaran Bentong.

Dan kriteria-kriteria yang diperlukan untuk mereka yang memohon gerai-gerai ini adalah warganegara tempatan, Bangladesh tidak bolehlah ya, makna Indonesia pun tidak boleh. Yang kedua, penduduk tempatan maksudnya penduduk tempatan ialah Bentonglah. Keutamaan kepada orang Bentong. Orang Kuala Lumpur nak menyewa memang tak ada, tidak menepati kriterialah. Yang ketiga cukup modal. Cukup modal ni pun ada 2 makna. Kadang-kadang dia hendak er… apa… masa memohon modal cukup bila menjalankan perniagaan tak ada modal yang itu dia menyewakan kepada orang lain untuk mendapat keuntungan yang bergandalah ya, cukup modal. Yang keempat adalah ada pengalaman pernah meniaga, kalau tak ada pun mungkin boleh diberi peluang ya. Yang kelima mempunyai minat yang tinggi untuk menjalankan perniagaan ya, bukan setakat hangat-hangat tahi ayam, buka sebulan lepas tu tutup setahun, ya.

Dan yang terakhirnya mas… masih tidak mempunyai gerai yang meniaga. Orang yang betul-betul memerlukan gerai untuk meniaga yang ini kita buka, ini syarat yang… PBT lain pun sama. Jadi orang ramai boleh memohon berdasarkan kriteria dan mana-mana gerai yang kosong tu boleh buat terus permohonan kepada pihak… dalam kes ini di Majlis Perbandaran Bentonglah. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Berdehem]. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada pagi ini dan persidangan akan disambung semula jam 11.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan Jam 11.30 pagi]

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan Majlis ialah satu Usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Undangan Negeri"**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun disokong dan dibahaskan pada 16, 17 dan 18 April 2019. Seterusnya pihak kerajaan telah pun memberikan jawapan-jawapan pada hari Khamis, 18 April 2019. Sekarang saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjawab dan memberi pandangan serta ulasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan usul tersebut. Sila Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung dan ini membolehkan saya menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan serta jawatankuasa-jawatankuasa di bawah saya sempena dengan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Keempat Belas pada hari ini. Penggulungan ini adalah sebagai menjawab kepada pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa sesi perbahasan bagi usul menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Isnin lepas 15 April 2019.

Pertama sekali saya mengucapkan banyak terima kasih atas kerjasama semua sepanjang perjalanan persidangan Dewan Negeri Yang Mulia ini. Begitulah amalan kita sejak dari dahulu mengutarakan pandangan secara saksama, mendahulukan hal yang lebih penting. Semuanya mengikut aturan dan peraturannya sehinggalah segalanya mencapai maksud yang diinginkan. Semua hasrat dan objektif tercapai, semua matlamat tercapai. Mudah-mudahan Allah SWT memudahkan segala urusan kita. Segalanya diberi jalan keluar seperti yang kita saksikan sekarang. Begitulah hendaknya doa kita agar Allah mengurniakan rahmatnya kepada kita semua serta memberkati Dewan Yang Mulia ini. Sebelum saya memulakan penggulungan ini ingin saya sentuh serba sedikit mengenai *tagline,* dengan izin atau slogan yang saya guna pakai sejak mula menduduki kerusi Ketua Eksekutif negeri ini iaitu 'Maju Terus Pahang'.

Menjelang tempoh satu tahun selepas PRU Ke-14, Pahang akan mengorak langkah untuk menjadi negeri yang terus *sustain,* dengan izin walaupun sebagai negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang di Malaysia. Pahang bukan sahaja mampu *sustain* malah kita akan terus memacu hala tuju negeri Pahang ke arah menjadi negeri yang maju suatu hari nanti. Inilah yang cuba diterapkan melalui *tagline* saya iaitu 'Maju Terus Pahang'. Ianya adalah satu *tagline* yang bertujuan untuk membawa negeri Pahang menjadi sebuah negeri yang berdaya saing serta mampu berdikari dengan sumber ekonomi yang mampan, pengurusan sumber dan pentadbiran yang cekap dalam suasana yang aman bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat yang berbilang kaum. 'Maju Terus Pahang' ini perlu dicapai dengan berteraskan 5 teras utama.

Pertama ialah perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum. Perpaduan kaum merupakan asas penting kepada pembangunan sesuatu masyarakat dan negara. Justeru sebagai negeri yang berhasrat mencapai kemajuan, pengukuhan perpaduan antara kaum di negeri Pahang perlu diperkasakan. Penting untuk setiap kaum memahami dan menghormati antara satu sama lain serta saling menerima perbezaan. Kerajaan negeri Pahang akan memastikan semua lapisan kaum dan masyarakat di negeri Pahang diberi layanan yang adil dan saksama. Semua lapisan kaum akan mendapat akses yang sama terhadap segala bantuan dan perkhidmatan daripada pihak kerajaan. Semua kaum hidup ibarat abang dengan adik di negeri Pahang yang bertuah ini. Apabila perpaduan ini dicapai maka urusan pembangunan negeri akan berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

Teras yang kedua ialah kemajuan ekonomi berasaskan pertanian dan penambahan nilai. Seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Pemangku Raja Pahang dalam titah ucapan baginda semasa pembukaan sidang Dewan Negeri tempoh hari, baginda memberikan penekanan kepada aspek pembangunan sektor pertanian yang menjadi antara pemacu utama kemajuan dan pembangunan negeri Pahang. Selaras dengan itu Kerajaan Negeri Pahang akan terus berusaha memajukan sektor pertanian melalui Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang dan agensi-agensi yang berkaitan seperti Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang. Saya menyeru agar terus mengembleng idea bagi meningkatkan penghasilan dan pengeluaran hasil pertanian di negeri Pahang melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti hiliran bagi produk pertanian sedia ada seperti sawit, produk-produk tenusu dan buah-buahan. Ekonomi berasaskan pertambahan nilai atau *value added* ini boleh dicapai melalui input teknologi dan kaedah pemasaran yang cekap. Penggunaan teknologi seperti yang digunakan di negara Eropah perlu diberi perhatian agar produktiviti sektor pertanian dapat dipertingkatkan.

Teras ketiga ialah kemajuan berasaskan keilmuan. Pembangunan Modal Insan menjadi teras kepada tiang seri pembangunan sesebuah masyarakat. Sesebuah negeri hanya akan benar-benar maju dan berjaya apabila disokong oleh rakyat yang berilmu. Kerajaan Negeri Pahang akan terus memberi penekanan kepada aspek pendidikan dan melahirkan masyarakat yang berilmu. Dalam aspek ini Yayasan Pahang akan terus diperkasa dan akan terus menyumbang kepada Pembangunan Modal Insan anak-anak di negeri Pahang melalui pemberian biasiswa, pinjaman, bantuan dan sebagainya bagi memberi peluang seluas-luasnya kepada anak negeri Pahang menimba ilmu dan seterusnya menjadi teras kepada pembangunan negeri Pahang itu sendiri. Yayasan Pahang selama ini bermula daripada tahun 1983 hingga 2019 telah memperuntukkan peruntukan yang besar sebanyak RM1.2 billion. Melalui 'Maju Terus Pahang', Kerajaan Negeri Pahang akan memastikan bantuan-bantuan pendidikan ini bukan sahaja diteruskan malah kita akan usahakan untuk ditambah dan diluaskan skopnya supaya lebih ramai rakyat Pahang boleh mendapat manfaatnya.

Teras keempat kemajuan berasaskan teknologi baru. Kemajuan teknologi akan meningkatkan keupayaan produktiviti negeri sama ada daripada segi teknologi industri ataupun digital. Ia juga mampu menjadikan masyarakat negeri ini lebih berdaya saing dan sentiasa peka dengan perkembangan dan peredaran dunia semasa. Melalui kemajuan teknologi, masyarakat negeri Pahang tidak akan ketinggalan dalam arus pemodenan selaras dengan Revolusi Industri 4. Revolusi Industri 4 merupakan revolusi digital dengan teras utamanya melibatkan kecerdasan buatan atau *artificial intelligence*. Menerusi teknologi ini akan mampu menjadikan masyarakat di negeri ini sebagai masyarakat yang maju. Bagi melaksanakan hasrat untuk menuju ke arah ekonomi digital dan mengambil peluang hasil baru daripada aktiviti berkaitan teknologi hijau, Kerajaan Negeri akan menubuhkan dua jawatankuasa kerja yang baru di peringkat negeri berkaitan dengan ekonomi digital dan teknologi hijau.

Teras yang terakhir ialah kemajuan berasaskan kepercayaan agama dan moral. Dalam rangka meningkatkan kemajuan negeri Pahang kepelbagaian budaya dan agama perlu dipertahankan berasaskan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Penghayatan nilai-nilai akhlak yang tinggi akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat majmuk. Ia juga akan menjadikan bangsa itu lebih dihormati dan disegani. Kemajuan ekonomi dan teknologi negeri akan berjalan selari dengan keluhuran budaya dan ketinggian akhlak masyarakat yang berbilang kaum. Di samping itu bagi mencapai kemajuan moral, kadar jenayah mestilah dikurangkan. Tindakan tegas daripada pihak berkuasa mestilah disegerakan dalam menangani gejala sosial seperti perjudian, pelacuran dan LGBT.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Daripada segi ekonomi keseluruhannya, Kerajaan Negeri tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada sumber-sumber semula jadi seperti mineral, balak serta komoditi tradisional seperti getah dan sawit sebagai hasil pendapatan. Persoalannya sekarang apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menerokai sumber-sumber baru dalam menambah hasil pendapatan yang lebih *sustainable* di masa-masa yang akan datang?

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Jawapannya ialah pada ekonomi digital. Pengurusan aset dan hartanah, tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui, pelancongan kesihatan dan pelancongan sukan...

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Pahang Go merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam memanfaatkan ekonomi digital kerana ia bakal mengubah cara perniagaan dijalankan serta blok rantaian urus niaga atas talian dan transaksi tanpa tunai yang akan menjadi ekosistem keusahawanan dan perniagaan dan ia pula adalah selaras dengan perkembangan *trend* industri Revolusi 4. Manakala dengan penubuhan Pahang Corporation, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sepatutnya ialah Pahang Investment Corporation tetapi er…apabila kita kemukakan untuk penubuhan Pahang Investment Corporation kita diminta untuk menjelaskan apakah *investment* yang perlu dibuat di negeri Pahang.

Setelah kita perjelaskan, pihak Kementerian Kewangan tidak berpuas hati dan masih er… bertanyakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut dan akhirnya saya telah mengambil keputusan kita buang perkataan *investment*, kita buat Pahang Corporation [batuk] dan dalam masa dua minggu sahaja Pahang Corporation telah pun ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan penubuhan Pahang Corporation, ia bakal menjadi agensi penyelaras bagi memperkemaskan operasi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri ataupun (State GLC) yang melibatkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan perkongsian serta khidmat audit, kesetiausahawan, insuran dan latihan. Selain itu, Pahang Corporation juga bakal menjadi agensi pengurusan aset-aset Kerajaan Negeri seperti kenderaan, bangunan dan peralatan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri juga amat komited dalam memelihara alam semula jadi. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan mengeksploitasikan aktiviti pertanian tempatan kepada produk-produk hiliran. Contohnya buah sawit yang diproses boleh dijadikan bahan seperti sabun mandi, minyak masak serta marjerin. Kerajaan Negeri mengalu-alukan pihak swasta yang berkemahiran dalam menjayakan usaha ini. Tenaga boleh di… boleh juga merupakan antara perkara yang boleh diusahakan yang turut boleh meningkatkan hasil pendapatan negeri. Misalnya sisa buangan atau sampah domestik boleh diproses menjadi bahan seperti baja. Negara-negara Eropah mempunyai teknologi untuk menghasilkan produk-produk sampingan maka Kerajaan Negeri akan cuba untuk menarik pelabur dari negara-negara tersebut untuk di… menceburkan diri dalam aktiviti ekonomi ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pelancongan sukan merupakan antara sektor yang sedang berkembang di peringkat global dalam industri pelancongan dengan menganjurkan acara atau festival sukan yang bertaraf kebangsaan ataupun antarabangsa di lokasi-lokasi pelancongan di sekitar Pahang. Ianya akan mampu menjana kedatangan pelancong berkunjung ke negeri ini. Bukan setakat itu sahaja, dengan mengadakan acara sukan sebegini pastinya menarik minat… pastinya menarik peminat-peminat sukan dari dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya izinkan saya mengambil sedikit masa untuk menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun saya tidak mungkin dapat menjawab kesemuanya secara lisan. Walau bagaimanapun saya cuba memberi jawapan secara bertulis sekiranya ada daripada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab pada pagi ini.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Sungai Lembing antara lainnya membangkitkan soal keperluan mempercepatkan kebenaran aktiviti-aktiviti perlombongan ataupun pengeluaran bauksit di Kuantan. Setelah pendenga… pendengaran awam mengenai Prosedur Operasi Standard ataupun SOP bagi aktiviti pengeluaran, pengangkutan dan pengeksportan diadakan pada Sabtu, 14 April lepas di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, saya difahamkan bahawa maklum balas sedang diteliti oleh Kementerian Air dan… Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.
Hanya setelah penelitian dan kemungkinan penambahbaikan lagi seterusnya memuktamadkan SOP berkenaan barulah dijangkakan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli membuat pengumuman tentang tarikh sebenar kerja-kerja pengeluaran, pengangkutan dan pengeskportan bahan mineral berkenaan boleh dimulakan.

Sebelum pengumuman tersebut dibuat, saya berharap para pemegang taruh ataupun dengan izin *stakeholders* termasuklah para peneroka rancangan tanah FELDA yang tanah-tanah mereka turut terlibat dengan perlombongan bauksit ini dapat bersabar sedikit masa.

Ahi Yang Berhormat Sungai Lembing juga mengadukan berkenaan dengan hal pekan Sungai Lembing yang sering keputusan bekalan air ekoran kejadian paip-paip usang yang sering pecah. Masalah ini sebenarnya tidak terhad kepada pekan Sungai Lembing sahaja tetapi di kebanyakan kawasan lain. Oleh sebab itulah penstrukturan semula sistem bekalan air di negeri adalah penting ke arah mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Yang Berhormat daripada Beserah juga membangkitkan mengenai aktiviti bauksit dengan mencadangkan agar Perbadanan kemajuan Negeri Pahang sebagai *One Stop Agency* yang dapat memainkan peranan mengawasi keseluruhan aktiviti tersebut. Kerajaan Negeri turut bersetuju dengan cadangan ini malah Kerajaan Negeri juga bersetuju agar sebuah jawatankuasa pengawasan ditubuhkan melibatkan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang akan turut dianggotai oleh PKNP sendiri.

Yang Berhormat daripada Kemayan telah membangkitkan antara lain mengenai Pahang Corporation dengan saranan agar Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik mestilah yang betul-betul layak dan profesional serta yang tiada penglibatan politik. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kemay… Kemayan, pencarian Ketua Pegawai Eksekutif ini masih dilakukan dengan beberapa orang telah disenaraipendekkan. Sukacita saya memberi jaminan bahawa yang terpilih nanti tentunya yang berkelayakan dan profesional yang akan memastikan kejayaan Pahang Corporation, insya-Allah.

Manakala Yang Berhormat daripada Pulau Manis menyuarakan tentang kos melepas yang Kerajaan Negeri hadapi daripada mengorbankan tanahnya untuk dijadikan kawasan tadahan air lalu meminta Kerajaan Negeri meneruskan usaha bagi mendapatkan pampasan atas pengorbanan tersebut. Sesungguhnya Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius terhadap saranan ini. Ini sepertimana saya pernah sebut dalam Dewan Mulia pada pagi Selasa lepas betapa Kerajaan Negeri menanggung kos melepas kira-kira RM17.1 bilion akibat pengorbanan Kerajaan Negeri dalam memperuntukkan kira-kira sejuta hektar tanah di negeri ini sebagai kawasan tadahan air serta tapak pembinaan Empangan Klau.

Sesungguhnya Pahang merupakan juara dalam tiga perkara daripada segi pengorbanan tanahnya untuk kepentingan nasional. Selain Pahang mengorbankan tanah yang paling luas untuk hutan dan kawasan tadahan air, Pahang juga menyediakan tanah dan kawasan yang paling luas untuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan ataupun TKPM. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya menghadiri Mesyuarat Majlis Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Dalam mesyuarat tersebut, telah diumumkan bahawa negeri Pahang adalah negeri yang paling banyak me*reserve*kan tanah seluas 2 juta hektar bagi kawasan berhutan (Ahli Dewan menepuk meja). Di Semenanjung Malaysia kita yang pertama.
Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Yang kedua bagi kawasan tadahan air, negeri Pahang juga yang pertama paling banyak memperuntukkan tanah untuk kawasan tadahan air sebanyak 258,952 hektar

(Ahli Dewan menepuk meja) dan kira-kira 5,157 hektar yang diperuntukkan untuk TKPM. Ketiga-tiga ini di Semenanjung Malaysia ini kita adalah yang paling tinggi sekali dan saya ingin nyatakan di sini sesungguhnya kejayaan ini merupakan hasil legasi pemimpin-pemimpin negeri yang lepas termasuklah Yang Berhormat daripada Pelangai (Ahli Dewan menepuk tangan) yang memerintah negeri Pahang selama 19 tahun.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya insya-Allah akan berusaha dengan sedaya upaya untuk meneruskan usaha serta legasi yang baik ini. Sehubungan dengan itu jugalah, pampasan seharusnya Kerajaan Negeri terima atas pengor… pengorbanan ini hendaklah berpatutan. Oleh sebab Kerajaan Persekutuan telah pun mengiktiraf pengorbanan Kerajaan Negeri ini, kita… Kerajaan… Kerajaan Persekutuan sepatutnya memberikan kelulusan yang semestinya lebih memihak kepada Kerajaan Negeri sama ada dal… dalam bentuk diskaun hutang ataupun projek-projek pembangunan yang lebih banyak yang boleh dibawa ke negeri ini.

Yang Berhormat daripada Pulau Manis juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengkaji kesesuaian membenarkan pembayaran cukai tanah secara sekali gus untuk tempoh 5 tahun atau lebih bagi mereka yang berkemampuan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri mengalu-alukannya. Berdasarkan Kanun Tanah Pahang, ianya dibenarkan oleh Kanun Tanah Pahang di mana pembayaran cukai tanah boleh dijelaskan untuk tempoh melebihi sesetahun tetapi tidak boleh melebihi 10 tahun.

Yang Berhormat daripada Tras pula telah menyatakan penghargaannya atas keputusan Kerajaan Negeri pimpinan Barisan Nasional memberi peruntukan pembangunan sebanyak RM30 ribu secara *one off* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang pada tahun lepas. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tras dan rakan-rakan dari Pembangkang, Kerajaan Negeri kira-kira seminggu yang lalu telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM30 ribu kepada setiap ADUN Pembangkang di negeri Pahang ini (Ahli Dewan menepuk meja) dan andainya kutipan hasil kita melepasi sasaran tidak mustahil peruntukan ini akan ditambah sedikit lagi.

Seterusnya Yang Berhormat daripada Semambu membangkitkan soal… perkara… soal peruntukan yang sama dan saya telah nyatakan tadi bahawa perkara ini telah kita luluskan pada er… minggu yang lepas. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ber… bersikap bertimbang rasa terhadap Pihak Pembangkang dan ini juga menunjukkan sesungguhnya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah berada dalam keadaan yang sihat. (Ahli Dewan menepuk meja)

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Peramu Jaya antara lain telah menimbulkan soal pulau jadian di Sungai Pahang terutamanya di bahagian berdekatan dengan Jambatan Sultan Abu Bakar dan mencadangkan agar kerja-kerja pengorekannya hendaklah dilakukan dengan menggunakan teknologi moden yang boleh meminimumkan gegaran agar tidak merosak atau meruntuhkan struktur jambatan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap cadangan ini dan akan meminta Jabatan Pengairan dan Saliran membuat kajian mengenainya. Begitu juga Yang Berhormat daripada Sabai, telah menyarankan agar Kerajaan Negeri memberikan geran ataupun pemilikan tanah kepada penduduk Kampung Sungai Cerpa, Karak yang menurutnya telah bertahun-tahun menduduki

kawasan tersebut. ADUN Triang juga membangkitkan perkara yang sama yang melibatkan penduduk di Paya Lang. Bagi menjawab pertanyaan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini, saya nak katakan bahawa bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memberi hak milik kepada penduduk yang menduduki tanah kerajaan secara tidak sah. Walau bagaimanapun penduduk berkenaan boleh mengemukakan permohonan melalui Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Selain daripada itu, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang tindakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang telah melakukan perkara-perkara yang telah menghina kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Kerajaan Negeri amat memahami akan sentimen Ahli-ahli Yang Berhormat serta sebahagian besar penduduk negeri ini mengenai isu penghinaan ini. Dalam hal ini suka saya umumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 April lepas telah bersetuju meluluskan penambahan syarat kelulusan permit dan lesen perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan dan semua jabatan serta agensi-agensi kerajaan di negeri Pahang yang mengeluarkan permit dan lesen seperti berikut:

> "Hendaklah pada setiap masa menunjukkan hormat dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong"

dan keputusan adalah berkuat kuasa serta-merta. Andainya berlaku perlanggaran kepada keputusan ini maka permit dan lesen perniagaan berkenaan akan ditarik balik. Adalah diharapkan dengan syarat tegas yang dikenakan ini dapat menjadikan langkah-langkah pencegahan yang berkesan bagi menangani dan mengatasi gejala ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Pelangai yang juga bekas bos saya telah turut menyertai sesi perbahasan dan antara lainnya membantu menjelaskan lagi mengenai kedudukan hutang Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat daripada Pelangai juga saya ucapkan terima kasih kerana telah memuji kepimpinan saya yang mana menurut beliau telah menunjukkan kualiti yang baik sungguh pun kira-kira setahun saya menjadi Menteri Besar. Saya amat menghargai pujian ini seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali juga sebelum ini Yang Berhormat ADUN Pelangailah yang bertanggungjawab membawa saya menjadi Wakil Rakyat sehingga saya berada di sini pada hari ini (Ahli Dewan menepuk meja). Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Pelangai. Untuk tujuan itu saya ingin menghadiahkan satu pantun kepada Yang Berhormat.

> Pisang emas dibawa belayar,
> Masak sebiji di atas peti,
> Hutang emas boleh kubayar,
> Hutang budi kubawa mati. (Ahli Dewan menepuk meja)

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekian sajalah penggulungan saya, saya berharap saya telah menjawab sebahagian besar soalan yang ditujukan kepada saya yang mana saya turut juga mengetuai jawatankuasa-jawatankuasa negeri yang berkaitan seperti tanah dan sebagainya. Saya juga berharap apa yang telah saya jawab ini adalah memadai. Jika masih ada

yang belum berjawab insya-Allah saya akan memberi jawapan secara bertulis dengan maklumat dan butiran yang lebih terperinci akan saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian saja saya akhiri dengan wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Ahli Dewan menepuk meja).

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah dicadang dan disokong. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan di Dewan ini untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan "Ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Kertas-kertas Yang Dibentangkan.

Bilangan 1 Tahun 2019
Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019

Bilangan 2 Tahun 2019
Memorandum Perbendaharaan Tambahan Pertama Belanja Mengurus Tahun 2019

Bilangan 3 Tahun 2019
Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 – Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Siri 2.

Bilangan 4 Tahun 2019
Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 – Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pahang

Bilangan 5 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Perbandaran Kuantan

Bilangan 6 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Perbandaran Temerloh

Bilangan 7 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Perbandaran Bentong

Bilangan 8 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Pekan

Bilangan 9 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Lipis

Bilangan 10 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Jerantut

Bilangan 11 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Cameron Highlands

Bilangan 12 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Maran

Bilangan 13 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Rompin

Bilangan 14 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Bera

Bilangan 15 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Majlis Daerah Raub

Bilangan 16 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser

Bilangan 17 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

Bilangan 18 Tahun 2019
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Bilangan 19 Tahun 2019
Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Pahang Tahun 2013

Bilangan 20 Tahun 2019
Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Pahang Tahun 2014

Bilangan 21 Tahun 2019
Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Pahang Tahun 2015

Bilangan 22 Tahun 2019
Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Pahang Tahun 2016

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima - Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Bismillahhirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981.

BACAAN KALI KEDUA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan, Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981", dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Fasal 1;
Fasal 2:
Dan Fasal 3;

YB. PENGERUSI

Fasal 1;
Fasal 2:
Dan Fasal 3;
Dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa,
Fasal 1;
Fasal 2:
Dan Fasal 3; jadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan.
Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada.
Fasal 1;
Fasal 2;
Dan Fasal 3; menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa

> "**Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1981" telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan"**

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang."

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keenam: Penangguhan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Alhamdulillah saya bersyukur kehadrat Allah SWT kerana pada tengah hari ini kita sama-sama dapat hadir pada... pada hari terakhir bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Tempoh persidangan kita adalah selama lima hari bermula dari hari Isnin 15hb dan kita juga dapat menyaksikan Istiadat Pembukaan yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Inilah julung-julung kalinya baginda berangkat merasmikan Dewan Negeri Yang Mulia kali ini sejak pelantikan baginda sebagai Pemangku Raja Pahang. Ini adalah berikutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah dimasyhurkan sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 31 Januari yang lepas.

Sepertimana sembah tahniah yang telah dipersembahkan kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah serta juga kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah sebelum ini.

Maka saya membaharui ucapan sembah tahniah saya sekali lagi kepada Dewan Yang Mulai ini. Patik doakan semoga Allah SWT sentiasa memberkati pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku demi negara dan negeri yang tercinta. Sebagai langkah sulung, Titah Diraja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dalam menyempurnakan Istiadat Pembukaan Isnin lepas menjadi tumpuan luar biasa dalam kalangan patik pacal-pacal sekalian.

Dengan nada yang teratur, jelas dan tegas, setiap bait Titah tutur Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku diikuti dengan penuh minat yang mendalam. Hinggalah pada akhir 27 minit Titah Diraja ini patik pacal-pacal sekalian tiadalah apa yang hendak diperkatakan. Cuma keter... keterujaan dan kesanjungan betapa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah melepasi penampilan sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku *with flying colours,* dengan izin.

Oleh itu saya mohon pihak urus setia Dewan Negeri merakamkan dan merekodkan ucapan tahniah tidak terhingga kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang atas Titah Diraja ini.

Yang Berhormat TuanYang di-Pertua,

Melalui tempoh lima hari persidangan kita, saya harus sekali lagi mengakui betapa... betapa gembiranya saya hadir sepertimana juga pada tiga mesyuarat Dewan Negeri sebelum ini dalam tempoh saya sebagai Menteri Besar.

Saya boleh menyatakan begini sungguh pun di sebalik hakikat bahawa jumlah Ahli Yang Berhormat daripada parti memerintah yang saya wakili ialah seramai 25 orang. Cuma lebih 8 orang daripada Ahli Yang Berhormat daripada parti-parti pembangkang seramai 17 orang. Selain Ahli-ahli Yang Berhormat telah menunjukkan penghormatan tinggi kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalannya dan sentiasa akur kepada apa jua yang ditetapkan oleh *Speaker* dan Timbalan *Speaker.* Amalan hormat-menghormati ini saya dapati terus ditunjukkan pada saya selaku Menteri Besar dan saya amat hargai sambil sentiasa mengingatkan di... diri saya yang mana saya boleh ungkapkan melalui satu pantun:

Tanamlah padi kerjanya lelah,
Buat menyara seisi rumah,
Hadirlah walau seribu masalah,
Kita atasi dengan berhemah. [Ahli Dewan menepuk meja]

Selain itu juga, saya turut mendapati amalan hormat-menghormati ini juga berlaku sesama Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Ini semua dapat saya simpulkan betapa wujudnya satu jenis suasana kekeluargaan yang besar sesama kita Ahli Yang Berhormat yang boleh dikatakan sudah merentasi sempadan politik atau *beyond political device*, dengan izin. Sesungguhnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah mempamerkan kematangan berhujah, kebijaksanaan memberi pendapat, bernas dan bijak. Sama ada di pihak Parti Kerajaan mahu pun Pembangkang, sehinga seolah-olah tiada Pembangkang dalam Dewan Negeri ini kerana apa yang juga yang diutarakan merupakan hujah-hujah yang bernas demi kebaikan rakyat jelata negeri ini.

Saya percaya suasana menyenangkan ini dalam tempoh 5 hari pada persidangan kita pada kali ini tidaklah terhenti setakat ini sahaja. Ianya hendaklah diteruskan pada persidangan-persidangan yang akan datang. Dengan ini sahajalah akan dapat terus menjamin natijah dan kesan yang baik selama kita berada dalam Dewan Yang Mulia ini, insya-Allah.

Untuk itu saya er… hari ni saya banyak pantun sikit Yang di-Pertua. Boleh ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat. Sedap pantun. Sila.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Untuk itu saya hadiahkan pantun ini kepada semua Ahli-ahli Dewan.

Pasang lukah di pergentingan,
Letak bemban di atas para,
Kalau ini semangat yang ditunjukkan,
Majulah negeri berkatilah negara.

(Ahli Dewan menepuk meja)

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Mengambil kesempatan berada pada penghujung persidangan kita pada kali ini, sukacita saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua sehinggalah kepada Setiausaha Dewan dan serta kakitangan-kakitangan di bawahnya. Atas komitmen tinggi dan kerja keras merekalah maka persidangan Dewan kita ni dapat berjalan dengan lancar.

Kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengendalikan perjalanan Dewan Negeri ini dengan begitu kemas sekali saya hendak hadiah pantun lagi. Ini khas untuk Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Khas untuk saya ya.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh dan Timbalan juga.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

…dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua.

Tinggi-tinggi pohon mangga,
Patah dahannya dimakan api,
Terima kasih tidak terhingga,
Lepas ni bolehlah saya belanja kopi.

Ucapan terima kasih juga kepada Yang Hormat Ketua-ketua Jabatan Kerajaan serta agensi-agensi kerajaan yang telah hadir setiap hari serta menyediakan butiran yang diperlukan kepada pihak kerajaan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan. Saya juga turut berterima kasih kepada anggota-anggota Polis Diraja Malaysia yang memberikan khidmat keselamatan serta kru kesihatan dengan sebuah ambulans *standby* demi menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada yang memerlukan.

Turut tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan dengan sempurnanya Istiadat Pembukaan Persidangan kali ini. Ini meliputi pasukan perbarisan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia sehinggalah kepada petugas-petugas Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Kuantan yang terlibat dalam kerja-kerja persiapan tempat. Sudah tentulah ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya juruskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang secara berhemah dan budiman, berbahas dan terlibat aktif dalam sesi soal jawab serta perbahasan.

Selepas ini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat kembalilah ke kawasan masing-masing dan berkhidmatlah sebaik-baiknya demi memastikan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat yang kita masing-masing wakili. Semoga kita dapat berjumpa lagi dalam suasana yang serupa sepertimana tempoh persidangan lima hari ini pada persidangan yang akan datang, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hanya lebih kurang 2 minggu sahaja lagi umat Islam akan berada pada bulan puasa, bulan Ramadan al-Mubarak. Oleh itu, sukacita saya ucapkan er… selamat berpuasa dengan doa agar puasa kali ini lebih mabrur dan sempurna daripada tahun sebelumnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pesan isteri belilah lokan,
Lokan dicari di pasar pagi,
Hari ini pisahlah rakan,
Panjang umur berjumpa lagi.

Sekali lagi saya ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua kerana menjayakan persidangan kita pada kali ini. Dengan ini saya mencadangkan supaya Persidangan Dewan Negeri Keempat Belas bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua ini ditangguhkan. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Ahli Dewan menepuk meja).

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulilah saya juga bersyukur kehadrat Allah SWT persidangan kita telah selamat disempurnakan. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, media dan permerhati yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan komitmen yang tinggi kepada kami dan sekali gus mencerminkan kelancaran, kesempurnaan dan kejayaan kita bersama.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat melontarkan idea-idea yang bernas, walaupun terdapat salah tafsiran di sana-sini. Namun kita bermuafakat bagi menjayakan keharmonian dan kedamaian rakyat dan semua golongan tetap dipertahankan. Semuanya ini tidak datang bergolek atau melayang. Sudah pasti suasana ini wujud atas rasa keinsafan, kebijaksanaan dan kematangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang meletakkan Dewan Yang Mulia ini sebagai manifestasi rakyat dan lebih pastinya mentaati serta menghayati titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang tempoh hari agar perbahasan secara berhemah, bertanggungjawab dan memberi pandangan yang kritis menjadi budaya murni perlu dipertahankan.

Saya amat gembira kebebasan Dewan dan kemuliaan Dewan telah dipraktikan dengan lebih baik lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat telah meletakkan *Standing Orders,* dengan izin, Peraturan Mesyuarat sebagai panduan dan pedoman telah dihayati sepenuhnya. Sama ada anda di pihak kerajaan atau di pihak bukan kerajaan tetapi matlamat pokok untuk membina masa depan negeri dan mensejahterakan rakyat tetap

menjadi agenda kita bersama. Kejayaan di Dewan boleh disinergikan kepada kejayaan pihak kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita.

Apa yang berada di luar Dewan pastinya membentuk gambaran di dalam Dewan ini. Hampir setahun Yang Amat Berhormat mengambil alih kepimpinan negeri, benih-benih budaya maju dan mulia sedang mengalir dalam jiwa kita bersama. Antaranya menepati masa, lemah lembut, tenang, berhemah, suka mendengar, dedikasi, diplomasi, bertimbang rasa, bekerja satu keluarga dan satu pasukan. 'Tiada janji, lihat bukti', 'Maju Terus Pahang' adalah budaya aras tinggi yang perlu kita sokong bersama-sama. Benarlah kata bidalan lama:

Kalau memilih tempat mandi,
Pertama teluk kedua pantai,
Kalau memilih pemimpin negeri,
Pertama elok kedua pandai.

Kalau membasuh kain baju,
Jangan dikoyak baju sutera,
Pemimpin pandai negeri maju,
Memimpin elok rakyat sejahtera.

Pantun khusus untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar,

Pakai songkok pakai topi,
Minum petang minum pagi,
Bukan sekadar belanja kopi,
Malah boleh *full house* sekali lagi.
(Ahli Dewan ketawa dan menepuk meja)

Akhir kata saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pembantu-pembantu di belakang tabir yang telah bertungkus-lumus bersungguh-sungguh membantu dan melancarkan lagi perjalanan Dewan ini. Terima kasih kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesiahatan Negeri, Jabatan Kerja Raya, TNB dan banyak lagi jabatan-jabatan yang tak dapat saya senaraikan di sini. Terima kasih urus setia Dewan, petugas-petugas *handsard*, bilik rakaman dan semua yang turut membantu.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendoakan selamat pulang ke pangkuan keluarga. Sudah pasti seminggu tidak kelihatan di kawasan, rasa rindu kepada penyokong dan rakyat tak dapat dipisahkan. Yang Berhormat adalah penghubung, Yang Berhormat adalah model, Yang Berhormat adalah pohon rendang di kawasan masing-masing untuk rakyat tumpang berteduh. Rakyat masih memerlukan dakapan dan sentuhan daripada Yang Berhormat. Berkhidmatlah dengan wajah yang senyum, jiwa yang besar, hati yang penuh ikhlas, integrity, Yang Berhormat adalah pelakon utama memakmurkan negeri ini dan mensejahterakan rakyat. Yang Berhormat jauh di hati rakyat pasti akan ditolak dan dibenci rakyat.

Perahu sudah di air,
Pendayung sudah ditangan,
Berhati-hatilah belayar,
Dan pandai-pandailah mendayung.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama membaca surah Al-Asr, mudah-mudahan perhimpunan dan persidangan kita mendapat rahmat daripada Allah SWT [Bacaan Ayat al-Quran]. Persidangan kita ditempohkan, jam sudah menunjukkan 12.28 tengah hari. Sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Persidangan dtangguhkan pada jam 12.28 tengah hari]